Memandangkan mentor usahawan dalam kalangan ahli akademik yang kompeten adalah berpotensi untuk merealisasikan kemenjadian usahawan graduan, maka penyelidikan ini menghasilkan satu kerangka kompetensi mentor usahawan dalam kalangan pensyarah agar menjadi garis panduan pihak berkepentingan dalam membangunkan mentor usahawan yang bukan dalam kalangan usahawan berjaya.

1.5 Objektif Penyelidikan

Secara khusus, penyelidikan ini dijalankan untuk mencapai enam objektif berikut:

1) meneroka personaliti pensyarah mentor, yang berjaya membimbing menti melestarikan perniagaan.
2) menyelidik pengalaman pensyarah mentor, yang berjaya membimbing menti melestarikan perniagaan.
3) menyelidik kemahiran pensyarah mentor, yang berjaya membimbing menti melestarikan perniagaan.
4) menyelidik ilmu pengetahuan pensyarah mentor, yang berjaya membimbing menti melestarikan perniagaan.
5) meneroka sumber inspirasi/motivasi (psikospiritual Islam) yang menjadikan pensyarah mentor bersungguh-sungguh menjalankan tanggungjawab sebagai mentor.
6) mencadangkan kerangka model kompetensi pensyarah mentor usahawan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Persoalan Penyelidikan

Berdasarkan objektif penyelidikan, penyelidikan ini dijalankan bagi mencapai enam persoalan penyelidikan. Berikut adalah persoalan penyelidikan bagi penyelidikan ini.

1) Bagaimanakah personaliti pensyarah sebagai mentor usahawan, menyumbang kepada kelestarian perniagaan menti?
2) Bagaimanakah pensyarah menggunakan pengalaman, semasa pementoran usahawan pemula bagi menyumbang kepada kelestarian perniagaan menti?
3) Bagaimanakah pensyarah menggunakan kemahiran, semasa pementoran usahawan pemula bagi menyumbang kepada kelestarian perniagaan menti?
4) Bagaimanakah pensyarah menggunakan pengetahuan, semasa pementoran usahawan pemula bagi menyumbang kepada kelestarian perniagaan menti?
5) Bagaimanakah pensyarah menggunakan psikospiritual Islam, semasa pementoran usahawan pemula bagi menyumbang kepada kelestarian perniagaan menti?
6) Apakah kerangka model kompetensi mentor usahawan pemula dalam kalangan pensyarah?

1.7 Kerangka Konseptual Penyelidikan

Dalam penyelidikan, kerangka konseptual adalah membimbing penyelidik dan menentukan apakah yang harus diteroka. Penyelidikan ini memberi tumpuan kepada kompetensi mentor yang merangkumi personaliti, pengalaman, sikap, kemahiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengetahuan, dan sumber inspirasi atau motivasi pensyarah mentor dalam pementoran tersebut.

Seorang mentor usahawan perlu memiliki pengetahuan tentang teori dan dunia keusahawanan sebenar (Haneberg & Aaboen, 2020; Hanim et al., 2020; Street et al., 2022; Kakouris & Morselli, 2020; Nate et al., 2022; Lyu et al., 2023; Zhang & Nong, 2023). Teori keusahawanan melibatkan konsep inovasi (Zhang & Nong, 2023), keusahawanan sosial, dan keusahawanan tradisional. Dunia keusahawanan sebenarnya melibatkan pembangunan produk, pemasaran, pengurusan kewangan, dan pengurusan risiko.

Pensyarah sebagai mentor usahawan perlu mempunyai pengalaman praktikal, kemahiran pendidikan yang baik, pengetahuan industri, pemikiran kritis, dan kemahiran komunikasi (Poskanzer, 2022; Riter, 2020; Sanchez-Burks et al., 2017). Menggabungkan teori dengan pengalaman sebenar membantu pelajar memahami keusahawanan dalam konteks praktikal (Pittaway et al., 2023; Natalaya, 2023) manakala kepakaran mengajar, menjadikan pensyarah boleh membimbing pelajar menjadi usahawan melalui cabaran dan peluang yang ada (Jones et al., 2021b; Decker-Lange et al., 2022). Ini mewujudkan bakal usahawan yang boleh mengaplikasikan pengetahuan dan kebolehan mereka dalam dunia keusahawanan yang dinamik.

Kemahiran pementoran (Sanchez-Burks et al., 2017) memainkan peranan penting dalam perkembangan individu. Kemahiran mendengar memerlukan kesabaran dan pemahaman, manakala kemahiran memberi maklum balas memupuk komunikasi yang berkesan (Zhang & Nong, 2023; Parker et al., 2022; Ting et al.,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2017). Kemahiran mendengar, memberi maklum balas, membuat keputusan, dan menerima pendapat juga penting dalam menyokong pembangunan dan perkembangan perniagaan menti. Kemahiran membuat keputusan melibatkan analisis dan pertimbangan, manakala kemahiran menaakul melibatkan kebijaksanaan dan pengurusan konflik.

Dalam konteks teknologi, kemahiran menggunakan teknologi menjadi semakin penting pada masa kini. Ini melibatkan keupayaan untuk mengawal peralatan dan perisian moden, mengintegrasikan teknologi (Fauchald et al., 2022; Haneberg & Aaboen, 2020; Ludzinska, 2023; Riter, 2020) dalam pelbagai aspek kehidupan, dan memahami serta mengatasi cabaran yang mungkin timbul daripada perkembangan teknologi terutama terhadap perniagaan (Deng et al., 2022; Memon et al., 2018). Kemahiran ini membolehkan individu berfungsi dengan cekap dalam masyarakat yang semakin bergantung kepada teknologi.

Apabila kita mengaitkan Model Personaliti Lima Utama dengan kompetensi mentor, ia dapat melihat bagaimana ciri personaliti ini boleh mempengaruhi gaya pementoran dan hubungan antara mentor dan menti (Halimatun Saadiah et al., 2023; Karlsdottir et al., 2022; Leonell, 2022; Bazkiaei et al., 2020). Kestabilan Emosi *(Neuroticisme)* merujuk kepada mentor yang mempunyai kestabilan emosi yang tinggi mungkin lebih mampu mengendalikan tekanan dan ketidakpastian, memberikan kestabilan kepada menti mereka dan mengendalikan konflik dengan berkesan (Al-Ghazali, Shah, & Sohail, 2022; Sahinidis, Xanthopoulou, & Tsaknis, 2021; Tsaknis, Sahinidis, Xanthopoulou, & Vassiliou, 2022; Kritikos & Alexander, 2022; Widiawan & Igel, 2022; Karlsdottir et al., 2022; Nur Fardeana et al., 2020;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Leonell, Francesca & Masciarelli, 2020). Personaliti ekstraversi pula merujuk kepada kompetensi mentor yang mempunyai semangat ekstraversi yang tinggi akan lebih mudah untuk berinteraksi dengan orang lain, membina hubungan dan memberikan sokongan sosial yang kuat kepada menti mereka (Bazkiaei et al., 2020; Nur Fardeana et al., 2020). Keserasian yang tinggi dalam diri mentor membolehkan mereka membina hubungan yang baik dengan menti, memahami keperluan mereka dan mewujudkan persekitaran pementoran yang positif (Karlsdottir et al., 2022; Halimatun Saadiah et al., 2023).

Manakala personaliti keterbukaan berkait dengan keterbukaan kepada idea-idea inovatif (Karlsdottir et al., 2022) dan bersedia mencuba pendekatan baharu (Bazkiaei et al., 2020; Nur Fardeana et al., 2020) dalam proses pementoran, dan membantu menti melihat peluang dengan pandangan yang lebih luas. Elemen terakhir adalah ketelitian yang tinggi dalam diri mentor mencerminkan tanggungjawab dan kawalan diri (Bricker, 2021; Digman, 1990). Mentor ini akan lebih cekap dalam membantu menti mereka bentuk matlamat, mengejar sasaran pencapaian dan meningkatkan prestasi perniagaan. Mentor yang memahami dan boleh menggabungkan ciri-ciri personaliti ini dalam pementoran mereka dapat mewujudkan hubungan yang kukuh dan produktif dengan menti mereka.

Faktor motivasi, nilai, dan karakter juga memainkan peranan penting sebagai elemen kompetensi (Kumar & Kayalvizhi, 2024), mempengaruhi prestasi dan tingkah laku individu dalam pelbagai konteks dan memberi kesan kepada prestasi serta tingkah laku individu terhadap kerjaya. Dalam konteks pendekatan kompetensi,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemahaman dan memanfaatkan motivasi, nilai dan karakter adalah penting untuk meningkatkan kemahiran profesional dan mencapai matlamat organisasi. Apa sahaja yang membuatkan seseorang itu berjaya perlu dikenal pasti dan diajar kepada orang lain bukan hanya pengetahuan, kemahiran, personaliti dan pengalaman, sebaliknya perlu memberi tumpuan kepada nilai, karakter dan faktor motivasi tertentu yang konsisten di dalam diri individu yang membezakan kecemerlangannya daripada orang lain (David Mc Clelland (1963) di dalam Kumar & Kayalvizhi, 2024).

Penyepaduan nilai Islam ke dalam pementoran keusahawanan mewakili pendekatan holistik (Muhamad Afiq et al., 2020) yang melangkaui kompetensi pengetahuan dan kemahiran. Ia merangkumi pemupukan nilai tertentu, sifat perwatakan, dan motivasi yang konsisten dengan prinsip Islam (Syed Muhammad Hilmi et. al., 2023) untuk membezakan kecemerlangan individu dan memupuk usaha niaga keusahawanan yang mampan. Ciri-ciri pengurusan Islam seperti kejujuran, kerja keras, integriti, dan pentadbiran yang teratur sebagai faktor penyumbang kepada kejayaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam konteks Islam (Ishaq & Abbass, 2020; Lisnawati & Ahman, 2019; Machmud & Hidayat, 2020). **Jadual 1.1** menunjukkan formulasi teori kompetensi mentor usahawan yang menjadi asas kepada pembinaan kerangka konseptual penyelidikan ini. Elemen-elemen yang digariskan dalam jadual tersebut seterusnya membentuk kerangka konseptual kajian seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 1.1.**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.1

Formulasi teori kompetensi mentor usahawan


Konstruk	Konsep	Rujukan
Personaliti	Merujuk kepada personaliti mentor dalam pementoran yang merangkumi karakter luar dan sifat dalaman. Keperibadian dan perwatakan individu yang boleh dilihat oleh mata kasar juga sikap individu yang melibatkan emosi, perasaan dan fikiran yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar.	David Mc Clelland di dalam Kumar dan Kayalvizhi (2024), Memon, Rozan, Ismail, dan Jahanzeb, 2018; Hanim Zainal et al., (2020), Leonelli, Pietro, dan Masciarelli, (2020), St-Jean dan Jacquemin, (2022), Aydogdu, (2019).
Pengalaman	1) Pengalaman dalam berniaga	David Mc Clelland di dalam Kumar dan Kayalvizhi (2024), Memon et al., (2018), Hanim Zainal et al., (2020), Haneberg dan Aaboen (2020),
	2) Pengalaman dalam pementoran	Fauchald et al., (2022), Mei dan Symaco (2020), Street et al., (2022), Santa-Ramirez (2022), Chang dan Cheng (2022), Garcia (2021).
Kemahiran	Kemahiran mentor merujuk kepada kepakaran yang dimiliki oleh mentor dalam bidang yang merangkumi kemahiran teknikal dan pengurusan pementoran.	David Mc Clelland di dalam Kumar dan Kayalvizhi (2024); Hanim Zainal et al., (2020), Street et al., (2022), Chang dan Cheng, (2022), Garcia (2021), Memon et al., (2018), Mouammer dan Bazan (2021).
Pengetahuan	Pengetahuan tentang perniagaan / keusahawanan	David Mc Clelland di dalam Kumar dan Kayalvizhi (2024), Hanim Zainal et al., (2020), Street et al., (2022), Haneberg dan Aaboen, (2020), Fauchald et al., (2022), Garcia (2021), Mouammer dan Bazan (2021), Aydogdu (2019).
Faktor motivasi	Nilai, karakter, motivasi tertentu yang konsisten di dalam diri individu yang membezakan kecemerlangannya daripada orang lain.	Kumar dan Kayalvizhi (2024).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 1.1

Kerangka Konseptual Kompetensi Pensyarah.



Diadaptasi dari David Mc Clelland (1963) di dalam Kumar dan Kayalvizhi (2024).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Definisi Operasional

Definisi operasional dalam kajian ini merujuk kepada penerangan khusus tentang bagaimana elemen-elemen penting ditakrif dan dihuraikan berdasarkan kajian literatur terdahulu serta pemahaman penyelidik. Takrifan ini digunakan sebagai asas untuk menganalisis data dan membina kerangka kefahaman yang selaras dengan objektif penyelidikan.

1.8.1 Mentor

Mentor merupakan seseorang yang lebih berpengetahuan dan berpengalaman (Haneberg & Aaboen, 2020) di dalam bidangnya. Menurut Achkar et al., (2023), mentor adalah seseorang yang aktif memeriksa menti melalui telefon, email atau pertemuan berkala bagi melihat perkembangan dan kemajuan menti. Mentor juga berperanan menjadi seorang pendengar yang baik, pembimbing, mengarah, menyokong dengan baik segala usaha menti, bekerjasama dengan menti dalam pembangunan projek terutama yang berkaitan dengan perniagaan dan berkongsi kebijaksanaan samada secara bertulis atau tidak bertulis. Mentor juga merujuk kepada penglibatan individu yang berpengalaman dan berpengetahuan yang meluangkan masa, berkongsi pengetahuan dan usaha untuk memberikan sokongan pembangunan kepada menti (Achkar et al., 2023) dan mempunyai kemampuan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran, profesionalisme, keperibadian dan kerjaya. Secara khususnya, mentor dalam penyelidikan ini adalah merujuk kepada pensyarah PolyCC yang menjalankan peranan sebagai mentor kepada usahawan pemula dalam kalangan pelajar PolyCC.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.2 Menti

Menti bermaksud seseorang yang menggunakan analogi kapal kosong, yang akan menerima bimbingan daripada individu yang lebih berpengalaman (Kochan 2013 di dalam Parker et al., 2022). Istilah *mentee* telah diserapkan ke dalam bahasa Melayu dengan ejaan yang betul ialah menti (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2023). Bagi tujuan penyelidikan ini, menti adalah merujuk kepada pelajar di PolyCC yang memulakan perniagaan atau sedang berniaga di PolyCC yang mendapat pementoran keusahawanan daripada pensyarah.

1.8.3 Pementoran

Pementoran adalah istilah yang sama makna dengan *mentoring* di mana perkataan ini telah dijadikan Bahasa Melayu (Dewan Bahasa Pustaka 2023), iaitu proses membimbing yang melibatkan dua pihak iaitu mentor dan menti. Pementoran adalah aktiviti di mana seseorang yang lebih berpengetahuan (Haneberg & Aaboen, 2020; Fauchald et al., 2022) dan berpengalaman (Haneberg & Aaboen, 2020; Kakouris & Morselli, 2020; Murray, 2001) terlibat untuk membantu membangunkan profesionalisme (Mouammer & Bazan, 2021) di dalam bidangnya untuk masa akan datang. Pementoran dalam penyelidikan ini adalah merujuk kepada proses membimbing usahawan pemula dalam kalangan pelajar oleh pensyarah di PolyCC. Proses pementoran ini bermula daripada permulaan idea untuk membuka perniagaan sehingga pelajar mampu memperolehi pendapatan daripada perniagaan yang diusahakan semasa dalam pengajian sehinggalah pelajar mampu mempertahankan perniagaan mereka apabila mereka bergraduasi. Perniagaan tersebut tidak semestinya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perniagaan yang sama, tetapi merujuk kepada kemenjadian usahawan yang mana diakhirnya pelajar-pelajar ini mampu menjana pendapatan dan memberi peluang pekerjaan kepada orang lain.

1.8.4 Mentor Keusahawanan

Mentor keusahawanan adalah seseorang yang membimbing usahawan dalam perjalanan keusahawanannya yang memberi sokongan peribadi secara sukarela dalam membantu usahawan muda mengembangkan kebolehan dan kemampuan mereka memandangkan mereka memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka secara sendirian (YBI, 2018). Dalam konteks penyelidikan ini, mentor adalah pensyarah PolyCC yang membimbing pelajar ke arah kemenjadian usahawan. Mentor keusahawanan akan bertindak sebagai penasihat perniagaan, pembimbing pengurusan dan pemantau operasi perniagaan pelajar. Justeru, pemilihan mentor keusahawanan adalah dibuat berdasarkan kriteria-kriteria tertentu agar mentor dapat menjalankan fungsi dengan baik bagi memastikan pelajar mendapat bimbingan yang sepatutnya.

1.8.5 Usahawan Pemula

Usahawan pemula adalah individu yang mencipta dan mengurus usaha mereka (Politis 2008), manakala Liu, Gorgievski, Zwaga dan Paas, (2022a) merujuk kepada pelajar IPT yang berada dalam peringkat pertama operasi memulakan perniagaan semasa dalam pengajian. Dalam penyelidikan ini, usahawan pemula merujuk kepada pelajar PolyCC yang memulakan perniagaan semasa dalam pengajian di PolyCC sama ada benar-benar baru memulakan perniagaan atau pun meneruskan perniagaan yang telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dimiliki atau perniagaan warisan keluarga yang mula diuruskan oleh pelajar. Mereka ini sering berhadapan dengan cabaran dari segi kekangan modal, pengalaman terhad serta keseimbangan antara akademik dan perniagaan. Justeru, bimbingan mentor yang kompeten amat penting bagi memastikan kelangsungan serta kelestarian perniagaan usahawan pemula.

1.8.6 Kompetensi

Teori kompetensi ini mula diperkenalkan oleh David McClelland pada sekitar 1960an dengan mengatakan apa sahaja yang membuatkan seseorang itu berjaya perlu dikenal pasti dan diajar kepada orang lain iaitu personaliti, kemahiran, pengalaman, pengetahuan. Teori kompetensi ini terus berkembang dengan pertambahan elemen nilai / karakter / faktor motivasi (Kumar dan Kayalvizhi, 2024) sebagai elemen kompetensi. Bagi tujuan penyelidikan ini, kompetensi adalah merujuk kepada personaliti, pengalaman, kemahiran, pengetahuan dan nilai positif dalam diri individu.

1.8.7 Personaliti Lima Utama

Personaliti adalah karakter luar dan sifat dalaman individu (Memon et al., 2018; Hanim Zainal et al., 2020; Leonelli et al., 2020; St-Jean & Jacquemin, 2022; Aydogdu, 2019). Personaliti atau keperibadian ditakrifkan sebagai himpunan pola emosi, pemikiran dan perlakuan unik yang dimiliki seseorang dan ianya tekal dengan masa (Leonelli et al., 2020; Cervone & Pervin, 2023), di mana akan melahirkan tindak-tanduk bagi menzahirkan ciri-ciri kawalan emosi dan pemikiran (Leonelli et al., 2020; Cervone & Pervin, 2023; Nur Fardeana Arifin et al., 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam penyelidikan ini, personaliti adalah merujuk kepada Personaliti Lima Utama yang dimiliki oleh mentor. Personaliti Lima Utama pertama kali diterangkan oleh ahli psikologi Paul Costa dan Robert McCrae pada akhir 1970-an dan 1980-an yang digunakan sebagai rangka kerja untuk memahami perbezaan individu dalam personaliti (Halimatun Saadiah et al., 2023; Karlsdottir et al., 2022; Leonell, 2022; Bazkiaei et al., 2020;). Personaliti Lima Utama tersebut adalah neurotisisme *(neuroticism)*, ekstraversi (*extraversion)*, keterbukaan *(openness)*, keserasian *(agreeableness)* dan ketelitian *(conscientiousness)*. Dalam penyelidikan ini, Personaliti Lima Utama adalah merujuk kepada lima personaliti tersebut yang dimiliki oleh mentor dan bukannya yang dimiliki oleh menti.

1.8.8 Altruisme

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Altruisme pada asasnya diperkenalkan oleh Auguste Comte (1822) sebagai pandangan hidup atau amalan yang mengutamakan kebajikan orang lain berbanding kepentingan diri sendiri. Menurut Nurhayati (2021), Sri Rahmawati (2019), Anggraini dan Hartini (2022), serta Windmann dan Binder (2024), altruisme merupakan motivasi untuk meningkatkan kesejahteraan orang lain secara tulus tanpa mementingkan diri. Unsur-unsur altruisme merangkumi empati, tanggungjawab, kepercayaan, kerjasama, perkongsian, rendah ego, membantu, pengorbanan serta keberanian mengambil risiko (Pamungkas & Muslikhah, 2019; Wulandari, 2022; Kuswoyo & Muhopilah, 2020). Dalam konteks kajian ini, definisi operasional altruisme merujuk kepada sikap pensyarah mentor yang rela membantu, menyokong, dan berkorban demi kejayaan mentee tanpa mengutamakan kepentingan diri, demi melestarikan perniagaan usahawan pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.9 *Enthusiasm*

Enthusiasm ditakrifkan sebagai keghairahan, semangat tinggi, serta sokongan sepenuh hati dalam melaksanakan sesuatu tugas (Kamus Inggeris-Melayu Dewan). Menurut Liu, Zhang, Zhao dan Jia (2021), Cui (2022), serta Vogelaar, Dijk dan Dijk (2025), *enthusiasm* melibatkan semangat, tenaga, keinginan yang kuat, kreativiti, inovasi, serta komitmen tinggi dalam mencapai matlamat. Ia juga dikaitkan dengan sikap positif yang menggalakkan orang lain dan kesanggupan menerima pengalaman baharu (Dewaele & Li, 2021; Rakhmonovich, 2022; Yitshaki, 2025). Dalam konteks kajian ini, definisi operasional *enthusiasm* merujuk kepada keinginan yang sangat kuat, melebihi kebiasaan, dengan komitmen tinggi, berfokus dan sangat bertekad yang ditunjukkan oleh pensyarah mentor dalam membimbing menti sehingga mampu memberi dorongan, sokongan dan inspirasi untuk melestarikan perniagaan usahawan pelajar.

1.8.10 Harmonisme

Harmonisme merujuk kepada keadaan harmoni yang menekankan keselarasan, kesesuaian dan kemesraan dalam hubungan sosial (Kamus Dewan, 2005; Kamus Pelajar, 2015). Dalam konteks pementoran, harmonisme boleh ditunjukkan melalui hubungan bermakna antara mentor dan menti (Newsome, 2020; Jennerdene et al., 2023), kewujudan *chemistry* yang positif (Garvey & Stokes, 2022), sikap saling mendengar dengan baik (Newsome et al., 2021), keakraban (Jennerdene et al., 2023), serta penciptaan situasi saling menguntungkan atau *win-win* (Martinez et al., 2018; Saino, 2019). Justeru, dalam tesis ini, harmonisme ditakrifkan sebagai keupayaan seorang mentor untuk membina dan mengekalkan hubungan mentor-menti yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berasaskan keharmonian, keserasian emosi, dan saling melengkapi dalam usaha membimbing keusahawanan pelajar.

1.8.11 Pengalaman

Pengalaman perniagaan dalam kalangan mentor usahawan (Haneberg & Aaboen, 2020; Hanim et al., 2020; Street et al., 2022; Kakouris & Morselli, 2020; Nate et al., 2022; Lyu et al., 2023; Zhang & Nong, 2023) merupakan salah satu elemen kompetensi yang diperlukan dalam kompetensi mentor usahawan. Selain itu, pengalaman dalam pementoran juga dapat meningkatkan kredibiliti dan reputasi mentor usahawan (Fauchald et al., 2022). Pengalaman dalam perniagaan dan pengalaman sebagai mentor dapat meningkatkan keupayaan untuk memberikan bimbingan yang relevan, dan menyokong usahawan dalam proses pembangunan perniagaan (Morland et al., 2021; Nate et al., 2022; Fauchald et al., 2022; Ludzinska, 2023). Di dalam penyelidikan ini, pengalaman adalah merujuk kepada pengalaman dalam perniagaan dan pengalaman sebagai mentor samada mentor usahawan atau mentor di dalam bidang lain iaitu tidak terhad kepada mentor usahawan sahaja.

1.8.12 Kemahiran

Kemahiran yang berkaitan dengan keusahawanan merupakan kompetensi utama bagi seorang mentor untuk memudahkan pementoran (Street et al., 2022; Haneberg & Aaboen, 2020). Di dalam penyelidikan ini, kemahiran adalah merujuk kepada kemahiran pementoran, termasuk kemahiran mendengar dan menyoal dengan secara aktif (Garcia, 2021; Nabi et al., 2021; Badwan & Rentocchini, 2022), memberikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maklumbalas yang baik (Badwan & Rentocchini, 2022; Nabi et al., 2021), serta membimbing dalam proses pembuatan keputusan (Chang & Cheng, 2022) agar dapat membantu menti dalam membuat keputusan dengan baik. Di dalam penyelidikan ini, kemahiran adalah merujuk kepada kemahiran yang berkaitan dengan keusahawanan, termasuk kemahiran pengurusan yang mencakupi kemahiran menguruskan perniagaan dan kemahiran pementoran.

1.8.13 Ilmu Pengetahuan

Pengetahuan merupakan elemen kompetensi (Lv et al., 2022; Mei & Symaco, 2020; Ludzinska, 2023) yang diperlukan oleh mentor usahawan terutamanya pengetahuan tentang bidang perniagaan yang sedang dibangunkan oleh menti (Svensson, 2021; Martinez, et al., 2018). Bagi tujuan penyelidikan ini, ilmu pengetahuan adalah merujuk kepada bidang akademik, taraf pendidikan, latihan dan pembangunan kerjaya yang dimiliki oleh responden.

1.8.14 Psikospiritual Islam dalam Pementoran

Psikospiritual Islam adalah teori yang mengoperasikan konsep seperti jiwa, hati dan diri sebagai asas kepada teori dan amalan Islam psikologi manusia (York Al-Karam, 2018; Keshavarzi, Khan, Ali & Awaad, 2021; Rothman, 2021). Teori ini merupakan suatu pendekatan bimbingan atau pementoran yang menggabungkan aspek kerohanian dan keagamaan yang bersumberkan al-Quran dan Hadis (Rahman et. al, 2023). Psikospiritual Islam menggunakan prinsip-prinsip Islam, termasuk tauhid iaitu kepercayaan kepada keesaan Tuhan untuk memberikan pemahaman tentang kesihatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mental, perkembangan peribadi, dan kesejahteraan keseluruhan (Muhammad Afiq et. al., 2023; Hamim, 2010; Abu Dardaa, Khazri, & Ahmad Irdha, 2020). Bagi tujuan penyelidikan ini, psikospiritual Islam adalah merujuk kepada amalan dan konsep kerohanian di dalam jiwa pensyarah semasa menjalankan tanggungjawab sebagai mentor usahawan iaitu *taklif, ihsan, itqan,* dan *istiqamah*.

1.8.15 *Taklif*

Menurut Zulhelmy, Abrar, dan Firdaus (2023), Abdul-Rahim dan Goddard (1998), serta Catic (2023), *taklif* secara operasional merujuk kepada tanggungjawab moral individu untuk melaksanakan kewajipan agama dengan berpegang kepada prinsip akauntabiliti terhadap Tuhan, di mana setiap tindakan akan dipertanggungjawabkan di akhirat. Zuhdi (2023) juga menekankan kepentingan memenuhi amanah serta menjaga kesejahteraan diri dan orang lain sebagai sebahagian daripada tuntutan agama dan moral. Dalam penyelidikan ini, penyelidik mendefinisikan *taklif* sebagai sikap individu yang bertanggungjawab atas tindakan mereka terhadap Tuhan, dengan penekanan kepada kewajipan memenuhi amanah dan kesejahteraan bersama.

1.8.16 *Ihsan*

Menurut Hasan Al-Bana, Norashikin, Elmi, Sayuti, dan Azmi (2024), Cheumar et al. (2022), dan Sidek Baba (2018), *ihsan* merujuk kepada perbuatan baik yang dilakukan dengan penuh keikhlasan dan integriti. Meliza, Widiyanti, dan Khasanah (2024), bersama Cahyono, Mahdi, dan Moch. Iqbal (2024), serta Yusuf (2024), menyatakan bahawa *ihsan* melampaui keperluan atau kewajiban, sementara Rima (2021) dan Savitri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan Muchlis (2024) pula menekankan bahawa perbuatan ini bertujuan memberi manfaat kepada orang lain. Bagi tujuan penyelidikan ini, penyelidik mendefinisikan *ihsan* sebagai tindakan melakukan kebaikan secara ikhlas dan dengan penuh integriti, melebihi sekadar menunaikan kewajipan, serta bertujuan memberi kesan positif kepada kesejahteraan orang lain (menti).

1.8.17 *Itqan*

Menurut Hakki (2020) dan Hasan Al-Bana et al. (2024), *itqan* adalah merujuk kepada sikap bekerja dengan penuh kesungguhan, ketelitian, dan komitmen dalam melaksanakan tugas sehingga mencapai tahap kesempurnaan dan kualiti terbaik, yang dilakukan dengan rasa tanggungjawab dan tanpa rasa putus asa. Ahmad Faosiy dan Asia Mus'ad (2013), bersama Nur Fatin Nabilah dan Siti Arni (2021), menyatakan bahawa *itqan* merangkumi usaha berterusan untuk mencapai hasil yang maksimum melalui dedikasi dan keikhlasan, yang menggambarkan usaha mendapatkan hasil kerja yang berkualiti dari segi fizikal. Di dalam penyelidikan ini, penyelidik mendefinisikan *itqan* sebagai sikap bekerja dengan penuh kesungguhan, ketelitian, dan komitmen dalam setiap tugas, berterusan hingga mencapai tahap kualiti terbaik, dengan tanggungjawab yang tinggi dan tanpa putus asa, untuk memperoleh hasil yang berkualiti secara menyeluruh.

1.8.18 *Istiqamah*

Istiqamah didefinisikan sebagai konsistensi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab (Ahmad, Abu, & Salmy, 2023) dengan beretika, tekun, dan berdisiplin,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang selari dengan prinsip keteguhan dan kepercayaan kepada Allah seperti yang digariskan dalam Surah Al-Hud 11:112 (Falikhatun & Suparno, 2015; Wijayanti et al., 2020). Dalam konteks penyelidikan ini, *istiqamah* merujuk kepada daya tahan dan usaha berterusan untuk membantu menti, di mana mentor mengekalkan disiplin dan komitmen tinggi dalam pengurusan menti mereka.

1.9 Batasan Penyelidikan

Penyelidikan ini mempunyai beberapa batasan yang menghadkan dapatan penyelidikan iaitu:

1) Sampel penyelidikan - Responden yang dipilih adalah dalam kalangan mentor dari PolyCC. Oleh yang demikian, data yang diperolehi adalah terbatas kepada pensyarah PolyCC yang telah menjadi mentor sahaja.
2) Fokus – penyelidikan ini hanya merujuk kepada mentor usahawan dalam kalangan pensyarah kepada usahawan pemula dalam kalangan pelajar sahaja dan bukan kepada semua usahawan pemula dalam pelbagai sektor.
3) Maksud bagi setiap elemen yang diselidik adalah terhad kepada definisi operasional sahaja. Misalnya, konsep personaliti mentor adalah hanya merujuk kepada Personaliti Lima Utama sahaja dan bukan konsep personaliti lain.
4) Penyelidikan ini dijalankan menggunakan reka bentuk kualitatif dengan pendekatan fenomenologi, oleh itu dapatan kajian adalah berasaskan pengalaman dan pandangan peserta yang terlibat secara langsung. Kajian ini tidak menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan analisis statistik berskala besar dan juga tidak bersifat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keratan rentas (*cross-sectional*) yang membolehkan generalisasi menyeluruh. Justeru, hasil kajian ini lebih menekankan kepada kefahaman yang mendalam mengenai fenomena kompetensi pensyarah sebagai mentor usahawan dalam konteks PolyCC, berbanding menghasilkan inferens yang bersifat umum terhadap semua institusi pengajian tinggi.

1.10 Kepentingan Penyelidikan

Dengan meneroka pengalaman mentor membimbing pelajar bermula dari memulakan perniagaan ketika sedang dalam pengajian, seterusnya mengekalkan perniagaan tersebut selepas menamatkan pengajian, penyelidikan ini telah menjana data dan maklumat baru bagi menghasilkan kerangka kompetensi yang boleh digunakan oleh mentor usahawan pelajar dalam kalangan pensyarah. Dengan meneroka personaliti dan pengalaman mentor ini, penyelidikan ini telah menghasilkan satu kerangka kompetensi seorang mentor usahawan pelajar dalam kalangan ahli akademik. Secara ringkasnya, kepentingan penyelidikan adalah seperti berikut:-

1.10.1 Kerajaan - Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Jabatan Pengajian Politeknik Dan Kolej Komuniti (JPPKK).

Penyelidikan ini dapat memberi sumbangan kepada bidang pendidikan keusahawanan dalam sistem pengajian tinggi di Malaysia. Hasil penyelidikan ini membolehkan pihak KPT memahami proses kemenjadian dan kelestarian usahawan dalam kalangan pelajar dan graduan institusi pengajian tinggi melalui kaedah pementoran usahawan. Ianya boleh dijadikan panduan dan asas kepada perancangan KPT dalam memberi latihan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pementoran usahawan kepada ahli akademik. Pembuat dasar juga boleh mencipta model penyelesaian masalah yang berkaitan melalui hasil dapatan penyelidikan ini. Perancangan yang teliti dengan mengambil kira dapatan penyelidikan ini, akan dapat membantu usaha pencapaian Teras 1: Startegi 3 (PTK 2021-2025) iaitu melahirkan pensyarah berkepakaran keusahawanan dengan lebih sistematik.

1.10.2 Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

Dapatan penyelidikan ini memberi sumbangan ilmu pengetahuan kepada pengurusan dan Ketua Pusat Keusahawanan di IPT dalam membentuk strategi serta pendekatan bagi kemenjadian usahawan dalam kalangan pelajar dan kelestarian usahawan dalam kalangan graduan. Pihak berkenaan boleh memberi fokus yang lebih terhadap program pementoran keusahawanan khususnya untuk digunakan oleh pensyarah yang dilantik sebagai mentor usahawan. Organisasi juga boleh menyediakan kursus-kursus yang berkaitan kompetensi mentor (yang didapati daripada penyelidikan ini) bagi memantapkan mentor-mentor usahawan menjalankan tugas.

1.10.3 Pensyarah PolyCC

Penyelidikan ini membantu penambahan penguasaan pengetahuan di bidang pementoran keusahawanan dan akan melancarkan tugas pensyarah jika dilantik sebagai mentor usahawan. Dapatan penyelidikan ini diharapkan dapat mempersiapkan pensyarah dengan kompetensi yang perlu dimiliki iaitu personaliti, pengalaman, kemahiran, pengetahuan dan nilai untuk menjalankan tanggungjawab sebagai mentor usahawan. Dapatan penyelidikan ini juga dapat dijadikan panduan oleh pensyarah bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melengkapkan diri dengan kompetensi mentor usahawan agar matlamat pementoran usahawan pemula di PolyCC khususnya atau di IPT lain dapat dicapai dengan lebih mudah.

1.10.4 Penyelidik dan Penulis Pementoran Usahawan

Dalam penyelidikan ini, ianya menghimpunkan pelbagai literatur berkaitan pementoran keusahawanan. Hal ini sekaligus menyediakan kepada penyelidik atau penulis yang cenderung terhadap pementoran keusahawanan untuk menjadikan dapatan penyelidikan ini sebagai bahan rujukan atau bacaan untuk penyelidikan akan datang. Fokus utama penyelidikan ini adalah pementoran keusahawanan di IPT, kepentingan dan model-model kompetensi mentor usahawan dalam kalangan pensyarah di beberapa negara lain. Literatur berkaitan hal tersebut yang terdapat dalam penyelidikan ini dapat dijadikan rujukan oleh penyelidik lain. Tema elemen kompetensi yang ditemui dalam penyelidikan ini juga boleh diuji pada penyelidikan akan datang melalui penyelidikan dalam reka bentuk kuantitatif.

1.10.5 Komuniti

Penyelidikan ini diharapkan dapat menghasilkan model kompetensi mentor usahawan yang membantu pensyarah membimbing usahawan pelajar secara lebih terancang dan berkesan, sekali gus menyokong kemenjadian usahawan serta kelestarian perniagaan graduan. Hasilnya bukan sahaja membuka peluang pekerjaan dan perniagaan baharu kepada komuniti, malah dapat disepadukan dengan ekosistem keusahawanan IPT untuk meningkatkan pencapaian KPI KPT serta menyumbang kepada pengurangan kadar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengangguran graduan IPT. Dalam konteks komuniti, dapatan penyelidikan ini berpotensi menggalakkan pembangunan ekonomi setempat melalui penghasilan produk dan perkhidmatan baharu. Ia juga dapat mewujudkan jaringan kolaborasi antara graduan usahawan dengan masyarakat setempat bagi menyokong ekosistem perniagaan mikro dan kecil. Selain itu, kelestarian perniagaan graduan turut menyumbang kepada peningkatan taraf hidup komuniti melalui peluang pekerjaan, penjanaan pendapatan serta aktiviti sosial yang lebih inklusif.

1.11 Rumusan

Bab ini telah membincangkan latar belakang, pernyataan masalah, kerangka teori, kerangka konsepsual penyelidikan, objektif, persoalan, kepentingan, batasan dan definisi operasional penyelidikan. Bab ini telah membincangkan latar belakang kajian yang menekankan kepentingan pementoran dalam melahirkan usahawan pelajar di IPT khususnya di PolyCC. Permasalahan utama yang dikenal pasti ialah kekurangan pensyarah dengan kepakaran keusahawanan, ketidakjelasan garis panduan peranan mentor, serta penurunan pencapaian KPI pelajar dan graduan yang menjadi usahawan antara tahun 2020 hingga 2022. Penyelidikan ini bertujuan untuk meneroka kompetensi pensyarah sebagai mentor usahawan dengan merujuk kepada Teori Kompetensi McClelland yang meliputi personaliti, kemahiran, pengalaman, pengetahuan, serta nilai dan motivasi. Namun begitu, jurang teori wujud kerana teori ini tidak mengandungi elemen psikospiritual Islam yang turut memberi kesan kepada keberkesanan pementoran. Selain itu, wujud juga jurang konseptual dalam mendefinisikan mentor usahawan, di mana secara idealnya seorang mentor ialah usahawan berjaya, tetapi di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PolyCC peranan ini lebih banyak dipikul oleh pensyarah bukan berlatarbelakangkan keusahawanan. Justeru, penyelidikan ini penting untuk menilai dan membina kefahaman baharu mengenai kompetensi pensyarah sebagai mentor dalam menyokong kelestarian perniagaan pelajar. Perbincangan ini memberikan gambaran awal aspek penting di dalam penyelidikan ini selain memudahkan kefahaman terhadap penggunaan istilah yang terdapat dalam penyelidikan ini. Maklumat tentang penyelidikan ini dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab seterusnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Penyelidikan ini bertujuan untuk meneroka personaliti, pengalaman, kemahiran dan pengetahuan mentor usahawan dalam kalangan pensyarah (ahli akademik), menyelidik bagaimana mereka berjaya membimbing menti mengekalkan perniagaan serta mengenal pasti kerangka kompetensi mentor usahawan pemula dalam kalangan pensyarah. Bab ini merupakan tinjauan penyelidikan lepas yang merangkumi empat topik utama iaitu aspek pendidikan keusahawanan, diikuti dengan mentor dan pementoran, teori kompetensi, serta psikospiritual Islam. Sorotan literatur ini disusun secara sistematik bagi memberikan gambaran menyeluruh tentang asas teori dan praktis yang menyokong kajian ini. Setiap topik dibincangkan dengan tujuan untuk mengenal pasti jurang pengetahuan sedia ada, membina rasional penyelidikan, serta menegaskan kepentingan mengintegrasikan elemen akademik, praktikal, dan nilai rohani dalam konteks pementoran keusahawanan. Selain itu, sorotan ini juga menghubungkan kajian lepas di peringkat antarabangsa dan tempatan bagi menilai sejauh mana kompetensi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pensyarah sebagai mentor usahawan telah dikaji, serta bagaimana dapatan tersebut relevan dengan konteks institusi Politeknik dan Kolej Komuniti di Malaysia. Akhir sekali, bab ini merumuskan sorotan terhadap penyelidikan-penyelidikan lepas yang secara kumulatif membentuk asas kepada kerangka konseptual kajian ini. Rumusan tersebut menjadi panduan penting dalam membina fokus kajian, mengukuhkan justifikasi terhadap pemilihan kaedah penyelidikan, dan seterusnya menghubungkan literatur terdahulu dengan objektif serta persoalan kajian yang diketengahkan.

2.1.1 Pendidikan Keusahawanan

Pendidikan keusahawanan adalah satu bidang pendidikan yang membangunkan pemikiran (Al-Lawati, Kohar, & Suleiman, 2022; Neck & Corbett, 2018; Jwara & Hoque, 2018; Iwu, et al., 2019) kemahiran (Al-Lawati et al., 2022; Ustyuzhina, Mikhaylova, & Abdimomynova, 2019; Trilaksono, Marchalina, Sasmoko, Indrianti, & Yusak, 2022) pengetahuan (Sanchez-Burks, Brophy, Jensen, Milovac, & Kagan:, 2017) sikap (Sanchez-Burks et al., 2017) dan amalan perniagaan (Al-Lawati et el., 2022; Trilaksono et al., 2022) yang diperlukan dalam memulakan perniagaan (Al-Lawati et al., 2022). Pendidikan keusahawanan adalah satu proses menyediakan seseorang untuk menjadi usahawan (Kubberod & Fosstenløkken, 2018). Matlamat pendidikan keusahawanan adalah untuk mendidik pelajar-pelajar yang ada sedikit minat dalam permulaan perniagaan (Kubberod & Fosstenløkken, 2018), menjadikan mereka seorang usahawan setelah dibimbing dengan baik.

Pelajar-pelajar di IPT Malaysia, pada masa kini adalah berkecenderungan untuk menjadi usahawan (Ling, Sheerad Sahid, & Norasmah Othman, 2022; Norazlinda Saad

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

& Sankaran, 2021; Nur Fardeana Arifin, et al., 2020; Akmal Sabarudin, et al., 2022) dan mereka juga bersetuju bahawa pendidikan keusahawanan di Malaysia pada masa kini adalah menyumbang kepada kemenjadian usahawan dalam kalangan graduan IPT di Malaysia (Ling, Sheerad Sahid & Norasmah Othman, 2022; Norazlinda Saad & Sankaran, 2021; Nur Fardeana Arifin, et al., 2020; Akmal Sabarudin, et al., 2022). Kemenjadian usahawan adalah dipengaruhi oleh pendidikan keusahawanan termasuk proses pementoran (Nabi et al., 2021).

Hal ini menegaskan bahawa pendidikan keusahawanan tidak boleh dilihat secara terasing sebagai latihan bilik kuliah semata-mata, tetapi perlu disepadukan dengan elemen bimbingan dan pengalaman industri untuk memastikan graduan bukan sahaja bersedia memulakan perniagaan, tetapi juga berdaya tahan dalam mengekalkan kelestarian perniagaan mereka (*Nabi et al., 2021*). Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian masih menumpukan kepada aspek kognitif dan teknikal tanpa memberi perhatian yang mencukupi kepada integrasi faktor-faktor psikososial dan sokongan berterusan seperti pementoran (*Neck & Corbett, 2018; Al-Lawati et al., 2022*), menjadikan keberkesanan pendidikan keusahawanan dalam konteks IPT Malaysia masih dipersoalkan.

2.2 Mentor

Perkataan "mentor" berasal daripada watak Mentor di Homer's Odyssey. Apabila Odysseus, Raja Ithaca, berjuang dalam Perang Trojan, baginda meminta rakannya yang dipercayai bernama Mentor untuk menasihati dan mengajar anaknya, Telemachus. Di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sinilah, istilah mentor wujud bagi merujuk kepada seseorang yang memberikan panduan dan didikan kepada orang lain (Wold, 2022; K, Nuel, & Ifechi, 2021: Birkenfeld, Gilchrist, & Hoaglund, 2021). Mentor dianggap sebagai sesuatu yang membawa perubahan positif, walaupun konsep Yunani asal memberi gambaran yang lebih kompleks mengenai hubungan antara Mentor dan Telemachus (Hu, et al., 2021). Mentor pada masa itu berfungsi sebagai kaunselor, pembimbing, guru dan jurulatih kepada Telemachus.

Secara keseluruhannya, aspek yang diberikan oleh Mentor kepada Telemachus adalah aspek perlindungan yang menyebabkan timbulnya perkataan 'menti' yang berasal daripada perkataan Perancis yang bermaksud '*to protect*' iaitu untuk dilindungi. Mentor adalah seseorang yang menggalakkan impian (Nabi et al., 2021; Blackburn, Chapman, & Cameron, 1981) dan menyokong aspirasi (Martinez, et al., 2018; Blackburn et al., 1981) menti mereka. Mentor berfungsi sebagai model profesionalisme (Mouammer & Bazan 2021; Blackburn et al., 1981) atau model peranan (Nabi et al., 2021) dan memberikan nasihat kerjaya (Bricker, 2021; Garcia, 2021; Kram, 1985a; Blackburn et al., 1981) dan nasihat peribadi apabila diperlukan (Santa-Ramirez, 2022; Masha et al., 2022; Kram, 1985a) bagi memastikan orang yang kurang mahir boleh membangun dan mengembangkan kompetensi tertentu (Murray, 2001).

2.3 Pementoran

Pementoran adalah aktiviti di mana seseorang yang lebih berpengetahuan (Haneberg & Aaboen, 2020; Fauchald et al., 2022) dan berpengalaman (Haneberg & Aaboen, 2020;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kakouris & Morselli, 2020; Murray, 2001) terlibat untuk membantu membangunkan profesionalisme (Mouammer & Bazan, 2021) di dalam bidangnya. Hubungan mentor-menti dilaksana dan dibangunkan dengan sengaja (Nabi et al., 2021). Dalam konsep pementoran yang pelbagai di atas, dapat dilihat bahawa persamaan antara konsep ini adalah seperti berikut.

1) Mentor merupakan individu yang berpengalaman, berkongsi pengetahuan dan hubungan yang mempunyai kepercayaan bersama (Haneberg & Aaboen, 2020; Fauchald et al., 2022).
2) Tujuan pementoran adalah untuk membantu dan menyokong individu untuk mengurus dan memaksimumkan potensi mereka agar menjadi individu yang diinginkan (Mouammer & Bazan, 2021).
3) Merupakan hubungan perseorangan satu dengan satu *(one-to-one)* (Nabi et al., 2021) yang menitikberatkan kepada perkembangan menti terutama dalam pembangunan peribadi (Mouammer & Bazan, 2021).
4) Perancangan pembangunan kerjaya jangka panjang di mana tumpuan utama bagi mentor adalah pada menti dan bukannya kepada tugasnya (St-Jean & Tremblay 2020).

Disimpulkan bahawa pementoran adalah sokongan yang diberikan kepada seseorang (menti) oleh orang yang lebih berpengalaman (mentor), yang bersedia berkongsi pengetahuan untuk membantu orang lain memaksimumkan potensi diri mereka. Ini melibatkan sokongan kepercayaan bersama, perancangan pembangunan kerjaya jangka panjang dan tumpuan khusus kepada pembentukan peribadi menti seperti yang diinginkan. Sebenarnya dapat diperhatikan bahawa semasa pementoran,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mentor dan menti dapat belajar daripada satu sama lain. Ia adalah hubungan satu dengan satu yang memberi banyak faedah dan manfaat kepada kedua-dua belah pihak (Stravakou & Lozgka, 2022; Nabi et al., 2021). Pementoran bukan satu pengklonan iaitu matlamatnya bukan untuk mengubah menti menjadi mentor (St-Jean & Tremblay, 2020). Pementoran juga bukan pengurusan, bukan penyelia langsung kepada menti, walaupun pada umumnya, mentor mempunyai kedudukan hierarki jauh lebih tinggi daripada menti. Ianya lebih kepada hubungan yang bebas tetapi mempunyai matlamat tertentu yang dipersetujui oleh mentor dan menti (Stravakou & Lozgka, 2022; Nabi et al., 2021).

2.3.1 Pementoran Keusahawanan

Pementoran keusahawanan adalah satu kaedah pendidikan dalam pembentukan seorang usahawan yang merupakan kurikulum tambahan dalam pengajian (Haneberg & Aaboen, 2020; Preedy, Jones, Maas, & Duckett, 2020; Gimmon, 2014) di mana ianya adalah integrasi antara akademik dan pengalaman keusahawanan sebenar (Haneberg et al., 2020; Fauchald et al., 2022; St-Jean & Jacquemin, 2022; Hagg, 2021; Haneberg & Aaboen, 2020; Hagg & Gabrielsson, 2020; Kubberod & Fosstenløkken, 2018). Mentor adalah aspek penting dalam mengekalkan perniagaan pemula (St-Jean & Jacquemin, 2022; Hartmann, Backmann, Newman, Brykman, & Pidduck, 2022; Dost, Shah, & Saleem, 2021; Kuratko, Neuberty, & Marvel, 2020; Jaharuddin, Purnawan, Mujiastuti, Prasetyawati, & Muthmainnah, 2019) kerana pementoran ini bukan sahaja membangunkan kecekapan dalam kepimpinan, malah akan membantu usahawan pemula untuk menyusun strategi perniagaan (Chang & Cheng, 2022) dan meningkatkan jaringan perniagaan (Street et al., 2022; Haneberg & Aaboen, 2020) sekaligus akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjadikan menti boleh menjadi lebih berdikari sendiri (St-Jean, et al., 2017). Kesimpulannya, pementoran memberi ruang kepada usahawan pemula untuk memperoleh panduan berterusan dalam menghadapi cabaran dinamik pasaran. Proses ini juga memperkukuh keyakinan diri menti untuk membuat keputusan yang lebih tepat dan berkesan dalam perniagaan mereka.

Konsep mentor usahawan adalah berbeza daripada bimbingan, tunjuk ajar dan perantisan kerana ia berorientasikan ke arah usaha untuk kemenjadian dan bukannya semata-mata menguasai teknik (St-Jean & Tremblay 2020), malahan mentor perlu membimbing menti bagaimana menjalankan perniagaan (Nate, Grecu, Stavytskyy, & Kharlamova, 2022). Oleh itu, konsep asas mentor adalah untuk mendidik, di mana mentor adalah "memandu" dan "membimbing," yang mana ianya berbeza dengan bimbingan yang berdasarkan motivasi atau kaunseling dan berdasarkan bantuan psikologi (St-Jean & Tremblay 2020). Pementoran lebih menumpukan kepada bimbingan dan nasihat perniagaan terutamanya di peringkat awal permulaan perniagaan (Street et al., 2022; Kubberød & Ladegard, 2021). *Youth Business International (YBI)*, (2018) menyatakan "mentor perniagaan adalah sokongan peribadi secara sukarela dalam membantu usahawan muda mengembangkan kebolehan dan kemampuan mereka memandangkan mereka memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka secara sendirian" (ms14).

Pementoran keusahawanan di IPT dapat mendorong pelajar-pelajar di IPT ke arah kemenjadian usahawan (Middleton, 2020; Nabi et al., 2021; Gimmon, 2014; Sansone et al., 2021a) di mana ianya akan membangunkan kemahiran dan keupayaan (Fauchald et al., 2022; Nate et al., 2022; Saino, 2019) pelajar untuk menjadi usahawan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

IPT adalah memainkan peranan penting dalam proses kemenjadian usahawan (Middleton, 2020).

Pementoran keusahawanan merupakan salah satu elemen ekosistem keusahawanan di IPT (KPT, 2020; Al-Shaikh & Siddiqui, 2021) di bawah elemen libat sama staf (KPT, 2020). Selain menjalankan tugas hakiki, pensyarah juga perlu bertindak sebagai mentor pelajar bagi mengenal pasti kemahiran keusahawanan dan seterusnya membimbing dan terus menggilap kebolehan keusahawanan di dalam diri pelajar tersebut (Sarimah et al., 2020). Tenaga pengajar dengan kepakaran keusahawanan adalah merujuk kepada tenaga pengajar akademik dan bukan akademik di IPT yang memiliki persijilan atau pengiktirafan (termasuk persijilan atau pengiktirafan professional) di bidang keusahawanan / pengurusan perniagaan / perdagangan atau mereka yang mendapat pengiktirafan atau telah menjalani latihan keusahawanan yang diiktiraf atau telah menjalani program sangkutan industri berkaitan keusahawanan lebih dari dua bulan (KPT, 2022b).

Selain kriteria kepakaran tersebut, kriteria sumbangan juga adalah menjadi penilaian wajib bagi mengiktiraf seorang pensyarah sebagai tenaga pengajar dengan kepakaran keusahawanan (KPT, 2022b). Merujuk KPT (2022b) terdapat tiga bentuk sumbangan yang dikira sebagai sumbangan untuk pengiktirafan pensyarah berkepakaran keusahawanan iaitu

1) pensyarah telah membantu atau menjadi penasihat dan mentor kepada perniagaan atau projek keusahawanan pelajar atau,
2) telah membantu / menjadi penasihat dan mentor kepada Perniagaan Kecil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sederhana (PKS) / komuniti atau,

3) telah mengajar kursus berkaitan keusahawanan samada di dalam atau luar IPT.

Kesimpulannya pementoran usahawan di IPT adalah situasi yang menghubungkan pensyarah berpengalaman sebagai mentor dan pelajar sebagai menti (Liu, Gorgievski, Qi & Paas 2022b) yang melibatkan pemindahan pengetahuan dan sokongan psikososial daripada mentor kepada menti (Iyoha & Igbinedion, 2022).

2.3.2 Kepentingan Pementoran Usahawan

Perjalanan keusahawanan adalah satu perjalanan yang mencabar di mana usahawan menghadapi pelbagai masalah dalam membentuk perniagaan seterusnya bagaimana untuk melalui perjalanan tersebut (Agrawal et al., 2021; Poskanzer 2022). Mentor kepada perniagaan permulaan (*start-up*) dianggap penting dan merupakan sumber kekuatan (Abd. Rahman et al., 2020) untuk melengkapkan usahawan pemula dengan asas-asas yang akan mempersiapkan diri mereka bagi mengembangkan potensi penuh mereka sebagai usahawan supaya mereka boleh mengikut peredaran globalisasi dan bersedia menghadapi realiti pasaran yang dinamik. Mentor adalah merupakan satu sistem sokongan yang diperlukan oleh usahawan pemula (Street et al., 2022; Kubberød & Ladegard, 2021; Haneberg & Aaboen, 2020; Bone et al. 2019; Kubberod & Fosstenløkken, 2018; Kram, 1985b) yang merangkumi sokongan psikososial (Kramm 1985a; Street et al., 2022), sokongan emosi (Nabi et al., 2021; Liu et al., 2022a; Liao et al., 2022) dan sokongan fasiliti jaringan keusahawanan (Haneberg & Aaboen, 2020; Street et al.,2022).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam perspektif pelajar, impian untuk menjadi *'The Next Jack Ma'* merupakan satu impian pelajar di IPT (Wright et al., 2021; Ling et al., 2022), namun, secara praktiknya, memulakan perniagaan semasa dalam pengajian adalah mencabar bagi kebanyakan pelajar. Walaupun pada peringkat awalnya, didapati bahawa bilangan pelajar yang menjalankan perniagaan semasa dalam tempoh pengajian semakin bertambah, namun kebanyakan mereka tidak dapat melestarikan perniagaan mereka setelah tamat pengajian (Akmal Sabarudin, et al., 2022) seperti yang berlaku di UKM, di mana terdapat lambakan graduan yang masih tidak bekerja dan tidak memilih keusahawanan sebagai kerjaya (Akmal Sabarudin, et al., 2022). Malahan jika dipandang daripada perspektif Malaysia, jumlah graduan yang tidak bekerja pada tahun 2018 hingga 2021 adalah melebihi 40 ribu graduan. **Jadual 2.1** adalah analisis tren bagi kadar graduan IPTA/S di Malaysia yang tidak bekerja bagi tahun 2018 sehingga 2021.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.1

Analisis tren jumlah graduan yang tidak bekerja di Malaysia

Tahun	2018	2019	2020	2021
Peratus	19.8%	13.8%	15.6%	14.5%
Bilangan	51475	41161	40550	41467

Diadaptasi dari Bahagian Perancangan Strategik, 2022; Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, 2021a; 2020; 2019.

Daripada penyelidikan lepas, didapati bahawa di IPT Malaysia, terdapat pelajar yang tercicir daripada pengajian kerana pelajar terlalu menumpukan kepada perniagaan dan ada yang bergraduan dengan keadaan perlu menambah tempoh pengajian sehingga ke tahap maksimum (Pusat Pembangunan Keusahawanan Universiti Kebangsaan Malaysia (MASMED), 2022). Ini berlaku kerana fokus dan emosi mereka terganggu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerana mereka menjalankan perniagaan di kampus (MASMED, 2022). Dalam dunia keusahawanan, tiada cara yang standard / tetap bagaimana untuk menjadi usahawan mahupun menjadi mentor usahawan (Mouammer & Bazan, 2021). Ianya berbeza mengikut individu, minat dan pengalaman. Hal ini seiring dengan Yanzhen (2020) yang membuat kesimpulan di dalam penyelidikannya bahawa proses keusahawanan yang berjaya ditadbir oleh Jack Ma dan Steve Job adalah pada 1) keunikan aktiviti keusahawanan (perjalanan keusahawanan dan berkaitan dengannya, dan 2) keunikan personaliti keusahawanan yang dimiliki oleh kedua-dua usahawan ini. Kedua-dua aspek ini dapat dikendalikan dengan baik melalui pementoran kerana proses pementoran itu sendiri adalah proses membimbing aktiviti keusahawanan sepanjang perjalanan keusahawanan dan aspek personaliti (Badwan & Rentocchini, 2022; Memon et al., 2018; Hanim et al., 2020; Leonelli et al., 2020; St-Jean & Jacquemin, 2022; Aydogdu, 2019) juga adalah salah satu aspek yang ditekankan dalam proses pementoran.

Fasa pembangunan usahawan pemula adalah melibatkan tiga peringkat pembangunan iaitu pra-peralihan, semasa peralihan dan selepas peralihan (Mulenga 2019). Di setiap peralihan, terdapat satu perasaan ketakutan kepada kegagalan. Di peringkat pra peralihan, perasaan takut kepada kegagalan adalah berkisar kepada bahawa idea keusahawanan yang dimiliki, tidak akan berjaya setelah dilaksanakan nanti (Mulenga, 2019), namun melalui pementoran keyakinan untuk memulakan perniagaan adalah tinggi (YBI, 2018). Manakala ketakutan terhadap kegagalan semasa usahawan pemula berada dalam peringkat peralihan, adalah berkisar mengenai kegagalan setelah membuat pelaburan modal dalam perniagaan (Mulenga, 2019). Manakala ketakutan ketiga menurut Mulenga (2019) adalah pada peringkat selepas peralihan iaitu perasaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ketakutan terhadap kegagalan melalui masa-masa sukar peralihan dan kejutan-kejutan dalam perniagaan seperti pesaing baru, perubahan undang-undang dan perubahan teknologi. Sebahagian daripada penyelesaian untuk membangunkan keupayaan kognitif dan menguruskan usahawan pemula daripada kesan ketakutan kegagalan tersebut, boleh diatasi melalui sistem sokongan mentor (Mulenga, 2019; St-Jean & Jacquemin, 2022; Badwan & Rentocchini, 2022) di mana mentor memindahkan kemahiran pengurusan, kepimpinan dan teknikal kepada menti di sepanjang masa dan peringkat yang diperlukan (Fauchald et al., 2022; Masha et al.,2022; Nabi et al.,2021; Street et al., 2022; Chang & Cheng, 2022; St-Jean & Jacquemin, 2022).

Oleh itu, pementoran usahawan baru perlu ada di peringkat permulaan perniagaan (Badwan & Rentocchini, 2022). Pementoran di peringkat pra-permulaan dan permulaan perniagaan, sebahagian besarnya bukan sahaja dapat mengurangkan kesilapan dan kadar kegagalan semasa proses mewujudkan perniagaan baru (YBI, 2018), malahan dapat meningkatkan keinginan menjadi usahawan (Jung-Ji & Tai-Gi, 2022) dan ianya juga menjadi peneraju keusahawanan bagi golongan muda (Masha et al., 2022). Oleh itu, pementoran usahawan perlu ada di peringkat permulaan perniagaan bagi mengurangkan kerisauan dan ketakutan usahawan pemula (St-Jean & Jacquemin, 2022).

Terdapat beberapa penyelidikan yang melibatkan topik pementoran keusahawanan di IPT. Antaranya adalah berkaitan kepentingan pementoran dalam pembangunan usahawan pemula di IPT dan kompetensi pensyarah sebagai mentor. Di Malaysia, pensyarah-pensyarah universiti dan PolyCC diberi galakan yang tinggi oleh KPT untuk terlibat dengan latihan dan pembangunan professional keusahawanan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Sarmila et al., 2019) termasuk mempersiapkan diri sebagai mentor. Berbeza dengan negara Vietnam, pelajar-pelajar di sana kebanyakannya tidak bersetuju pensyarah (ahli akademik) menjadi mentor usahawan mereka (Sarmila et al., 2019), manakala di Indonesia pula, pensyarah-pensyarah yang terlibat dengan pendidikan keusahawanan adalah merupakan usahawan sebenar dan menyebabkan pembelajaran keusahawanan di Indonesia menjadi lebih menyeronokkan kerana mereka mempraktikkan "*learning by doing*" dalam proses pendidikan keusahawanan yang melibatkan perniagaan pensyarah / mentor itu sendiri (Sarmila et al., 2019). Selain galakan pembangunan diri, latihan dan keprofessionalan dalam keusahawanan, Malaysia juga sangat menitikberatkan pementoran usahawan di universiti dan PolyCC (KPT 2020).

Dapatan penyelidikan lepas juga, ada yang menunjukkan bahawa pementoran boleh memainkan peranan penting dalam pembangunan usahawan (Svensson, 2021), kemahiran keusahawanan (Nate et al., 2022; Nabi et al., 2021; Zhang & Nong, 2023) dan sikap keusahawanan (Lyu et al., 2023; Nate et al., 2022; Ghulam Nabi et al., 2021; St-Jean & Tremblay, 2020) dalam kalangan pelajar universiti. Pementoran berfungsi memberikan bimbingan (Nabi et al., 2021), sokongan (Street et al., 2022; Kubberød & Ladegard, 2021; Haneberg & Aaboen, 2020; Nabi et al., 2021) dan model peranan (Nabi et al., 2021) kepada menti. Pementoran adalah memberi impak positif (Nabi et al., 2021; Natalia & Sihombing, 2018; Saino, 2019; Mouammer & Bazan, 2021; Ayodele et al., 2021) kepada niat keusahawanan dan membantu perjalanan keusahawanan (Nabi et al., 2021; Bell & Cui, 2023; Riter, 2020) pelajar universiti, terutamanya pada peringkat awal (Nabi et al., 2021) pembukaan perniagaan mereka. Mentor juga adalah signifikan dengan pengurangan rasa keraguan (St-Jean & Jacquemin, 2022) di dalam diri menti ketika memulakan perniagaan. Pelajar-pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

IPT kebanyakannya adalah berkecenderungan untuk menjadi usahawan (Ling et al., 2022; Norazlinda & Sankaran, 2021; Nur Fardeana et al., 2020; Akmal et al, 2022) dan dengan pementoran, kecenderungan keusahawan ini dapat meningkatkan niat keusahawanan (Arman et al, 2021: Mouammer & Bazan, 2021; Saino; 2019) seterusnya ditukarkan kepada kemenjadian usahawan (Nabi et al., 2021).

Pementoran adalah merupakan ekosistem keusahawanan IPT (Wright et al., 2021; Sanchez-Burks et al., 2017) yang melibatkan usahawan pemula dalam kalangan pelajar dan mentor dari universiti di mana universiti adalah memainkan peranan yang penting dan utama (Ludzinska, 2023; Zhang W., 2023; Lyu, Shepherd, & Lee, 2023; Bell & Cui, 2023; Riter, 2020; St-Jean & Tremblay, 2020; Deepali, Jain, & Chaudhary, 2016). Dengan memulakan perniagaan di IPT, pelajar-pelajar ini akan dapat mengekalkan perniagaan (St-Jean & Jacquemin, 2022; Hartmann et al., 2022; Dost, 2021) sehingga selepas bergraduasi sekiranya mendapat mentor yang kompeten (Ludzinska, 2023; Poskanzer, 2022; Svensson, 2021; Lee & Park, 2020).

Kompetensi mentor keusahawanan di IPT dikaitkan dengan kemenjadian usahawan dalam kalangan pelajar (Svensson, 2021; Jukka, Outi-Maaria, Eev, & Montonen, 2021) dan kemampanan syarikat permulaan pelajar. Kompetensi mentor penting untuk difahami dan dimiliki oleh pensyarah kerana mentor usahawan adalah berfokus atau sasaran akhirnya adalah kemenjadian pelajar sebagai usahawan (St-Jean & Tremblay 2020) dan dapat mengekalkan perniagaan sehingga selepas bergraduasi (St-Jean & Jacquemin, 2022; Hartmann, Backmann, Newman, Brykman, & Pidduck, 2022; Dost, Shah, & Saleem, 2021; Kuratko, Neuberty, & Marvel, 2020; Jaharuddin, Purnawan, Mujiastuti, Prasetyawati, & Muthmainnah, 2019) yang mana sekaligus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dapat mengurangkan kadar graduan yang tidak bekerja. Dengan memahami kompetensi yang perlu dimiliki seorang mentor, ini akan mempersiapkan pensyarah untuk menjalankan tugas sebagai mentor usahawan sekaligus melahirkan usahawan graduan di IPT (Tu & Akhter, 2022).

2.4 Teori Kompetensi

Kompetensi berdasarkan prestasi yang cemerlang dicetuskan oleh David Mc Clelland (Kumar & Kayalvizhi, 2024; Zamkova et al., 2023; Megahed, 2018) pada tahun 1960-1970an. Mc Clelland melihat kompetensi sebagai pembolehubah bebas yang terdiri daripada pelbagai ciri dan kemahiran asas, membolehkan tugas pengurusan prestasi dan mempengaruhi tingkah laku pengurusan. Kompetensi mentor keusahawanan termasuklah pemahaman yang kukuh tentang bidang yang menjadi fokus pementoran (Mouammer & Bazan, 2021) dan kemahiran interpersonal, keupayaan untuk memberikan maklum balas yang membina, pengalaman dalam memulakan dan menjalankan perniagaan (Leonelli et al., 2020). Mentor juga perlu mempunyai kesediaan (Martinez, et al., 2018; Mouammer & Bazan, 2021) untuk berkongsi pengetahuan (Martinez, et al., 2018; Saino, 2019) dan pengalaman (Martinez, et al., 2018) yang mereka miliki. Selain itu, mentor keusahawanan yang baik harus dapat mendengar secara aktif, memahami matlamat menti, memberikan bimbingan dan sokongan, serta bersabar dan memberi semangat. Secara ringkasnya kompetensi merupakan tentang elemen-elemen bagaimana seorang mentor dapat membantu menti dalam pengembangan perniagaan mereka dengan merujuk kepada elemen tertentu dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai mentor.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada tinjauan literatur, dapat disimpulkan bahawa kesemua elemen tersebut dapat diklasifikasikan sebagai i) personaliti yang merangkumi karakter luar dan sifat dalaman individu (Kumar & Kayalvizhi, 2024; Zamkova et al., 2023; Memon et al., 2018; Hanim et al., 2020; Leonelli et al., 2020; St-Jean & Jacquemin, 2022; Aydogdu, 2019), ii) pengalaman dalam menjalankan tugas (Kumar & Kayalvizhi, 2024; Zamkova et al., 2023) atau pun pengalaman dalam bidang menti yang sedang dibimbing (Kumar & Kayalvizhi, 2024; Zamkova et al., 2023; Martinez, et al., 2018) iii) kemahiran yang merujuk kepada tahap kepakaran yang dimiliki oleh mentor dalam bidang yang merangkumi kemahiran teknikal dan pengurusan perniagaan (Kumar & Kayalvizhi, 2024; Zamkova et al., 2023; Memon et al., 2018; Hanim et al., 2020; Street et al., 2022; Haneberg & Aaboen, 2020; Chang & Cheng, 2022; Garcia 2021; Mouammer & Bazan 2021) dan iv) ilmu pengetahuan yang merangkumi ilmu praktikal dan ilmu teori (Kumar & Kayalvizhi, 2024; Zamkova et al., 2023; Memon et al., 2018; Hanim et al., 2020; Street et al., 2022; Haneberg & Aaboen, 2020; Chang & Cheng, 2022; Fauchald et al., 2022; Garcia 2021; Mouammer & Bazan 2021; Aydogdu, 2019). Ini menunjukkan bahawa kompetensi seorang mentor dalam membantu perkembangan perniagaan menti adalah melibatkan elemen personaliti, pengalaman, kemahiran, ilmu pengetahuan nilai positif yang dimiliki oleh seseorang. Personaliti merangkumi watak dan sifat individu, manakala pengalaman berkaitan dengan pelaksanaan tugas dan keahlian dalam bidang yang sedang dibimbing. Kemahiran merangkumi kemahiran teknikal dan generik. Ilmu pengetahuan melibatkan pengetahuan praktikal dan teori tentang bidang yang diberi pementoran. Manakala nilai positif adalah apa-apa sahaja nilai baik yang membuatkan seseorang itu lebih cemerlang dari orang lain. **Jadual 2.2** adalah ringkasan konsep kompetensi yang diperkenalkan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.2

Konsep-konsep kompetensi

Bil	Penyelidik	Konsep kompetensi
1.	David Mc Clelland (1960-1970an) di dalam Kumar dan Kayalvizhi, (2024), Zamkova et al., (2023), Megahed, (2018).	1) Kebolehan akademik/ Pengetahuan melaksanakan tugas 2) Kebolehan / pengalaman melaksanakan tugas 3) Kemahiran 4) Personaliti
2.	Martinez et al. (2018)	1) Kemahiran komunikasi 2) Kemahiran membuat pemerhatian 3) Pengetahuan 4) Pengalaman dalam bidang menti
3	Bennett's (2008) di dalam Barrow (2023)	1) Pengetahuan (domain kognitif) 2) Kemahiran (domain tingkah laku) 3) Sikap (domain affektif)
4.	Barrow (2023), Fakhruddin et al., (2023), Pratiwi, Nirwana, dan Nasrah (2023)	1) Pengetahuan 2) Kemahiran 3) Sikap
5.	Kumar dan Kayalvizhi, (2024)	1) Teori kompetensi Mc Clelland 2) Nilai positif dalam individu

Diadaptasi dari Kumar dan Kayalvizhi (2024), Zamkova et al., (2023), Megahed, (2018), Martinez, et al. (2018), Barrow (2023), Fakhruddin et al., (2023), Pratiwi et al.,(2023)

2.4.1 Kompetensi Mentor

Kompetensi ialah keupayaan kerja setiap individu yang merangkumi elemen pengetahuan, kemahiran dan sikap kerja (Fakhruddin et al., 2023; Pratiwi et al., 2023; Vijaya & Abdullah, 2021) mengikut piawaian yang ditetapkan. Kompetensi ialah gabungan kemahiran, pengetahuan dan tingkah laku (sikap) yang boleh diperhatikan dan diterapkan secara kritis untuk kejayaan organisasi dan prestasi kerja serta sumbangan peribadi pekerja kepada organisasi mereka. Kompetensi dikaitkan secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

langsung dengan tanggungjawab seseorang terhadap kerjayanya. Dalam pementoran, mentor perlu bertekad untuk bertindak mengikut etika agar memiliki personaliti yang baik dan berkualiti (Martinez, et al., 2018; Nor Shafira & Sheerad, 2022), bersabar (Martinez, et al., 2018), professional (Martinez, et al., 2018), dapat memberi pengajaran dan memberi inspirasi (Kumar & Kayalvizhi, 2024; Zamkova et al., 2023; Martinez, et al., 2018) kepada menti agar menjadi individu yang berkualiti.

Pada asalnya, teori kompetensi David Mc Clelland merujuk kepada konsep dalam pengurusan sumber manusia dan psikologi organisasi yang mencadangkan bahawa kejayaan individu adalah berkaitan dengan pemilikan kebolehan dan ciri khusus, yang dikenali sebagai kompetensi (Kumar & Kayalvizhi, 2024; Guo & Ayoun, 2023). Ideanya ialah dengan mengenal pasti dan membangunkan kompetensi ini, organisasi boleh meningkatkan prestasi individu dan kolektif. Kompetensi boleh digunakan untuk pelbagai tujuan seperti pengurusan bakat, penilaian prestasi, pembangunan kerjaya, dan reka bentuk kerja (Alkhawaldeh & Alla, 2025).

2.4.2 Kompetensi Mentor Usahawan

Dalam proses pementoran usahawan, mentor merupakan individu yang membimbing dan bersama dengan menti bagi memastikan kemenjadian usahawan. Sehubungan itu, mentor perlu memiliki kompetensi bagi melancarkan proses pementoran. Terdapat beberapa model kompetensi mentor yang telah dibangunkan untuk digunakan dalam program pementoran. Antara model tersebut adalah i) Model Kompetensi *Iceberg* (Spencer & Spencer, 1993 di dalam Ashade et al., 2021) dan ii) Model Segi Tiga Kompetensi Mentor (Johnson, 2003). Kedua-dua model ini menekankan bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keberkesanan mentor bukan sahaja bergantung pada kemahiran dan pengetahuan, tetapi juga aspek dalaman seperti nilai, motivasi dan hubungan interpersonal. Justeru, pemahaman terhadap model ini penting untuk menilai sejauh mana pensyarah sebagai mentor dapat menyokong pembangunan usahawan pemula.

2.4.2.1 Model Kompetensi *Iceberg*

Model Kompetensi *Iceberg* yang diperkenalkan oleh Spencer dan Spencer (1993) dan dirujuk oleh Ashade et al. (2021) menggambarkan perspektif yang mendalam tentang konsep kompetensi melalui analogi bongkah ais yang terapung di lautan. Dalam analogi ini, hanya sebahagian kecil iaitu kira-kira 1/9 daripada bongkah ais kelihatan di atas permukaan air, manakala sebahagian besar lagi tersembunyi di bawah permukaan. Ini menggambarkan bahawa elemen kompetensi yang nyata seperti pengetahuan dan kemahiran mudah diperhatikan dan dinilai secara langsung. Namun, sebahagian besar elemen kompetensi terletak pada aspek tersembunyi yang tidak dapat dilihat seperti sikap, sifat peribadi, cara berfikir, dan imej diri seseorang.

Model ini mengaitkan elemen-elemen kompetensi tersebut dengan kemahiran pementoran. Dalam konteks pementoran, kemahiran membimbing melambangkan pengetahuan khusus yang dimiliki oleh mentor, termasuk pemahaman mendalam tentang bidang yang berkaitan. Di samping itu, kemahiran memberi sokongan pula merujuk kepada keupayaan mentor untuk berinteraksi dan memberi bimbingan secara berkesan kepada menti, termasuklah kecekapan dalam komunikasi, kebolehan mendengar dengan empati, kemahiran membina hubungan yang kukuh, serta kebolehan menyediakan sokongan moral dan emosi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, aspek yang berada di bawah permukaan, iaitu kompetensi peribadi, memainkan peranan penting dalam pementoran. Kompetensi peribadi ini merangkumi karakter yang boleh diperhatikan, seperti ketegasan dan sikap profesional, serta elemen tersembunyi seperti personaliti yang berkaitan dengan emosi, pemikiran, dan perasaan individu. Ciri-ciri ini, walaupun tidak kelihatan secara fizikal, memberi impak besar terhadap keberkesanan proses pementoran kerana ia mempengaruhi cara mentor berinteraksi dan berhubung dengan menti.


Rajah 2.1 memberikan visualisasi model ini, dengan menggambarkan elemen-elemen kompetensi yang berada di atas dan di bawah permukaan air, selaras dengan konsep Model Kompetensi *Iceberg*. Melalui pemahaman ini, dapat dilihat bahawa kemahiran pementoran bukan sahaja memerlukan pengetahuan teknikal, tetapi juga melibatkan kemahiran interpersonal dan ciri-ciri peribadi yang kompleks yang mempengaruhi keupayaan mentor untuk menjadi inspirasi dan sumber sokongan yang berkesan kepada menti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 2.1

Model Kompetensi Iceberg.



Diadaptasi dari Spencer dan Spencer, 1993.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.2.2 Model Segi Tiga Kompetensi Mentor

Johnson (2003) telah menghasilkan satu Model Segi Tiga Kompetensi dalam kalangan ahli akademik (pensyarah). Model ini telah diubahsuai oleh Ramirez (2012) menjadi Model Segi Tiga Kompetensi Mentor dan digunakan dalam persekitaran dunia akademik untuk membantu mentor dan menti memahami dan mengembangkan kemahiran, pengetahuan dan ciri peribadi yang diperlukan untuk hubungan mentor yang berkesan bagi memastikan matlamat pementoran berhasil dengan baik. Dalam suasana akademik, pementoran boleh memainkan peranan penting dalam pembangunan profesional penyelidik kerjaya awal, pelajar siswazah dan ahli fakulti junior. Ini menunjukkan bahawa model ini memberi asas yang sistematik dalam memperkukuh fungsi pementoran di institusi pendidikan tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan menggunakan Model Segi Tiga Kompetensi Mentor sebagai panduan, mentor dan menti boleh bekerjasama untuk membina hubungan yang kukuh dan menyokong bagi memudahkan pembelajaran, pertumbuhan dan kejayaan dalam bidang tumpuan pementoran tersebut. Model Segi Tiga Kompetensi Mentor juga boleh digunakan untuk mereka bentuk dan menilai program pementoran, untuk menyediakan latihan dan sokongan kepada mentor, dan untuk menilai keberkesanan perhubungan pementoran dalam mencapai hasil yang diinginkan. Oleh itu, model ini berfungsi bukan sahaja sebagai kerangka konseptual tetapi juga sebagai alat praktikal dalam melaksanakan pementoran yang berkesan.


Selain itu, model ini menekankan kepentingan keseimbangan antara aspek pengetahuan profesional, kemahiran pedagogi, dan hubungan interpersonal yang erat. Hal ini bermakna kejayaan pementoran tidak hanya bergantung pada kecekapan akademik semata-mata, tetapi turut dipengaruhi oleh empati, kepercayaan, dan keikhlasan yang ditunjukkan oleh mentor. Model ini juga relevan dalam konteks keusahawanan kerana hubungan mentor–menti yang berkesan dapat menyumbang kepada kelestarian perniagaan. Oleh itu, pemahaman terhadap Model Segi Tiga Kompetensi Mentor amat penting untuk diaplikasikan dalam pembangunan mentor usahawan dalam kalangan pensyarah. Dengan demikian, model ini mampu menjadi rujukan utama dalam membina budaya pementoran yang lebih mantap dalam kalangan pensyarah. Gambaran model ini adalah seperti dalam **Rajah 2.2**.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 2.2

Model Segi Tiga Kompetensi Mentor dalam kalangan ahli akademik



Diadaptasi dari Johnson, 2003 di dalam Ramirez, 2012.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model-model ini menyediakan titik permulaan kepada mentor usahawan untuk diambil perhatian bahawa kompetensi khusus yang diperlukan untuk pementoran usahawan yang berkesan akan bergantung kepada keperluan menti dan matlamat pementoran. Peranan pensyarah sebagai mentor di IPT adalah untuk membantu pelajar membangunkan potensi diri dan kebolehan mereka.

Beberapa penyelidikan telah menganalisis konsep pementoran dan elemen utamanya dalam pendidikan tinggi, dan kebanyakan penyelidik bersetuju bahawa pementoran adalah melibatkan soal perhubungan yang berfokuskan kepada memberi sokongan dan galakan serta bimbingan dalam perkembangan kognitif (pengetahuan), sosial (kemahiran) dan emosi (personaliti). Beberapa penyelidikan lain pula telah mengenal pasti bagaimana untuk menjadikan pensyarah seorang mentor. Antaranya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah pensyarah perlu bersifat lebih peribadi dan bukan akademik (Santa-Ramirez, 2022), sedia bekerjasama (Martinez, et al., 2018; Saino, 2019) dan merupakan perkara asas dalam konsep perhubungan mentor-menti. Jika mentor tidak bersedia untuk berkongsi pengalamannya dengan menti (pelajar), tidak akan ada perkara penting yang akan berlaku (Martinez, et al., 2018; Saino, 2019). Begitu juga sebaliknya, jika menti (pelajar) tidak mempunyai keinginan untuk belajar daripada mentor yang ada, adalah lebih lebih baik menti ini mencari mentor yang lain (Martinez, et al., 2018; Saino, 2019).

Selain itu, mentor seharusnya memiliki kesamaan dengan menti kerana kesamaan ini didapati adalah salah satu pengantara kejayaan satu hubungan mentor menti (Jung–Ji & Tai-Gi, 2022; Audet & Couteret, 2022; Mouammer & Bazan, 2021; Bricker, 2021). Mentor juga perlulah mempunyai ketersediaan (Martinez, et al., 2018; Saino, 2019; Mouammer & Bazan, 2019) yang mencukupi agar pertemuan bersama (Bone et al., 2019) menti dapat dijalankan secara teratur bagi berkongsi pengalaman (Martinez, et al., 2018), untuk menjadikan dirinya seorang mentor yang sangat mudah membantu (Saino, 2019). Ketersediaan ini termasuklah ketersediaan menghadapi perbezaan budaya (Martinez, et al., 2018;), bersedia dengan kemahiran dan kemampuan untuk menganalisis personaliti menti (Saino, 2019; Mouammer & Bazan, 2019) dan perlu bersedia dengan jurang jantina (Mouammer & Bazan, 2019).

Bagi menjamin kejayaan program pementoran usahawan, pusat keusahawanan IPT perlu memberi tumpuan kepada kumpulan mentor yang berkualiti tinggi (Mouammer & Bazan 2021). Konsep pementoran di universiti, asasnya adalah menumpukan kepada pembangunan kerjaya dan pembangunan psikososial (Street et

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

al., 2022; Nabi et al.,2021; Liao et al., 2022; Liu et al.,2022a; Carpintero, 2015; Kram, 1985a; Kram, 1985b). Kompetensi mentor keusahawanan di IPT dikaitkan dengan kemenjadian usahawan dalam kalangan pelajar (Svensson, 2021; Jukka, Outi-Maaria, Eev, & Montonen, 2021) dan kemampanan syarikat permulaan pelajar. Kompetensi mentor penting untuk difahami dan dimiliki oleh pensyarah kerana mentor usahawan adalah berfokus atau sasaran akhirnya adalah kemenjadian pelajar sebagai usahawan (St-Jean & Tremblay 2020) dan dapat mengekalkan perniagaan sehingga selepas bergraduasi (St-Jean & Jacquemin, 2022; Hartmann, Backmann, Newman, Brykman, & Pidduck, 2022; Dost, Shah, & Saleem, 2021; Kuratko, Neuberty, & Marvel, 2020; Jaharuddin, Purnawan, Mujiastuti, Prasetyawati, & Muthmainnah, 2019) yang mana sekaligus dapat mengurangkan kadar graduan yang tidak bekerja. Dengan memahami kompetensi yang perlu dimiliki seorang mentor, ini akan mempersiapkan pensyarah untuk menjalankan tugas sebagai mentor usahawan sekaligus melahirkan usahawan graduan di IPT (Tu & Akhter, 2022).

Daripada sorotan penyelidikan lepas, dapat disimpulkan bahawa program pementoran keusahawanan di IPT perlu memberi tumpuan kepada mentor yang mempunyai kompetensi tertentu untuk kemenjadian usahawan pelajar. Pementoran keusahawanan di IPT berkaitan dengan perkembangan usahawan pelajar dan kemampanan syarikat permulaan yang bertujuan mewujudkan usahawan pelajar yang berjaya dan mengekalkan perniagaan selepas bergraduasi seterusnya membantu mengurangkan kadar graduan yang tidak bekerja. Hal ini memerlukan pensyarah memiliki beberapa kompetensi tertentu bagi mencapai matlamat ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.3 Perbandingan Model Kompetensi Mentor Usahawan di Institut Pengajian Tinggi

Seterusnya tinjauan penyelidikan lepas adalah berfokus kepada standard kompetensi mentor usahawan di Malaysia, China, Amerika Syarikat dan United Kingdom. Selain Malaysia iaitu negara yang diselidik dalam penyelidikan ini, tiga negara lain tersebut dipilih kerana merujuk kepada senarai kedudukan Fakulti Pengurusan Perniagaan bagi universiti di dunia, kedudukan 10 teratas universiti terbaik adalah enam universiti di Amerika Syarikat (US), tiga di United Kingdom dan satu dari Negara China.

2.4.3.1 Malaysia

Buku "Panduan Pendidikan Keusahawanan Bersepadu" yang diterbitkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi digunakan sebagai rujukan literatur untuk merujuk standard kompetensi mentor dalam kalangan pensyarah IPT di Malaysia (Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), 2020). Dalam usaha mencapai kecemerlangan keusahawanan di IPT, semua staf, termasuk staf akademik dan bukan akademik, perlu terlibat dalam ekosistem keusahawanan tersebut. Staf yang terlibat dalam pendidikan keusahawanan harus mempunyai pemikiran yang berorientasi keusahawanan dan kompeten (JPT, 2020). Beberapa kompetensi yang terdapat dalam buku ini meliputi:

1) Ilmu pengetahuan: Memiliki asas pengetahuan teori dan praktikal yang kukuh dalam bidang keusahawanan.
2) Pengalaman keusahawanan: Memiliki pengalaman praktikal sekurang-kurangnya pendedahan asas dalam keusahawanan. Ianya boleh dipertingkatkan melalui menghadiri program sangkutan industri selama enam (6) bulan, latihan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

amali di syarikat pemula / syarikat hiliran, latihan teknikal dan vokasional dalam keusahawanan atau *Entrepreneurship in Residence (EIR).*

3) Kemahiran: Memiliki kemahiran yang relevan terutama kemahiran berkomunikasi dan kemahiran berkaitan keusahawanan (khususnya kemahiran berniaga dan kemahiran menggunakan teknologi baru). Kemahiran ini boleh diperolehi melalui latihan dan pembangunan professional yang berterusan atau program sangkutan industri.
4) Personaliti: Memiliki perwatakan dan pemikiran (ihsan) untuk menjadikan mentor berdaya tahan dan fleksibel terhadap perubahan dan cabaran dalam persekitaran. Antara perwatakan dan pemikiran yang digariskan didalam buku ini adalah berfikir dan bertindak melangkaui norma, mempunyai keberanian dan memiliki ihsan di dalam diri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks penyelidikan mengenai kompetensi pensyarah sebagai mentor usahawan, buku "Panduan Pendidikan Keusahawanan Bersepadu" dari Kementerian Pengajian Tinggi (JPT, 2020) memberikan landasan penting. Kompetensi yang diterangkan dalam panduan ini, termasuk ilmu pengetahuan, pengalaman keusahawanan, kemahiran, dan personaliti, mencerminkan aspek-aspek asas yang harus difahami dan dimiliki oleh pensyarah sebagai mentor usahawan. Oleh itu, hasil penyelidikan harus merangkumi analisis mendalam terhadap bagaimana penerapan kompetensi-kompetensi ini dapat dibentuk dan memantapkan peranan mentor dalam mengembangkan bakat keusahawanan pelajar di IPT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.3.2 China

Di Tanah Besar China, negara ini telah memulakan dasar kemenjadian usahawan (Wright Frng & Zheng, 2021) pada tahun 2015 dengan memperkenalkan program, "*Mass Entrepreneurship and Innovation*" di universiti secara besar-besaran di mana pementoran (Yuan, Hao, Guan, & Pentland, 2022) menjadi sistem sokongan dan rangka kerja yang mantap dan merupakan tonggak ekosistem keusahawanan (Wurth, Stam, & Spigel, 2022) di IPT negara China. Sehubungan itu, penyelidik memilih Model Standard Kompetensi Mentor IPT negara China untuk diteliti memandangkan pementoran di IPT adalah merupakan agenda nasional di negara tersebut (Yuan et al., 2022; Wurth et al., 2022). Standard Kompetensi bagi Mentor Usahawan IPT di China adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1) Pengetahuan perniagaan: Pengetahuan mendalam tentang keusahawanan, strategi perniagaan, kewangan dan operasi. (Zhang & Nong, 2023; Parker et al., 2022; Ting et al., 2017)
2) Kemahiran mentor: Keupayaan untuk membimbing dan menyokong usahawan dalam membangunkan idea perniagaan mereka dan mengatasi cabaran. Termasuk kemahiran komunikasi yang berkesan, iaitu mendengar secara aktif, bahasa yang jelas dan ringkas, keupayaan untuk memberikan maklum balas yang membina, dan menggunakan kemahiran keusahawanan (Zhang & Nong, 2023; Parker et al., 2022; Ting et al., 2017) serta mahir dengan inovasi (Zhang & Nong, 2023).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3) Pengalaman mentor: Pengetahuan dan pengalaman dalam industri atau sektor tertentu yang berkaitan dengan usahawan yang dibimbing (Zhang & Nong, 2023; Parker et al., 2022; Ting et al., 2017).
4) Personaliti: Empati dan kecerdasan emosi iaitu memahami perjalanan emosi seorang usahawan dan dapat bertindak balas dengan sewajarnya kepada keperluan mereka termasuk kemahuan menjadi mentor, kepercayaan dan hormat menghormati (Zhang & Nong, 2023; Parker et al., 2022; Ting et al., 2017).

Daripada sorotan penyelidikan lepas, model kompetensi mentor usahawan di China menekankan pengetahuan perniagaan mendalam, kemahiran mentor berkomunikasi dan membimbing, serta pengalaman praktikal industri. Personaliti mentor pula merangkumi aspek empati, kecerdasan emosi, dan penghargaan terhadap perjalanan emosi usahawan. Model ini menunjukkan pendekatan holistik untuk membentuk mentor yang berdaya maju dan menyokong agenda nasional keusahawanan negara China.

2.4.3.3 Amerika Syarikat (US)

Seterusnya adalah tinjauan literatur mengenai standard kompetensi mentor di Amerika Syarikat. Sanchez-Burks, Brophy, Jensen, Milovac, & Kagan (2017) menjalankan penyelidikan tentang ekosistem pementoran dalam kalangan usahawan pemula yang melibatkan mentor dari universiti dan bukan universiti. Daripada penyelidikan ini, didapati kompetensi mentor usahawan IPT di US adalah:-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1) Kemahiran membimbing: Kemahiran membimbing adalah merangkumi kemahiran sebagai pendengar yang aktif dan kemahiran memberi soalan bagi mendapatkan maklumat-maklumat dari menti dan kemahiran memberi galakan berbanding memberi nasihat (Sanchez-Burks et al., 2017).
2) Pemikiran yang positif: Merupakan satu pemikiran yang positif tentang perkembangan perniagaan iaitu percaya bahawa kemahiran adalah boleh dibangunkan dan dipelajari bagi mencapai kejayaan suatu perniagaan itu (Poskanzer, 2022; Riter, 2020; Sanchez-Burks et al., 2017) di mana ianya juga merupakan elemen dalam sikap keusahawanan (Sansone et al., 2021b).
3) Pengetahuan: Pengetahuan asas tentang keusahawanan (Sansone et al., 2021b; Sanchez-Burks et al., 2017) dan pengetahuan yang mendalam tentang bidang perniagaan yang sedang dibimbing (Poskanzer, 2022).
4) Pengalaman: Pengalaman memiliki dan menguruskan perniagaan sendiri (Poskanzer, 2022) akan menjadikan mentor lebih mahir dalam kemahiran yang diperlukan dalam bidang keusahawanan (Sansone et al., 2021b) dan
5) Personaliti: Sifat dalaman iaitu melibatkan nilai moral yang tinggi, mempunyai cara hidup yang cemerlang dan beretika, mempunyai karakter yang penuh kejujuran dan berintegriti (Johnson W. B., 2003).

2.4.3.4 United Kingdom (UK)

Selain faktor kedudukan 10 teratas Fakulti Pengurusan Perniagaan Universiti terbaik di dunia, penyelidik memilih UK kerana *Ministry Entrepeneurial Award (MEA)* di Malaysia adalah diinspirasikan daripada *Times Higher Education Entrepreneurial University of the Year Award*, di UK yang diperkenalkan pada tahun 2008 (Pittaway,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2023). *Times Higher Education*, UK tidak menyenaraikan kompetensi khusus yang diperlukan oleh pensyarah atau individu untuk layak menerima Anugerah Mentor Keusahawanan Terbaik, namun, berdasarkan ciri-ciri anugerah tersebut dan beberapa penyelidikan lepas, dapat disimpulkan beberapa kompetensi yang perlu dimiliki oleh mentor untuk membimbing pelajar atau usahawan siswazah di UK iaitu:

1) Pengalaman: Disebut sebagai keupayaan keusahawanan (Pittaway et al., 2023; Natalaya, 2023; Jones et al., 2021b; Decker-Lange et al., 2022) iaitu merujuk kepada kepakaran dan pengalaman industri yang kukuh. Mentor yang berpengalaman dalam industri yang sama dengan perniagaan menti boleh memberikan pandangan berharga tentang cabaran dan peluang khusus dalam industri tersebut (Pittaway et al., 2023) terutama dalam fasa permulaan perniagaan (Jones et al., 2021a). Dengan memiliki pengalaman perniagaan, ianya memberikan pengalaman sebenar tentang tahu-apa, tahu-bagaimana dan tahu-siapa dalam proses permulaan perniagaan (Jones et al., 2021b) di IPT sekaligus boleh menawarkan nasihat untuk mengatasi halangan biasa dan membuat keputusan yang bijak (Pittaway et al., 2023).
2) Pengetahuan: Disebut sebagai kesediaan keusahawanan (Decker-Lange et al., 2022) juga dikenali ketelitian keusahawanan (Pittaway et al., 2023) iaitu merujuk kepada pengetahuan tentang keusahawanan secara teori dan pengetahuan tentang pengurusan perniagaan (Decker-Lange et al., 2022; Pittaway et al., 2023; Bone et al., 2019).
3) Personaliti: Merupakan pemikiran keusahawanan (Pittaway et al., 2023; Decker-Lange et al., 2022; Jones et al., 2021a; Jones et al., 2021b) iaitu keupayaan mentor untuk memberi motivasi kepada menti agar menjadikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menti mereka menjadi inspirasi kepada pelajar lain yang tidak menjadi usahawan (Pittaway et al., 2023). Ia juga merujuk kepada empati dan pemahaman terhadap menti agar dapat mempersiapkan menti dengan pemikiran holistik (Decker-Lange et al., 2022; Jones et al., 2021b) agar mendepani cabaran dan perjuangan untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan sekaligus memberi sokongan emosi (Decker-Lange et al., 2022) dan bimbingan sebagai tambahan kepada nasihat praktikal (Pittaway et al., 2023; Decker-Lange et al., 2022; Jones et al., 2021a; Jones et al., 2021b).

4) Kemahiran: Kemahiran di UK adalah menumpukan kepada kemahiran dalam jaringan keusahawanan (Pittaway et al., 2023; Decker-Lange et al., 2022; Jones et al., 2021a; Jones et al., 2021b; Bone et al., 2019). Mentor dengan rangkaian hubungan yang kukuh boleh memperkenalkan menti kepada bakal pelabur, pelanggan atau rakan kongsi, mendapatkan pembiayaan perniagaan, dan membina jaringan dengan komuniti (Pittaway et al., 2023; Decker-Lange et al., 2022; Jones et al., 2021a; Jones et al., 2021b; Bone et al., 2019).

5) Keberkesanan keusahawanan (Pittaway et al., 2023; Decker-Lange et al., 2022; Bone et al., 2019) iaitu keupayaan mentor untuk fokus kepada kejayaan program pementoran iaitu kemenjadian usahawan dalan kalangan pelajar IPT (Pittaway et al., 2023; Decker-Lange et al., 2022; Bone et al., 2019). Ianya merujuk kepada kebolehsuaian (Bone et al., 2019) di mana seorang mentor perlu menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan dan matlamat perniagaan menti boleh memberikan bimbingan yang relevan dan terkini (Pittaway et al., 2023) malahan memperuntukkan masa yang banyak untuk pertemuan dengan menti (Bone et al., 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menariknya di UK, pementoran keusahawanan di IPT merupakan satu usaha yang sangat digalakkan oleh kerajaan (Pittaway et al. 2023) dan merupakan contoh terbaik bagi universiti-universiti dalam menggiatkan pendidikan keusahawan melalui kaedah yang berbeza daripada kebanyakan universiti lain (Natalaya, 2022) di mana ianya melibatkan banyak aktiviti pembangunan keusahawanan seperti program televisyen *Apprentice* dan *Dragon Den* yang dibintangi oleh usahawan graduan di UK dengan tujuan untuk memberi inspirasi kepada pelajar-pelajar semasa di dalam kampus (Pittaway et al., 2023). Selain itu, mentor usahawan dalam kalangan pensyarah juga membimbing pelajar sehingga di luar kelas di mana mereka menyewa ruangan perniagaan untuk memberi ruang pembelajaran perniagaan sebenar kepada pelajar (Decker-Lange et al., 2021). Di UK, sistem pendidikan percaya bahawa aktiviti-aktiviti di luar kampus dapat melahirkan keinginan untuk menjadi usahawan (Pittaway et al, 2023; Decker-Lage et al., 2021), maka pementoran usahawan berlaku bukan sahaja di dalam kampus malahan di luar kampus seperti pertandingan dan pameran keusahawanan, *blog*, latihan keusahawanan, *hackathon*, inkubator dan penubuhan pusat inovasi di IPT (Decker-Lange et al., 2021).

2.4.3.5 Analisis Model Standard Kompetensi Mentor Usahawan IPT di Malaysia, UK, US dan China

Melalui analisis literatur, beberapa kompetensi adalah perlu dimiliki oleh pensyarah bagi menjalankan tugas sebagai mentor usahawan iaitu personaliti, pengalaman, kemahiran dan pengetahuan. Malaysia, US, China dan UK mempunyai model asas kompetensi yang sama iaitu personaliti, pengalaman, kemahiran dan pengetahuan iaitu masih sama dengan teori kompetensi yang diperkenalkan oleh David Mc Clelland dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masih diguna pakai dalam penyelidikan terkini (Kumar & Kayalvizhi, 2024; Zamkova et al., 2023). Namun begitu, definisi dan perlaksanaan bagi setiap elemen kompetensi agak berbeza di antara satu sama lain. Perbezaan definisi dan perlaksanaan ini adalah bergantung kepada apakah fokus pementoran usahawan pemula di negara-negara tersebut.

Daripada perbandingan standard kompetensi bagi empat negara iaitu Malaysia, China, Amerika Syarikat dan United Kingdom didapati bahawa fokus pementoran usahawan IPT di Amerika dan China adalah tertumpu kepada kemahiran mengurus permulaan perniagaan (Li, 2022) dan tumpuan kepada mengurus dan menghasilkan produk inovasi (Sansone et al., 2021b). Manakala di Malaysia dan UK pula adalah menumpukan kepada kemenjadian usahawan dengan memberi tumpuan kemampuan pelajar mengenal pasti peluang perniagaan (Li, 2022; JPT, 2020; KPT, 2022a; KPT, 2022b; KPT 2020). **Jadual 2.3** adalah merujuk kepada analisis tersebut:

Jadual 2.3

Analisis Model Standard Kompetensi Mentor Usahawan

Model	Personaliti	Pengalaman	Kemahiran	Pengetahuan
Malaysia	√	√	√	√
Amerika Syarikat (US)	√	√	√	√
China	√	√	√	√
England (UK)	√	√	√	√

Diadaptasi dari JPT (2020), Zhang dan Nong (2023), Parker et al., (2022), Ting et al., (2017), Poskanzer (2022), Riter (2020), Sanchez-Burks et al., (2017) Sansone et al., (2021b) Johnson (2003), Pittaway et al., (2023), Decker-Lange et al., (2022), Jones et al., (2021a), Jones et al., (2021b), Bone et al., (2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.4 Kepentingan Kompetensi dalam Pementoran Usahawan

Kompetensi mentor keusahawanan di IPT adalah signifikan positif dengan kemenjadian usahawan (Svensson, 2021; Jukka et al., 2021) dan kelestarian perniagaan permulaan pelajar. Mentor keusahawanan yang berkesan boleh memainkan peranan penting dalam menyokong dan membimbing usahawan pelajar semasa mereka membangun dan mengembangkan perniagaan mereka (Ludzinska, 2023; St-Jean & Jacquemin, 2022; Hartmann et al., 2022; Poskanzer, 2022; Dost, 2021; Svensson, 2021; Lee & Park, 2020). Dalam konteks globalisasi, pendidikan untuk inovasi dan keusahawanan menjadi tumpuan utama di universiti terkemuka China (Lv, Zhang, Georgescu, Li, & Zhang, 2022). Oleh itu mentor perlu memiliki pengalaman (Morland, Scott, & Thompson, 2021), kemahiran, pengetahuan (Lv et al.,2022; Mei & Symaco, 2020) dan sikap (Trilaksono et al., 2022; Guo, 2020).

Pusat keusahawanan IPT perlu memberi tumpuan kepada kumpulan mentor yang berkualiti tinggi (Mouammer & Bazan, 2021) bagi memastikan pementoran keusahawanan berjaya. Melalui analisis tinjauan literatur, ia menjelaskan bahawa sokongan mentor adalah tertumpu kepada individu tersebut (menti) dan bukan pada tugas. Mentor akan membimbing menti agar mereka belajar untuk mengembangkan dan membangunkan tugas (sebagai usahawan) dengan mengambil pilihannya sendiri. Mentor tidak akan memberi jawapan kepada menti tentang persoalan-persoalan kehidupan tetapi sebaliknya akan membantu menti untuk mencari penyelesaian atau jawapan yang sesuai dengan dirinya sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, kejayaan pementoran usahawan adalah berhubung secara positif dengan kompetensi pensyarah dalam pendidikan keusahawan (Lewicka & Bollampally, 2022; Iwu et al., 2021) terutama dalam pementoran usahawan pemula dimana kompetensi pensyarah ini merupakan faktor penting dalam niat dan tingkah laku keusahawanan (Lewicka & Bollampally, 2022; Setiawan et al., 2022; Ismail, 2022; Nugraha et al., 2020) serta matlamat untuk menjadi usahawan (Nugraha et al., 2020) malahan kepercayaan pelajar juga adalah berdasarkan kompetensi pensyarah (Lewicka & Bollampally, 2022). Penyelidikan empirikal membuktikan bahawa apabila pelajar mempercayai mentor (pensyarah) mereka, ianya membangunkan niat keusahawanan pelajar dan tingkah laku keusahawanan pelajar (Lewicka & Bollampally, 2022; Ismail, 2022; Nugraha et al., 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.5 Kompetensi Mentor Usahawan

Ahli akademik sebagai mentor memainkan peranan penting (Lyu et al., 2023; Zhang & Nong, 2023; Riter, 2020; Ludzinska, 2023) dalam memupuk dan membimbing bakal usahawan dalam pembangunan dan pertumbuhan perniagaan mereka (Ludzinska, 2023; Lee & Park, 2020). Sebagai mentor, ahli akademik mesti memiliki pelbagai kompetensi untuk menyokong menti mereka sepanjang perjalanan keusahawanan (Poskanzer, 2022; Deng et al., 2022; Hanim et al., 2020; Tshehla & Ladzani, 2021; St-Jean & Mitrano-Méda, 2016). Walaupun memulakan perniagaan bukanlah perkara mudah, memilih seorang mentor yang kompeten sebagai langkah pertama boleh membawa kejayaan kepada perniagaan yang ditubuhkan (Riter, 2020). Kompetensi merujuk kepada teori kompetensi David McClelland yang digunakan dalam penyelidikan oleh Kumar dan Kayalvizhi (2024) meliputi elemen-elemen seperti personaliti, pengalaman,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemahiran, ilmu pengetahuan, serta nilai, karakter, atau motivasi yang cemerlang dalam diri seseorang. Elemen-elemen ini adalah penting bagi mentor usahawan kerana kemampuan mereka untuk membimbing bakal usahawan dalam pembangunan dan perkembangan perniagaan sangat bergantung kepada kualiti kompetensi yang dimiliki (Svensson, 2021). Kompetensi bagi mentor usahawan adalah penting kerana jika ekosistem keusahawanan IPT dalam keadaan terbaik sekalipun, jika mentor tidak kompeten, ianya akan boleh membawa kepada kegagalan matlamat kemenjadian usahawan (Svensson, 2021).

2.4.5.1 Personaliti Lima Utama

Personaliti atau keperibadian ditakrifkan sebagai himpunan pola emosi, pemikiran dan perlakuan yang unik bagi seseorang dan menzahirkan ciri-ciri kawalan emosi (Leonelli et al., 2020; Cervone & Pervin, 2023) dan pemikiran serta tindakan yang berbeza dalam situasi yang sama (Leonelli et al., 2020; Cervone & Pervin, 2023; Nur Fardeana et al., 2020). Personaliti akan membezakan seseorang individu dengan individu lainnya dalam menghadapi situasi yang sama. Personaliti yang merangkumi perwatakan luaran dan dalaman merupakan kompetensi penting dalam pementoran. Beberapa penyelidikan keusahawanan yang merujuk kepada Personaliti Lima Utama sebagai kompetensi mentor usahawan mahupun menti (Nur Fardeana et al., 2020; Leonelli et al., 2020; Bazkiaei, Heng, Khan, Roselina, & Kasim, 2020; Oliver, et al., 2022; Halimatun Saadiah, Normala, Samsilah, & Zeinab, 2023; Karlsdottir, Torfason, Edvardsson, & Heijstra, 2022), mendapati sifat personaliti adalah antara faktor yang menyebabkan pelajar berminat menjadi usahawan (Nguyen, Luu, Vo, & Nguyen, 2022; Saino, 2019;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mouammer & Bazan, 2021) di IPT, Malaysia (Bazkiaei et al.,2020a; Halimatun Saadiah et al.,2023).

Model Personaliti Lima Utama pertama kali diterangkan oleh ahli psikologi Paul Costa dan Robert McCrae pada akhir 1970-an dan 1980-an. Model Personaliti Lima Utama merupakan rangka kerja yang digunakan secara meluas untuk memahami perbezaan individu dalam personaliti. Model Personaliti Lima Utama adalah neurotisisme *(neuroticism)*, ekstraversi (*extraversion)*, keterbukaan *(openness)*, keserasian *(agreeableness)* dan ketelitian *(conscientiousness)*. Beberapa penyelidikan telah menunjukkan bahawa ciri personaliti ini secara relatifnya stabil merentas masa dan merentasi budaya, dan ia telah dikaitkan dengan pelbagai hasil, termasuk pencapaian akademik, prestasi kerja, kesejahteraan malahan dalam niat keusahawanan. Halimatun Saadiah et al., (2023), Karlsdottir et al., (2022), Leonell, (2022), Bazkiaei et al., (2020) dan Memon et al., (2018) telah menggunakan Model Personaliti Lima Utama dalam penyelidikan keusahawanan mereka.

i) Neurotisisme *(Neuroticism)/* Kestabilan Emosi

Neurotisisme merujuk kepada kecenderungan untuk mengalami emosi negatif seperti kebimbangan (Digman, 1990; Bazkiaei et al., 2020), kecelaruan, berfikiran negatif dan terlalu fokus kepada diri sendiri sahaja (Digman, 1990). Individu yang berpersonaliti neurotisisme merupakan individu emosional (Karlsdottir et al., 2022) yang akan mencetuskan emosi negatif (Bazkiaei, et al., 2020) dalam diri mereka seterusnya membawa kepada kesedihan (Bazkiaei, et al., 2020). Memandangkan keperibadian neurotisisme ini merupakan personaliti yang negatif, banyak penyelidik yang telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menukar istilah ini kepada personaliti Kestabilan Emosi (Al-Ghazali, Shah, & Sohail, 2022; Sahinidis, Xanthopoulou, & Tsaknis, 2021; Tsaknis, Sahinidis, Xanthopoulou, & Vassiliou, 2022; Kritikos & Alexander, 2022; Widiawan & Igel, 2022; Karlsdottir et al., 2022; Nur Fardeana et al., 2020; Leonell, Francesca & Masciarelli, 2020) yang menerangkan perwatakan positif yang berlawanan dengan perwatakan neurotisisme. Penyelidikan lepas telah menunjukkan bahawa neurotisisme, yang dicirikan oleh emosi negatif seperti kebimbangan dan kelemahan, mempunyai kesan negatif yang ketara terhadap niat keusahawanan dalam kalangan pelajar kolej (Li, Huang, & Gao, 2022).

ii) Ekstraversi *(Extraversion)*

Ekstraversi adalah tahap di mana seseorang itu bergaul dan bertegas. Individu yang memiliki personaliti extraversi adalah cenderung untuk menjadi bertenaga *(energetic)* (Bazkiaei et al., 2020; Nur Fardeana et al., 2020; Digman, 1990), mudah mesra dan bersosial dengan orang lain (Nur Fardeana et al., 2020; Digman, 1990) yang akan menjadikan mereka memiliki kemahiran komunikasi yang baik (Halimatun Saadiah et al., 2023). Dengan semangat yang membara, bertenaga dan berkeyakinan ini membuatkan individu ekstraversi ini adalah golongan yang berani mengambil risiko (Halimatun Saadiah et al., 2023) dan mereka mempunyai kelenturan (Kar & Sarangi, 2021) masa iaitu mempunyai ketersediaan tinggi untuk ditemui bila-bila masa walaupun selepas waktu pejabat (Nabi et al., 2021).

Penyelidikan Kumari, Ali, Batool, Cioca, & Abbas, (2022) menunjukkan bahawa ekstraversi memainkan peranan penting dalam pementoran keusahawanan dalam kalangan pensyarah di IPT. Ekstraversi berkaitan dengan tahap penglibatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebagai mentor, menunjukkan hubungan yang erat antara ciri personaliti ini dengan komitmen pensyarah dalam pementoran. Hal ini menyokong kepentingan aspek psikologi individu dalam konteks pembangunan usahawan dalam kalangan pelajar.

iii) Keserasian *(Agreeableness)*

Keserasian boleh ditakrifkan sebagai sifat mengambil berat (Digman, 1990) dan keprihatinan (Bazkiaei, et al., 2020) terhadap orang lain. Kecenderungan mereka adalah mengutamakan keperluan dan perasaan orang lain berbanding keperluan mereka sendiri iaitu empati (Bazkiaei et al., 2020; St-Jean & Mitrano-Méda, 2016). Mereka merupakan individu yang mempunyai kepercayaan terhadap menti (Halimatun Saadiah et al., 2023; Digman, 1990; Nabi et al., 2021; St-Jean & Jacquemin, 2022; Nur Fardeana et al., 2020), yang membuatkan menti selesa, harmoni (Karlsdottir et al., 2022) dan keserasian akan wujud dalam hubungan pementoran mereka. Secara umumnya, individu yang memiliki personaliti keserasian sering digambarkan sebagai individu yang suka menolong orang lain (mudah bekerjasama) (Karlsdottir et al., 2022; Halimatun Saadiah et al., 2023) mengabaikan diri sendiri (Halimatun Saadiah et al., 2023; Bazkiaei et al., 2020) baik, belas kasihan dan empati. Ia merujuk kepada tahap kerjasama seseorang dan kecenderungan mereka untuk mengutamakan keperluan dan perasaan orang lain berbanding keperluan mereka sendiri.

Keserasian dalam pementoran keusahawanan dalam kalangan pensyarah di institusi pengajian tinggi telah dikaji dalam konteks ciri personaliti dan kesannya terhadap kualiti pementoran. Penyelidikan Kumari, et. al, (2022) telah menunjukkan bahawa sikap keserasian, bersama-sama dengan ciri-ciri lain seperti ketelitian dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ekstraversi, secara positif mempengaruhi kualiti pementoran. Dalam konteks keusahawanan, keserasian boleh memberi manfaat kerana ia menggalakkan kerjasama, kepercayaan, dan altruisme, yang penting untuk memupuk persekitaran yang menyokong usahawan dan organisasi perniagaan mereka (Al-Ghazali, Shah, & Sohail, 2022). Individu yang mempunyai tahap keserasian yang lebih tinggi cenderung mempunyai sifat seperti percaya, altruistik dan bekerjasama, yang boleh menyumbang kepada pementoran yang berkesan dalam keusahawanan (Al-Ghazali, Shah, & Sohail, 2022; Kumari, et. al, 2022).

iv) Keterbukaan *(Opennes)*

Keterbukaan adalah merujuk kepada kognitif / intelek (Karlsdottir et al., 2022) dan emosi yang fleksibel (Digman, 1990; Bricker, 2021) di mana mereka adalah terbuka kepada idea-idea dan pengalaman baru (Bazkiaei et al., 2020; Nur Fardeana et al., 2020; Digman, 1990). Ia merujuk kepada kesediaan seseorang untuk mengalami perkara baru (Nur Fardeana et al., 2020; Karlsdottir et al., 2022) samada pengalaman atau ilmu baru. Individu yang memiliki personaliti keterbukaan adalah cenderung untuk membuat keputusan dengan lebih baik dalam menyelesaikan masalah (Kuratko et al., 2020; Bazkiaei et al., 2020). Individu ini juga mempunyai kekuatan jiwa untuk mengambil risiko dalam perniagaan (Oliver, et al., 2022).

Kepentingan sikap keterbukaan semasa proses pementoran keusahawanan dalam kalangan pensyarah di IPT diperinci dalam satu penyelidikan yang mengkaji ciri personaliti dan kesannya terhadap kualiti pementoran. Penyelidikan tersebut mencatatkan bahawa penglibatan yang tinggi sebagai mentor adalah berkorelasi positif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan sekap keterbukaan mentor, sekaligus menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara ciri keterbukaan dan pementoran yang berkualiti (Kumari, et. al., 2022).

v) Ketelitian *(Conscientiouness)*

Ketelitian adalah tentang rasa tanggungjawab (Bricker, 2021; Digman, 1990) dan berpegang kepada prinsip moral (Digman, 1990). Individu yang memiliki personaliti ketelitian sering digambarkan sebagai individu yang teratur, bertanggungjawab dan boleh dipercayai kerana mereka sedar tentang tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Ini menghasilkan perasaan yang sangat kuat (Street et al., 2022) sehingga mereka menjadi sangat rajin, komited (Halimatun Saadiah et al., 2023) dan mudah berurusan (Karlsdottir et al., 2022). Atas ketelitian untuk melaksanakan tanggungjawab, individu dalam kelompok ini merupakan individu yang sangat terperinci terutama dari segi perancangan di mana individu ini merupakan seorang yang sangat tersusun dan sistematik dalam merancang dan melaksanakan perancangan (Karlsdottir et al., 2022; Bazkiaei et al., 2020; Nur Fardeana et al., 2020).

Satu penyelidikan mendapati bahawa tahap penglibatan sebagai mentor dikaitkan secara positif dengan ketelitian yang dimiliki oleh mentor tersebut (Kumari et al, 2022). Dalam konteks keusahawanan, ketelitian boleh memberi manfaat kerana ia menggalakkan penetapan matlamat, perancangan dan kegigihan, yang penting untuk memupuk persekitaran yang menyokong usahawan dan organisasi mereka (Hu, et al, 2021) dan individu yang mempunyai tahap ketelitian yang tinggi adalah cenderung untuk lebih teratur, bertanggungjawab dan boleh dipercayai, seterusnya menyumbang kepada pementoran yang berkesan dalam keusahawanan (Issa, 2023).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vi) Penyelidikan Berkaitan Kompetensi Personaliti

Penyelidikan lepas menunjukkan bahawa individu yang mempunyai ciri personaliti tertentu cenderung mempunyai sikap yang lebih baik terhadap tingkah laku keusahawanan *(Attribute Toward Entrepreneurship (ATE)).* Mentor yang cenderung berpersonaliti Lima Utama didapati lebih positif dalam mendorong *ATE* pelajar (Bazkiaei et al., 2020; Sendra-Pons, Calatayud, & Garzan, 2022; Kabung'a, 2022; Al-Ghazali et al., 2022; Halimatun Saadiah et al., 2023). Sebaliknya, mentor yang cenderung berpersonaliti neurotisisme dikatakan kurang baik dalam mendorong *ATE* pelajar (Bazkiaei et al., 2020; Sendra-Pons et al., 2022; Kabung'a, 2022; Al-Ghazali et al., 2022; Halimatun Saadiah et al., 2023) kerana mereka lebih terdedah kepada kebimbangan dan tekanan. Niat keusahawanan *(Entrepreneurship Intention (EI))* dan pementoran adalah saling berkaitan. Pementoran boleh memberi kesan yang besar dalam membentuk *EI* seseorang individu. Seperti *ATE, EI* dalam kalangan pelajar juga didapati lebih meningkat apabila mereka dibimbing oleh mentor yang mempunyai Personaliti Lima Utama (Bazkiaei et al., 2020; Sendra-Pons et al., 2022; Kabung'a, 2022; Al-Ghazali et al., 2022; Halimatun Saadiah et al., 2023).

Kejayaan dalam program pementoran keusahawanan boleh dikaitkan dengan lebih daripada satu faktor. Salah satu daripadanya adalah kepelbagaian sifat mentor (St-Jean, et al., 2017; Bell & Bell, 2016) yang menjadi sebagai pengantara utama bagaimana mentor itu berfungsi dan menghasilkan hasil yang dikehendaki (St-Jean, et al., 2017; Bell & Bell, 2016). Pengendalian hubungan mentor-menti yang baik akan memberi kesan yang positif kepada hasil pementoran. Manakala kesilapan dalam membimbing menti akan memberi kesan buruk kepada hubungan mentor

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keusahawanan. Selain itu, sokongan emosi dan motivasi yang konsisten daripada mentor mampu meningkatkan keyakinan serta daya tahan menti dalam menghadapi cabaran perniagaan. Justeru, keseimbangan antara bimbingan teknikal dan sokongan psikososial adalah penting bagi memastikan keberkesanan keseluruhan proses pementoran.

Personaliti mentor adalah mempengaruhi niat keusahawanan (Nguyen et al., 2022; Bazkiaei et al., 2020; Halimatun Saadiah et al., 2023). Mentor yang bersikap terlalu memberi arahan dan membiarkan menti akan menjadikan hubungan yang toksik (Wold, 2022; Ivey & Dupre, 2020; St-Jean & Audet, 2013; Bouwer, 2019) dan memberikan sedikit kesan negatif yang teruk. Menti yang terlalu mempertahankan diri sendiri *(defensive)* akan menghalang keberkesanan semua usaha yang dilakukan oleh mentor (St-Jean & Audet, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, personaliti adalah merujuk kepada tahap tanggungjawab seseorang, disiplin diri dan kecenderungan mereka untuk merancang lebih awal dan mengikuti matlamat yang telah ditetapkan. Keserasian antara mentor dan menti adalah sangat penting. Penyelidikan lepas mendapati bahawa walaupun jika mentor adalah dalam kalangan usahawan berjaya yang boleh memberikan semua sokongan kepada keperluan usahawan, tetapi jika mentor mempunyai sikap dan ciri-ciri yang tidak sepadan dengan apa yang diinginkan oleh usahawan, maka kemungkinan besar usahawan tidak akan pergi jauh, malahan hubungan tersebut tidak akan berfungsi (Memon et al., 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.5.2 Pengalaman

Pengalaman adalah merupakan perkara sama yang telah dilalui sebelum ini dan ianya sentiasa menjadi guru terbaik (Memon, et al., 2014) di dalam kehidupan manusia. Mentor yang berpengalaman, berbanding dengan yang tidak berpengalaman, lebih cenderung untuk lebih sukar diperoleh kerana mereka sering dikejar oleh ramai usahawan yang bercita-cita tinggi (Memon et al., 2018). Menurut Allen (2003) mentor yang berpengalaman lebih membantu dan empati terhadap menti berbanding daripada mentor yang tidak berpengalaman. Penyelidikan oleh Fauchald et al., (2022) menyerlahkan faedah pementoran di universiti, seperti peningkatan motivasi dan perhubungan yang lebih baik antara mentor dan menti.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Fauchald et al., (2022) menyatakan bahawa menggabungkan pengalaman keusahawanan ke dalam program pementoran boleh meningkatkan pengalaman pembelajaran untuk pelajar dan menyokong pembangunan keusahawanan mereka. Mereka juga mendapati bahawa pengalaman keusahawanan yang dimiliki oleh mentor akan lebih menyerlah berbanding dengan pengetahuan tentang keusahawanan. Dalam penyelidikan ini, pengalaman adalah berfokus kepada i) pengalaman keusahawanan ii) pengalaman pementoran yang akan diterangkan pada bahagian seterusnya.

i) Pengalaman Keusahawanan

Pengalaman dalam perniagaan (Haneberg & Aaboen, 2020; Hanim et al., 2020; Street et al., 2022; Kakouris & Morselli, 2020; Nate et al., 2022; Lyu et al., 2023; Zhang & Nong, 2023) yang telah dilalui sendiri oleh mentor akan menjadikan mentor lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

cenderung untuk memahami cabaran dan peluang unik yang datang dalam memulakan dan menjalankan perniagaan. Mereka boleh menawarkan nasihat, galakan dan sokongan praktikal berdasarkan pengalaman dan pandangan mereka sendiri, yang boleh membantu usahawan membuat keputusan tentang perniagaan mereka. Pengalaman keusahawanan dianggap sebagai kompetensi utama untuk pementoran keusahawanan (Nate et al., 2022; Karlsdottir et al., 2022; Dost et al., 2021; Kubberød & Ladegard, 2021; St-Jean & Tremblay, 2020; Ludzinska, 2023) dalam kalangan pensyarah (Fauchald et al., 2022; Zhang & Nong, 2023; Nabi et al., 2021; Lyu et al., 2023; Garcia, 2021; Santa-Ramirez, 2022; Bricker, 2021) kerana ia membolehkan mereka memberikan nasihat yang praktikal dan relevan kepada pelajar. Pengalaman ini juga dapat membantu pensyarah memahami cabaran dan peluang yang dihadapi oleh usahawan, serta kemahiran dan minda yang diperlukan untuk berjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, dengan mempunyai pengalaman dalam perniagaan boleh menjadi sumber inspirasi kepada pelajar dan menunjukkan nilai pendidikan keusahawanan. Walaupun kursus berkaitan pemasaran, perniagaan dan jualan disediakan di IPT, kajian menunjukkan bahawa kandungannya masih bersifat teoretikal dan kurang memberi penekanan kepada aspek praktikal. Keadaan ini menyebabkan pelajar menghadapi kesukaran untuk mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam dunia sebenar keusahawanan yang lebih dinamik dan mencabar (Fauchald et al., 2022). Keperluan akademik bagi bidang keusahawanan adalah pendidikan yang boleh menyediakan pembelajaran langsung (*hands on*) yang memberi pengalaman kepada pelajar (Memon et al., 2018). Di UK, kaedah pendidikan usahawan banyak melibatkan aktiviti sebenar (Decker-Lange et al., 2022) yang mana di akhirnya kaedah ini memberi pengalaman secara langsung kepada pelajar tentang dunia keusahawanan (Pittaway et al., 2023). Ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bermakna mentor yang berpengalaman dalam bidang keusahawanan (Nate et al., 2022; Karlsdottir et al., 2022) adalah diperlukan berbanding mentor yang berpengalaman di bidang akademik (Mei & Symaco, 2020; Fauchald et al., 2022).

ii) Pengalaman Pementoran

Mentor dengan rekod sebagai mentor berpengalaman dalam pementoran (Fauchald et al., 2022) mempunyai kredibiliti dan reputasi kejayaan dalam komuniti pementorannya samada dalam keusahawanan atau bukan, akan lebih dipercayai dan pastinya mempunyai keupayaan untuk berkomunikasi dengan berkesan, memberikan bimbingan yang relevan dan menyokong usahawan menempuhi jatuh bangun perjalanan sepanjang permulaan dan perkembangan perniagaan (Morland et al., 2021; Nate et al., 2022; Fauchald et al., 2022; Ludzinska, 2023).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengalaman sebagai mentor (Fauchald et al., 2022; Garcia 2021; Santa-ramirez, 2022; Street et al., 2022) juga merupakan kompetensi untuk pementoran keusahawanan dalam kalangan pensyarah. Pengalaman pementoran dapat mengekalkan menti dalam perhubungan mentor menti (Street et al., 2022; Chang & Cheng, 2022), kerana pengalaman ini membantu mentor membimbing dan menyokong pelajar dalam perjalanan keusahawanan mereka dengan lebih baik (Street et al., 2022; Chang & Cheng, 2022), seperti mendengar secara aktif, memberi maklum balas dan memudahkan pembelajaran.

Kesamaan, keakraban dan kepercayaan yang pernah dibina melalui pengalaman pementoran menjadikan pementoran lebih bermakna (Street et al., 2022). Mentor yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berpengalaman sebagai mentor juga semakin matang dalam pementoran kerana mereka boleh menyesuaikan diri dengan menti melalui gaya-gaya pementoran yang lebih fleksibel hasil pengalaman lepas (Street et al., 2022).

iii) Penyelidikan Berkaitan Kompetensi Pengalaman

Mentor mampu mengatur dan menyusun usahawan dalam menghadapi kesamaran situasi dan risiko yang tinggi dalam perjalanan keusahawanan menti (Riter, 2020). Umbelino, Lewis, Gerber dan Easterday (2021) mendapati bahawa melalui pengalaman mentor ketika dalam perjalanan keusahawanan menti, adalah refleks kepada bagaimana menti mengatasi tekanan di peringkat awal memulakan perniagaan. Hasil penyelidikan mereka memberi gambaran bahawa pengalaman yang dilalui semasa proses pementoran usahawan pemula adalah melalui tiga fokus utama iaitu 1) mengapa nasihat diberi? 2) apa yang dinasihatkan dan 3) apa yang mentor mahu menti lakukan?. Persoalan ini perlu diberi perhatian apabila menti mengalami gangguan emosi dan ketika menti perlu membuat keputusan.

Mentor yang berpengalaman di bidang perniagaan dapat mengurangkan kegagalan perniagaan (Garcia & Doyle, 2021) dan meningkatkan nilai dan kerelevanan pengetahuan yang akan diterima oleh menti (Deng et al., 2022). Dalam konteks pementoran usahawan, pengalaman perniagaan mentor adalah penting (Kuratko, Neuberty, & Marvel, 2020; Vahedna, 2019; Deng et al., 2022) dan mempengaruhi kualiti hubungan pementoran (Hallam & St-Jean, 2016) kerana pengalaman menjadikan mentor kaya dengan pengetahuan keusahawanan (Dost, et al., 2021), dan seterusnya membuatkan mentor lebih memahami (Barret, 2006; Hallam & St-Jean,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2016; Fauchald et al., 2022) isu yang sedang dilalui oleh menti. Mentor yang mempunyai pengalaman dalam pementoran adalah lebih berkesan dalam proses pementoran (Garcia & Doyle, 2021; Kuratko et al., 2020; Santa-Ramirez, 2022; Memon et al., 2018) serta lebih tepat dan relevan (Dost, et al., 2021) bagi membangunkan perniagaan (Dost, et al., 2021) malahan akan berinteraksi dengan lebih baik dan dapat membaca tingkah laku menti dengan lebih tepat (Kuratko et al., 2020).

2.4.5.3 Kemahiran

Kemahiran yang perlu dimiliki oleh mentor merujuk kepada tahap kepakaran yang dimiliki oleh mentor dalam sesuatu bidang (Memon et al., 2018). Penyelidikan lepas menunjukkan bahawa kemahiran adalah salah satu kompetensi mentor di mana seorang mentor harus mempunyai kemahiran tertentu yang diperlukan oleh menti. Kemahiran mentor bergantung kepada apa yang ingin dipelajari oleh menti. Mentor yang baik mempunyai kemahiran komunikasi yang cemerlang dan dapat menggunakan kemahiran mereka untuk membentuk keperibadian dan gaya menti (Memon et al., 2018). Vonk (1993) mendapati bahawa mentor harus mempunyai kemahiran interpersonal seperti kemahiran menyelesaikan masalah, mendengar, menggalakkan dan lain-lain. Kemahiran yang menjadi fokus penyelidikan ini adalah i) kemahiran keusahawanan dan ii) kemahiran pementoran yang akan diterangkan seterusnya.

i) Kemahiran Keusahawanan

Kemahiran yang pelbagai berkaitan keusahawanan merupakan kompetensi utama (Street et al.,2022; Haneberg & Aaboen, 2020) bagi seorang mentor untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memudahkan pementoran dilaksanakan dan meningkatkan kemahiran kehidupan (Street et al., 2022) keseluruhannya. Memandangkan perkembangan teknologi hari ini amat laju, maka kemahiran menggunakan teknologi (Fauchald et al., 2022; Haneberg & Aaboen, 2020; Ludzinska, 2023; Riter, 2020) juga perlu dimiliki oleh seorang mentor. Kemahiran yang tepat dan pelbagai mempunyai signifikan positif kepada keberkesanan pementoran usahawan (Mouammer & Bazan, 2021). Oleh itu, adalah penting bagi seorang mentor memiliki kemahiran yang berkaitan keusahawanan iaitu kemahiran pengurusan (Masha et al., 2022; Santa-Ramirez, 2022) yang merangkumi kemahiran keusahawanan (Masha et al., 2022; Svensson, 2021; St-Jean & Tremblay, 2020; Lyu et al., 2023; Zhang & Nong, 2023) dan kemahiran pengurusan perniagaan (Masha et al., 2022).

Kesimpulannya, kemahiran yang pelbagai berkaitan keusahawanan, termasuk kemahiran menggunakan teknologi, merupakan kompetensi utama bagi seorang mentor dalam memudahkan pementoran usahawan. Kemahiran ini tidak hanya meningkatkan keberkesanan keseluruhan pementoran, tetapi juga memberikan kesan positif kepada kemahiran kehidupan. Dalam konteks perubahan yang pesat, kemahiran menggunakan teknologi menjadi semakin penting. Selain itu, kemahiran pengurusan, termasuk kemahiran keusahawanan dan pengurusan perniagaan, menjadi aspek penting yang perlu dimiliki oleh seorang mentor untuk menyokong perkembangan usahawan secara holistik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii) Kemahiran Pementoran

Kemahiran pementoran merujuk kepada kemahiran dan kebolehan yang diperlukan oleh seorang mentor untuk membimbing dan membantu individu lain dalam mencapai matlamat dan potensi mereka. Mentor perlu memiliki kemahiran pementoran yang merangkumi kemahiran mendengar dan menyoal yang aktif (Garcia, 2021; Nabi et al.,2021; Badwan & Rentocchini, 2022) di mana mentor perlu dapat mendengar dengan teliti dan memberikan perhatian penuh kepada individu yang dibimbing. Proses ini melibatkan memberikan ruang kepada menti untuk berkongsi pemikiran, perasaan dan kebimbangan mereka tanpa gangguan (Ludzinska, 2023; Memon et al., 2018; Memon et al, 2014). Selain itu, mendengar dengan aktif juga melibatkan proses mentor mengajukan soalan yang relevan dan mengklasifikasikan maklumat untuk memahami sepenuhnya perspektif dan keperluan menti dengan memberi maklumbalas (Badwan & Rentocchini 2022; Nabi et al., 2021). Situasi ini akan memerlukan kemahiran membuat keputusan (Chang & Cheng, 2022) agar dapat membantu menti dalam membuat keputusan. Kemahiran ini termasuklah kemahiran menaakul masalah.

Kemahiran interpersonal (Ludzinska, 2023; Kubberød & Ladegard, 2021; Nabi et al., 2021) di dalam kemahiran pementoran adalah berkaitan komunikasi dengan orang lain yang merangkumi kemahiran penyelesaian masalah (Ludzinska, 2023; Tshehla & Ladzani, 2021), kemahiran berkomunikasi (Ludzinska, 2023; Memon et al., 2018; Memon et al, 2014) kemahiran menasihati ((Ludzinska, 2023; Tshehla & Ladzani, 2021) dan kemahiran memberi kepercayaan kepada menti (Ludzinska, 2023; Memon et al., 2018; Memon et al, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemahiran komunikasi (Ludzinska, 2023; Memon et al., 2018; Memon et al, 2014), yang baik juga adalah diperlukan untuk menyampaikan maklumat dengan jelas dan efektif. Ini termasuk kemampuan untuk menggunakan bahasa yang mudah difahami, menggali lebih dalam sesuatu maklumat, memberikan respon yang konstruktif dan memberikan arahan dan bimbingan yang jelas kepada menti (Ludzinska, 2023; Memon et al., 2018; Memon et al, 2014). Kemahiran memberi nasihat memerlukan seorang mentor harus mampu memberikan arahan dan panduan yang sesuai kepada individu yang dibimbing (Ludzinska, 2023; Tshehla & Ladzani, 2021). Mentor harus memupuk kepercayaan dengan cara menjaga kerahsiaan, menunjukkan empati, dan menghargai keunikan individu (Ludzinska, 2023; Memon et al., 2018). Dengan adanya hubungan saling mempercayai, menti yang dibimbing akan lebih terbuka untuk menerima arahan dan bimbingan dari mentor (Ludzinska, 2023).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii) Penyelidikan Berkaitan Kompetensi Kemahiran

Kompetensi kemahiran untuk pementoran keusahawanan dikenali sebagai kemahiran pementoran (Ludzinska, 2023) keusahawanan yang mengandungi elemen kemahiran personal, kemahiran interpersonal (perhubungan dengan orang lain) dan kemahiran perniagaan. Kemahiran personal adalah kemahiran dalam membangunkan diri sendiri termasuk persijilan atau latihan untuk peningkatan diri mentor (Ludzinska, 2023; Hanim et al., 2020). Manakala kemahiran perniagaan (Ludzinska, 2023) juga lebih dikenali sebagai kemahiran teknikal (Ludzinska, 2023; Deng et al., 2022; Nabi et al., 2021; Hanim et al., 2020) mengandungi elemen kemahiran menguruskan perniagaan (Tshehla & Ladzani, 2021; Memon et al., 2018; Memon et al, 2014), kemahiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menguruskan perniagaan permulaan (Tshehla & Ladzani, 2021) dan kemahiran menggunakan teknologi (Deng et al., 2022; Memon et al., 2018; Memon et al, 2014).

Memiliki kedua-dua kemahiran (Street et al., 2022;Hanebergh & Aaboen, 2020) ini iaitu kemahiran pementoran (Ludzinska, 2023) dan kemahiran dalam perniagaan (Tshehla & Ladzani, 2021; Deng et al., 2022; Hanim et al, 2020) membolehkan pensyarah memberikan bimbingan yang berharga dan berkesan kepada pelajar dan menyokong perkembangan keusahawanan mereka sekaligus membantu proses pembelajaran (Deng et al., 2022) untuk menjadi usahawan. Pelajar di IPT sangat memerlukan mentor (Nabi et al., 2021; Memon et al., 2018; Memon et al, 2014) dalam membentuk diri sebagai usahawan. Mentor yang kurang kemahiran pementoran akan menyebabkan hubungan negatif (Deng et al., 2022; Tshehla & Ladzani, 2021) antara mentor dan menti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.5.4 Pengetahuan

Pengetahuan merupakan elemen kompetensi (Lv et al., 2022; Mei & Symaco, 2020; Ludzinska, 2023) yang diperlukan (Bricker, 2021) oleh mentor usahawan terutamanya pengetahuan tentang bidang perniagaan yang sedang dibangunkan oleh menti (Svensson, 2021; Martinez, et al., 2018). Mentor tidak perlu memiliki pengetahuan sehingga ke taraf pakar, tetapi memadai keupayaan mentor mengintegrasikan pengetahuan-pengetahuan yang ada (Fauchald et al., 2022), kerana keupayaan mentor mengintegrasikan pengetahuan (Fauchald et al., 2022) akan banyak membantu menti dalam memulakan perniagaan (Nate et al., 2022). Apabila mentor mempunyai pengetahuan yang mantap, ianya akan meningkatkan pengetahuan keusahawanan menti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Saino, 2019). Pengetahuan yang ada, akan membangunkan pemahaman "tahu-bagaimana" dan "tahu-mengapa" yang akan meningkatkan tingkah laku keusahawanan dalam diri usahawan pemula (Lyu et al., 2023). Bagi usahawan pemula, mereka akan mengalami kesukaran jika mentor yang dipilih bukan daripada bidang perniagaan yang diceburi oleh menti (Jukka et ai., 2021; Deepali et al., 2016).

Mentor yang mempunyai pengetahuan asas perniagaan (Jafari-Sadeghi, Mahdiraji, & Alam, 2023; Bell & Cu, 2023; Spigel & Vinodrai, 2021; Walsh, Nelles, & Stephens; 2023) yang kukuh mampu memberikan nasihat strategik kepada usahawan, membantu menti membuat keputusan yang akan memberi kesan positif kepada perniagaan mereka terutama tentang dunia perniagaan (Mouammer & Bazan, 2021) iaitu pengurusan kewangan (Riter, 2020), strategi pemasaran, pembangunan produk dan operasi, serta lain-lain yang berkaitan dengan pengurusan keusahawanan (Street et al., 2022; Haneberg & Aaboen, 2020; Hanim et al., 2020). Pengetahuan tentang perjalanan permulaan syarikat (Chang & Cheng, 2022; Lyu et al., 2023) juga adalah penting selain daripada pengetahuan tentang rangkaian atau jaringan keusahawanan (Fauchald et al., 2022; Haneberg & Aaboen, 2020; Riter, 2020; Ludzinska, 2023).

Pengetahuan mengenai jaringan keusahawanan dapat membantu usahawan meluaskan jaringan (Street et al., 2022; Haneberg & Aaboen, 2020) bagi menghubungkan usahawan (menti) dengan bakal rakan kongsi, pelabur dan pelanggan (Pittaway et al., 2023; Jones et al., 2021a; Jones et al., 2021b; Decker-Lange et al., 2021; Bone et al., 2019). Mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang industri (Lyu et al., 2023; Zhang & Nong, 2023) membolehkan mentor memberikan nasihat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang relevan dan praktikal kepada usahawan tentang arah aliran pasaran, landskap kompetitif dan mengenal pasti potensi risiko dan peluang yang mungkin dihadapi oleh usahawan.

Pengetahuan teknologi adalah kompetensi yang tidak kurang pentingnya bagi seorang mentor (Jafari-Sadeghi et al., 2023) bagi memahami potensi kesan teknologi ke atas perniagaan, dan untuk menasihati usahawan tentang cara menggunakan teknologi dengan berkesan untuk mencapai matlamat perniagaan mereka. Pengetahuan teori merupakan kompetensi untuk pementoran keusahawanan dalam kalangan pensyarah kerana ia menyediakan asas (Fauchald et al., 2022) untuk memahami dan mengajar prinsip keusahawanan kepada menti.

Memiliki pengetahuan yang kukuh tentang asas perniagaan (Fauchald et al., 2022; Jafari-Sadeghi et al., 2023; Bell & Cui, 2023; Walsh et al., 2023; Spigel & Vinodrai, 2021), permulaan perniagaan terutama fasa penubuhan perniagaan (Chang & Cheng, 2022; Fauchald et al., 2022; Lyu et al., 2023), tren industri (Lyu et al., 2023; Zhang & Nong, 2023), amalan pengurusan yang berkesan (Jafari-Sadeghi et al., 2023), teknologi terkini (Jafari-Sadeghi et al., 2023) dan jaringan keusahawanan (Fauchald et al., 2022; Haneberg & Aaboen, 2020) dengan baik adalah merupakan elemen kompetensi mentor yang membawa kepada kejayaan dalam perjalanan keusahawanan.

Mentor perlu sentiasa menambah pengetahuan baru melalui segala platform yang ada termasuk melalui pengalaman mentor lain (Fauchald et al., 2022). Mempunyai asas ilmu pengetahuan yang kukuh dalam teori dan konsep keusahawanan membolehkan pensyarah memberikan pemahaman yang komprehensif dan bernuansa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tentang keusahawanan kepada pelajar mereka, untuk menyokong pertumbuhan dan perkembangan perniagaan mereka dengan berkesan (Fauchald et al., 2022).

i) Penyelidikan Berkaitan Kompetensi Pengetahuan

Pada fasa permulaan, usahawan mahukan mentor yang boleh membantu mereka dalam berurusan dengan pelanggan, maka mentor yang berpengetahuan (Deng et al.,2022; Nabi et al., 2021; Memon et al., 2018; Memon et al, 2014) adalah sangat diperlukan. Mentor yang memiliki kompetensi yang mantap termasuk pengetahuan akan mampu membantu pembangunan perniagaan (Nabi et al., 2021; Ayodele, Ekemode, & Kajimo-Shakantu, 2021) pelajar di IPT, mengurangkan kadar penutupan perniagaan (Lee & Park, 2020) dan meningkatkan kemampanan perniagaan permulaan (Lee & Park, 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mentor sepatutnya lebih berpengetahuan daripada menti (Jukka et al., 2021) terutama pengetahuan tentang industri atau bidang perniagaan yang sedang dijalankan oleh menti, kerana akan dapat membantu mentor memberi nasihat yang tepat dan bermanfaat untuk permulaan perniagan (Pittaway et al., 2023; Jones et al., 2021a; Poskanzer, 2022). Selain pengetahuan tentang industri, pengetahuan tentang asas pengurusan perniagaan juga merupakan kompetensi yang diperlukan oleh mentor bagi melancarkan program pementoran (Bone, 2019; Tshehla & Ladzani, 2021; Deng et al., 2022; Hanim et al., 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 Teori Pementoran

Teori pementoran merujuk kepada bimbingan dan matlamatnya, amalan berkesan dan peranan dalam menyokong pembangunan profesional. Pementoran keusahawanan pula memberi tumpuan kepada menyokong pembangunan usahawan dan perniagaan mereka. Teori-teori ini membentuk asas dalam penyelidikan ini.

2.5.1 Pementoran

David Clutterback, seorang pakar dalam bidang pementoran telah memperkenalkan teori pementoran yang lebih moden pada tahun 1991 (David Clutterbuck, 1994). Beliau memberikan definisi mentor adalah seorang individu berpengalaman yang bersedia untuk berkongsi pengetahuannya kepada seseorang lain yang kurang berpengalaman di dalam satu hubungan yang mempunyai kepercayaan, pengaruh dan isi pembelajaran yang sama dan boleh bertindak sebagai guru dan penyokong. Definisi ini telah dipetik dengan banyaknya oleh penulis-penulis buku dan penyelidik-penyelidik termasuk penulis baru iaitu Cook (2022), Noble & Tarrant (2022), Fieldan, Woolnough & Hunt (2021) dan Viera & Kramer (2020).

Selari dengan peredaran zaman, pementoran telah berkembang daripada proses mengenal pasti potensi pekerja baru kepada menyediakan bimbingan untuk mempercepatkan kenaikan pangkat (Ivey & Dupre, 2020). Kemudian konsep pementoran diperluaskan kepada pembangunan kerjaya (Banovic, 2022), penjagaan kesihatan (Mikkonen et al., 2022), bidang kejururawatan (Oikarainen et al., 2022), bimbingan akademik (Deanna et al., 2022) sehinggalah kepada bimbingan untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjadi usahawan (Siahaan et al., 2022; Nabi et al., 2021). Melalui sifat baik mentor, pencapaian dan cara hidupnya sendiri, mentor biasanya menjadi teladan yang boleh dikagumi dan dicontohi oleh menti di mana mentor boleh memberikan nasihat dan sokongan moral (Norfadhillah & Rohana, 2022). **Jadual 2.4** adalah ringkasan pelbagai fungsi mentor yang merangkumi fungsi sebagai pemberi sokongan psikologi dan emosi, menjadi model peranan untuk dicontohi terutama dari segi personaliti, membimbing dalam meningkatkan kemahiran tertentu dan seterusnya menyokong serta memberi penghargaan terhadap perubahan-perubahan positif menti.

Jadual 2.4

Fungsi mentor daripada pelbagai penyelidik

Fungsi sokongan	Kelakuan dan aktiviti berkaitan
Sokongan psikologi dan emosi	Mentor memberi galakan kepada menti, membantu menyelesaikan masalah, dan menggunakan teknik mendengar aktif; (Street et al., 2022; Nabi et al., 2021; Liu et al., 2022a; Liu et al., 2022b; Liao et al., 2022).
Peranan model *(role model)*	Mentor berfungsi sebagai panduan untuk tingkah laku, nilai, dan sikap menti. Menti mendapat manfaat daripada mentor yang berkongsi nilai dan persamaan secara mendalam dengan mereka. Ini membolehkan menti melihat diri mereka sebagai apa pada masa depan. (Hu, et al., 2021; Porfírio et al., 2022; Fauchald et al., 2022; Kubberød & Ladegard, 2021; Street et al., 2022; Nabi et al., 2021)
Pembangunan kemahiran	Mentor mendidik, menilai, dan mencabar menti dari segi akademik dan profesional; dan memberi tumpuan kepada pembelajaran subjek yang melibatkan perpindahan kemahiran (Bricker, 2021) untuk pembangunan kemahiran sosial (Preedy, Jones, Maas & Duckett 2020), kemahiran pembelajaran kendiri (Preedy et al., 2020), kemahiran kehidupan (Street et al., 2022), dan kemahiran perniagaan (Masha et al., 2022; Nabi et al., 2021).
Penyokong dan pemberi penghargaan	Mentor secara terbuka mengakui pencapaian menti dan sentiasa memberi sokongan sehingga menti dapat melahirkan identiti sendiri (Street et al., 2022), mengubah pemikiran (Nate et al., 2022) yang akan membawa kepada kepuasan peribadi menti (Bricker, 2021).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.2 Pementoran Usahawan

Usahawan mempunyai potensi untuk mewujudkan pekerjaan baru dalam komuniti mereka, membawa produk dan perkhidmatan baru ke pasaran, dan mengubah cara menjalani kehidupan masyarakat. Bagi usahawan pemula, memulakan perniagaan mungkin mendedahkan mereka kepada cabaran yang membatasi keupayaan perniagaan mereka untuk berkembang. Kubberød dan Fosstenlpkken, (2018) dan Bone, Gonzalez-Uribe, dan Lahr, (2019) membuat kesimpulan bahawa usahawan, pembuat dasar dan ahli akademik sudah mula menunjukkan minat kepada pementoran di dalam proses pembelajaran keusahawanan. Bone et al., (2019) juga menyatakan, secara umumnya, mentor usahawan adalah agak kurang diselidik dan agak terpisah dalam konteks akademik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mentor biasanya lebih berpengalaman daripada menti mereka, tetapi secara amnya mendapat manfaat daripada peranan sebagai mentor itu sendiri, yang menjadikan hubungan pementoran sebagai perkongsian pembelajaran secara semulajadi (Masha et al., 2022; Nabi et al., 2021). Pementoran adalah penting kepada usahawan pemula dalam kalangan pelajar pengajian tinggi kerana pelajar sedang berada pada peralihan antara dunia akademik kepada dunia usahawan (Kakouris & Morselli, 2020; Chang & Cheng, 2022). Mentor adalah individu yang membantu pelajar memahami proses permulaan perniagaan sehinggalah pelajar ini melalui proses menghadapi risiko dan kemungkinan dalam perniagaan (Kubberod & Fosstenløkken, 2018; Nabi et al., 2021; Masha et al., 2022; Chang & Cheng, 2022; St-Jean, et al., 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6 Psikospiritual Islam Dalam Pementoran

Psikospiritual Islam boleh digambarkan sebagai sebuah teori yang menggabungkan konsep-konsep seperti jiwa, hati, dan diri sebagai asas untuk teori dan amalan psikologi manusia dalam konteks Islam (York Al-Karam, 2018; Keshavarzi, Khan, Ali & Awaad, 2021; Rothman, 2021). Teori ini memberikan pendekatan bimbingan atau pementoran yang mengintegrasikan aspek spiritual dan keagamaan yang bersumberkan daripada al-Quran dan Hadis (Rahman et al., 2023). Psikospiritual Islam adalah gabungan dua perkataan iaitu 'psikologi' dan 'rohani' (Rahman et al., 2023; Che Zarina et. al, 2020; Nur Shahidah, Sharifah Basirah & Mohd Syukri, 2021) yang bermaksud penyelidikan tentang jiwa atau proses mental dan minda yang bersifat rohani dari sudut Islam, dan bukan dari aspek material atau fizikal yang membawa kepada tindakan seseorang (Rahman et al., 2023; Che Zarina et. al, 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Psikospiritual Islam menggunakan al-Quran, Hadis, dan kebijaksanaan sarjana Islam untuk menyediakan terapi psikologi holistik yang berteraskan prinsip Islam (Muhamad Afiq et al., 2020). Psikospiritual Islam, seperti yang dijelaskan oleh Baharom et al. (2005) dalam Syed Muhammad Hilmi et al. (2023), adalah gabungan psikologi dan kerohanian dalam suasana Islam. Ia melihat jiwa dan proses mental dari sudut Islam. Kerohanian, merangkumi sentimen yang berkaitan dengan jiwa, Tuhan, agama, dan pengalaman keagamaan, mempengaruhi tindakan, emosi, dan pemikiran (Syed Muhammad Hilmi et. al., 2023). Psikospiritualisme, berakar umbi dalam tasawuf, mengintegrasikan akidah, fiqh, dan psikologi, berkembang daripada psikodinamik kepada pendekatan kerohanian, bertujuan untuk peningkatan moral dan rohani (Sholeh & Musbikin, 2005, dalam Syed Muhammad Hilmi et. al., 2023) yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menawarkan pendekatan menyeluruh untuk menangani cabaran manusia, merangkumi kesejahteraan fizikal, emosi dan rohani. Psikospiritual Islam memaklumkan amalan pementoran dengan menyepadukan elemen psikologi dan rohani, bertujuan untuk mencapai keseimbangan dalam diri dalaman individu (Rahman et al., 2023). Ia melengkapkan psikologi barat dengan menekankan dimensi kerohanian dan kepatuhan kepada prinsip Syariah, menggalakkan kekuatan mental dan fizikal dalam diri individu (Ma'arif et al., 2023).

Psikospiritual Islam ialah cabang psikologi yang mengintegrasikan kerohanian dan prinsip Islam dengan teori dan amalan psikologi. Ia meneroka hubungan antara kesihatan mental, kerohanian, dan kepercayaan agama dalam rangka kerja Islam. Pendekatan ini menekankan kepentingan menangani isu psikologi dari perspektif holistik yang mempertimbangkan kedua-dua dimensi psikologi dan rohani pengalaman manusia (Muhammad Afiq et. al., 2023; Keshavarzi & Haque, 2013; Hamim, 2010). Psikospiritual Islam menggunakan prinsip-prinsip Islam, termasuk tauhid (kepercayaan kepada keesaan Tuhan), tawakkal (bergantung kepada Tuhan), dan kesedaran diri (muraqabah), untuk memberikan pemahaman tentang kesihatan mental, pertumbuhan peribadi, dan kesejahteraan keseluruhan (Muhammad Afiq et. al., 2023; Hamim, 2010). Selain itu, konsep *ihsan* (Muhammad Afiq et. al., 2023; Abu Darda, Khazri, dan Ahmad Irdha, 2020), *itqan* (Hakki, 2020; Hasan Al-Bana et,al. 2024), *istiqamah* (Keshavarzi & Haque, 2013; Mohamad Jodi, Mohamad, & Seman, 2014), dan *taklif* (Hamim, 2010; Abu Dardaa, Khazri, & Ahmad Irdha, 2020; Mohamad Jodi, Mohamad, & Seman, 2014) mempunyai kepentingan yang signifikan dalam aspek psikospiritual Islam. Ia bertujuan untuk membantu individu mencapai daya tahan psikologi, kestabilan emosi, dan pertumbuhan rohani dengan mengintegrasikan intervensi psikologi dengan ajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan amalan Islam (Muhammad Afiq et. al., 2023; Keshavarzi & Haque, 2013; Hamim, 2010).

Walaupun psikospiritual Islam telah dibangunkan sebagai pendekatan holistik yang menggabungkan dimensi psikologi, rohani, dan nilai keagamaan berasaskan al-Quran dan Hadis (Rahman et al., 2023; Keshavarzi & Haque, 2013), kebanyakan kajian terdahulu lebih menekankan penerapannya dalam konteks terapi psikologi dan kesihatan mental (Rothman, 2021; Muhamad Afiq et al., 2023) berbanding dalam bidang pementoran keusahawanan. Integrasi nilai-nilai seperti ihsan, itqan, istiqamah dan taklif sebagai kerangka kompetensi mentor juga masih kurang diterokai secara sistematik dalam konteks pendidikan tinggi teknikal seperti PolyCC. Jurang ini menunjukkan keperluan kajian lanjutan bagi membuktikan bahawa psikospiritual Islam bukan sahaja melengkapi teori psikologi Barat, tetapi juga mampu membentuk model pementoran keusahawanan yang lebih berdaya tahan dan sesuai dengan realiti sosio-keagamaan di Malaysia.

2.7 Nilai Islam Dalam Pementoran

Konsep seperti *ihsan, itqan, istiqamah* dan *taklif,* memperkayakan amalan pementoran, memupuk tingkah laku beretika, daya tahan, dan pertumbuhan rohani di kalangan menti. Psikospiritual Islam menyediakan kerangka komprehensif untuk menangani kesejahteraan holistik menti, selaras dengan prinsip Islam, dan menggalakkan kekuatan mental dan emosi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7.1 *Ihsan*

Penyelidikan mengenai konsep *ihsan* atau dikenali membuat kebaikan (Hasan Al-Bana et al., 2024; Savitri & Muchlis, 2024; Cheumar, et al., 2022; Sulistiani, 2018; Rima, 2021; Ruziah & Masdzarif, 2020; Hakki, 2020; Zaitul Azma, 2017; Ahmad Nasir, 2017; Sayid, 2000; Syed Othman, 1998) dalam Islam menunjukkan bahawa ia merujuk kepada perbuatan terpuji (Cahyono, Mahdi & Moch.Iqbal, 2024; Meliza, Widiyanti, & Khasanah, 2024; Yusuf, 2024; Cheumar, et al., 2022; Mohd Mokhtar & Ahmad, 2019) dan memberi manfaat kepada orang lain (Meliza, Widiyanti, & Khasanah, 2024; Cahyono, Mahdi & Moch.Iqbal, 2024; Savitri & Muchlis, 2024; Yusuf, 2024; Cheumar, et al., 2022; Rima, 2021; Sidek Baba, 2018; Kholid, 2018; Sulistiani, 2018; Zaitul Azma, 2017; Ahmad Nasir, 2017) tanpa perlu adanya kewajiban tertentu yang mengharuskan perbuatan tersebut (Cahyono, Mahdi & Moch.Iqbal, 2024; Meliza, Widiyanti, & Khasanah, 2024; Yusuf, 2024; Cheumar, et al., 2022; Rima, 2021; Mastura & Yusoff. 2019). Prinsip ini sering dijelaskan dalam konteks hubungan antara manusia dengan Tuhan, di mana seorang Muslim digalakkan untuk melakukan sesuatu seolah-olah melihat Allah, dan jika tidak mampu, hendaklah yakin bahawa Allah sentiasa memerhatikan segala perbuatannya (Meliza, Widiyanti & Khasanah, 2024; Cahyono, Mahdi & Moch. Iqbal, 2024; Yusuf, 2024; Cheumar, et al., 2022; Mohammadtahir et al., 2022; Rima, 2021: Ilyas & Iffah, 2021; Ruziah & Masdzarif, 2020; Syamsuri & Ridwan, 2019; Sidek Baba, 2018; Hasan Al-Banna, G., & Siti Arni, 2011; Nor Akrimi & Anuar, 2017; Hasan Al-Banna, Ab Mumin, & Siti Arni, 2013; Sayid, 2000; Syed Othman, 1998). *Ihsan* juga melibatkan sikap ikhlas (Hasan Al-Bana et al., 2024; Cheumar, et al., 2022; Sidek Baba, 2018; Ahmad Nasir, 2017) dengan menyedari bahawa setiap pekerjaan adalah menjadi tanggungjawab dan merupakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

amanah dari Allah (Hasan Al-Bana et al., 2024; Meliza, Widiyanti, & Khasanah, 2024; Cahyono, Mahdi, & Moch.Iqbal, 2024; Yusuf, 2024; Cheumar, et al., 2022; Mastura & Yusoff, 2019; Sidek Baba, 2018; Ahmad Nasir, 2017; Izzaty Ulya Munirah, Ajmad Irdha, & Zulkefli, 2015).

Manakala dalam konteks sosial dan perniagaan, *ihsan* mendorong individu untuk mencapai yang terbaik (Cahyono, Mahdi & Moch.Iqbal, 2024; Cheumar, et al., 2022; Rahman, Sungit & Rashed, 2022; Sidek Baba, 2018; Hasan Al-Banna & Siti Arni, 2011; Syed Othman, 1998) bukan semata-mata untuk keuntungan diri, tetapi juga untuk membina kesejahteraan bersama (Meliza, Widiyanti, & Khasanah, 2024; Savitri & Muchlis, 2024; Cahyono, Mahdi & Moch.Iqbal, 2024; Yusuf, 2024; Cheumar, et al., 2022; Rima, 2021; Kholid, 2018; Sulistiani, 2018; Sidek Baba, 2018; Zaitul Azma, 2017; Ahmad Nasir, 2017) serta memberikan layanan yang baik dan mesra (Meliza, Widiyanti, & Khasanah, 2024; Cahyono, Mahdi & Moch.Iqbal, 2024; Yusuf, 2024), bagi kepentingan manfaat sosial yang lebih luas.

Dalam Islam juga, *ihsan*, sering diterjemahkan sebagai "kecemerlangan" atau "berusaha untuk kesempurnaan," memegang kepentingan yang signifikan dalam menghasilkan tindakan dan budi pekerti yang mulia dalam diri umat Islam (Nur Syazwani et al., 2023; Toumi & Su, 2023). Ia merangkumi pelbagai dimensi seperti kebersihan, keteraturan, dan ketelitian, sebagaimana yang ditekankan dalam ajaran Nabi Muhammad (SAW) berkaitan penjagaan kebersihan dan mengorganisasi kehidupan seharian (Rahman, Sungit, & Rashed, 2022). Konsep *ihsan* menekankan mengejar kesempurnaan dalam usaha keusahawanan, berpandukan kesedaran yang mendalam tentang kehadiran Allah dan berpegang kepada ajaran Islam (Ilyas & Iffah,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2021). Manakala menurut Adi Setia (2020), sistem ekonomi Islam yang dikenali sebagai *ihsani* (cemerlang) berteraskan idea kerjasama, tolak ansur, dan saling membantu. Idea-idea ini diasaskan pada prinsip Islam tentang kesederhanaan, amal, kebaikan, dan wakil, yang berpendapat bahawa manusia bertanggungjawab kepada Tuhan atas amanah yang telah diberikan kepada mereka untuk melaksanakan tujuan Tuhan. Mastura dan Yusoff (2019) menggariskan konsep *ihsan* dalam konteks prestasi kerja bagi pekerja Muslim, dengan menekankan perbezaannya daripada tanggungjawab wajib. Prinsip Islam menggambarkan *ihsan* sebagai tindakan kecemerlangan, dicirikan dengan melampaui tugas yang diberikan. Walaupun memenuhi tanggungjawab pekerjaan adalah wajib, prinsip Islam menggambarkan *ihsan* sebagai amalan pilihan namun digalakkan untuk diamalkan bagi memupuk budaya kecemerlangan dan percaya bahawa Allah akan memberi ganjaran kepada mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, literatur yang ada menunjukkan bahawa *ihsan* sebagai satu nilai dalam Islam membawa makna yang mendalam dalam kehidupan, dari segi spiritual dan sosial. Penyelidikan-penyelidikan ini menunjukkan bahawa penerapan prinsip *ihsan* dalam pelbagai aspek kehidupan mampu mencipta kesejahteraan yang menyeluruh dan mewujudkan perniagaan yang beretika serta memberikan manfaat kepada semua pihak yang terlibat.

2.7.2 *Itqan*

Itqan merupakan satu konsep yang membawa maksud pelaksanaan tugas atau kerja dengan teliti, tekun, tanggungjawab, dan komitmen tinggi sehingga mencapai kesempurnaan dan kualiti yang terbaik. Menurut Hakki (2020), teliti merujuk kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keperincian dalam melaksanakan sesuatu tugas. Dalam konteks ini, keupayaan seseorang untuk fokus pada setiap aspek kecil dalam kerja yang dilakukan adalah penting bagi memastikan kualiti hasil kerja yang tinggi. Ketekunan pula adalah elemen penting dalam *itqan* seperti yang ditekankan oleh Hakki (2020) dan Hasan Al-Bana et al. (2024), di mana ketekunan bermaksud kemampuan untuk bekerja dengan berterusan tanpa mengalah walaupun menghadapi cabaran. Sikap tekun ini dilihat sebagai kunci utama untuk mencapai kejayaan dalam apa jua usaha.

Selain itu, tanggungjawab merupakan satu lagi aspek penting dalam *itqan* yang dibincangkan oleh Hakki (2020). Setiap individu perlu bertanggungjawab terhadap kerja yang mereka lakukan, dari mula hingga akhir, bagi memastikan hasil kerja yang mencapai standard tertinggi. Dalam penyelidikan oleh Nur Fatin Nabilah dan Siti Arni (2021), sukarela dalam *itqan* menunjukkan kesediaan seseorang untuk melaksanakan tugas tanpa paksaan, atas dasar keikhlasan dan rasa tanggungjawab moral, yang mana sikap ini membantu meningkatkan kualiti kerja yang dihasilkan. Hakki (2020) juga menekankan pentingnya sikap pantang menyerah dalam *itqan*, di mana semangat untuk terus mencuba walaupun menghadapi kegagalan atau halangan adalah kunci untuk mencapai hasil yang terbaik. Bagi mencapai *itqan*, mendapatkan hasil yang maksima adalah satu tujuan yang ditegaskan oleh Hakki (2020), Hasan Al-Bana et al. (2024), serta Ahmad Faosiy dan Asia Mus'ad (2013). Kerja yang dilakukan dengan penuh *itqan* akan membawa kepada hasil yang optimum, yang memenuhi atau melebihi jangkaan. Selain itu, kualiti hasil kerja turut menjadi aspek utama dalam *itqan*. Kajian oleh Wan Abd Aziz, Saiful Bahri, Zakaria, Shaladdin, dan Abdul Hakim (2014), Ahmad Faosiy dan Asia Mus'ad (2013), serta Hasan Al-Bana et al. (2024) menunjukkan bahawa hasil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang berkualiti bukan sahaja merujuk kepada hasil yang baik, tetapi juga kebolehan hasil tersebut untuk mengekalkan standard yang konsisten dalam jangka masa panjang.

Dalam kajian oleh Nur Fatin Nabilah dan Siti Arni (2021), mewujudkan persekitaran yang kondusif juga memainkan peranan penting dalam kejayaan *itqan*. Persekitaran kerja yang kondusif membolehkan individu untuk memberi fokus yang tinggi dan bekerja dengan lebih berkesan, seterusnya mencapai hasil kerja yang cemerlang. Penyelidikan oleh Nur Fatin Nabilah dan Siti Arni (2021) serta Hasan Al-Bana et al. (2024) menunjukkan bahawa komitmen yang kuat terhadap tanggungjawab adalah elemen penting yang mendorong seseorang untuk bekerja keras dan bersungguh-sungguh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesempurnaan adalah matlamat akhir dalam konsep *itqan* sebagaimana yang dibincangkan oleh Hakki (2020) dan Nur Fatin Nabilah dan Siti Arni (2021). Apabila seseorang bekerja dengan teliti, tekun dan bertanggungjawab, kesempurnaan dalam hasil kerja dapat dicapai. Hakki (2020) juga menekankan pentingnya kerja keras dalam mencapai *itqan* kerana tiada kejayaan yang dapat dicapai tanpa usaha yang gigih. Penyelidikan oleh Nur Fatin Nabilah dan Siti Arni (2021) pula menekankan bahawa *itqan* mampu memupuk budaya cemerlang di tempat kerja atau dalam organisasi, yang seterusnya menghasilkan inovasi dan kualiti tinggi dalam produk atau perkhidmatan. Hakki (2020) dan Hasan Al-Bana et al. (2024) menyatakan bahawa sikap bersungguh-sungguh membolehkan seseorang mencapai hasil yang lebih baik dan berkualiti.

Berdasarkan penyelidikan-penyelidikan ini, jelas bahawa *itqan* adalah elemen psikospiritual Islam yang penting dalam mencapai kejayaan, terutama dalam konteks

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

profesional dan akademik. Penekanan terhadap teliti, tekun, tanggungjawab, dan usaha yang berterusan memastikan hasil yang berkualiti dan sempurna. Dapat disimpulkan bahawa *itqan* bermaksud melakukan sesuatu dengan penuh ketelitian, kesungguhan, dan kesempurnaan, sejajar dengan prinsip bahawa setiap tindakan mesti dilakukan sebaik mungkin untuk mendapatkan keredhaan Allah. Dari sudut psikospiritual, *itqan* melibatkan elemen-elemen dalaman seperti niat yang tulus, fokus, komitmen, dan usaha untuk mencapai kesempurnaan. Ini bukan sahaja menyentuh aspek fizikal atau praktikal dalam pekerjaan atau tugas, tetapi juga aspek spiritual, di mana seseorang melibatkan hati dan jiwa mereka dalam usaha untuk berbuat baik dan memenuhi tanggungjawab dengan niat ikhlas.

Secara keseluruhannya, *itqan* menyokong perkembangan psikospiritual individu dengan mendorong mereka untuk bekerja dengan penuh kesungguhan, komitmen, dan rasa tanggungjawab, yang akhirnya membawa kepada peningkatan kerohanian dan kedamaian jiwa dalam konteks kehambaan kepada Allah.

2.7.3 *Istiqamah*

Istiqamah dalam pendidikan Islam bermaksud konsistensi dalam etika dan pelaksanaan kerja, secara signifikan mempengaruhi kebajikan pekerja dan prestasi kerja (Falikhatun & Suparno, 2015; Wijayanti et al., 2020). *Istiqamah* dalam pementoran keusahawanan memupuk daya tahan, ketabahan, dan kelakuan beretika di kalangan menti, selaras dengan prinsip-prinsip Al-Quran tentang keteguhan dan kepercayaan kepada Allah (Al-Hud 11:112). Menurut Ahmad, Abu, dan Salmy (2023), cabaran utama yang dihadapi usahawan masa kini terletak pada mengekalkan keteguhan (*istiqamah*) dan memupuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

semangat pengurusan dan disiplin dalam usaha mereka untuk menghasilkan keusahawanan yang tekal. Membangunkan perniagaan memerlukan komitmen dan usaha yang berdaya tahan serta berterusan sehingga setiap usahawan yang bercita-cita tinggi mengalami kepuasan di dalam perjalanan keusahawanan mereka (Ahmad, Abu, & Salmy, 2023). Dalam konteks ini, *istiqamah* dianggap membawa maksud konsisten. *Istiqamah*, juga dikenali sebagai keteguhan, merangkumi sifat-sifat kebolehpercayaan dalam mengejar kesempurnaan. Islam menggalakkan usaha mencapai kecemerlangan dalam semua aspek kehidupan, menekankan kepentingan keadilan dan kecekapan dalam pekerjaan (Akmalovna, 2024).

2.7.3 *Taklif*

Taklif adalah konsep tanggungjawab moral dalam Islam yang memainkan peranan penting dalam membentuk nilai etika dan tingkah laku dalam masyarakat Islam (Zulhelmy, Abrar, & Firdaus, 2023). Ia menekankan akauntabiliti dalam berpegang kepada kewajipan dan kepercayaan agama, dengan kepercayaan kepada pahala, dosa, syurga, dan api neraka di akhirat berfungsi sebagai faktor motivasi (Zulhelmy, Abrar, & Firdaus, 2023). *Taklif* membimbing amalan pementoran dengan menanamkan rasa kewajipan dan tanggungjawab moral dalam diri mentor, mencerminkan penekanan al-Quran dalam menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan (Surah al-Nisa', 4:58). Catic (2023) menyatakan bahawa *taklif* dalam undang-undang Islam memerlukan tanggungjawab untuk membezakan antara yang baik dan yang jahat, menjadikan individu bertanggungjawab kepada Tuhan atas tindakan mereka, dan kadang-kadang kepada orang lain juga. Oleh itu, individu, mesti memastikan bahawa tindakan mereka tidak membahayakan nyawa mereka, kerana mereka akan dianggap bersalah di hadapan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tuhan jika mereka mencederakan diri sendiri, sama ada secara sengaja atau tidak sengaja (Catic, 2023). Zuhdi (2023) berpendapat bahawa pengertian *taklif* adalah berdasarkan kepercayaan bahawa semua kewajipan ditetapkan dengan tujuan untuk memajukan kesejahteraan manusia di dunia dan akhirat. Akauntabiliti Islam, atau *taklif,* merujuk kepada hari kiamat apabila setiap orang dipertanggungjawabkan atas perbuatan mereka di hadapan Tuhan, seperti yang dinyatakan oleh Abdul-Rahim & Goddard (1998) dalam Zulhelmy, Abrar, dan Firdaus (2023).

2.8 Rumusan

Penyelidikan ini bertujuan untuk meneroka personaliti mentor usahawan dalam kalangan pensyarah (ahli akademik), meneroka pengalaman mentor dalam membimbing usahawan pelajar dan menyelidik bagaimana mereka berjaya membimbing menti mengekalkan perniagaan. Bab ini merupakan tinjauan penyelidikan lepas yang merangkumi enam topik utama iaitu keusahawanan, mentor, pementoran keusahawanan, kompetensi, kompetensi mentor dan psikospiritual Islam dalam pementoran. Bab ini bermula dengan pelbagai aspek keusahawanan iaitu keusahawanan dan pendidikan keusahawanan, diikuti dengan mentor yang merangkumi maksud, teori, dan konsep mentor, serta kepentingannya dalam keusahawanan. Bab ini juga telah merumuskan penyelidikan-penyelidikan lepas yang menghasilkan jurang bagi penyelidikan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pendahuluan

Bab ini memerihal secara mendalam dan terperinci mengenai metodologi penyelidikan yang digunakan dalam penyelidikan ini. Penentuan pemilihan metodologi untuk menyempurnakan penyelidikan ini adalah berdasarkan kepada dua perkara asas, iaitu jenis penyelidikan dan persoalan yang ingin diselidik. Penyelidikan ini merupakan penyelidikan penerokaan yang bertujuan untuk meneroka penemuan serta membuat interpretasi berkaitan kompetensi mentor usahawan dalam kalangan pensyarah. Justeru, bab ini membincangkan metodologi yang berkaitan seperti reka bentuk penyelidikan, kaedah penyelidikan, lokasi penyelidikan, populasi dan persampelan, tatacara penyelidikan, kesahan dan kebolehpercayaan, instrumen penyelidikan, proses pengumpulan data, serta proses penganalisisan data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Paradigma Penyelidikan

Reka bentuk di dalam sesebuah penyelidikan adalah dibina berasaskan bidang penyelidikan yang diselidik. Bagi membina atau memilih reka bentuk penyelidikan, ciri-ciri penyelidikan perlu diberi perhatian. Creswell dan Creswell (2023) menyatakan bahawa reka bentuk penyelidikan adalah sebagai keseluruhan proses penyelidikan yang bermula daripada pengkonsepsualan masalah sehinggga kepada proses menulis laporan. Yin (2018) pula berpendapat bahawa reka bentuk penyelidikan adalah urutan logik pengumpulan data empirikal, dengan soalan penyelidikan dan seterusnya membuat kesimpulan bagi penyelidikan yang diselidik. Dalam penyelidikan ini, reka bentuk penyelidikan adalah merujuk kepada model '*Research Onion*' (bawang penyelidikan) (Saunders, Lewis & Thornhill, 2019) yang mengandungi beberapa item. Penggunaan reka bentuk penyelidikan yang berlandaskan kepada bawang penyelidikan ini dapat membantu penyelidik merancang seterusnya melaksanakan dan menyiapkan sesuatu penyelidikan. Bawang penyelidikan ini mengandungi enam elemen dan pilihan bagi penyelidikan ini adalah seperti yang berikut; -

1) Falsafah: interpretivisme dan konstruktivisme
2) Kaedah dalam pembangunan teori: kaedah induktif
3) Pilihan metodologi: kaedah pelbagai kualitatif
4) Pendekatan penyelidikan: fenomenologi dan analisis dokumen
5) Ufuk masa penyelidikan: keratan rentas
6) Reka bentuk penyelidikan: kualitatif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.1 Falsafah Penyelidikan

Sebelum penyelidikan dimulakan, penyelidik perlu jelas tentang sudut pandangan mengenai set kepercayaan dan nilai-nilai (Creswell & Creswell, 2023) (falsafah) yang membawa kepada pendekatan untuk menjalankan penyelidikan. Menurut Saunders et al., (2019), falsafah penyelidikan merupakan istilah menyeluruh yang berkaitan dengan sistem kepercayaan dan andaian mengenai perkembangan pengetahuan dan sifat pengetahuan itu berhubung dengan penyelidikan. Falsafah penyelidikan bergantung kepada pemikiran dan andaian penyelidik tentang kemajuan pengetahuan yang seterusnya mempengaruhi cara penyelidikan dilakukan (Saunders et al., 2019). Falsafah ini adalah suatu pegangan penting bagi penyelidik dalam menjalankan penyelidikan. Falsafah penyelidikan mengandungi andaian yang mustahak bagi menyokong strategi dan kaedah penyelidikan yang dipilih. Di dalam falsafah penyelidikan, pembentukan reka bentuk penyelidikan dibina oleh ontologi, epistemologi dan aksiologi.

3.2.2 Ontologi Penyelidikan

Ontologi merujuk kepada andaian tentang sifat realiti (Saunders et al., 2019). Andaian ontologi ini akan membentuk cara penyelidik melihat dan mengkaji objek penyelidikan. Menurut Saunders et al., (2019), dalam pengurusan perniagaan, objek ini adalah termasuk organisasi, pengurusan, kerja individu dan aktiviti organisasi. Ianya merangkumi, apakah keadaan realiti sebenar tentang subjek yang ingin diselidik? Adakah ianya merupakan keadaan / topik yang baru? Atau sudah lama wujud atau sudah lama wujud tetapi belum jelas? Oleh itu, ontologi akan menentukan bagaimana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyelidik melihat dunia pengurusan perniagaan untuk diselidik. Ontologi adalah penting kerana ianya mempengaruhi bagaimana penyelidik melihat kes / fenomena yang sedang diselidik. Pandangan ontologi dalam penyelidikan ini adalah konstruktivisme iaitu pandangan bahawa realiti adalah dibina oleh individu dalam interaksi sosial mereka. Dalam hal ini, penyelidik mengakui bahawa realiti itu adalah berbeza bagi setiap individu. Pandangan ontologi konstruktivisme menekankan bahawa realiti sosial adalah hasil daripada interaksi dan pemahaman bersama antara individu dan lingkungan sosial yang terlibat dengan fenomena yang sedang diselidik dan bukannya pengalaman secara individu.

3.2.3 Epistemologi Penyelidikan

Epistemologi di dalam penyelidikan adalah merujuk kepada cara kita memahami dan menilai pengetahuan serta cara kita memperolehi pengetahuan baru. Dalam konteks penyelidikan, epistemologi digunakan untuk mempertimbangkan berbagai aspek seperti kaedah penyelidikan, data yang dikumpulkan, cara interpretasi data dan cara menilai kebenaran dari kesimpulan yang dibuat. Penyelidik cuba menghargai atau percaya operasi dunia sosial, serta untuk mendapatkan rasa atau melihat dunia seperti yang dilihat oleh manusia lain (Alharahsheh & Pius, 2020). Ada beberapa pandangan epistemologi yang boleh digunakan dalam penyelidikan iaitu:

1) Interpretivisme: pandangan bahawa pengetahuan dibentuk melalui proses interpretasi oleh individu dan kelompok melalui pemahaman tentang perspektif, nilai, keyakinan dan konteks yang membentuk tindakan sosial.
2) Empirisisme: pandangan bahawa pengetahuan hanya dapat diperolehi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melalui pengamatan dan pengalaman langsung

3) Rasionalisme; pandangan bahawa pengetahuan dapat diperolehi melalui pemikiran dan penggunaan akal
4) Konstruktivisme: pandangan bahawa pengetahuan dibangunkan melalui proses sosial dan pengalaman individu.
5) Positivisme: pandangan bahawa pengetahuan hanya dapat diperolehi melalui pengujian empirikal dan kaedah ilmiah.

Pemilihan pandangan epistemologi tertentu akan mempengaruhi pilihan kaedah penyelidikan yang digunakan, cara menganalisis data dan cara membuat kesimpulan dari hasil penyelidikan. Oleh kerana itu, penting bagi seorang penyelidik untuk mempertimbangkan pandangan epistemologi yang ingin digunakan dalam penyelidikan untuk memastikan bahawa kesimpulan yang dibuat adalah didasari oleh kaedah dan analisis yang tepat dan dapat dipertanggungjawabkan secara ilmiah. Epistemologi menitikberatkan bahawa apa yang diandaikan berlaku boleh difahami. Ianya merupakan cabang falsafah berkenaan dengan andaian tentang pengetahuan, apa yang menjadi pengetahuan yang boleh diterima, sah dan tepat, serta bagaimana kita dapat menyampaikan pengetahuan kepada orang lain (Saunders et al., 2019). Dalam penyelidikan ini, penyelidik hanya menumpukan kepada epistemologi konstruktivisme / interpretivisme dimana pengetahuan dibangunkan melalui proses sosial dan pengalaman individu sebagai asas pemilihan reka bentuk penyelidikan (Creswell & Creswell, 2023). Menurut Creswell dan Creswell (2023) dan Merriam dan Tisdell (2016), di dalam sesuatu penyelidikan, konstruktivisme biasanya akan digabungkan dengan interpretivisme, manakala Saunders et al., (2019) hanya menekankan interpretivisme tanpa menggabungkan dengan kontruktivisme. Dalam konteks

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

epistemologi penyelidikan, terdapat berbagai pendekatan dan paradigma yang mempengaruhi cara kita memahami pengetahuan dan pemahaman di dalam penyelidikan. Salah satu paradigma yang relevan adalah interpretivisme, yang menekankan pemahaman dan interpretasi subjektif terhadap fenomena sosial.

Interpretivisme atau sering juga disebut konstruktivisme sosial, berpendapat bahawa pengetahuan dan pemahaman tentang dunia sosial dibentuk melalui interpretasi individu dan interaksi sosial. Pemahaman manusia tentang realiti adalah tidak terlepas dari konteks sosial dan budaya yang mereka alami. Dalam interpretivisme, penyelidikan berusaha untuk memahami makna yang diberikan oleh individu atau kelompok dalam konteks sosial mereka. Penyelidik memberi fokus pada pemahaman subjektif, perspektif dan pengalaman responden yang terlibat dalam penyelidikan. Kaedah temu bual dan analisis tematik sering digunakan dalam penyelidikan interpretatif. Dalam epistemologi interpretivisme (Saunders et al. 2019) dan konstruktivisme, penyelidikan adalah bersesuaian dengan kaedah temu bual mendalam, pemerhatian dan analisis teks untuk memahami pengalaman individu dan konteks sosial di mana pengalaman tersebut terjadi (Creswell & Creswell, 2023).

3.2.4 Aksiologi Penyelidikan (Nilai Penyelidikan)

Aksiologi adalah merujuk kepada peranan nilai dan etika dalam proses penyelidikan, yang menggabungkan persoalan tentang bagaimana kita, sebagai penyelidik, menangani nilai kita sendiri dan juga dengan nilai daripada responden (Saunders et al., 2019). Ia adalah subset falsafah yang mengkaji penilaian mengenai nilai yang bertujuan untuk menyediakan teori tentang sifat nilai berbanding dengan moral, berhemat atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

estetik (Saunders et al., 2019). Dalam aksiologi penyelidikan, andaian adalah bahawa penyelidik sangat rapat dan tahu *(attached and bound)* mengenai persoalan sosial yang diselidik iaitu penyelidik adalah sebahagian daripada apa yang diselidik. Paradigma konstruktivisme dan interpretivisme dalam aksiologi penyelidikan adalah menganggap bahawa realiti sosial dibangunkan secara subjektif oleh manusia melalui interaksi sosial, pengalaman dan interpretasi. Interpretasi penyelidik adalah kunci kepada sumbangan penyelidikan. Dalam konteks penyelidikan yang dijalankan ini, penyelidikan ini adalah merupakan 'pemacu nilai' iaitu ditentukan oleh kepercayaan manusia dan pengalaman (Saunders et al., 2019) iaitu penyelidik itu sendiri. Dalam paradigma konstruktivisme dan interpretivisme ini, ianya menganggap pengetahuan adalah bersifat relatif dan pembinaan sosial dapat diubah oleh pengalaman baru dan dengan melakukan refleksi yang kritis. Dalam hal ini, penyelidik memerhatikan sudut pandang responden dan membuat refleksi terhadap pandangan tersebut agar dapat menghasilkan dapatan yang lebih holistik, reflektif dan kritis tentang fenomena atau kes yang sedang diselidik.

3.2.5 Ufuk Masa

Dalam perbincangan berkaitan jangka masa penyelidikan, terdapat dua istilah utama yang dikenali sebagai 'keratan rentas' *(cross-sectional)* dan berpanjangan *(longitudinal)* (Saunders et al., 2019), di mana ianya adalah bergantung kepada soalan penyelidikan. Penyelidikan berpanjangan adalah berdasarkan tempoh penyelidikan jangka panjang. Menurut Saunders et al., (2019), kekuatan utama penyelidikan berpanjangan adalah keupayaannya untuk mengkaji perubahan dan pembangunan. Contoh terbaik penyelidikan berpanjangan adalah dari luar dunia perniagaan. Ia berdasarkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyelidikan selama beberapa tahun untuk mendapatkan sumber data yang banyak untuk perkembangan teori baru. Penyelidikan keratan rentas adalah penyelidikan fenomena tertentu (atau peristiwa) dalam masa tertentu (Saunders et al., 2019) dimana ia boleh digunakan sama ada sebagai kuantitatif atau secara kualitatif. Bagi tujuan penyelidikan ini, penyelidikan yang dijalankan adalah penyelidikan keratan rentas kerana ia bertujuan untuk menerangkan kejadian fenomena atau untuk meneroka amalan dan bagaimana faktor-faktor tersebut berkait dengan organisasi yang berbeza (Saunders et al., 2019).

3.2.6 Justifikasi Pemilihan Paradigma Penyelidikan

Pemilihan paradigma penyelidikan yang tepat sangat penting dalam penyelidikan. Ia memastikan kesesuaian antara penyelidikan, tujuan, persoalan dan kerangka teori yang digunakan. Paradigma yang dipilih memudahkan pemahaman mendalam tentang fenomena yang diselidik dan memudahkan pengembangan pengetahuan yang relevan. Selain itu, paradigma yang tepat memastikan penggunaan metodologi yang sesuai dengan sifat fenomena yang diselidik dan objek penyelidikan. Ini akan meningkatkan kualiti penyelidikan dan memastikan kesesuaian antara kaedah yang digunakan dengan soalan penyelidikan. Paradigma yang tepat juga memberikan sumbangan kepada pemahaman pengetahuan dalam bidang yang diselidik dan memastikan konsistensi falsafah yang digunakan dalam penyelidikan.

Penerimaan epistemologi - seperti yang dibincangkan sebelum ini, sifat penyelidikan ini lebih cenderung kepada konstruktivisme dan interpretivisme. Oleh itu, ia berakar umbi dalam pengalaman dunia realiti yang melibatkan pembinaan sosial dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bukannya sekadar idealiti dalam kalangan pensyarah. Penyelidikan ini adalah untuk mencari maklumat bagi mengenal pasti kompetensi mentor dan amalan perkongsian terbaik dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai mentor dalam kalangan pensyarah.

Andaian ontologi penyelidikan ini adalah melibatkan penerokaan dan pencarian maklumat daripada responden secara langsung. Ianya melibatkan pandangan, penceritaan serta perkongsian maklumat berdasarkan realiti pengalaman dan amalan sebenar pensyarah dalam melalui kehidupan sebagai mentor usahawan pemula di IPT. Tambahan pula, penyelidikan ini bertujuan untuk menjana data bagi membina kefahaman di mana penyelidikan ini adalah bersifat penerokaan dan bukannya menguji teori. Di samping itu, penyelidikan ini tidak melibatkan andaian dan hipotesis seperti dalam pendekatan deduktif yang digunakan dalam penyelidikan positivisme. Tujuan aksiologi penyelidikan ini adalah untuk menghasilkan kompetensi mentor yang dikenal pasti untuk pelaksanaan pementoran usahawan pemula di IPT Malaysia. Fenomena di bawah penyelidikan ini ditafsirkan dalam konteks interaksi dan penglibatan secara langsung dalam kalangan mentor usahawan pemula IPT. Dalam konteks ini, penyelidikan ini bersandar kepada penyelidikan pemacu nilai.

Kesimpulannya, falsafah penyelidikan ini adalah cenderung kepada konstruktivisme dan interpretivisme pada perspektif ontologi dan epistemologi, manakala pada perspektif aksiologi, ianya merujuk kepada pemacu nilai. Secara keseluruhannya konstruktivisme dan interpretivisme adalah saling berkaitan dan saling memberi sumbangan dalam konteks penyelidikan sosial. Kedua-dua pendekatan tersebut berprinsip bahawa pengetahuan dan pemahaman manusia adalah dipengaruhi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh pembinaan sosial, pengalaman dan interpretasi makna bagi sesuatu fenomena. Namun begitu, konstruktivisme dan interpretivisme memiliki perbezaan dalam penekanan dan fokus sesuatu penyelidikan. Konstruktivisme berpendapat pembinaan pengetahuan sosial adalah melalui interaksi sosial, sedangkan pendekatan fenomenologi menekankan tentang pemahaman pengalaman subjektif individu. Sementara itu, interpretivisme menekankan interpretasi makna yang diberikan oleh individu dan kelompok dalam konteks sosial. Meskipun demikian, kedua-duanya saling melengkapi dan saling berkaitan.

Dalam konteks penyelidikan sosial, penggabungan elemen-elemen dari kedua-dua pendekatan ini dapat memberikan pemahaman yang lebih komprehensif dan mendalam tentang realiti sosial. Sebagaimana penyelidikan oleh Łudzińska (2022) dan Svensson (2021) dalam penyelidikan keusahawanan juga menggunakan paradigma konstruktivisme dan interpretivisme kerana penyelidikan ini memerlukan penyelidik untuk memahami, meneroka dan mendapatkan pendapat, pandangan dan persepsi daripada responden.

3.3 Reka Bentuk Penyelidikan

Reka bentuk penyelidikan menyediakan hala tuju keseluruhan penyelidikan tentang proses penyelidikan yang akan menentukan bagaimana penyelidik menjalankan penyelidikan untuk proses mengumpulkan data (Merriam & Tisdell 2016). Walau bagaimanapun, tiada reka bentuk penyelidikan yang mengatasi sesuatu reka bentuk atau lebih rendah daripada yang lain (Saunders et al., 2019). Reka bentuk penyelidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membolehkan penyelidik menjawab persoalan penyelidikan bagi mencapai objektif penyelidikan bergantung kepada pengetahuan terdahulu, ketersediaan masa dan sumber serta bersama-sama dengan pendirian falsafah yang dipegang (Saunders et al., 2019).

Reka bentuk penyelidikan ini dipilih setelah falsafah, ontologi dan epistemologi dikenal pasti. Reka bentuk penyelidikan boleh berbentuk kuantitatif, kualitatif atau kedua-duanya (campuran) di mana setiap satunya mempunyai perbezaan dalam kaedah pengumpulan data. Reka bentuk kuantitatif menggunakan penaakulan deduktif di mana idea adalah untuk menguji hubungan sebab akibat dengan sokongan pengetahuan sedia ada atau berlandaskan teori yang yang telah dibangunkan (Creswell & Creswell, 2023; Othman Lebar, 2022; Saunders et al., 2019; Merriam & Grenier, 2018; Merriam & Tisdell 2016). Data dipersembahkan secara sistematik dengan nombor, termasuk kadar dan peratusan. Sementara itu, reka bentuk kualitatif adalah menggunakan penaakulan induktif untuk meneroka fenomena yang mendalam dan bertujuan untuk mendapatkan data yang banyak dan luas (Creswell & Creswell, 2023; Othman Lebar, 2022; Saunders et al., 2019; Merriam & Grenier, 2018; Merriam & Tisdell 2016).

Data dan hasil dapatan penyelidikan kualitatif biasanya memperoleh maksud dan pemahaman yang lebih mendalam tentang fenomena yang diselidik dan bukan dalam bentuk angka. Bagi pengumpulan data, antara kaedah penyelidikan yang digunakan dalam reka bentuk kuantitatif adalah eksperimen dan tinjauan melalui soal selidik yang ditadbir sendiri, temu bual berstruktur serta pemerhatian berstruktur dan penyelidik tidak terlibat secara langsung dengan responden. Oleh itu, keputusan dibuat secara objektif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebaliknya, penyelidikan naratif, penyelidikan kes, etnografi, fenomenologi dan teori asas adalah pendekatan yang biasa digunakan dalam reka bentuk kualitatif untuk mengumpulkan data. Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data kualitatif termasuk temu bual tidak berstruktur atau temu bual separa berstruktur, pemerhatian terhadap responden dan nota lapangan. Antara pendekatan utama yang digunakan dalam penyelidikan kualitatif pula ialah penyelidikan kes, etnografi, teori berasas / tertanam *(grounded theory)*, biografi / siasatan naratif, (Creswell & Creswell, 2023; Othman Lebar, 2022; Saunders et al., 2019) fenomenologi (Creswell & Creswell, 2023; Merriam & Tisdell, 2016) dan penyelidikan tindakan (Saunders et al., 2019).

Beberapa dimensi perlu diteliti sebelum sesuatu reka bentuk, pendekatan atau kaedah penyelidikan itu dipilih. Memandangkan terdapat beberapa perbezaan penggunaan istilah reka bentuk dan pendekatan penyelidikan, maka di dalam penyelidikan ini, penyelidikan kualitatif adalah merujuk kepada reka bentuk penyelidikan (Creswell & Creswell, 2023; Merriam & Tisdell, 2016), manakala fenomenologi merujuk kepada pendekatan penyelidikan (Creswell & Creswell, 2023; Merriam & Tisdell, 2016) dan temu bual separa berstrukur adalah merujuk kepada kaedah / teknik penyelidikan (Creswell & Creswell, 2023; Othman Lebar, 2022; Saunders et al., 2019; Merriam & Grenier, 2018; Merriam & Tisdell 2016). **Jadual 3.1** adalah dimensi bagi setiap pendekatan penyelidikan kualitatif. Dalam penyelidikan ini, kaedah fenomenologi digunakan bagi meneroka kompetensi pensyarah sebagai mentor usahawan melalui pengalaman subjektif mereka. Temu bual mendalam membolehkan penyelidik memahami makna, proses, serta faktor yang membentuk kompetensi tersebut, sekali gus memberikan gambaran mendalam tentang peranan dan kemahiran pensyarah dalam pementoran keusahawanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1

Dimensi Perbandingan Pendekatan Penyelidikan dalam Penyelidikan Kualitatif

Dimensi / Pendekatan	Fokus	Pengumpulan Data	Analisis Data	Deskripsi	Bentuk Soalan
Kajian Kes	Membina analisis yang mendalam tentang satu atau pelbagai kes.	Pelbagai sumber dokumen, rekod arkib, temu bual, pemerhatian,	Deskripsi, tema-tema, kenyataan	Penyelidikan mendalam tentang kes atau kes-kes.	Bagaimana? Mengapa?
Kajian Tindakan	Meneroka dan menilai penyelesaian isu dan perubahan organisasi.	Peringkat atau kitaran Penyelidikan tindakan	Penyelidikan dalam tindakan bukannya mengenai tindakan.	Menghasilkan penyelesaian / praktikal	Bagaimana?
Teori berasas / tertanam	Membina teori berasaskan data di lapangan	Temu bual bersama 20-30 individu	Pengekodan terbuka, axial, terpilih, matrik	Model teori atau teoritikal	Bagaimana? Fokus proses.
Etnografi	Menjelas dan mengintepretasikan kelompok budaya dan sosial.	Pemerhatian dan temu bual serta artifak dalam tempoh yang panjang (6-12 bulan)	Deskripsi, analisis, interpretasi	Deskripsi tentang perlakuan budaya kelompok atau individu	Mengapa? Memahami konteks dan persepsi.
Analisis dokumen	Membenarkan data ditransposisikan merentasi masa dan ruang dan dianalisis semula untuk tujuan yang berbeza dengan yang asalnya.	Analisis semula data dari kaji selidik, dokumen (termasuk teks, audio dan visual) dan pelbagai sumber.	Set data, data siri masa (longitudinal), data berasaskan topik penyelidikan, perbandingan, persamaan.	Menjawab persoalan penyelidikan dan untuk memenuhi objektif penyelidikan.	Siapa, apa, di mana, bagaimana, berapa?
Biografi	Meneroka kehidupan individu.	Temu bual, analisis dokumen	Cerita, ephiphanies, kandungan sejarah	Gambaran terperinci kehidupan individu	Bagaimana? Mengapa?
Fenomenologi	Memahami inti pati pengalaman tentang sesuatu fenomena.	Temu bual yang mendalam 1-10 orang.	Kenyataan, makna, terma, deskripsi umum tentang pengalaman	Deskripsi tentang inti pati pengalaman.	Bagaimana? Mengapa?

Diadaptasi dari Creswell dan Creswell (2023), Othman Lebar (2022) dan Saunders et al., (2019)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendekatan penyelidikan digunakan untuk menyokong tafsiran data; sama ada induktif, deduktif atau gabungan kedua-duanya (abduktif) (Saunders et al., 2019). Memahami pendekatan ini adalah penting untuk menyediakan penyelidik tentang hala tuju penyelidikan yang ingin dilaksanakan, maka membuat pilihan paradigma penyelidikan yang sesuai bagi meningkatkan kecekapan penyelidikan adalah diperlukan. Perbezaan ketara antara pendekatan deduktif, induktif dan abduktif di dalam penyelidikan adalah seperti yang ditunjukkan di dalam **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2

Perbezaan antara deduktif, induktif dan abduktif

	Deduktif	Induktif	Abduktif
Logik (inferens – kesimpulan awal)	Apabila perkara asasnya (teori) benar, kesimpulannya juga mesti menjadi benar	Perkara asas yang diketahui digunakan untuk menjana kesimpulan yang belum diuji	Perkara asas yang dikenal pasti digunakan untuk menghasilkan kesimpulan yang boleh diuji
Generalisasi	Dari umum kepada khusus	Dari khusus kepada umum	Dari interaksi antara spesifik dan umum
Penggunaan data digunakan untuk	Menilai cadangan atau menguji hipotesis berkaitan dengan teori sedia ada	Meneroka fenomena, mengenal pasti tema dan diakhirnya mencipta rangka kerja konseptual	Meneroka fenomena, mengenal pasti tema, letakkannya di dalam rangka kerja konseptual dan di uji
Teori	Penafian atau pengesahan teori	Penjanaan dan pembinaan teori	Penjanaan atau pengubahsuaian teori; menggabungkan teori sedia ada di mana yang sesuai untuk membina teori baru atau mengubah suai teori sedia ada

Diadaptasi dari Saunders et al., (2019)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendekatan induktif dipilih dalam penyelidikan ini untuk meneroka kompetensi pensyarah sebagai mentor usahawan kerana ia membolehkan penyelidik menggunakan data khusus daripada pensyarah untuk memahami pemahaman yang lebih umum. Dengan menggunakan logik inferens, penyelidik dapat membuat kesimpulan awal berdasarkan perkara asas yang diketahui, iaitu pengalaman dan pengetahuan pensyarah sebagai mentor usahawan. Melalui proses generalisasi, data khusus daripada pensyarah digunakan untuk mengenal pasti tema dan akhirnya mencipta rangka kerja konseptual yang merangkumi kompetensi yang diperlukan dalam peranan sebagai mentor usahawan.

Pendekatan induktif juga membolehkan penyelidik melakukan penjanaan dan pembinaan kerangka kompetensi baru berdasarkan data yang diperoleh daripada pensyarah. Dengan meneroka fenomena secara mendalam melalui data yang dikumpul, penyelidik dapat menghasilkan kerangka kompetensi yang lebih relevan dan kontekstual dengan pensyarah sebagai mentor usahawan. Oleh itu, pendekatan induktif memberikan perkembangan pemikiran baru dan pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan pensyarah dalam membimbing usahawan pemula di IPT.

Kesimpulannya, reka bentuk yang dipilih bagi penyelidikan ini adalah reka bentuk kualitatif iaitu menggunakan pendekatan fenomenologi. Temu bual dan analisis dokumen adalah kaedah untuk pengumpulan data. Oleh itu, bagi membantu penyelidik mendapatkan maklumat secara lebih terperinci serta mendalam tentang pengalaman mentor dalam membimbing usahawan pemula semasa dalam pengajian di IPT sehingga usahawan tersebut (menti) dapat mengekalkan perniagaan selepas menamatkan pengajian, maka reka bentuk penyelidikan kualitatif dipilih. Melalui penerokaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengalaman mentor, pelbagai sisi berkaitan mentor keusahawanan dapat dikenal pasti termasuklah kompetensi mentor.

3.3.1 Asas Penyelidikan Kualitatif

Penyelidikan kualitatif adalah bersandarkan kepada prosedur induktif yang biasanya tanpa rangka kerja analisis, kategori dan kod terlebih dahulu. Oleh itu, pendekatan penyelidikan induktif dikaitkan dengan konstruktivisme. Pendekatan induktif ini membolehkan penyelidik memperoleh dan memahami konteks penyelidikan dengan bantuan pelbagai pengalaman manusia kepada fenomena atau peristiwa yang diselidik (Saunders et al., 2019). Penyelidikan induktif adalah pendekatan yang fleksibel kerana ianya tidak memerlukan teori pra-syarat untuk mengumpul data dan maklumat. Penyelidik menggunakan data dan fakta yang diperoleh untuk menganalisis corak dan tema serta merumuskan hubungan untuk membangunkan teori berkaitan dengan masalah atau isu yang diselidik. Pendekatan induktif merupakan pendekatan yang bertentangan dengan pendekatan deduktif.


Rajah 3.1 menunjukkan langkah-langkah pemerhatian, corak, tema, hubungan dan perkembangan teori dalam pendekatan induktif. Ia adalah pendekatan di mana fenomena diperhatikan dan beberapa kesimpulan diperolehi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.1

Pendekatan induktif dalam penyelidikan.



Diadaptasi dari Saunders et al., 2019 ms 153

Menurut, Creswell dan Creswell (2023), dan Merriam dan Granier (2018), pelaksanaan penyelidikan kualitatif pada lazimnya tidak mempunyai satu prosedur standard yang dapat memenuhi jangkaan semua pihak kerana penyelidikan yang dilaksanakan adalah bergantung pada tujuan dan konteks penyelidikan. Kebiasaannya, pendekatan penyelidikan kualitatif dipilih untuk mengkaji tingkah laku manusia dan subjektiviti secara sistematik (contohnya, persepsi, pendapat, sikap, nilai dan kepercayaan responden).

3.3.2 Justifikasi Pemilihan Reka Bentuk Kualitatif

Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah kaedah pelbagai kualitatif iaitu temu bual dan analisis dokumen untuk memperoleh data yang mana kaedah ini adalah selaras dengan reka bentuk penyelidikan kualitatif (Merriam &

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Granier, 2018). Penggunaan pelbagai kaedah sebagai pengumpulan data dapat memberi triangulasi data sepanjang tempoh penyelidikan dilaksanakan (Merriam & Granier, 2018). Selepas mempertimbangkan kepada sifat *(nature)* permasalahan penyelidikan, penyelidikan ini adalah bersandar kepada paradigma konstruktivisme dan interpretivisme, maka data dalam penyelidikan ini bersandar kepada analisis kualitatif (subjektif) dan bukannya kuantitatif (objektif).

Penyelidikan ini merupakan penyelidikan kualitatif dan tidak melibatkan sebarang ujian teori atau hipotesis. Tambahan lagi, pendekatan induktif yang sejajar dengan kaedah penyelidikan kualitatif, digunakan sebagai pendekatan penyelidikan. Walau bagaimanapun, penyelidik memulakan penyelidikan dengan menyimpulkan dari penyelidikan literatur untuk mendapatkan beberapa pemahaman dan konsep yang berkaitan dengan konteks penyelidikan. Temu bual separa berstruktur digunakan sebagai strategi penyelidikan. Memandangkan penyelidikan ini bertujuan meneroka dan menyiasat pendekatan amalan semasa, proses, faedah dan cabaran dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai mentor dalam kalangan pensyarah, maka dengan menggunakan pendekatan induktif yang dijangkakan dapat menjadikan penyelidikan lebih mudah untuk mendapat dapatan yang hampir dan hasil yang tepat (Saunders et al., (2019).

Pemilihan reka bentuk penyelidikan ini menepati kenyataan Creswell dan Creswell (2023) bahawa penyelidikan kualitatif merupakan sebuah penyelidikan berbentuk penerokaan. Seterusnya, Patton (2002) pula menjelaskan bahawa penyelidikan kualitatif membolehkan penyelidik menyiasat isu yang dikenal pasti secara mendalam agar isu yang diselidik dapat mengekalkan ciri keaslian secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyeluruh. Sifat keterbukaan dalam penyelidikan kualitatif turut membenarkan penyelidik berinteraksi secara bersemuka dengan responden di dalam penyelidikan ini. Penyelidikan ini meneroka dengan lebih mendalam mengenai mentor usahawan pemula di IPT yang mengungkapkan keadaan / situasi yang diselidik dengan menemu bual subjek sehinggalah subjek mengungkapkan perasaan (emosi) mereka melalui kata-kata, mimik muka dan gerak tubuh lainnya. Daripada tindak balas ini, di akhirnya, penyelidik membuat intepretasi dan membuat gambaran apa yang terjadi, bagaimana prosesnya dan juga mengetahui mengapa mereka bertingkah laku dan beremosi sedemikian dalam menjalankan tanggungjawab sebagai mentor usahawan. Penyelidikan ini tidak menguji mana-mana teori, malahan hasil penyelidikan ini telah menghasilkan satu kerangka kompetensi mentor usahawan dalam kalangan ahli akademik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Burg et al., (2022) telah mencadangkan agar penyelidikan keusahawanan sepatutnya lebih kepada penyelidikan kualitatif dengan mengemukakan empat ciri untuk diberi perhatian di dalam membuat pemilihan pendekatan penyelidikan keusahawanan. Empat ciri tersebut adalah i) keunikan elemen-elemen keusahawanan ii) kepelbagaian dalam bidang keusahawanan iii) naik-turun dunia / perjalanana keusahawanan dan iv) kebiasaan (*nature*) dunia keusahawanan. Penyelidikan ini adalah merupakan penyelidikan keusahawanan yang menerokai keunikan karakter, personaliti dan tanggungjawab mentor usahawan iaitu merujuk kepada elemen kedua dalam ciri-ciri yang disenaraikan. Maka, penyelidikan kualitatif adalah sangat sesuai untuk mencapai tujuan tersebut. **Jadual 3.3** menunjukkan empat ciri keusahawanan dan sebab mengapa ianya perlu dijalankan secara reka bentuk kualitatif yang dikemukakan oleh Burg et al., (2022).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3

Ciri-ciri keusahawanan dan kesesuaian pendekatan penyelidikan kualitatif

Ciri-ciri	1) Keunikan	2) Kepelbagaian	3) Naik-turun	4) Kebiasaan
Elemen reka bentuk utama	Merakam keunikan	Membandingkan kes	Proses dan berkembang dari masa ke masa	Menangkap amalan harian
Jenis data yang sesuai	1) Pemerhatian langsung 2) Satu kes 3) Temu bual 4) Data sejarah/arkib	1) Temu bual 2) Data sejarah/arkib 3) Wacana 4) Pemerhatian langsung	1) Diari 2) Video etnografik 3) Data sejarah/arkib 4) Data digital	1) Pemerhatian 2) Video etnografik 3) Etnografi digital
Jenis analisis	1) Asas Teori / tertanam 2) Naratif 3) Multimodal	1) Perbandingan kes 2) Analisis wacana 3) Eksperimen kualitatif	1) Analisis proses 2) Analisis laluan perjalanan 3) Naratif	1) Ethno-metodologi 2) Asas teori / tertanam

Diadaptasi dari Burg et al., (2022)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, dalam penyelidikan ini, penyelidik telah menggunakan pendekatan induktif (responden yang ditemuramah dalam penyelidikan kes) bagi mendapatkan data dan membina makna serta membuat pengesahan hasil penyelidikan. Ini membolehkan penyelidik meneroka dengan lebih mendalam berkaitan fenomena sebenar yang menjadi fokus dalam penyelidikan ini iaitu fenomena pensyarah sebagai mentor usahawan pemula dalam kalangan pelajar IPT dan mentor tersebut bukannya daripada kelompok usahawan berjaya.

3.3.3 Pendekatan Fenomenologi

Penyelidikan fenomenologi ialah pendekatan inkuiri yang datang daripada falsafah dan psikologi di mana penyelidikan menerangkan pengalaman hidup individu tentang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesuatu fenomena seperti yang diterangkan oleh responden. Penerangan ini tertumpu kepada intipati pengalaman bagi beberapa individu yang pernah mengalami fenomena tersebut. Reka bentuk ini mempunyai asas falsafah yang kukuh dan biasanya melibatkan kaedah temu bual sebagai kaedah penyelidikan (Creswell & Creswell, 2023). Manakala menurut Merriam and Tisdell (2016), fenomenologi ialah pendekatan di dalam penyelidikan kualitatif yang menitikberatkan pada pemahaman subjektif pengalaman manusia. Ia menggunakan strategi tertentu untuk menggali makna dalam pengalaman individu dan memahami dunia mereka dari perspektif sendiri. Pendekatan fenomenologi melibatkan deskripsi fenomena, analisis pengurungan, *epoche / bracketing* (penangguhan penilaian), mengenal pasti asas dan struktur, dan membuat deskripsi fenomena yang diselidik. Ia bertujuan untuk memahami pengalaman subjek secara mendalam, menggambarkan makna yang terkandung dalam pengalaman, dan memberikan gambaran yang tepat tentang dunia subjektif individu.

3.3.4 Justifikasi Pemilihan Pendekatan Fenomenologi

Pendekatan fenomenologi dipilih sebagai kaedah pengumpulan data dalam penyelidikan ini untuk memperoleh maklumat berkaitan proses pementoran usahawan pemula di PolyCC. Objektif penyelidikan ini adalah untuk meneroka kompetensi mentor usahawan dalam kalangan pensyarah dengan persoalan bagaimana kompetensi ini digunakan dalam pementoran usahawan pemula sehingga menti dapat mengekalkan perniagaan berdasarkan kepada pengalaman pementoran yang dilalui oleh responden, maka pendekatan penyelidikan yang dipilih adalah pendekatan fenomenologi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Memandangkan penyelidikan ini adalah untuk memahami pengalaman responden sebagai mentor usahawan dan mendapatkan pandangan mendalam tentang perspektif dan makna yang mereka berikan kepada pengalaman pementoran tersebut, maka pendekatan fenomenologi adalah sesuai dengan penyelidikan ini. Perkara yang perlu diberi perhatian di dalam pendekatan fenomenologi adalah memahami fenomena yang diselidiki daripada perspektif responden, dan bukan daripada perspektif penyelidik yang biasanya menekankan maksud sebenar bagi sesuatu berdasarkan kepercayaan dan nilai budaya responden (Merriam & Tisdell, 2016; Creswell & Creswell, 2023). Melalui pendekatan fenomenologi ini, ianya membolehkan penyelidik memahami pengalaman manusia dengan lebih mendalam. Oleh itu, pendekatan fenomenologi dalam penyelidikan ini dilaksanakan untuk menjawab enam persoalan penyelidikan berkaitan amalan pelaksanaan aktiviti mentor usahawan di IPT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, fenomenologi membantu penyelidik mengenal pasti tema-tema utama yang muncul daripada pengalaman sebenar responden. Ia juga memastikan bahawa suara dan naratif pensyarah sebagai mentor didengar secara autentik tanpa dipengaruhi oleh andaian penyelidik. Justeru, pendekatan ini diharap dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang kompetensi mentor usahawan dalam konteks pendidikan tinggi. Pendekatan fenomenologi (kualitatif) dipilih dalam penyelidikan ini kerana beberapa sebab yang kukuh dan relevan, terutamanya dalam konteks pementoran usahawan pemula di IPT seperti berikut.

i) Kes yang ingin diselidik dan sumbangannya: Penyelidikan ini ingin menyelidiki kes mentor usahawan terbaik daripada PolyCC yang telah mendominasi senarai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akhir Anugerah Mentor Usahawan Terbaik (MEA) sejak tahun 2012. Terdapat keperluan untuk memahami bagaimana pensyarah-pensyarah mentor daripada PolyCC ini menjadi luar biasa berbanding dengan mentor dari universiti lain. Penemuan daripada penyelidikan ini memberikan sumbangan yang signifikan kepada KPT dalam menyediakan panduan dan kaedah untuk menjadi mentor yang cemerlang, serta memberikan pemahaman baru tentang pementoran usahawan pemula di IPT. Ini termasuk mengenalpasti ciri-ciri khusus yang ada pada mentor PolyCC yang menjadikan mereka mendominasi senarai akhir bagi pertandingan tersebut.

ii) Penyelidikan yang mendalam dan holistik: Pendekatan fenomenologi membolehkan penyelidikan yang mendalam yang tidak hanya bergantung kepada penulisan dan data statistik daripada literatur semata-mata. Penyelidikan ini melibatkan pandangan dan pengalaman langsung daripada individu yang terlibat, iaitu mentor dan menti. Dengan mengumpul maklumat daripada perspektif mereka yang terlibat secara langsung, penyelidikan ini memberikan data yang lebih mantap dan kaya. Selain itu, pendekatan ini juga membolehkan penyelidik memahami bagaimana budaya pementoran diintegrasikan dalam kehidupan harian pensyarah yang diselidik, serta mengeksplorasi elemen positif yang terdapat pada mentor usahawan PolyCC yang boleh dipelajari dan diadaptasi oleh pensyarah IPT lain.

Kesimpulannya, pendekatan fenomenologi dipilih kerana ia menyediakan kerangka kerja yang sesuai untuk penyelidikan mendalam, holistik, dan eksploratif yang dapat menghasilkan penemuan yang bernilai dan praktikal dalam konteks pementoran usahawan pemula di IPT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.5 Unit Analisis

Unit analisis kajian ini ialah individu, iaitu pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti (PolyCC) yang berperanan sebagai mentor usahawan pemula. Pemilihan unit analisis ini selaras dengan tujuan penyelidikan yang menumpukan kepada penerokaan kompetensi pada tahap peribadi meliputi personaliti, pengalaman, kemahiran dan pengetahuan yang terbukti lebih tepat diteliti pada aras individu berbanding kumpulan atau organisasi (Merriam & Tisdell, 2016; Yin, 2018).

3.3.6 Pemilihan Sampel

Populasi bagi penyelidikan ini dipilih bagi menjawab persoalan penyelidikan adalah pensyarah PolyCC yang menjalankan tanggungjawab sebagai mentor usahawan pemula. Penyelidik memilih kaedah persampelan bertujuan iaitu sampel yang dipilih adalah sampel yang terbaik dalam kalangan sampel penyelidikan bertujuan untuk menyediakan pelbagai kes yang berkaitan dengan fenomena atau peristiwa yang sedang diselidik (Creswell & Creswell, 2023). Tujuan reka bentuk sampel jenis ini adalah untuk memberikan sebanyak mungkin pandangan tentang peristiwa atau fenomena yang sedang diselidik.

Dalam penyelidikan ini, semua responden yang dipilih adalah berdasarkan pengalaman dan pengetahuan yang sedang terlibat dengan pementoran usahawan pemula. Berdasarkan pengalaman dan pengetahuan yang dimiliki, maka penyelidik menjangkakan responden dapat memberi perkongsian amalan terbaik *(best practices)* tentang pementoran yang lebih berkesan dalam melahirkan kemenjadian usahawan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

graduan. Kriteria sampel terbaik adalah merujuk kepada pengalaman sebagai mentor, yang mempunyai kepakaran pementoran dan diiktiraf di peringkat KPT sebagai mentor terbaik antara mentor-mentor di IPT Malaysia. Sampel ini boleh mewakili mentor-mentor usahawan pemula PolyCC, bersedia mengambil bahagian dan mudah dihubungi untuk memberikan data yang matang dan tepat, serta boleh memberikan maklumat yang paling banyak dan dapat memberi gambaran yang paling tepat terhadap pementoran usahawan pemula di PolyCC merupakan aspek yang diambil kira dalam penentuan responden penyelidikan ini. Memandangkan penyelidikan ini bertujuan meneroka kompetensi mentor, maka teknik pensampelan penyelidikan ini adalah menggunakan teknik pensampelan *purposive sampling* atau turut digelar sebagai *judgement sampling* yang diperkenalkan oleh Patton (2002). Bagi memastikan mentor yang dipilih memenuhi tujuan dan objektif penyelidikan, penyelidik terlebih dahulu mendapatkan senarai nama mentor terbaik iaitu mentor yang layak ke peringkat akhir pertandingan Anugerah Keusahawanan Kementerian (MEA) 2021 bagi kategori D iaitu Anugerah Mentor Keusahawanan Terbaik melalui buku Trajektori Gemilang Anugerah Keusahawanan Kementerian Pengajian Tinggi: Rakaman Keunggulan Inovasi Keusahawanan (KPT 2022a).

Berpandukan senarai tersebut penyelidik mengenal pasti prestasi kecemerlangan mentor berdasarkan kelayakan mentor mara ke peringkat akhir anugerah tersebut. Jumlah mentor usahawan di PolyCC adalah seramai 714 orang (JPPKK, 2023), namun begitu hanya 15 mentor sahaja yang pernah menjadi calon akhir MEA sejak 2012 sehingga 2021. Daripada 15 mentor ini, sembilan mentor PolyCC adalah calon akhir MEA bagi tahun 2021 bagi kategori D: AKKPT. Bagi tahun 2021, 15 calon akhir adalah terdiri daripada enam pensyarah universiti awam dan swasta,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

manakala sembilan lainnya adalah daripada PolyCC. Dalam penyelidikan kualitatif, saiz sampel tidak dapat ditentukan di awal penyelidikan. Pemilihan sampel dan analisis data adalah berterusan hingga ke satu tahap di mana tiada maklumat baru yang diperolehi (ketepuan).

Dalam memilih responden, penyelidik mencari pelbagai variasi pandangan dan bukti yang bertentangan yang dapat menjelaskan konteks keperluan interpretasi dapatan penyelidikan kualitatif. Penyelidikan ini bertujuan untuk memperolehi pelbagai jenis interpretasi yang boleh dipindahkan iaitu meneroka secara terperinci mengenai proses pementoran usahawan pemula di PolyCC untuk membolehkan hasilnya dipindahkan ke IPT lain. Oleh itu, memandangkan mentor usahawan yang dikenal pasti memiliki pelbagai latar belakang, penyelidik telah merancang dan mengoptimumkan pengumpulan data daripada sekurang-kurangnya enam (6) hingga 15 responden pada awal proses penyelidikan. Semasa proses pengumpulan data, pada responden ketujuh tahap tepu data telah dicapai. **Rajah 3.2** merupakan ringkasan persampelan bagi penyelidikan ini berdasarkan data pada tahun 2022.

Rajah 3.2

Persampelan bagi penyelidikan ini.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.7 Kriteria Sampel

Bagi menepati kaedah persampelan bertujuan, ciri utama pemilihan responden adalah pensyarah PolyCC yang dipilih berdasarkan kepada ciri-ciri kepakaran yang dimiliki iaitu mempunyai pengetahuan dan pengalaman melebihi lima tahun (Berliner, 2004 di dalam Mohd Ridhuan & Nurulrabihah, 2020) di dalam bidang yang berkaitan dengan konteks pementoran dan mereka juga mempunyai rekod prestasi yang cemerlang (Gambatese, Behman & Rajendran, 2008 di dalam Mohd Ridhuan & Nurulrabihah, 2020) di dalam bidang pementoran. Daripada ciri-ciri yang dirujuk tersebut, bagi kesesuaian penyelidikan ini, berikut adalah kriteria dan syarat pemilihan responden dalam penyelidikan ini dan responden perlu mempunyai sekurang-kurangnya tiga daripada enam ciri-ciri yang berikut: -

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1) Pensyarah PolyCC yang pernah menjadi antara 15 senarai peserta akhir AKKPT 2015 sehingga 2021 bagi kategori D: Anugerah Mentor Keusahawanan Terbaik.
2) Pensyarah PolyCC yang merupakan mentor usahawan pemula di PolyCC bagi sekurang-kurangnya dua tahun kebelakangan.
3) Menti telah bergraduasi dan masih meneruskan perniagaan yang dimulakan semasa dalam pengajian.
4) Pensyarah yang pernah menerima anugerah berkaitan mentor usahawan.
5) Pensyarah yang menjadi lima peserta akhir Anugerah Bitara PolyCC 2022 kategori Anugerah Mentor Keusahawanan.
6) Pensyarah yang bersedia dari segi fizikal dan mental untuk menyalur maklumat dalam penyelidikan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Untuk penyelidikan ini, berdasarkan syarat-syarat di atas, secara persampelan bertujuan, responden yang dipilih adalah juara, naib juara dan mana-mana lagi mentor PolyCC yang tersenarai sebagai calon akhir AKKPT 2015-2021, kategori D: Anugerah Mentor Keusahawanan Terbaik.

3.4 Pengumpulan Data

Pendekatan penyelidikan kualitatif fenomenologi telah digunakan bagi meneroka secara mendalam karakter, personaliti, kelayakan serta kredibiliti mentor usahawan dalam kalangan pensyarah. Kaedah ini juga bersesuaian dengan tujuan untuk meneroka pengalaman mentor dalam membimbing usahawan pelajar bagi meneroka bagaimana mentor ini dapat mengekalkan usahawan pemula dalam kalangan pelajar IPT sehingga menti terus kekal berniaga setelah menamatkan pengajian, seterusnya mencipta pekerjaan kepada orang lain. Untuk berbuat demikian, temu bual secara bersemuka telah dijalankan bersama dengan responden dan telah memperoleh elemen kompetensi mentor dalam kalangan ahli akademik yang lebih bersesuaian dengan budaya dan pegangan agama masing-masing, yang membolehkan pensyarah menjalankan tanggungjawab sebagai mentor usahawan kepada pelajar IPT dengan lebih baik dan teratur. Semasa pengumpulan data, penyelidik memberi tumpuan untuk mendapatkan data langsung daripada responden bagaimana aspek cara hidup (budaya) dan pegangan agama mereka mempengaruhi kesungguhan mereka menjalankan tanggungjawab sebagai mentor usahawan sekalipun ianya tiada dalam senarai tugas hakiki malah tidak dinyatakan dalam Fail Meja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1 Protokol Temu Bual

Kaedah utama pengumpulan data dalam penyelidikan ini ialah temu bual separa berstruktur, iaitu gabungan antara temu bual berstruktur dan tidak berstruktur (Patton, 2002). Pemilihan kaedah ini berasaskan beberapa kelebihan, antaranya sifatnya yang fleksibel dengan menyediakan set soalan panduan yang konsisten, namun masih membenarkan soalan susulan (*probe*) bagi mendapatkan jawapan yang lebih mendalam dan autentik. Pendekatan ini juga memberi ruang spontan kepada responden untuk berkongsi pandangan berdasarkan pengalaman mereka, sekali gus menghasilkan data yang kaya, unik, dan kontekstual (Creswell & Creswell, 2023; Othman Lebar, 2022; Merriam & Tisdell, 2016; Saunders et al., 2019).

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Di samping itu, kaedah ini sesuai untuk responden yang berpengalaman kerana tidak terlalu kaku serta membolehkan wujudnya hubungan mesra (rapport) dan kepercayaan antara penyelidik dan responden, seterusnya meningkatkan kualiti data (Cohen, Manion & Morrison, 2018). Justeru, temu bual separa berstruktur merupakan pendekatan paling sesuai untuk memperoleh data yang menyeluruh, kontekstual, dan mendalam dalam kajian ini.

Dalam penyelidikan ini, kaedah temu bual separa berstruktur dilakukan kepada tujuh responden (mentor) dan tiga usahawan graduan yang merupakan menti kepada mentor yang tersenarai. Protokol temu bual diperjelaskan dengan terperinci pada bahagian 3.6.2.1. dan boleh dilihat dengan lebih jelas dengan merujuk kepada Lampiran A. **Rajah 3.3** adalah ilustrasi kepada Lampiran A.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.3

Ringkasan protokol temu bual

KOMPETENSI MENTOR USAHAWAN DALAM KALANGAN PENSYARAH POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI UNTUK MENGEKALKAN PERNIAGAAN USAHAWAN-PEMULA

Secara khusus, penyelidikan ini dijalankan untuk mencapai lima objektif penyelidikan berikut:

i. meneroka **personaliti** mentor usahawan di kalangan mentor yang berjaya membimbing menti mengekalkan perniagaan.

ii. menyelidik **pengalaman** yang perlu dimiliki oleh mentor yang berjaya membimbing menti mengekalkan perniagaan.

iii. menyelidik **kemahiran** yang perlu dimiliki oleh mentor yang berjaya membimbing menti mengekalkan perniagaan.

iv. meneroka **ilmu pengetahuan** yang perlu dimiliki oleh mentor yang berjaya membimbing menti mengekalkan perniagaan.

v. menghasilkan **kerangka kompetensi** mentor usahawan di kalangan pensyarah PolyCC.

***Allignment* objektif kajian dan nombor soalan.**



1. Persediaan temu bual

1. Tempat

- Sediakan tempat yang tiada/sedikit gangguan.
- Susun temu bual di tempat separa peribadi yang tenang.
- Elakkan tempat yang bising, atau tempat di mana ada gangguan dari orang lain,
- Pastikan responden adalah selesa (bertanya lebih dahulu, di mana responden selesa)
- Petua: Orang yang ditemu bual selalunya berasa lebih selesa di persekitaran kerja mereka sendiri.

2. Taaruf

- Perkenalkan diri dan projek kepada responden.
- Berikan pembentangan ringkas tentang kajian, matlamat utama dan konsep kajian.

3. Tujuan

- Jelaskan tujuan temu bual.
- Huraikan tujuan temu bual, matlamat yang ingin dicapai dan
- Cara data/maklumat yang dikumpul akan dianalisis dan digunakan.

4. Masa

- Nyatakan berapa lama temu bual akan diambil.
- Biasanya, enam hingga sepuluh soalan yang ditulis dengan baik boleh mengambil masa satu jam hingga satu setengah jam untuk diselesaikan.

5. Kerahsiaan dan pengumpulan boring kebenaran

- Terangkan kepada responden untuk mendapat akses kepada respons mereka dan
- Terangkan bagaimana ia akan digunakan.
- Dapatkan persetujuan bertulis mereka mengenai terma kerahsiaan (penerbitan jawapan, persetujuan intelek mengenai petikan dll.).
- Minta kebenaran untuk merakam temu bual.

6. Format

- Jelaskan format temu bual.
- Terangkan jenis temu bual dan sifatnya.
- Jika pengkaji ingin membenarkan mereka bertanya soalan, nyatakan sama ada mereka boleh bertanya kepada mereka apabila mereka menunggu sehingga tamat temu bual.

7. Bertanya kepada responden jika mereka mempunyai sebarang soalan/kebimbangan sebelum memulakan temu bual.

8. Menghafal soalan dan susunannya. Jika tidak mampu, pastikan set soalan berada berhampiran dengan pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Pelaksanaan Temu Bual

1. Pastikan temubual berjalan secara semula jadi.
   - Pengkaji tidak perlu mengikut struktur yang ketat
   - Pengkaji tidak perlu berpindah dari satu subjek ke subjek yang lain.
   - Jika pengkaji merasakan susunan soalan yang dicadangkan tidak sesuai untuk aliran temu bual, jangan ragu untuk menyusun semula soalan tersebut.
   - Selain itu, jika pengkaji merasakan soalan tidak mendapat jawapan yang mencukupi dan perincian lanjut daripada responden seperti yang diperlukan, berikan beberapa soalan tambahan dengan segera.
   - Jika pengkaji mendapat respons menarik yang membawa kepada lebih banyak soalan yang akan menjadi nilai tambah kepada penyelidikan, jangan teragak-agak untuk bertanya.
2. Sekali-sekala periksa peranti rakaman berfungsi dan masih merakam.
3. Tanya satu soalan pada satu masa.
   - Jangan membebankan responden dengan soalan yang merangkumi beberapa bahagian, atau bertanyakan berbilang soalan yang berkaitan sekaligus.
4. Sediakan peralihan antara topik utama,
   - Contohnya, "kami telah bercakap tentang (sesetengah topik) dan sekarang saya ingin beralih kepada (topik lain)."
5. Mengekalkan kawalan temu bual.
   - Jangan biarkan responden tersasar ke topik yang tidak berguna/boleh digunakan untuk penyelidikan, atau
   - mula bertanya soalan kepada responden.
   - Jika responden mengambil masa terlalu lama untuk menjawab soalan cuba bimbing mereka menggunakan soalan lain dengan segera.
6. Bersedia dan gunakan ulasan yang disediakan
   - Jangkaan dapatan bukan untuk membimbing jawapan responden, tetapi untuk mempunyai fakta yang kukuh pada skop jawapan.
7. Kekal neutral.
   - Jangan tunjukkan reaksi emosi yang kuat terhadap jawapan responden.
   - Jangan tergesa-gesa untuk mengambil nota, kerana pengkaji boleh memberikan gambaran bahawa pengkaji terkejut atau sangat gembira tentang respons, dan ini boleh menyebabkan mempengaruhi jawapan soalan akan datang.
8. Jadilah pendengar yang baik.
   - Minta perincian, penjelasan dan contoh jika perlu dan
   - berikan masa untuk responden berfikir tanpa mengganggu mereka
9. Pastikan temu bual dalam jangka masa yang dianggarkan.
   - Tempoh temu bual adalah lebih baik tidak melebihi satu (1) jam.
   - Secara pragmatik adalah kurang berkemungkinan untuk membuat orang bersetuju untuk ditemu bual dan menumpukan masa mereka untuk sesi yang panjang.

3. Penutup Temu Bual

1. Sahkan bahawa peranti rakaman berfungsi sepanjang temu duga.

2. Semak dan edit nota.
   - Jelaskan nota contengan dan/atau nota yang tidak masuk akal dsb

3. Perhatikan pemerhatian yang dibuat semasa temu bual.
   - Catatkan kemungkinan reaksi orang yang ditemu duga terhadap soalan khusus, salah faham, komen yang mungkin anda ada dsb.

4. Minta kebenaran untuk membuat susulan.
   - Sifat penyelidikan kualitatif mulai muncul.
   - Sebaik sahaja mendengar temu bual yang dirakam, pengkaji mungkin tidak faham apa yang dikatakan atau maksud orang yang ditemubual.
   - Temu bual susulan yang singkat membolehkan responden menjelaskan apa-apa yang tidak difahami.
   - Apabila menemu bual lebih daripada seorang, ada kemungkinan reponden lain mengatakan sesuatu yang menarik yang mungkin boleh ditanya kepada responden lain juga.
   - Temu bual susulan, sebagai alternatif perbincangan ringkas melalui telefon, juga memberi peluang untuk bertanya kepada responden tentang ketidakfahaman atau persoalan yang mungkin timbul dalam temu bual sebelumnya.

Temu bual telah distrukturkan dalam empat (4) bahagian:

A) Bahagian A – Mengenali mentor
- Dianggap sebagai "aktiviti pemanasan" untuk membolehkan orang yang ditemuduga berkongsi pengalaman dan pengetahuan peribadi, meningkatkan kesedaran tentang isu pementoran (bertentangan dengan bentuk bimbingan lain, seperti bimbingan. / perundingan) dan berkongsi beberapa pengalaman praktikal hubungan pementoran masa lalu atau semasa. Jawapan akan membantu untuk meletakkan soalan berikut dalam konteks yang lebih besar.

B) Bahagian B - Kemahiran dan Kompetensi Mentor
- Lebih menumpukan pada keseluruhan kemahiran dan kompetensi yang sepatutnya dimiliki oleh seorang mentor, keperibadian mentor, dan memahami sejauh mana latihan boleh membantu seseorang untuk menjadi seorang mentor (yang lebih baik).

C) Bahagian C – Hubungan Pementoran
- Akan membezakan antara elemen utama perhubungan pementoran dan membincangkan kemahiran dan kompetensi khusus yang diperlukan.

D) Bahagian D - Penutup
- Berfungsi untuk menyelesaikan temu bual dan membolehkan mentor berkongsi maklumat tambahan yang berkaitan dengan topik secara bebas

Soalan Temubual Separa Berstruktur

Bah A – Mengenali Mentor

1. Apakah yang telah memberi inspirasi kepada anda untuk menjadi seorang mentor?
   Jangkaan hasil:
   - Memahami motivasi peribadi mentor.
   - Kisah peribadinya akan membenarkan kontekstualisasi soalan berikut.
   - Kesimpulan pertama sama ada mentor lebih difahami sebagai amalan pembangunan peribadi atau profesional yang ketat.
   - Jawapan kepada soalan ini sepatutnya membawa kepada soalan seterusnya tentang 'definisi' pementoran responden.

Nota:

2. Sila cuba untuk takrifkan atau ringkaskan pemahaman peribadi anda tentang apa itu "pementoran", dan apa "bukan pementoran" (cth. dalam perundingan / bimbingan).
   Jangkaan hasil:
   - Pemahaman / definisi tentang pementoran.
   - Perbezaan / Persamaan dengan amalan lain yang berkaitan.
   - Mewujudkan rasa kesedaran tentang ciri-ciri khas / keperluan / cabaran / ciri-ciri pementoran

Nota:

3. Adakah anda mengikuti amalan / pendekatan tertentu dalam perhubungan pementoran anda (cth. "kontrak pementoran", yang dipersetujui bersama, matlamat dan objektif yang ditetapkan dengan jelas, pertemuan berkala, pendekatan yang lebih standard) atau adakah anda lebih suka perhubungan pementoran terbuka yang lebih spontan?
   Jangkaan hasil:
   - Pemahaman tentang amalan dan pendekatan mentor.
   - Cara mentor menstrukturkan perhubungan pementoran akan mendedahkan beberapa perkara
   - kemahiran dan kecekapan yang diperlukan

Nota:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bah B – Kompetensi dan kemahiran Mentor.

4. Jika memahami istilah "kemahiran" sebagai mengetahui "bagaimana untuk melakukan", dan "kompetensi" sebagai "bagaimana untuk menjadi", apakah yang anda akan anggap sebagai kemahiran dan kompetensi paling penting yang perlu dimiliki oleh mentor untuk membina dan mengekalkan hubungan mentor yang berjaya?
   Jangkaan hasil:
   - Berdasarkan pengalaman peribadi mentor, jawapan harus mencerminkan koleksi kemahiran dan kompetensi yang paling penting
   - Pastikan bahawa jawapan membezakan kemahiran dan kompetensi dan kedua-duanya ditangani

Nota:

5. Apakah ciri peribadi dan/atau sifat yang anda anggap penting untuk mentor dan tidak boleh dipelajari, selain kemahiran, kecekapan, pengetahuan dan kepakaran??
   Jangkaan hasil:
   - Memahami peranan penting personaliti dalam pengwujudan dan pengekalan hubungan pementoran, berbanding dengan peranan teori pengetahuan tentang pementoran.
   - Pengumpulan ciri-ciri peribadi (personaliti) yang diperlukan untuk mengekalkan hubungan pementoran yang membuahkan hasil
   - Pemahaman tentang perkara yang sepatutnya/tidak di beri tumpuan oleh menti

Nota:

6. Sila terangkan kelayakan utama anda (formal dan tidak formal) yang melayakkan anda sebagai mentor?
   Jangkaan hasil:
   - Memahami perkara yang dianggap oleh mentor sebagai aspek terpenting untuk menjadi mentor

Nota:

7. Adakah anda telah menerima sebarang latihan untuk menjadi seorang mentor?
   Jika ya, apakah kemahiran dan kompetensi yang telah dipelajari?
   Apakah kemahiran dan kompetensi yang sepatutnya dipelajari?
   Jika tidak, adakah anda berminat untuk menerima latihan lanjut?
   Apakah kemahiran dan kecekapan yang anda ingin/perlu kembangkan untuk meningkatkan peranan anda sebagai mentor?

   Jangkaan hasil:
   - Berdasarkan pengalaman peribadi mentor, kumpulkan kemahiran dan kompetensi yang paling penting untuk dibangunkan sebagai mentor usahawan.

Nota:

8. Adakah anda pernah ada pengalaman berniaga?
   Jika ya, apakah adakah ianya mempengaruhi keupayaan anda untuk membimbing pelajar membuka dan menguruskan perniagaan? Bagaimana?
   Jika tidak, bagaimana anda membimbing pelajar membuka dan menguruskan perniagaan mereka?
   Apakah pengalaman sebagai usahawan membantu anda memainkan peranan sebagai mentor usahawan?

   Jangkaan hasil:
   - Berdasarkan pengalaman peribadi mentor, terjemahkan kepentingan pengalaman berniaga dalam pementoran usahawan pemula.

Nota:

9. Adakah anda pernah ada pengalaman menjadi mentor (apa-apa bidang-tidak semestinya keusahawanan?
   Jika ya, apakah adakah ianya mempengaruhi keupayaan anda untuk membimbing pelajar membuka dan menguruskan perniagaan? Bagaimana?
   Jika tidak, bagaimana anda membimbing pelajar membuka dan menguruskan perniagaan mereka?
   Apakah pengalaman sebagai mentor membantu anda memainkan peranan sebagai mentor usahawan?

   Jangkaan hasil:
   - Berdasarkan pengalaman peribadi mentor, terjemahkan kepentingan pengalaman sebagai mentor dalam pementoran usahawan pemula.

Nota:

Bah C – Hubungan Pementoran

10. Mewujudkan hubungan yang boleh dipercayai dan hubungan dengan menti boleh dianggap sebagai elemen utama terutamanya pada permulaan setiap perhubungan mentor. Sila beritahu kami perkara yang anda percaya apakah elemen utama untuk proses ini. Apakah kemahiran dan kompetensi utama yang khusus yang perlu ada pada seorang mentor?
    Jangkaan hasil:
    - Berdasarkan pengalaman peribadi mentor, kumpulkan kemahiran dan kompetensi yang paling penting untuk membina hubungan

Nota:

11. Bolehkah anda mengenal pasti kemahiran dan kompetensi mentor yang anda anggap perlu untuk mewujudkan dan mengekalkan komunikasi yang jelas dengan menti?
    Jangkaan hasil:
    - Berdasarkan pengalaman peribadi mentor, pengumpulan kemahiran dan kompetensi yang paling penting untuk mengekalkan komunikasi yang baik.

Nota:

12. Meningkatkan bakat dan mengeluarkan potensi sebenar menti - kedua-duanya berkenaan dengan kehidupan sebagai usahawan, dan dari segi pertumbuhan peribadi adalah satu lagi elemen penting dalam pementoran.
    - a) Apakah kemahiran dan kompetensi yang diperlukan oleh mentor untuk memudahkan perkembangan peribadi dan perniagaan menti?
    - b) Apakah gaya / cara / kaedah / pendekatan yang diamalkan dalam pementoran?

    Jangkaan hasil:
    - Perbincangan dan pengumpulan kemahiran dan kompetensi yang diperlukan untuk menangani konflik.
    - Pengumpulan pendekatan dalam penyelarasan pembangunan perniagaan dan peribadi sebagai saling berkait

Nota:

13. Pernahkah anda mengalami konflik dalam mana-mana perhubungan pementoran anda?
    - a) Bagaimana anda menguruskan mereka?
    - b) Apakah kemahiran dan kecekapan yang anda anggap penting untuk pengurusan konflik?

    Jangkaan hasil:
    - Perbincangan tentang kemahiran dan kompetensi yang diperlukan untuk menguruskan konflik.

Nota:

Bah D – Penutup

14. Apakah bahagian yang paling memuaskan dan paling mengecewakan dalam peranan anda sebagai mentor?
    Jangkaan hasil:
    - Berdasarkan pengalaman mentor, terokai potensi dan batasan pementoran.

Nota:

15. Bilakah kitaran pementoran akan tamat dan bagaimanakah ianya akan diuruskan?

Nota:

16. Apakah hasil utama berhubung dengan objektif/kriteria kejayaan pementoran usahawan?

Nota:

17. Apakah aspek khusus pementoran dan sistem sokongan yang boleh diperbaiki?

Nota:

18. Adakah terdapat apa-apa lagi yang anda ingin kongsikan dengan kami?

Nota:

** Instrumen ini adalah adaptasi dari
Knowl Social Enterprise, (2015) dan Martinez, et al., (2018)

Rujukan

Knowl Social Enterprise. (2015). *Competence Framework for key Mentoring.* Europe: MENTEE – Mentoring, Networking and Training for European Entrepreneurs.

Martinez, J. L., M. M., Radoń, A., Ambrogi, M., Marcus, B., & Szczygiel, E. (2018). *How to mentor not able bodied persons for developing inclustve entrepreneurship. The Guide.* La Zubia, Granada: Fundación Docete Omnes.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Temu bual dalam penyelidikan ini telah dilakukan secara bersemuka walaupun menurut Patton (2002), temu bual melalui telefon juga boleh diterima. Temu bual telah dirakam menggunakan peralatan perakam digital di samping membuat catatan tangan. ldentiti semua responden adalah rahsia dan dianggap sulit. Maklumat yang diperolehi dan salinan rakaman disimpan dalam storan sekunder bagi tujuan keselamatan.

3.4.2 Penyelidikan Rintis

Penyelidikan rintis adalah penyelidikan berskala kecil (Saunders et al., 2019; Merriam & Tisdell, 2016; Hua, 2016) untuk menguji teknik pengumpulan data bagi meminimumkan kemungkinan masalah dalam proses pengumpulan dan perekodan data bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data yang dikumpul (Saunders et. al., 2019). Penyelidikan rintis dijalankan untuk menguji kefahaman responden dari segi ketepatan dan kesesuaian istilah, struktur ayat, penggunaan bahasa, mengurangkan format dan meringkaskan perkataan yang digunakan dalam instrumen penyelidikan (Saunders 2019; Hua, 2016; Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Penyelidikan rintis dalam penyelidikan kualitatif adalah langkah penting untuk memastikan bahawa penyelidikan dilaksanakan dengan cara yang sistematik dan berorientasikan kepada objektif penyelidikan yang ditetapkan (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Perkara ini membolehkan penyelidik untuk memahami dengan lebih baik topik dan memperhalusi metodologi penyelidikan. Penyelidikan rintis di dalam penyelidikan ini adalah terbahagi kepada dua iaitu i) pengesahan instrumen ii) temu bual rintis (Merriam & Tisdell, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.2.1 Pengesahan Instrumen

Pengesahan instrumen dilakukan melalui penilaian soalan temu bual separa berstruktur oleh empat orang pakar bagi memastikan kesesuaian dengan objektif kajian serta meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan protokol (Creswell & Creswell, 2023). Pakar kesahan instrumen yang dipilih adalah berdasarkan kepada beberapa ciri dan kelebihan mereka.

Bagi tujuan kesahan metodologi, instrumen temu bual dinilai oleh seorang pakar kaedah penyelidikan kualitatif dari universiti awam. Manakala bagi menilai keselarian antara objektif penyelidikan dengan soalan temu bual, penilaian telah dilakukan oleh seorang usahawan berpengalaman yang juga mempunyai kepakaran luas sebagai mentor industri, serta dua pensyarah akademik, iaitu seorang dari universiti awam dan seorang pensyarah utama Politeknik Malaysia yang berpengalaman dalam pementoran usahawan.

Semua pakar dilantik secara rasmi dengan kelulusan Institut Pengajian Siswazah (IPS) UPSI. Surat perlantikan rasmi bagi kesemua pakar dikeluarkan oleh pihak IPS seperti pada Lampiran B dan bidang kepakaran bagi semua panel kesahan diterangkan di dalam **Jadual 3.4**.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.4

Senarai pakar penilai instrumen penyelidikan

Pakar	Justifikasi
Akademik (A1)	**Menilai Kandungan Instrumen** - Pernah mendapat tempat antara 3 Mentor Usahawan Terbaik *MEA* 2018 - Mempunyai pengalaman pementoran usahawan pemula pelajar di IPTA Pengalaman, pengikitirafan dan kepakaran beliau sebagai mentor usahawan pemula di IPT adalah sangat sesuai dengan objektif penyelidikan ini.
Akademik (A2)	**Menilai Kandungan Instrumen** - Pensyarah Utama (Gred DH54) di PolyCC - Pemegang PhD dalam bidang Keusahawanan - Mentor usahawan pemula pelajar di beberapa PolyCC - Pengajar Kursus Keusahawanan di PolyCC - Banyak penyelidikan-penyelidikan mengenai keusahawanan PolyCC. - Terlibat dengan pembinaan kurikulum keusahawanan PolyCC Pengalaman, pengetahuan dan kepakaran beliau sebagai mentor usahawan pemula di PolyCC dan sebagai pakar rujukan kurikulum keusahawanan PolyCC adalah sangat sesuai dengan objektif penyelidikan ini.
Akademik (A3)	**Menilai Kaedah Penyelidikan** - Berkepakaran dalam penyelidikan kualitatif (metodologi) Pengalaman dan kepakaran beliau di dalam penyelidikan kualitatif di sebuah IPTA adalah sangat sesuai dan selari dengan reka bentuk penyelidikan ini.
Industri (I)	**Menilai Kandungan Instrumen** 1) Auditor Dalaman dan mentor bagi *Women Entrepreneur Network Association (WENA)* 2) Pemilik dan pengasas syarikat terkenal di Malaysia dan Antarabangsa 3) Ahli Pasukan Pemimpin *Chamber of Social Entrepreneur Development* (CSED Malaysia) 4) Patron bagi Persatuan Usahawan Inklusif Malaysia 5) *Adjunct* Professor di sebuah universiti swasta di Malaysia Pengalaman, pengikitirafan dan kepakaran beliau sebagai mentor usahawan pemula di Malaysia adalah sangat sesuai dengan objektif penyelidikan ini. Tambahan lagi beliau merupakan usahawan yang banyak mendapat pengiktirafan sehingga di peringkat antarabangsa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nilai *Cohen's Kappa* adalah statistik yang digunakan untuk mengukur kebolehpercayaan antara penilai atau konsistensi di antara penilai dalam penyelidikan kualitatif (Cohen, 1960; Cohen et al., 2018; Nurul Hafizah & Abdullah Azraai, 2023; Nurhafizah et al., 2023). Tujuan menggunakan nilai *Cohen's Kappa* dalam penyelidikan kualitatif adalah untuk menilai sejauh mana terdapat kesepakatan atau konsistensi di antara dua atau lebih penilai yang melakukan penilaian atau analisis terhadap data yang sama. Dalam penyelidikan kualitatif, penilaian atau analisis sering melibatkan subjektiviti dan hasilnya berbeza antara penilai yang berbeza. Oleh itu, adalah penting untuk menilai tahap konsistensi di antara penilai untuk memastikan hasil penilaian atau analisis tersebut dapat dipercayai.

Cohen's Kappa memberikan nilai yang menggambarkan tahap kesepakatan yang diukur, dengan skala dari 0 hingga 1. Nilai *Cohen's Kappa* yang mendekati 1.00 menunjukkan tahap kesepakatan yang tinggi di antara penilai, manakala nilai yang mendekati 0.00 menunjukkan tahap kesepakatan yang rendah. Ini membantu meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan terhadap dapatan atau interpretasi yang dibuat dalam penyelidikan kualitatif.

Nilai *Cohen's Kappa* bagi instrumen penyelidikan ini adalah 1.00. Ini bermakna instrumen ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang sangat tinggi iaitu nilai yang sangat baik. Nilai ini diperolehi melalui kiraan seperti dalam **Jadual 3.5**.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.5

Pengiraan nilai persetujuan Cohen's Kappa antara pakar penilai

Nilai Persetujuan Koefisien *Kappa*				Purata nilai Koefisien *Kappa*
Pakar A1	Pakar A2	Pakar A3	Pakar Industri	
$K = \frac{fa-fc}{N-fc}$	$K = \frac{fa-fc}{N-fc}$	$K = \frac{fa-fc}{N-fc}$	$K = \frac{fa-fc}{N-fc}$	K = 1
$K = \frac{18-9}{18-9}$	$K = \frac{18-9}{18-9}$	$K = \frac{18-9}{18-9}$	$K = \frac{18-9}{18-9}$	
K = 1	K = 1	K= 1	K= 1	K=1

Formula untuk mengira kadar *Cohen's Kappa* adalah seperti berikut:

$$K = \frac{fa-fc}{N-fc}$$

Sumber: Cohen et al., 2018

Di mana K adalah Nilai Koefisien *Cohen's Kappa*

fa – Frekuensi persetujuan

fc – frekuensi bagi 50 peratus jangkaan persetujuan

N – Bilangan unit yang diuji nilai persetujuan

Terdapat beberapa komen yang diberikan oleh pakar penilai dan daripada komen pakar terhadap instrumen tersebut, beberapa item di dalam Protokol Temu Bual telah diperbaiki seperti dalam **Jadual 3.6**. Lampiran C adalah merujuk kepada salinan keseluruhan komen-komen daripada pakar penilai yang telah diringkaskan dalam **Jadual 3.6**.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.6

Komen dan tindakan terhadap instrumen protokol temu bual.

Pakar	Komen	Tindakan
A1	1) format instrumen kajian adalah sesuai dengan objektif kajian. 2) adakah empat konstruk (personaliti, pengalaman, kemahiran, ilmu pengetahuan) dipilih melalui sorotan karya) kalau ya, empat ini sesuai. 3) soalan untuk konstruk. Cubaan penyelidik menguasai teknik tulisan data melalui temubual akan menambahbaik kualiti data. 4) lima persoalan kajian boleh dijawab melalui instrumen yang dicadangkan. 5) Pernyataan, pelaksanaan dan penutup temubual (prosedur) adalah jelas dan boleh dilaksanakan dan kualiti data boleh dianalisis 6) Selamat menjalankan kajian	Tindakan penyelidik adalah memastikan empat konstruk tersebut yang dinyatakan di dalam bab 2 adalah terkini dan relevan.
A2	1. Terdapat kekeliruan berkenaan terma 'menti' dan 'protege' (rujuk Objektif dan 'allignment objektif kajian) 2. Apakah kriteria pemilihan 'mentor yang berjaya'? 3. Faktor 'personaliti' dan 'pengalaman' agak sukar untuk dibezakan. Berdasarkan 'alignment' objektif ~~soalan~~ kajian dan soalan kajian, didapati faktor pengalaman hanya terdapat dalam soalan 8 dan 9 sahaja. Mungkin kedua-dua faktor ini boleh digabungkan. 4. Penggunaan terma 'kemahiran' dan 'kompetensi' juga perlu dijelaskan supaya objektif kajian yang ketiga dapat dicapai dan penghasilan kerangka kompetensi mentor ~~boleh~~ dapat dilaksanakan. All the best!	Penyelidik memilih perkataan menti sahaja dan tidak menggunakan protégé. Kriteria pemilihan mentor telah dijelaskan dalam bab 3. Elemen kompetensi telah dijelaskan dalam bab 2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pakar	Komen	Tindakan
A3	Inventori protokol temu bual yang baik dan jelas serta menjawab setiap objektif kajian namun dicadangkan kepada pengkaji semasa temu bual dijalankan nyatakan bersama model atau teori yang sedia ada bagi memberi panduan kepada responden yang di temu bual untuk menjana idea ketika memberi pendapat semasa temu bual dalam menjawab objektif kajian ini. Selain itu, pengkaji juga boleh menyatakan pandangan responden terhadap kompetensi yang ada oleh usahawan influencer untuk di masukkan ke dalam kajian ini. Dari segi pendekatan kualitatif yang dilakukan, pengkaji digalakkan untuk menyatakan contoh bagi setiap soalan yang diajukan kepada responden bagi memandu responden menjawab setiap persoalan kajian dan tercapai apa yang diinginkan oleh pengkaji serta dapat digunapakai dalam konteks jppkk. Semoga berjaya dan terus disiplin dalam melaksanakan kajian penyelidikan ini.	Ayat telah diperbaiki bagi menjadikan lebih mesra kepada responden. Teori yang dirujuk telah diterangkan kepada responden sebelum sesi temu bual dijalankan.
I1	- Format instrument adalah bersesuaian - Mentor adalah 'subject matter expert' dan komen saya untuk soalan No 7 dibawah Bab B: Kompetensi dan Kemahiran Mentor adalah tidak bersesuaian. Pada pendapat saya, tiada latihan untuk menjadi mentor. Penemubual perlu jelas objektif untuk menemubual mentor khusus pada kemahiran tertentu samada, pengalaman dalam pemasaran; membina jaringan perniagaan; 'negotiation skills' dan lain-lain. Mentor perlulah seseorang yang telah melakukan aktiviti perniagaan sekurang-kurangnya lima tahun dan belum tentu dia boleh menyentuh segala aspek topik yang ingin ditanya.	Elemen latihan yang ingin diterokai bukan berkaitan latihan menjadi mentor tetapi lebih kepada kemahiran pementoran dan pengurusan perniagaan. Maka tiada perubahan dilaksanakan dalam instrumen temu bual.

3.4.2.2 Temu Bual Rintis

Menurut Merriam dan Tisdell (2016), kunci untuk mendapatkan data yang baik daripada temu bual adalah dengan bertanya soalan yang bagus dan ianya memerlukan latihan. Temu bual rintis adalah penting untuk mencuba soalan yang digunakan di dalam penyelidikan yang mana ianya bukan sahaja bertujuan untuk latihan, tetapi juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memberi ruang untuk mengetahui soalan yang mengelirukan dan memerlukan penyusunan semula ayat, mengesan soalan yang tidak berguna dan soalan yang manakah, yang mungkin dicadangkan oleh peserta (Merriam & Tisdell, 2016). Dalam penyelidikan ini, temu bual rintis telah dijalankan di mana penyelidik telah menemu bual tiga responden dari salah satu Politeknik di Malaysia. Ketiga-tiga responden ini merupakan mentor usahawan pemula pelajar di Politeknik tersebut dan mereka telah melahirkan menti yang meneruskan perniagaan mereka walaupun telah bergraduasi. Walau bagaimanapun, responden ini bukan daripada kalangan senarai sampel bertujuan kerana ketiga-tiga responden ini tidak tersenarai di dalam senarai akhir calon MEA 2021.

Di dalam temu bual rintis ini, didapati ada beberapa perkara yang perlu diperbaiki pada soalan-soalan temu bual untuk kegunaan temu bual yang sebenar. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kesesuaian laras bahasa bersama responden kerana terdapat beberapa ayat yang kuramg difahami oleh responden. Terdapat juga beberapa aspek teknikal dari segi persediaan sesi temu bual perlu diberi perhatian agar sesi temu bual berjalan dengan lancar. Selain itu, temu bual rintis ini juga mengukur anggaran masa bagi satu sesi temu bual yang dijalankan. Penilaian hasil temu bual rintis ini adalah hanya fokus kepada teknik dan instrumen sahaja seperti di dalam **Jadual 3.7**. Penambahbaikan kepada soalan-soalan temu bual adalah seperti dalam Lampiran D.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.7

Penambahbaikan instrumen penyelidikan setelah temu bual rintis

Bil	Item	Tindakan / catatan	Justifikasi / refleksi
1.	Prosedur	Perlu memaklumkan terlebih dahulu, sediakan surat kebenaran dan berjumpa dengan pengurusan PolyCC bagi memaklumkan tentang sesi temu bual (Lampiran G).	1) Merupakan tatasusila serta adab untuk memasuki sesebuah organisasi sebelum menjalankan penyelidikan yang hendak dilaksanakan. 2) Agar pihak pengurusan maklum tentang sesi temu bual yang akan dilaksanakan terutama tentang keterlibatan staf dalam sesi ini
2.	Borang persetujuan sebagai responden	Sediakan terlebih awal untuk ditandatangani oleh responden dan informan yang mengandungi persetujuan sebagai responden dan soal selidik ringkas mengenai demografik responden (Lampiran H).	1) Ketersediaan bagi mengelakkan penyelidik panik dan 2) Prosedur bagi kerelaan sebagai responden dan kerahsiaan data.
3.	Lampiran D	Setiap sesi temu bual, borang ini perlu dibawa.	1) Catatan dibuat dalam jadual ini dan 2) Penyelidik perlu menyediakan satu jadual bagi setiap responden (bukan berkongsi borang)
4.	Masa	25 – 45 minit	Dianggarkan satu sesi temu bual akan mengambil masa di antara 60 sehingga 90 minit.
5.	Struktur bahasa (Rujuk Lampiran A)	Soalan 2	Tukar kepada : Apa yang anda fahami mengenai pementoran?
		Soalan 3	Dalam pementoran ni, perlu ke adanya “kontrak pementoran?”
		Soalan 3	Selepas responden memberi jawapan, tanya “Mengapa?”
		Soalan 4	Selain kemahiran berniaga dan kemahiran sebagai mentor, berdasarkan pengalaman peribadi, ada tak, kemahiran lain yang digunakan oleh puan dalam proses pementoran ni?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil	Item	Tindakan / catatan	Justifikasi / refleksi
		Soalan 5	Atas pengalaman puan, apa sifat peribadi puan yang puan rasa menjadi kekuatan dalam pementoran? Atau yang orang cakap, puan ni jenis macamana, yang buat menti puan berjaya?
		Soalan 13	a) Adakah puan pernah berkonflik dengan menti? b) Jika ya, konflik apa? c) Dan bagaimana puan mengatasinya.
		Soalan 6 dan 7	iii) Puan bukan dari bidang keusahawanan, ada masalah ke, menjadi mentor usahawan? iv) Jika ada, apa itu? v) Adakah bidang pengajian puan membantu dalam pementoran? (Jika responden dari bidang perdagangan) vi) Rujuk data demografik pada Lampiran H, jika responden memiliki ikhtisas / sijil profesional; / pelatih dalam keusahawanan – Adakah sijil tambahan ini, membantu puan dalam proses pementoran ini?
6	Penghapusan soalan	Soalan 10	Tidak perlu ditanya kerana jawapan akan diperolehi pada soalan 1 dan 4.
		Soalan 16	Tidak perlu ditanya, kerana jawapan akan diperolehi pada soalan 14.
7	Perhatikan dengan teliti bahasa badan (air muka dan tona suara)	Soalan 14 15 17 18	(14) riak muka dan nada suara gembira atau teruja atau sedih atau kecewa (15) riak muka dan nada sedih / merajuk / tenang (17) riak teruja / tegas / tenang (18) riak kesungguhan / kecewa / tenang


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.4 yang berikut adalah merupakan ringkasan Lampiran D yang digunakan semasa sesi temu bual.

Rajah 3.4

Elemen di dalam Lampiran D



Instrumen Temubual Separa (pindaan selepas temu bual rintis)

Sosalan siasatan *(probing)*	Jangkaan hasil temu bual	Nota refleksi / lapangan
Inspirasi / agama / cara hidup 1) Apakah yang telah memberi inspirasi kepada puan untuk menjadi seorang mentor?	• Memahami motivasi peribadi mentor. • Kisah peribadinya akan membenarkan kontekstualisasi soalan berikutnya.	
Pemahaman 2) Apa yang anda faham tentang pementoran?	• Pemahaman / definisi tentang pementoran. • Perbezaan / Persamaan dengan amalan lain yang berkaitan. • Mewujudkan rasa kesedaran tentang ciri-ciri khas / keperluan / cabaran / ciri-ciri pementoran	
Amalan 3) Dalam pementoran ni, perlu ke adanya "kontrak pementoran"? 4) Mengapa?	• Pemahaman tentang amalan dan pendekatan mentor. • Cara mentor menstrukturkan perhubungan pementoran akan mendedahkan beberapa perkara • kemahiran dan kecekapan yang diperlukan	
Ciri peribadi 5) Atas pengalam puan, apa sifat peribadi puan yang puan rasa menjadi kekuatan dalam pemtoran? Atau yang orang cakap, puan ni jenis macamana, yang buat menti puan berjaya?	• Memahami peranan penting personaliti dalam pengwujudan dan pengekalan hubungan pementoran, berbanding dengan peranan teori pengetahuan tentang pementoran. • Pengumpulan ciri-ciri peribadi (personaliti) yang diperlukan untuk mengekalkan hubungan pementoran yang membuahkan hasil • Pemahaman tentang perkara yang sepatutnya/tidak di beri tumpuan oleh menti	
Personaliti – sikap dan sifat 6) Pernahkah anda mengalami konflik dalam mana-mana perhubungan pementoran anda? 7) Bagaimana anda menguruskan mereka?	• Perbincangan tentang personaliti dan kemahiran yang diperlukan untuk menguruskan konflik semasa proses pementoran.	
Pengalaman berniaga 8) Adakah anda pernah ada pengalaman berniaga?	• Berdasarkan pengalaman peribadi mentor, terjemahkan kepentingan pengalaman berniaga dalam pementoran usahawan pemula.	
9) Jika ya, apakah adakah ianya mempengaruhi keupayaan anda untuk membimbing pelajar membuka dan menguruskan perniagaan? 10) Bagaimana? 11) Jika tidak, bagaimana anda membimbing pelajar membuka dan menguruskan perniagaan mereka? 12) Apakah pengalaman sebagai usahawan membantu anda memainkan peranan sebagai mentor usahawan?		
Pengalaman pementoran 13) Adakah anda pernah ada pengalaman menjadi mentor (apa-apa bidang-tidak semestinya keusahawanan? 14) Jika ya, apakah adakah ianya mempengaruhi keupayaan anda untuk membimbing pelajar membuka dan menguruskan perniagaan? 15) Bagaimana? 16) Jika tidak, bagaimana anda membimbing pelajar membuka dan menguruskan perniagaan mereka? 17) Apakah pengalaman sebagai mentor membantu anda memainkan peranan sebagai mentor usahawan?	• Berdasarkan pengalaman peribadi mentor, terjemahkan kepentingan pengalaman sebagai mentor dalam pementoran usahawan pemula.	
Kemahiran berniaga 18) Apakah kemahiran anda yang digunakan dalam proses pementoran? 19) Selain kemahiran berniaga dan kemahiran sebagai mentor, berdasarkan pengalaman peribadi, ada tak, kemahiran lain yang digunakan oleh puan dalam proses pementoran ni?	• Berdasarkan pengalaman peribadi mentor, jawapan harus mencerminkan koleksi kemahiran dan kompetensi yang paling penting • Pastikan bahawa jawapan membezakan kemahiran dan kompetensi dan kedua-duanya ditangani	

3.4.3 Proses Pengumpulan Data

Prosedur pengumpulan data dalam penyelidikan ini bermula dengan pelaksanaan tinjauan literatur, diikuti oleh fasa pengumpulan data, analisis data, dan seterusnya disusuli dengan penulisan dapatan penyelidikan. Setiap fasa ini melibatkan beberapa langkah penting dan perlu dilaksanakan dengan teliti bagi memastikan ketepatan dan kesahihan dapatan kajian. Sebelum data boleh dikumpulkan, terdapat beberapa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

prosedur formal yang perlu dipatuhi, khususnya berkaitan dengan kebenaran dan kelulusan pihak berkuasa berkaitan.

Bagi memulakan sesi temu bual dengan responden, adalah penting untuk mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak JPPKK. Dokumen yang berkaitan dengan proses ini termasuk beberapa lampiran yang perlu disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang berkaitan. Lampiran E1 merujuk kepada surat pengesahan daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang menyatakan status pelajar sebagai penyelidik dan membenarkan pelaksanaan penyelidikan. Lampiran E2 pula adalah surat dan borang permohonan penyelidik untuk mendapatkan kebenaran menjalankan kajian di institusi PolyCC. Seterusnya, Lampiran F melibatkan surat kebenaran rasmi daripada pihak JPPKK yang memberi izin kepada penyelidik untuk meneruskan kajian di lokasi yang telah ditetapkan. Akhir sekali, Lampiran G adalah surat permohonan kebenaran yang dikemukakan oleh penyelidik kepada Pengarah PolyCC yang terlibat untuk menjalankan kajian tersebut. Lampiran E1, E2, F, dan G, adalah dokumen-dokumen yang terlibat dalam proses pematuhan terhadap keperluan perundangan dan etika dalam penyelidikan. Proses-proses ini memastikan bahawa kajian dijalankan secara sah dan bertanggungjawab, serta data yang diperoleh adalah selaras dengan piawaian yang ditetapkan untuk penyelidikan akademik.

Pengumpulan data dimulakan dengan pemilihan responden iaitu 15 mentor terbaik sahaja yang disenaraikan sebagai calon akhir dalam Anugerah Mentor Keusahawanan Terbaik, AKKPT 2015-2021. Penyelidik menghubungi Bahagian Keusahawanan, JPPKK untuk mendapatkan nombor telefon responden dan seterusnya, mendapatkan kebenaran bertulis daripada Bahagian Penyelidikan Inovasi dan Komersil


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(BPIK), JPPKK (Lampiran E2, F dan G). Surat kebenaran ini diserahkan kepada Pengarah PolyCC dimana responden bertugas. Borang persetujuan untuk menjadi responden diserahkan dan perlu ditandangani oleh responden sebelum proses temu bual dilaksanakan (Lampiran H1). **Rajah 3.5** adalah merupakan ilustrasi kepada Lampiran H1.

Rajah 3.5

Elemen lampiran H1



BORANG PERSETUJUAN SEBAGAI INFORMAN

Tajuk Penyelidikan:
Kompetensi Mentor Usahawan Dalam Kalangan Pensyarah Politeknik Dan Kolej Komuniti Untuk Mengekalkan Perniagaan Usahawan-Pemula Pelajar

Penyelidik:
Noraini bte Hashim (PhD Keusahawanan, UPSI)
No Tel: 0194768997

Saya, _____, dengan ini memberikan persetujuan saya untuk mengambil bahagian dalam penyelidikan kualitatif yang dijalankan oleh Noraini Hashim (P2022100068). Saya memahami tujuan dan prosedur penyelidikan ini, serta implikasinya. Saya juga sedar bahawa penyertaan saya dalam penyelidikan ini adalah secara sukarela, dan saya mempunyai hak untuk menarik diri pada bila-bila masa tanpa sebarang hukuman atau kesan negatif.

Saya faham bahawa maklumat yang diberikan oleh saya dalam penyelidikan ini akan dirahsiakan dan identiti saya juga akan dijaga kerahsiaannya. Saya memberikan kebenaran kepada penyelidik untuk menggunakan data dan maklumat yang diberikan oleh saya untuk tujuan penyelidikan sahaja.

Saya faham bahawa terdapat manfaat yang mungkin saya peroleh dari penyelidikan ini, seperti peningkatan pemahaman saya mengenai pementoran usahawan dalam kalangan pelajar IPT. Saya juga memahami bahawa terdapat risiko yang mungkin timbul, seperti ketidakselesaan atau kehilangan privasi, tetapi penyelidik akan mengambil langkah-langkah untuk meminimakan risiko dan menjaga kebajikan saya.

Sekiranya saya mempunyai sebarang pertanyaan, keraguan atau kebimbangan mengenai penyelidikan ini, saya boleh menghubungi penyelidik menggunakan maklumat hubungan yang diberikan di atas. Saya dengan ini bersetuju untuk menjadi informan dalam penyelidikan ini.

Tandatangan Informan: _____
Tarikh: _____

Maklumat Demografik

1. Jantina

Lelaki	
Perempuan	

2. Umur

20-30	
31-40	
41-50	
51-60	

3. Taraf Pendidikan / Bidang

Diploma		
Ijazah Sarjana Muda		
Sarjana		
PhD		

4. Tempoh perkhidmatan di PolyCC

10-20	
21-30	
31-40	

5. Status perkahwinan

Berkahwin	
Belum berkahwin	
Ibu / bapa Tunggal	

6. Bilangan mentee (bukan pelajar dalam kelas)

< 5	
>5-10<	
>10-20<	
>20	

7. Sijil Kompetensi Keusahawanan (jika ada): Nyatakan……..
8. Trainer Keusahawanan (jika ada): Nyatakan……
9. Sijil Profesional Keusahawanan (jika ada): Nyatakan……..
10. Sijil berkaitan bidang menti (jika berkaitan): Nyatakan……
11. Nama / nama perniagaan menti yang masih kekal berniaga (boleh isi lebih dari 1 nama): Nyatakan……..
12. Jenis perniagaan (jika ada): Nyatakan……..


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, janji temu untuk sesi temu bual bersama responden disusun dan responden dihubungi melalui e-mail dan jadual pelaksanaan (Lampiran I) bagi memudahkan urusan logistik semasa proses pengumpulan data. **Rajah 3.6** menunjukkan elemen di dalam Lampiran I.

Rajah 3.6.

Elemen Lampiran I



Format: E-mel / Whatapps kepada Informan

[Penerima] yang dihormati,

Terima kasih kerana sudi menjadi informan dalam penyelidikan saya. Borang persetujuan dilampirkan di bawah. Sila tandatangani di ruang yang ditetapkan untuk memberikan persetujuan sebagai informan di dalam penyelidikan ini. Puan telah menjadualkan sesi temu bual seperti berikut:

Tarikh :
Masa :
Tempat:

Sekali lagi, terima kasih ducapkan kerana bersetuju untuk mengambil bahagian dalam penyelidikan ini, dan saya berharap untuk mendengar tentang pengalaman anda.

Yang benar,
Noraini Hashim,
Pelajar PhD UPSI

Ringkasan Penyelidikan Untuk Diberi Kepada Informan

Kompetensi Mentor Usahawan Dalam Kalangan Pensyarah Politeknik Dan Kolej Komuniti Untuk Mengekalkan Perniagaan Usahawan-Pemula Pelajar

Secara khusus, penyelidikan ini dijalankan untuk mencapai lima objektif penyelidikan berikut:

i. meneroka **personaliti** mentor usahawan dalam kalangan mentor yang berjaya membimbing menti mengekalkan perniagaan.
ii. menyelidik **pengalaman** yang perlu dimiliki oleh mentor yang berjaya untuk membimbing menti mengekalkan perniagaan.
iii. menyelidik **kemahiran** yang perlu dimiliki oleh mentor yang berjaya untuk membimbing menti mengekalkan perniagaan.
iv. menyelidik **ilmu pengetahuan** yang perlu dimiliki oleh mentor yang berjaya untuk membimbing menti mengekalkan perniagaan.

Berdasarkan objektif penyelidikan, penyelidikan ini dijalankan bagi mencapai empat persoalan penyelidikan. Berikut adalah persoalan penyelidikan bagi penyelidikan ini.

i. Bagaimanakah pandangan mentor usahawan berjaya terhadap personaliti mereka yang telah menyumbang kepada pengekalan perniagaan menti?
ii. Bagaimanakah pandangan mentor usahawan berjaya terhadap pengalaman mereka yang telah menyumbang kepada pengekalan perniagaan menti?
iii. Bagaimanakah pandangan mentor usahawan berjaya terhadap kemahiran mereka yang telah menyumbang kepada pengekalan perniagaan menti?
iv. Bagaimanakah pandangan mentor usahawan berjaya terhadap ilmu pengetahuan mereka yang telah menyumbang kepada pengekalan perniagaan menti?

Sesi temu bual direkodkan dalam bentuk audio dan video untuk memastikan data yang lengkap dan tepat. Semasa sesi temu bual, catatan lapangan (lampiran J) juga dicatat untuk mencatatkan perkara penting. Selepas itu, rakaman audio dan video serta catatan lapangan digunakan untuk membuat transkripsi temu bual. Transkripsi ini diberikan kepada responden terlebih dahulu untuk pengesahan kandungan temu bual. Transkripsi ini membolehkan penyelidik melihat data dengan lebih terperinci dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengenal pasti pola atau tema yang muncul. Kemudian, analisis dokumen dilakukan untuk mengumpulkan data tambahan yang berkaitan dengan topik penyelidikan. Dokumen-dokumen ini kemudian dianalisis untuk mencari maklumat yang menyokong atau melengkapkan data temu bual.

Data daripada temu bual dan analisis dokumen kemudiannya disaring dan dikodkan untuk mengenal pasti tema-tema utama dan pola yang muncul. Proses ini melibatkan memberikan label atau kod kepada data untuk menyusun dan menganalisis dengan lebih sistematik. Setelah analisis data selesai, paparan data dijalankan untuk menyampaikan hasil penyelidikan dengan jelas dan teratur. Data yang ditemui dikelompokkan berdasarkan tema-tema yang dikenalpasti, supaya memudahkan pemahaman dan interpretasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Akhirnya, data hasil penyelidikan disusun dan dirumuskan menjadi laporan akhir. Laporan ini merangkumi proses dan dapatan penyelidikan secara terperinci, analisis yang dilakukan, dan kesimpulan yang diperoleh berdasarkan data yang telah dikumpul dan dianalisis. Dengan mengikuti kronologi ini, penyelidik dapat menjalankan proses penyelidikan secara sistematik dan teratur, bermula dari janji temu hingga penyusunan laporan akhir. **Rajah 3.7** adalah menggambarkan proses penyelidikan ini dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.7

Proses pengumpulan data penyelidikan



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.4 Ketepuan Data

Ketepuan data ialah apabila, dalam pengumpulan data kualitatif, penyelidik berhenti mengumpul data kerana data baru tidak lagi mencetuskan maklumat baharu atau mendedahkan sifat baharu (Creswell & Creswell, 2023; Saunders et al., 2019) atau di mana penyelidik tidak lagi mendengar data baru (Merriam & Tisdell, 2016). Bagi memastikan penyelidik sentiasa sedar dan berwaspada tentang ketepuan data, analisis dapatan dijalankan serentak semasa proses pengumpulan data dan bukannya selepas semua responden ditemu bual (Creswell & Creswell, 2023; Merriam & Tisdell, 2016). Keseluruhannya, ketepuan data dalam penyelidikan kualitatif memberikan asas yang kukuh, menghasilkan dapatan yang boleh dipercayai, dan memberikan sumbangan penting dalam bidang pengetahuan yang berkaitan. Menurut Creswell dan Cresswell (2023) saiz sampel yang sesuai adalah antara lima (5) hingga 10 responden, manakala Morse (2000) bersetuju sekurang-kurangnya enam (6) hingga 10 responden adalah mencukupi bagi penyelidik untuk melakukan penyelidikan fenomenologi di mana responden ditemu bual berulangkali kerana responden mempunyai sejumlah besar data yang diperlukan.

Memandangkan pandangan konsensus tidak bergantung kepada kekurangan data tetapi kadangkala data yang berlebihan akan menjadi satu lagi halangan. Menurut Creswell & Creswell (2023) dan Guest et al. (2006), ketepuan data berlaku bila tiada tema baharu muncul. Dalam kajian ini, selepas responden ke-5, data daripada responden ke-6 dan ke-7 hanya mengesahkan tema sedia ada. Saunders et al. (2019) menyatakan bahawa menambah peserta selepas ketepuan tidak beri nilai tambah signifikan, cuma membebankan masa dan sumber. Patton (2015) juga menegaskan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

fokus kualitatif adalah kedalaman, bukan jumlah., oleh itu saiz sampel bagi responden hendaklah sekurang-kurangnya 10 dan maksimum 25 sesuai untuk jenis penyelidikan kualitatif ini (Guest, Bunce, & Johnson, 2016). Bilangan responden penyelidikan yang kecil adalah memadai untuk membolehkan penyelidik meneroka secara mendalam fenomena yang ingin diselidik. Dalam penyelidikan ini, ketepuan data yang dicapai adalah apabila selesai sesi temu bual bersama tujuh orang responden. **Jadual 3.8** adalah cadangan saiz sampel untuk mendapatkan ketepuan data dalam penyelidikan kualitatif mengikut pandangan beberapa penulis.

Jadual 3.8

Cadangan saiz sampel ketepuan

Saiz sampel	Penulis
1+	Back (2012) di dalam Bonde (2013)
1+	Becker (2012) di dalam Bonde (2013)
1–100	Passerini (2012) di dalam Bonde (2013)
1–260	Brannen (2012) di dalam Bonde (2013)
4–5	Romney, Weller dan Batchelder (1986) di dalam Bonde (2013)
5 - 25	Creswell & Creswell (2023)
6-10	Morse (2000)
6–12	Guest, Bunce dan Johnson (2006) di dalam Bonde (2013)
6–70	Miller (2012) di dalam Bonde (2013)
12-20	Lincoln (1985) di dalam Othman Lebar (2022)
12–60	Adler dan Adler (2012) di dalam Bonde (2013)
15	Baker dan Edwards (2012) di dalam Bonde (2013)
20–30	Griffin dan Hauser (1993) di dalam Bonde (2013)
20–30	Curry, Nembhard dan Bradley (2009) di dalam Bonde (2013)
20–40	Warren (2002) di dalam Bonde (2013)
25	Douglas (1985) di dalam Othman Lebar (2022)

Diadaptasi dari Creswell dan Creswell (2023), Othman Lebar (2022), Bonde (2013) dan Morse (2000)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Analisis Data

Analisis data dalam penyelidikan kualitatif melibatkan pemahaman dan interpretasi data yang dikumpul. Prosesnya meliputi transkripsi data, bersuai kenal dengan data, pemilihan unit analisis, penciptaan kod, pengembangan kategori analisis tematik, interpretasi, triangulasi dan pelaporan. Data direkod, dikategorikan, dan dianalisis untuk menentukan tema utama. Dalam analisis data, dapatan ditafsirkan, pola ditemui dan makna diberikan kepada data. Proses ini membolehkan penyelidik memahami fenomena yang diselidiki berdasarkan temu bual mendalam dan data kualitatif yang dikumpul.

3.5.1 Proses Transkripsi Data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Transkrip ialah hasil daripada audio temu bual yang ditukar kepada data teks setelah melalui proses transkripsi data. Proses transkripsi data dalam penyelidikan kualitatif merupakan langkah penting dalam mengubah rekod suara atau catatan temu bual menjadi teks bertulis untuk dianalisis secara lebih mendalam. Proses ini melibatkan beberapa tahap yang memerlukan ketelitian dan kesabaran. Walaupun kaedah biasa untuk memudahkan analisis data temu bual adalah dengan menggunakan kaedah transkripsi *verbatim* (Saunders et al., 2019; Merriam & Tisdell, 2016), dalam penyelidikan ini, penggunaan verbatim semata-mata sebagai transkrip akhir untuk melaporkan petikan dalam dapatan akhir adalah tidak sesuai. Untuk menyokong analisis di bahagian dapatan, penggunaan verbatim dan bukan verbatim digunakan. Petikan bukan verbatim atau tidak langsung pada dasarnya meminda transkripsi data asal dengan bahasa yang lebih baik (formal) untuk tujuan pelaporan yang meningkatkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kebolehbacaan transkrip. Dalam penyelidikan ini, data dirakam menggunakan audio rakaman yang kemudiannya diubah menjadi teks transkrip menggunakan perisian *Transkriptor* dan seterusnya dianalisis menggunakan ATLAS.ti 9.

3.5.2 Pengurusan dan Penyimpanan Data

Di dalam penyelidikan ini, temu bual adalah dirakam menggunakan perakam dalam format MP3 dan video. Penyelidik telah memastikan responden bersetuju untuk sesi temu bual direkodkan. Melalui kaedah simpanan data secara rakaman audio MP3 dan video, analisis data boleh ditafsirkan dengan tepat kerana rakaman audio mengandungi keseluruhan perbualan bersama responden. Semasa proses pengumpulan data, rakaman audio segera ditranskripsikan (diubah menjadi data teks) sejurus selepas sesi temu bual dijalankan bagi tujuan ketelitian kepada ketepuan data (Creswell & Creswell, 2023; Merriam & Tisdell, 2016). Kesegeraan ini juga memastikan maksud data dapat difahami dengan lebih teliti kerana masih jelas dan segar, sekali gus membolehkan penyelidik mencapai ketepatan dalam tafsiran data. Proses transkripsi bermula dengan menyalin rakaman audio ke dalam komputer menggunakan perisian *Transkriptor* dan transkrip disimpan dalam *Microsoft Words*, dan diakhiri dengan memuatnaik transkrip ke dalam *ATLAS.ti 9*. Seterusnya, transkripsi verbatim berbentuk teks yang diperoleh daripada rakaman audio disimpan dalam folder. Setiap fail transkripsi temu bual dinamakan berdasarkan kod yang mewakili setiap responden untuk memudahkan proses seterusnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.2.1 ATLAS.ti 9

Computer Assisted Qualitative Data Analysis (CAQDAS) adalah analisis data kualitatif berkomputer yang boleh digunakan apabila berurusan dengan data yang banyak. Terdapat pelbagai perisian di pasaran yang boleh digunakan untuk menguruskan data kualitatif terutamanya bagi data yang besar dan banyak. Ia menyediakan lebih visual dan boleh memudahkan kerja bagi seorang penyelidik. Penggunaan aplikasi perisian ATLAS.ti 9 sangat membantu para penyelidik dalam memproses hasil temu bual, kerana data yang dibentangkan melalui perisian menjadikannya lebih mudah untuk dilihat dan menyemak semula data-data semasa temu bual yang telah dijalankan (Putri Nurhalimah Erdi, Arwizet K, Ambiyar Ambiyar, & Waskito, 2022). Perisian ini mengurangkan beban kerja, terutama dalam pengurusan data, agar penyelidik lebih mudah memahami dan mentafsirnya. Setelah memutuskan untuk menganalisis tema, ATLAS.ti 9 juga digunakan untuk mendapatkan, menyusun dan menguruskan data. ATLAS.ti 9 bermula dengan proses transkripsi data. Penyelidikan ini menggunakan data transkripsi sendiri untuk memastikan penyelidik tahu dan faham mengenai data secara terperinci. Penyelidik menghadiri beberapa kursus bagi menambahkan kefahaman bagaimana penggunaan perisian ini dalam penyelidikan kualitatif. Sijil-sijil kehadiran bagi kursus ATLAS.ti dan kursus penyelidikan kualitatif adalah seperti dalam Lampiran K.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.3 Prosedur Analisis Tematik

Penyelidikan ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif pendekatan fenomenologi dengan tujuan untuk memperoleh maklumat yang banyak mengenai fenomena mentor usahawan dalam kalangan pensyarah. Kaedah dalam reka bentuk kualitatif asas seperti temu bual mendalam yang diguna pakai dalam penyelidikan ini secara amnya adalah sangat induktif, di mana penggunaan kod terbuka, kategori dan analisis tematik adalah yang paling biasa digunakan. Dalam penyelidikan ini, penyelidik menggunakan analisis tematik seperti yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006) kerana kejelasan dan kesederhanaannya dalam mengenal pasti serta menganalisis tema dalam data kualitatif. Data dianalisis secara induktif menggunakan kaedah perbandingan berterusan, di mana penyelidik sentiasa membandingkan dan menyesuaikan tema yang muncul daripada data dengan literatur yang berkaitan bagi memastikan kesahan analisis (Merriam & Tisdell, 2016). Analisis data kualitatif melibatkan pengelasan entiti seperti perkara, individu, atau peristiwa, serta sifat-sifat yang mencirikannya. Proses ini diibaratkan seperti mengupas bawang, di mana setiap lapisan data dikaji secara mendalam untuk mendedahkan makna yang lebih tersirat (Creswell & Creswell, 2023).

Pada asasnya, kerangka konseptual untuk sesuatu penyelidikan telah menyediakan tema umum yang berkaitan dengan persoalan penyelidikan dan disokong oleh literatur. Kerangka konseptual berfungsi sebagai panduan untuk tafsiran dan penjelasan dapatan data dan juga membantu dalam mewujudkan perspektif yang diambil dalam penyelidikan. Kompetensi mentor usahawan dalam kalangan pensyarah dikenal pasti dan disepadukan dalam penyelidikan ini. Proses analisis data dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyelidikan ini adalah menggunakan analisis tematik (Braun & Clarke, 2006) seperti berikut i) membiasakan dengan data ii) pengekodan awal iii) pencarian tema iv) penyemakan tema v) penamaan tema dan vi) penyusunan laporan.

Dalam penyelidikan ini, analisis tematik yang digunakan berasaskan pendekatan Braun dan Clarke (2006), yang menekankan enam langkah utama dalam mengenal pasti, menganalisis, dan melaporkan tema daripada data kualitatif. Walau bagaimanapun, proses analisis ini turut disokong oleh prinsip analisis yang dikemukakan oleh Saunders et al. (2019), yang menekankan keperluan sistematik dalam pengurusan data, terutamanya dalam kajian yang menggunakan perisian analisis seperti ATLAS.ti 9.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Saunders et al. (2019) menekankan bahawa proses analisis data harus bersifat telus dan tersusun, terutamanya dalam kajian kualitatif yang menggunakan metodologi fenomenologi. Justeru, pendekatan yang diguna pakai dalam kajian ini mengadaptasi struktur enam langkah oleh Braun dan Clarke (2006), namun pada masa yang sama memanfaatkan kaedah penyusunan dan dokumentasi data yang disarankan oleh Saunders et al. (2019) bagi memastikan keteraturan dalam proses analisis.

Secara khusus, Saunders et al. (2019) membantu dalam penjanaan tema yang lebih sistematik dengan mengutamakan pemilihan dan penyatuan kod secara objektif melalui penggunaan perisian analisis data kualitatif. Pendekatan ini melengkapkan analisis tematik oleh Braun dan Clarke (2006) yang lebih fleksibel dalam membenarkan penyelidik mengenal pasti tema secara reflektif tanpa kekangan teori awal.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, kajian ini menggabungkan kedua-dua pendekatan dengan menggunakan struktur langkah-langkah analisis tematik oleh Braun dan Clarke (2006) dan memperkukuhkan ketepatan analisis melalui prinsip pengurusan data yang disarankan oleh Saunders et al. (2019). Pendekatan ini memastikan dapatan kajian yang lebih teratur, telus, dan sistematik, selaras dengan objektif penyelidikan yang ingin meneroka kompetensi pensyarah sebagai mentor keusahawanan di PolyCC. Proses analisis data yang terlibat dalam penyelidikan ini digambarkan dalam **Rajah 3.8**.

Rajah 3.8

Proses Analisis Data.



Diadaptasi dari Braun and Clarke (2006)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.3.1 Membiasakan Dengan Data

Setelah proses transkripsi dijalankan, transkrip yang diperolehi dimuat naik ke dalam ATLAS.ti 9 untuk proses analisis data. Semasa sesi temu bual secara bersemuka dengan para responden, penyelidik telah mempunyai pengetahuan terdahulu tentang data dan menemui beberapa pandangan tentang penyelidikan. Proses ini bermula sebaik sahaja temu bual dengan responden yang pertama telah dilengkapkan, dan diteruskan dengan transkrip yang lain. Transkrip dibaca secara meluas dan berulang kali supaya penyelidik menjadi biasa dengan kandungan serta untuk mendapatkan pengertian umum (Creswell & Creswell, 2023). Tujuan memahami data secara mendalam dan luas adalah untuk menjana dapatan yang tepat. Semasa proses ini, sebahagian data yang relevan untuk menjawab persoalan penyelidikan perlu dikenal pasti. Ini adalah langkah penting kerana ia boleh mengelakkan potensi lemas dengan lautan data yang tidak berkaitan dengan persoalan penyelidikan dan objektif penyelidikan.

Menurut LeCompte (2000), proses analisis data dimulakan dengan proses mengemaskan data yang melibatkan beberapa tindakan iaitu i) salinan semua data dibuat untuk mengelakkan kehilangan maklumat, ii) semua transkripsi temu bual dan nota lapangan disusun mengikut tarikh untuk menentukan urutan kronologi iii) data dikelompokkan berdasarkan jenis (seperti transkripsi temu bual, nota lapangan dan jenis dokumen) dan peserta (mentor dan menti). Setiap dokumen dan artifak disimpan dan dilabel dengan jelas. Indeks atau jadual kandungan dibuat untuk memudahkan rujukan kepada semua data.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhirnya, soalan penyelidikan disemak semula dan dibandingkan dengan data yang dikumpul untuk mengenal pasti sebarang kekurangan atau data yang hilang. **Rajah 3.9** adalah menunjukkan bagaimana data dimuat naik di dalam ATLAS.ti 9.

Rajah 3.9

Muat naik data di dalam ATLAS.ti 9



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam penyelidikan ini, proses membiasakan dengan data dilakukan secara sistematik menggunakan perisian ATLAS.ti 9, selaras dengan pendekatan analisis tematik oleh Braun & Clarke (2006). Langkah ini melibatkan pembacaan berulang kali terhadap transkrip temu bual separa berstruktur bagi memastikan pemahaman yang mendalam terhadap kandungan data. Selain itu, rakaman audio turut didengar semula bagi menangkap intonasi, emosi, dan penekanan peserta dalam perkongsian pengalaman mereka. Bagi memudahkan analisis, ciri *Memos* dalam ATLAS.ti 9 digunakan untuk mencatat pemerhatian awal dan idea yang berpotensi menjadi tema utama. Bahagian penting dalam transkrip turut ditandakan menggunakan fungsi *Quotation*, yang membolehkan penyelidik mengenal pasti corak awal dalam data tanpa menetapkan kod secara formal. Langkah ini membantu dalam mengenal pasti elemen-elemen penting dalam kompetensi pensyarah sebagai mentor keusahawanan di PolyCC, termasuk aspek

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengalaman, sokongan emosi, dan kaedah bimbingan yang digunakan. Melalui proses ini, penyelidik dapat membiasakan diri dengan data sebelum memulakan pengekodan awal, sekali gus memastikan analisis yang lebih teliti dan reflektif selaras dengan objektif kajian.

3.5.3.2 Pengekodan Awal

Langkah kedua dalam analisis tematik adalah pengekodan awal *(initial coding)*, yang bertujuan mengenal pasti unit makna dalam data dan menandakan segmen teks dengan kod yang bersesuaian. Dalam kajian ini, proses pengekodan awal dilakukan secara induktif menggunakan perisian ATLAS.ti 9, yang membolehkan pengurusan data secara sistematik dan teratur. Dalam pembentukan kod, LeCompte (2000) menekankan bahawa penyelidik perlu menyusun dan mengkategorikan data secara berperingkat, bermula daripada pengelompokan unit makna kepada kategori yang lebih luas. Prinsip ini diaplikasikan dalam kajian ini dengan menggunakan Code Manager dalam ATLAS.ti 9 untuk mengelompokkan kod berdasarkan makna yang serupa sebelum membentuk tema utama.

Dengan pendekatan ini, proses pengekodan bukan sahaja mengikuti struktur analisis tematik Braun & Clarke (2006), tetapi juga memastikan bahawa pengelasan data dilakukan dengan lebih sistematik, seperti yang dicadangkan oleh LeCompte (2000). Pendekatan induktif dipilih kerana ia membolehkan tema muncul secara semula jadi daripada data tanpa dipengaruhi oleh teori sedia ada. Hal ini selaras dengan objektif kajian yang bertujuan meneroka pengalaman mentor dan menti dalam konteks keusahawanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setiap transkrip temu bual dianalisis dengan mengenal pasti petikan yang mempunyai makna signifikan, berdasarkan pengalaman dan pandangan peserta mengenai peranan pensyarah sebagai mentor keusahawanan. Segmen teks yang berkaitan diberikan kod awal menggunakan ciri *Quotation* dan *Coding* dalam ATLAS.ti 9, bagi membolehkan penyelidik mengenal pasti corak dalam data. Pendekatan ini membolehkan kod-kod awal dibentuk secara terbuka tanpa terikat kepada kerangka teori tertentu, selaras dengan kaedah analisis tematik Braun dan Clarke (2006). Kod-kod ini kemudian dianalisis lebih lanjut dalam proses pengekodan seterusnya bagi membentuk tema yang lebih kukuh dan bermakna dalam kajian.


Pengekodan awal adalah proses mengenal pasti segmen teks yang berkaitan dengan soalan penyelidikan. Setiap segmen teks yang mempunyai makna tertentu diberikan label atau kod dengan menandakan teks (LeCompte, 2000) dalam dokumen dan di dalam penyelidikan ini, proses ini adalah menggunakan perisian ATLAS.ti 9. **Rajah 3.10** menunjukkan contoh pengekodan awal di dalam ATLAS.ti 9 yang digunakan di dalam penyelidikan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.10

Contoh pengekodan awal di dalam ATLAS.ti 9



3.5.3.3 Pencarian Tema

Selepas proses pengekodan awal, langkah seterusnya dalam analisis tematik adalah pencarian tema, di mana kod-kod yang berkaitan dikelompokkan bagi membentuk tema utama. Dalam penyelidikan ini, proses ini dijalankan menggunakan ATLAS.ti 9, yang membolehkan pengelompokan kod secara sistematik bagi mengenal pasti hubungan antara konsep yang muncul daripada data.

Kod-kod yang mempunyai persamaan atau kaitan dikategorikan di bawah tema yang lebih besar, selaras dengan pendekatan Braun dan Clarke (2006). Penyusunan tema ini turut mengambil kira hubungan antara tema bagi membina gambaran yang lebih holistik mengenai kompetensi pensyarah sebagai mentor keusahawanan di PolyCC.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan menggunakan ciri *Code Manager* di dalam ATLAS.ti 9, penyelidik dapat memvisualisasikan hubungan antara tema melalui *Network View*, yang membantu dalam memahami bagaimana tema-tema utama saling berhubungan dan menyokong dapatan kajian. Pendekatan ini memastikan analisis yang lebih teliti dan berstruktur dalam membentuk rangka kerja yang menggambarkan pengalaman serta perspektif mentor dan menti dalam proses pementoran keusahawanan. Contoh pencarian tema di dalam ATLAS.ti 9 adalah seperti di dalam **Rajah 3.11**.

Rajah 3.11

Contoh pencarian tema di dalam ATLAS.ti 9



3.5.3.4 Penyemakan Tema

Setelah tema awal dikenal pasti, langkah seterusnya dalam analisis tematik ialah penyemakan tema *(reviewing themes)*, yang bertujuan menilai sama ada tema yang dibentuk benar-benar mencerminkan data dengan tepat. Proses ini melibatkan semakan semula terhadap semua petikan data yang telah dikodkan di bawah setiap tema bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memastikan kesepadanan dan keseragaman makna. Dalam penyelidikan ini, semakan dilakukan secara berulang menggunakan ATLAS.ti 9, di mana penyelidik menilai sama ada setiap tema mewakili corak yang kukuh dan bermakna dalam data. Jika terdapat persamaan antara tema, ia digabungkan untuk membentuk kategori yang lebih kukuh, manakala tema yang terlalu luas dipecahkan kepada subtema yang lebih spesifik.

Pendekatan ini bertepatan dengan garis panduan Braun dan Clarke (2006), yang menekankan kepentingan ketekalan antara data dan tema yang dihasilkan. Dengan melakukan proses penyemakan ini secara sistematik, dapatan kajian dapat menggambarkan kompetensi pensyarah sebagai mentor keusahawanan di PolyCC dengan lebih jelas dan menyeluruh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.3.5 Penamaan dan Definisi Tema

Setelah tema-tema ditinjau dan dimuktamadkan, langkah seterusnya dalam analisis tematik ialah penamaan dan definisi tema. Dalam peringkat ini, setiap tema disusun secara jelas dan diberi nama yang mencerminkan intipati data yang dikodkan. Pemilihan nama tema dilakukan secara teliti agar ia tepat, ringkas, dan mencerminkan makna sebenar yang diperoleh daripada analisis data. Dalam penyelidikan ini, penamaan tema dilaksanakan menggunakan ATLAS.ti 9, di mana setiap tema dan subtema ditakrifkan secara menyeluruh dengan mengambil kira konteks yang lebih luas. Proses ini turut melibatkan pembandingan setiap tema dengan objektif kajian bagi memastikan keselarasan antara dapatan kajian dan persoalan penyelidikan yang dikaji.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, hubungan antara tema turut diteliti bagi membentuk gambaran holistik mengenai kompetensi pensyarah sebagai mentor keusahawanan di PolyCC. Dengan mendefinisikan tema secara sistematik berdasarkan pendekatan Braun dan Clarke (2006), kajian ini dapat menyampaikan dapatan yang lebih bermakna, tersusun, dan relevan dalam menjawab persoalan kajian yang dikemukakan. Oleh itu, pengekodan yang relevan dimasukkan secara kolektif ke dalam kategori yang sama diletakkan di bawah perkongsian subtema. Di peringkat ini, penyelidik memasukkan kategori utama yang paling relevan dan signifikan dalam data. Di dalam penyelidikan ini, selepas memberikan kod di dalam petikan responden, ia dipindahkan ke dalam *Microsoft Words* (melalui ATLAS.ti 9) seperti dalam **Rajah 3.12**.

Rajah 3.12

Sebahagian daripada petikan kata-kata responden yang dipindahkan ke dalam Microsoft Word melalui perisian ATLAS.ti 9.



3_Kemahiran_Menggunakan kemahiran digital

7 Quotations:

3:91 p 7 in 03_Info3_PMM_20230616

Sangat guna! Kelas Canva, saya selalu buat satu sem dalam dua tiga kali kat kelas Canva untuk budak-budak kan? Aa ada yang PSH, ada yang memang saya buat ekstra kelas untuk budak-budak, kelas digital dan juga budak-budak inkubator. Aaa kalau Incubator Boot Camp itu, macam slot untuk digital marketing, digital aa apa digital marketing kan? Aa saya, saya sendirilah yang sampaikan.

4:149 p 9 in 04_Info4_POLISAS_20230705

Aaa okey ada jugalah sikit-sikit tapi tak ada lah experttapi Ti banyak pada inilah macam kalau digital itu aa aa kita tengok aa digital eh digital Ti tak expert sangat tapi aa tapi Ti bolehlah macam guna aa Canva kita guna apa aa aa benda-benda baru macam aa video kan ...Capcut.....kita guna walaupun umur kita setara macam ni

4:150 p 9 in 04_Info4_POLISAS_20230705

Aaa okey ada jugalah sikit-sikit tapi tak ada lah experttapi Ti banyak pada inilah macam kalau digital itu aa aa kita tengok aa digital eh digital Ti tak expert sangat tapi aa tapi Ti bolehlah macam guna aa Canva kita guna apa aa aa benda-benda baru macam aa video kan ...Capcut.....kita guna walaupun umur kita setara macam ni .

4:151 p 9 in 04_Info4_POLISAS_20230705

Maksudnya aa aa still lagi kemahiran itu kemahiran terkini la Kita guna, cuma kita tak expert, tapi kita tahu dan satu lagi kita minta bantuan student jugalah okey aa dan itu sangat membantu proses pementoran lah

4:152 p 9 in 04_Info4_POLISAS_20230705

Maksudnya aa aa still lagi kemahiran itu kemahiran terkini la Kita guna, cuma kita tak expert, tapi kita tahu dan satu lagi kita minta bantuan student jugalah okey aa dan itu sangat membantu proses pementoran

5:87 p 6 in 05_Inf05_PSA_Rozita Halina_20230707

So yang lain adalah kemahiran apa eh? Teknologi. Ya betul teknologi digital itu. AA ni memang saya kuasailah. Sebab apa kita nak bila setiap kali projek pelajar kita itu, kita nak dia aa tak nak berada di sekeliling. Orang tahu tentang projek itu hanya di sekeliling. Kita nak dia merentas sempadan kan. Jadi saya memang galakkanlah selalu pelajar kita bila dia dah buat satu projek, promote produk tersebut dekat sosial media, dekat aa apa itu aa kat website website lah promote supaya produk itu lebih dikenali ramai.

5:88 p 6 in 05_Inf05_PSA_Rozita Halina_20230707

Dia kena ada more literasi digital skill, aa communication skill sebab kita aa. Nak jadi mentor itu kita kena ada kreativiti kan? Kita kena perlulah inovatif aa macam itu.

3_Kemahiran_Menjadikan komunikasi yang baik

6 Quotations:

4:153 p 9 in 04_Info4_POLISAS_20230705

macam contoh aa macam Ti sendiri pun dari aaskill kita untuk komunikasi. macam contoh aa macam Ti sendiri pun dari aaskill kita untuk komunikasi. Communicate dengan tak kisahlah dengan student ke, dengan ni, kita dengar jugalah mana-mana apa? Haah. Aa kaunselor ke apa ke kan.

5:84 p 6 in 05_Inf05_PSA_Rozita Halina_20230707

Kemahiran komunikasi itu memang sangat penting lah. Bila kita nak buat public speaking, kita nak pitching, itu mesti ada aa skill tertentulah untuk kita guide pelajar macam mana nak pitch satu-satu itu. Kemahiran komunikasi. Dan juga kami pun latih aa setiap kali kalau aa pelajar kita macam nak berkomunikasi dengan nak berjumpa dengan pihak luar, in term of aa public apa aa public relation dialah macam hubungan dia dengan orang luar kita akan mintalah. And then dari segi grooming dia personal appearance dia, apabila dia berjumpa dengan orang ramai, percakapan dia, the way dia punya Aa itu antara kemahiran yang maybe saya aa antara kekuatan saya jugalah.

3_Kemahiran_Menjalinkan rangkaian

3:95 p 7 in 03_Info3_PMM_20230616

FAMA memang setiap masa ni aa inkubator baru cendawan, FAMA juga support, bagi latihan apa semualah. Aa ni dia duk tengah tengok nak buat pemasaran. Tapi dengan MDEC ...training training kita lah. Kalau dengan, untuk student ni. Kerajaan Negeri Melaka pun okey juga, sebab banyak juga program-program kerajaan negeri. Dengan ni la, usahawan-usahawan. Jawatankuasa Penasihat Keusahawanan. So kita ada dalam itu, aa sembilan aa panel. Aa berapa orang eh? Aa daripada industri aa yang itu yang itu memang hubungan yang rapatlah. Aaa Mentor industri. Mentor industri tu daripada industri betul-betul industri ada tiga, agensi ada dua, lima lagi aa empat lagi itu usahawan alumni kita yang dah bergelar jutawan jutawan

4:134 p 8 in 04_Info4_POLISAS_20230705

Aaa FAMA itu adalah. Aa selain FAMA aa RISDA, ECER, UMP ECER ni sendiri negeri Pahang punya. UMP lainlah kan tapi dia dengan UMP jugalah. Bank Rakyat UNIPRENEUR. ECER, UMP ECER ni sendiri negeri Pahang punya. Student yang Ti baru ni, yang dapat tu yang Bank Rakyat kak. Unipreneur..aa dapat dua orang POLISAS. Student yang Ti baru ni, yang dapat tu yang Bank Rakyat kak. Unipreneur..aa dapat dua orang POLISAS. Aaa FAMA itu. Kalau panggil itu, kita aa sembang-sembang, kita kena jagalah orang-orang yang value macam ini. Kita nak share kan? Sharing knowledge. Satu lagi AKPK kak. Yang lately ni dengan AKPK, best juga. AKPK ni consultant

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, penyelidik meneroka hubungan antara kategori utama yang telah dikenalpasti melalui analisis awal. Dalam proses ini, data dikumpulkan, dianalisis, dan disusun secara sistematik untuk menyokong tema pengembangan yang dipilih. Data yang relevan dengan setiap tema utama dikategorikan secara berstruktur bagi memastikan analisis yang lebih komprehensif dan bersepadu. Pengelompokan data ini bertujuan untuk membentuk naratif atau pemahaman yang lebih mendalam tentang fenomena yang dikaji. Melalui pendekatan ini, penyelidik dapat mengenal pasti corak, kecenderungan, serta hubungan antara tema utama dan subtema yang muncul daripada dapatan kajian. Pendekatan ini juga membantu dalam memperhalusi pemahaman terhadap isu yang dikaji serta memperkukuh justifikasi terhadap dapatan yang diperoleh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, bagi memudahkan pengurusan dan interpretasi data, penyelidik menyusun data dalam bentuk jadual dan rajah visual bagi memperjelas hubungan antara tema dan subtema yang dikenal pasti. Penyusunan ini bukan sahaja membantu dalam pengelasan subtema, tetapi juga memudahkan perbandingan antara kategori yang terpilih serta memperlihatkan perkaitan logik antara elemen dalam kajian. Sebagai contoh, **Rajah 3.13** digunakan untuk menggambarkan pengkelasan subtema yang menyokong tema utama, sekali gus memperlihatkan bagaimana setiap elemen dalam dapatan kajian saling berkait dan membentuk satu model konseptual yang kukuh. Melalui langkah ini, penyelidik dapat mengembangkan tema utama yang paling relevan dan signifikan dengan lebih sistematik, memastikan bahawa dapatan kajian bukan sahaja berdasarkan pemerhatian atau temubual, tetapi juga mempunyai asas analisis yang kukuh dan boleh dipercayai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.13

Contoh pengkelasan tema yang disusun dalam jadual

Tema bagi elemen Kemahiran

Membiasakan dengan data (sebanyak mungkin)	Pengekodan awal (Kumpulkan mengikut kelompok kod)	Pencarian tema (kumpulan yang sama, yang lebih luas)	Peninjauan, penamaan dan definisi **TEMA**
Kemahiran	Telus	Komunikasi	**KEMAHIRAN**
(87 kod)	Kenalpasti kekuatan menti	Komunikasi	**PEMENTORAN**
	Kenalpasti kecenderungan keusahawanan	Komunikasi	
	Psikologi	Komunikasi	
	Menangani masalah	Komunikasi	
	Win-win	Komunikasi	**KEMAHIRAN**
	Hubungan berterusan	Komunikasi	**PERNIAGAAN**
	Jaringan perniagaan	Jaringan	
	Pembangunan produk	Jaringan	
	Pemasaran	Jaringan	
	Geran	Jaringan	
	Latihan	Jaringan	
	Fasiliti	Jaringan	
	Pembekal	Jaringan	
	Aplikasi terkini	Teknologi	


Pada peringkat ini, set subtema dipilih di dalam ATLAS.ti 9, dan data dapat dipaparkan di dalam *"Network view"*. *"Network view"* digunakan untuk menggabungkan kod ke dalam kategori yang lebih luas. Ini membolehkan penyelidik melihat hubungan antara kod dan membantu dalam menggabungkan kod ke dalam kumpulan yang lebih besar untuk menjadi satu subtema. **Rajah 3.14** adalah contoh penamaan bagi subtema menggunakan ATLAS.ti 9.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.14

Penamaan tema menggunakan ATLAS.ti 9



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.3.6 Penyusunan Laporan

Langkah terakhir dalam analisis tematik adalah penyusunan laporan, yang melibatkan penulisan dapatan kajian secara sistematik dengan menyertakan petikan data yang relevan. Dalam peringkat ini, setiap tema yang telah ditentukan dihuraikan secara terperinci dan dibincangkan dalam konteks kompetensi pensyarah sebagai mentor keusahawanan di PolyCC.

Dalam kajian ini, ATLAS.ti 9 digunakan untuk mengekstrak dan menyusun petikan data yang menyokong setiap tema. Petikan daripada transkrip temu bual dimasukkan sebagai bukti sokongan bagi mengukuhkan dapatan yang diperoleh. Selain itu, perbincangan setiap tema dikaitkan dengan teori, konsep, dan kajian lepas bagi memberikan penjelasan yang lebih mendalam serta menunjukkan bagaimana dapatan ini menyumbang kepada bidang penyelidikan berkaitan.

Pendekatan ini adalah selaras dengan Braun dan Clarke (2006), yang menekankan kepentingan penyampaian dapatan secara jelas dan sistematik. Dengan membentangkan tema-tema secara tersusun, laporan kajian ini dapat memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh tentang peranan pensyarah sebagai mentor keusahawanan serta impaknya terhadap pembangunan menti di PolyCC.

Tema adalah kategori yang lebih luas yang muncul daripada pengelompokan kod. Ia menggambarkan konsep yang lebih umum yang menjelaskan fenomena yang dikaji. Pada peringkat ini, satu set tema boleh dipilih sepenuhnya untuk dibentangkan di dalam pelaporan akhir. Tema yang dipilih perlu dianalisis secara mendalam untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memastikan ia menjawab persoalan penyelidikan secara jelas dan menyumbang kepada penyusunan dapatan yang bermakna. Petikan responden yang dipilih perlu dinyatakan dalam laporan dapatan sebagai bukti tema adalah wujud dalam data dihuraikan dengan lebih terperinci di dalam Bab 4. LeCompte (2000) mencadangkan penggunaan visualisasi seperti rajah peta konseptual, atau carta alir untuk menunjukkan hubungan antara tema dan pola, dan dalam penyelidikan ini, rajah peta konseptual adalah dipilih dan diterangkan di dalam bab seterusnya.

3.5.4 Kaedah Analisis Dokumen

Analisis dokumen merupakan kaedah yang digunakan selain temu bual di dalam penyelidikan ini. Kaedah ini melibatkan analisis bahan bercetak iaitu Laporan AKKPT Kategori D: Anugerah Mentor Keusahawanan Terbaik 2021 dan 2015. Laporan ini menerangkan perspektif mengenai pelbagai aspek pementoran keusahawanan yang dilaksanakan oleh mentor. Antara penulisan di dalam laporan tersebut adalah latar belakang mentor, aktiviti keusahawanan bersama menti, impak mentor terhadap menti, personaliti dan teknik yang digunakan, skala dan skop aktiviti pementoran.

Dokumen tersebut diteliti, diselidik, disemak dan dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti 9. Seterusnya, maklumat yang diperolehi daripada analisis dokumen disesuaikan dengan dapatan temu bual untuk mencari kesepadanan dan ketekalan maklumat berhubung dengan isu penyelidikan. Maklumat analisis dokumen ini dilaporkan dalam bentuk laporan sebagai rujukan penyelidikan ini. Pengumpulan maklumat analisis dokumen membolehkan penyelidik menambah, membanding dan memperkukuhkan data yang diperoleh melalui temu bual dan pemerhatian yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dijalankan (Othman Lebar, 2022). Kelebihan menggunakan kaedah analisis dokumen adalah kaedah tersebut membenarkan penyelidik menganalisis nilai dan mengesan "apa" dapat diperoleh daripada suatu dokumen yang dianalisis. Dalam penyelidikan ini, analisis dokumen terhadap laporan ini adalah bertujuan untuk menambahkan maklumat daripada data dapatan penyelidikan yang diperoleh melalui sesi temu bual. Hasil analisis dokumen meningkatkan kebolehpercayaan maklumat temu bual berkaitan fenomena yang diselidik dan seterusnya membolehkan penyelidik membuat kesimpulan untuk menyediakan pandangan berkaitan dapatan berkaitan dapatan penyelidikan yang baharu.

Menurut Othman Lebar (2022), Creswell dan Creswell (2023) dan Saunders et al., (2019), kaedah analisis dokumen dianggap sebagai kaedah penyelidikan yang berguna bagi membuat kesimpulan yang boleh diulang dan sah daripada teks bagi kontek yang digunakan. Borang yang digunakan bagi merekod analisis ini adalah seperti pada lampiran V1 dan V2 yang diilustrasikan pada **Rajah 3.15**.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.15

Borang rekod analisis dokumen MEA 2021

Borang Analisis Dokumen MEA 2021

Analisis Dokumen MEA 2021 akan menggunakan borang ini, di mana komponen kompetensi akan dikeluarkan daripada analisis yang dilakukan.

Bil / Item	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7
Personaliti – Altruisme							
Personaliti – Enthusiasm							
Personaliti – Harmonisme							
Pengalaman perniagaan							
Pengalaman pementoran							
Kemahiran pementoran – Komunikasi							
Kemahiran pementoran – Mengenalpasti kekuatan menti / kecenderungan keusahawanan							
Kemahiran keusahawanan – menjalinkan jaringan perniagaan							
Kemahiran keusahawanan – teknologi terkini / digital							
Pengetahuan bidang menti							
Pengetahuan keusahawanan – akademik keusahawanan / perniagaan / melalui latihan							
Nilai agama							

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Kebolehpercayaan Penyelidikan *(Research Trustworthiness)*

Di dalam penyelidikan kuantitatif, untuk menemui dapatan yang berkualiti, reka bentuk penyelidikan ini memberi penekanan kepada kebolehpercayaan dan kesahan. Begitu juga di dalam penyelidikan kualitatif, ianya juga memberi penekanan yang besar terhadap kualiti penyelidikan yang diperolehi walaupun dapatan data adalah sedikit berbanding reka bentuk kuantitatif. Kualiti penyelidikan terletak pada kebolehpercayaan dan kredibiliti yang dibina dalam penyelidikan (Yin 2018) dan menggambarkan fenomena yang diselidiki atau diterokai itu tepat dan tekal (Othman Lebar, 2022). Othman Lebar (2022) menjelaskan bahawa kebolehpercayaan merujuk pada konsistensi data yang dikumpul melalu proses pungutan data yang berterusan dengan pelbagai cara. Ketelusan adalah salah satu prosedur utama yang diperlukan dalam sesuatu penyelidikan (Saunders et al. (2019). Ketelusan memerlukan penyelidikan agar boleh diakses secara umum dan boleh diperiksa dan tersedia untuk pemeriksaan. Bagi memastikan kebolehpercayaan penyelidikan, penyelidik telah melaksanakan empat kaedah pemeriksaan kualiti penyelidikan yang dicadangkan oleh Creswell dan Cerswell (2023), Dörfler dan Stierand (2021), Othman Lebar (2022), Saunders et al. (2019) dan Merriam dan Tisdell (2016) iaitu i) kesahan *(validity)* ii) kebolehpercayaan *(reliability)* iii) kebolehpindaan *(transferability)* dan iv) etika penyelidikan.

Kesahan adalah merujuk kepada tahap ketekalan set-set instrumen sehingga soalan-soalan yang diberikan mampu dijawab oleh responden yang mana ianya dapat menentukan hasil penyelidikan diperolehi dengan lebih tepat (Othman Lebar, 2021; Saunders et al, 2019; Yin, 2018; Merriam & Tisdell, 2016). Menurut Merriam dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tisdell (2016), kesahan dalaman dalam penyelidikan kualitatif berkisar kepada persoalan sejauh mana penemuan itu selari dengan realiti atau sebenar keadaan bagi mendapatkan ketepatan instrumen atau dapatan penyelidikan (Othman Lebar, 2022; Yin, 2018)). Dalam erti kata lain, instrumen yang digunakan oleh penyelidik haruslah mengukur dengan tepat apa yang ingin diukur dan memberikan kebolehpercayaan kepada dapatan penyelidikan. Kepercayaan adalah suatu proses yang apabila ianya diulang akan memberikan keputusan yang sama.

Di dalam penyelidikan ini, kesahan dan kebolehpercayaan dalaman adalah melalui empat pendekatan iaitu i) triangulasi data (Othman Lebar, 2022; Saunders et al, 2019; Yin, 2018; Merriam & Tisdell, 2016) ii) pengurungan *(bracketing)* (Merriam & Tidell, 2016; Dörfler & Stierand, 2021) atau fleksibiliti penyelidik (Creswell & Creswell, 2023; Merriam & Tisdell, 2016) iii) pengesahan oleh responden *(member check)* (Creswell & Creswell, 2023; Othman Lebar, 2022; Candela, 2019; Saunders et al, 2019; Yin, 2018; Merriam & Tisdell, 2016) dan iv) Etika penyelidikan (Othman Lebar, 2022; Saunders et al, 2019; Merriam & Tisdell, 2016). **Jadual 3.9** adalah ringkasan tentang kesahan dan kepercayaan di dalam penyelidikan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.9

Kesahan dan kepercayaan dalam penyelidikan ini.

Kriteria	Terma	Isu	Penyelesaian
Kesahan *(validity)*	Kesahan dalaman	Kredibiliti / nilai kebenaran / ketelusan	1) Triangulasi *2) Bracketing* *3) Member Check* 4) Protokol temuduga (keseluruhan) 5) Catatan nota lapangan
Kebolehpercayaan *(reliability)*	Kebolehpercayaan	Konsisten	1) Strategi *code-recode.* *2)* Penilaian pakar *(inter-rater)*
Kebolehpindaan *(transferability)*	Kesahan luaran	Kebolehgunaan	1) Penerangan terperinci 2) Persampelan bertujuan 3) Penilaian pakar pementoran daripada IPT lain
Etika Penyelidikan	Akauntabiliti	Kerahsiaan dan persetujuan	1) Surat kebenaran 2) Borang persetujuan 3) Protokol temu bual (sebelum)

Diadaptasi dari Creswell dan Creswell (2023, Othman Lebar (2022), Dörfler dan Stierand (2021), Saunders et al., (2019), Merriam dan Tisdell (2016).

3.6.1 Kesahan Dalaman (Kredibiliti)

3.6.1.1 Triangulasi Data

Triangulasi merujuk kepada penggunaan dua atau lebih sumber data atau data bebas atau kaedah pengumpulan untuk menyokong penemuan penyelidikan dalam penyelidikan (Creswell & Creswell, 2023; Saunders et al., 2019). Menurut mereka juga triangulasi ini merujuk kepada penggunaan berbilang kaedah pengumpulan data untuk membuka jalan bagi memperolehi maklumat yang lebih tepat dan boleh dipercayai. Triangulasi merupakan suatu kaedah penyelidikan yang menggunakan pelbagai kaedah dan pelbagai sumber data untuk membuat penyelidikan sesuatu fenomena daripada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelbagai perspektif bagi mengesahkan data penyelidikan yang muncul (Merriam & Grenier, 2018). Ini bermaksud data penyelidikan dibandingkan dengan data daripada pelbagai teknik pengumpulan data, misalnya data temu bual dibandingkan dengan data catatan nota lapangan serta dibuktikan daripada analisis dokumen.

Dalam konteks meneroka kompetensi pensyarah sebagai mentor usahawan kepada pelajar, penyelidik telah menggunakan pelbagai sumber data iaitu temu bual dengan pensyarah, catatan lapangan, dan dokumen AKKPT 2021, untuk membentuk tema atau kategori yang berkaitan dengan kompetensi pensyarah sebagai mentor usahawan. Dengan menggunakan pelbagai sumber data, penyelidik dapat memperoleh pandangan yang lebih komprehensif tentang fenomena yang dikaji dan mengurangkan kecenderungan bias dalam penyelidikan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah data daripada proses pungutan data diperolehi, data dianalisis dan mengeluarkan tema yang terhasil. Bagi meningkatkan kebolehpercayaan dapatan penyelidikan ini, selepas memperolehi tema dan paparan data, sebelum membuat rumusan, tiga kaedah triangulasi bagi tujuan menguatkan kebolehpercayaan dan kesahan dapatan dilaksanakan seperti berikut:

1) Temu bual bersama tiga menti.
2) Analisis dokumen AKKPT 2021
3) Nota lapangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i) Temu Bual Bersama Menti

Di dalam penyelidikan ini, tiga menti daripada responden telah dipilih untuk ditemu bual bagi proses triangulasi data. Temu bual bersama menti merupakan salah satu kaedah triangulasi data dalam penyelidikan kualitatif di mana penyelidik mengumpul maklumat dari pelbagai perspektif untuk mendapatkan gambaran yang lebih lengkap dan mendalam. Dengan mengadakan temu bual dengan menti, penyelidik dapat memperoleh pandangan langsung mengenai pengalaman dan persepsi mereka terhadap proses pementoran yang diterima. Data ini kemudian dibandingkan dengan maklumat yang diperolehi daripada temu bual dengan mentor, dokumen MEA 2021 dan nota lapangan. Triangulasi ini membantu penyelidik untuk mengesahkan ketepatan dan kesahan data, mengurangkan bias, dan mengenal pasti tema atau corak yang konsisten dalam pengalaman dan persepsi. Proses ini memberi sumbangan kepada ketelitian dan kebolehpercayaan hasil penyelidikan ini.

ii) Analisis Dokumen MEA 2021

Analisis dokumen MEA 2021 digunakan sebagai kaedah triangulasi bagi mengesahkan dapatan daripada temu bual dan pemerhatian. Dokumen ini mengandungi maklumat tentang calon, kriteria penilaian, proses pemilihan serta alasan pemilihan finalis atau pemenang. Melalui analisis tersebut, penyelidik memperoleh pemahaman mendalam mengenai standard penganjur dan faktor kejayaan mentor. Perbandingan data dokumen dengan temu bual dan pemerhatian membolehkan pemeriksaan konsistensi, pengesahan corak berulang, serta pengesanan percanggahan. Dapatan analisis menunjukkan faktor utama seperti kaedah pementoran inovatif, sokongan institusi, dan pengalaman

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

praktikal sebagai penentu kejayaan mentor PolyCC. Tambahan pula, analisis dokumen ini memberi gambaran tentang bagaimana kriteria formal diaplikasikan dalam penilaian mentor berbanding pengalaman sebenar yang diceritakan oleh responden. Ia juga membolehkan penyelidik menilai sama ada garis panduan yang ditetapkan bertepatan dengan realiti pelaksanaan di lapangan. Di samping itu, dokumen ini membantu mengenal pasti jurang antara teori dan amalan dalam konteks pementoran keusahawanan. Secara keseluruhan, analisis dokumen ini memperkukuh kredibiliti dapatan kajian dengan menyediakan bukti bertulis yang sahih dan boleh dirujuk semula.

iii) Catatan Nota Lapangan


Kesahan dalaman data kualitatif diperkukuh melalui pengumpulan data yang sistematik menggunakan bukti pelaksanaan seperti janji temu, temu bual rasmi dan tidak rasmi, pemerhatian serta analisis dokumen (Othman Lebar, 2022). Semua proses ini dicatat dalam nota lapangan sebagai rekod terperinci bagi mengurangkan bias dan mengesahkan dapatan (Creswell & Creswell, 2023; Saunders et al., 2019; Yin, 2018). Catatan ini juga berfungsi sebagai refleksi penyelidik terhadap interaksi bersama responden dan situasi yang diperhatikan. Ia membolehkan butiran yang tidak sempat direkodkan semasa temu bual didokumentasikan semula dengan lebih teratur dan memberi peluang untuk merekodkan isyarat bukan lisan, suasana, dan konteks sosial yang melingkungi proses pengumpulan data. Nota lapangan yang dilaksanakan dalam penyelidikan ini direkodkan menggunakan borang catatan (Lampiran D dan Lampiran J), manakala **Rajah 3.16** dan **Rajah 3.17** menunjukkan contoh pelaksanaannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.16

Contoh catatan nota lapangan yang telah dilaksanakan



Lampiran B1

Instrumen Temubual Separa (pindaan selepas temu bual rintis)

Soalan siasatan *(probing)*	Jangkaan hasil temu bual	Nota refleksi / lapangan
Inspirasi / agama / cara hidup 1) Apakah yang telah memberi inspirasi kepada puan untuk menjadi seorang mentor?	• Memahami motivasi peribadi mentor. • Kisah peribadinya akan membenarkan kontekstualisasi soalan berikutnya.	
Pemahaman 2) Apa yang anda faham tentang pementoran?	• Pemahaman / definisi tentang pementoran. • Perbezaan / Persamaan dengan amalan lain yang berkaitan. • Mewujudkan rasa kesedaran tentang ciri-ciri khas / keperluan / cabaran / ciri-ciri pementoran	
Amalan 3) Dalam pementoran ni, perlu ke adanya "kontrak pementoran"? 4) Mengapa?	• Pemahaman tentang amalan dan pendekatan mentor. • Cara mentor menstrukturkan perhubungan pementoran akan mendedahkan beberapa perkara • kemahiran dan kecekapan yang diperlukan	
Ciri peribadi 5) Atas pengalam puan, apa sifat peribadi puan yang puan rasa menjadi kekuatan dalam pemtoran? Atau yang orang cakap, puan ni jenis macamana, yang buat menti puan berjaya?	• Memahami peranan penting personaliti dalam pengwujudan dan pengekalan hubungan pementoran, berbanding dengan peranan teori pengetahuan tentang pementoran. • Pengumpulan ciri-ciri peribadi (personaliti) yang diperlukan untuk mengekalkan hubungan pementoran yang membuahkan hasil • Pemahaman tentang perkara yang sepatutnya/tidak di beri tumpuan oleh menti	
Personaliti – sikap dan sifat 6) Pernahkah anda mengalami konflik dalam mana-mana perhubungan pementoran anda? 7) Bagaimana anda menguruskan mereka?	• Perbincangan tentang personaliti dan kemahiran yang diperlukan untuk menguruskan konflik semasa proses pementoran.	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.17

Contoh catatan nota lapangan yang telah dilaksanakan di dalam penyelidikan ini

Borang Pemerhatian Sesi Temu Bual Bersama Informan

Informan : Info07
Tarikh : 20 Julai 2023 (Khamis)
Waktu : 9.30 am – 11.10 am
Tempat : Perak.
Kriteria : 1) 15 calon akhir Kategori D: Anugerah Mentor Keusahawanan Terbaik Anugerah Keusahawanan KPT (AKKPT) 2021 sebelum ini dikenali *Ministry Entrepreneurial Award (MEA)*.
2) 5 calon akhir Anugerah Akademia PolyCC (Kategori Mentor Keusahawanan Terbaik), 2022
Jawatan : Mantan Ketua Unit
Tujuan Pemerhatian : Memerhati kompetensi yang dimiliki oleh informan.

Pemerhatian:

1) Pengamatan awal	Tempat: Pejabat Informan di Perak. Informan: Memakai pakain yang kemas dan bersolek.
2) Interaksi dan komunikasi	Gaya komunikasi: Santai dan mudah mesra. Menggunakan bahasa formal dan informal. Respon terhadap pertanyaan: Banyak menangis. Bercerita dengan jelas tetapi tersekat-sekat kerana tangisan. Memberi jawapan dengan yakin dan banyak berkongsi cerita / pengalaman.
3) Isi temu bual	Rujuk transkripsi.
4) Analisis Pemerhatian	Keberhasilan tujuan: Matlamat temu bual tercapai. Persepsi subjektif: Seorang yang agak penyedih, berpendirian dan mudah tersentuh emosi. Memiliki kisah hidup yang agak sedih dan melalui kesukaran yang banyak dalam perjalanan kehidupan.
5) Kesimpulan	1) Mempunyai personaliti yang mempunyai kestabilan emosi yang kurang baik (kurang daya tahan mengawal kesedihan), tetapi tegas, seorang perancang yang baik, terbuka kepada idea & pengalaman baru, teratur dan rajin. 2) Mementingkan penampilan diri yang kemas. 3) Ada pengalaman berniaga. 4) Mempunyai kemahiran dalam perniagaan. 5) Mempunyai sistem pemfailan yang sangat kemas dan teratur 6) Latarbelakang akademik: Bidang Perniagaan
6) Cadangan	Tiada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan tiga teknik tersebut, maka proses triangulasi dalam penyelidikan ini dilakukan dengan membandingkan data secara serentak antara data yang diperoleh melalui teknik temu bual, analisis dokumen dan analisis nota lapangan. Kepelbagaian sumber data dan teknik pengumpulan data yang digunakan dalam penyelidikan ini dapat menghasilkan bukti yang kukuh iaitu menepati tahap kesahan dan kebolehpercayaan data (Merriam & Granier, 2018). Dalam penyelidikan ini, triangulasi antara sumber data dalam analisis tematik dilakukan untuk menghapuskan bias dan mewakili gambaran holistik peristiwa dan proses sebenar.

3.6.1.2 Pengurungan (*Bracketing*) / Fleksibiliti Penyelidik

Dalam penyelidikan fenomenologi, pengurungan adalah strategi penting untuk meningkatkan kebolehpercayaan dapatan kajian. Konsep ini diperkenalkan oleh Edmund Husserl dan menekankan keperluan penyelidik menyisihkan prasangka, pengetahuan, dan pengalaman peribadi agar tidak mempengaruhi pemahaman terhadap fenomena yang dikaji (Dörfler & Stierand, 2021; Merriam & Tisdell, 2016).

Menurut Merriam dan Tisdell (2016) serta Creswell dan Creswell (2023), penyelidik yang mengekang kecenderungan peribadi sebelum pengumpulan data dapat meningkatkan kesahan kajian. Dengan memastikan ketidakberpihakan (impartiality), penyelidik memberi ruang kepada pengalaman responden untuk diterjemahkan tanpa bias.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses Pengurungan

Pengurungan melibatkan kesedaran penyelidik terhadap kepercayaan dan pengalaman mereka sendiri, yang boleh memberi kesan kepada tafsiran data. Sebelum pengumpulan data, penyelidik mengenal pasti dan mencatat andaian awal, kemudian berusaha mengenepikannya sepanjang kajian (Lampiran L).

Dalam penyelidikan fenomenologi, terdapat dua pendekatan utama dalam pengurungan:

1. *Epoche* – Penyisihan sepenuhnya pengalaman atau tafsiran awal semasa pengumpulan data.
2. *Bracketing* – Menyedari dan menangguhkan anggapan awal sehingga proses analisis untuk mengelakkan pengaruh terhadap tafsiran data (Bednall, 2016).

Dengan menggunakan pengurungan, penyelidik dapat memastikan bahawa interpretasi data didasarkan pada perspektif responden, bukan pada pengalaman atau pengetahuan penyelidik sendiri. **Jadual 3.10** menyenaraikan elemen yang terlibat dalam pengurungan, manakala **Jadual 3.11** menunjukkan proses pelaksanaannya dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.10

Senarai item Bracketing (Pengekangan)

Item	Keyakinan, nilai-nilai, prasangka, atau pengalaman peribadi
Personaliti	1) Mentor mesti sangat bersabar 2) Mentor mesti memberi komitmen yang sangat tinggi 3) Mentor mesti sangat tegas tetapi lemah lembut. 4) Mentor mesti berjiwa kental / tidak mudah terasa hati 5) Mentor mesti seorang yang berpandangan jauh 6) Mentor mesti seorang yang bijak merancang dan menyusun strategi 7) Mentor ada pegangan agama yang kuat (bekerja kerana Allah) 8) Mentor perlu sanggup bekerja lebih masa
Pengalaman	1) Mentor perlu ada pengalaman sebagai usahawan 2) Mentor tidak perlu ada pengalaman sebagai mentor
Kemahiran	1) Mentor perlu mahir dalam perkara berkaitan keusahawanan 2) Mentor perlu mahir dalam perkara berkaitan pementoran 3) Mentor perlu ada kemahiran mendapatkan maklumat yang tepat untuk bertindak (seakan-akan "mentor perlu ada mentor" juga)
Pengetahuan	1) Mentor tidak semestinya mempunyai kelulusan akademik di bidang perniagaan 2) Mentor mesti berpengetahuan dalam hal-hal keusahawanan. 3) Pengetahuan boleh diperolehi melalui latihan, kursus atau pembacaan. 4) Tidak perlu secara formal (memadai dengan menonton video berkaitan atau pembacaan bahan bercetak)

Sebaliknya, "*bracketing*" merujuk kepada tindakan menyedari anggapan awal yang berkaitan dengan data semasa proses pengumpulan atau penafsiran data (Bednall, 2016). Setiap elemen disimpan berasingan atau ditangguhkan oleh *"epoche"*. Dua keadaan ini dikekalkan sehingga proses penyatuan semula di mana elemen-elemen yang ditangguhkan dalam *"epoche"* dinilai untuk sebarang sintesis dengan elemen data yang dikumpul daripada responden. Oleh itu, *"epoche"* adalah satu kebiasaan berfikir yang berterusan sepanjang fasa pra-empirikal dan pasca-empirikal penyelidikan (Bednal, 2016). Proses ini diaplikasikan di dalam penyelidikan ini. **Jadual 3.11** adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menunjukkan proses pengurungan dilakukan dalam penyelidikan fenomenologi, manakala **Rajah 3.18** adalah menggambarkan keseimbangan antara ketelitian penyelidik terhadap pengalaman lampau dan terma yang dikenali pasti dalam proses pengumpulan data.

Jadual 3.11

Proses pengurungan (bracketing)

Bil	Langkah-langkah	Catatan	Strategi
1	Penilaian mental	Personaliti penyelidik	Persediaan mental
2	Refleksitiviti	Kenal pasti bahagian yang berpotensi untuk kecenderungan berat sebelah *(bias)*.	
3	Analisis data		Huraikan di dalam
4	Akur dengan penjaga gerbang yang telah ditetapkan	Uruskan pra-konsep sementara belum menemui penjaga gerbang *(gatekeepers)*	bahagian tinjauan literatur. (Definisi Operasional)
5	Sediakan diari reflektif	Ketelitian tentang pra-konsep	Perancangan pengumpulan data
6	Libatkan pemberi maklumat dalam item pengurungan	Semasa pengumpulan data	Perancangan pengumpulan data
7	Temu bual menggunakan teknik soalan separa berstruktur		Perancangan pengumpulan data
8	Pendirian yang tidak-tahu	Cipta keinginan untuk mengetahui dalam kalangan responden	Perancangan pengumpulan data
9	Jana pengetahuan	Jelaskan kepada responden	Perancangan untuk analisis data


Diadaptasi dari Chan et al di dalam Rosmanizah Derahman (2021)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.18

Keseimbangan antara pengalaman lepas dengan tema



Diadaptasi dari Bednall (2016).

3.6.1.3 Pengesahan Oleh Responden *(Member Check)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengesahan oleh responden adalah satu prosedur di mana penyelidik meminta responden untuk memeriksa data serta membuat interpretasi awalan bagi sesuatu dapatan untuk memastikan dapatan adalah tepat dan sesuai (Creswell & Creswell, 2023; Othman Lebar, 2022; Candela, 2019; Saunders et al, 2019; Yin, 2018; Merriam & Tisdell, 2016). Ianya boleh dilakukan sepanjang penyelidikan dijalankan. Tujuan dari pengesahan responden ini adalah untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan penyelidikan dengan melibatkan responden sebagai penilai. Melalui kaedah ini, responden memiliki kesempatan untuk memberikan data baru, memperbetulkan atau melengkapkan dapatan penyelidikan, serta memastikan bahawa interpretasi penyelidik adalah sesuai dengan pengalaman dan sudut pandang responden. Pengesahan oleh responden adalah tindakan yang penting dalam penyelidikan kualitatif untuk memastikan keterlibatan responden, kesahan dan kebolehpercayaan dapatan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

integriti penyelidikan yang dilaksanakan. Hal ini membantu memastikan bahawa perspektif responden dihormati dan terlibat dalam proses penyelidikan, sehingga menghasilkan pemahaman yang lebih komprehensif dan tepat. Sampel surat pengesahan transkripsi dan borang penilaian tema daripada responden adalah seperti di lampiran M. **Rajah 3.19** adalah menunjukkan elemen di dalam lampiran M.

Rajah 3.19

Contoh elemen di dalam lampiran M

RQ1: Bagaimanakah personaliti pensyarah sebagai mentor usahawan, menyumbang kepada pengekalan perniagaan menti?

Personaliti (Altruisme, *Enthusiasm*, Harmonisme)
Pengekodan kebolehpercayaan antara penilai (*inter-rater reliability coding*)
Pilih (/) jika bersetuju dengan pernyataan dan pilih (X) jika tidak bersetuju.

Penerangan:

1) Personaliti
Teori personaliti yang dirujuk adalah Personaliti Lima Utama iaitu kestabilan emosi, ekstraversi, keterbukaan, keserasian dan kesedaran (ketelitian). Penyelidik meneroka personaliti informan berasaskan kepada teori ini.
2) Altruisme
Pamungkas dan Muslikah (2019), menyatakan terdapat 10 ciri-ciri tingkah laku altruisme iaitu empati, kepercayaan, tanggungjawab, lokus kawalan diri, egosentrisme yang rendah, kerjasama, berkongsi, membantu, berkorban (menderma) dan kejujuran.

Kod terbuka (petikan-secara rawak)	Kod	Tema	Penilaian		Catatan
			/	X	
KESTABILAN EMOSI					
Semenjak saya nampak aaa severe, saya nampak severe tu, saya dah rasa, parents, macamana keadaan parents yang anak severe autisme yang tak boleh verbal, yang tak boleh bercakap, macamana nak uruskan. Saya nampak, saya terdetik. Kemudian datang parents dengan mengadu, yang parents yang denial anak dia, ada jugak. Dia denial. Ada yang ketika datang tu, dia cakap, uuuii tak, anak saya normal. Mak menangis, sebab apa, ayah tak boleh terima anak dia. saya kata, puan anak puan ada masa depan. saya pun kata, tak berjaya besar pun at least dia boleh sara hidup dia. aa..itu yang saya nak, saya kata. (P1)	Empati_ merasai	**ALTRUISME *ENTHUSIASM***			
OKU ni, kena faham, bukan setiap individu adalah ada warna warni. Berlainan karakter. So berlainan perangai, beza, sebab semua diorang ni ada background yang parent divorce, ada yang xde mak bapak, yang yatim piatu pun ada (P1)	Empati_ memahami situasi				

3.6.2 Kebolehpercayaan *(Reliability)* Penyelidikan

Kebolehpercayaan dalam penyelidikan kualitatif adalah merujuk kepada konsistensi dan kestabilan dapatan atau interpretasi penyelidikan. Kebolehpercayaan data ini adalah bergantung kepada data yang diperolehi atas transparensi / ketelusan dan akauntabiliti dalam keseluruhan proses penyelidikan (Othman Lebar, 2022; Dörfler &

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Stierand, 2021; Saunders et al., 2019; Yin, 2018; Merriam & Tisdell, 2016). Di dalam penyelidikan ini, empat kaedah digunakan untuk meningkatkan kebolehpercayaan terhadap dapatan penyelidikan ini iaitu i) protokol temu bual separa berstruktur ii) strategi pengekodan semula *(code recode)* iii) kebolehpercayaan antara penilai *(inter rater reliability)* dan iv) jejak audit

3.6.2.1 Protokol Temu Bual Separa Struktur

Protokol temu bual di dalam penyelidikan kualitatif merupakan satu panduan yang dirancang untuk menjadi panduan kepada penyelidik dalam melaksanakan temu bual bersama responden (Creswell & Creswell, 2023; Dörfler & Stierand, 2021; Othman Lebar, 2022; Saunders et al.,2019 dan Merriam & Tisdell; 2016). Protokol temu bual dapat membantu memastikan bahawa proses temu bual yang dilaksanakan dapat dijalankan secara konsisten, terarah dan relevan dengan objektif dan persoalan penyelidikan. Dalam penyelidikan ini, protokol telah dibina berdasarkan kepada tiga situasi iaitu i) sebelum temu bual ii) semasa temu bual dan iii) selepas temu bual. Ketiga-tiga protokol ini adalah saling berkait dan memberi impak kepada kesahan dan kebolehpercayaan dapatan penyelidikan.

Protokol sebelum, semasa dan selepas sesi temu bual ini dibina adalah untuk memudahkan penyelidik merancang dan menjalankan sesi pengumpulan data dalam penyelidikan ini. Protokol sebelum sesi temu bual merujuk kepada langkah-langkah atau prosedur yang dilakukan sebelum sesi temu bual sebenarnya. Tujuan daripada protokol ini adalah untuk menyediakan penyelidik dan memastikan bahawa sesi temu bual boleh dilakukan dengan efektif dan efisien. Sebelum sesi temu bual, penyelidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menentukan tujuan temu bual dimana penyelidik harus menjelaskan tujuan temu bual tersebut. Sebelum sesi temu bual dijalankan, penyelidik perlu menentukan tema dan soalan agar soalan yang relevan dapat dirumuskan untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Soalan harus terbuka dan mengundang responden untuk memberikan maklumat yang mendalam.

Panduan ini bukan sahaja merupakan kerangka soalan-soalan yang menuju arah sesi temu bual, tetapi juga memberikan fleksibiliti bagi responden untuk menyampaikan maklumat secara bebas. Panduan temu bual juga mengandungi beberapa kerangka soalan untuk membina hubungan dan mewujudkan suasana yang selesa dalam sesi temu bual. Di peringkat pra temu bual ini juga, persetujuan daripada responden untuk menyertai penyelidikan perlu dilaksanakan agar persetujuan, kerahsiaan data dan hak-hak responden dilindungi. Persiapan buku catatan dan peralatan rakaman juga perlu disediakan oleh penyelidik pada peringkat sebelum sesi temu bual ini. Jelasnya, protokol sebelum sesi temu bual membantu peyelidik untuk mengatur dan mempersiapkan diri sebelum melakukan temu bual. Hal ini memastikan bahawa penyelidikan kualitatif dapat dilakukan dengan baik, dengan fokus yang jelas, dan memperoleh data yang relevan dan bermakna.

Protokol semasa sesi temu bual adalah rangkaian langkah atau panduan yang perlu diikuti oleh penyelidik untuk memastikan pengumpulan data yang teratur dan efektif. Langkah-langkah tersebut meliputi memperkenalkan diri, menjelaskan tujuan, mendengar dengan teliti, memberi tumpuan, memberi pertanyaan yang relevan, mencatat atau merakam sesi, bersikap neutral dan objektif dan memberi peluang kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

responden untuk memberikan maklumat tambahan. Protokol ini membantu penyelidik dalam memperoleh data yang relevan dan bermakna sepanjang masa.

Protokol selepas sesi temu bual melibatkan langkah-langkah yang diambil oleh penyelidik untuk mengurus dan menganalisis data yang diperoleh daripada temu bual. Pertama, penyelidik mencatat catatan yang lengkap semasa sesi temu bual, termasuk respon responden dan penilaian penyelidik terhadap gerak tubuh responden. Di peringkat ini, rakaman audio atau video perlu dipastikan ianya berfungsi dengan baik dan merakam sesi temu bual dengan sempurna. Transkripsi perlu dilakukan untuk menukar perbualan kepada teks bertulis. Selepas itu, penyelidik menganalisis data dengan mengenal pasti corak, tema, atau makna yang timbul daripada data temu bual. Kaedah analisis yang digunakan adalah tematik analisis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, penyelidik melibatkan responden dalam proses pengesahan data untuk memastikan ketepatan dan kesesuaian interpretasi. Kemudian, penyelidik menyusun laporan penyelidikan yang merangkumi dapatan, kesimpulan, dan cadangan berdasarkan analisis data. Laporan tersebut disusun dengan jelas dan memberi maklumat yang bermaklumat agar dapat difahami oleh pembaca yang berkepentingan. Semasa proses ini, penyelidik juga menjaga kerahsiaan dan privasi data yang diperoleh, memastikan bahawa data tidak didedahkan tanpa kebenaran atau melanggar etika penyelidikan.

Protokol selepas sesi temu bual memainkan peranan penting dalam menguruskan data yang diperoleh daripada temu bual untuk memastikan bahawa data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dianalisis secara teliti, hasil penyelidikan disediakan dengan tepat, dan kerahsiaan data serta privasi responden dijaga dengan baik.

Protokol temu bual bagi penyelidikan ini telah dibina oleh penyelidik dengan mengadaptasi daripada *Knowl Social Enterprise* (2015) iaitu berkaitan projek pementoran usahawan di Eropah yang diberi nama Mentoring, Networking and Training for European Entrepreneurs (MENTEE) yang bertujuan untuk memberi sokongan dan latihan kepada usahawan dan usahawan pemula di Eropah melalui program pementoran, rangkaian dan latihan. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran, pengetahuan, dan kemahiran responden dalam mengembangkan dan menguruskan perniagaan mereka.

Jadual 3.12 adalah memberi penerangan ringkas tentang protokol sebelum, semasa dan selepas sesi temu bual dijalankan manakala **Jadual 3.13** adalah protokol temu bual (soalan temu bual) bagi penyelidikan ini yang diadaptasi dari projek MENTEE tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.12

Protokol sebelum, semasa dan selepas sesi temu bual

Bil	Elemen
1	**Persediaan temu bual**
	1. Tempat • Sediakan tempat yang tiada / sedikit gangguan. • Susun temu bual di tempat separa peribadi yang tenang. • Elakkan tempat yang bising, atau tempat di mana ada gangguan dari orang lain. • Pastikan responden adalah selesa (bertanya lebih dahulu, di mana responden selesa). • Petua: Orang yang ditemu bual selalunya berasa lebih selesa di persekitaran kerja mereka sendiri. 2. Taaruf • Perkenalkan diri dan projek kepada responden. • Berikan pembentangan ringkas tentang penyelidikan, matlamat utama dan konsep penyelidikan. 3. Tujuan • Jelaskan tujuan temu bual. • Huraikan tujuan temu bual, matlamat yang ingin dicapai dan • Cara data / maklumat yang dikumpul akan dianalisis dan digunakan. 4. Masa • Nyatakan berapa lama temu bual akan diambil. • Biasanya, enam hingga sepuluh soalan yang ditulis dengan baik boleh mengambil masa satu jam hingga satu setengah jam untuk diselesaikan. 5. Kerahsiaan dan pengumpulan borang kebenaran • Terangkan kepada responden untuk mendapat akses kepada respons mereka • Terangkan bagaimana ia akan digunakan. • Dapatkan persetujuan bertulis mereka mengenai terma kerahsiaan (penerbitan jawapan, persetujuan intelek mengenai petikan dan lain-lain). • Minta kebenaran untuk merakam temu bual. 6. Format • Jelaskan format temu bual. • Terangkan jenis temu bual dan sifatnya. • Penyelidik membenarkan responden bertanya soalan, dan nenyatakan bahawa responden boleh bertanya kepada penyelidik sepanjang sesi temu bual berlangsung. 7. Bertanya kepada responden jika mereka mempunyai sebarang soalan / kebimbangan sebelum memulakan temu bual. 8. Menghafal soalan dan susunannya. Jika tidak mampu, pastikan set soalan berada berhampiran dengan penyelidik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil	Elemen
	Pelaksanaan Temu Bual
2	1. Pastikan temu bual berjalan secara semula jadi. • Penyelidik tidak perlu mengikut struktur yang ketat • Penyelidik tidak perlu berpindah dari satu subjek ke subjek yang lain. • Jika penyelidik merasakan susunan soalan yang dicadangkan tidak sesuai untuk aliran temu bual, jangan ragu untuk menyusun semula soalan tersebut. • Selain itu, jika penyelidik merasakan soalan tidak mendapat jawapan yang mencukupi dan perincian lanjut daripada responden seperti yang diperlukan, berikan beberapa soalan tambahan dengan segera. • Jika penyelidik mendapat respon menarik yang membawa kepada lebih banyak soalan yang akan menjadi nilai tambah kepada penyelidikan, jangan teragak-agak untuk bertanya. 2. Sekali-sekala periksa peranti rakaman berfungsi dan masih merakam. 3. Tanya satu soalan pada satu masa. • Jangan membebankan responden dengan soalan yang merangkumi beberapa bahagian, atau bertanyakan berbilang soalan yang berkaitan sekaligus. 4. Sediakan peralihan antara topik utama, • Contohnya, "kami telah bercakap tentang (sesetengah topik) dan sekarang saya ingin beralih kepada (topik lain)." 5. Mengekalkan kawalan temu bual. • Jangan biarkan responden tersasar ke topik yang tidak berguna / boleh digunakan untuk penyelidikan, atau • mula bertanya soalan kepada responden. • Jika responden mengambil masa terlalu lama untuk menjawab soalan cuba bimbing mereka menggunakan soalan lain dengan segera. 6. Bersedia dan gunakan ulasan yang disediakan • Jangkaan dapatan bukan untuk membimbing jawapan responden, tetapi untuk mempunyai fakta yang kukuh pada skop jawapan. 7. Kekal neutral. • Jangan tunjukkan reaksi emosi yang kuat terhadap jawapan responden. • Jangan tergesa-gesa untuk mengambil nota, kerana penyelidik boleh memberikan gambaran bahawa penyelidik terkejut atau sangat gembira tentang respon, dan ini boleh menyebabkan mempengaruhi jawapan soalan akan datang. 8. Jadilah pendengar yang baik. • Minta perincian, penjelasan dan contoh jika perlu dan • berikan masa untuk responden berfikir tanpa mengganggu mereka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil	Elemen
	9. Pastikan temu bual dalam jangka masa yang dianggarkan. • Tempoh temu bual adalah lebih baik tidak melebihi satu (1) jam. Secara pragmatik adalah kurang berkemungkinan untuk membuat orang bersetuju untuk ditemu bual dan menumpukan masa mereka untuk sesi yang panjang.
3	**Penutup Temu Bual** 1. Sahkan bahawa peranti rakaman berfungsi sepanjang temu duga. 2. Semak dan edit nota. • Jelaskan nota contengan dan / atau nota yang tidak masuk akal dan sebagainya. 3. Perhatikan reaksi gerak tubuh dan muka responden yang dibuat semasa temu bual. • Catatkan kemungkinan reaksi orang yang ditemu duga terhadap soalan khusus, salah faham, komen yang mungkin anda ada dan sebagainya. 4. Minta kebenaran untuk membuat susulan. • Sifat penyelidikan kualitatif mulai muncul. • Sebaik sahaja mendengar temu bual yang dirakam, penyelidik mungkin tidak faham apa yang dikatakan atau maksud orang yang ditemu bual. • Temu bual susulan yang singkat membolehkan responden menjelaskan apa-apa yang tidak difahami. • Apabila menemu bual lebih daripada seorang, ada kemungkinan reponden lain mengatakan sesuatu yang menarik yang mungkin boleh ditanya kepada responden lain juga. • Temu bual susulan, sebagai alternatif perbincangan ringkas melalui telefon, juga memberi peluang untuk bertanya kepada responden tentang ketidakfahaman atau persoalan yang mungkin timbul dalam temu bual sebelumnya.

Diadaptasi dari *Knowl Social Enterprise* (2015)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.13

Instrumen Temu bual Separa (pindaan selepas temu bual rintis)

ITEM	PROTOKOL TEMU BUAL
Tajuk:	Kompetensi Pensyarah Politeknik Dan Kolej Komuniti Sebagai Mentor Usahawan Bagi Kelestarian Perniagaan Usahawan Pemula Pelajar
Disahkan oleh:	1) Pensyarah IPTA (antara tiga pemenang utama Anugerah Mentor Keusahawanan Terbaik MEA 2018) 2) Pensyarah Utama DH54 PolyCC (PhD bidang keusahawanan dan berpengalaman sebagai Ketua Unit Keusahawanan dan pementoran usahawan pemula) 3) Pensyarah IPTA (Pakar Penyelidikan Kualitatif) 4) Usahawan berjaya dan merupakan mentor usahawan bagi pelbagai projek keusahawanan di Malaysia dan antarabangsa serta *Adjunct Professor* di sebuah universiti swasta.
Sumber	Protokol temu bual dalam penyelidikan ini adalah diadaptasi dari *Knowl Social Enterprise* (2015) dan Martinez, et al., (2018) dimana protokol ini menyentuh tentang semua pembolehubah (kompetensi) di dalam penyelidikan ini yang berdasarkan teori Mc Clelland (Kumar & Kayalvizhi, 2024; Zamkova et al., 2023).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan siasatan *(probing)*	Jangkaan hasil temu bual	Nota
Inspirasi / agama / cara hidup 1) Apakah yang telah memberi inspirasi kepada puan untuk menjadi seorang mentor?	• Memahami motivasi peribadi mentor. • Kisah peribadinya akan membenarkan kontekstualisasi soalan berikutnya.	
Pemahaman 2) Apa yang anda faham tentang pementoran?	• Pemahaman / definisi tentang pementoran. • Perbezaan / persamaan dengan amalan lain yang berkaitan. • Mewujudkan rasa ketelitian tentang ciri-ciri khas / keperluan / cabaran / ciri-ciri pementoran	
Amalan 3) Dalam pementoran ni, perlu ke adanya "kontrak pementoran"? 4) Mengapa?	• Pemahaman tentang amalan dan pendekatan mentor. • Cara mentor menstrukturkan perhubungan pementoran akan mendedahkan beberapa perkara • Kemahiran dan kecekapan yang diperlukan	
Ciri peribadi 5) Atas pengalaman puan, apa sifat peribadi puan yang puan rasa menjadi kekuatan dalam pemtoran? Atau yang orang cakap, puan ni jenis macamana, yang buat menti puan berjaya?	• Memahami peranan penting personaliti dalam pengwujudan dan kelestarian hubungan pementoran, berbanding dengan peranan teori pengetahuan tentang pementoran. • Pengumpulan ciri-ciri peribadi (personaliti) yang diperlukan untuk mengekalkan hubungan pementoran yang membuahkan hasil • Pemahaman tentang perkara yang sepatutnya/tidak di beri tumpuan oleh menti	
Personaliti – sikap dan sifat 6) Pernahkah anda mengalami konflik dalam mana-mana perhubungan pementoran anda? 7) Bagaimana anda menguruskan mereka?	• Perbincangan tentang personaliti dan kemahiran yang diperlukan untuk menguruskan konflik semasa proses pementoran.	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan siasatan *(probing)*	Jangkaan hasil temu bual	Nota
Pengalaman berniaga 8) Adakah anda pernah ada pengalaman berniaga? 9) Jika ya, apakah adakah ianya mempengaruhi keupayaan anda untuk membimbing pelajar membuka dan menguruskan perniagaan? 10) Bagaimana? 11) Jika tidak, bagaimana anda membimbing pelajar membuka dan menguruskan perniagaan mereka? 12) Apakah pengalaman sebagai usahawan membantu anda memainkan peranan sebagai mentor usahawan?	• Berdasarkan pengalaman peribadi mentor, terjemahkan kepentingan pengalaman berniaga dalam pementoran usahawan pemula.	
Pengalaman pementoran 13) Adakah anda pernah ada pengalaman menjadi mentor (apa-apa bidang-tidak semestinya keusahawanan? 14) Jika ya, apakah adakah ianya mempengaruhi keupayaan anda untuk membimbing pelajar membuka dan menguruskan perniagaan? 15) Bagaimana? 16) Jika tidak, bagaimana anda membimbing pelajar membuka dan menguruskan perniagaan mereka? 17) Apakah pengalaman sebagai mentor membantu anda memainkan peranan sebagai mentor usahawan?	• Berdasarkan pengalaman peribadi mentor, terjemahkan kepentingan pengalaman sebagai mentor dalam pementoran usahawan pemula.	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan siasatan *(probing)*	Jangkaan hasil temu bual	Nota
Kemahiran berniaga 18) Apakah kemahiran anda yang digunakan dalam proses pementoran? 19) Selain kemahiran berniaga dan kemahiran sebagai mentor, berdasarkan pengalaman peribadi, ada tak, kemahiran lain yang digunakan oleh puan dalam proses pementoran ni?	• Berdasarkan pengalaman peribadi mentor, jawapan harus mencerminkan koleksi kemahiran dan kompetensi yang paling penting • Pastikan bahawa jawapan membezakan kemahiran dan kompetensi dan kedua-duanya ditangani	
Ilmu pengetahuan 20) Puan bukan dari bidang keusahawanan, ada masalah ke, menjadi mentor usahawan? 21) Jika ada, apa tu? 22) Adakah bidang pengajian puan membantu dalam pementoran? (Jika informan dari bidang perdagangan) 23) Rujuk data demografik pada Lampiran H1 & H2, jika informan memiliki ikhtisas / sijil profesional / pelatih dalam keusahawanan – Adakah sijil tambahan ini, membantu puan dalam proses pementoran ini?	• Berdasarkan pengalaman peribadi mentor, kumpulkan ilmu pengetahuan yang penting untuk untuk digunakan dalam pementoran.	
Terbuka 24) Apakah bahagian yang paling memuaskan dan paling mengecewakan dalam peranan anda sebagai mentor? 25) Bilakah kitaran pementoran akan tamat dan bagaimanakah ianya akan diuruskan? 26) Apakah aspek khusus pementoran dan sistem sokongan yang boleh diperbaiki? 27) Adakah apa-apa lagi yang puan ingin dkongsikan?	Berdasarkan pengalaman mentor, terokai potensi dan batasan pementoran.	

Diadaptasi dari *Knowl Social Enterprise* (2015) dan Martinez, et al., (2018)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.2.2 Strategi Pengekodan Semula *(Code-Recode)*

Strategi pengekodan semula merujuk kepada tindakan penyelidik mengekodkan data, menghentikan analisis untuk suatu tempoh masa, kemudian kembali mengekod semula data dan membandingkan set kod baharu dengan kod terdahulu (Saunders et al., 2019; Yin, 2018; Merriam & Tisdell, 2016). Pendekatan ini penting kerana ia bukan sahaja memperkukuh kesahan analisis, malah memperluas pemahaman penyelidik terhadap data, terutama apabila penemuan baharu atau pola tersembunyi muncul yang relevan dengan persoalan kajian. Dalam penyelidikan ini, proses pengekodan semula dilaksanakan secara berulang bagi memastikan analisis data lebih menyeluruh dan sahih. Bagi mengukuhkan ketelusan dan kebolehpercayaan analisis, penyelidikan ini turut menyediakan borang jejak audit (Lampiran O-01, O-02, O-03) sebagai rekod sistematik keseluruhan proses *code–recode*. Borang Jejak Audit 01 merekod lokasi data mentah (transkrip temu bual, nota lapangan, dokumen) yang menjadi asas interpretasi kod dan kategori. Borang Jejak Audit 02 pula mendokumentasikan inferens penyelidik semasa pengkodan, manakala Borang Jejak Audit 03 menunjukkan perkembangan kod dan kategori sehingga terbentuknya tema utama.

Penggunaan borang ini membolehkan proses analisis ditelusuri semula oleh auditor luar secara sistematik dan telus, sekali gus membuktikan bahawa tema yang dibentuk benar-benar berasaskan bukti empirikal yang sahih dan bukan andaian penyelidik semata-mata (Lincoln & Guba, 1985; Creswell & Poth, 2018). **Rajah 3.20, 3.21** dan **3.22** menunjukkan contoh Borang Jejak Audit 01, 02 dan 03 yang diaplikasikan dalam penyelidikan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.20

Borang jejak audit 01 (lokasi data-data mentah untuk interpretasi kod / kategori - Lampiran O1)

BORANG JEJAK AUDIT AUDITOR 1

Nombor Folio	**02**
Objektif Kajian	i. meneroka personaliti pensyarah dalam kalangan mentor, yang berjaya membimbing menti mengekalkan perniagaan. ii. menyelidik pengalaman pensyarah dalam kalangan mentor, yang berjaya membimbing menti mengekalkan perniagaan. iii. menyelidik kemahiran pensyarah dalam kalangan mentor, yang berjaya membimbing menti mengekalkan perniagaan. iv. menyelidik ilmu pengetahuan pensyarah dalam kalangan mentor, yang berjaya membimbing menti mengekalkan perniagaan. v. meneroka sumber inspirasi yang menjadikan pensyarah bersungguh-sungguh menjalankan tanggungjawab sebagai mentor.
Kriteria Audit 1	**Lokasi data-data mentah yang dikenalpasti menepati interpretasi kod/kategori**
	Catatan Auditor
	1) Transkripsi Temu Bual – Lampiran M ✓ **2) Laporan ATLAS.ti** **1) Personaliti (Fail 020101)** **2) Pengalaman (Fail 020102)** **3) Kemahiran (Fail 020103)** **4) Pengetahuan (Fail 020104)** **5) Inspirasi (Agama) (Fail 020105)** Dapat memasukan - data-data ditemui di lokasi yang dinyatakan
Tanda tangan dan cop	DR. MAZURA BINTI MANSOR Pensyarah Utama Jabatan Perdagangan Politeknik Sultan Idris Shah 17/11/2023

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.21

Borang jejak audit 02 (inferens untuk kod / kategori – lampiran O2)

BORANG JEJAK AUDIT AUDITOR 2

Nombor Folio	**02**
Objektif Kajian	i. meneroka personaliti pensyarah dalam kalangan mentor, yang berjaya membimbing menti mengekalkan perniagaan. ii. menyelidik pengalaman pensyarah dalam kalangan mentor, yang berjaya membimbing menti mengekalkan perniagaan. iii. menyelidik kemahiran pensyarah dalam kalangan mentor, yang berjaya membimbing menti mengekalkan perniagaan. iv. menyelidik ilmu pengetahuan pensyarah dalam kalangan mentor, yang berjaya membimbing menti mengekalkan perniagaan. v. meneroka sumber inspirasi yang menjadikan pensyarah bersungguh-sungguh menjalankan tanggungjawab sebagai mentor.
Kriteria Audit 2	**Inferens untuk kod/kategori dihasilkan secara logik**
	Catatan Auditor
	1) Personaliti (LR) - (Fail 0202) **2) Pengalaman (LR) – (Fail 0202)** **3) Kemahiran (LR) - (Fail 0202)** **4) Pengetahuan (LR) - (Fail 0202)** **5) Pegangan agama (LR) - (Fail 0202)** } Semua inferens telah dihasilkan secara logik
Tanda tangan dan cop	DR. MAZURA BINTI MANSOR Pensyarah Utama Jabatan Perdagangan Politeknik Sultan Idris Shah 17/11/2023

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.22

Borang jejak audit 03 (tema-tema yang dikenalpasti-Lampiran O3)

BORANG JEJAK AUDIT AUDITOR 3

Nombor Folio	**02**
Objektif Kajian	i. meneroka personaliti pensyarah dalam kalangan mentor, yang berjaya membimbing menti mengekalkan perniagaan. ii. menyelidik pengalaman pensyarah dalam kalangan mentor, yang berjaya membimbing menti mengekalkan perniagaan. iii. menyelidik kemahiran pensyarah dalam kalangan mentor, yang berjaya membimbing menti mengekalkan perniagaan. iv. menyelidik ilmu pengetahuan pensyarah dalam kalangan mentor, yang berjaya membimbing menti mengekalkan perniagaan. v. meneroka sumber inspirasi yang menjadikan pensyarah bersungguh-sungguh menjalankan tanggungjawab sebagai mentor.
Kriteria Audit 3	**Tema-tema yang dikenalpasti sesuai dengan hubungan antara kategori**
	Catatan Auditor
	1) Personaliti - (Fail 020301) ✓ **2) Pengalaman - (Fail 020302)** ✓ **3) Kemahiran - (Fail 020303)** ✓ **4) Pengetahuan - (Fail 020304)** ✓ **5) Nilai agama - (Fail 020305)** ✓ } Memadai
Tanda tangan dan cop	DR. MAZURA BINTI MANSOR Pensyarah Utama Jabatan Perdagangan Politeknik Sultan Idris Shah 17/11/2023

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.2.3 Kebolehpercayaan Antara Penilai *(Inter-rater Reliability)*

Penilaian rakan (*peer review*) merupakan kaedah penting bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan penyelidikan kualitatif (Creswell & Creswell, 2023; Othman Lebar, 2022). Ia berperanan mencabar andaian penyelidik, memberi sokongan kritis, dan mengemukakan soalan mendalam terhadap interpretasi dapatan (Zanaton Ikhsan, Effendi Zakaria & Md Yusoff Daud, 2014). Dalam kajian ini, penilai dipilih secara berhati-hati daripada kalangan pakar yang berpengetahuan dan berpengalaman dalam keusahawanan serta metodologi kualitatif, termasuk analisis data dan tinjauan literatur. **Jadual 3.14** menunjukkan profil penilai terlibat, manakala surat lantikan rasmi disertakan dalam Lampiran P.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.14

Senarai penilai yang terlibat di dalam proses penilaian kebolehpercayaan antara penilai (IRR)

Bil.	Institusi	Kepakaran
1	Institusi	UTEM, USIM, UPSI
2	Kepakaran	Keusahawanan, Keusahawanan Islam dan pementoran usahawan.
3	Pengalaman dalam bidang kepakaran	Melebihi 10 tahun
4	Kelulusan akademik	Ijazah Doktor Falsafah (PhD)
5	Kelayakan tambahan	Diploma Latihan Kemahiran Malaysia (DLKM) Peringkat 5
6	Jawatan	Pengurusan Pusat Keusahawanan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penilaian adalah dijalankan menggunakan borang penilaian antara penilai (IRR) seperti di Lampiran N. **Rajah 3.23** adalah contoh elemen yang terdapat dalam Lampiran N. Lampiran N juga mengandungi kamus tema yang di bawa semasa sesi temu bual bersama pakar.

Rajah 3.23

Sebahagian Elemen Lampiran N

RQ1: Bagaimanakah personaliti pensyarah sebagai mentor usahawan, menyumbang kepada pengekalan perniagaan menti?

Personaliti (Altruisme, *Enthusiasm*, Harmonisme)
Pengekodan kebolehpercayaan antara penilai (*inter-rater reliability coding*)
Pilih (/) jika bersetuju dengan pernyataan dan pilih (X) jika tidak bersetuju.
Penerangan:
Personaliti
Teori personaliti yang dirujuk adalah Personaliti Lima Utama iaitu kestabilan emosi, ekstraversi, keterbukaan, keserasian dan kesedaran (ketelitian). Penyelidik meneroka personaliti informan berasaskan kepada teori ini.
1) Altruisme
Pamungkas dan Muslikah (2019), menyatakan terdapat 10 ciri-ciri tingkah laku altruisme iaitu empati, kepercayaan, tanggungjawab, lokus kawalan diri, egosentrisme yang rendah, kerjasama, berkongsi, membantu, berkorban (menderma) dan kejujuran.

Kod terbuka (petikan-secara rawak)	Kod	Tema	Penilaian		Catatan
			/	X	
KESTABILAN EMOSI					
Pelajar ada masalah pendengaran. Mula-mula *transfer* kena ngajar masa tu kita nampak perjalanan tu amat sukar, bila kita hantar nak LI ke mana, tu sukar. Semenjak saya nampak *aaa severe*, saya nampak *severe* tu, saya dah rasa, *parents*, macamana keadaan *parents* yang anak *severe* autisme yang tak boleh verbal, yang tak boleh bercakap, macamana nak uruskan. Saya nampak, saya terdetik. Kemudian datang *parents* dengan mengadu, yang *parents* yang *denial* anak dia, ada jugak. Dia denial. Ada yang ketika datang tu, dia cakap, *uuuii tak, anak saya normal*. Mak menangis, sebab apa, ayah tak boleh terima anak dia. Saya kata, puan anak puan ada masa depan. Saya pun kata, tak berjaya besar pun *at least* dia boleh sara hidup dia. *aa*.. itu yang saya nak, saya kata. (P1) Sebenarnya macam ni, saya ni *aaa* macam pelajar saya. Saya bermula daripada sijil juga. Sekarang ni dalam keadaan ekonomi macam ni dan sebab dia orang susah dia B40, memang *aa* dia penerima zakat. Saya menangis. Saya menangis masa sem tiga tu. Bila jumpa saya. (P2) *Ermm* saya rasa *err* untuk Kolej Komuniti lah, sebab budak yang datang dekat Kolej Komuniti ni *aa special*. Sebab diorang *aa* akademiknya kurang. Kan? Dia orang memang perlukan *skill*. Dan saya tak nak sebab Kolej Komuniti kan dengan sijil saya tak nak diorang rasa rendah diri sebenarnya. *Aa diorang pun* boleh berjaya juga cuma laluan tu agak jauh nak sampai. Tapi insya-Allah boleh sampai. (P2)	Empati_ Memahami	ALTRUISME			

Melalui proses ini, penyelidik dapat memperbaiki sebarang kekurangan atau kesilapan yang timbul semasa proses penyelidikan dijalankan. Ulasan serta pandangan daripada penilai-penilai juga sentiasa diambil kira sepanjang proses penganalisisan data penyelidikan dilakukan. Dalam masa yang sama, perbincangan bersama penyelia tetap dilakukan dari semasa ke semasa bagi memastikan setiap prosedur penyelidikan sentiasa dipatuhi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i) Indeks Persetujuan Koefisien *Cohen's Kappa*

Analisis *Cohen's Kappa* digunakan dalam penyelidikan ini bagi mengukur kepercayaan dapatan penyelidikan. *Cohen's Kappa* (juga dikenali sebagai statistik *Kappa*) adalah ukuran kebolehpercayaan antara penilai yang digunakan dalam bidang statistik dan penyelidikan. Ia adalah kaedah yang digunakan secara meluas untuk menilai kadar persetujuan antara dua atau lebih penilai, yang memberi kod secara bebas atau mengkategorikan satu set item, seperti dokumen teks, imej, atau rekod. Statistik *Kappa* berkisar antara 0 hingga 1, dengan nilai hampir 1 menunjukkan persetujuan yang kuat dan nilai hampir sempurna, manakala nilai yang menghampiri 0 menunjukkan sedikit atau tiada persetujuan antara responden. **Jadual 3.15** menunjukkan skala interpretasi koefisien *Cohen's Kappa* yang digunakan dalam penyelidikan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.15

Skala persetujuan Cohen's Kappa

Nilai *Kappa*	Skala Persetujuan
Bawah 0.00	Sangat lemah
0.00 – 0.20	Lemah
0.21 – 0.40	Sederhana lemah
0.41 – 0.60	Sederhana
0.61 – 0.80	Baik
0.81 – 1.00	Sangat baik

Sumber: Mannogaran dan Nor Azwahanum (2023) dan Lamdis dan Kosh (1977) di dalam Nur Ain Elzira (2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.2.4 Jejak Audit

Jejak audit adalah merupakan satu kaedah yang boleh digunakan bagi memastikan dapatan penyelidikan adalah tekal (Othman Lebar, 2022) dimana ianya memerlukan penyelidik menjelaskan dengan terperinci bagaimana data dikumpulkan, dikaegorikan serta bagaimana keputusan diambil sepanjang penyelidikan dijalankan. Lampiran O adalah dokumen jejak audit bagi penyelidikan ini yang telah diaudit oleh seorang juruaudit bertauliah bagi persijilan Agensi Kelayakan Malaysia *(MQA)*, juga merupakan pensyarah utama (DH54) di sebuah Politeknik, Malaysia dan berpengalaman luas dalam bidang pengauditan termasuk merupakan Panel Kesepakaran Kriteria Kecemerlangan Kenaikan Pangkat bagi Pegawai Perkhidmatan Pengajian Tinggi (PPPT) skim DH yang memerlukan pengauditan fail bagi setiap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan. Lima kriteria audit yang diaudit adalah i) lokasi data-data mentah yang dikenalpasti menepati interpretasi kod / kategori (borang jejak audit 1 – lampiran O1), ii) inferens untuk kod / kategori dihasilkan secara logik (borang jejak audit 2 – lampiran O2), iii) tema-tema yang dikenalpasti sesuai dengan hubungan antara kategori (borang jejak audit 3 – lampiran O3), iv) proses inkuiri atau ubahsuaian metodologi yang digunakan adalah betul dan strategi yang digunakan untuk menentukan kredibiliti penyelidikan adalah betul (borang jejak audit 4 – lampiran O4) v) Kawalan bias penyelidik dilakukan dengan betul (borang jejak audit 5 – lampiran O5). **Rajah 3.20, 3.21** dan **3.22** di muka surat 196-198 adalah merujuk kepada Lampiran O1-O3, manakala **Rajah 3.24** dan **3.25** yang berikut adalah merujuk kepada lampiran O4 dan O5.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.24

Borang jejak audit 04 (proses inkuiri atau ubahsuaian metodologi yang digunakan)

BORANG JEJAK AUDIT AUDITOR 4

Nombor Folio	**01 & 02**	
Objektif Kajian	**KESELURUHAN PROSEDUR**	
Kriteria Audit 4	**Proses inkuiri atau ubahsuaian metodologi yang digunakan adalah betul dan Strategi yang digunakan untuk menentukan kredibiliti kajian adalah betul**	
	Catatan Auditor	
	1) Kredibiliti penyelidikan i) Protokol temu bual telah disahkan oleh 4 pakar dan mempunyai nilai Cohen's Kappa 1.00 - Lampiran A a) Dua orang pakar kandungan (akademik) ✓ b) Seorang pakar kandungan (industri) ✓ c) Seorang pakar metodologi kaedah kualitatif ✓	**Fail 01_ Lampiran A, B, C, D.**
	ii) Triangulasi a) Analisa Dokumen MEA 2021 b) *Member check (transkripsi)* - Lampiran M ✓ c) Catatan nota lapangan - Lampiran R ✓	**Fail 01_ Lampiran M & R dan Dokumen Finalist Mentor MEA 2021** https://bit.ly/MEA2021_
	iii) *Bracketing* – Lampiran L ✓	**Fail 01_ Lampiran L**
	2) Kebolehpercayaan dapatan penyelidikan i) Protokol temu bual telah disahkan oleh 4 pakar dan mempunyai nilai Cohen's Kappa 1.00 ✓	**Fail 01_ Lampiran A, B, C, D.**
	ii) *Code-recode* proses ✓	**Fail 0203**
	iii) *IRR* oleh pakar bidang terhadap tema yang ditemui a) Dua orang pakar bidang Keusahawanan Islam ✓ b) Seorang pakar bidang Keusahawanan ✓	**Fail 01_Lampiran N, P, S**
	3) Kebolehpindaan dapatan penyelidikan i) Persampelan bertujuan- Lampiran G ✓	**Fail 01_Lampiran G &** Trajektori Gemilang Anugerah Keusahawanan Kementerian Pengajian Tinggi: Rakaman Keunggulan Inovasi Keusahawanan (Kementerian Pengajian Tinggi 2022a).
	ii) Penerangan terperinci	**Penulisan bab 5 di dalam tesis** ✓
	iii) *IRR* pakar luaran (selain PolyCC) - Pakar pementoran usahawan di IPTA – finalis Mentor Keusahawanan Terbaik AKKPT 2021 – Pensyarah Coventry University UK yang sebelum ini berkhidmat di UIA. ✓	**Fail 01_Lampiran P, T, U.** ✓
Tanda tangan dan cop	DR. MAZURA BINTI MANSOR Pensyarah Utama Jabatan Perdagangan Politeknik Sultan Idris Shah 17/11/2023	Proses inkuiri dan strategi yang digunakan adalah betul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.25

Borang jejak audit 05 (kawalan bias penyelidik)

BORANG JEJAK AUDIT AUDITOR 5

Nombor Folio	**01 & 02**
Objektif Kajian	**KESELURUHAN PROSEDUR**
Kriteria Audit 5	**Kawalan bias penyelidik dilakukan dengan betul**
	Catatan Auditor
	1) Penyelidik memilih kaedah persampelan bertujuan variasi maksimum heterogen *(Maximum Variation (Heterogeneity) Purposive Sampling)* iaitu sampel yang dipilih adalah sampel yang terbaik dalam kalangan sampel penyelidikan bertujuan untuk menyediakan pelbagai kes yang berkaitan dengan fenomena atau peristiwa yang sedang diselidik. (Lampiran G) ✓ 2) Penyelidik menggunakan teknik pengumpulan data meliputi temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen dengan betul dan secara sistematis. (Lampiran A - U) ✓ 3) Triangulasi: Untuk meningkatkan kesahan kajian, penyelidik telah menggunakan triangulasi, iaitu menggunakan beberapa kaedah untuk mengumpul data iaitu pemerhatian dan analisis dokumen MEA 2021 untuk mengkonfirmasi hasil temu bual. (Lampiran M) ✓ 4) Kesahan kriteria *(criteria validity)*: Penyelidik telah menjalankan proses *inter rater reliability (IRR)* dalam kalangan pensyarah universiti yang mempunyai kepakaran di dalam bidang keusahawanan. (Lampiran P)✓ 5) Kesahan dalam *(internal validity)*: Penyelidik telah melaksanakan kesahan kriteria dalaman dengan menggunakan teknik *member check*. (Lampiran M) ✓ Kesahan keseluruhan *(overall validity)*:Dapatan kajian secara keseluruhannya diperoleh dengan baik, bermula dengan pemilihan responden yang berkualiti, teknik pengumpulan data yang sesuai, proses triangulasi dan *inter rater reliability (IRR)* yang telus. ✓ Kawalan bias telah dilakukan dengan betul.
Tanda tangan dan cop	DR. MAZURA BINTI MANSOR Pensyarah Utama Jabatan Perdagangan Politeknik Sultan Idris Shah 17/11/2023

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.3 Kesahan Luaran (Kebolehpindahan) Penyelidikan

Kebolehpindahan dalam penyelidikan kualitatif merujuk kepada kemampuan dapatan penyelidikan untuk diguna pakai oleh pihak lain (Saunders et al., 2019; Merriam & Tisdell, 2016; Merriam & Grenier, 2018). Kesahan luaran penyelidikan adalah berkaitan dengan kecenderungan dapatan penyelidikan sama ada ia mampu diaplikasikan dan menjelaskan situasi atau keadaan lain. Di dalam penyelidikan ini, kesahan luar dilaksanakan menggunakan kaedah i) konsultansi bersama pakar ii) penerangan dapatan secara terperinci iii) persampelan bertujuan.

3.6.3.1 Konsultansi Bersama Pakar

Konsultansi dengan pakar dalam bidang berkaitan merupakan langkah penting dalam menilai kebolehpindahan hasil penyelidikan yang melibatkan pembangunan dan penggunaan kaedah untuk menilai kebolehpindahan dapatan dari satu konteks kepada yang lain (Saccardo et al., 2023). Kaedah ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan antara konteks penyelidikan dan konteks yang sepatutnya dapatan penyelidikan diaplikasikan iaitu termasuk menilai pelaksanaan elemen, kumpulan sasaran yang boleh menggunakan elemen, dan penetapan elemen (Ansgar & Rieke, 2019). Konsultansi bersama pakar dalam bidang yang berkaitan merupakan prosedur yang digunakan untuk menilai kebolehpindahan hasil sesuatu penyelidikan (Saccardo et al., 2023; Kim & Neuman, 2021; Ansgar & Rieke, 2019; Renaud et al. 2019; Gil, Piva, & Irrgang, 2018; Fitzpatrick, Lamb, & Mengersen, 2016; Stewart, Slater, & Maruszczak, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di dalam penyelidikan ini, prosedur penilaian kebolehpindaan adalah diadaptasi daripada Kim dan Neuman (2021) yang membangunkan prosedur penilaian kebolehpindaan untuk mengukur sejauh mana sesuatu pengetahuan, kemahiran, atau intervensi dapat dipindahkan ke konteks baharu. Prosedur ini melibatkan beberapa dimensi utama, termasuk:

1. Kesamaan Konteks – Menilai sejauh mana persekitaran asal dan baharu mempunyai persamaan dari segi budaya, sumber, dan keperluan.
2. Adaptasi dan Pengubahsuaian – Mengenal pasti perubahan yang diperlukan untuk menyesuaikan elemen kepada konteks baharu.
3. Keberkesanan dalam Persekitaran Baharu – Menguji sama ada hasil yang diperoleh dalam konteks asal masih boleh dicapai dalam konteks lain.
4. Penerimaan Pengguna – Mengukur tahap kesediaan dan penerimaan pihak berkepentingan terhadap aplikasi pengetahuan atau intervensi yang dipindahkan.
5. Sumber dan Sokongan – Menilai keperluan sokongan tambahan, termasuk latihan dan bimbingan, bagi memastikan kejayaan pemindahan.

Berikut merupakan langkah-langkah prosedur penilaian kebolehpindaan yang telah diadaptasi daripada Kim dan Neuman (2021) dan diterapkan dalam penyelidikan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i) Mengenal Pasti Pakar yang Berkaitan

Dalam penyelidikan ini, seorang pakar yang berpengalaman lebih lima tahun dalam bidang pementoran (Mohd Ridhuan & Nurulrabihah, 2020) telah dilantik bagi menilai kebolehpindaan data. Beliau mempunyai kelayakan akademik tinggi serta rekod cemerlang dalam pementoran keusahawanan di IPT Malaysia, termasuk sebagai finalis Anugerah Mentor Keusahawanan Terbaik AKKPT 2021 (KPT, 2022a). Penilaian dijalankan secara atas talian kerana pakar kini berkhidmat di IPT, United Kingdom setelah pernah bertugas di UIA, Malaysia. Surat lantikan rasmi pakar ini disertakan dalam Lampiran P.

ii) Persediaan Sebelum Konsultansi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebelum sesi konsultansi, maklumat tentang penyelidikan telah disediakan, termasuk objektif, persoalan, metodologi, dapatan dan perincian yang berkaitan dengan konteks yang ditemui dalam penyelidikan. Soalan yang dibincangkan dengan pakar adalah adaptasi dari soalan konsultansi yang dibina oleh Kim dan Neuman (2021).

iii) Sesi Konsultansi

Ketika sesi konsultansi bersama dengan pakar, gambaran keseluruhan tentang penyelidikan ini dan tujuan untuk memindahkan hasil penyelidikan ke konteks baru dijelaskan oleh penyelidik. Perbezaan dan persamaan antara kedua-dua konteks tersebut diterangkan oleh penyelidik iaitu konteks skop tugas pensyarah PolyCC dan pensyarah IPT. Penilaian pakar juga adalah berdasarkan daripada pemerhatian beliau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhadap mentor-mentor usahawan di PolyCC dan IPTA. Sesi perbincangan secara mendalam mengenai kebolehpindaan dapatan dijalankan berjalan dalam tempoh satu jam secara atas talian.

iv) Mengemukakan Soalan dan Menerima Pandangan

Sebanyak empat soalan yang diadaptasi daripada Kim dan Newman (2021), telah dikemukakan kepada pakar mengenai penilaian mengenai kebolehpindahan hasil penyelidikan ini. Catatan mengenai pandangan dan cadangan pakar adalah dicatatkan seperti dalam Lampiran Q dan **Jadual 3.16** adalah hasil konsultansi dengan pakar mengenai faktor-faktor utama yang perlu diambil kira dalam memindahkan hasil penyelidikan dan bagaimana hasil penyelidikan ini boleh diterapkan dalam konteks baru (IPT) juga dilakukan pada peringkat ini.

Konsultasi dengan pakar dapat membantu memberikan pandangan yang berharga berdasarkan pengetahuan dan pengalaman pakar dalam bidang yang sedang diselidik. Proses ini membantu memastikan bahawa penyelidik telah menilai kebolehpindahan hasil penyelidikan secara teliti dan mendapat pandangan pakar untuk membuat rumusan terhadap dapatan penyelidikan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.16

Data penilaian kebolehpindahan bagi dapatan penyelidikan ini

Bil	Elemen	Soalan penilaian kebolehpindahan			
		S1: Adakah elemen ini sesuai diaplikasikan di IPTA/S selain PolyCC?	S2: Adakah pensyarah IPTA/S boleh memiliki elemen ini?	S3:Adakah perlu pelarasan bagi elemen ini jika ingin digunakan di IPTA/S?	S4: Adakah elemen ini memberi maklumat yang berguna dalam konteks IPTA/S selain PolyCC?
1	**Personaliti**				
	a) Altruisme	X	A	/	/
	b) *Enthuasism*	A	A	/	/
	c) Harmonisme	U	A	/	/
2	**Pengalaman**				
	a) Aplikasi	/	/	/	/
	b) Imitasi	U	U	U	U
	c) Adaptasi	/	/	/	/
3)	**Kemahiran**				
	a) Komunikasi	U	U	U	U
	b) Kenalpasti kekuatan dan kecenderungan keusahawanan menti				
	c) Jaringan perniagaan	U	U	U	U
	d) Teknik pemasaran terkini	/	/	/	/
4	**Pengetahuan**				
	a) Aplikasi	/	/	/	/
	b) Inisiatif	U	U	U	U
5	**Nilai Agama**				
	a) Taklif	A	A	A	A
	b) Itqan	A	A	A	A
	c) Ihsan	A	A	A	A
	d) Istiqamah	A	A	A	A

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penilaian kebolehpindahan dalam Jadual 3.16 menggunakan empat kod utama iaitu "/", "X", "A" dan "U". Simbol "/" menunjukkan elemen boleh diaplikasikan terus di IPTA/S, manakala "x" menandakan elemen tidak sesuai digunakan. Simbol "A" merujuk kepada elemen yang boleh diterapkan (adaptasi) dengan sedikit penyesuaian, manakala "U" menunjukkan elemen memerlukan pengubahsuaian besar bagi memastikan kesesuaian dengan konteks IPTA/S. Penjelasan kod ini memperlihatkan tahap kesesuaian serta kebolehpindahan setiap elemen secara lebih teliti.

3.6.3.2 Penerangan Dapatan Penyelidikan Secara Terperinci

Menurut Saunders et al., (2019), kebolehpindahan dapatan penyelidikan ditakrifkan sebagai keperluan untuk memberikan penerangan penuh dan terperinci tentang persoalan penyelidikan, reka bentuk, konteks, dapatan dan tafsiran yang terhasil dalam laporan sesuatu penyelidikan. Ini membolehkan penyelidik lain boleh mereka bentuk penyelidikan yang serupa untuk digunakan dalam suasana atau situasi penyelidikan yang berbeza (Saunders et al., 2019). Manakala menurut Othman Lebar (2022), penerangan dapatan penyelidikan secara terperinci membolehkan pembaca menentukan sejauh manakah rapatnya situasi diri dengan dapatan yang dilaporkan dalam penyelidikan. Ini bermakna kesahan dan kepercayaan penyelidikan kualitatif boleh diperolehi melalui penerangan dan penjelasan dapatan penyelidikan secara terperinci berdasarkan persoalan penyelidikan. Setiap dapatan temu bual yang diperolehi dihuraikan dan dijelaskan secara satu persatu berdasarkan tema yang diperolehi. Penerangan terhadap tema diperincikan secara mendalam dengan mengemukakan semua konstruk, serta subtema yang berkaitan dengan objektif penyelidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.3.3 Persampelan Bertujuan

Teknik persampelan bertujuan di dalam sesuatu penyelidikan adalah berdasarkan andaian Patton (2002) bahawa ianya melibatkan pertimbangan individu untuk memilih sampel berdasarkan pengetahuan penyelidik dan tujuan khusus penyelidikan yang ingin dijalankan. Dalam teknik persampelan bertujuan ini, penyelidik dengan sengaja memilih responden yang dianggap memiliki maklumat yang tepat dan penting untuk sesuatu penyelidikan yang dijalankan yang bertujuan untuk mendapatkan sampel yang mewakili ciri-ciri atau sifat yang spesifik yang menjadi fokus sesuatu penyelidikan (Creswell & Creswell, 2023; Saunders et. al., 2019; Merriam & Grenier, 2018; Merriam & Tisdell, 2016). Pemilihan teknik ini amat menepati tujuan dan objektif penyelidikan, iaitu menyelidiki amalan dan gaya bimbingan mentor usahawan yang akan mengeluarkan karakter, personaliti, nilai dan kompetensi seorang mentor.

Mentor yang terpilih adalah mentor yang terbaik dalam kalangan mentor-mentor usahawan PolyCC iaitu memenuhi kriteria persampelan bertujuan yang meningkatkan kebolehpindahan dapatan penyelidikan kepada konteks selain pensyarah PolyCC kerana kaedah persampelan ini dikaitkan dengan pengumpulan data yang kaya dan mendalam dengan fokus kepada kelompok pensyarah yang dianggap memiliki personaliti, pengalaman, kemahiran, nilai dan pengetahuan yang relevan dengan tujuan dan persoalan penyelidikan iaitu kompetensi mentor usahawan dalam kalangan ahli akademik. Tambahan pula, McMilan dan Schumacher (2006) di dalam Chikopela, Ngambi, Mandyata, dan Ndhlovu (2019) menjelaskan bahawa persampelan bertujuan adalah direka untuk kumpulan yang mempunyai maklumat yang mendalam mengenai topik yang ingin diselidik serta memenuhi ciri-ciri yang diperlukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Kredibiliti, Kebolehpercayaan dan Kebolehpindaan Dapatan

Di dalam penyelidikan ini, beberapa kaedah dijalankan dengan teliti bagi memastikan kredibiliti, kebolehpercayaan dan kebolehpindaan dapatan penyelidikan berada pada ketekalan yang tinggi. Bagi memastikan kredibiliti, penyelidik menggunakan kaedah triangulasi data serta semakan oleh responden utama *(member check)* untuk mengesahkan kesahihan dapatan. Kebolehpercayaan pula diperkukuhkan melalui dokumentasi yang sistematik meliputi prosedur pengumpulan, analisis dan interpretasi data supaya boleh diulang oleh penyelidik lain. Kebolehpindaan *(transferability)* dicapai dengan memberikan deskripsi terperinci tentang konteks kajian, ciri responden serta mendapatkan khidmat konsultansi pakar. Dengan langkah-langkah ini, dapatan penyelidikan dapat diyakini dan berpotensi digunakan sebagai rujukan dalam konteks yang hampir sama di institusi lain. **Rajah 3.26** adalah proses kredibiliti, kebolehpercayaan dan kebolehpindaan bagi dapatan penyelidikan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.26

Proses kredibiliti, kebolehpercayaan dan kebolehpindaan bagi penyelidikan ini.

Kredibiliti penyelidikan

i) *IRR* pakar bagi Protokol Temu Bual - Lampiran A, B, dan C
   a) Dua orang pakar kandungan (akademik)
   b) Seorang pakar kandungan (industri)
   c) Seorang pakar metodologi kaedah kualitatif (akademik)

ii) Triangulasi
   a) Analisis Dokumen MEA 2021 - Lampiran X1 dan X2
   b) *Member check* (transkripsi) - Lampiran M
   c) Catatan nota lapangan - Lampiran J

iii) *Bracketing* - Lampiran L

Kebolehpercayaan dapatan penyelidikan

i) Protokol temu bual - Lampiran A dan D

ii) *Code-recode* proses - Lampiran O

iii) *IRR* oleh pakar bidang terhadap tema yang ditemui - Lampiran P
   a) Dua orang pakar bidang Keusahawanan Islam
   b) Seorang pakar bidang Keusahawanan

iv) Jejak audit - Lampiran O

Kebolehpindaan dapatan penyelidikan

i) Persampelan bertujuan - Lampiran F

ii) Penerangan terperinci

iii) Konsultansi pakar - Lampiran P, Q dan T.
Pakar pementoran usahawan dari Coventry University United Kingdom (UK).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8 Etika Penyelidikan

Etika penyelidikan adalah berkaitan prinsip-prinsip umum yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan semasa merancang dan menjalankan penyelidikan. Prinsip utama yang perlu diberi perhatian adalah soal perhubungan di antara penyelidik dengan responden penyelidikan (Othman Lebar, 2022; Saunders et al, 2019; Merriam & Tisdell, 2016). Penyelidikan ini adalah berteraskan kepada prinsip keterbukaan, kepercayaan dan melindungi kepentingan dan identiti responden penyelidikan bagi mengelakkan sebarang kemungkinan atau risiko yang tidak dikehendaki. Berikut adalah antara pinsip etika yang digunakan dalam penyelidikan ini.

1) Menghadiri kursus etika penyelidikan (Lampiran R).
2) Mengemukakan permohonan dan kelulusan daripada Etika Penyelidikan Manusia melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), UPSI.
3) Membuat permohonan kebenaran penyelidikan (Lampiran E2) ke JPPKK.
4) Mengisi borang permohonan kebenaran untuk melibatkan pensyarah PolyCC daripada Bahagian Penyelidikan dan Inovasi JPPKK (Lampiran E2) melalui portal SYRi.
5) Mengemukakan surat permohonan dan pemakluman yang dihantar terlebih dahulu melalu email (Lampiran G) kepada pihak pengurusan PolyCC.
6) Responden penyelidikan diberi kebebasan untuk memutuskan sama ada mahu terlibat atau tidak dalam penyelidikan ini (Lampiran H1 dan H2).
7) Penyertaan mereka adalah tidak wajib dan mereka berhak untuk mengundur diri dari penyelidikan pada bila-bila masa dengan sebab-sebab tertentu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

8) Responden diberi dokumen bagi menjelaskan tujuan, kegunaan, kaedah dan jangkaan faedah penyelidikan yang dijalankan ini (Lampiran I).
9) Kerahsiaan sumber maklumat dijaga dengan baik.
10) Responden diberi peluang untuk meneliti tema temu bual untuk mengesahkan ketepatan maklumat (Lampiran M). Setiap responden menerima transkripsi temu bual, borang penilaiaan persetujuan tema dan kamus tema.
11) Maklumat hanya digunakan setelah mendapat kebenaran daripada responden penyelidikan.
12) Responden mempunyai hak untuk membantah sekiranya mereka tidak bersetuju dengan interpretasi data penyelidikan.
13) Semua maklumat responden adalah dirahsiakan dan tidak akan didedahkan identiti mereka dalam laporan akhir penyelidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebagai rumusannya, satu penyelidikan wajib mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi bagi menghasilkan penyelidikan yang berkualiti. Namun begitu, untuk memastikan bahawa penyelidikan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang diingini adalah sesuatu yang amat mencabar. Penyelidik perlu berusaha sedaya upaya untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan penyelidikan berdasarkan kaedah-kaedah tertentu. Ini bagi mengelakkan daripada penafsiran yang bias.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9 Penulisan Dapatan

Menurut Merriam dan Tisdell (2016) dan Bednall (2016), tiada cara penulisan standard bagi mempersembahkan dapatan penyelidikan kualitatif. Memandangkan sifat data penyelidikan kualitatif yang subjektif, interpretif, deskriptif, holistik dan kuantiti yang banyak (Creswell & Creswell, 2023; Merriam & Tisdell, 2016), ianya menyebabkan proses penyelidikan dan penulisan penyelidikan kualitatif menjadi agak kompleks. Kompleksiti juga disebabkan kerana bermulanya pengutipan data, maka penganalisisan dan interpretasi data juga perlu berjalan serentak (Merriam & Tisdell, 2016).

Dapatan penyelidikan ini dipersembahkan di dalam bab 4 dengan penerangan terus terang (Saunders et al., 2019), fokus kepada objektif penyelidikan (Creswell & Creswell, 2023; Saunders et al., 2019; Merriam & Tisdell 2016; Bednall, 2016) dan berbentuk ayat naratif yang menyatakan petikan kata-kata responden (Creswell & Creswell, 2023; Saunders et al., 2019; Merriam & Tisdell 2016). Langkah-langkah yang dilakukan untuk penulisan dapatan, termasuk mengorganisasi dapatan berdasarkan tema dan subtema yang muncul, menyusun laporan dengan struktur yang sesuai, menyusun sub-bab yang menjelaskan perkara yang berkaitan, menyediakan sokongan kepada dapatan dengan petikan atau contoh yang relevan. Interpretasi dan analisis tambahan terhadap dapatan agar selari dengan objektif dan persoalan penyelidikan ini dibuat dalam bahagian perbincangan dan kesimpulan (Saunders et al, 2019) iaitu bab 5.

Penulisan laporan penyelidikan yang mengikuti struktur dan format standard universiti merupakan langkah penting untuk memastikan bahawa dapatan penyelidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

disampaikan dengan jelas, padu, dan mudah difahami oleh pembaca. Dalam bahagian dapatan dan analisis, data penyelidikan disajikan secara terperinci mengikut jadual, dan carta untuk memastikan kejelasan dan visual yang optimum. Analisis dapatan tidak hanya memberikan interpretasi asas, tetapi juga menghubungkan hasil dengan soalan penyelidikan, memberi makna mendalam, dan menganalisis implikasi yang relevan. Kemudian, bab kesimpulan adalah merumuskan dapatan penyelidikan secara ringkas dan menyediakan jawapan terhadap soalan penyelidikan. Setiap langkah diambil untuk memastikan kejelasan, ketelitian, dan relevansi dapatan penyelidikan bagi memberi pemahaman yang mendalam kepada pembaca.

3.10 Rumusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini menerangkan mengenai model bawang penyelidikan yang berkaitan dengan falsafah penyelidikan, pendekatan penyelidikan, strategi penyelidikan, pilihan penyelidikan, jangka masa penyelidikan, dan teknik serta prosedur penyelidikan. Beberapa kaedah penyelidikan seperti temu bual separa berstruktur, analisis dokumen, dan soal selidik (hanya untuk faktor utama pengesahan data) telah dibincangkan. Strategi penyelidikan yang berbeza dan rasional untuk memilih pendekatan fenomenologi dalam penyelidikan ini juga telah dijelaskan. Penyelidikan ini menggunakan kaedah pelbagai-kualitatif bagi pengumpulan data, termasuk temu bual bersemuka separa berstruktur, analisis dokumen, analisis konsistensi gerak tubuh dengan maklumat yang diberikan oleh responden, dan soal selidik. Kaedah persampelan yang digunakan dalam penyelidikan ini juga telah dijelaskan. Di samping itu, bab ini juga menyediakan gambaran keseluruhan proses analisis data kualitatif,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang dijalankan. Lampiran O adalah dokumen jejak audit bagi keseluruhan proses pengumpulan data. Akhirnya, bab ini membincangkan kualiti penyelidikan (kebolehpercayaan), kesahan dan kredibiliti data untuk memastikan penyelidikan ini dijalankan dengan teliti untuk mendapatkan data yang boleh dipercayai dan konsisten.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

BAB 4

DAPATAN PENYELIDIKAN

4.1 Pendahuluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini mengemukakan dapatan penyelidikan berdasarkan kepada objektif dan persoalan penyelidikan melalui analisis transkripsi temu bual, analisis dokumen MEA 2021 dan catatan lapangan semasa sesi temu bual. Penyelidikan ini bertujuan untuk meneroka bagaimana personaliti, pengalaman, kemahiran, ilmu pengetahuan dan sumber inspirasi yang digunakan oleh pensyarah dalam menjalankan tanggungjawab sebagai mentor usahawan, yang telah berjaya membimbing pelajar (menti) dalam usaha mengekalkan perniagaan mereka. Bab ini memberikan huraian terperinci mengenai dapatan penyelidikan dan memberi maklumat yang bernilai dalam pemahaman mengenai kompetensi pensyarah sebagai mentor usahawan, di mana mereka telah berjaya membimbing menti dalam perjalanan keusahawanan di PolyCC seterusnya mengekalkan perniagaan mereka setelah bergraduasi. Fokus huraian dapatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyelidikan ini adalah kepada analisis dapatan yang didasari oleh enam persoalan penyelidikan seperti yang berikut.

1) Bagaimanakah personaliti pensyarah sebagai mentor usahawan, menyumbang kepada kelestarian perniagaan menti?
2) Bagaimanakah pensyarah menggunakan pengalaman berniaga dalam pementoran usahawan pemula bagi menyumbang kepada kelestarian perniagaan menti?
3) Bagaimanakah pensyarah menggunakan kemahiran dalam pementoran usahawan pemula bagi menyumbang kepada kelestarian perniagaan menti?
4) Bagaimanakah pensyarah menggunakan pengetahuan dalam pementoran usahawan pemula bagi menyumbang kepada kelestarian perniagaan menti?
5) Bagaimanakah pensyarah menggunakan psikospiritual Islam, semasa pementoran usahawan pemula bagi menyumbang kepada kelestarian perniagaan menti?
6) Apakah kerangka model kompetensi mentor usahawan pemula dalam kalangan pensyarah?

Dapatan penyelidikan dibincangkan mengikut kronologi penomboran persoalan penyelidikan di atas. Data dianalisis dalam bentuk deskriptif dan setiap dapatan dihuraikan dengan jelas dan menyeluruh agar dapat menggambarkan dan memahami fenomena pementoran usahawan pemula oleh pensyarah akademik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Analisis Demografi Responden Dan Informan

Bab ini dimulai dengan analisis demografi responden yang terlibat di dalam penyelidikan ini. Di dalam penyelidikan ini, penyelidik telah menjalankan sesi temu bual terhadap tujuh responden dan tiga informan. Responden adalah peserta penyelidikan yang memberi maklumat utama manakala informan adalah peserta yang memberikan maklumat mengenai responden melalui proses triangulasi (Nor Aishah Buang, 2023; Miles, Huberman & Saldaña,2014; Bogdan & Biklen 2007)). Dalam penyelidikan ini responden adalah pensyarah yang menjadi mentor usahawan manakala informan adalah pelajar yang memberikan maklumat mengenai responden iaitu merupakan menti kepada pensyarah.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Analisis latar belakang demografi responden dan informan dilakukan untuk mendapatkan gambaran yang jelas mengenai sampel penyelidikan ini iaitu berkaitan bidang pendidikan, tempoh perkhidmatan, jawatan, bilangan menti dan pemilikan sijil kompetensi atau sijil profesional keusahawanan. Daripada analisis profil demografik responden, secara umumnya, didapati bahawa empat responden dan satu informan adalah berkelulusan akademik dalam bidang perniagaan manakala tiga responden dan satu informan adalah bukan daripada bidang perniagaan.

Dalam penyelidikan ini, terdapat dua kategori peserta iaitu responden utama (pensyarah mentor) dan informan sokongan (pelajar menti bagi tujuan triangulasi). Seramai tiga orang pensyarah (responden) dan seorang menti (informan) telah dipilih daripada Politeknik. Manakala daripada Kolej Komuniti (KK), seramai empat orang pensyarah (responden) dan dua orang menti (informan) terlibat. Oleh itu, secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keseluruhan terdapat tujuh orang responden (pensyarah mentor) dan empat orang informan (pelajar menti) yang menjadi sumber data dalam penyelidikan ini. Tempoh perkhidmatan semua responden adalah melebihi 20 tahun dengan seorang responden melebihi 30 tahun.

Enam daripada responden merupakan pensyarah yang pernah dan sedang memegang jawatan sebagai Ketua Unit Keusahawanan di institusi mereka bertugas, manakala dua responden pernah dan sedang menjawat jawatan Ketua Program dan tiga informan adalah merupakan menti iaitu bekas pelajar yang masih meneruskan perniagaan sehingga kini walaupun sudah bergraduasi antara empat hingga sepuluh tahun.

Dalam penyelidikan ini, responden adalah pensyarah dalam kalangan 15 senarai akhir Anugerah Mentor Terbaik, AKPPT, 2021 dan 2018, manakala informan adalah menti kepada responden ini. Lima responden memiliki sijil kompetensi atau profesional keusahawanan, dan dua daripada pensyarah yang lainnya tidak memiliki kriteria ini seperti di dalam **Jadual 4.1**.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1

Latar Belakang Demografi Responden

Bil.	Kod	Bidang Akademik	Tempoh berkhidmat (tahun)	Jawatan	Bil. menti (orang)	Pemilikan sijil kompetensi / profesional keusahawanan
1	P1	Perhotelan dan Pelancongan	>30	Pensyarah dan Ketua Program KK	> 20	Tiada
2	P2	Perniagaan	>20	Ketua Program dan Ketua Unit Keusahawanan KK	>5-10<	Tiada
3	P3	Perbankan	>20	Pensyarah dan Ketua Unit Keusahawanan Politeknik	>10-20<	Ada
4	P4	Perniagaan	>20	Pensyarah dan Ketua Unit Keusahawanan Politeknik		Ada
5	P5	Perniagaan	>20	Pensyarah dan Ketua Unit Keusahawanan Politeknik	>20	Ada
6	P6	Perakaunan	>30	Pensyarah PolyCC	>20	Ada
7	P7	Perniagaan	>20	Pensyarah dan Ketua Unit Keusahawanan KK	>20	Ada

Manakala data demografik informan dalam penyelidikan ini, bagi tujuan triangulasi data pula adalah seperti di dalam **Jadual 4.2** berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2

Latar Belakang Demografi Informan

Informan	Kod	Bidang	Peringkat pengajian	Institusi	Mula berniaga (Semester)	Status perniagaan
8	I8	Perniagaan	Sijil	Kolej Komuniti	1	Aktif
9	I9	Perniagaan	Diploma	Politeknik	1	Aktif
10	I10	Kulinari	Sijil	Kolej Komuniti	1	Aktif

4.3 Kebolehpercayaan Dapatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, nilai *Inter-rater rate (IRR)* bagi penyelidikan ini, yang diukur menggunakan statistik *Cohen's Kappa*, adalah 0.99 mencerminkan tahap kebolehpercayaan yang sangat tinggi dalam proses penilaian yang dilakukan oleh penilai-penilai terhadap tema-tema dalam penyelidikan ini. Nilai ini menunjukkan bahawa terdapat persetujuan yang sangat dekat dengan persetujuan yang sempurna antara penilai-penilai. Nilai kebolehpercayaan antara penilai bagi setiap tema adalah adalah seperti di dalam **Jadual 4.3**.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3

Nilai antara penilai (IRR) berdasarkan nilai Cohen's Kappa

Bil	Tema		Nilai *(IRR)*
1	Personaliti		
	i)	Altruisme	0.99
	ii)	*Enthusiasm*	1.00
	iii)	Harmonisme	1.00
2	Pengalaman		
	i)	Aplikasi pengalaman sendiri	1.00
	ii)	Imitasi pengalaman usahawan lain	0.96
	iii)	Adaptasi mentor lain	1.00
3	Kemahiran		
	i)	Pementoran - Komunikasi	1.00
	ii)	Pementoran - Mengenal pasti kekuatan dan kecenderungan keusahawanan menti	1.00
	iii)	Perniagaan - Jaringan perniagaan	1.00
	iv)	Perniagaan – Teknologi digital	1.00
4	Pengetahuan Keusahawanan		
	i)	Teori - Kelulusan akademik	1.00
	ii)	Terkini, relevan dan praktikal - Inisiatif	1.00
5	Psikospiritual Islam		
	i)	*Taklif*	0.81
	ii)	*Ihsan*	1.00
	iii)	*Itqan*	1.00
	iv)	*Istiqamah*	1.00
	Nilai *IRR* keseluruhan		0.99

Sumber: Lampiran S Kiraan nilai Cohen's Kappa bagi setiap item TEMA

Dalam konteks penyelidikan ini, nilai ini menggambarkan bahawa penilai-penilai mempunyai tahap persetujuan yang sangat tinggi dalam memberikan penilaian terhadap tema yang telah ditetapkan. Dengan itu, hasil penilaian yang diberikan oleh penilai-penilai boleh dianggap sebagai sahih dan mempunyai tahap konsistensi yang tinggi. Keberadaan nilai kebolehpercayaan sebanyak 0.99 ini menunjukkan bahawa terdapat tahap kualiti yang tinggi dalam proses penilaian yang dilakukan. Nilai ini juga meningkatkan keyakinan terhadap kebolehpercayaan hasil penyelidikan ini, dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memberikan jaminan bahawa interpretasi dan kesimpulan yang terbit daripada hasil penilaian penilai-penilai boleh dipercayai sepenuhnya. Oleh itu, hasil penyelidikan ini membekalkan asas yang kukuh untuk merumuskan kesimpulan dan memberikan sumbangan yang signifikan dalam konteks yang lebih luas.

Bab ini membincangkan dapatan kualitatif yang diperolehi dalam penyelidikan berkenaan kompetensi pensyarah sebagai mentor usahawan pemula di IPT. Hasil penyelidikan yang telah dikenal pasti adalah elemen-elemen kompetensi yang terdiri daripada i) personaliti (altruisme, *enthusiasm* dan harmonisme) ii) pengalaman (pengalaman perniagaan dan pengalaman pementoran) iii) kemahiran (kemahiran pementoran dan kemahiran perniagaan) iv) pengetahuan keusahawanan (kelulusan akademik dan pembangunan diri) dan v) psikospiritual Islam (*taklif*, *ihsan, itqan,* dan *istiqamah*).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui analisis tematik kualitatif, hasil penyelidikan ini memberikan gambaran yang menyeluruh tentang sejauh mana kompetensi pensyarah dapat memainkan peranan penting sebagai mentor yang berkesan kepada usahawan pemula (pelajar) di IPT. Dapatan ini menggariskan bagaimana pensyarah boleh memberi sumbangan dalam membantu melahirkan usahawan pemula dalam membangunkan dan mengekalkan perniagaan mereka sekaligus membantu proses kemenjadian usahawan di IPT.

Dalam penyelidikan ini, pendekatan analisis tematik oleh Braun & Clarke (2006) digunakan. Data dianalisis secara sistematik melalui enam langkah utama: (i) membiasakan diri dengan data, (ii) menjana kod awal, (iii) mencari tema, (iv) mengkaji semula tema, (v) menamakan dan mentakrifkan tema, dan (vi) menyediakan laporan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akhir. **Jadual 4.4** menunjukkan ringkasan proses pengekodan yang membawa kepada pembentukan tema utama. Manakala **Rajah 4.1** adalah tema keseluruhan bagi dapatan penyelidikan ini.

Jadual 4.4

Jumlah dapatan kod

Elemen (Membiasakan dengan data)	Kod awal	Pengekodan bertema	Tema akhir
Personaliti	623	46	3
Pengalaman	50	13	3
Kemahiran	87	17	2
Pengetahuan	43	11	1
Psikospiritual Islam	379	217	4

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.1

Dapatan penyelidikan



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Persoalan Penyelidikan Pertama: Bagaimanakah Personaliti Pensyarah Sebagai Mentor Usahawan Menyumbang Kepada Kelestarian Perniagaan Menti?

Bagi menjawab persoalan penyelidikan yang pertama iaitu, bagaimanakah personaliti pensyarah sebagai mentor usahawan menyumbang kepada kelestarian perniagaan menti? Penyelidik memperolehi data melalui analisis temu bual, catatan lapangan dan analisis dokumen MEA 2021. **Jadual 4.5** yang berikut adalah antara soalan utama yang dikemukakan kepada responden mengenai personaliti semasa mereka melalui proses pementoran usahawan di PolyCC.

Jadual 4.5

Soalan sesi temu bual berkaitan elemen personaliti.

Soalan
1. Apa yang Dr/puan faham mengenai pementoran?
2. Melalui pengalaman Dr/puan, apa sifat peribadi Dr/puan yang puan rasa menjadi kekuatan dalam pementoran ini?
3. Apa personaliti yang orang lain cakap mengenai Dr/puan, yang menyebabkan pementoran ini berjaya?
4. Dr/puan ni sebenarnya, jenis yang macamana, yang boleh membantu membuatkan menti Dr/puan berjaya?
5. Apakah bahagian yang paling menggembirakan Dr/puan sepanjang proses pementoran?
6. Ada tak, bahagian yang menyedihkan Dr/puan sepanjang proses pementoran? Jika ada, apa?
7. Pernahkan Dr/puan menghadapi konflik? Jika pernah, bagaimana Dr/puan menanganinya?

Berdasarkan daripada analisis transkripsi temu bual, catatan lapangan, dokumen MEA 2021 dan proses triangulasi data kepada menti, didapati bahawa tema yang muncul bagi menjawab persoalan bagaimana personaliti memainkan peranan dalam proses pementoran adalah tingkah laku altruisme, *enthusiasm* (sangat bersemangat) dan harmonisme.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.1 Tema: Altruisme, *Enthusiasm* dan Harmonisme


Pada peringkat awal analisis, proses pengekodan bagi elemen personaliti melibatkan identifikasi dan pemetaan kod berdasarkan makna yang terdapat dalam data. Dalam fasa pengekodan awal, sebanyak 623 kod dikenal pasti daripada transkrip temu bual. Kod-kod ini kemudiannya dianalisis dan dikelompokkan berdasarkan pola dan persamaan, menghasilkan 268 kod yang lebih tersusun dan relevan. Seterusnya, kod-kod ini disusun menjadi kategori yang lebih spesifik, membawa kepada pembentukan enam kod utama yang mencerminkan aspek personaliti dalam proses pementoran. Proses analisis tematik ini membolehkan penyelidik mengenal pasti tiga tema utama yang menggambarkan ciri-ciri personaliti yang signifikan dalam pementoran keusahawanan, iaitu: i) Altruisme, ii) Enthusiasm, dan iii) Harmonisme. Dapatan ini dikaitkan dengan rangka kerja Personaliti Lima Utama (*Big Five Personality Traits*), yang membentuk aspek penting dalam diri responden serta memberikan sumbangan yang berharga dalam proses pementoran usahawan pemula di PolyCC. **Rajah 4.2** menunjukkan kod terpilih yang menerangkan elemen personaliti, manakala **Rajah 4.3** menggambarkan tema personaliti yang muncul daripada sesi temu bual. Dengan menerokai kod dan tema yang dipilih ini, laporan ini memberikan gambaran yang mendalam tentang cara personaliti responden boleh membentuk aspek kritikal dalam membimbing usahawan pemula. Analisis yang lebih terperinci bagi setiap tema personaliti, iaitu altruisme, *enthusiasm*, dan harmonisme, akan memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang ciri-ciri personaliti ini dalam konteks pembangunan keusahawanan di IPT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.2

Kod bagi komponen personaliti




05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.3

Tema bagi komponen personaliti



Jadual 4.6 menunjukkan tema yang terhasil daripada analisis dapatan temu bual bagi menjawab persoalan penyelidikan yang pertama. Tema ini diterangkan pada bahagian seterusnya.

Jadual 4.6

Tema berkaitan bagaimana personaliti pensyarah menyumbang kepada kelestarian perniagaan menti

Membiasakan dengan data (sebanyak mungkin)	Pengekodan awal (Kumpulkan mengikut kelompok kod)	Pencarian tema (kumpulan yang sama, yang lebih luas)	Penyemakan, penamaan dan definisi **TEMA**
Kestabilan Emosi (111 kod)	Sabar dan gigih Menyokong Merasai Mengawal situasi Menangani dengan tenang Memahami situasi menti Mengasihi/menyayangi Memikir apa orang kata Memberi keyakinan/motivasi	Pengorbanan Membantu Empati Empati Empati Empati Empati Kepercayaan diri Mempercayai menti	**ALTRUISME (keprihatinan tanpa kepentingan diri)**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Membiasakan dengan data (sebanyak mungkin)	Pengekodan awal (Kumpulkan mengikut kelompok kod)	Pencarian tema (kumpulan yang sama, yang lebih luas)	Penyemakan, penamaan dan definisi **TEMA**
Ekstraversi (297 kod)	Berani mencuba	Kepercayaan	**ALTRUISME *ENTHUSIASM* (bersemangat tinggi)**
	Tegas dan garang	Empati	
	Fikir orang kata	Percaya diri	
	Minat mendalam/seronok	Tanggungjawab	
	Buat sehabis baik	Tanggungjawab	
	Menanggung risiko	Pengorbanan	
	Bertenaga	Pengorbanan	
	Role model	Pengorbanan	
	Inisiatif sendiri	Pengorbanan	
	Berdedikasi	Pengorbanan	
	Berkorban masa	Pengorbanan	
	Berkorban tenaga	Pengorbanan	
	Berkorban kewangan	Pengorbanan	
	Dihargai	Pengorbanan	
	Inspirasi	Pengorbanan	
	Membangunkan/membawa	Membantu	
	Menggilap	Membantu	
	Memberi fokus	Membantu	
	Membimbing	Membantu	
	Penghargaan	Pengorbanan	
Keterbukaan (100 kod)	Optimis	Kepercayaan	**ALTRUISME *ENTHUSIASM***
	Beri peluang	Kepercayaan	
	Inovasi/peluang	Kepercayaan	
Keserasian (53 kod)	Bina keserasian	Kerjasama	**ALTRUISME HARMONISME (keharmonian dalam perhubungan)**
	Mendorong	Kerjasama	
	Kegembiraan	Kerjasama	
	Teruskan hubungan	Kerjasama	
	Penghargaan	Pengorbanan	
	Korban masa,tenaga, kewangan	Pengorbanan	
Ketelitian (62 kod)	Perancangan strategik	Tanggungjawab	**ALTRUISME**
	Memahami tugas mentor	Tanggungjawab	
	Tunaikan tanggungjawab	Tanggungjawab	
	Kemas/teratur (dokumentasi)	Tanggungjawab	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.2 Altruisme Dalam Kestabilan Emosi

Ciri kestabilan emosi merujuk kepada tahap kawalan emosi seseorang. Individu yang memiliki tahap kestabilan emosi yang tinggi cenderung lebih tenang, mampu mengawal reaksi terhadap tekanan, serta kurang terjejas oleh faktor yang boleh mengganggu kesejahteraan emosi mereka. Daripada temu bual, didapati bahawa responden mempunyai kestabilan emosi yang tinggi di mana mereka berupaya untuk mengekalkan kesabaran dan komitmen dalam membantu pelajar sebagai usahawan pemula walaupun menghadapi cabaran atau konflik. Dalam proses pementoran usahawan pemula, langkah pertama yang paling penting yang diambil oleh responden adalah mempunyai kesediaan untuk menerima dan menghargai kepelbagaian yang ada dalam kalangan menti. Responden P1 dan P2 mengakui bahawa pelajar yang datang ke PolyCC adalah dari latar belakang yang berbeza, seperti daripada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang dinyatakan oleh responden P1, daripada keluarga berstatus ekonomi B40 seperti kenyataan responden P2 dan P3, mempunyai tahap kecerdasan berbeza iaitu kenyataan responden P2, dan minat dalam perniagaan yang pelbagai seperti yang dinyatakan oleh responden P2.

> Pelajar ada masalah pendengaran. Mula-mula *transfer* kena ngajar masa tu kita nampak perjalanan tu amat sukar, bila kita hantar nak LI ke mana, tu sukar. Semenjak saya nampak *aaa severe*, saya nampak *severe* tu, saya dah rasa, *parents*, macamana keadaan *parents* yang anak *severe* autisme yang tak boleh verbal, yang tak boleh bercakap, macamana nak uruskan. Saya nampak, saya terdetik. Kemudian datang *parents* dengan mengadu, yang *parents* yang *denial* anak dia, ada jugak. Dia *denial*. Ada yang ketika datang tu, dia cakap, *uuuii* tak, anak saya normal. Mak menangis, sebab apa, ayah tak boleh terima anak dia. Saya kata, puan anak puan ada masa depan. Saya pun kata, tak berjaya besar pun *at least* dia boleh sara hidup dia. *aa*.. itu yang saya nak, saya kata.
>
> (P1)

> Sebenarnya macam ni, saya ni *aaa* macam pelajar saya. Saya bermula daripada sijil juga. Sekarang ni dalam keadaan ekonomi macam ni dan sebab dia orang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

susah dia B40, memang *aa* dia penerima zakat. Saya menangis. Saya menangis masa sem tiga tu. Bila jumpa saya. (P2)

Ermm saya rasa *err* untuk Kolej Komuniti lah, sebab budak yang datang dekat Kolej Komuniti ni *aa special*. Sebab diorang *aa* akademiknya kurang. Kan? Dia orang memang perlukan *skill*. Dan saya tak nak sebab Kolej Komuniti kan dengan sijil saya tak nak diorang rasa rendah diri sebenarnya. *Aa* diorang pun boleh berjaya juga cuma laluan tu agak jauh nak sampai. Tapi insya-Allah boleh sampai. (P2)

Saya rasa satu adalah *aa* saya punya *willingness to help*. *Aaaa* saya, sebab saya selalu dimarah, kadang-kadang oleh kawan-kawan *aa*. *Aa* kau tak payahlah nak tolong orang sangat, macam itu kan? *Aa* orang tak tolong kau pun. Sebab kita rasa, kita ada rasa nak tolong. Jadi macam dengan *student*, kita nak tolong *student* itu. *So* lebih-lebih kalau kita tahu budak yang masuk itu orang susah kan. *Aaa* kita nak tolong dia supaya dia nampak jalan *aa* dia dapat sesuatulah. *Aaaa willing, willingness to help*. Lepas itu saya jenis seorang yang bekerja, buat sesuatu, saya mesti buat sehabis baik dan mesti selesai. (P3)

Sikap optimistik yang dimiliki oleh responden, dapat membantu melihat potensi dan nilai yang ada pada setiap pelajar tanpa mengabaikan latar belakang atau perbezaan mereka. Pada fasa ini, emosi responden iaitu rasa empati dan simpati yang tinggi telah dapat menjadi kekuatan kepada responden untuk berusaha bersungguh-sungguh melahirkan usahawan.

OKU ni, kena faham, bukan setiap individu adalah ada warna warni. Berlainan karakter. *So* berlainan perangai, beza, sebab semua diorang ni ada *background* yang *parent divorce*, ada yang takde mak bapak, yang yatim piatu pun ada. (P1)

Dia cabaran setiap pelajar berbeza-beza yang budak *helmet* ni, suuuusah sangat nak diajar. Macaman *ae*? Dia berahsia. Terlalu berahsia *aaa* jadi kalau saya *propose* apa-apa pun dia lambat *respond*. Tapi nanti dah lama sangat baru dia *aaa* dia susah didekati. Tapi akhirnya, memang terbukti, dia boleh meniaga pun sebenarnya. Kena percaya la kat diorang. (P2)

Sebab kita rasa, kita ada rasa nak tolong. Jadi macam dengan *student*, kita nak tolong *student* itu. *So* lebih-lebih kalau kita tahu budak yang masuk itu orang susah kan. *Aaa* kita nak tolong dia supaya dia nampak jalan *aa* dia dapat sesuatulah. (P3)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam perhubungan mentor menti, secara nyatanya semua responden menyatakan mereka memang menghadapi konflik bersama menti. Bagi menangani konflik, terdapat beberapa teknik yang digunakan oleh para responden bagi menenangkan keadaan apabila berlaku konflik bersama menti seperti membiarkan menti buat sementara waktu (P2), menegur menti secara peribadi (P3), berbincang (P1, P2, P3), menggunakan cara psikologi berbalik (P5) dan menerangkan sesuatu tindakan secara tegas (I8, I9, I10). Teknik ini penting bagi menjaga ketenangan dalam situasi yang mencabar, memberikan panduan berdasarkan logik dan penilaian yang stabil, serta mencegah tindak balas impulsif yang boleh mengganggu perniagaan. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh responden seperti berikut.

> Memang tegas! *Because* dia nak capai kat luar, kalau *you* manja-manja, apa guna. *Aik* ada orang kata, ooo tak anak saya OKU. Puan tak boleh marah-marah. *I don't treat* diorang *as* OKU. A*s I* cakap, bukan diorang anak syurga. Awak bukan anak syurga, anak syurga ni, tidak boleh berfikir, makan kena suap. Awak boleh basuh, boleh mandi, boleh kawan, boleh pegang *handphone*, boleh jawab *call*! Awak bukan anak syurga ye. Awak ingat, awak boleh buat salah? Awak boleh masuk syurga? Tak!. Puan tanya lah, sapa saya? Saya kata betul-betul, kita tak berlapik. Marah kena marah. Memang tegas!. Marah kena marah tetapi diorang bagus, kita marah macamana pun, mesti balik kepada kita. (P1)

> Dengan menti ni, dia memang ambik masa *la* untuk kita faham. Kadang-kadang saya jadi macam *aaa tu* konflik *la*. Kadang-kadang kita rasa macam nak marah, tapi bila saya fikir balik, biarlah dia *explore*. Sebab dia depan mata kita lagi. Pelajar yang ni, saya biarkan tapi saya cakap dengan dia bila dia dah cuba, saya akan tanya dia balik. (P2)

> Saya tak pernah pun jerit-jerit *kat student*. Kita panggil dia, jumpa. Kita bagi tahu, yang dia buat itu silap, dia tak dengar. Kita dah cuba bantu dia, *so* saya bagi *kat* dia, kalau awak rasa awak dah boleh *survive* sendiri, tak nak dengar cakap. Pergilah. Tak payah dah jadi menti saya. Kita bagi ayat macam ni sebab kita nak ugut dia. (P3)

> Saya ni karakter saya garang dengan pelajar, tapi saya tak tahu lah, cuma saya tak tahu, kenapa diorang ni, macam Qais ni kan, dia berani dengan saya. Tapi kalau dalam kelas, saya memang tak bagi muka dekat dia. Contoh *la*, saya bagi *task aaa* berniaga dekat satu kelas. Saya tak akan bagi dia jual barang yang dia dah jual sekarang. *Ha* saya kata, awak tak boleh guna produk awak. Awak guna

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> produk lain. Cakap, puan mana *aci*, sebab saya kata, awak ye *la* sehari awak punya *sale* dah 2000. Kawan lain? *ha so* cabaran awak sama dengan orang lain, orang lain tak pernah berniaga. Saya memang garang dan tegas dengan pelajar, tapi saya tak tahu kenapa dia sanggup cari saya. (P2)

> *Mmm* tegaslah. *Ha* tegas itu, iya. Kira tegas lah. Garang sangat, itu tak juga. Ada lagi orang lain lagi garang. *Ha* tegas itu, iya. Sebab biasa, dengan *student* pun kita tak perlu. Saya tak pernah pun jerit-jerit kat *student*. Tapi kalau kita kata, kena hantar, dia orang akan hantar lah. Kira tegas lah. (P3)

> Saya banyak guna *reverse* psikologi lah. Okey. *Aa* saya *aa* kalau nak garang pun garang tetapi bertempat. Maksudnya dalam tiga ke empat kali saya dah minta tolong. Minta dibuat perkara itu, tapi dia tak buat seperti mana yang kita nak, *aa* kita terpaksa jadi garang tapi kebanyakan masa saya memang guna pendekatan *reverse* psikologi. (P5)

Hal ini dipersetujui oleh beberapa menti yang telah ditemu bual dengan menyatakan mentor mereka adalah seorang yang tegas walaupun mempunyai karakter yang lembut apatah lagi yang mempunyai karakter garang. Kedua-dua karakter ini, diakhirnya memiliki sikap tegas dan inginkan yang terbaik bagi pelajar mereka. Kenyataan ini dapat diperjelaskan seperti berikut:

> Dia seorang yang lemah lembut tapi dalam lembut dia itu ada tegas. Maksudnya walaupun dia tegas, tapi semua pelajar hormat dekat dia. *Aa* tak adalah macam lembut yang *so* kita nak cakap macam tak ambil peduli kan, *ha* tak ada, dia lembut *aa* tegas. (I10)

> Dia lemah lembut. Tak ada bahasa yang kasar. Tak ada. Tak ada tengking-tengking. (I8)

> Memang sangat-sangat garang. Dia bila dia terlalu garang itu yang menyebabkan saya jadi seorang yang *punctual*. Puan yang menjadikan saya usahawan yang berdisiplin. *Aaa* menjadikan saya seorang yang menjaga pakaian, penampilan saya, *aa* menjadikan saya *hmm* membuatkan saya menjadi seorang yang pandai menjaga kewangan, *manage* kewangan, *marketing*. Macam-macam *ah*. Semua bidang *business ah*. Pada saya, bila dia terlampau garang, dia membuatkan saya *serious* dalam bidang yang saya cuba *aa* ceburi inilah. (I9)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.3 Altruisme Dan *Enthusiasm* Dalam Ekstraversi

Individu yang tinggi dalam ekstraversi cenderung mempunyai hubungan sosial yang kuat dan mudah berinteraksi dengan orang lain. Daripada temu bual, dapatan menunjukkan bahawa responden adalah individu yang sangat membina hubungan rapat dengan usahawan pemula dalam kalangan pelajar. Terdapat beberapa aspek berkaitan altruisme dalam konteks proses pementoran usahawan pemula di IPT. Altruisme tercermin dalam tindakan responden yang memberi lebih daripada yang diharapkan tanpa mengira beban kerja atau komitmen.

Daripada analisis temu bual, didapati beberapa situasi di mana responden telah mengambil inisiatif untuk menyediakan pelajar dengan lebih banyak bimbingan dan sokongan daripada yang dijangkakan atau diperlukan. Semua responden memberikan galakan dan berkomunikasi secara aktif untuk membantu mengatasi cabaran atau kesukaran yang mungkin timbul dalam perniagaan menti samada meluangkan masa untuk menjawab panggilan telefon atau membalas pesanan ringkas (mesej) melalui aplikasi *whatsapp* pada bila-bila masa tanpa mengira had waktu, memberi pementoran pada hujung minggu dan juga sentiasa bersedia untuk ditemui pelajar di luar waktu kuliah mahupun selepas waktu bekerja. Terdapat juga responden (P2) yang secara sukarelanya menjadualkan masa tambahan untuk sesi pementoran bagi memastikan pelajar tetap menumpukan perhatian terhadap perniagaan mereka walaupun dalam situasi mereka sebagai pelajar. Hal ini dapat dilihat dengan jelas melalui petikan responden-responden berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Saya buat lapan. Masa saya sahaja, yang sebenarnya, dia lima jam *je*, dalam jadual waktu lima jam. Nak bagi *extra* supaya nak *create* ketahanan dia. Sepatutnya habis pukul 2, tapi saya habiskan 6 petang. (P1)

Sebab benda tu adalah *loose on*, sebab dia hari-hari kena berubah. Sebab pelajar, setiap hari belajar, dan belajar, keesokannya hari-hari konsep dia kena praktikkan mengajar, tak semua pelajar boleh ikut benda yang sama. Mereka OKU, hari ni bagitahu, esok dah lupa. (P1)

Saya memang akan datang 7.30, sebelum pukul 8.00 tu, *aaa* dia memang dah sampai dah 7.30, sebab dia memang hari-hari akan cari kita. Kemudian saya akan balik pukul 5 atau pukul 6 lebih, biasa macam tu. Dia habis kelas 4.15, dia akan terus cari saya. Setiap hari. Jadi saya kena, saya dah *schedule* dah, saya punya jadual tu. Untuk dia ni. Kalau *extra time* ni, tu tak termasuk *whatapps* hujung minggu, tu lagi la, tak berhenti, tengah malam juga. (P2)

Saya pernah kawan-kawan kata, tak payahlah kau nak penat-penat sangat, bersungguh sangat. Sabtu Ahad *students call*, orang lain boleh rehat golek-golek *haah*. Kau nak kena pergi tengok budak-budak niaga. Kadang dia orang masuk *kitchen* hari Sabtu Ahad kan? Kena tengok semua tu walaupun hujung minggu. (P3)

Memang ada *discussion* dengan pelajar. *So*, slot-slot *discussion* tu yang kita ambil untuk berjumpa. *So everytime* ada kelas, *so* dia orang ada benda nak tanya, *aa* masa tu dia jumpa. Okey. Kalau betul-betul dia *need to aa* dapatkan apa-apa maklumat, jumpa petang. Maksudnya *after kelas*. Lebih daripada luar kelas lah. Itu biasa mesti budak yang ada minat ye. Budak yang betul-betul berminat dan budak-budak yang memang dah ada *business* kat luar. Untuk diorang memang kena ada *extra* sesi *mentoring*. Tak sama dengan pelajar yang takde *business*. Selain tu, budak ni pun mana yang duk asrama, sesi untuk dia orang, saya akan buat sampai ke petang, kadang-kadang sampai ke malam. *Because of the passion*. (P6)

Aa sebagai mentor ni kena, dia bukan setakat peranan untuk membimbing *je*, dia jadi pegawai psiko jadi *more aa pebenda*, jadi menteri kewangan, memang duit habis dengan ni. Siapa yang tak sanggup memang tak boleh *la*. Banyak orang tak sanggup sebab *depa* macam, satu, komitmen masa lah. Masa, lepas itu *aa* tenaga, lepas itu dengan kewangan pun, duit kita sendiri sebenarnya tau. Orang tak tau, yang duit kita ini bila kita berjaya ini *depa* ingat ooh *depa* berjaya. Depa tak tahu keringat kita tak tidur malam, saya dekat *office*, puan saya cerita, saya masuk pukul lapan. Saya balik pukul enam pagi. Mandi balik kat rumah. Mandi-mandi, baru saya masuk *office* balik. Kadang-kadang tak tidur, puan. Duk bimbing budak ni. (P7)

Sebagai mentor ni dia kena ikhlas lah. Sebab *aa* memanglah *hmm* bagi saya walaupun habis duit, habis semua, itu memang *passion*, saya *happy* lah, *happy* sangat. Saya tak pernah fikirkan duit saya habis kerana belanja ke apa. (P7)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, semua responden sangat bersedia untuk berkhidmat di luar waktu pejabat, termasuk waktu malam dan hujung minggu, bagi memberikan nasihat dan panduan kepada pelajar. Semangat ini menunjukkan komitmen sejati yang dimiliki oleh responden untuk membantu pelajar mencapai kejayaan dan menjadi usahawan. Sikap ini juga adalah merujuk kepada *enthusiasm* di mana dapat dilihat melalui semangat dan dedikasi luar biasa responden dalam membantu pelajar membangunkan dan mengekalkan perniagaan. Sebagai triangulasi, analisis dapatan temu bual bersama menti menunjukkan bahawa mentor memang mempunyai tingkah laku altruisme dan *enthusiasm* yang tinggi seperti yang dinyatakan oleh ketiga-tiga menti seperti berikut.

> Saya setiap hari jumpa puan. *Time* kelas, lepas tu waktu balik. Awal pagi memang sebelum masuk kelas jumpa dulu. Saya kan buat *parcel* kan, saya tunjuk *kat* dia setiap hari. Cerita je *business* saya kat dia hari-hari. (I8)

> Dari segi tenaga pulak, dia memang akan *all out* contohnya ada *event*. Dia *all out* tau. Dia ikut kami pergi sana sini. Dia ikutlah. Dia memang akan ikut kami. Walaupun dia penat berdiri kan. Yalah umur Puan ni macam mana. Kami budak muda tak apalah diri lama-lama. Dia tak boleh diri lama-lama. *Ha so* dia memang *all out*. Dia nak tengok kami berjaya je. Sebab semangat dia nak tengok kami berjaya itu, ya Allah memang tak boleh nak saya ungkapkan, apa sampai sekarang adalah saya terhutang budi kepada puan. Mungkin sampai mati pun tak akan terbalas jasa dia pada saya. (I9)

> *So* jadinya kalau macam walaupun dah lewat malam pun puan akan *settle*kan dia orang dulu *aa* sebab apa *aa* yang lelaki kan boleh jaga diri *you* balik lewat macam mana pun kita orang tetap *okeylah*. Cuma puan ni dia jaga budak-budak perempuan memang dia jaga *kaw-kaw*, elok-eloklah *aa* dah menti perempuan itu pun sekarang tak silap saya dah berjaya memang memang dah berjaya ah, dah berjaya buka kedai semua. (I9)

> Puan banyak bantu saya aa dalam kelas dengan luar kelas maksudnya kalau malam-malam saya *whatapps* dia pun, dia aa maksudnya tak adalah tunggu pagi ke aa dia terus *reply on the spot* sebab nak saya siapkan aa *paperwork* itu *aa* dengan sempurna. Maksudnya banyak bimbing sayalah bukan waktu kelas je tapi luar kelas pun sama juga. (I10)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada analisis temu bual juga, dapat dikenal pasti bahawa responden adalah dalam kalangan mereka yang penuh bersemangat, berdedikasi dan mempunyai komitmen yang tinggi terhadap peranan mereka sebagai mentor di mana mereka berusaha sebaik mungkin untuk membantu pelajar mencapai matlamat perniagaan mereka. Semangat ini membantu menanamkan keyakinan dalam diri pelajar tentang kebolehan mereka untuk berjaya dalam perniagaan. Dapatan penting daripada temu bual adalah responden mempunyai tingkah laku altruisme dengan mengorbankan masa, tenaga dan sumber kewangan untuk memastikan bahawa pelajar menerima bimbingan yang mereka perlukan.

> *So* masa tu, memang penat la, tak semua pelajar boleh ikut benda yang sama. Kita kena duduk depan dia. Saya tak ada duit, tapi saya ada tenaga. tu sebab tu, saya cari kawan-kawan saya *keje* bankkkk. *Eiii ko* nak bantu tak ni? *Diorang* nak cari dana. *Ok* orang kata, bukan kepentingan diri. Lapan!. Saya buat lapan jam, masa saya sahaja. Dia lima jam je, dalam jadual waktu lima jam, nak bagi *extra* supaya nak *create* ketahanan dia, tapi adalah rehat dia masak, duduk makan, sama-sama, pergi solat, lelaki pergi solat, yang perempuan tolong kemas *so* balik laki akan mop lantai. Kita nak biasakan. (P1)

> Walaupun kita tak dapat apa-apa, walaupun kita jauh, bila kita tengok itu, kita boleh jadi *syok* kan, jadi kita tengok dia punya *IG* apa semua. Itulah kepuasan kita kan. Bila jadi macam itu kan, lagi kita nak tunjuk kat budak lain. supaya budak lain lagi ramai, supaya lagi ramai orang macam tu kan, cuma dalam ramai-ramai tu ada permata dia tu, bukan semua lah kan? Memang satu dua je. Memang satu sen tak pernah minta. *Even* duit kita lagi habis, banyak lagi. Orang yang tak, tak menjadi mentor, dia tak faham. Macam diorang kata apa yang kau dapat? Saya pernah kawan-kawan kata, tak payahlah kau nak penat-penat sangat bersungguh sangat. Sabtu Ahad orang lain boleh rehat golek-golek *haah*. Kau nak kena pergi tengok budak-budak niaga. Kadang dia orang masuk *kitchen* hari Sabtu Ahad. (P3)

> Kita tengok potensi budak juga, yang nak. Ada juga, ada pelajar yang tak nak tapi bila kita *aa* bila kita asah dia orang, dia orang macam *aa* makin lama *depa* inilah tapi cabaran itu mesti ada. *Aa* sebagai mentor ni kena, dia bukan setakat peranan untuk membimbing *je*, dia jadi pegawai psiko jadi *more aa pebenda*, jadi menteri kewangan, memang duit habis dengan, dengan ni. Siapa yang tak sanggup memang tak boleh la. Banyak orang tak sanggup sebab *depa* macam, satu, komitmen masa lah. Masa, lepas itu aa tenaga, lepas itu dengan kewangan pun, duit kita sendiri sebenarnya tau. Orang tak tau, yang duit kita ini bila kita berjaya ini depa ingat ooh depa berjaya. Depa tak tahu keringat kita tak tidur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> malam, saya dekat *office*, puan saya cerita, saya masuk pukul lapan. Saya balik pukul enam pagi. Mandi balik kat rumah. Mandi-mandi, baru saya masuk *office* balik. Kadang-kadang tak tidur, puan. Duk bimbing budak ni. Sebab *aa* memanglah *hmm aa* bagi saya walaupun habis duit habis semua itu memang *passion*, saya *happy* lah, *happy* sangat saya tak pernah fikirkan duit saya habis kerana belanja ke apa. (P7)

Daripada analisis dokumen MEA 2021, didapati bahawa P2 mempunyai kaedah pementoran yang digambarkan seperti di dalam **Rajah 4.4** di bawah.

Rajah 4.4

Kaedah pementoran P2 bersumberkan dokumen MEA 2021



4.4.4 Altruisme dalam Keterbukaan

Individu yang tinggi dalam ciri keterbukaan lebih memahami, peka dan bekerjasama. Dapatan penyelidikan ini, mendapati bahawa responden mempunyai karakter keterbukaan yang tinggi kepada keperluan usahawan pemula, serta bersedia untuk memberi sokongan dan bantuan terhadap idea atau inovasi baru. Kesanggupan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

responden membangunkan dan mempertandingkan idea-idea baru atau inovasi menti memerlukan komitmen dan pengorbanan yang tinggi. Hasil analisis temu bual, didapati bahawa responden sentiasa memastikan bahawa mereka memberi bimbingan dan sokongan sepanjang perjalanan pelajar dari permulaan hingga tamat pengajian. Mereka sentiasa bergerak aktif dan cergas dalam membantu pelajar menangani dan mengatasi cabaran dalam perniagaan. Mereka meluangkan masa dan tenaga membawa pelajar ke ruang-ruang perniagaan atau pertandingan yang boleh mengembangkan lagi perniagaan menti.

Hasil daripada kesungguhan dan komitmen responden, semua menti kepada responden memperolehi kejayaan yang cemerlang dalam pertandingan-pertandingan yang mereka sertai dan yang paling penting, menti-menti mereka terus kekal menjadi usahawan sehingga kini walaupun ada yang sudah bergraduasi melebihi sepuluh tahun. Kesungguhan dan komitmen yang tinggi ini dapat dilihat daripada kenyataan yang dinyatakan oleh responden-responden seperti berikut;

> Dia (menti) dapat tempat ketiga MEA 2021 kategori B (usahawan pelajar) wakil PolyCC. Dia dapat tempat ketiga, wakil PolyCC dia la. Saya rasa antara punca saya menang pun dia, sebab masa tu kan dia *interview* menti kan? Waktu *interview* mentor. Dia, masa dia cerita pasal saya dia nangis. Saya rasa lah, antara saya punca menang tu sebab mungkin juri *touching* juga dengan dia sebab dia cerita macam mana dia mula daripada tak ada apa-apa sampailah dia boleh keluar daripada B40 dia tu. Dan waktu itu dia menangis. (P2)

> Paling gembira, bila pelajar itu nanti, kita itu, berjayalah kan. Dia berjaya, dari sudut kalau masuk pertandingan dia menang. Kalau dari segi jualan *aa* perniagaan dia, dia dapat *sales* makin meningkat, meningkat. (P3)

> Jadi kita *polish* budak itu. Kita akan jadi satu kepuasan tau. Kepuasan untuk kita sendiri sebenarnya. Kadang kita tak nampak benda itu. Bila, *once* budak itu masuk. Contoh dia masuk pertandingan KPT lah. Ha. Dia dapat. Dia dapat dapat tempat yang kedua. *Haah*. Kita rasa ooh puas hati kan? *Aa* sebenarnya benda itu *method* yang sama kita bagi dekat *student* lain. Bukan kata kita tak bagi, tapi dia tak *follow* dengan apa yang kita nak. Apa *requirement* kita kan? *Aa* jadi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> kalau dia, dia mentor ini sebenarnya dia kena ada dua *side* lah. *Win win situation. Student* dengan mentor. Kalau kita saja dia tak akan menanglah. (P4)

> Bila *student* saya menang lah *competition*. Bila kita dapat menghasilkan satu produk inovasi yang mana memang ramai orang suka gunakan. Pasti patah balik. Patah balik yang pertama tadi, nak bantu kan aa. *So* bukan sekadar menang *competition*. Kadang-kadang kita masuk *competition aa* kita masuk bawa projek inovasi itu ke peringkat yang lebih tinggi. (P5)

> Masa saya bimbing orang, saya nampak hasil. *Aa* macam saya *start* 2011, saya masuk *aa* bawa budak-budak bertanding, menang ke peringkat kebangsaan, tempat pertama, tempat pertama, tempat kedua bawa lagi. Setiap tahun saya pun. (P7)

Triangulasi data melalui temu bual I8, I9 dan I10, ketiga-tiga menti bersetuju mengatakan pensyarah mempunyai tingkah laku ikhlas membantu dan bersungguh-sungguh dalam diri mentor mereka. Mereka bersetuju bahawa mentor-mentor ini memberikan komitman yang sangat tinggi dalam melaksanakan tugas sebagai mentor usahawan walaupun hakikatnya mereka merupakan pensyarah akademik yang terikat dengan kuliah di dalam kelas.

> *Aaa* bagi saya dia bersungguh sungguhlah untuk bukan mengajar saya seorang saja anak murid. Jadi sebab bila dia lihat apa yang dia ajar tu, dan ada yang berjaya. Ada anak murid dia membuatkan dia lagi rasa bersungguh-sungguh untuk ajar sebab benda tu dah terbukti. Dan bagi saya dia bersungguh-sungguhlah. Maksudnya ikhlas untuk mengajar ataupun bimbing anak murid dia. Keikhlasan *kot*. Kan jadi benda tu yang kita boleh walaupun dia ya lah, walaupun contoh kita berniaga, daripada sumber pendapatan mungkin kita lebih banyak tapi kita dia kita nampak dia macam ikhlas untuk beri kat kita. (I8)

> *So* daripada segi masa puan, dia memang agak sibuk sebab jawatan dia pun tinggi kan. Dia memang agak sibuk, sangat-sangat sibuk sebenarnya. *So* macam dia akan panggil kami juga masuk masuk bilik dia walaupun dia tengah buat kerja lain. Sambil itu, dia cakap dengan kami macam mana ni, macam tu, macam mana dia *next step* apa semua kan *ha* dia akan cuba cari masa walaupun dia tengah sibuk buat *paperwork* ke *slide* ke, tengah tengok dia punya *student* punya *mark* apa, *aa* soalan apa kertas soalan ke kan. *So* rasa dia tengah bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> markah pun dia tetap juga akan *aa* cari masa untuk bagi kami peluang untuk tahu macam mana kami punya *business*. Macam mana *plan* kami kan? *So* dia akan, dia berkorban dari segi masa lah. Dari segi tenaga pulak, dia memang akan *all out* contohnya ada *event*. Dia *all out* tau. Dia ikut kami pergi sana sini. Dia ikutlah. Dia memang akan ikut kami. Walaupun dia penat berdiri kan. Ya lah umur pn ni macam mana. Kami budak muda tak apalah diri lama-lama. Dia tak boleh diri lama-lama. *Ha so* dia memang *all out*. (I9)

> Macam dulu kalau saya ada *join* apa-apa pertandingan puan banyak bantu saya *aa* dalam kelas dengan luar kelas maksudnya kalau malam-malam saya *whatsapp* dia pun, dia *aa* maksudnya tak adalah tunggu pagi ke, dia terus *reply on the spot* sebab nak saya siapkan *aa* semua itu *aa* dengan sempurna. Maksudnya banyak bimbing sayalah bukan waktu kelas *je* tapi luar kelas pun sama juga. (I10)

Daripada pertandingan yang disertai oleh menti, sikap altruisme responden yang kuat memainkan peranan di sini, di mana responden berusaha untuk membantu usahawan pemula mencapai tahap kecemerlangan yang lebih tinggi. Sikap keterbukaan responden dalam pementoran membantu mereka menerima kritikan serta pandangan dengan rendah hati, manakala sikap altruisme pula mendorong mereka untuk terus memberi bimbingan kepada usahawan baru yang mereka bimbing.

Daripada analisis dokumen MEA 2021, dapat disimpulkan bahawa sikap altruisme mereka mencorakkan kedudukan tempat pertama hingga ketiga dalam pertandingan, serta mendapat pengiktirafan khusus dari juri melalui pilihan mereka untuk menjadi ikon pertandingan dan menerima anugerah khas. Mentor-mentor yang terlibat dalam proses pementoran tidak hanya mencapai kejayaan di peringkat individu, tetapi juga memastikan bahawa pelajar PolyCC mencorakkan kejayaan dalam pertandingan keusahawanan sepanjang tempoh 2018-2021.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.7 merupakan senarai yang memperinci kedudukan yang dicapai oleh menti (pelajar PolyCC) dalam pertandingan-pertandingan keusahawanan dari tahun 2018 hingga 2021. Analisis jadual ini memberikan gambaran yang jelas tentang pencapaian cemerlang menti-menti di bawah bimbingan mentor-mentor yang mempunyai sikap altruisme yang tinggi.

Jadual 4.7

Senarai kedudukan dalam pertandingan yang disertai oleh menti pada tahun 2018-2021

Kedudukan	Sumber
Peserta, Pertandingan *Abylympics*, Rusia (Antarabangsa)	D1
Ikon Usahawan PolyCC Zon Tengah 2021	D5
Icon Award Business Opportunity Through SocialMedia Competition (BOSMeC) 2020	D5
Ikon Usahawan PolyCC Zon Tengah 2019	D5
Juara *BOSMeC2.0* 2021(Kategori B-Usahawan Sosial)	D5
1st Sales Achievement BOSMeC@MCO 2020	D5
Johan, Pertandingan *Business Race (The Best Seller)* 2019	D2
Johan, Pertandingan *Business Race (Agro Race)* 2019	
Juara *SELFY* 2018 dan 2019	D6
Johan Jualan Tertinggi, Kembara Keusahawanan Endowmen dan Wakaf (KKEW), PolyCC (Kebangsaan) 2018	D2
Johan, Pertandingan *GUK Hackathon – 36 Hours E-Entrepreneur Community Challenge* Peringkat Zon Tengah 2018	D2
Naib Johan Pembentang Terbaik Pertandingan *University to Community* 2020-2021	D5
2nd Sales Volume Award BOSMeC2.0 2021	D5
2nd Most Like FB PolyCC (Kategori B) BOSMeC 2.0. 2021	D8
2nd Most Share FB PolyCC (Kategori B) BOSMeC 2.0 2021	D8
2nd Video Marketing Award BOSMeC@MCO 2020	D5
2nd Sales Volume Award BOSMeC@MCO 2020	D5
Naib Johan Jualan Tertinggi KKEW Zon Tengah 2019	D5
Naib Johan, Pertandingan *Business Race (Agro Race)* 2019	D2
2nd Social Student Responsibility Challenge at Career, Entrepreneurship and Skills Festival (2019)	D9
Tempat Ketiga, Projek Terbaik Pertandingan *University to Community* 2020-2021	D5
3rd Video Marketing Award BOSMeC@MCO 2020	D5
3rd Sales Achievement Award BOSMeC2.0 2021	D5
Tempat Ketiga, Pertandingan *Business Race (The Most Dazzling Stall)* 2019	D2

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kedudukan	Sumber
Tempat Ketiga, Pertandingan *Business Race (Agro Race)* 2019	D2
Tempat Ketiga Pertandingan Keusahawanan *Rapid Youth Success* 2019	D6
Tempat Ketiga Pertandingan *SME 90 Days Biz Challenge* 2019	D3
Tempat Ketiga Pertandingan Keusahawanan Sosial (AIM) 2019	D3
Tempat Ketiga Pertandingan Inovasi Keusahawanan piala Menteri Pengajian Tinggi 2017 (penerima geran 2019 dan 2020)	D3
Penerima Geran, *Bizgrant* SSM, Selangor 2019	D2
Penerima Geran, Program Dana Pemfailan Harta Intelek 2019	D2
Penerima Geran TEKUN 2019	D3
Penerima Geran daripada CEDAR 2019-2020	D5
Saringan Pertandingan Inovasi Keusahawanan piala Menteri Pengajian Tinggi 2019	D6
Tersenarai 10 perniagaan terbaik Pertandingan *SME 90 Days Biz Challenge* 2019	D3

Sumber: Analisis Dokumen MEA 2021

Sebagai mentor usahawan pemula, responden mempunyai sikap optimistik iaitu sikap terbuka kepada potensi, kelebihan dan kekuatan yang dimiliki oleh setiap pelajar walau apa pun latar belakang menti. Ini memberi inspirasi kepada pelajar untuk memiliki keyakinan diri dan memupuk rasa percaya kepada diri pelajar. Dengan memberi pengiktirafan dan keterbukaan responden terhadap kelebihan atau kekuatan pelajar, ianya telah menjadikan pelajar lebih bersedia untuk mencuba idea baru, mencipta inovasi, dan mengambil risiko dalam perniagaan bersama-sama dengan menti. Responden memberi ruang kepada pelajar untuk bereksperimen, mengambil risiko, dan mencuba pendekatan yang kreatif, tetapi mendapat bimbingan yang sangat intensif daripada mentor. Hal ini membantu melatih pelajar untuk berfikir di luar kotak dan mendorong perkembangan inovasi yang dapat membezakan perniagaan mereka daripada pesaing. Kenyataan semua responden jelas menggambarkan mereka adalah seorang yang berani menanggung risiko samada dalam perniagaan mahupun dalam pengurusan kerjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Saya kata, puan anak puan ada masa depan... *aaa* sebab kan... *kat* sini lah kita kata masa depan, tapi *parents* kena bantu, *so* kita kata, saya pun kata, tak berjaya besar pun *at least* dia boleh bekerja, *at least* dia boleh sara hidup dia.. *aa*.. itu yang saya nak, saya kata. Kat situlah dengan, bila kita jual-jual kat dalam ni, mereka boleh jual... itu la... akak *test* dengan buat *barista*, ada yang boleh buat, walaupun *LD*... lepastu, *kay*, *aaa* kita buat *Inspired Kitchen*... bila kita buka *Inspired Kitchen* ni, nampak, *oooooo* orang tak tahu ... bila ... *aaaa* benda ni memang berterima kasih sangat dekat, Mantan Menteri Pengajian Tinggi... Idris Jusoh.... Idris Jusoh, sebab masa tu, *aaa* pihak KPT *offer*... *mmm kitorang* buka *booth*... kita orang buka *kat* PWTC... PAU.. Perhimpunan Agung Umno... saya ingat lagi 2016, memang tau dah, dah lama buat dengan budak, tapi kita buat kat dalam. *And* kat luar pun saya aktif, tapi saya *just* bantu NGO ajar-ajar *basic* dulu... *aaa so* saya buka, pastu bila nampak, Dr.. OKU? Lepas tu, Dato', Ok, saya nak.. gerai ni buka dekat KPT... mula tak nak, kita *takde* daftar, kita *takde company*, sebab ni adalah platform *training* keusahawanan... kita bukan *business*. (P1)

Budak ni, *diorang* tak boleh *business* sebab kenapa masuk pertandingan MEA pun budak ni tak boleh... sebab apa? *Diorang* tak pandai mengira, *diorang* takut nak bercakap, hanya yang autisme boleh hafal la sikit, *haaaa* kalau kira-kira memang nasib... Kita kena tengok, kalau kata kerugian tu ada *je* lupa, *aaa* itu cabarannya pulak... tapi bila dah buka, orang nampak, *eh* mana si OKU nya? *haaa*... kemudian tanya, mana OKUnya? tu pada saya, cakap! saya la OKU... kita tak nampak, orang yang... kita!... *Even though* yang duduk di Putrajaya tu pun tak tau OKU tu apa? Dia ingat OKU tu bisu, pekak, yang ada sifat-sifat yang kurang macam tu la.. *so* bila kita buka tu, budak tu dah ada *Coffee*, dengan dah ada peluang, dah ada apa dia nak, *aaa* dia nak buat *bussines*.... bagi la, *ok* kita cuba! (P1)

Saya nak cerita macam mana saya lalui benda itu. Sebab bila tengok kawan-kawan *aa* yang dalam bidang keusahawanan, kebanyakannya ada *business aa part time* untuk itu. *So* saya, saya memang tak. Saya tak boleh nak buat, bukan tak boleh. Saya rasa kalau saya buat *business*, saya nanti kurang komitmen. Okey tapi disebabkan tekanan itu saya cuba untuk buat *business*. Masa itu saya buat *aa business* tudung. Saya buat sendiri, jenama semua saya buat sendiri. (P2)

Tahun 2012, barulah dilantik Ketua Unit Keusahawanan, *so* dia dah datang tanggungjawab. Bila tanggungjawab, *of course* kita akan lebih lagi kan?. Kalau yang sebelum itu kita buat, kita tak bertanggungjawab tapi kita ada minat. Sebab kita minat. Satu sebenarnya minat berniaga itu ada. Saya pun *background* macam *family* semua pun ada *business* juga. Cuma sendiri punya yang atas nama sendiri ada satu kompeni yang gagal tu, tak ada lah. Jadi, kita punya minat itu dah ada. *So* bila dalam bidang keusahawanan ini, kita akan *aa* nampak dan kita belajar teori, *haah*. Kita nak *try* tau. Saya punya ini dalam diri saya, saya nak *apply*. (P3)

Macam berat aje, lepas itu Puan Nor kata, tak boleh. Kena masuk juga. Kena masuk juga kategori ini. Kena wakil juga POLISAS. *Mmm*. *Aa* sudah! Tapi kita

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

buat *je lah kan*. *Haah*. Tapi tak apalah. Ada pengalaman proses apa semua ini kan. Proses itu sebenarnya. Lepas itu kata *eh* best pula kata bila duduk dalam keadaan macam kan bukanlah kata benda kan kita rasa kan. Kita, bila kita duduk di keusahawanan, *support* daripada *HQ*. Sebab Ti sebelum ni memang Ti di JP *aa* apa *aaa* Ti di JP. Jadinya *aa* masuk 2020 tu, macam *blur* lah sikit. Masuk politeknik kan. *Mhm*. *Aa* Masa dekat, masa dekat KK Ti duduk kat Pengajian Am. Pengajian Am, Ti kena mengajar subjek keusahawanan lah. *Ooh aa* mengajar subjek keusahawanan, jadi terlibat dengan apa, Unit Usahawan, bawa *student*, macam itulah. Kita kan bila dah orang bagi *task kat* kita. Pegang KU Usahawan. Kena ingat, bukan kita, bukan kita pilih saja-saja. Allah pilih. *Ha* betul. Kalau Allah tak pilih, tak jadi kita *aa* kita pokok pangkalnya maksudnya *aa* macam itulah macam Ti masa mula-mula dapat KU itu kan kak, rasa macam ya Allah *bammmm*, rasa macam, aku ini baru dua tahun duduk dekat kat sini. Nak faham politeknik pun tak berapa nak faham lagi kan *aa* dia punya macam mana, tapi fikir balik Allah dah susun, Allah dah atur, mesti ada sebab. Kena berani bertanggungjawab dan *take a risk*. (P4)

Macam Ti dulu. Kalau di Bandar Penawar, Ti jual *aa* apa itu batik, kain batik. Hampir setiap hari Ti jual. *Aa* Ti pakai baju batik untuk jadi maknanya untuk jadi model. Lepas itu kita kata lah, ayah saya punya. Tapi *aa aa* produk tu bila Ti pindah Kuantan, *haah aa* dia tak ada *demand* sangat sebab mungkin Pantai Timur. *Haah* Pantai Timur. Tapi *okey* tak apalah. Itu nak macam mana kan. Kita kena ubahlah. Itu risiko yang Ti kena hadapi. *So* kita sebagai *lecturer* usahawan ini kita kena menyelami. Macam mana nak jadi usahawan? Sebab kalau tak menyelami kita tak tahu apa kesusahannya. Jadi seorang usahawan. Kita kena *try*. (P4)

Aa saya suka mencuba sesuatu yang baru. Jadi saya, bila saya mentorkan pelajar-pelajar saya, bila dia bawa dia punya idea, saya tak nampak pun idea itu macam mustahil untuk kita lakukan. Kadang-kadang kita masuk *competition aa* kita masuk bawa projek inovasi itu ke peringkat yang lebih tinggi. (P5)

Saya ada dua *aa* ciri kekuatan diri saya yang saya perasanlah. Saya suka mencuba. *Aa* saya suka mencuba sesuatu yang baru, saya suka mencuba dan saya jenis yang suka mengambil risiko. *Aa* macam itu. Jadi saya, bila saya mentorkan pelajar-pelajar saya, bila dia bawa dia punya idea, saya tak nampak pun idea itu macam mustahil untuk kita lakukan. Jadi kita apa salahnya kita cuba. Cuma kalau benda itu kurang *aa* kurang, orang kata, kurang baik lah, kita cuba bantu untuk baikkan dia lagi *aa* atau kalau dia ada kurang ciri-ciri inovasi, kita tambahkan lagi ciri-ciri inovasi. *Aa* macam itulah. Jadi saya suka mencuba *aa* sikap saya ni suka mencuba dan saya jenis yang berani menanggung risiko. (P5)

Antara projek saya pernah buat dengan pelajar, mencipta satu katil kucing. *Okay* jadi pelajar yang saya libatkan adalah pelajar *aa* Teknologi Perkayuan dekat PSA tu ada, *so* saya minta dia. *Okey* kita nak buat satu katil kucing. Rasanya rasa-rasanya apa *aa aa design* yang sesuai, apa peralatan diperlukan. Kalau saya memang faham dalam bidang itu dan itu saya akan nyatakan, *ooh you* kena ada ni, ada ni, ada ni kan, aa tapi kita cungkil supaya dia keluar. Maksudnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

knowledge tu dia keluar. Sebab pelajar ni perlukan *someone* untuk gali dia punya potensi yang ada dalam diri dia. (P5)

Saya ni *more* kepada mentor TVET. Mentor pelajar TVET lah ada pelajar saya tu dia cipta macam-macam produk *okey aa* topi *obstacle okey* aa *obstacle avoid okey aa okey*. *Obstacle Avoided Cap* ini adalah sejenis topi yang mana dia pasang *aa sensor* dekat topi itu untuk dia mengesan halangan yang berada di depan. Ni produk ini adalah untuk orang buta *so* bila dia orang buta ini pakainya topi itu, nanti kalau ada halangan di depan, dia akan bagi satu *signal vibration* kepada topi itu bahaya di depan. Jadi orang buta ni, *aa* produk ni pelajar yang reka cipta, budak tak buta. *Ha.* Tetapi saya buatkan *network* untuk pelajar ni *test* produk ni kepada orang cacat penglihatan yang sebenar. (P5)

I did berniaga *before*. *I* buat *sale* apa aa *Cyber Cafe*, tapi *Cyber Cafe* ni dia punya konsep *is not Cyber Cafe* yang macam ni. *Hmm. My siber cafe is more on aa academic and aa* inilah apa ni *aa* siber itu. *I* buat dekat Taman Meru jugalah, *so business* itu *was well*. Ada *at the earlier stage*. *Aa* maksudnya *I* dapat pulangan, *return back my* modal itu *aa* pusingan balik itu *after nine months eh after six months of business*. *So, I was so happy lah because* saya punya modal sangat kecil, tetapi konsep *business I tu library and research*. *When I did that, it was a new concept aa and then* bila orang tengok seronok sebab *parents* yang datang pun dia ada kelas tuisyen kat atas. *So* sementara nak menunggu kelas tuisyen kat atas, dia boleh datang kat aa *my shop* kan. (P6)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Program Inovasi Keusahawanan Piala Menteri Pengajian Tinggi itu pergi ke *aa final aa* sepuluh sepuluh pasukan itu satu Kolej Komuniti dan dua Politeknik dan yang lain semua *aa* universiti. Itu masa pertandingan itu *aa* bila dapat dapat menang bila-bila akhir dia umum itu aa nombor satu MMU Multi Media Universiti lepas itu nombor dua *aa* USIM *ha* yang dia buat buat *aa* dia punya apa itu lepas itu adalah Kolej Komuniti yang pelajar sayalah masa itu. Dia buat biji cempedak. Jadi kekacang penggantian *aa aa* kekacang import. Macam pecan *aa hazelnut*, badam itu *ha* dia penggantian benda itu. Sebab kalau kita tengok *ingredient* dalam itu pun hampir sama tapi protein dia lebih banyak lagi *aa* biji cempedak itu daripada yang kacang import ni. (P7)

Sikap berani menanggung risiko yang dimiliki oleh pensyarah-pensyarah ini dikuatkan lagi dengan kenyataan daripada menti I9 dan I10.

Pada pandangan saya lah, sebab semasa puan ni menjadi mentor saya, puan ni, dia seorang yang berani ambil risiko lah. Sebab apa eh? Sebab masa saya jual produk ... *mmm* pernahlah saya tak cukup modal, apa kan? *So* jadinya, puan ni dahulukan dia punya modal dulu. Lepas tu, makan ke apa ke, pertandingan ke, cuba idea-idea baru ke memang dia akan ambil risikolah. Lepas tu satu lagi, benda yang apa, saya cakap dia berani yang berisiko ni, walaupun dia, saya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> rasalah kan, macam saya ni, saya suka datang lambat ke kelas saya suka, *aa* so suka main *ha*. *So* jadinya puan ni, walau dia boleh je buang saya *any time* tapi dia ambil risiko untuk jaga saya. So, *Alhamdulillah* sekarang ni saya jadi siapa yang saya sekarang lah. (I9)

> Yang setahu saya dia ada *business aa homestay* dengan tudung bawal. *So aa* kita dah tak payah ambil contoh jauh dah. Memang *aa* kami semua pun anggap puan itu bukan *aa* hanya seorang pensyarah tapi beliau juga *aa* macam *role model* untuk kita orang sebab dia dia sendiri adalah *business owner*. Jadinya *aa* puan punya pengalaman pun banyak. Macam mana *aa* cara kita nak menjalankan sesebuah syarikat itu *aa* dengan baik, cara kita nak *handle client*, *aa* cara kita nak kuatkan mental, *aa* semua itu banyak saya dapat input daripada *aa* puan lah sebab dia sendiri pun memang *running business* dan kita pun *aa* nak buka sesuatu syarikat itu kita pun kena ada ilmu terutama bila saya melihat bagaimana puan berani mencuba perniagaan-perniagaan baru dan pelbagai. (I10)

Namun begitu informan I8 tidak dapat memberikan pandangan mengenai item berani mengambil risiko kerana I8 tidak melihat perkara tersebut di dalam diri mentornya seperti kenyataan I8 yang berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Ambil risiko? Contoh apa *ye*?. Bab ambik risiko, maaf puan, saya tak nampak. (I8)

Manakala daripada analisis dokumen MEA 2021, jumlah pungutan pingat-pingat yang dimenangi oleh responden menunjukkan kecemerlangan pensyarah-pensyarah PolyCC dan pencapaian luar biasa di dalam penciptaan inovasi. Kemenangan pingat emas, perak, gangsa waima hanya sekadar peserta dalam pertandingan inovasi menggambarkan komitmen dan kecekapan pensyarah dalam menghasilkan penemuan atau penciptaan idea baru yang signifikan dengan keusahawanan dan berdaya saing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sikap keterbukaan yang tinggi membantu mereka menerima input dan pandangan daripada pelbagai pihak, membolehkan mereka menambah baik inovasi berdasarkan maklum balas yang diterima. Sifat altruisme pensyarah terserlah dalam peranan mereka sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mentor, dimana mereka sanggup berkongsi ilmu dan pengalaman dengan pelajar tanpa menghadkan kepada diri sendiri sahaja sehingga mereka berjaya membimbing pelajar bukan sahaja dalam pembangunan produk, malahan sehingga ke peringkat pemasaran dan mempertandingkan produk yang dicipta. Elemen ini juga menggambarkan pensyarah-pensyarah ini mempunyai sikap berani menanggung risiko. **Jadual 4.8** merupakan senarai jumlah pingat dan peringkat yang dimenangi oleh Mentor Usahawan Terbaik PolyCC bagi tahun 2018-2021.

Jadual 4.8

Senarai jumlah pingat dan peringkat yang dimenangi oleh Mentor Usahawan Terbaik PolyCC bagi tahun 2018-2021

Tahap Pingat	Peringkat	Jumlah pingat
Emas	Antarabangsa	2
	Kebangsaan	7
Perak	Antarabangsa	2
	Kebangsaan	4
Gangsa	Antarabangsa	1
Penyertaan	Antarabangsa	2

Sumber: Analisis dokumen MEA 2021.

Daripada dapatan temu bual, didapati bahawa para responden adalah berhadapan dengan suasana dipertikaikan akan kemampuan dan keupayaan mereka menjadi mentor usahawan termasuklah dari segi ketiadaan pengalaman dalam perniagaan mahupun responden tersebut bukan daripada bidang perniagaan atau keusahawanan. Namun begitu, sikap optimistik yang dimiliki oleh para responden sangat membantu mereka dalam proses pementoran usahawan pemula, bagi menghadapi pandangan negatif dan cabaran daripada rakan sekerja. Ini menunjukkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa, sikap optimistik adalah memainkan peranan yang sangat penting dalam proses pementoran. Berikut merupakan kenyataan responden P2, P3, P4 dan P6 yang menggambarkan mereka menerima tekanan daripada pandangan skeptikal orang sekeliling tentang kebolehan dan keberkesanan dalam membimbing usahawan pemula.

> Saya *stressed* sebab orang cakap, betul ke apa yang kau ajar tu? Saya macam terkesan lah... *aeee* Memang nak kena ada *business* ke? kalau engkau nak mentor aa *student* jadi usahawan, kau kena jadi usahawan dulu. Jujurlah itu mendatangkan kesan yang agak besar pada saya. Okey tapi disebabkan tekanan itu saya cuba untuk buat *business*. Masa itu saya buat *aa business* tudung. Saya buat sendiri, jenama semua saya buat sendiri. Saya cuma, saya kata saya buat benda tu sebab saya nak buktikan, saya ada ilmu *business* supaya saya boleh tolong *student*. (P2)

> *So* sebab ada setengah industri kalau kita pergi seminar ke saya selalu dengar, industri marah dengan orang *academician*. Sebab dia kata, kita sekadar *research, research, research,* teori, teori, teori. Dia orang yang buat praktikal kan. *So, aa* benda itu menyebabkan saya rasa, ini peluang bila kita nak *train student*, kita *try apply* apa yang kita teori yang kita ada ini, tengok dalam praktikalnya boleh tak budak itu buat? Berjaya tak? Dapat tak hasil dia? Betul tak? (P3)

> *Aaaa* saya, sebab saya selalu dimarah, kadang-kadang oleh kawan-kawan *aa*. *Aa* kau tak payahlah nak tolong orang sangat, macam itu. Orang yang tak, tak menjadi mentor, dia tak faham. Macam diorang kata apa yang kau dapat? (P3)

> Dia adalah unsur-unsur yang macam *aa* orang yang tak, adalah, orang yang tak puas hati dengan kita kan. Kenapa dia dapat? Kenapa macam ni? *Uish. Camni. Aa* lepas itu ada yang jenis macam sinis-sinis. Tak apalah. Dia cemerlang padahalnya tak ada benda pun bila naik KU *aa ooo okeylah aa okeylah,* memang terpilihlah itu, tapi ayat tu macam perli. *Aa* sebenarnya benda-benda itu membuatkan kita lagi bersemangat. *Ha.* Lagi bersemangat, lagi bersemangat. (P4)

> Ya Allah aku tak nak menunjuk. Niatkanlah betul-betul tapi sekarang ni kita buat benda ni kita nak tunjuk dekat siapa-siapa untuk inspirasi orang lain, kurang-kurang ada benda yang kita boleh tunjuk. Ada benda yang orang boleh tiru, yang orang boleh bawa. Maksudnya nanti kalau siapa-siapa ada mentor yang lepas ni *haah*. Dia orang nak buat apa semua ni. *Ha* tirulah. Cantik ke buat ke macam mana ke buat je. (P4)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *Frankly speaking la kan ye aa I want to be a positive person. So those* yang rasa sedih itu memang sebab kalau ikutkan *track* kita, memanglah ada orang berkata-kata. Tapi lantak engkau la tapi sebab *I am a very positive person*.
> (P6)

4.4.5 Altruisme dan Harmonisme dalam Keserasian

Daripada temu bual, didapati bahawa sikap harmonisme yang ada dalam diri responden adalah mengimbangi pendekatan garang dan tegas dengan membimbing menti secara teliti, terancang, teratur dan sistematik. Hubungan yang positif ini, membantu membentuk persekitaran yang kondusif untuk proses pementoran, perkongsian idea dan perkembangan perniagaan bagi menti. Didapati bahawa, tingkah laku altruisme dalam diri responden telah memacu responden untuk dengan sukarela dan gembira membantu pelajar sehingga ke luar waktu kuliah malahan kadang-kadang sehingga pada hujung minggu. Dengan melibatkan diri secara lebih peribadi, beberapa responden menunjukkan dedikasi sejati kepada perkembangan pelajar dan perniagaan mereka sehingga ada yang membawa pelajar pulang ke rumah untuk sesi pementoran. Selain di rumah, beberapa responden juga menjadikan ruang kerja mereka sebagai tempat di mana pelajar boleh merancang, berbincang dan menyusun strategi bagi mengembangkan perniagaan mereka. Situasinya adalah pelajar bersama-sama berada di dalam bilik pensyarah, sementara pensyarah menjalankan tugasan lain seperti biasa. Gambarannya seolah-olah, bilik pensyarah tersebut adalah bilik menti juga. Sikap responden yang optimis dalam membentuk keserasian yang paling ketara di sini adalah membentuk persekitaran kreatif dan dekat dengan pelajar di mana perbincangan dan aktiviti pelaksanaan dilakukan di ruang kerja responden. Membawa pelajar balik ke rumah juga adalah pendekatan yang berkesan dalam membantu usahawan pemula

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memahami realiti keusahawanan dan memberikan pengalaman dan pembinaan keharmonian perhubungan mentor-menti yang berharga kepada usahawan pemula. Namun begitu batasan agama, tetap diutamakan oleh responden di mana hanya pelajar yang sama jantina sahaja yang diberi peluang ini. Berikut adalah kenyataan beberapa responden dan informan yang menggambarkan pementoran berlaku di rumah dan bilik pensyarah.

> *Aaa* dulu *aa*, seingat saksinya, kat situlah, bilik inilah, depan itu. *Aaa* memang saya marah dia, saya dah kata *kat* dia, kalau dia tak nak dengar cakap kita, sebab dia buat sesuatu yang kita tak benarkan, maknanya kita kata jangan buat macam itu, dia buat. *Then*, bila dia buat, benda itu gagallah. *So*, dapat impaknya rugilah *business* dia. Lepas itu nangis-nangis kat sini. *So*, saya pun basuhlah dia. *Ha*, macam itulah. Tapi tak panjanglah. Bila kita dah basuh-basuh, tapi sebenarnya dia jadi hubungan lebih baik, lepas tu, hubungan memang jadi lebih baiklah sampai memang duduk rumah saya siang malam jugalah, tidur kat rumah, apa semua. Jadi pementoran tu berlaku bukan sahaja kat *office,* tapi kat rumah juga, sebab kitorang memang *close*. (P3)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *Aa* memang *aa* lepas itu dia telefon saya, dia kata puan, saya nak masuk program TUBE, puan boleh bimbing saya tak? Itu saya kata tak apa, mari *je*, mari ja dekat bilik saya. Dekat *kat* bilik saya tu, ada ruangan depan itu memang untuk *aa* pelajar-pelajar nak kita *discussion* ke, ada komputer semua itu. (P7)

> Perjumpaan itu *anytime*. Dengan saya. Kalau kata jadual saya, saya ada kat dekat kolej, waktu jadual saya bukan mengajar *ha mai lah* jumpa saya. *Student* ni, bilik saya ni tempat dia pergi tidur lepak *aa* macam bilik kaunseling lah. Macam kalau kata saya ni memang kalau kata, *office* itu adalah rumah saya. *Hmm*. Saya akan duduk kat *office* itu sepanjang masa dia orang akan, saya ada *toto*. Dia orang hampar *toto* itu, *depa kan duk* teman saya *aa*, macam tulah, itulah *aa* saya dengan budak-budak. Maksudnya *very close* lah *aa*. (P7)

> Puan ni kalau untuk budak perempuan, puan ni akan bawa balik rumah semua dan memang akan uruskan A sampai Z *ah*. *So* jadinya kalau macam walaupun dah lewat malam pun puan akan *settlekan* dia orang dulu *aa* sebab apa *aa* yang lelaki kan boleh jaga diri *you* balik lewat macam mana pun kita orang tetap okeylah. Cuma puan ni dia jaga budak-budak perempuan memang dia jaga *kaw-kaw*, elok-eloklah *aa*. Dan dah menti perempuan itu pun sekarang tak silap saya dah berjaya memang memang dah berjaya *ah*, dah berjaya buka kedai semua dah kahwin dah pun. Menti yang ni, saya tau, dia siap dapat bimbingan *personal* kat rumah puan sampai 12 malam pun pernah. Tapi untuk perempuan sahaja. Puan tak pernah buat *mentoring* kat rumah untuk pelajar lelaki. (I9)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Salah satu aspek penting yang ditemui di dalam penyelidikan ini adalah, dalam usaha mewujudkan hubungan mentor menti yang serasi, tanpa paksaan beberapa mentor sangat berbesar hati memberi penghargaan kepada menti apabila pelajar ini mencapai kejayaan dalam perniagaan. Dalam situasi ini, sikap membina keserasian melalui tingkah laku altruisme dapat dilihat dengan kerelaan mentor mengorbankan wang sendiri, bagi membolehkan responden untuk menghargai pencapaian mentinya, baik besar atau kecil dan memberikan pengiktirafan yang pantas. Ini memotivasikan pelajar untuk terus berusaha dan mencapai prestasi yang lebih tinggi sekaligus mewujudkan harmonisme dalam hubungan mentor dan menti. Antara bentuk penghargaan mentor kepada menti adalah seperti yang dinyatakan oleh responden berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Sebab tu, masa saya bawa *diorang* ni pergi France, *ko* hangguk-hangguk *ko* faham *ke* Bahasa Inggeris? Dia tanya, mana ada Bahasa Melayu... *Training* dia memang kita kena bagi jawapan daripada A sampai Z... *so* dia buat kursus kejurulatihan, *so* belajar berulang-ulang, ulang sampai dibina... seminggu. Selain tu, apabila s*ale* kita bagus, kita bawa bercuti... *gi* Surabaya... dengan team, bercuti... kita dah asing duit *sale*. (P1)

> Saya rasa macam rugi lah bagi ilmu pada budak yang dia tak *passion.* Dia bukan dalam bidang keusahawanan, jadi saya... saya cuba tukar waktu itu *aa* tu lah kita bagi dia *task*. Dia buat tak? Kalau dia buat *okey* maksudnya betul-betul dia minat *so* kita bagi dia *reward*. Kalau dia berjaya buat benda itu, kita *reward* dengan *something* benda lain *aa* kita *reward*, dengan ilmulah. Kita kena bagi ilmu dekat orang yang betul-betul nak. Tujuan tu untuk masa depan dia jugalah sebenarnya. (P2)

> Lepas itu bila kita dah *train* banyak-banyak kita dapat kejayaan, kita tengok hasil kan. Kita mula dah rasa *passion* lah. Dah rasa seronok. Kadang kan walaupun *business* itu *student* punya, bukan kita punya. Kita rasa seronok kan?. Senyum lebar kira duit... *aaa* macam tu... Padahal sepuluh sen pun bukan duit kita. Tapi kita rasa *happy* kan? Tahun, 2013, *aa* saya bawa *aa* rombongan Cik Kiah Politeknik Malaysia masa itu Politeknik Merlimau dengan empat lagi *aa* tiga lagi politeknik lain. Kita mohon bajet dengan JPP. *So* kita orang pergi Guangzhou, China. Bawa *student* yang masa itu inkubator pertama kita oranglah. *Ha so student* itu dia dah ada duit, dia meniaga, dah dekat dalam Poli. *As a reward,* kita bawa *diaorang* pergi sana. *Kat* sana, dia borong barang-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> barang China kan? *Ooh* seronoklah. Balik kita buat karnival kat dia orang. Dia orang jual. Licin. Memang *happy* sungguh masa itu kan? Berpuluh ribu jugalah diorang dapat. Walaupun kita tak dapat apa-apa kan sebenarnya. Betul. Kita seronok tengok aje. (P3)

> Dapatkan geran lima ratus ribu untuk pengkomersilan produk dan pengeluaran produk pelajar. Benda ni boleh pergi jauh, dia kata, sebab produk *you* memang nampak ada potensi. Lepas itu dia *offer* kita orang ke satu program KPT Simbiosis, KPT. MTDC *aa* macam dia itu, macam daripada seratus turun enam puluh, enam puluh tiga puluh *haah*. Lepas itu pelajar saya ni memang aa sampai tiga ke aa tiga puluh yang terakhir dia masih kekal dan akhirnya *depa* dapat geran lima ratus ribu. *Aa* geran CRDF, untuk pengkomersialan produk. Ini *reward* terbesar saya usahakan untuk mereka. (P7)

Analisis temu bual dapatan penyelidikan ini juga, menggambarkan tindakan altruisme responden yang berusaha bersungguh-sungguh menjalinkan kerjasama dengan sumber luar untuk memberikan sokongan kewangan dan khidmat nasihat kepada pelajar tanpa mengharapkan balasan malahan memerlukan tugasan tambahan yang melebihi kerja hakiki. Daripada semakan fail-fail di pejabat responden, didapati bahawa proses untuk mendapatkan geran atau pembiayaan daripada agensi keusahawanan adalah satu tugas yang panjang dan rumit. Proses ini bermula daripada usaha pencarian agensi, perbincangan, permohonan kelulusan pengurusan kedua-dua institusi (PolyCC dan agensi terlibat) yang memerlukan penyediaan kertas kerja, proses kelulusan, pemantauan dan pelaporan. Komitmen yang tinggi adalah sangat diperlukan memandangkan tugas ini tiada dalam senarai tugas hakiki mahupun Fail Meja pensyarah. Hal ini disokong lagi dengan dapatan daripada analisis dokumen MEA 2021 seperti dalam **Jadual 4.9** yang menyenaraikan senarai agensi dan jumlah geran yang telah diusahakan oleh mentor dalam usaha melahirkan usahawan pemula di IPT seterusnya mengekalkan perniagaan tersebut sehingga kini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.9

Jumlah Geran Keusahawanan Yang Diperolehi Oleh Mentor Untuk Menti Bagi Tahun 2018-2021

Bil	Agensi	Jumlah (RM)
1	*CRDF*	RM500 000.00
2	*SME* Bank	RM10 000.00
3.	TUBE	RM15 000.00
4.	TEKUN	RM20 000.00
5.	KEDA	RM4500.00
6	Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)	RM10 000.00
7	ABM	RM74 000.00
8.	KPT	RM60 000.00
9.	Geran *T-ARGS*	RM95 000.00
10.	*CEDAR*	RM15 000
	Jumlah	RM 803 500.00

Sumber: Dokumen MEA 2021

Responden P4 menyebut kepentingan sokongan berterusan kepada pelajar melalui penglibatan kursus di INSKEN, RISDA, FAMA, dan FELDA. Altruisme terbukti dalam usaha responden untuk memastikan pelajar mendapat akses kepada pelbagai sumber sokongan dan latihan semasa pementoran berjalan. Melalui analisis dokumen MEA 2021 dan dapatan temu bual, terdapat 22 agensi yang terlibat dengan aktiviti keusahawanan di PolyCC.

Selain daripada latihan, responden juga bekerjasama dengan agensi ini dalam usaha mendapatkan geran, khidmat sokongan, fasiliti, mesin, premis perniagaan dan juga khidmat nasihat pembangunan produk seterusnya pengkomersilan. Senarai agensi yang diusahakan oleh mentor adalah seperti dalam **Jadual 4.10**.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.10

Senarai Agensi Yang Terlibat Dengan Usahawan Pemula PolyCC

Bil	Agensi
1	*Commercialization of Research and Development Fund (CRDF)*
2	*Small Medium Enterprise (SME) Bank*
3	Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE)
4	Yayasan TEKUN Nasional (TEKUN)
5	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah KEDA
6	Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)
7	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)
8	*TVET Applied Research Grant Scheme (T-ARGS)*
9	*Entrepreneur Development and Research Center (CEDAR)*
10	Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)
11	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)
12	Majlis Amanah Rakyat (MARA)
13	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
14	*Malaysian Digital Economy Corporation (MDEC)*
15	*Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MAGIC)*
16	Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)
17	*East Coast Economic Region (ECER),* Pahang
18	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
19	*Malaysian Blind Association (MAB)*
20	Pusat Zakat Selangor
21	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
22	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)

Sumber: Analisis Dokumen MEA 2021 dan temu bual

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.6 Altruisme dalam Ketelitian / Ketekunan

Individu yang tinggi dalam ciri kesungguhan adalah cenderung mempunyai ketelitian yang tinggi terhadap tanggungjawab dan komitmen mereka. Analisis dapatan temu bual, mendapati bahawa responden mempunyai ketelitian yang tinggi dalam melaksanakan tugas sebagai mentor. Atas ketelitian tentang tanggungjawab tersebut, responden adalah berkecenderungan memberi masa, tenaga dan wang ringgit mereka kepada pelajar sebagai usahawan pemula kerana responden melihat tindakan ini sebagai satu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan.

Semua responden mempunyai ketelitian dan memahami keperluan, kekuatan, dan kelemahan pelajar mereka. Responden mengambil masa untuk menilai tahap pengetahuan dan pengalaman pelajar dalam usahawan seawal mereka berada di semester satu. Ketelitian ini membolehkan responden untuk menyesuaikan pendekatan pementoran mereka dengan cara yang sesuai dengan setiap pelajar. Responden dapat menyediakan panduan dan sokongan yang sesuai dengan tahap perkembangan perniagaan pelajar.

Daripada analisis dapatan temu bual, didapati tema yang wujud dalam kebertanggungjawaban adalah menghasilkan kod-kod 1) perancang yang strategik 2) memahami tanggungjawab sebagai mentor dan sebagai pensyarah 3) berusaha sehabis baik menunaikan tanggungjawab 4) menghasilkan kerja dan dokumentasi yang kemas, teliti, bermutu, dan berkualiti. Daripada kod terpilih ini, tema psikospiritual Islam telah muncul dan akan diterangkan dengan lebih lanjut pada bahagian 4.8.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.7 Rumusan Dapatan Persoalan Penyelidikan Pertama

Tiga tema utama yang muncul daripada kutipan data ini dapat menjawab persoalan penyelidikan 1, iaitu bagaimanakah personaliti pensyarah sebagai mentor usahawan menyumbang kepada kelestarian perniagaan menti?. Tiga tema personaliti tersebut yang muncul setelah data dianalisis ialah altruisme, *enthusiasm* dan harmonisme.

Daripada analisis dapatan, didapati bahawa altruisme dan *enthusiasm* adalah dimiliki oleh semua responden dan disahkan oleh semua informan yang di temu bual. Analisis dokumen MEA 2021 juga menunjukkan kecemerlangan mentor dan menti dalam pertandingan yang menggambarkan hasil daripada altruisme dan *enthusiasm* responden. Analisis dokumen MEA 2021 juga menunjukkan banyak geran dan kerjasama yang dijalinkan oleh mentor untuk pembangunan perniagaan menti. Manakala elemen harmonisme ditemui pada tujuh responden dan ketiga-tiga informan. Namun begitu, elemen harmonisme tidak ditemui di dalam Dokumen MEA 2021.

Di dalam elemen altruisme, subtema adalah empati, kesanggupan membantu, kepercayaan dan pengorbanan yang meletakkan tanggungjawab sebagai mentor mengatasi keutamaan diri sendiri. Manakala subtema bagi elemen *enthusiasm* adalah semangat yang tinggi, pengorbanan masa, tenaga dan wang ringgit, semangat dalam menjalinkan kolaborasi demi kepentingan perniagaan menti dan semangat dalam hal-hal kreatif dan inovasi untuk perkembangan perniagaan menti. Seterusnya subtema bagi elemen harmonisme adalah meraikan menti dan keserasian yang kuat antara mentor dan menti.

Dapatan-dapatan tersebut dipaparkan dalam **Jadual 4.11** yang meringkaskan dapatan elemen altruisme, **Jadual 4.12** meringkaskan dapatan *enthusiasm*, dan **Jadual 4.13** meringkaskan harmonisme agar memberi gambaran yang lebih jelas tentang dapatan-dapatan ini dan bagaimana ianya memberi sumbangan kepada kelestarian perniagaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.11

Persoalan Penyelidikan 1: Analisis Data Personaliti Altruisme Pensyarah Sebagai Mentor Usahawan

RESPONDEN 1	RESPONDEN 2
Altruisme • **Empati** terhadap pelajar golongan OKU dan juga terhadap ibu bapa pelajar • **Empati** terhadap kesusahan golongan OKU dalam mencari pekerjaan • **Empati** terhadap sikap penafian ibu bapa terhadap kekurangan anak. • **Membantu** dengan ketegasan dan garang • **Mempercayai** kemampuan menti • **Pengorbanan** masa dan tenaga • **Kepercayaan** kepada idea-idea baru (inovasi) seterusnya berani mengambil risiko dengan melatih dan mengetengahkan potensi keusahawanan pelajar-pelajar OKU sehingga keperingkat antarabangsa. • **Berani mengambil risiko -** membuka perniagaan pelajar OKU di PWTC, KPT dan Kolej Komuniti	**Altruisme** • **Empati** terhadap pelajar yang lemah dalam pelajaran • **Empat**i terhadap pelajar B40 • **Membantu** dengan kaedah garang dan tegas • **Mempercayai** kemampuan menti • **Pengorbanan** masa, tenaga dan wang ringgit • **Kepercayaan** yang menjadikan responden bersifat optimis terhadap kritikan • **Berani mengambil risiko** - mengambil risiko membuka pernigaan tudung berjenama sendiri untuk memperilehi pengalaman berniaga yang sebenar.
Kaitan Kelestarian Perniagaan • Keinginan yang kuat agar pelajar mampu berdikari dan membuktikan kepada masyarakat bahawa mereka bukan lemah walaupun menti merupakan golongan OKU, menjadikan P1 terus menjadi mentor walaupun menti sudah tamat pengajian.	**Kaitan Kelestarian Perniagaan** • Altruisme dalam diri P2 membantu mengekalkan pelajar dalam perniagaan menti dengan mewujudkan hubungan yang kuat, memberikan sokongan holistik, membina kepercayaan, dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif, yang menyumbang kepada kelestarian perniagaan pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RESPONDEN 3	RESPONDEN 4
Altruisme • **Empati** terhadap pelajar yang datang dari keluarga susah • **Membantu** dengan kaedah garang dan tegas • **Mempercayai** kemampuan menti • **Pengorbanan** masa, tenaga dan wang ringgit • **Kepercayaan** kepada idea baru (inovasi) • **Berani mengambil risiko** dalam mencuba sesuatu yang baru dalam kerjaya dan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. • **Kepercayaan** yang menjadikan responden bersifat optimis terhadap kritikan.	**Altruisme** • **Mempercayai** kemampuan menti • **Pengorbanan** masa, tenaga dan wang ringgit • **Kepercayaan** kepada idea-idea baru (inovasi) • **Kepercayaan** yang menjadikan responden bersifat optimis terhadap kritikan. • **Berani mengambil risiko** dengan mencuba pelbagai jenis perniagaan.
Kaitan Kelestarian Perniagaan • Sifat altruisme P3, membantu mengekalkan perniagaan menti dengan mewujudkan hubungan yang kukuh, meningkatkan prestasi, dan memotivasikan pelajar untuk terus berusaha dan berkembang, seterusnya memastikan kelestarian perniagaan untuk jangka panjang.	**Kaitan Kelestarian Perniagaan** • Sifat altruisme P4, membentuk persekitaran yang membantu pertumbuhan dan mengekalkan perniagan menti dalam jangka masa panjang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RESPONDEN 5	RESPONDEN 6
Altruisme • **Mempercayai** kemampuan menti • **Membantu** dengan kaedah garang dan tegas • **Pengorbanan** masa dan tenaga • **Kepercayaan** kepada idea-idea baru (inovasi) – sokongan yang sangat kuat dalam pembangunan produk inovasi • **Berani menanggung risiko** dengan mempertandingkan idea-idea inovasi yang diperkenalkannya. **Kaitan Kelestarian Perniagaan** •Altruisme P5 mewujudkan lingkungan yang positif dan menyokong perkembangan perniagaan menti, membantu mengekalkan motivasi dan komitmen pelajar, meningkatkan kemampuan mereka untuk mengatasi cabaran, serta memastikan perniagaan sentiasa berinovasi dan bersaing.	**Altruisme** • **Mempercayai** kemampuan menti • **Pengorbanan** masa dan tenaga • **Kepercayaan** kepada idea-idea baru (inovasi) • **Kepercayaan** yang menjadikan responden bersifat optimis terhadap kritikan. • **Berani menanggung risiko** dengan membuka perniagaan siber kafe berkonsep “bukan biasa”. **Kaitan Kelestarian Perniagaan** • Sifat altruisme P6 yang mengandungi keyakinan terhadap kebolehan pelajar, pengorbanan masa dan tenaga, sokongan terhadap inovasi, dan pandangan positif terhadap kritikan, adalah penting dalam mengekalkan perniagaan menti dengan memberi dorongan, komitmen, peluang inovatif, dan persepsi positif terhadap kritikan, yang dikongsi bersama-sama untuk mewujudkan persekitaran yang menggalakkan pertumbuhan dan kemampanan perniagaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RESPONDEN 7	INFORMAN 8
Altruisme • **Empati** kepada pelajar susah • **Mempercayai** kemampuan menti • **Pengorbanan** masa, tenaga dan wang ringgit • **Kepercayaan** kepada idea-idea baru (inovasi) **-** sokongan yang sangat kuat dalam pembangunan produk inovasi • **Berani menanggung risiko** dengan mempertandingkan idea-idea inovasi yang diperkenalkannya.	**Altruisme** • **Memahami –** memiliki mentor yang tidak menyusahkan tetapi sangat membimbing sehabis daya • **Kepercayaan kepada kemampuan menti** – mentor menetapkan spesifikasi yang diperlukan dan membimbing menti dengan sabar mengikut spesifikasi tersebut
Kaitan Kelestarian Perniagaan Sifat altruisme P7, seperti empati terhadap pelajar yang susah, yakin dengan kebolehan menti, pengorbanan sumber, dan sokongan padu untuk inovasi, membantu mengekalkan perniagaan menti dengan mewujudkan hubungan yang mendalam dengan pelajar, memberikan dorongan positif, komitmen terhadap pembangunan, dan peluang inovasi, yang bersama-sama mewujudkan persekitaran yang menggalakkan pertumbuhan dan kemampanan jangka panjang perniagaan menti.	**Kaitan Kelestarian Perniagaan** Mentor kepada I8 merupakan seorang pensyarah yang sangat memberi komitmen berbekalkan kesabaran yang tinggi dan bukan seorang pensyarah yang garang. Komitmen dan kesabaran yang tinggi dalam membimbing menti menyebabkan menti terus berminat untuk mengekalkan perniagaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

INFORMAN 9	INFORMAN 10
Altruisme • **Mempercayai** kemampuan menti dengan memberi pementoran secara sangat garang kerana I9 merupakan menti yang agak tidak berdisiplin. • **Membantu** dengan kaedah garang dan tegas • **Pengorbanan** masa dan tenaga • **Kepercayaan** kepada idea-idea baru (inovasi) – sokongan yang sangat kuat dalam pembangunan produk inovasi dengan membantu mencari jaringan perniagaan bagi pembangunan dan pemasaran produk I9. • **Berani menanggung risiko** dalam banyak hal terutama risiko menjadi mentor kepada informan ini di mana informan ini merupakan pelajar yang bermasalah dalam akademik.	**Altruisme** • **Memahami menti** – membimbing dengan sikap lemah lembut dan sabar • **Pengorbanan** masa dan tenaga walaupun sehingga tengah malam mentor masih membalas pesanan *whatsapp* atau menjawab panggilan telefon. • Mengakui bahawa mentor **berani menanggung risiko** dengan pemilikan perniagaan yang pelbagai dan kesungguhan mentor mempertaruhkan menti dalam pertandingan-pertandingan.
Kaitan Kelestarian Perniagaan • Altruisme yang dimiliki oleh mentor kepada I9 iaitu mempercayai, membantu, berkorban, komitmen dan kesabaran yang tinggi dapat membantu menti kekal berniaga sehingga selepas bergraduasi. Pementoran mereka terus berjalan sehingga kini.	**Kaitan Kelestarian Perniagaan** • Sifat altruisme mentor I10, yang ditunjukkan melalui komitmen, kesabaran dan bimbingan berterusan, membantu menti mengekalkan perniagaan sehingga kini walaupun selepas bergraduasi.

DOKUMEN MEA
Altruisme • **Kepercayaan** kepada idea-idea baru (inovasi) – senarai kejayaan mentor dalam pertandingan inovasi • **Kepercayaan** kepada kemampuan menti – senarai kejayaan menti dalam pertandingan • **Keberanian menanggung risiko** memacu usaha mentor untuk memenangi pertandingan berprestij dan mendapat kedudukan yang terbaik dan mendapatkan geran serta menjalinkan hubungan dengan agensi-agensi keusahawanan.
Kaitan Kelestarian Perniagaan Pensyarah yang mengamalkan sifat altruisme menyokong menti dalam mengembangkan idea inovatif dan mempercayai kebolehan mereka, sekali gus meningkatkan potensi kejayaan serta keunikan produk bagi menjamin kelestarian perniagaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.12

Persoalan Penyelidikan 1: Analisis Data Personaliti Enthusiasm Pensyarah Sebagai Mentor Usahawan

RESPONDEN 1	RESPONDEN 2
Enthusiasm	***Enthusiasm***
• **Semangat** – kerja melebihi masa – dalam jadual waktu lima jam pertemuan, tetapi tamatkan pertemuan jam 6 petang • **Bertenaga** - setiap hari berubah, OKU cepat lupa, perlu sentiasa mengulangi apa yang telah diberitahu sebelumnya dan perlu sentiasa ada di depan pelajar. • **Bertenaga** – berusaha memasarkan produk pelajar	• **Semangat** – masuk kerja 7.30 pagi dan balik 6.00 petang dengan menyediakan masa khas kepada pelajar sebelum 8.00 pagi dan setelah 4.15 petang. • **Semangat** – melayan *whatapps* sehingga hujung minggu dan tengah malam • **Bertenaga** – berusaha memasarkan produk pelajar
Kaitan Kelestarian Perniagaan • *Enthusiasm* P1, mencerminkan semangat dan komitmen dalam memberikan sokongan kepada menti, memberi sumbangan yang besar kepada kelestarian perniagaan di mana ianya meningkatkan motivasi, meningkatkan proses pembelajaran, mewujudkan persekitaran yang positif, memastikan kesinambungan dalam aktiviti dan kepantasan dalam menyesuaikan diri dengan perubahan, sebagai memupuk hubungan mentor-menti yang kukuh, dalam membantu perkembangan dan kelestarian perniagaan pelajar.	**Kaitan Kelestarian Perniagaan** • *Enthusiasm* P2, menggambarkan semangat, komitmen dan keihklasan yang tinggi dalam bekerja dan kesediaan untuk memberikan masa dan sokongan tambahan kepada pelajar, seterusnya mencipta persekitaran di mana pelajar merasai sokongan dan bimbingan tersedia sepanjang masa. Ini membantu untuk mengatasi masalah dengan cepat, membuat keputusan yang lebih baik, dan merasa lebih yakin dalam menguruskan perniagaan mereka, yang kesemuanya merupakan faktor penting dalam kelestarian dan kejayaan perniagaan menti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RESPONDEN 3	RESPONDEN 4
Enthusiasm • **Bertenaga** – Sabtu Ahad perlu turun memantau dan membimbing menti di dapur. • **Semangat** – melayan *whatapps* sehingga hujung minggu dan selepas waktu kerja. • **Semangat** wang ringgit – penghargaan • **Bertenaga** – berusaha memasarkan produk pelajar	***Enthusiasm*** • **Semangat** – melayan *whatapps* sehingga hujung minggu dan selepas waktu kerja • **Semangat** wang ringgit – penghargaan • **Bertenaga** – berusaha memasarkan produk pelajar
Kaitan Kelestarian Perniagaan Sikap *enthusiasm* P3 adalah menunjukkan elemen penting dalam menyumbang kepada kelestarian perniagaan. Kesemua elemen ini bersama-sama membantu dalam kelestarian dan pertumbuhan perniagaan melalui pementoran yang efektif dan dorongan yang berterusan sepanjang masa yang menyediakan ruang penyelesaian masalah menti dengan pantas.	**Kaitan Kelestarian Perniagaan** Sifat *enthusiasm* P4, membentuk persekitaran yang membantu pertumbuhan dan mengekalkan jangka panjang perniagaan menti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RESPONDEN 5	RESPONDEN 6
Enthusiasm • **Semangat** – melayan *whatapps* sehingga hujung minggu dan selepas waktu kerja • **Bertenaga** – memastikan semua menti memiliki kolaborasi dengan pihak luar untuk memastikan produk diterima oleh komuniti • **Bertenaga** – berusaha memasarkan produk pelajar • **Semangat** – kreatif dan inovasi	***Enthusiasm*** • **Bertenaga** – selepas waktu bekerja sehingga ke petang atau pun malam. • **Semangat** – melayan *whatapps* sehingga hujung minggu dan selepas waktu kerja
Kaitan Kelestarian Perniagaan • *Enthusiasm* P5, menunjukkan elemen yang menyumbang kepada kelestarian perniagaan. dan dapat memberikan kestabilan serta pertumbuhan jangka panjang bagi perniagaan menti.	**Kaitan Kelestarian Perniagaan** • Sifat *Enthusiasm* P6 menjadikan pelajar lebih yakin dan komited terhadap pengurusan dan kelestarian perniagaan mereka. perniagaan.

RESPONDEN 7	INFORMAN 8
Enthusiasm • **Bertenaga** – selepas waktu bekerja sehingga ke petang atau pun malam, malahan kerapkali tidur di pejabat untuk membimbing pelajar terutama apabila menyertai pertandingan. • **Semangat** - wang ringgit untuk persediaan pertandingan dan pembangunan produk • **Semangat** – melayan *whatapps* sehingga hujung minggu dan selepas waktu kerja • **Bertenaga** – berusaha memasarkan produk pelajar • **Semangat** – kreatif dan inovasi	***Enthusiasm*** • *Enthusiasm* – gigih membimbing pelajar setiap hari sebelum dan selepas waktu pejabat.
Kaitan Kelestarian Perniagaan • *Enthusiasm* P7 sangat menyumbang kepada kelestarian perniagaan menti. Di mana sikap ini mencipta persekitaran yang penuh dorongan dan sokongan, membantu pelajar dalam mengatasi cabaran, mengembangkan produk, dan menjalankan perniagaan dengan berjaya. Kesemuanya ini bersama-sama mencipta asas yang kukuh untuk pertumbuhan dan kelestarian perniagaan dalam jangka panjang.	**Kaitan Kelestarian Perniagaan** • *Enthusiasm* mentor kepada I8, menggambarkan semangat dan komitmen yang tinggi dalam memberikan sokongan kepada menti. Sikap gigih dan bersemangat tinggi ini telah membantu I8 mengekalkan perniagaan sehingga sekarang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

INFORMAN 9	INFORMAN 10
Enthusiasm • **Semangat** – mentor yang akan *all out* dalam membimbing pelajar • **Bertenaga** – sangat energetik tidak sepadan dengan usianya yang melebihi 40an. • **Bertenaga** – bekerja sehingga lewat malam bersama-sama menti dengan semangat yang *kaw-kaw.* **Kaitan Kelestarian Perniagaan** • *Enthusiasm* yang dimiliki mentor kepada I9, adalah elemen bersemangat tinggi dan bertenaga dalam membimbing menti sehingga menjadikan menti mampu mengekalkan perniagaan.	***Enthusiasm*** • **Bertenaga** – banyak membimbing sehingga ke luar kelas. • **Semangat** – melayan *whatapps* sehingga hujung minggu dan selepas waktu kerja iaitu sehingga lewat malam. **Kaitan Kelestarian Perniagaan** • Sifat *enthusiasm* mentor kepada I10 iaitu bertenaga dan bersemangat menjadikan I10 lebih yakin dan komited terhadap pengurusan dan kelestarian perniagaan.

DOKUMEN MEA
Enthusiasm • Senarai kejayaan mentor dalam pertandingan inovasi • Senarai kejayaan menti dalam pertandingan • Senarai geran yang diterima oleh menti • Senarai agensi yang berkolaborasi dengan menti • Jumlah geran yang diterima oleh menti **Kaitan Kelestarian Perniagaan** • *Enthusiasm* pensyarah-pensyarah ini, mencerminkan semangat dan komitmen dalam memberikan sokongan kepada menti dalam pertandingan inovasi, pengurusan permohonan geran, kerjasama dengan agensi, dan pembangunan perniagaan. Elemen ini telah menyumbang secara positif kepada kelestarian perniagaan menti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.13

Persoalan Penyelidikan 1: Analisis Data Personaliti Harmonisme Pensyarah Sebagai Mentor Usahawan

RESPONDEN 1	RESPONDEN 2
Harmonisme • **Meraikan** – membawa ke Surabaya kerana jualan tinggi. • **Meraikan** – membawa ke France untuk mendapatkan latihan yang intensif bagi menti yang mempunyai potensi tinggi dalam perniagaan	**Harmonisme** • **Meraikan** - memberi hadiah / ganjaran atas kejayaan menti
Kaitan Kelestarian Perniagaan • Elemen harmonisme yang ditunjukkan oleh P1 dengan meraikan pencapaian tinggi pelajar melalui peluang seperti membawa mereka ke Surabaya dan Perancis menyumbang kepada kelestarian perniagaan untuk meningkatkan keyakinan diri, memberi peluang pembangunan kemahiran, membina hubungan yang kuat antara pensyarah dan menti yang akhirnya mendorong motivasi untuk mewujudkan persekitaran yang positif yang membantu dalam pertumbuhan dan kelestarian perniagaan menti.	**Kaitan Kelestarian Perniagaan** • Elemen harmonisme yang ditunjukkan oleh P2 mewujudkan persekitaran yang positif dan memotivasikan pelajar untuk berusaha lebih gigih dan terus mencapai kejayaan dalam perniagaan mereka sekaligus boleh meningkatkan keinginan mereka untuk terus berkomitmen dan berdaya saing dalam pasaran perniagaan. Selain itu, tindakan ini membina hubungan mentor-menti yang kuat dan menjadikan perniagaan menjadi lebih berpotensi untuk berjaya dalam jangka panjang kerana merasa dihargai dan didorong untuk terus maju.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RESPONDEN 3	RESPONDEN 4
Harmonisme • **Keserasian** - membawa pelajar balik ke rumah untuk proses pementoran • **Meraikan** – membawa ke Guangzhou, China untuk mencari stok jualan bagi mereka yang betul-betul minat berniaga	**Harmonisme** • **Meraikan** - menghantar menti ke kursus luar untuk mendapat maklumat yang lebih tepat.
Kaitan Kelestarian Perniagaan • Elemen harmonisme P3, mewujudkan persekitaran yang positif di mana pelajar merasa dihargai, didorong, dan mempunyai peluang untuk mengembangkan perniagaan mereka dengan berjaya. Hal ini memberikan dorongan besar kepada kelestarian perniagaan dalam jangka panjang.	**Kaitan Kelestarian Perniagaan** • Elemen harmonisme P4, ini membantu meningkatkan kemahiran, rangkaian, dan keyakinan diri menti dalam pengurusan perniagaan, yang merupakan faktor penting dalam kelestarian perniagaan dalam jangka panjang.

RESPONDEN 5	RESPONDEN 6
Harmonisme • **Keserasian** dengan memberi sokongan yang sangat kuat dalam pembangunan produk inovasi	**Harmonisme** • **Keserasian** – mentor merupakan pensyarah yang bersedia ditemui oleh pelajar selepas kuliah sehingga ke lewat petang.
Kaitan Kelestarian Perniagaan •Keserasian dan sokongan yang sangat kuat dari P5 dalam pembangunan produk inovasi memberikan asas yang kukuh bagi pertumbuhan dan kelestarian perniagaan menti. Hal ini memastikan menti boleh bersaing dengan jayanya dalam pasaran yang kompetitif dan berubah-ubah.	**Kaitan Kelestarian Perniagaan** • Keserasian wujud dengan pengorbanan masa mentor yang membantu menti lebih bersemangat untuk mengekalkan perniagaan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RESPONDEN 7	INFORMAN 8
Harmonisme • **Meraikan** menti dengan mengusahakan agar menti-menti mendapat geran • **Keserasian** membenarkan menti menggunakan ruang kerja P7 untuk urusan pengurusan perniagaan menti.	**Harmonisme** • **Keserasian** – mentor merupakan pensyarah yang sangat mudah didekati dan boleh ditemui dengan mudah serta boleh berkongsi pendapat walaupun berlainan dengan menti.
Kaitan Kelestarian Perniagaan • Elemen harmonisme ini mewujudkan keadaan yang kondusif untuk perkembangan perniagaan menti dengan memberikan sokongan kewangan, sumber daya, dan motivasi yang diperlukan. Hal ini membantu meningkatkan peluang kelestarian perniagaan menti dan membina asas yang kukuh untuk pertumbuhannya.	**Kaitan Kelestarian Perniagaan** • Elemen keserasian telah menjadikan I8 dan mentor memiliki hubungan yang harmoni dan menjadikan menti lebih bersemangat untuk kekal dalam perniagaan.

INFORMAN 9	INFORMAN 10	DOKUMEN MEA
Harmonisme • **Keserasian** – membawa pelajar sampai ke rumah	**Harmonisme** • Masih berhubung sehingga kini	**Harmonisme** • Tidak ditemui
Kaitan Kelestarian Perniagaan •Keserasian dan sokongan yang sangat kuat dari mentor kepada I9 mewujudkan suasan yang harmoni dan memberi semangat kepada I9 untuk kekal dalam perniagaan.	**Kaitan Kelestarian Perniagaan** • Hubungan yang serasi serta sokongan padu daripada mentor kepada I10 telah mencipta suasana harmoni dan mendorong I10 untuk terus bertahan dalam perniagaan.	**Kaitan Kelestarian Perniagaan** • Tiada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5 Persoalan Penyelidikan Kedua: Bagaimanakah Pensyarah Menggunakan Pengalaman, Semasa Pementoran Usahawan Pemula Bagi Menyumbang Kepada Kelestarian Perniagaan Menti?

Bahagian ini membentangkan dapatan penyelidikan untuk menjawab persoalan penyelidikan kedua, iaitu bagaimanakah pensyarah menggunakan pengalaman semasa pementoran usahawan pemula bagi menyumbang kepada kelestarian perniagaan menti? **Jadual 4.14** yang berikut adalah antara soalan utama yang dikemukakan kepada responden mengenai bagaimana mereka menggunakan pengalaman berniaga dan pengalaman menjadi mentor semasa proses pementoran usahawan pemula di PolyCC.

Jadual 4.14

Soalan sesi temu bual berkaitan elemen pengalaman

Soalan
Pengalaman berniaga
28) Adakah Dr/puan pernah ada pengalaman berniaga?
29) Jika ya, adakah ianya mempengaruhi keupayaan Dr/puan untuk membimbing pelajar membuka dan menguruskan perniagaan?
30) Bagaimana?
31) Jika tidak, bagaimana Dr/puan membimbing pelajar membuka dan menguruskan perniagaan mereka?
32) Apakah pengalaman sebagai usahawan membantu Dr/puan memainkan peranan sebagai mentor usahawan?
Pengalaman pementoran
33) Adakah Dr/puan pernah ada pengalaman menjadi mentor (apa-apa bidang-tidak semestinya keusahawanan? Jika ya, apakah adakah ianya mempengaruhi keupayaan Dr/puan untuk membimbing pelajar membuka dan menguruskan perniagaan?
34) Bagaimana?
35) Jika tidak, bagaimana Dr/puan membimbing pelajar membuka dan menguruskan perniagaan mereka?
36) Apakah pengalaman sebagai mentor membantu Dr/puan memainkan peranan sebagai mentor usahawan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengalaman merupakan elemen penting dalam membantu proses kelestarian perniagaan usahawan pemula di IPT. Untuk menerangkan bagaimana elemen ini memainkan peranan dalam kemampanan perniagaan usahawan pemula, analisis data dijalankan menggunakan pendekatan analisis tematik seperti yang dicadangkan oleh Braun & Clarke (2006). Proses ini dimulakan dengan membiasakan diri dengan data, di mana transkrip temu bual dibaca secara berulang bagi mengenal pasti idea awal dan pola yang berpotensi menjadi tema utama. Seterusnya, proses pengekodan awal dilakukan dengan mengenal pasti dan memberi label kepada unit makna dalam data yang berkaitan dengan aspek perniagaan, kejayaan usahawan, dan pengalaman dalam dunia keusahawanan. Melalui proses ini, sebanyak 50 kod awal dikenal pasti. Kod-kod ini kemudiannya dianalisis dan dikelompokkan berdasarkan persamaan serta kaitannya dengan peranan pengalaman dalam pementoran. Hasil daripada proses ini, sebanyak 13 kod utama yang menggambarkan cara perniagaan dan penggunaan pengalaman dalam konteks bimbingan keusahawanan telah dikenal pasti.

Dengan memahami kod-kod ini, analisis lanjut telah membawa kepada pembentukan tiga tema utama iaitu i) Mengaplikasikan pengalaman perniagaan sedia ada, ii) meniru pengalaman usahawan lain, dan iii) mengadaptasi pengalaman mentor lain sebagai panduan dalam pementoran. Tema ini menjelaskan bagaimana kumpulan kod yang dikenalpasti menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang cara pensyarah di PolyCC memanfaatkan pengalaman mereka sendiri serta pengalaman individu lain dalam membimbing usahawan pemula secara efektif, beretika, dan mampan.


Rajah 4.5 menunjukkan tema yang diperoleh dalam elemen pengalaman, manakala **Jadual 4.15** menyenaraikan tema yang terhasil dalam penyelidikan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.5

Tema bagi elemen pengalaman berniaga: Mengaplikasikan, imitasi dan adaptasi pengalaman mentor lain



Jadual 4.15

Tema bagi elemen pengalaman

Membiasakan dengan data (sebanyak mungkin)	Pengekodan awal (Kumpulkan mengikut kelompok kod)	Pencarian tema (kumpulan yang sama, yang lebih luas)	Penyemakan, penamaan dan definisi **TEMA**
Pengalaman berniaga (28 kod)	Kunci Utama Pementoran	Aplikasi	**APLIKASI**
	Membantu Proses Pementoran	Aplikasi	
	Pengalaman Sebenar	Aplikasi	
	Sosial Media	Mengambil contoh	**IMITASI**
	Pelbagai sumber lain	Mengambil contoh	
Tiada pengalaman berniaga yang khusus (22 kod)	Usahawan berjaya	Meniru	
	Mentor lain (menti)	Adaptasi	
	Memiliki mentor (Mentor)	Adaptasi	**ADAPTASI**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5.1 Mengaplikasikan Pengalaman Perniagaan

Daripada analisis temu bual, didapati bahawa pengalaman berniaga adalah elemen kompetensi yang sangat membantu proses pementoran. Semua responden mempunyai pengalaman berniaga samada membantu menguruskan perniagaan yang dimiliki oleh ahli keluarga responden, atau terlibat dengan pengurusan perniagaan institusi seperti koperasi milik institusi. Dengan menggunakan pengalaman peribadi dalam pengurusan perniagaan, stok, modal, sumber manusia, kewangan, dan pemasaran, responden dapat memberikan panduan yang kukuh dan relevan kepada usahawan yang mereka bimbing. Para responden menyatakan bahawa pengalaman ini sangat membantu mereka menjalankan tugas sebagai mentor usahawan sehingga elemen ini menjadi kompetensi yang diperlukan dalam pementoran usahawan terutama kepada usahawan pemula. Berdasarkan analisis dapatan temu bual, responden mempunyai pengalaman perniagaan yang luas dan berharga di mana ianya menjadi aset penting dalam proses pementoran usahawan pemula di PolyCC.

Berikut adalah beberapa aspek yang menonjolkan pengalaman perniagaan responden dalam membantu usahawan pemula. Beberapa responden iaitu P3 dan P6 menekankan bahawa pengalaman sebenar dalam berniaga jauh lebih membantu proses pementoran usahawan pemula berbanding dengan kelulusan akademik. Responden menganggap bahawa pengalaman yang sebenar dalam dunia perniagaan adalah kunci utama untuk menjadi mentor yang berkesan seperti yang dinyatakan oleh responden P2, P3 dan P6 berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Masa itu saya buat *aa business* tudung. Saya buat sendiri, jenama semua saya buat sendiri. Saya cuma, saya kata saya buat benda tu sebab saya nak buktikan, saya ada ilmu *business* supaya saya boleh tolong *student*. (P2)

> Kita punya *business* dulu, baru kita nak bantu *student*. Kita pula dah tahu dah tekniknya. Kita boleh boleh menjadi permentoran kita itu lebih baik lagi. Betul. Sebab ada pengalaman kita sendiri. Maksudnya, *degree* tu, tak, tak ada lah membantu, tetapi yang membantu banyak adalah tadi lah yang membantu, Pengalaman sebenarnya. Ya pengalaman. (P3)

> Pengalaman berniaga banyak membantu pementoran. *A lot* sebab aa kita *cannot talk* kosong, *so when* kita ada pengalaman itu, kita *try to do better from what we did*. Tu kata, kalau kita tak ada *ummmp* dengan pekerja, *business lost*. Kalau kita tak *manage time, loss*. *In term of* semua lah. Pengurusan stok. Dia sebabnya kita bekerja kan. Bila kita bekerja, kita memang berikan 100% kepercayaan kepada kita punya staf. Tapi staf dia buka, buka kedai pun pukul sebelas. Sebab bukan kedai dia. *My first pekerja very good*. Dia *so istiqamah*, dia tak berkawan, dia tunggu, dia jaga. *And that is why I get* apa ni pulangan daripada *return back my investment* itu. Baik. Maksudnya dia seronok. Yang kedua pun *commited*. *I* kata *you* bukan bekerja, *you are my partner also*. Yang ketiga tu yang dia bila photostat *machine*, *I* ada fotostat sekali dalam kedai tu. *So* bila *photostat machine* rosak, dia tak ada inisiatif nak *call*. Dia bagitau *I* dah lewat petang. Dia pun tak *call I*. Tapi dia pun *tak call. So, start from my third. I* tak salahkan dia. Ya. *I* salahkan *I* sebab *I* punya *management of time, I manage I* punya pekerja. *I didn't put commitment a lot* kat dia. Bila kerja dah bertambah okey asalkan ada, asalkan jalan. Tapi memang pengalaman *you* dalam satu-satu *business* memang banyak membantu *you* punya *mentoring*. (P6)

Seterusnya, responden P4, P5 dan P6 berpendapat bahawa seorang mentor perlu benar-benar menyelami dunia usahawan, mengalami kesulitan dan cabaran yang dihadapi oleh usahawan pemula, akan dapat membantu mentor memahami proses dan pengalaman yang diperlukan untuk menjadi seorang usahawan. Berikut adalah petikan yang disebut oleh responden-responden tersebut.

> Sangat membantu. *Okey* sebab itu kita boleh menjiwai. Bila jadi usahawan ini, bila jadi mentor usahawan lah *especially* aa mentor usahawanlah fokus untuk mentor usahawan kan *haah aa* maknanya kita kena ada *at least* satu dua aa kena ada pengalaman. Pengalaman kita berniaga, maksudnya kita yang aa apa *special* apa semua itu mungkin dia akan terkesan juga. (P4)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Ya sangat membantu. Sangat-sangat. Sebab kita akan nampak aa *real situation* tapi aa macam bidang saya *more* kepada *F&B, food* sebab *family* saya *more to* dia ada restoran, ada *catering business* and *so on*. Tetapi pelajar-pelajar kita ni lebih kepada *engineering*, bidang bidang macam-macamlah. *International business, electrica*l. Jadi kita perlu faham *aa* skop pekerjaan mereka, baru kita boleh bantu. Skop bidang dia. Kita *adapt* pengalaman pengurusan *business* kita dalam bidang mereka. (P5)

Melalui pengalaman peribadi responden dalam kejayaan dan kegagalan operasi perniagaan, responden P6 telah berkongsi pengalaman kepada menti bagaimana mengoptimumkan proses perniagaan, meningkatkan kecekapan pengurusan, dan meminimakan kesilapan dalam perniagaan. Pengalaman kegagalan dalam perniagaan sendiri yang dimiliki oleh responden P6 dalam perniagaan telah menjadikan beliau lebih mahir dan berhati-hati dalam pengurusan kewangan, sumber manusia, dan penyelesaian konflik untuk dikongsikan kepada menti agar menti tidak melakukan kesilapan yang sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *Few things* lah. *Aa* satunya bila budak *keep on coming and asking*. Dia maksudnya dia berulang-ulang. So maksudnya nak *share, they come and share and talk,* maksudnya dia cerita pengalaman dia cerita masalah dia kita cerita pengalaman kita. *I* selalu bercerita pada budak-budak ni *student especially* masa *I* punya *business* tu. *Business was booming*. *For three years. After that* dia *collapse*. *So, the problem* bukan pada staf tapi berat. *So* pengalaman itu memberikan pada *student aa* dia punya *pro and cons* dia punya *business*. (P6)

Pengalaman responden dalam menguruskan inventori atau stok dalam perniagaan mereka, boleh dijadikan contoh tentang bagaimana mengendalikan bekalan dengan cekap. Mereka berkongsi malahan memastikan menti melaksanakan cara mengira keperluan stok, merancang pesanan, menyimpan persediaan yang terlalu banyak atau terlalu sedikit, dan menguruskan pusingan stok.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Contohnya macam paling *basic* lah apa pengurusan stok. Pengurusan modal. *Operation* yang macam mana kann... *supplier* nak ambil dengan *sapa*? *Stuck* modal nak buat apa? *Stuck stock* aa cara nak apa? Nak berhadapan dengan aa *customer* merasailah. *So* kita sebagai mentor usahawan ini kita kena menyelami. Macam mana nak jadi usahawan? Sebab kalau tak menyelami kita tak tahu apa kesusahannya. Jadi seorang usahawan. Kita kena *try.* (P4)

> *Aa so* maknanya proses itu sebenarnya kita kena *highlight* dekat *student* tapi aa *aa at the beginning*, kita kena merasai benda itu. Baru kita tahu *ooh* apa *step* yang kedua. Kita ada fasa kita *aa* apa produk kita punya *life cycle*. Produk pun ada, *life cycle* dia. Maknanya kita ada satu, dua, tiga. Sampai satu tahap kita kena rasa waktu kita kena *relaks* dah. (P4)

> *A lot. Okey. Aa lot. A lot* sebab *aa* kita *cannot talk* kosong, *so when* kita ada pengalaman itu, kita *try to do better from what we did*. *From my business*, tu kata, kalau kita tak ada *ummmp* dengan pekerja... *lost*. Kalau kita tak *manage time, loss*. *In term of* semua lah. Pengurusan stok. (P6)

> Sangat sangat membantu. Kita boleh *deal* dengan macam mana kita nak *deal* dengan pelanggan, macam mana kita nak ni, lepas itu, simpan stok. Kalau *stuck* modal macam mana nak buat, lepas itu nak rekod modal kita, nak pastikan kita nak apa, nak telefon apa, kita punya ini pernah nak apa? Nak tambah stok. Semua tu kita nampak sendirilah benda itu. Lepas itu satu lagi, orang kata *kat* situlah saya bukan setakat jual nurseri itu *je*, saya pun ada *Shoppee*. Dalam *Shoppee* pun saya berniaga. *Shoppee* saya jual itulah barang-barang itu. Yang bunga tadilah. Sebelum-sebelum itu masa *first* dulu belajar *Shoppee*, jual belacan, jual benda-benda yang sekitar kita yang asam keping semua itu. Jual yang itu lepas itu lama-lama dah *terror* sikit jual yang kita produk kita ni. (P7)

Triangulasi bagi dapatan ini yang menggambarkan betapa pentingnya pengalaman dalam perniagaan dalam memberikan pementoran usahawan pemula di PolyCC diperolehi daripada temu bual bersama menti dan analisis dokumen MEA 2021. Pengalaman perniagaan yang dimiliki mentor telah membantu menti seperti yang dinyatakan oleh responden I9 dalam memahami aspek-aspek penting dalam perniagaan, seperti pengurusan kewangan, hubungan dengan ejen dan dropship, pemasaran, dan perhubungan awam. Menurut I9, mentor tidak hanya berkongsi teori atau pengetahuan umum tentang perniagaan, tetapi juga mengajar kemahiran praktikal berdasarkan pengalaman sebenar. Situasi ini menjadikan proses pementoran lebih bermakna kerana ia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bersifat nyata dan relevan. Kesediaan mentor untuk berkongsi pengalaman dan ilmu praktikalnya memberi sumbangan positif kepada pementoran usahawan pemula sekaligus membantu pelajar untuk lebih bersedia memasuki dunia perniagaan selepas menamatkan pengajian mereka. Kenyataan informan I9 dan I10 serta data dari dokumen MEA 2021 yang berikut jelas menunjukkan bagaimana pengalaman berniaga sangat membantu proses pementoran usahawan pemula.

> Puan memang ada buat satu *business*. Ye lah pengalaman beliau pun agak meluas sebenarnya. *So* jadinya dia ada kongsikan pengalaman beliau kepada saya contohnya, *eh* saya bagi contoh, saya ni buat *business* dulu agak caca marba, pengurusan saya agak memang sangat-sangat caca marba daripada segi kewangan, segi pengurusan ejen dengan *dropship*, *marketing, PR* saya memang *out*. *So* jadi bila puan kongsikan ilmu, apa itu kongsikan pengalaman beliau dia membuatkan saya buat kerja dengan terurus. Tak ada cacat-cacat, tahu. Tak ada *aa* so *Alhamdulillah*. *Aa* jadinya sangat-sangat membantulah. Jawapan dia sangat-sangat membantu. (I9)

> Jadinya *aa* puan punya pengalaman pun banyak. Macam mana *aa* cara kita nak menjalankan sesebuah syarikat itu *aa* dengan baik, cara kita nak *handle client*, cara kita nak kuatkan mental, semua itu banyak saya dapat input daripada puan lah sebab dia sendiri pun memang *running business* dan kita pun nak buka sesuatu syarikat itu kita pun kena ada ilmu. (I10)

> Dengan minat, kelayakan akademik dan pengalaman yang mendalam dalam bidang keusahawanan untuk mengaktifkan diri dalam pembangunan dan pendidikan dalam kalangan pelajar TVET mendorong beliau terus bergerak aktif. (D10)

Secara keseluruhannya, pengalaman berniaga yang dimiliki oleh responden menjadi landasan penting dalam memberikan pementoran yang berkesan kepada usahawan pemula di PolyCC. Mereka tidak hanya memberikan pengetahuan secara praktikal, tetapi juga memperoleh pelajaran berharga yang hanya dapat difahami melalui pengalaman nyata dalam dunia perniagaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5.2 Imitasi Pengalaman Usahawan Lain

Memandangkan terdapat kekangan untuk berniaga dalam kalangan pensyarah PolyCC kerana mereka terikat dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam yang sedang berkuatkuasa, maka pengalaman perniagaan yang dimiliki oleh responden adalah terhad. Oleh itu, bagi sesetengah situasi, responden akan meniru pengalaman usahawan lain untuk dijadikan perkongsian kepada menti semasa proses pementoran. Mereka mengkaji sendiri tentang profil pengalaman usahawan-usahawan berjaya untuk ditiru dan dikongsikan kepada menti. Responden memanfaatkan buku, artikel, blog, *You Tube*, dan sosial media yang berkaitan dengan dunia perniagaan untuk memperoleh pengetahuan dan pemahaman tentang strategi, amalan terbaik, dan perkembangan dalam industri tertentu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *Plan step by step, study* sendiri...memang kena sabar. Kawan *office* yang tolong... ada yang faham... ada juga yang tak faham, *aaa* dia dapat tak, *I* dah bagi *Form* tu, takkan dia tak tau... tak bolehhhh? Kalau susah sangat, *I* bayar je... *aaa consultant* kan ada banyak... kalau ada kawan yang berpengalaman, kawan tu akan tolong. Kalau ada parents sekali, kita terangkan, tolak kedai juga. (P1)

> Okey saya akan *study*, semua berkenaan dengan aa *blog* aa *Facebook* orang semua itu. Saya akan buat. Saya pun rasa nak kata hebat, tak hebat *aa* tapi saya tak sangka. Bila kita susun strategi itu, boleh menang. Macam, ya Allah tak sangkanya. Saya pun dulu bukannya *ooh* siapa-siapa, tapi kita *based* pada apa yang kita boleh buat untuk ni. Saya buat macam itu resepi saya. *Study* apa kita nak kriteria itu. Kena berkorban masa, dengan pelajar pun kita kena bimbing pelajar. (P7)

Sebagai mentor, responden mempelajari kes sebenar bagaimana usahawan mencapai kejayaan atau menghadapi cabaran dalam perniagaan mereka. Dengan menganalisis langkah-langkah yang diambil, strategi yang digunakan, dan rintangan yang berjaya diselesaikan oleh usahawan lain, responden telah mendapat perkongsian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengalaman yang sangat berharga. Di samping itu, responden juga ada meminta menti untuk menghayati dan memahami perjalanan usahawan berjaya untuk dicontohi samada dari segi personaliti mahupun dalam aspek pengurusan perniagaan.

> Kak bagi masa tu, tak ramai lah. Cuma kita *share* apa yang OKU yang berjaya lah, macam yang boleh buka *resort* seperti OKU yang dekat Thailand tu. Yang berjaya untuk dicontohi cuma kepada pelajar-pelajar sekarang, bagilah menti-menti akak yang telah berjaya. Dia buat perniagaan kecil seperti Farid yang jadi usahawan buat kuih kapit kat Kelantan, dan sorang lagi Nasira kat Kuala Berang, alumni pekak, buka *bisnes base* yang mana adalah *Inspired Kitchen team* juga masa dia belajar kat sini dulu. (P1)

> Ada.. ada. Saya ada bagi contoh usahawan berjaya kepada menti. Saya beri contoh dari Usahawan Alumni, dan dari usahawan berjaya. Contoh usahawan berjaya yang saya jadikan contoh kepada menti macam Hannan Medispa, Khairul Aming, Anne Idris *(My Mums Bakery)*, Datuk Maznah Ismail dan banyak lagi. Contoh usahawan alumni pun ramai; antaranya Khairul Rijal, *Alpha Beta Printing and Advertising Sdn. Bhd*, alumni JKE, Ubaidullah Jaafar, *Mastery Success Sdn. Bhd,* alumni JKE, Siti Khairul Nisha Kamarudin - *CakeChantek*, alumni JPH dan banyak lagi. (P3)

> Sebab itu dia kalau kita *involve* dengan usahawan ni kak, *ooh* kalau orang usahawan macam ini, kita, kita tak ada benda itu tau. Kita nak cari *lecturer* kita? Tak ada. Tak ada pengalaman itu. *Ha*, jadi pengalaman itu, kalau pun pengalaman orang kita ambil. *Aa* kita ambil. Kita ambil untuk kita gunakan untuk proses, proses pembelajaran kita. Oh, tadi pun dah cakap juga. Kita ambil contoh-contoh. Contoh pengalaman kan. sebab tu, kita tak ada pengalaman itu, tapi contoh yang kita belajar daripada usahawan, kita boleh cerita dekat *student*. (P4)

> Kita bagi bukti-bukti tunjuk kalau buat macam ini macam mana. Kalau macam ini macam mana. *Aaa background* dia itu, sifat-sifat apa kata *characteristic* menjadi usahawan itu kita kena *highlight* dekat dia. (P4)

> Kita boleh bagi contoh-contoh yang dah lepas lah. Macam yang apa itu yang baju-baju Melayu itu? Bulan Bintang. Budak UKM. Itu pun tapi sekarang ni dia boleh *stay* dengan maknanya dia punya *partner* tu daripada kawan dia dulu. Maknanya tak ada berpecah lagilah. Tapi *Bliese* terus terang dia cakap, dia dulu masa belajar orang lain. Lepas itu siap *rebranding tau*. Nama. *Ha rebranding* nama. Sebab *compete*. *Aaa* tapi maknanya kita boleh selisih pun sama je. Alah lagi kan Nike pun bergaduh kan? Levis *ke* apa? Nike *ke* Levis yang dua beradik itu. Kan? Dua beradik bergaduh. *Aaa* tukar sampai tukar jenama itu. Itu yang kita kata jenama yang besar. Apatah lagi, kita yang apa ikan bilis ni pun kan. Mak dengan anak pun ya kan. Ada satu syarikat itu yang dia macam dengan mak dia ya. Bukan Faizah ke? Beras itu? *Ah* dengan anak itu. Yang itu. Itu kalau kita tengok dia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

establish tau, kira nya kan? *Ha*. Tapi maknanya ada konflik juga. Maknanya sampai boleh saman, benda apa. Itu konsep mentor ini aa bercerita. Bagi contoh. Kita bagi *proven* punya *story* lah, *success story* untuk belajar. Tapi betul, mentor ni kena *knowledge* nak bagi dekat *student* tu, banyakkan contoh-contoh yang lepas. Contoh-contoh yang boleh *student* nampak. *Aaa student* nampak. (P4)

Ada, *i always use influencer*. *First share with them* dengan Irfan Khairi. Ni untuk dari segi *personality as an entrepreneur* yang perlu dicontohi dan diambil pengalamannya dalam perniagaan. (P6)

Other than motivational words, I have my aspiration to inspired students' passion for entrepreneurial success. I take them a benchmark to a few outstanding locations and have a session of questions and answers with the owner of the business. Organize talk with excellent personal in business among the community so students can see the ups and down's to be involved in the business. I encourage students to explore online marketing and promote their business on FB, Instagram, and any other means of online business. This is a continuous motivation I give to my students to be successful in the business world.

(Dokumen MEA 2021-P6)

Saya memang, memang sentiasa bagi contoh usahawan berjaya kat dia orang sebab memang bila ajar, satu, satu-satunya ajar keusahawanan lah. Dan bila saya *guide* pelajar-pelajar ni, menti-menti saya ni, saya akan mulakan dengan *depa* ni dengan motivasi dengan benda yang dia orang kena set, iaitu saya akan bagi contoh-contoh usahawan. Contohnya saya bagi contoh yang terdekat seperti *aaa* Syed Mokhtar Al-Bukhari. *Ha* macam contohnya yang paling besarlah, yang *billionaire*. Yang mana, saya cerita dekat dia orang daripada mula dia sebagai kerjaya sebagai apa? Dia ada lah bela lembu. Lepas tu dia meniaga dan dekat dia punya pasar, dia tengok daging ada lebihan. Macam mana dia gunakan daging? Dia kumpulkan daging-daging tu, mulakan dengan business tu dengan dekat situ. Dan akhirnya sekarang ni jadi *billionaire*. Dan saya bagi *step by step* lah cerita dia, bagi gambaran dekat anak menti ni dulu. Kat situ. Tu yang cara biasalah. Dan contohnya Bonda Rozita Sendayu Tinggi pun salah satu contoh yang saya bagi. Yang mana dia, dia macam mana daripada bawah kesusahan dia sampailah dia sekarang ni dah jadi orang usahawan yang berjaya dan dia banyak berkongsi-kongsi dia punya ilmu yang dia ada, dari segi orang tu kata apa? Rawatan tradisional untuk ibu, untuk wanita dan saya juga bagi contoh macam Aliff Syukri dengan Datuk Vida. Dari segi perniagaan bagus, tapi dari segi *attitude* yang dibawa tu kita boleh tengok sendiri. Dan saya bagi *pro and cons* terhadap apa yang Alif Syukri bawa dan Datuk Vida bawa. Yang kita, kalau boleh kita jangan ikut. Maknanya, yang mana kita boleh ikut, yang mana tak boleh ikut, saya bagi gambaran kat dia orang. Dan lebih saya bagi contoh lebih lagi kepada dia orang adalah usahawan usahawan industri yang dibawah kolaborasi dengan Baling. Contohnya Cik Puan Gojes. CPG, CPG Puan Aishah Raymond dan satu lagi Kapok Design. Yang contohnya macam Kapok Design di mana dia daripada kerja bank. *Ha* macam mana dia boleh berhenti kerja bank? Dia mulakan daripada bawah dengan guna kemahiran isteri dia tu untuk buat produk-produk ibu-ibu mengandung. Ibu-ibu dah bersalin dan produk-produk *baby*, dan dekat situlah dia buka banyak cawangan. Dan daripada cawangan dekat situ dia nampak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> lagi peluang *business*, dia buka perniagaan *printing*. Daripada perniagaan printing pula dia kembangkan lagi dengan dia punya buka restoran kedai makan. Dan ada lagi perniagaan yang terkini dia buka iaitu dia buka *wedding* punya *hall* punya sewaan. Banyaklah saya bagi rentetan macam mana gambaran dia orang fikir macam mana daripada bawah *starting* pada bawah, dan dia perlu fikir *aaa* dia punya apa kata orang? Dia punya *business planning* dia orang, *roadmap* dia orang daripada dia orang ini daripada 2 tahun yang terkini, apa yang dia perlu buat dua, tiga, lima tahun akan datang, dan mungkin 10 tahun akan datang.
>
> (P7)

Walaupun tidak memiliki perniagaan sendiri sepenuhnya, beberapa responden mempunyai hubungan baik dengan usahawan yang aktif berniaga. Mereka menghadiri program-program keusahawanan komuniti setempat, seminar, latihan atau kursus keusahawanan bagi menambahkan kenalan dalam kalangan usahawan dan seterusnya membantu mentor memahami masalah dan tren terkini dalam dunia sebenar keusahawanan. Pernyataan daripada responden P4 dan P7 menunjukkan pentingnya berinteraksi dengan usahawan sebenar bagi tujuan belajar daripada pengalaman sebenar dunia keusahawanan untuk digunakan dalam proses pementoran usahawan pemula. Responden lebih memahami cabaran yang dihadapi, kesilapan yang dilakukan, dan tindakan serta amalan yang diambil oleh usahawan-usahawan ini untuk menguruskan perniagaan seperti petikan berikut.

> Kalau benda-benda itu, kita nampaklah, kita nampak. Yang itu, yang memang *Forever Living*. Pergi dekat sana sini. Dia ejen juga, lepas itu dia buat *dropship*. Tapi dia ada ni *network network* dialah. *Haah*. Sebab itu dia kalau kita *involve* dengan usahawan ni kak, *ooh* kalau orang usahawan macam ini, kita, kita tak ada benda itu tahu. Kita nak cari lecturer kita? Tak ada. Tak ada. *Ha*. Tak ada pengalaman itu. *Ha*. Jadi pengalaman itu, kalau pun pengalaman orang kita ambil. *Aa* kita ambil. Kita ambil untuk kita *aa* gunakan untuk proses, proses pembelajaran kita. *Oh*, tadi pun dah cakap juga. Kita ambil contoh-contoh. Contoh pengalaman kan. Sebab tu kita tak ada pengalaman itu, tapi contoh yang kita belajar daripada usahawan, kita boleh cerita dekat *student*. Maksudnya kena *networking* kena kuat. Maknanya kita kena, kita boleh *dry* dalam kelas, *dry* masa jadi mentor, kita okey, dalam teori, buka-buku, cerita, budak memang tak akan rasa *fee*l jadi usahawan. Kita tak ada pengalaman itu tapi contoh yang kita belajar daripada usahawan, kita boleh cerita dekat *student*. Kalau kita rasa rajin sikit, kita

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> panggil usahawan itu bagi *talk* ataupun kita pergi dekat usahawan itu. Kalau bila kita *involved* dengan usahawan luar ni banyak benda lah kita belajar. Kita sendiri pun belajar. (P4)

> Memang saya banyak berdekat dengan usahawan. Betul-betul *real* usahawan. Bukannya setakat biasa-biasa. Kat situlah saya nampak ooh macam ini kalau nak jadi usahawan, dia perlu buat *step* macam *step* macam ini. Lepas itu, itu satu aa pengalaman saya dapat melalui usahawan-usahawan luar lah. (P7)

Kenyataan menti I8, I9 dan I10 juga menyokong kepada elemen imitasi pengalaman usahawan lain di dalam proses pementoran.

> Dia dah bimbing ramai pelajar kemudian banyak kes *study* daripada pelajar pelajar perniagaan dia. Jadi, serba sedikit ilmu apa yang dia tahu dia *share*. Lagi satu selain cerita *senior* kami, puan juga suka bagi contoh usahawan berjaya untuk saya tengok dan *copy* apa strategi yang boleh diguna. (I8)

> Semasa puan menjadi mentor saya juga, pernah lah banyak lah contoh, contoh sebenarnya kita orang dapat banyak. Ada yang daripada *senior* kami sendiri. Ada yang macam daripada Datuk. Apa? Datuk Alif Syukri. Daripada siapa lagi? Banyak sangatlah usahawan-usahawan yang saya ni, aa Izat Azhar. *So* banyak contoh-contoh yang diberikan *aa* untuk saya contohilah *and then*, memang *okey* lah dengan cara macam tu je sebenarnya, dia memberi impak ataupun inspirasi kepada saya untuk saya keluar daripada kehidupan saya. Contohnya saya ni B40, mungkin B10 lah kan, B10 paling bawah sekali *so* jadinya, saya nak daripada B10 ni, saya nak jadi B20 macam mana? Dengan ada usahawan-usahawan ni lah membuka minda saya yang kita ni boleh berjaya. *Ha* macam tu, sebab kebanyakannya buat *business*, kenapa dia orang tak boleh pergi adalah sebab dia orang tak ada orang yang dia orang rasa macam boleh, *okey*, dia orang minat. Aku nak tukar je *life* aku. Aku nak buat rumah aku besar macam Dato Alif Syukri. *Ha* aku nak *income* aku kaya. Aku nak *income* aku satu juta macam Dato Vida, *ah* macam tu. Dia orang tak ada dia punya *mindset*. Tak ada macam tu, *so* jadinya sebab itu benda tu tak boleh *go aaa*. *Ha so* memang tapi *Alhamdulillah* setakat ni memang puan banyaklah, dan banyaklah dia bagi tau apa, bagi nasihat untuk tengok-tengok usahawan-usahawan yang saya sebutkan tadi. Tapi saya sebenarnya banyak ambil contoh ni daripada puan sendiri. Ketabahan dia ajar murid-murid dia. Ketabahan dia untuk belajar pasal usahawan untuk didik lagi dia punya murid-murid. Contohnya macam saya yang agak nakal, jarang masuk kelas, masuk kelas bila ada *event business* je. *So* jadinya, inilah. *Alhamdulillah*. (I9)

> Maksudnya banyak bimbing sayalah bukan waktu kelas *je* tapi luar kelas pun sama juga. Kalau dalam kelas pun puan suka beri contoh-contoh usahawan berjaya. Malah puan suka cerita jatuh bangun usahawan terutama usahawan yang dari Politeknik atau universiti untuk saya hayati perjalanan macamana diorang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> jadi usahawan. Macam Hafiz Mahamad, yang Poli Muadzam. *Senior* saya. Tu yang kisah *owner* Bulan Bintang, minyak wangi Bliese, banyak lah puan minta saya tiru. (I10)

4.5.3 Mengadaptasi Pengalaman Mentor Lain

Daripada analisis temu bual, didapati bahawa beberapa responden memiliki mentor sendiri dalam kalangan usahawan sebagai usaha bagi mendapatkan pengalaman sebenar perniagaan. Langkah ini adalah langkah yang sangat baik untuk memperoleh panduan dan nasihat yang berharga dalam membangunkan dan mengembangkan perniagaan menti seperti yang dinyatakan oleh responden P5 dan P7 berikut.

> Kita mesti ada mentor yang kita belajar daripada dia. *Aa* itu pun Jack Ma cakap apa Ain *aa. Aa* Jack Ma cakap apa? *If you want to be the successful entrepreneur you must find out the mentor. So who is your mentor?* Semua pun, *you as* mentor pun, kena ada mentor. Begitu juga pelajar, bila dia dekat dalam *real situation*, dia nak jadi seorang usahawan, dia mesti ada mentor yang di kalangan usahawan juga yang sebagai idola dia sebagai *aa* untuk membantu dia tunjuk arah. (P5)

> Saya *takde* ilmu. Memanglah ada ilmu pengurusan perniagaan, tu belajar *kat* universiti. Tak sama macam kita nak *apply* kat luar. Bila kita nak *apply*, ajar komuniti dia akan jadi satu mimpi ngeri sebenarnya. Apa yang saya buat adalah saya habiskan duit saya pergi kursus Azizan Osman, saya pergi kursus Irfan Khairi, banyaklah sifu-sifu yang perniagaan ni. Lepas itu, saya pergi berguru dengan Puan Aisyah Raymond, yang ni memang usahawan betul-betul mentor keusahawanan. Kapok *Design*. Memang saya banyak berdekat dengan usahawan. Betul-betul *real* usahawan. Bukannya setakat biasa-biasa. *Ha* maknanya selalu saya cerita, saya *ni* pensyarah, saya macam *gini ni*. *Depa willing* nak tolong. Lepas itu saya, dia orang tunjuklah kita macam mana. Macam, dia macam lebih kepada saya sendiri *pi* belajar, *willing pi* belajar. *Kat* situlah saya nampak *ooh* macam ini kalau nak jadi usahawan, dia perlu buat *step* macam *step* macam ini. Itu satu pengalaman saya yang dapat melalui usahawan-usahawan luar lah. (P7)

Selain itu, responden juga memberi kepercayaan kepada mentor luar untuk membimbing menti agar menti memperolehi perkongsian pengalaman perniagaan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lebih banyak dan luas seperti yang dinyatakan oleh responden P2, P3, P4 dan P5. Responden menekankan pentingnya peranan mentor luar dalam memberikan pandangan dan pengalaman perniagaan yang luas kepada menti. Walaupun telah mendapat bimbingan daripada mentor luar, pementoran bersama pensyarah PolyCC tetap berterusan.

> Bila dia dah dia ambil err *coach* daripada luar tu, saya rasa memang dah boleh lepaskan dia tapi dalam masa sama dia akan tanya kita balik. Walaupun dia punya *coach* tu akan cakap macam ni macam ni. *Aa* dia akan minta pendapat, kita bagi. Tapi waktu tu saya kata dah *aa* saya akan cakap dengan dia, Qais, dia lagi berpengalaman. Saya tak ada *business*. Saya hanya boleh bagi pendapat tapi tak semestinya awak boleh terima bulat-bulat. Sebab awak dah duduk dalam dunia yang jauh dengan saya. Saya tak ada ilmu setinggi orang itu kan. Saya takut juga bagi salah nasihat kan. (P2)

> Saya suruh dia cari juga orang yang memang ada *owner* restoran untuk jadi mentor dia juga. Sebabnya orang itu mungkin *experience*. Dan juga, dari segi operasi dia kan? Kita tak ada pengalaman itu. (P3)

> *Aa* adalah dia berguru dengan guru dia. Guru dia ada mentor *of in aa* ada ciri-ciri *aa* usahawan. Tetapi bila dia dekat dalam *real situation*, dia nak jadi seorang usahawan, dia mesti ada mentor yang di kalangan usahawan juga yang sebagai idola dia sebagai *aa* untuk *aa* membantu dia tunjuk arah. (P5)

> Dalam kehidupan sebenar dalam *aa* industri nanti dia akan mengenal pasti mentor yang sesuai dengan kerjaya dia. *Aa* macam itu. *Aa* maksudnya kalau dia itu bidang automatif biarlah dia ada lagi satu mentor di bidang automotif juga. Sebab bila dia dah masuk dalam dunia sebenar, dia mesti mentor dalam bidang dia sendiri. (P5)

Pensyarah mentor tetap menekankan betapa pentingnya memilih mentor yang mempunyai pengalaman dalam bidang yang spesifik, seperti mencari mentor yang merupakan pemilik restoran bagi mereka yang terlibat dalam industri makanan atau dari bidang automatif bagi perniagaan automatif sebagai triad mentor. Selain itu, triad mentor dari organisasi seperti INSKEN, RISDA, FAMA, dan FELDA juga dianggap sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sumber pembelajaran yang berharga seperti yang dinyatakan oleh responden-responden berikut.

> Tapi maksudnya dia punya mentor itu itulah INSKEN. Kalau dia pergi INSKEN, INSKEN la. RISDA ke. FAMA ke. FELDA ke. Kalau dekat Ti masa kat Johor dulu banyak dengan Felda. (P4)

Bagi tujuan triangulasi dapatan ini, kenyataan dari menti I8, I9 dan I10 adalah menguatkan lagi elemen mengadaptasi pengalaman mentor lain (*triad* mentor).

> Saya ada masuklah Hasbul *Brothers* tu untuk bantu bimbingan perniagaan saya. Kat situ, banyak la juga pengalaman-pengalaman perniagaan yang saya dapat yang saya boleh gunakan dalam *business* saya ni. (I8)

> Selain pada puan, *yes*, saya tipulah kalau saya tak ada mentor lain. Saya ada banyak mentor, sebab saya buat *business, business construction,* saya ada dua mentor untuk lain. Untuk landskap saya ada *aa* mentor lain. Untuk *business* produk, *yes* lebih kepada puan lah. Untuk bahagian kewangan saya ada *coach* lain *ha* contohnya okey yang kewangan ni saya dapat *coach aaa* mentor daripada mana? Mentor saya daripada *SME Bank* hasil tajaan daripada apa nama benda tu? *aaa* FAMA. Hasil tajaan daripada FAMA. (I9)

> *So* jadi kat sini masa saya dengan puan ni, saya banyak belajar pasal produk, *packaging*. Macam mana nak cakap dengan *customer*. Untuk dengan Encik Haridi, ini yang daripada *SME Bank* tu. (I9)

> *Ha* untuk yang Encik Izat Sahar ni dia banyak mengajar saya dalam bidang *construction ha*. *So* jadinya saya budak *business*, kosong!. *Basic* memang kosong untuk *construction*. Tapi bila kita buat ceburi bidang *construction* kita ambil tahu, belajar. *So* kat situ saya banyak belajar pasal *construction*. Untuk landskap ini mentor saya daripada Encik Firdaus. Encik Firdaus ni dia banyak bantu saya cari cara untuk mesin rumput, potong pokok *ha* dah banyak lah jumpa apa orang kata pun jembalang-jembalang kan nak sebab kita pun pokok ni kena hati-hati. *So* itulah mentor-mentor saya. (I9)

> Puan tahu *kat* mana *aa* macam mana kita cara kita nak *apply* ke *aa* cara kita nak cari macam mana kan *aa* untuk *aa* kembangkan lagi kita punya *business*. Maksudnya *aa* saya rasa dia memang ramai, memang ramailah yang dia agensi ataupun kenalan kenalan dia kan yang dia tahu. Saya sendiri *under* bimbingan mentor TEKUN. (I10)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5.4 Rumusan Dapatan Persoalan Penyelidikan Kedua

Dalam analisis data, dua tema utama telah dikenalpasti bagi menjawab persoalan penyelidikan kedua, iaitu bagaimana pensyarah menggunakan pengalaman mereka semasa pementoran untuk menyokong kelestarian perniagaan menti. Tema tersebut adalah i) pengalaman perniagaan dan ii) pengalaman pementoran. Bagi tema pengalaman perniagaan, tiga subtema telah dikenalpasti, iaitu i) adaptasi pengalaman mentor lain, ii) imitasi pengalaman usahawan lain, dan iii) aplikasi pengalaman perniagaan oleh pensyarah mentor.

Subtema pertama yang dominan adalah adaptasi pengalaman mentor lain. Dapatan menunjukkan bahawa enam daripada tujuh responden serta ketiga-tiga informan menekankan kepentingan adaptasi ini dalam pementoran, yang secara langsung menyumbang kepada kelestarian perniagaan menti. Subtema kedua, imitasi pengalaman usahawan lain, diterjemahkan melalui penceritaan kisah kejayaan usahawan oleh pensyarah mentor. Lima daripada tujuh responden, analisis dokumen MEA, dan ketiga-tiga informan memberikan bukti yang kukuh tentang peranan imitasi ini dalam proses pementoran. Subtema ketiga, aplikasi pengalaman perniagaan, melibatkan pensyarah mentor berkongsi pengalaman mereka sendiri, dengan lima daripada tujuh responden dan ketiga-tiga informan memberikan maklumat berkenaan subtema ini. Dapatan ini menunjukkan keberkesanan pendekatan pementoran yang pelbagai dalam membantu usahawan pemula memahami dan mengaplikasikan prinsip-prinsip perniagaan dengan lebih holistik. Pengalaman perniagaan mentor, yang merentasi pelbagai latar belakang, menjadi sumber utama untuk merapatkan jurang pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh menti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dokumen MEA 2021 juga mendapati bahawa pensyarah yang terlibat dalam pementoran memiliki lebih 10 tahun pengalaman dalam bidang keusahawanan. Ini menggambarkan kepakaran mereka, yang diperkukuhkan lagi oleh minat mendalam dalam keusahawanan, sebagaimana dibuktikan melalui sumbangan mereka dalam penerbitan, penyelidikan, inovasi, dan konsultansi. **Jadual 4.16** menunjukkan pengalaman dan minat pensyarah-mentor berdasarkan analisis dokumen.

Jadual 4.16

Pengalaman dan minat pensyarah mentor terhadap keusahawanan

	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7
Pengalaman keusahawanan (tahun bermula)	2009	2016	2004	2008	2002	2008	2013
Pengalaman pementoran (tahun bermula)	2007	2013	2012	2008	2005	2008	2007
Penerbitan/Penulisan/ Penyelidikan /Pembentangan	/*	3	/*	2	1	16	9
Geran	/	/	/	/	/	/	/
Inovasi	/*	21	7	5	2	7	6

Sumber: Analisis dokumen MEA 2021

/* Ada dinyatakan didalam dokumen MEA 2021, tetapi tidak dinyatakan bilangan.

Secara keseluruhan, kedua-dua tema ini memainkan peranan penting dalam menyokong perkembangan dan kelestarian usahawan pemula. Pengalaman perniagaan mentor membantu mereka mengadaptasi, imitasi, dan mengaplikasikan pengetahuan yang relevan, manakala pengalaman pementoran membolehkan nasihat yang diberikan lebih berkesan dan disesuaikan dengan keperluan menti. **Jadual 4.17** meringkaskan bagaimana tema dan subtema ini menyumbang kepada kelestarian perniagaan usahawan pemula..

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.17

Persoalan Penyelidikan 2: Analisis Data Bagaimanakah Pensyarah Menggunakan Pengalaman Semasa Pementoran Usahawan Pemula Bagi Menyumbang Kepada Kelestarian Perniagaan Menti?

RESPONDEN 1	RESPONDEN 2
Pengalaman perniagaan • **Imitasi-** mencari pengalaman berniaga melalui pembelajaran kendiri samada melalui pembacaan atau menonton video-video berkaitan dan alumni.	**Pengalaman perniagaan** • **Aplikasi** - pengalaman menguruskan perniagaan tudung yang dijenamakan sendiri dan dipasarkan secara atas talian (sangat membantu) • **Imitasi -** pengalaman usahawan lain dengan memberi contoh usahawan dalam kalangan graduan politeknik atau universiti. • **Adaptasi (triad mentor terbuka)** – pengalaman mentor lain (konsultan luar) P2 meminta menti mencari mentor luar dalam kalangan konsultan perniagaan untuk bersama-sama dalam proses pembangunan perniagaan.
Kaitan Kelestarian Perniagaan • Melalui pembelajaran kendiri, P1 meniru pengalaman usahawan lain untuk diterapkan dalam diri menti sekaligus membimbing menti dalam usaha mengekalkan perniagaan.	**Kaitan Kelestarian Perniagaan** • Pengalaman menguruskan perniagaan membantu dalam proses kelestarian perniagaan kerana setiap aspek bimbingan adalah berdasarkan pengalaman. • Bagi mendapat pengalaman yang lebih tepat, kaedah triad mentor dalam kalangan konsultan perniagaan telah digunakan oleh P2 agar perniagaan menti dapat dikekalkan dengan baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RESPONDEN 3	RESPONDEN 4
Pengalaman Perniagaan • **Aplikasi -** pengalaman menguruskan perniagaan katering keluarga (sangat membantu) • **Adaptasi (triad mentor terbuka)** – mentor industri. Menti P3 memiliki mentor lain yang merupakan usahawan dalam bidang perniagaan menti. • **Imitasi** – usahawan berjaya, industri dan alumni	**Pengalaman Perniagaan** • **Aplikasi** - pengalaman perniagaan batik dan rumah singgah milik ayahnya (sangat membantu) • **Imitasi** – daripada *TikTok*, video dan *You Tube*. • **Imitasi** – daripada usahawan lain dan alumni. • **Adaptasi (triad mentor terbuka)** – mentor dari agensi keusahawanan iaitu INSKEN. RISDA, FAMA dan FELDA.
Kaitan Kelestarian Perniagaan • Pengalaman menguruskan perniagaan membantu dalam proses kelestarian perniagaan kerana setiap aspek bimbingan adalah berdasarkan pengalaman sebenar. • Kaedah triad mentor dalam kalangan usahawan yang sebenar digunakan oleh P2 bagi memastikan menti dapat mengekalkan perniagaan dengan baik.	**Kaitan Kelestarian Perniagaan** • Pengalaman menguruskan perniagaan membantu dalam proses kelestarian perniagaan kerana setiap aspek bimbingan adalah berdasarkan pengalaman. P4 juga menggunakan kaedah meniru dan mengadaptasi pengalaman mentor lain (triad mentor) di dalam proses pementoran agar menti sentiasa kekal relevan dalam perniagaan seterusnya melestarikan perniagaan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RESPONDEN 5	RESPONDEN 6
Pengalaman Perniagaan • **Aplikasi** – Pengalaman menguruskan perniagaan suami dan ibunya (sangat membantu) • **Adaptasi (triad mentor terbuka)** – daripada usahawan sebenar • **Adaptasi (triad mentor tertutup)** – "*you as* mentor pun, kena ada mentor"	**Pengalaman Perniagaan** • **Aplikasi –** pengalaman menguruskan perniagaan *Cyber Café* milik suami (sangat membantu) • **Imitasi –** usahawan berjaya
Kaitan Kelestarian Perniagaan • Pengalaman menguruskan perniagaan membantu dalam proses kelestarian perniagaan kerana setiap aspek bimbingan adalah berdasarkan pengalaman. • P5 menggunakan kaedah aplikasi dan adaptasi pengalaman iaitu mengaplikasikan pengalaman sendiri dan mengadaptasi pengalaman mentor lain melalui kaedah triad mentor dan mentor berlapis agar menti mendapat pementoran yang baik seterusnya mengekalkan perniagaan.	**Kaitan Kelestarian Perniagaan** • Pengalaman menguruskan perniagaan membantu dalam proses kelestarian perniagaan kerana setiap aspek bimbingan adalah berdasarkan pengalaman.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RESPONDEN 7	INFORMAN 8
Pengalaman Perniagaan • **Aplikasi** – pengalaman perniagaan Nurseri Tanaman (sangat membantu) • **Imitasi** – Pembelajaran kendiri, melalui blog, *Facebook, You Tube*, dan mendekati usahawan setempat, inisiatif berguru bersama Azizan Osman dan Irfan khairi. • **Adaptasi (triad mentor tertutup)** – Puan Aisyah Raymond (usahawan)	**Pengalaman Perniagaan** • **Imitasi** pengalaman usahawan dalam kalangan senior di Kolej Komuniti • **Adaptasi** pengalaman dari mentor lain iaitu dari Hasbul Brother
Kaitan Kelestarian Perniagaan • Pengalaman menguruskan perniagaan membantu dalam proses kelestarian perniagaan kerana setiap aspek bimbingan adalah berdasarkan pengalaman • P7 juga meniru pengalaman usahawan lain melalui pembelajaran kendiri dan mengadaptasi pengalaman usahawan lain melalui kaedah mentor berlapis. Kaedah-kaedah ini sangat membantu menti mengekalkan perniagaan kerana menti dibekalkan dengan bimbingan yang relevan dengan dunia sebenar.	**Kaitan Kelestarian Perniagaan** Pengalaman perniagaan mentor membantu I8 mengekalkan perniagaan melalui aplikasi pengalaman berniaga mentornya, imitasi amalan usahawan senior di Kolej Komuniti, dan adaptasi pendekatan dari mentor luar seperti Hasbul Brothers. Ini memberi I8 pengetahuan praktikal dan pendedahan kepada strategi perniagaan yang relevan dan berdaya saing. Ketiga-tiga elemen ini menyokong proses kelestarian perniagaan I8 dengan memperlengkapkan I8 dengan pengetahuan praktikal, strategi yang terbukti berjaya, dan pendedahan kepada amalan perniagaan yang dinamik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

INFORMAN 9	INFORMAN 10	DOKUMEN MEA
Pengalaman Perniagaa • **Aplikasi -** sangat-sangat membantu • **Imitasi** pengalaman usahawan yang berjaya (Dato Alif Syukri, Dato Seri Vida) • **Adaptasi (triad mentor terbuka)** – daripada CEDAR dan kontraktor binaan	**Pengalaman Perniagaan** • **Mengaplikasikan-** sangat membantu • **Imitasi** pengalaman usahawan alumni politeknik dan universiti • **Adaptasi (triad mentor terbuka) –** dari INSKEN	**Pengalaman Perniagaan** • Dengan minat, kelayakan akademik dan pengalaman yang mendalam dalam bidang keusahawanan untuk mengaktifkan diri dalam pembangunan dan pendidikan dalam kalangan pelajar TVET mendorong pensyarah terus bergerak aktif.
Kaitan Kelestarian Perniagaan • I9 menyatakan bahawa pengalaman mentor dalam perniagaan sangat-sangat membantu proses pementoran mereka seterusnya digunakan oleh I9 dalam proses mengekalkan perniagaan. Selain itu, mentor telah memberikan triad mentor kepada I9 iaitu mentor dari CEDAR.	**Kaitan Kelestarian Perniagaan** • Pengalaman menguruskan perniagaan yang dimiliki oleh mentor kepada I10 telah membantu dalam proses pementoran seterusnya proses kelestarian perniagaan. Mentor juga telah memberikan triad mentor kepada I10 iaitu mentor daripada INSKEN.	**Kaitan Kelestarian Perniagaan** • Kenyataan diatas merujuk kepada mentor-mentor usahawan dalam kalangan pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti yang mana menti dibawah pementoran mereka memiliki perniagaan yang kekal sehingga kini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6 Persoalan Penyelidikan Ketiga: Bagaimanakah Pensyarah Menggunakan Kemahiran, Semasa Pementoran Usahawan Pemula Bagi Menyumbang Kepada Kelestarian Perniagaan Menti?

Bagi menjawab persoalan penyelidikan yang ketiga iaitu bagaimanakah pensyarah menggunakan kemahiran semasa pementoran usahawan pemula bagi menyumbang kepada kelestarian perniagaan menti?, bahagian ini akan membentangkan dapatan yang berkaitan. Antara soalan utama yang dikemukakan kepada responden mengenai bagaimana mereka menggunakan kemahiran berniaga dan pementoran semasa proses pementoran usahawan di PolyCC adalah seperti di dalam **Jadual 4.18**.

Jadual 4.18

Soalan sesi temu bual berkaitan elemen kemahiran

Soalan
1. Apakah kemahiran Dr/puan yang digunakan dalam proses pementoran?
2. Selain kemahiran berniaga, berdasarkan pengalaman peribadi, ada tak, kemahiran lain yang digunakan oleh Dr/puan dalam proses pementoran ni?

Daripada proses analisis tematik yang dijalankan, langkah membiasakan diri dengan data bagi PP3 telah menghasilkan 87 kod awal yang mewakili pelbagai aspek kemahiran yang dimiliki oleh pensyarah sebagai mentor. Seterusnya, dalam penjanaan kod awal, sebanyak tujuh kod utama dikenal pasti melalui bacaan dan pemetaan data secara berulang. Dalam fasa pencarian tema, kod-kod yang berkaitan dikelompokkan kepada empat subtema utama, iaitu i) kemahiran komunikasi, ii) kemahiran menjalinkan jalinan perniagaan, iii) kemahiran mengenal pasti kekuatan atau kecenderungan keusahawanan menti, dan iv) kemahiran teknologi, terutamanya penggunaan media sosial.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses penyemakan dan penamaan tema dilakukan bagi memastikan setiap subtema mencerminkan makna dalam data, sehingga menghasilkan dua tema utama yang kukuh, iaitu i) kemahiran pementoran, dan ii) kemahiran dalam perniagaan. **Rajah 4.6** adalah kod-kod di fasa pencarian tema bagi elemen kompetensi kemahiran, manakala **Rajah 4.7** adalah merupakan tema yang terhasil daripada elemen kemahiran dalam proses pementoran.

Rajah 4.6

Kod pencarian tema bagi elemen kompetensi kemahiran.




05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.7

Tema bagi kompetensi kemahiran



4.6.1 Kemahiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan analisis dapatan temu bual serta semakan terhadap dokumen MEA 2021, penyelidikan ini mengenal pasti empat tema utama yang menjawab persoalan mengenai bagaimana kemahiran digunakan dalam proses pementoran usahawan pemula. Tema-tema ini dirumuskan melalui sintesis data yang diperoleh daripada responden, informan serta rujukan dokumen terhadap strategi pementoran yang telah diterapkan oleh pensyarah di PolyCC. Kemahiran yang dimiliki oleh mentor memberi impak langsung terhadap keupayaan menti dalam memahami aspek-aspek penting dalam perniagaan serta mengadaptasi strategi yang relevan untuk mencapai pertumbuhan dan kelestarian perniagaan mereka. Secara khusus, penyelidikan ini mengenal pasti dua tema utama dalam elemen kemahiran yang menjadi tunjang dalam proses pementoran usahawan pemula di PolyCC, iaitu i) kemahiran pementoran dan ii) kemahiran perniagaan. Ringkasan tema utama ini dapat dilihat dalam **Jadual 4.19**.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.19

Tema bagi elemen Kemahiran

Membiasakan dengan data (sebanyak mungkin)	Pengekodan awal (Kumpulkan mengikut kelompok kod)	Pencarian tema (kumpulan yang sama, yang lebih luas)	Penyemakan, penamaan dan definisi **TEMA**
Kemahiran	Telus	Komunikasi	**KEMAHIRAN**
(87 kod)	Kenalpasti kekuatan	Komunikasi	**PEMENTORAN**
	menti	Komunikasi	
	Kenalpasti kecenderungan keusahawanan		
	Psikologi	Komunikasi	
	Menangani masalah	Komunikasi	
	Win-win	Komunikasi	
	Hubungan berterusan	Komunikasi	**KEMAHIRAN PERNIAGAAN**
	Jaringan perniagaan	Jaringan	
	Pembangunan produk	Jaringan	
	Pemasaran	Jaringan	
	Geran	Jaringan	
	Latihan	Jaringan	
	Fasiliti	Jaringan	
	Pembekal	Jaringan	
	Aplikasi terkini	Teknologi	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6.1.1 Kemahiran Pementoran

Di dalam tema kemahiran pementoran terdapat dua subtema iaitu i) kemahiran komunikasi dan ii) kemahiran mengenal pasti kekuatan dan kecenderungan keusahawanan menti.

i) Kemahiran Komunikasi

Dalam konteks pementoran usahawan, kemahiran berkomunikasi memainkan peranan penting. Berikut adalah beberapa dapatan yang diperolehi berdasarkan pernyataan yang diberikan oleh responden. Terdapat situasi komunikasi terbuka (P1, P4, P5, I9) di dalam proses pementoran usahawan pemula yang menunjukkan betapa pentingnya mentor berkomunikasi secara terbuka dan telus dengan usahawan yang dibimbing. Didapati bahawa apabila responden marah atau menghadapi masalah, adalah penting bagi mereka untuk menjelaskan mengapa sesuatu perkara itu berlaku bagi membina kepercayaan dan memudahkan proses pementoran. Berikut adalah kenyataan responden P1 dan triangulasi daripada I9 yang merujuk hal tersebut.

> Kita marah, tapi kita bagitau kenapa kita buat. Kita *settle*, kita panggil *parents*. Kita tak ni lah... kita tak hebohkan... *so* kadang-kadang kita tengok, kita dapat aduan, pelajar ni, diorang jujur, satu hari tu, kitorang buat *spotcheck*, panggil semua masuk, sorang-sorang masuk, buka *handphone* depan kita, kita buat lakonan, panggil semua, lepas tu panggil satu-satu, kalau panggil dia je, dia tau la kan...*so* kita tak nak dia rasa malu. (P1)

> Perasaan saya bila kenal dengan puan ini memang seronoklah. Saya boleh *share everything* dengan puan. Saya dah anggap dia macam mak saya sendiri ataupun kakak saya sendiri. Dan dia sentiasa *support* saya *so* saya anggap dia macam keluarga juga. (I9)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat responden yang menggunakan pendekatan lembut dan 'psikologi berbalik' di dalam proses pementoran bagi memotivasikan usahawan dan menjaga hubungan yang baik.

> Saya banyak guna *reverse* psikologi lah. *Okey*. Aa saya aa kalau nak garang pun garang tetapi bertempat. Maksudnya dalam tiga ke empat kali saya dah minta tolong. Minta dibuat perkara itu, tapi dia tak buat sepertimana yang kita nak, *aa* kita terpaksa jadi garang tapi kebanyakan masa saya memang guna pendekatan lembutlah. *Aa* psikologi. (P5)

Kemahiran komunikasi yang dimiliki oleh responden juga adalah berkisar tentang bagaimana membantu usahawan untuk berkembang. Komunikasi ini termasuk mengenal pasti dan memperbaiki item atau masalah toksik yang mungkin menghalang perkembangan perniagaan pelajar seperti yang dinyatakan oleh responden P4 berikut.

> Nampak *aa* macam *aa* menjurus kepada ni pilih kasih kan. Macam kita sebenarnya waktu itulah kita kena *communicate*. Benda-benda toksik yang menyebabkan kita tak boleh nak *grow*. *Ha* cakap macam itulah terus terang. Nasihat lah. Ha nasihat lah, senang cerita. Dia memanglah kalau kita tengok usahawan *Bliese* itu kan? Dulu dia pada asalnya dia dengan kawan-kawan. Jadi dia *main* usahawan dalam kelaslah. Tapi bila *dah* yang itu nampak *grow*. Yang ini nampak kurang sikit kan. Bila jadi macam ada *gap* kan? Bila dah *gap* itu, masa itulah, awak nak *compete* empat orang ini, *aa* siapa yang rasa benda ini berharga boleh *gi* terus. Tapi kalau rasa macam *hmm* asyik dengki *aje manjang*, itu yang tak jadi. Takkan jadi. *Aa* nasihat dia kan. (P4)

Terdapat kemahiran komunikasi di dalam proses pementoran yang melibatkan pembinaan hubungan dengan menetapkan sasaran dan mencapainya bagi membantu mencapai hasil yang lebih baik dalam perniagaan. Kemahiran komunikasi ini diakhirnya mewujudkan keselesaan dalam hubungan dengan usahawan dan menyediakan sokongan yang diperlukan serta memastikan hubungan tersebut adalah dalam situasi *win-win* seperti yang dinyatakan oleh responden P3, P4, P6 dan P7.

> Bila dia buat, benda itu gagallah. *So*, dapat impaknya rugi dia orang *business*. Lepas itu nangis-nangis kat sini. *So*, saya pun basuhlah dia orang. *Ha*, macam itulah. Tapi tak panjanglah. Bila kita dah basuh-basuh, tapi sebenarnya dia jadi hubungan lebih baik, lepas tu. Maksudnya, istilahnya bukan, bukan lantak engkaulah. Kita panggil dia, jumpa. Kita bagi tahu, yang dia buat itu silap, dia tak dengar. Kita dah cuba bantu dia, tapi dia tak nak ni. *So* saya bagi kat dia,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kalau awak rasa awak dah boleh *survive* sendiri, tak nak dengar cakap. Pergilah. Tak payah dah jadi menti saya. Kita bagi macam ni sebab kita nak ugut dia. *So* kan kita terus *monitor* sebenarnya, bukan kita buat bodoh, dan tak layan. Jadi dia menangis-nangis minta maaf. Akhirnya lepas itu hubungan memang jadi lebih baiklah sampai memang duduk rumah saya siang malam jugalah, tidur kat rumah, apa semua. (P3)

Aa sebenarnya benda itu *method* yang sama kita bagi dekat *student* lain. Bukan kata kita tak bagi tapi dia tak *follow* dengan apa yang kita nak. Apa *requirement* kita kan? *Aa* jadi kalau dia, dia mentor ini sebenarnya dia kena ada dua *side* lah. *Win win situation*. *Student* dengan mentor. Kita nak apa keselesaanlah dengan *student* kan *aa*. (P4)

Tapi sebenarnya *I* rasa kan, *they all blend* lah maksudnya yang ni bantu dia ni, yang ini bantu dia ni *so this is not a one man show*. *So* maksudnya kalau yang dari segi gerak kerja memang *studentlah* yang bagi idea. Kemudian pensyarah-pensyarah pula dia pun membantu *and then, they blend*. (P6)

Sampailah sekarang ni berhubung dengan baik dengan dia orang. Maknanya kita lebih pada *win win situation* lah. Saya macam pantau daripada jauh dari segi kewangan ke apa semua. Saya pantau. Lepas dari tu, saya nampaklah *student* saya ni yang yang Fairuz ni boleh pergi jauh. Buka sendiri, lepas itu dia buka sendiri. Dan sampailah *sales* dia memang kalau hari biasa dekat sepuluh ribu ke atas. Memang banyaklah, banyak. Memang kita kata kita nampak yang dia beza daripada dulu. Dari masa dia *student* lagi, *aa* bila dia nak, dia nak, nak berjaya itu saya nampak dia macam tu lah. Dia ada *effort*. Nampaklah dia punya *progress* itu *dah* lain *dah*. Kita tengok dulu lain, sekarang ni dia macam nampak berkembang dalam *business*. Yang itu, yang memang betul-betul dekat dengan sayalah. (P7)

Daripada kenyataan responden P2, P3, P4, P5 dan P7, didapati bahawa kemahiran komunikasi antara mentor dan usahawan adalah dalam keadaan baik (P4) dan berpanjangan (P2, P3, P5 dan P7) untuk meneruskan proses pementoran termasuklah memberi nasihat, panduan, dan sokongan yang diperlukan untuk membantu usaha usahawan mengekalkan perniagaan mereka.

Kalau yang buat *business* berterusan. Masih. Maksudnya, kita, kalau istilah dia macam ni lah, mentor, *mentoring* dan mentor dan hubungan. Hubungan kita dengan menti ni tak putus kan. *That's it* kepada kawan lah sekarang. Kadang-kadang saya pun belajar daripada dia. Contoh macam dia buat yang dia ambil konsultan tu masa *business* dia tengah naik tinggi tu, saya pun belajar dengan dia. Saya tanya macam mana kalau macam ni macam mana? Kalau ataupun macam ada menti yang bawah-bawah saya cakap Qais, macam mana saya pun minta pendapat dia. Kadang-kadang dia bantu kita. Dia lebih kepada hubungan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang bukan pensyarah. Dan dan kita pun dah tak, dah tak berapa bercerita pasal *business* kan, lebih kepada pasal kehidupan. (P2)

Dulu dia mula dengan berniaga aa saya ambil tapak Bazar Ramadan sekarang memang saya rasa, senyum puasa lah. Hari tu *pi* Sabah, dia bawa belanja makan semua. Dia cerita, masih lagi tapi sampai sekarang, dia masih nak bermentorkan kita. Walaupun kita bukan ada restoran macam dia pun. Maksudnya sampai sekarang *still* lagi *contact*. Kalau dia *stuck* pun, dia akan tanya, masa hari itu nak daftar syarikat, nak daftar syarikat *enterprise* ke *partnership* dengan *husband* dia. Ni baru lagilah. Sebab sebelum ni dia buat sendiri je. Mentor pun ya juga lagi. *Ha* kawan pun yalah. Memang sentiasalah. Ini *brownies* ni dia orang, dia kirim ni semalam. *Happy belated birthday*. Tapi *ni* tempah dengan *PolyCuisane* la. *So* hubungan *tu* masih eloklah, sampai sekarang. Dia *grad* 2014. Dia memang sentiasa *contact*. (P3)

Dan kita bercakap bukan kita sebagai cikgu. *Aa aa* bukan sebagai gurulah untuk mengubah dia. Kita sebagai apa itu. *Medium* untuk membantu dia. Sekarang dia nak biar maknanya dia rasa dia dihargai. (P4)

Ya. *Aa* ada masanya dia akan minta idea daripada saya, pandangan saya juga. Lebih lebih lima tahun dah kan. Lebih dah. Ha. *Last* sekali, saya keluar daripada Politeknik Shah Alam itu, tiga tahun yang lepas, dia masih belajar lagi. Kalau Meor lah sebab dia *student degree*. Macam aa Ashraf itu, *MAA Automobil* dah lima tahun dah sebab dia *student* diploma. Masih lagi. (P5)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bila saya bimbing dia orang, *first first* dia masuk, dia masuk kelas saya, saya bimbing dia untuk keusahawanan. Lepas itu macam *guide* dialah. Sampailah aa dia pun belajar kemahiran. Memang bila masuk pertandingan pun dia akan masuk. Kat situ bila dia keluar memang dia buat betul-betul sampai sekarang ni. Maknanya saya nampaklah sekarang ini dia pun tak cukup tangan. *Customer* dah ramai dah kat situ. (P7)

I8, I9 dan I10 yang merupakan menti juga menyatakan bahawa hubungan mereka masih berterusan sehingga kini seperti yang dinyatakan berikut.

Sampai sekarang masih berhubung lah. *So* saya bagitau buat apa sekarang. Lepas tu kalau ada macam projek-projek kolej, ada je dia bagitahu nak masuk ke apa benda semua kan. *Ha* macam tu hubungan tu lah. (I8)

Puan semasa beliau jadi mentor saya *even though* sekarang, sampai sekarang pun dia masih mentor saya. Dia nak tengok kami berjaya *geng*. Sebab semangat dia nak tengok kami berjaya itu, ya Allah memang tak boleh nak saya kata apa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Sampai sekarang adalah saya terhutang budi kepada puan. Mungkin sampai mati pun tak akan terbalas jasa dia pada saya. (I9)

> *First sem* dengan puan dan sampai sekarang pun sebenarnya walaupun saya dah tak belajar dah tapi sekarang pun saya *still* lagi sebenarnya tengah belajar. *Aa* apa-apa salah kita, apa benda yang macam tak *okey* kan, dalam kita punya syarikat ni dan kita punya *business* ni kadang-kadang ada *ups and down* itu pun sebenarnya proses pembelajaran jadinya walaupun saya dah alumni dah kira alumni, benda itu tak terhenti di situ. Jadinya sekarang pun saya masih lagi rujuk dengan puan. Puan pun banyaklah *sharing* ilmu kan walaupun, sebab saya sekarang ni pun masih lagi meneruskan perniagaan saya. Itu yang daripada dulu saya buat. Itu daripada hari pertama saya belajar sampai pun sekarang saya masih lagi teruskan apa yang saya buat. Itulah sebenarnya ilmu itu kita sebenarnya puan pun banyaklah mengajar saya. Sebenarnya ilmu itu bukannya kita terhenti waktu belajar je selepas belajar, juga. (I10)

ii) Kemahiran Mengenal Pasti Kekuatan Menti

Dalam penyelidikan ini, terdapat beberapa responden menyatakan idea dan pendapat mengenai bagaimana cara melibatkan dan memanfaatkan kekuatan pelajar untuk dikembangkan ke dalam perniagaan mereka. Bagi beberapa responden, adalah penting untuk menghargai keunikan setiap individu dan memanfaatkan kekuatan dan minat mereka untuk membantu mereka mencapai potensi penuh mereka. Berikut adalah kenyataan responden P1, P2 dan P5 berkaitan kemahiran mengenal pasti kekuatan pelajar untuk menjadi usahawan pemula.

> Memang kena pilih, okay pelajar ni, tengok, dia suka dapur, *so* kerja dia, *so* idea, kalau *production* ni, boleh masak, kita *training* dia, masak, *so*, *training* masak, yang boleh buat *coffee*, kita letak kat bawah, buat *coffee*.. yang boleh buat *serving*, kita bagi-bagi kerja *serving*. (P1)

> Kita bagi dia *simple* je... *aaa Canva*... diaorang boleh buat... Rajah, *IT* dia pandai... dia pandai, guna *IT*... Okay sapa pandai *IT*.. kerja ko buat ni je...promosi...*aaa* lepas tu, pandai bercakap... *aaa*... cakap... sapa pandai kira duit, dia kerja kira duit... *so* dia bagi-bagi. (P1)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Kita kena faham dia dulu *err* dan teknik kita pun kena berbeza-beza sedikit kot dengan pelajar tu. Supaya tu lah nak jumpa serasi tu, sebab ada kekuatan. Kita kena cari kekuatan pelajar itu. Kadang-kadang kena guna kekuatan dia tu untuk bagi dia cabaran yang lebih besar supaya dia nampak dunia tu lagi besar, apa yang dia perlu kejar. (P2)

> *Aa* bila setiap kali saya *mentoring* orang *okey*, saya akan *aa* meletakkan mereka mengikut kekuatan diri mereka masing-masing. *So* kita dapat, dia kalau kita tengok dia itu *aa* suka buat video. *Aa* dia suka mengambil gambar. Kita bagi *post* yang itu pada dia. Tugas itu pada dia. Kalau dia ni suka *present*, dia suka buat *paperwork*. *Aa* kita bagi tugas tu. (P5)

> Kita akan ada di kalangan pelajar kita yang *sleeping*. *Sleeping partner* kan? *Mhm*. *Ah* itu tak dapat dinafikanlah. *Ah* tapi apa yang saya buat adalah saya kenal pasti siapa yang *sleeping partner* ini dan saya akan minta mereka terlibat sama. Kalau kita biarkan dia, dia akan terus hanyutlah tak ada seorang pun yang dalam dalam *team* saya itu yang tak akan *contribute* apa-apa. (P5)

Selain itu, sebahagian responden juga mempunyai kemahiran untuk mengenal pasti kecenderungan keusahawanan pelajar untuk dikembangkan. Responden P1 dan P4 menyatakan hal ini seperti berikut.

> Kita nak hasilkan *at least* dia boleh *survive. In case* apa-apa jadi, dia tahu benda apa dia nak. Apa yang dia boleh buat. kalau dia ni bekerja, kerja yang macamana, kalau minat *business, business* yang macam mana. Kita bagi dia peluang. Kita ajar dia buka syarikat. Ada yang dah buka syarikat, *haaa* tapi kisahnya memang kena *guide*, orang tak faham. Ada *sorang* tu buka, kita kena tolong 100%. Kita kena duduk depan dia. (P1)

> Kalau macam yang *talented* kan. *Aa* kita pilih itu memang yang dah *talented*. *So* dia aa tak sengaja tau, tak tau asalnya tapi kita kata dah rezeki kita. Kita dapat contoh macam Ti ada seorang ni yang apa *aa* buat *aa Event Planner*. Dia memang minat tau. Kecenderungan dia buat tu. Ti kembangkan je. (P4)

Bagi tujuan triangulasi, ketiga-tiga menti yang ditemu bual mengakui bahawa mentor mereka adalah seorang yang berkemahiran dalam mengenalpasti kecenderungan keusahawanan dalam diri pelajar mereka seterusnya membantu dan membimbing pelajar membangunkan perniagaan semasa dalam pengajian dan terus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kekal sehingga kini. Berikut adalah petikan dari temu bual bersama menti-menti tersebut.

> Dia. Dia rasa bersungguh sungguh untuk menjadi ataupun membimbing saya disebabkan disiplin saya yang sangat tinggi untuk nak berjaya dalam perniagaan. Saya pun selama ni bersungguh sungguh untuk membina perniagaan lah. Kan. Kita pun kalau kita nak membimbing seorang. Kalau kita berusaha kita nak, tapi orang tu tak nak, baik tak payah bimbing. Dari *sem* satu tu. Saya dah buat *business* dah. Jadi daripada segi jualan saya, saya punya apa orang panggil, data-data jualan kan. Jadi pada permulaan itulah dia ada membantu. Sikitlah, buat *Excel*. Bagi sistematik sikitlah nak tengok saya punya untung rugi macam mana kan. Buatkan pernyata. *Okey* ni, kalau dah buat penyata tu kita boleh tahulah berapa kita boleh belanja bulan itu? Apa yang kita belanja?. (I8)

> *So* daripada segi masa puan, dia memang agak sibuk sebab jawatan dia pun tinggi kan. Dia memang agak sibuk sangat-sangat sibuk sebenarnya. *So* macam dia akan panggil kami juga masuk masuk bilik dia walaupun dia tengah buat kerja lain. Sambil itu dia cakap dengan kami macam mana ni, macam ni, macam mana dia *next step* apa semua kan. *Ha* dia akan cuba cari masa walaupun dia tengah sibuk buat *paperwork* ke slaid ke, tengah tengok dia punya *student* punya *mark* apa, *aa* soalan apa kertas soalan ke kan *aa so* rasa dia tengah bagi markah pun, dia tetap juga akan *aa* cari masa untuk bagi kami *aa* peluang *aa*, untuk tahu macam *aa* kami punya *business,* macam mana, apa dia *aa* pelan kami kan? (I9)

> Dan sebenarnya apa yang membuatkan saya masih lagi teruskan *aa* perniagaan ni ber*business* sebenarnya atas kegigihan dia. *Aa* sebab dulu masa semester pertama saya dah *aa* belajar dengan dia. *Aa* dan itulah *aa* dia yang apa? Macam *guide* sayalah. Macam mana nak, nak mulakan *business*. Sebab saya memang minat berniaga. Asas itu macam mana? Apa yang kita perlukan. *Ha* maksudnya kena buat SSM, buka *aa* apa ni akaun bank, syarikat *aa* dari situlah. (I10)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6.1.2 Kemahiran Perniagaan

Daripada analisis dapatan, di dalam tema kemahiran perniagaan terdapat dua subtema iaitu i) kemahiran menjalinkan jaringan perniagaan dan ii) kemahiran menggunakan teknologi bagi tujuan pemasaran digital.

i) Kemahiran Menjalinkan Rangkaian Perniagaan

Daripada analisis temu bual, didapati bahawa kemahiran menjalinkan rangkaian perniagaan merujuk kepada bagaimana keupayaan responden untuk mengenal pasti, membina, dan menggunakan hubungan dan sumber daya yang ada di sekeliling, dalam usaha untuk memperkukuh pertumbuhan perniagaan usahawan pemula. Dalam konteks pementoran usahawan, kemahiran ini adalah faktor yang penting kerana ia membantu usahawan mendapatkan sokongan, nasihat, dan peluang yang diperlukan untuk mencapai kejayaan perniagaan malahan memberi nilai tambah kepada produk usahawan pemula seperti yang dinyatakan oleh responden berikut.

> Maksudnya *networking* kena kuat. Maknanya kita kena, kita boleh *dry* dalam kelas, kita *okey*, dalam teori, buka buku, cerita, budak memang tak akan rasa *feel* jadi usahawan. Kalau kita rasa rajin sikit, kita panggil usahawan itu bagi *talk* ataupun kita pergi dekat usahawan itu. *Aa so method* dia itu, kena *approach* dengan *student* itu, kita kena buat macam itu. Sebab kalau macam, kalau setakat kita buat, *okey*, buka buku, *page* berapa, *okey* ni, *okey*. Budak tak akan, tak akan minat jadi usahawan ni. Jadi usahawan ni, takkan minat lah dia. Takkan! Jauhlah! Sedangkan, hakikatnya, *nak* jadi mentor *ni,* sebenar *networking* kena kuat. *Aa* barulah kita, kita boleh bercerita tau. *Aa* walaupun kita, tak duduk dalam itu, tapi macam saya cerita tadilah. Saya akan cerita balik dekat akak. *Aa* cerita tentang usahawan itu balik. Tapi kita tak duduk pun dalam dunia dia. (P4)

> Saya nampak sebenarnya bila kita jadi mentor ni dengan kepada pelajar ni kita banyak kena banyak kolaborasi. Tak kisah *lah* dengan industri ataupun dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

agensi. Bila saya buat satu-satu benda, macam pertandingan, kita akan macam contohnya macam yang cempedak itu, dengan FAMA, sebab *depa*, FAMA ini dia tak semestinya kita minta dia dari segi dana *je*. Dia sebenarnya FAMA ini ada satu, macam nak dapat biji cempedak itu, dia ada. FAMA yang boleh uruskan. Dia memudahkan kita. Dia siap ada tempat penyimpanan stok yang boleh tahan lama. Kita nak simpan dekat kolej tak boleh, sebab itulah ya semua benda yang bila kita kolaborasi itu benda itu ada. Macam Jabatan Pertanian pun bila kita *back* dengan dia orang, dia kata, budak-budak pastri *hang* ni, dia adalah kategori boleh daftar dengan PELADANG. Makna nanti dah boleh masuk jadi Agro Muda *Preneur* yang boleh dapat geran yang itu. (P7)

Networking itu pun sama, *networking* apa yang kita ada, *networking* yang kita boleh bantu, kita bantu. Contoh. Contoh bergantung pada projek mereka. *Aa* antara projek lah. Macam saya pernah *handle* dan macam *aa* puan cakap itu betullah. Saya ni *more* kepada mentor TVET. Mentor pelajar TVET lah. Ada pelajar saya tu dia cipta macam-macam produk. Okey *aa* Topi *Obstacle*. *Obstacle Avoided Cap* ini adalah sejenis topi yang mana dia pasang *aa sensor* dekat topi itu untuk dia mengesan halangan yang berada di depan. Ni produk ini adalah untuk orang buta *so aa* bila dia orang buta ini pakainya *aa* topi itu. Nanti kalau ada halangan di depan, dia akan bagi satu *signal vibration* kepada topi itu bahaya di depan. Jadi orang buta ni, *aa* produk ni pelajar yang reka cipta, budak tak buta. *Ha*. Tetapi saya buatkan *network* untuk pelajar ni *test* produk ni kepada orang cacat penglihatan yang sebenar. *Ha* contohnya buat *networking* dengan *aa Malaysian Blind Association*. *Aa* kita bawa produk ni pergi ke MAB untuk dia *test* kan pada orang-orang yang cacat penglihatan di sana. *Ha* itu memang sangat-sangat penting. Banyak lagilah. Semua projek-projek yang saya *mentoring* memang akan ada *networking* luar. *Aa* dengan TEKUN, dengan *Agro* FAMA semua. *Aa* macam tu. Semua. Kebanyakannya *even* kalau *social enterprise* pun saya akan buat, saya pernah buat projek kucing juga. Jadi projek kucing saya ni nak menyelamatkan kucing-kucing gelandangan. *So* saya carilah pusat jagaan kucing yang menerima kucing-kucing *adopted* kucing *aa* macam tu. (P5)

Aa sebab itulah macam salah satu kelebihan, saya ada *networking* dah. *Aa* saya boleh kenal macam, *hei* aku nak macam ni macam mana *aa* macam tanya kawan-kawan itu. Lepas itu saya pula kawan-kawan dalam *office* itu dah pergi ke Kementerian KPDNKK, pergi ke bahagian keusahawanan. Pergi sana, pergi sini. Senang saya nak, nak menembusi dia orang itu. (P7)

Maksudnya SSM, Pusat Zakat. *So* kita buat *aa explore*. Kita kena tahu apa. *Explore*. Sebab setiap projek kita mesti ada pihak lain sebagai sokongan kepada perniagaan tersebut. Sokongan perniagaan *aa support, support* itulah. Apa yang sesuai setiap projek saya. Bayangkan semua projek *aa* yang saya *mentoring* akan ada *networking*. (P5)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *Mostly* dengan FAMA dengan MARA, dengan apa lagi, Kerajaan Negeri Melaka pun *okey* juga, sebab banyak juga program-program kerajaan negeri. (P3)

> Dengan ni la, usahawan-usahawan ... *aaaa* ni ... kita baru lancar 2 Mac hari itu Jawatankuasa Penasihat Keusahawanan. *So* kita ada dalam itu, *aa* sembilan *aa* panel. *Aa* daripada industri *aa* yang itu yang itu memang hubungan yang rapatlah. Mentor industri. Mentor industri tu daripada industri betul-betul industri ada tiga, agensi ada dua, lima lagi *aa* empat lagi itu usahawan alumni kita yang dah bergelar jutawan-jutawan. (P3)

> Sebab saya kat luar, NGO pun saya bantu, saya kata kat NGO, saya tak ada duit, tapi saya ada tenaga. Saya ada bantuan, tu sebab tu, saya cari kawan-kawan saya *keje* bank, *ko* nak bantu tak ni, *diorang* nak cari dana, *ok*. (P1)

Terdapat juga responden yang membina kolaborasi sehingga ke peringkat antarabangsa di mana hal ini membawa kebaikan kepada pelajar yang sedang diberi pementoran keusahawanan seperti yang dinyatakan olah P7.

> Macam kami lebih suka aa *international. First* sekali bila JPPKK, dia buat SEMEO *aa* maknanya *first* apa yang kami nampak, Padang. Kami macam mudah berurusan kan? Cara Padang. Lepas itu, Padang bila dia *dah* datang itu, daripada sekali, timbal balas, *dah* jadi dua tiga kali sampailah sekarang *ni* berhubung dengan baik dengan dia orang. Maknanya kita lebih pada *win win situation* lah. Macam pelajar kita belajar ilmu kat sana macam *aa* fesyen pergi belajar sulaman ke apa benda kan. Macam saya pun saya kadang-kadang *depa* jemput saya bagi ceramah Puan. Dekat Padang, Indonesia. Betong, Thailand, yang itu kami buat kolaborasi dengan dia orang. Macam produk-produk kan Islam *kan kat* sana kan. *Aa* kita masuk la terutama produk *student* kita. Bawa masuk ke sana. Itulah itu lah saya *networking* tu kuat. (P7)

Berkaitan kemahiran menjalinkan jaringan perniagaan yang dimiliki oleh pensyarah, perkara ini diakui oleh menti seperti kenyataan mereka yang berikut.

> Macam *networking* puan dengan orang luar ataupun agensi itu saya rasa banyak sebab puan sebelum ni pensyarah dekat Kolej Komuniti kan, lepas itu dia pindah ke POLISAS. Jadinya saya rasa ramailah yang dia tahu, macam kalau macam apa-apa kita nak *refer* kan, macam *aa* nak minta *hmm* macam apa itu?. Pergi kursus sama ada *free* ataupun pun berbayar *aa* puan tahu kat mana *aa* macam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> mana kita cara kita nak *apply* ke cara kita nak cari macam mana kan untuk kembangkan lagi kita punya *business*. Maksudnya *aa* saya rasa dia memang ramai, memang ramailah yang dia agensi ataupun kenalan kenalan dia kan yang dia tahu. (I10)

> Penyelidik: *Next* apa kemahiran atau pengetahuan mentor yang awak *adore*? Responden menjawab: *Aaaa* dia punya *contact*. Terutama bab-bab nak cari dana, nak pasarkan produk, nak berniaga. *Huuuhhhhh* banyak betul kenalan dia. *So* saya memang *adore* dengan itu (I9)

Daripada analisis temu bual, didapati bahawa jaringan perniagaan yang dibina oleh responden dapat membantu usahawan pemula dari pelbagai aspek iaitu pembangunan produk, pemasaran, geran, latihan, fasiliti dan sebagai pembekal bekalan stok kepada pelajar. Responden menyatakan keterlibatannya dalam pembangunan produk menti melalui kerjasama dengan beberapa agensi penting seperti MARDI, FAMA, dan RISDA. Pernyataan ini memberikan gambaran tentang rangkaian perniagaan dan sokongan yang diperolehi oleh responden dalam membangunkan produk. P7 menunjukkan kerjasama yang erat dengan pihak MARDI melalui aktiviti penyelidikan. Ini menunjukkan komitmen responden dalam menjalankan penyelidikan dan mengambil manfaat daripada sumber ilmu dan inovasi yang disediakan oleh MARDI.

P4 turut menekankan peranan RISDA dalam membantu dalam pembangunan produk menti. Beliau menyatakan bahawa RISDA tidak hanya memberikan geran kepada usahawan, tetapi juga menyediakan sokongan dalam aspek pembungkusan dan pelabelan. Perhatian diberikan kepada fakta bahawa RISDA memberikan bantuan sebanyak RM10,000 kepada usahawan untuk pengemasan dan label, dengan memenuhi syarat pemantauan yang perlu dipatuhi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, P3 membawa perkara yang berkaitan dengan FAMA, menyatakan bahawa FAMA adalah sumber sokongan yang ada sepanjang masa. Dalam konteks ini, inkubator baru cendawan disebut sebagai contoh projek yang dikendalikan oleh FAMA, menonjolkan kepelbagaian inisiatif yang mereka bantu dalam pembangunan dan pemasaran produk. Secara keseluruhan, pandangan responden menggambarkan kerjasama aktif dengan agensi-agensi seperti MARDI, RISDA, dan FAMA dalam usaha untuk meningkatkan pembangunan produk. Ini mencerminkan pentingnya kolaborasi dengan pihak berwajib dan agensi dalam memperoleh sokongan, pengetahuan, dan sumber daya yang diperlukan dalam memajukan perniagaan dan produk menti. Kenyataan responden yang merujuk perkara ini adalah seperti berikut.

> Saya banyak baik-baik dengan dia orang ni, pergi *aa* pergi buat *research* dengan MARDI. Bila saya buat satu-satu benda, macam pertandingan aa kita akan macam contohnya macam yang *aa* cempedak itu, pasarkan melalui FAMA. (P7)

> FAMA *aa* RISDA. *Aaa aa* itu yang memang sentiasalah. RISDA ada *packaging and labelling*. Akak tahu tak yang *packaging labeling aa* kadang itu kan RISDA bagi 10K ke setiap usahawan tau. Dia geran tapi nak kena pemantauanlah. *Student* yang Ti baru ni, yang dapat tu yang Bank Rakyat kak. *Unipreneur* dapat dua orang. *Networking*. Dengan usahawan luar. Sebab kalau kita semata mentor untuk *student* saja, kita tak boleh nak pergi jauhlah. (P4)

> FAMA memang setiap masa. Ni *aa* inkubator baru cendawan. FAMA juga *support*, bagi latihan apa semualah. *Aa ni* dia *duk* tengah tengok nak buat pemasaran. (P3)

> *Networking* itu sama, *networking* apa yang kita ada, *networking* yang kita boleh bantu, kita bantu. Tetapi saya buatkan *network* untuk pelajar ni *test* produk ni kepada orang cacat penglihatan yang sebenar. (P5)

> Betong, Thailand tu *aa* yang yang itu kami buat kolaborasi dengan dia orang. *Ha. Aa* macam produk, produk kan Islam kan kat sana kan. *Aa* kita masuk *la* produk *student* kita *tu*. Itulah, itulah saya *networking tu* kuat. (P7)

> Semua projek-projek yang saya *mentoring* memang akan ada *networking* luar. *Aa* dengan TEKUN, dengan agro FAMA semua. *Aa* macam tu. Semua. Kebanyakannya *even* kalau *social enterprise* pun saya akan buat, saya pernah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> buat projek kucing juga. Jadi kucing saya *ni nak* menyelamatkan kucing-kucing gelandangan. *So* saya carilah pusat jagaan kucing yang menerima kucing-kucing *adopted* kucing *aa* macam tu. (P5)

> Macam Jabatan Pertanian pun, bila kita baik dengan dia orang, dia kata *ooh*, budak-budak pastri *hang* ni dia ada lah kategori *aa* boleh *aa* daftar dengan peladang. Makna nanti dah boleh masuk jadi agro muda *preneur aa* boleh dapat geran yang itu. (P7)

Selain daripada itu, responden juga menekankan bahawa jaringan adalah penting untuk mendapat latihan daripada pelbagai agensi, serta sokongan dalam bentuk fasiliti dan bekalan bahan mentah daripada entiti seperti FAMA, AKPK, dan MARA dalam usaha untuk meningkatkan dan memajukan perniagaan menti seperti yang dinyatakan oleh responden dan informan berikut.

> Satu lagi AKPK kak. Yang *lately* ni dengan AKPK, *best* juga. AKPK ni *consultant* untuk kewangan. (P4)

> FAMA juga *support*, bagi latihan apa semualah. Dengan MDEC *training training* kita lah.. FAMA lah paling kita baik. MARA pun pernah. MARA sekarang dia *offer aa* tempat niaga. Tu kat Bandar Melaka. Kami yang tengah *duk* susun pelajar nak pergi ke sana. (P3)

> FAMA yang boleh uruskan. Itu memudahkan kita. Dia siap ada tempat penyimpanan stok *aa* yang boleh tahan lama. Kita nak simpan dekat, dekat kolej tak boleh, sebab itulah ya semua benda yang bila kita kolaborasi itu benda itu ada. (P7)

> FAMA ini dia tak semestinya *aa* kita minta dia dari segi *aa* orang kata apa dana. Dia sebenarnya, FAMA ini ada satu, macam nak dapat biji cempedak itu, dia ada FAMA yang boleh uruskan. (P7)

> Pergi kursus sama ada *free* ataupun pun berbayar, *aa* Puan tahu kat mana aa macam mana kita cara kita nak *apply ke aa* cara kita nak cari macam mana kan *aa* untuk *aa* kembangkan lagi kita punya *business*. Maksudnya, saya rasa dia memang ramai, memang ramailah yang dia agensi ataupun kenalan kenalan dia kan yang dia tahu. (I10)


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada analisis dokumen MEA 2021 terdapat 22 agensi yang merupakan jaringan perniagaan manakala daripada temu bual, terdapat beberapa pihak lain yang terlibat dalam pementoran usahawan pemula di PolyCC. **Rajah 4.8** menunjukkan institusi dan pihak yang mempunyai jaringan keusahawanan bersama responden yang diperolehi daripada data analisis Dokumen MEA 2021.

Rajah 4.8

Jaringan Keusahawanan Responden



ii) Kemahiran Teknologi Bagi Pemasaran Digital

Analisis temu bual menunjukkan bahawa kemahiran teknologi memainkan peranan penting dalam membantu perkembangan perniagaan usahawan pemula terutama penggunaan sosial media dalam perniagaan. Penggunaan kemahiran teknologi dalam pemasaran produk membolehkan peniaga mengekalkan perniagaan dengan cara meningkatkan keberkesanan produk melalui pemasaran digital yang efektif. Ini termasuk penggunaan platform *Canva* untuk mencipta bahan promosi visual yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menarik dan perisian seperti *Capcut* untuk menghasilkan kandungan video yang menarik. Selain itu, mentor yang mempunyai literasi digital yang baik dapat memahami tren dalam pemasaran digital dan mengikutinya. Mereka boleh menggunakan data dan analitik untuk menyesuaikan strategi pemasaran mereka dan memastikan promosi mereka berjalan dengan baik. Didapati bahawa responden yang mahir dalam teknologi, dapat memberikan bimbingan dan sokongan yang berharga kepada usahawan pemula untuk memanfaatkan potensi teknologi dalam perniagaan mereka seperti yang dinyatakan oleh responden berikut.

> Sangat guna! Kelas *Canva*, saya selalu buat satu sem dalam dua tiga kali *kat* kelas *Canva* untuk budak-budak kan? *Aa* ada yang PSH, ada yang memang saya buat *extra* kelas untuk budak-budak, kelas digital dan juga budak-budak inkubator. *Aaa* kalau *Incubator Boot Camp* itu, macam slot untuk digital *marketing*, digital aa apa digital *marketing* kan? *Aa* saya, saya sendirilah yang sampaikan. (P3)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *Aaa okey* ada jugalah sikit-sikit tapi tak ada lah *expert* tapi Ti banyak pada inilah macam kalau digital itu aa aa kita tengok *aa* digital *eh* digital Ti tak *expert* sangat tapi *aa* tapi Ti bolehlah macam guna *aa Canva* kita guna apa aa *aa* benda-benda baru macam aa video kan... *Capcut*..... kita guna walaupun umur kita setara macam ni. (P4)

> Maksudnya *aa still* lagi kemahiran itu kemahiran terkini la. Kita guna, cuma kita tak *expert*, tapi kita tahu dan satu lagi kita minta bantuan *student* jugalah *okey aa* dan itu sangat membantu proses pementoran lah. (P4)

> *So* yang lain adalah kemahiran apa *eh*? Teknologi. Ya betul teknologi digital itu. *Aaaa* ni memang saya kuasailah. Sebab apa kita nak bila setiap kali projek pelajar kita itu, kita nak dia tak nak berada di sekeliling. Orang tahu tentang projek itu hanya di sekeliling. Kita nak dia merentas sempadan kan. Jadi saya memang galakkanlah selalu pelajar kita bila dia dah buat satu projek, *promote* produk tersebut dekat sosial media, dekat *aa* apa itu *aa* kat *website website* lah *promote* supaya produk itu lebih dikenali ramai. (P5)

> Dia kena ada *more* literasi digital *skill*, aa *communication skill* sebab kita *aa*. Nak jadi mentor itu kita kena ada kreativiti kan? Kita kena perlulah inovatif *aa* macam itu. (P5)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun P2, P6 dan P7 tidak menyatakan secara terbuka di dalam sesi temu bual, namun begitu, didapati melalui analisis dokumen MEA 2021, enam daripada tujuh pensyarah mentor ini mempunyai kemahiran dalam pemasaran dan keusahawanan digital seperti di dalam **Jadual 4.20** berikut.

Jadual 4.20

Kemahiran Keusahawanan Digital Yang Dimiliki Oleh Pensyarah Mentor

	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7
Trainer Digital Entrepreneurship (MDEC)			/	/	/	/	/
Pemasaran Digital		/					
Trainer Digital Marketing for Entrepreneurial Educator 2020			/	/			
Digital Content, Profilling Social Media and Basic Content				/			
Certificate of Competency Digital Entrepreneurship					/		
Certified Master Trainer eUsahawan			/		/		
Jurulatih *Abilympic* Russia 2022	/						
Pengajar *Economic Empowerment Programme* N*GO*	/						
UBS Computerised Accounting (Practical)		/					
Penasihat Program *Women In Small Enterprise (WISE)*			/				
Innovation Academy, University College Dublin, Ireland (UCD),			/		/		
Professional Certificate For Entrepreneurial Educators @ 3EP			/	/			/
Malaysian TechnologyDevelopment Corporation (MTDC).				/			
Diploma Digital Entrepreneurship					/		
Social Innovation and Social Entrepreneurship Trainer							/
Global Ecommerce Talents – ALIBABA and LAZADA							/
Profesional Entrepreneurial Leadership Programme (ELP)							/

Sumber: Analisis dokumen MEA 2021

Triangulasi yang dijalankan bersama menti, mendapati bahawa pensyarah mentor mereka adalah seorang yang mempunyai kemahiran teknologi terutama di dalam bidang keusahawanan digital seperti yang dinyatakan oleh I8, I9 dan I10 berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *Aaa,* dia buat kat *Excel*. Dia bagitahu macam ni orang *Excel* kalau contoh. Kalau mungkin sebelum ni saya data *customer* tak jaga kan. *Takde data base*. Jadi bila dia suruh buat tu, kat *Excel* tu, saya letak lah nama pelanggan berapa dia beli, lepas tu akhir sekali nanti kita boleh nampak dia punya jualanlah. Berapa? Untung berapa? Apa yang saya belanja pada bulan itu kan. Jadi lebih teratur lah *business* kita tu. Pn ni ajar *je*, contoh teknik macam mana *flyers*, teknik-teknik buat. Sebab sekarang ini dia baru ada orang belajar digital kan? Kita kan sekarang ni... dulu takde... dulu buat *banner*, pastu *facebook*, *posting*. *Kat* Kolej ada belajar juga, ada belajar juga, tapi ada yang spesifik untuk pengiklanan berbayar. Dia panggil macam nak *setting ads*. (I8)

> Kemahiran teknologi dan kemahiran pemasaran digital ni, memang diajar sepenuhnya lah. Kiranya kalau puan tu ada ilmu dia 100% tu, dia bagi kat saya 200% *ha* macam itu. Dia sangat menguasai teknologi-teknologi terkini. Kadang-kadang pensyarah lain tak tahu pun benda tu, puan ni dah tahu dulu. Sebab puan ni rajin belajar dan selalu pergi kursus benda-benda baru berkaitan teknologi ni. *So* dia bagi saya segala-galanya lah. Dan *Alhamdulillah* sampai sekarang saya masih memanfaatkan lagi ilmu yang diberikan, dan saya menginovasikan *ah* ilmu tu lah. (I9)

> Saya *slowly* belajar, *aa* macam mana nak *aa promote* kita punya *business*, *platform* apa, terutama *platform* digital terkini, penggunaan *apps-apps* dalam promosikan perniagaan *ha*. Semua itu, semua pelajar pun *aaa* belajar juga benda yang saya belajar cuma *aa* saya sekarang ni masih bertahan dengan atas ilmu dan kemahiran dia yang dia dah curahkan itu dan *support* dia juga. (I10)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan menggabungkan semua kemahiran ini, mentor dapat membantu usahawan pemula mencapai pelanggan dengan lebih efektif, meluaskan jangkauan produk mereka, dan menjana lebih banyak jualan. Ini membantu mereka mengekalkan perniagaan di dalam era digital yang semakin berkembang.

4.6.2 Rumusan Dapatan Persoalan Penyelidikan Ketiga

Daripada analisis dapatan, dua tema utama dan dua subtema bagi setiap tema telah ditemui. Tema utama adalah i) kemahiran pementoran dan ii) kemahiran perniagaan manakala subtema bagi kemahiran pementoran adalah i) kemahiran komunikasi dan ii)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemahiran mengenal pasti kekuatan menti. Subtema bagi kemahiran perniagaan pula adalah i) kemahiran menjalinkan jaringan perniagaan dan ii) kemahiran menggunakan teknologi digital bagi tujuan pemasaran produk.

Dalam kemahiran pementoran usahawan pemula di PolyCC, kemahiran komunikasi yang digunakan mentor melibatkan beberapa dapatan. Terdapat komunikasi terbuka dan telus yang digunakan untuk menjelaskan tindakan dan membina kepercayaan, seperti yang dinyatakan oleh responden P1 dan I9. Mentor juga menggunakan pendekatan psikologi berbalik dan pendekatan lembut untuk memotivasi dan menegur menti, seperti yang dijelaskan oleh P5. Selain itu, mentor turut mengenal pasti masalah toksik yang menghalang perkembangan menti dan memberikan nasihat terus terang seperti yang diutarakan oleh P4. Dapatan lain menunjukkan hubungan baik dan sokongan berterusan antara mentor dan menti, seperti yang dijelaskan oleh responden P3, P4, P6, dan P7, yang menekankan pentingnya hubungan *win-win* dalam pementoran. Responden seperti I8, I9, dan I10 menyatakan bahawa hubungan ini masih berterusan walaupun selepas tamat belajar, dengan mentor terus memberi panduan dan sokongan.

Dalam kemahiran pementoran usahawan, subtema kedua adalah kemahiran mengenal pasti kekuatan menti dinyatakan melalui beberapa dapatan. P1 menyatakan bahawa mentor membahagikan tugas berdasarkan minat dan kemahiran pelajar seperti memasak, *IT* dan promosi. P2 menekankan kepentingan memahami kekuatan individu untuk memberi cabaran yang sesuai, manakala P5 menyebut tentang menempatkan menti berdasarkan kekuatan mereka dalam bidang video, fotografi, dan pembentangan. Selain itu, mentor juga mengenal pasti pelajar yang kurang aktif (*sleeping partner*) dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memastikan mereka turut menyumbang. P1 dan P4 mengakui kecenderungan pelajar terhadap perniagaan tertentu dan membantu mereka mengembangkan minat tersebut. Menti-menti I8, I9, dan I10 pula menyatakan bahawa mentor mereka dapat mengenal pasti kecenderungan keusahawanan dan memberikan bimbingan yang relevan dalam membangunkan perniagaan mereka.

Daripada analisis dapatan, tema kedua adalah kemahiran perniagaan yang terdiri daripada dua subtema utama, iaitu kemahiran menjalinkan jaringan perniagaan dan kemahiran menggunakan teknologi bagi pemasaran digital. Analisis dapatan menunjukkan bahawa kemahiran menjalinkan jaringan perniagaan adalah penting bagi mentor dalam membantu usahawan pemula. Rangkaian dengan agensi seperti FAMA, MARDI, RISDA, dan TEKUN menyediakan sokongan dari segi geran, latihan, pemasaran, dan fasiliti. Kolaborasi tempatan dan antarabangsa membuka peluang untuk pelajar mempelajari ilmu keusahawanan, manakala agensi kerajaan serta NGO turut menyediakan sumber daya penting seperti dana dan stok. Jaringan perniagaan yang kukuh memastikan mentor dapat memberi bimbingan menyeluruh dalam pembangunan produk dan perniagaan.

Dapatan menunjukkan bahawa subtema di dalam tema kemahiran perniagaan iaitu kemahiran teknologi, terutamanya dalam pemasaran digital, memainkan peranan penting dalam membantu usahawan pemula mengembangkan perniagaan mereka. Penggunaan platform seperti *Canva* dan *Capcut* dalam mencipta bahan promosi yang menarik serta pemahaman terhadap tren pemasaran digital oleh mentor meningkatkan keberkesanan promosi produk. Analisis dokumen MEA 2021 mendapati enam daripada tujuh pensyarah mentor mempunyai kemahiran dalam keusahawanan digital,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan triangulasi dengan menti menyokong dapatan ini, di mana mentor memberikan bimbingan dalam penggunaan teknologi digital dan alat pengurusan data seperti *Excel*. **Jadual 4.21** meringkaskan data dapatan dan kaitannya dengan kelestarian perniagaan usahawan pemula di PolyCC.

Jadual 4.21

Persoalan Penyelidikan 3: Analisis Data Kemahiran Pensyarah Sebagai Mentor Usahawan

RESPONDEN 1	**RESPONDEN 2**
Kemahiran • **Komunikasi** – mahir menggunakan bahasa isyarat dan menggunakan komunikasi secara tegas dan jelas. • **Menjalinkan jaringan perniagaan** – bersama NGO • **Mengenal pasti kekuatan menti** – kebolehan menti berdasarkan masalah pembelajaran menti. • **Teknologi / pemasaran digital**	**Kemahiran** • **Komunikasi** – tegas dan jelas • **Mengenal pasti kecenderungan keusahawanan menti** • **Teknologi / pemasaran digital**
Kaitan Kelestarian Perniagaan • P1 memiliki kemahiran komunikasi bahasa isyarat dengan gaya yang tegas dan jelas, serta berkemahiran membina jaringan perniagaan melalui kerjasama dengan NGO. P1 juga mampu mengenal pasti kekuatan dan kelemahan usahawan pemula berdasarkan masalah pembelajaran mereka. Komunikasi efektif ini membolehkan P1 membimbing dengan lebih berkesan, manakala jaringan perniagaan membantu menti mendapatkan sokongan dan peluang. Keupayaan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan menti membolehkan P1 memberi panduan yang lebih tepat, meningkatkan peluang kelestarian perniagaan.	**Kaitan kelestarian Perniagaan** • Kemahiran P2 dalam berkomunikasi tegas dan jelas memudahkan pementoran yang terfokus dan mudah difahami oleh usahawan pemula. Keupayaan mengenal pasti kecenderungan keusahawanan membolehkan P2 membantu menti mengasah fokus dan mengeksplorasi peluang sesuai dengan minat mereka. Pengetahuan teknologi dan pemasaran digital juga membolehkan P2 membimbing dalam memanfaatkan alat digital untuk memperluas perniagaan dan mencapai pelanggan lebih luas. Gabungan kemahiran ini memastikan panduan yang relevan dan fokus pada kelestarian perniagaan usahawan pemula.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RESPONDEN 3	RESPONDEN 4
Kemahiran • **Komunikasi** – tegas dan jelas • **Menjalinkan jaringan perniagaan** – industri dan agensi kerajaan berkaitan keusahawanan • **Mengenal pasti kecenderungan keusahawanan menti** • **Teknologi / pemasaran digital**	**Kemahiran** • **Komunikasi** – lembut dan jelas • **Menjalinkan jaringan perniagaan** – agensi kerajaan berkaitan keusahawanan dan usahawan tempatan • **Mengenal pasti kekuatan menti** • **Teknologi / pemasaran digital**
Kaitan Kelestarian Perniagaan • Kemahiran mentor P3 adalah komunikasi yang berkesan, kemampuan mentor dalam membina jaringan perniagaan dengan industri dan agensi kerajaan yang berkaitan dengan usahawan memberikan akses kepada sumber daya dan sokongan yang penting untuk usahawan pemula. Kemahiran mentor P3 mengenal pasti kekuatan dan kecenderungan keusahawanan usahawan pemula membantu mengeksploitasi potensi menti dan membina strategi perniagaan yang sesuai. • Di samping itu, pengetahuan tentang teknologi dan pemasaran digital membolehkan P3 membimbing menti mendapatkan keuntungan daripada alat-alat digital untuk menguasai perniagaan mereka. Dengan kombinasi kemahiran yang dimiliki oleh mentor P3 berperanan penting dalam membantu kelestarian perniagaan usahawan pemula dengan memberikan nasihat yang relevan dan sokongan yang holistik.	**Kaitan Kelestarian Perniagaan** • Kemahiran mentor P4 dalam berkomunikasi dengan lembut dan jelas teleh membina hubungan yang berdaya tahan dengan menti, sehingga dapat memberi panduan dengan empati dan kesefahaman. Kebolehan mentor dalam menjalinkan jaringan perniagaan dengan agensi kerajaan yang berkaitan dengan usahawan dan usahawan tempatan telah memberikan peluang akses kepada sumber daya, sokongan, dan peluang kerjasama yang penting. • Selain itu, kemahiran tentang teknologi dan pemasaran digital membolehkan mentor membimbing usahawan pemula dalam memanfaatkan alat-alat digital untuk memperluaskan perniagaan dan mencapai pelanggan yang lebih luas. Dengan gabungan kemahiran yang dimiliki mentor ini, ianya berperanan penting dalam membantu kelestarian perniagaan usahawan pemula dengan memberikan nasihat yang menyeluruh dan berdaya tahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RESPONDEN 5	RESPONDEN 6
Kemahiran • **Komunikasi** – tegas dan psikologi berbalik • **Menjalinkan jaringan perniagaan –** agensi kerajaan berkaitan keusahawanan, NGO dan industri • **Mengenal pasti kekuatan menti** • **Teknologi / pemasaran digital**	**Kemahiran** • **Komunikasi** – jelas dan lembut • **Teknologi / pemasaran digital**
Kaitan Kelestarian Perniagaan •Kemahiran mentor P5 dalam berkomunikasi secara tegas dan dengan penggunaan psikologi berbalik membolehkan mereka memberikan panduan yang dapat memotivasi dan memberi keyakinan kepada usahawan pemula. Kemampuan mentor dalam menjalinkan jaringan perniagaan dengan agensi kerajaan yang berkaitan dengan usahawan, NGO, dan industri memberikan usahawan pemula akses kepada sumber daya, pengetahuan, serta peluang kerjasama yang luas terutama aspek pemsaran produk inovasi. •Kemahiran tentang penggunaan pemasaran digital membolehkan mentor membimbing menti dalam memanfaatkan alat-alat digital untuk meningkatkan kewujudan perniagaan, mencapai sasaran pasaran, dan memaksimumkan pertumbuhan perniagaan. Gabungan kemahiran yang dimiliki mentor ini, ianya sangat berperanan penting dalam membantu kelestarian perniagaan usahawan pemula dengan memberikan bimbingan yang sangat relevan dan berorientasi pada kejayaan dalam jangka masa panjang.	**Kaitan Kelestarian Perniagaan** • Kemahiran mentor P6 dalam berkomunikasi secara jelas dan lembut membolehkan mereka membina hubungan yang positif dan memahami dengan lebih baik keperluan serta perasaan usahawan pemula. Kebolehan mentor dalam mengenal pasti kekuatan dan kebolehan individu membolehkan mereka membantu usahawan pemula mengoptimumkan potensi mereka dan mengatasi cabaran dengan lebih efektif. Dengan gabungan kemahiran ini, mentor dapat memberikan bimbingan yang berfokus pada pertumbuhan dan kelestarian perniagaan usahawan pemula.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RESPONDEN 7	INFORMAN 8
Kemahiran • **Komunikasi** – tegas dan jelas • **Menjalinkan jaringan perniagaan –** agensi kerajaan berkaitan keusahawanan, antarabangsa, dan usahawan tempatan. • **Teknologi / pemasaran digital**	**Kemahiran** • **Komunikasi** – Mentor tidak garang tetapi tegas dan mempunyai komunikasi yang sangat jelas. • **Mengenal pasti kecenderungan keusahawanan menti** • **Kemahiran -** Excel
Kaitan Kelestarian Perniagaan • Kemahiran mentor P7 dalam berkomunikasi secara tegas dan jelas membantu mereka memberikan panduan yang terperinci dan efektif kepada usahawan pemula, dan memastikan pemahaman yang baik tentang sesuatu perniagaan. Kemampuan mentor untuk menjalinkan jaringan perniagaan dengan agensi kerajaan yang berkaitan dengan keusahawanan, hubungan antarabangsa, dan usahawan tempatan memberikan akses kepada usahawan pemula untuk pelbagai sumber daya, peluang kerjasama, dan sokongan yang diperlukan. • Mengenal pasti potensi usahawan pemula menjadikan mentor dapat membimbing menti dalam mengoptimakan bakat keusahawanan menti dan menjalankan perniagaan yang sesuai dengan minat mereka. Selain itu, kemahiran tentang teknologi dan pemasaran digital telah menajdikan mentor dapat membimbing usahawan pemula dalam memanfaatkan alat-alat digital untuk meningkatkan kewujudan perniagaan, mencapai pelanggan yang lebih luas, dan mengembangkan perniagaan menti secara berkesan. • Dengan menggunakan kombinasi kemahiran-kemahiran ini, mentor dapat berperanan dalam membantu kelestarian perniagaan usahawan pemula dengan memberikan nasihat yang komprehensif dan berorientasi pada kejayaan jangka panjang.	**Kaitan Kelestarian Perniagaan** • Kemahiran mentor kepada I8 adalah mempunyai kemahiran berkomunikasi dengan jelas dan mempunyai kemahiran yang tinggi dalam penggunaan perisian Excel menjadikan menti mudah untuk mengendalikan perniagaan seterusnya kekal dalam perniagaan yang diusahakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

INFORMAN 9	INFORMAN 10	DOKUMEN MEA
Kemahiran • **Komunikasi** – garang, tegas, jelas • **Menjalinkan jaringan perniagaan –** sangat banyak • **Mengenal pasti kecenderungan keusahawanan menti** • **Teknologi / pemasaran digital**	**Kemahiran** • **Komunikasi** – jelas dan lembut • **Menjalinkan jaringan perniagaan –** banyak • **Mengenal pasti kekuatan menti** • **Teknologi / pemasaran digital**	• **Teknologi / pemasaran digital -** enam dari tujuh responden memiliki persijilan Keusahawanan Digital.
Kaitan Kelestarian Perniagaan •I9 sangat mengagumi kemahiran menjalinkan jaringan perniagaan yang dimiliki oleh mentornya kerana menti (I9) mendapat banyak kesan daripada jaringan perniagaan mentor sehingga membantu I9 dalam mengekalkan perniagaan. •I9 juga mengakui bahawa mentornya adalah seorang yang berpengetahuan tinngi dalam keusahawanan dan pemasaran digital melebihi daripada pensyarah-pensyarah lain, dan ini menjadikan pementoran mereka lebih berfokus dalam pemasaran digital dan memberi kesan positif dalam perkembangan dan kelestarian perniagaan I9.	**Kaitan Kelestarian Perniagaan** •Kemahiran mentor kepada I10 adalah berkomunikasi secara jelas dan lembut serta keupayaan menti dalam mengenal pasti kekuatan menti telah menjadikan menti (I10) lebih yakin dalam mengekalkan perniagaan. •I10 mengakui bahawa mentornya mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam penggunaan peralatan teknologi dan pemasaran digital sekaligus membantu menti mengembangkan dan mengekalkan perniagaannya.	**Kaitan Kelestarian Perniagaan** Kemahiran menjalinkan jaringan perniagaan dalam kalangan mentor telah banyak membantu dalam pembangunan dan pemsaran produk pelajar sehingga dikenali dan mendapat hasil jualan yang tinggi sehingga menjadikan usahawan pemula ini berminat untuk meneruskan perniagaan walaupun telah bergraduasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7 Persoalan Penyelidikan Keempat: Bagaimanakah Pensyarah Menggunakan Pengetahuan, Semasa Pementoran Bagi Menyumbang Kepada Kelestarian Perniagaan Menti?

Seterusnya adalah dapatan bagi menjawab persoalan penyelidikan keempat iaitu bagaimanakah pensyarah menggunakan pengetahuan semasa pementoran usahawan pemula bagi menyumbang kepada kelestarian perniagaan menti? **Jadual 4.22** yang berikut adalah antara soalan utama yang dikemukakan kepada responden mengenai bagaimana mereka menggunakan pengetahuan keusahawanan semasa proses pementoran usahawan di PolyCC.

Jadual 4.22

Soalan sesi temu bual berkaitan elemen pengetahuan

Soalan
1) Dr/puan bukan dari bidang keusahawanan, ada masalah ke, menjadi mentor usahawan?
2) Jika ada, apa tu?
3) Adakah bidang pengajian Dr/puan membantu dalam pementoran? (Jika responden dari bidang perdagangan)
4) Rujuk data demografik pada Lampiran H1, jika responden memiliki ikhtisas / sijil profesional / pelatih dalam keusahawanan – Adakah sijil tambahan ini, membantu Dr/puan dalam proses pementoran ini?


Memandangkan elemen pengetahuan adalah elemen yang tetap iaitu mempunyai kelulusan dalam bidang perniagaan atau tidak, maka analisis ini adalah dijalankan secara deduktif iaitu terus mencari kenyataan yang berkenaan penggunaan kelayakan akademik atau menggunakan pengetahuan orang / pihak lain. **Rajah 4.9** adalah menunjukkan dua subtema utama di dalam elemen bagaimana pengetahuan dalam bidang keusahawanan diperolehi dalam pementoran usahawan pemula.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.9

Tema bagi elemen pengetahuan



Jadual 4.23 adalah menunjukkan tentang kod-kod dan tema yang ditemui dalam penyelidikan ini berkaitan bagaimana pengetahuan keusahawanan diperolehi oleh responden. Tema bagi elemen pengetahuan responden adalah pengetahuan daripada kelulusan akademik dan pengetahuan yang diperolehi daripada inisiatif sendiri bagi menambah pengetahuan tentang keusahawanan untuk digunakan dalam pementoran.

Jadual 4.23

Tema bagi elemen pengalaman

Membiasakan dengan data (sebanyak mungkin)	Pengekodan awal (Kumpulkan mengikut kelompok kod)	Pencarian tema (kumpulan yang sama, yang lebih luas)	Penyemakan, penamaan dan definisi **TEMA**
Pengetahuan (43 kod)	Bidang perniagaan / keusahawanan Kelulusan akademik Bukan bidang perniagaan / latihan Bantuan rakan Perunding Perubahan masa dan teknologi / latihan	Teori Teori Praktikal Relevan Terkini	**PENGETAHUAN KEUSAHAWANAN / PERNIAGAAN**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui analisis dokumen MEA 2021, didapati bahawa kelulusan akademik mentor adalah daripada bidang dan bukan bidang perniagaan atau keusahawanan. Bagi responden yang berkelulusan dalam bidang perniagaan, mereka menyatakan bahawa kelulusan akademik mereka adalah sangat membantu proses pementoran seperti yang dinyatakan oleh responden berikut.

> Penyelidik: Lepas itu, kalau tadi kan *business* Ti punya *Degree eh Master* pun kan MBA kan? Benda itu membantu tak?
> Responden: Sangat membantulah untuk pementoran ni, sangat membantu. (P4)

> *My Degree is Accounting, my Master is* Pendidikan Keusahawanan. *And then my PhD I* buat *actually management* tapi *more on* Pengurusan Pendidikan. Aa jadi semua tiga-tiga bidang itu membantu la dalam pementoran ni. *Sure, especially Master* untuk keusahawanan tu. Dia kan budak-budak ni dia dari segi pengurusan diorang bantu membantu. Tapi *in terms in* duit aa *that is where my* peranan *more* kat situ sebab dia orang memang dari segi kewangan tu diorang kena *teach them really* pakai *accounting* punya *knowledge*. *So, when it's come to* kewangan ooh *okey, I* punya bidang, lepas itu kita *discuss so that* dia tak *high level* dan tak *low*. Macam itulah. Jadi *blending. Blend*. Sebab dunia sekarang ni *marketing* tu *important* sebab kalau *you* tak pandai buat *marketing business wouldn't go. Especially digital marketing*. (P6)

> Penyelidik: *Aa* adakah *degree* tu pengetahuan lah. Pengetahuan kita pada *degree* tu membantu proses pementoran?
> Responden: Sangat-sangat membantu. Saya *aa degree* saya *marketing*. Jadi cuma *challenge* dia bila saya menghadapi dalam situasi sekarang transformasi itu tapi Alhamdulillah *skill* itu pun saya dah kuasai. Aa *digital marketing*. Okey. *Aa so* itu memang kemahiran yang sangat penting dalam perniagaan yang perlu ada pada setiap mentor. *Aa digital marketing* itu. Sebab *aa* ilmu pemasaran saya selalu cakap dengan *student* saya *aa* kalau *you* nak belajar *marketing okey you* mesti ada produk *you* sendiri mesti ada produk. Sebab *marketing* itu adalah kita nak memasarkan sesuatu produk ataupun perkhidmatan. *So* kalau *aa* apa pun projek perniagaan, pun dia mesti ada *skill marketing* itu. Macam mana kita nak pasarkan satu produk itu kalau kita tak ada *skill marketing* tu lah. Maksudnya, memang guna la *degree* tu, memang membantu lah. Sangat-sangat membantu lah. (P5)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala bagi responden yang bukan daripada bidang perniagaan, mereka menyatakan bahawa kelulusan akademik mereka kurang membantu proses pementoran dan mereka perlu mengambil inisiatif sendiri bagi menambah pengetahuan dalam bidang keusahawanan. Inisiatif ini juga diambil oleh responden-responden yang memiliki kelulusan akademik dalam bidang perniagaan sebagai nilai tambah kepada diri mereka terutama bagi tujuan menyesuaikan dengan peredaran masa. Kebanyakan pengetahuan teori dalam kelulusan akademik yang dimiliki oleh responden adalah teori yang asas sahaja, sedangkan perubahan masa menyebabkan banyak perkembangan dalam ilmu keusahawanan terkini.

Antara insiatif yang diambil oleh responden-responden dalam usaha bagaimana untuk mencari pengetahuan dalam bidang keusahawanan agar pengetahuan mereka sentiasa relevan, terkini dan praktikal adalah melalui pembelajaran kendiri dan menghadiri latihan yang berkaitan keusahawanan. Dapatan menunjukkan bahawa pengetahuan semasa yang dikumpulkan oleh pensyarah adalah kritikal dalam membantu menti menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran. Dalam dunia perniagaan yang dinamik, strategi dan pendekatan perniagaan perlu sentiasa dikemas kini agar relevan.

Responden menekankan kepentingan pengetahuan semasa dalam memberikan nasihat yang sesuai dengan konteks pasaran semasa, yang mana dapat membantu mengekalkan daya saing dan relevansi perniagaan mereka. Hal ini seperti dinyatakan oleh P1, P3, P6, P7 dan P5 seperti berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Plan step by step, study sendiri memang kena sabar. Kawan *office* yang tolong... ada yang faham ada juga yang tak faham, *aaa* dia dapat tak, *I* dah bagi *Form* tu, takkan dia tak tau, tak bolehhhh kalau susah sangat, *I* bayar *je... aaa consultant* kan ada banyak kalau ada kawan yang berpengalaman, kawan tu akan tolong. (P1)

Pengalaman sebenarnya yang paling membantu. Ya pengalaman. Lepas itu *knowledge*. Itu kita *adapt* daripada pembelajaran berterusan yang kita *attend* kursus-kursus. Kemahiran pulak yang kita dapat daripada *training training* itulah. Itu saya sendiri. Saya *explore* dan saya *join* kursus sendiri. Inisiatiflah. Dan benda itulah yang digunakan jugak kan? Sangat guna! (P3)

Whatever is your degree. You must go for aa training. You must go for training for another knowledge. Walaupun *you* bahagian pengurusan, *you* kena juga pergi buat *training* sebab *the training is not the same* apa yang *you* belajar. *Training is hands on*. Kalau kelas *more on theoritical*. *So, you need, to learn more after you have your degree.* Dia tak boleh setakat itu, sebab *everything changes* tau sekarang ni. Semua teknologi dah berubah. *Kalau you all stick* pada yang lama *you will get a loss*. Belajar itu wajib. *It is never ending story*. (P6)

Kita nak ajar orang sebab dia pun usahawan *depa* buat benda itu dan apa yang saya buat adalah saya habiskan duit saya pergi kursus *aa* apa Azizan Osman, saya pergi kursus Irfan Khairi, banyaklah sifu-sifu yang perniagaan ni. (P7)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dia kena cari lah tapi macam saya kata tadi, dia macam *aa gifted* tahu, dia macam *passion*. Macam ramai *je aa* orang *aa* mentor-mentor yang dalam bidang *engineering*, tapi jadi mentor. *Hmm. Okey. So* kenapa? Sebab saya percaya dalam fikiran dia itu, dalam *aa* fikiran dia ada *business mindset*. *Aa so knowledge* dalam bidang ilmiah itu sebagai *value added*. Tetapi diri seseorang itu dulu. perlu ada *business minded*. Aa *business minded* itu dia takkan buat-buat. Dia akan dia datang daripada jiwa itu. Macam itu. *Aa* dia mesti tak boleh buat-buat. Dia mesti kebanyakan orang yang *business minded* ini bukan *ooh* orang itu buat *business*, *you* kaya. Kita pun nak jadi macam ini. Dia tak. Kalau dia tak ada jiwa dia takkan dapat. Walaupun dia bidang lain, kalau dia ada jiwa, *aa* dia, dia, dia tambah je lah ilmu itu, kursus *keep invest* sikit, *aa* kemudian bukan untuk melayakkan jadi mentor, bila jadi mentor, dia akan jadi lebih lebih, lebih *confident gitu eh*. Saya *aa* nampaklah. Macam ni. Kalau kita ada satu bidang kepakaran, *okey*. Kita akan cari ilmu tentang perniagaan tu kemudian. Kalau kita ada ilmu tentang satu-satu bidang tu. *Okey*, tetapi kalau kita ada ilmu tentang perniagaan dahulu, kita akan cari bidang itu kemudian. (P5)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7.1 Rumusan Dapatan Persoalan Penyelidikan Keempat

Dapatan menunjukkan bahawa terdapat dua kategori pensyarah yang terlibat iaitu mereka yang memiliki latar belakang akademik dalam bidang perniagaan atau keusahawanan, dan mereka yang tidak berasal dari bidang tersebut tetapi berusaha untuk memperoleh pengetahuan yang relevan.

Responden P1 dan P3 tidak mempunyai latar belakang formal dalam perniagaan atau keusahawanan. Namun, mereka mengambil inisiatif sendiri untuk mengembangkan pengetahuan dengan cara pembelajaran kendiri dan menghadiri pelbagai latihan pembangunan diri, kursus berkaitan keusahawanan, serta bengkel. Melalui pendekatan ini, mereka memperoleh pengetahuan terkini, praktikal, dan relevan, yang dapat diaplikasikan dalam pementoran. Pengetahuan yang mereka perolehi ini termasuk teknik pemasaran, strategi pengurusan kewangan, dan pengurusan risiko perniagaan.

Responden P2, P4, P5, P6, dan P7 pula memiliki kelulusan akademik dalam bidang perniagaan atau keusahawanan. Namun, sama seperti responden lain, mereka juga menunjukkan inisiatif untuk terus meningkatkan pengetahuan mereka. Mereka terlibat dalam pembelajaran berterusan melalui kursus-kursus tambahan dan latihan pembangunan diri, yang membolehkan mereka kekal mengikuti perkembangan terkini dalam dunia perniagaan. Antara pengetahuan yang mereka perolehi termasuk penggunaan teknologi digital, pemasaran dalam talian dan inovasi dalam model perniagaan. Pengetahuan akademik mereka diperkukuhkan lagi dengan kemahiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

praktikal yang diperoleh melalui latihan ini, membolehkan mereka memberikan bimbingan yang lebih tepat kepada usahawan pemula.

Dokumen MEA juga menyokong dapatan ini, dengan menunjukkan bahawa lima daripada pensyarah mempunyai kelulusan akademik dalam perniagaan atau keusahawanan, manakala dua lagi tidak memiliki kelulusan formal dalam bidang tersebut. Walau bagaimanapun, semua responden, tanpa mengira latar belakang akademik, mengambil inisiatif untuk mengikuti kursus, latihan, dan bengkel berkaitan keusahawanan bagi memastikan pengetahuan mereka relevan dan terkini.

Secara keseluruhannya, pengetahuan yang diperoleh oleh para pensyarah boleh disimpulkan sebagai pengetahuan keusahawanan atau perniagaan. Ini kerana pengetahuan tersebut merangkumi aspek penting dalam pengurusan perniagaan seperti strategi pemasaran, pengurusan kewangan, inovasi produk, pemasaran digital, serta pengurusan risiko. Sama ada melalui kelulusan akademik formal dalam bidang keusahawanan atau perniagaan atau inisiatif pembelajaran kendiri, fokus utama mereka tetap pada aspek yang berkaitan dengan keusahawanan dan bagaimana pengetahuan tersebut diaplikasikan dalam pementoran untuk membantu menti mengekalkan dan mengembangkan perniagaan mereka.

Jadual 4.24 adalah ringkasan kepada dapatan penyelidikan bagi persoalan penyelidikan keempat iaitu bagaimanakah pensyarah menggunakan pengetahuan semasa pementoran usahawan pemula bagi menyumbang kepada kelestarian perniagaan menti?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.24

Persoalan Penyelidikan 4: Analisis Data Pengetahuan Pensyarah Sebagai Mentor Usahawan

RESPONDEN 1 dan 3	RESPONDEN 2,4,5,6,7	DOKUMEN MEA
Pengetahuan • **Bukan bidang perniagaan / keusahawanan** • **Inisiatif sendiri** – pembelajaran kendiri dan mengikuti latihan pembangunan diri, mengikuti latihan-latihan, kursus-kursus yang berkaitan keusahawanan serta memperolehi pengetahuan yang lebih terkini, praktikal dan relevan.	**Pengetahuan** • **Kelulusan akademik dalam bidang perniagaan / keusahawanan** • **Inisiatif sendiri -** pembelajaran kendiri dan mengikuti latihan pembangunan diri, mengikuti latihan-latihan, kursus-kursus yang berkaitan keusahawanan serta memperolehi pengetahuan yang lebih terkini, praktikal dan relevan.	**Pengetahuan** • **Kelulusan akademik dalam bidang perniagaan / keusahawanan** - lima orang • **Bukan bidang perniagaan / keusahawanan** - dua orang • **Inisiatif sendiri -** pembelajaran kendiri dan mengikuti latihan pembangunan diri, mengikuti latihan-latihan, kursus-kursus yang berkaitan keusahawanan serta memperolehi pengetahuan yang lebih terkini, praktikal dan relevan. – semua responden

Kaitan Kelestarian Perniagaan

- Lima daripada pensyarah adalah mempunyai kelayakan akademik dalam bidang perniagaan atau keusahawanan yang telah menyediakan asas teori kukuh dan pemahaman yang mendalam tentang konsep dan prinsip perniagaan. Ini sangat membantu dalam memberikan pandangan yang kukuh tentang hal-hal strategi perniagaan, kewangan, pemasaran dan pengurusan operasi. Sementara itu, mentor yang bukan dari bidang perniagaan atau keusahawanan, mereka telah berusaha menimba ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam keusahawanan melalui inisiatif sendiri, pembelajaran bebas, dan latihan yang berkaitan, mungkin membawa perspektif segar dan pengalaman praktikal dari segi pembangunan dan perjalanan perniagaan. Mereka mampu memberikan pandangan tentang aspek praktikal dan pengalaman seharian dalam dunia perniagaan. Kaedah ini digunakan juga oleh mentor yang memiliki kelayakan akademik dalam bidang perniagaan dan keusahawanan kerana pengetahuan mereka semasa pengajian perlu diberi tambahan agar lebih relevan dengan konteks semasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gabungan kedua jenis pengetahuan ini iaitu pengetahuan teori dan pengetahuan praktikal keusahawanan sangat relevan dalam konteks kelestarian perniagaan. Kelulusan akademik dalam bidang perniagaan atau keusahawanan memberikan dasar teori dan pemahaman yang kuat, yang dapat membantu usahawan pemula memahami prinsip-prinsip perniagaan dan membuat keputusan yang lebih berdasarkan pengetahuan. Di sisi lain, pengetahuan yang diperoleh melalui inisiatif sendiri dan pengalaman praktis membantu dalam menghadapi masalah nyata yang mungkin timbul dalam menjalankan perniagaan sehari-hari. Dengan gabungan dua elemen pengetahuan ini, mentor dapat memberikan panduan yang lebih lengkap kepada usahawan pemula. Mereka tidak hanya dapat membantu usahawan pemula dalam merancang strategi berdasarkan teori pengetahuan, tetapi juga memberikan hala tuju yang praktikal dan jalan penyelesaian yang dapat diterapkan dalam situasi sebenar. Elemen ini dapat meningkatkan peluang kejayaan dan kelestarian perniagaan usahawan pemula dalam jangka panjang.

4.8 Persoalan Penyelidikan Kelima: Bagaimanakah Pensyarah Menggunakan Psikospiritual Islam Semasa Pementoran Usahawan Pemula Bagi Menyumbang Kepada Kelestarian Perniagaan Menti?

Bahagian ini adalah dapatan yang muncul daripada jawapan-jawapan kepada soalan "Apakah yang telah memberi inspirasi kepada puan untuk menjadi seorang mentor?" di mana ianya bertujuan untuk meneroka apakah sumber inspirasi responden dalam menjalankan tanggungjawab sebagai mentor usahawan pemula dengan bersungguh-sungguh. Daripada jawapan-jawapan yang diperolehi, sumber inspirasi yang ditemui

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah psikospiritual Islam. Seterusnya bab ini akan merungkai bagaimana psikospiritual Islam ini digunakan dalam proses pementoran.

Melalui analisis tematik, dalam fasa penjanaan kod awal, sebanyak 379 kod awal yang berkaitan dengan amalan, kepercayaan, dan ajaran agama dalam Islam telah dikenal pasti. Kod-kod ini merangkumi prinsip, pedoman, dan nilai-nilai Islam yang memainkan peranan dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk dalam konteks pementoran. Seterusnya, dalam fasa pencarian tema, kod-kod yang dikenal pasti dianalisis dan dikategorikan berdasarkan makna yang diwakili dalam konteks Islam serta bagaimana ia mempengaruhi proses pementoran. Melalui proses ini, kod-kod yang berkaitan dengan kepercayaan, amalan, dan ajaran Islam dalam pementoran telah dikelompokkan dan diperhalusi. Dalam fasa penyemakan dan penamaan tema, kod-kod ini dikaji dengan lebih mendalam bagi mengenal pasti kategori utama yang menggambarkan prinsip atau garis panduan khusus dalam mengukuhkan hubungan dengan Tuhan dan amalan rohani dalam pementoran. Hasil daripada proses ini, sebanyak 25 kod utama telah dikenal pasti.


Rajah 4.10 menunjukkan dapatan kod awal yang terbentuk bagi tema Psikospiritual Islam, yang memainkan peranan penting dalam membimbing dan membentuk hubungan mentor-menti dalam konteks keusahawanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.10

Kod awal bagi tema psikospiritual Islam



.

Daripada analisis temu bual, didapati bahawa Psikospiritual Islam yang dimiliki oleh mentor diintegrasikan dalam pementoran melalui nilai seperti *itqan* dan *ihsan*, yang mendorong disiplin dan keikhlasan dalam kalangan mentor, seterusnya menyumbang kepada kelestarian perniagaan menti. Penyelidikan ini berjaya meneroka bagaimana kepercayaan agama dalam diri mentor diintegrasikan dalam proses pementoran, dengan tumpuan khusus tentang bagaimana ianya menyumbang kepada


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemampanan perniagaan menti. Lima tema utama yang dikenal pasti dalam kajian ini berkaitan dengan nilai psikospiritual Islam, iaitu taklif, ihsan, itqan, dan istiqamah, seperti yang digambarkan dalam **Rajah 4.11, Rajah 4.12,** dan **Jadual 4.25.**

Rajah 4.11

Tema bagi Psikospiritual Islam




05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.12

Penghasilan taklif, ihsan, itqan dan istiqamah.



Jadual 4.25

Tema bagi elemen Psikospiritual Islam

Membiasakan dengan data (sebanyak mungkin)	Pengekodan awal (Kumpulkan mengikut kelompok kod)	Pencarian tema (kumpulan yang sama, yang lebih luas)	Penyemakan, penamaan dan definisi **TEMA**
Psikospiritual Islam (379 kod)	Pendokumentasian	Teliti	***ITQAN***
	Pendokumentasian	Kemas	
	Perancangan	Teliti	
	Pakaian dan keperibadian	Kemas	
	Tak kisah	Ikhlas	***IHSAN***
	Janji Allah itu pasti	Ikhlas	
	Keterlibatan dan kepedulian	Ikhlas	
	Dari semester satu	Konsisten	
	Sehingga kini	Konsisten	***ISTIQAMAH***
	Selalu datang bertemu	Konsisten	
	Berterusan	Konsisten	
	Kebertanggungjawaban	Dipersoal di akhirat	***TAKLIF***
	Hormat ketua	Pahala	
	Ada hikmahnya	Pahala	
	Saham akhirat	Pahala	
	Masalah / kecaman	Saham akhirat	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.8.1 *Taklif*

Daripada dapatan temu bual, didapati bahawa, dalam beberapa kenyataan responden, mereka melihat bahawa perlantikan sesuatu jawatan atau arahan daripada pihak pengurusan adalah datang beserta dengan tanggungjawab yang wajib dilunaskan atas kesedaran bahawa ianya adalah satu tanggungjawab yang akan dipersoalkan di akhirat kelak. Responden berniat untuk melakukan lebih banyak dan lebih baik sebagai mentor usahawan di PolyCC sebagai respon kepada tanggungjawab ini selari dengan konsep *taklif*, di mana individu samada suka atau tidak dilantik sebagai ketua, ianya secara imannya, merupakan satu kewajipan yang memerlukan tindakan berkomitmen tinggi dalam menjalankan tanggungjawab mereka dengan sebaik-baiknya kerana ada perkaitannya dengan akhirat kelak seperti yang dinyatakan oleh responden-responden berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Paling mengecewakan bila kita, isu politik, bila kita bertukar kepimpinan, tak dipandang, tapi bila perlu, panggil, *event* apa nak, OKU! Tak macam dulu, berbeza. Selepas Idris Jusoh, diorang tak nampak, sebab kan saya kecik hati, tapi sebab saya *respect boss*, saya buat juga**.** *SYMP*. (P1)

> Jujurlah masa *aa* saya.... sebenarnya saya dipaksa pun ni *aa* untuk pertandingan ni, saya sampai dah jumpa pengarah dah... saya kata, saya tak nak. Saya tak nak masuk kategori ni. Saya kata saya janji saya bagi komitmen untuk bantu *student* menang. Tapi masa dalam mesyuarat tu juga dah putuskan saya kena masuk juga saya tak ada pilihan lah. Saya masuk juga. (P2)

> Dia mulanya bermula dari tanggungjawab, sebab bila dah dilantik Ketua Unit Keusahawanan, *so* dia dah datang tanggungjawab di situ. Bila tanggungjawab, *of course* kita akan lebih lagi kan? (P3)

Responden menerima suatu situasi yang negatif dengan penerimaan secara positif sambil terus ikhlas menjalankan tanggungjawab dengan tekun, dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keyakinan tentang pahala daripada Allah seperti yang dinyatakan oleh para responden di bawah.

> Anggaplah ini saham akhirat kita. *Ha* kau orang kira ini *investment* masa kau orang ke apa. Bukannya 24 jam kau kena hadap budak itu, tapi ini adalah pelaburan akhirat. Kalau kita rasa kita nak cari pahala lebih, kita kenalah ekstra juga lebih bekerja sikit kat sini kan. Mungkin kita tak kaya kat dunia ni. Tapi esok-esok bila orang itu berjaya dia ingat kita ajar dia macam ni, macam ni. Dia buat dengan jalan yang betul, *insya-Allah*. *Aa* itu besar ganjaran dekat sana nanti. (P3)

> Tak apa, tak akan rugi. Dan satu lagi *aa* sebab kalau ikut macam kita tahu kan satu kita bagi Allah bagi sepuluh kat kita. (P4)

> Sekarang ini saya ada hidup *kat* dunia ini *aa* saya nak bagi apa-apa saya berbuat benda yang baik, pahala itu biar dia orang yang dapat. Sebab *depa* ada banyak bagi macam-macam kat saya dah. Sekarang ni, saya *kat* sini, katakan saya ni anak yang baik, anak yang soleh adalah apa yang, boleh bagi dekat mak ayah saya kat sana. (P7)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Taklif yang kuat dalam diri responden memacu kepada keadaan rasa puas hati dan menerima takdir Allah walaupun dalam keadaan sukar dan melahirkan rasa ikhlas berbuat kebaikan. Iman dan keyakinan bahawa hikmah Allah adalah tidak terbatas dan merangkumi segala hal adalah asas kepada *taklif*. Responden dengan tegas bersedia untuk berpuas hati dan menerima keadaan atau kata-kata seseorang, baik atau buruk dengan menyerahkan diri kepada Allah dan menerima hakikat bahawa segala perkara berlaku dengan sebab yang tertentu seperti yang dinyatakan berikut.

> Tak apa dia orang itu mungkin, dia dia nampak sudut pandang kita macam contohlah, bila naik KU *aa* ooo *okeylah aa okeylah*, memang terpilihlah itu, tapi ayat tu macam perli, tapi kita kata, tak apalah kita dilantik ni, atas tanggungjawab. Buat *aja* la. (P4)

> Waktu untuk tenang-tenang *je*. Kena ingat, bukan kita, bukan kita pilih saja-saja. Allah pilih. *Ha* betul. Kalau Allah tak pilih. Tak jadi kita *aa* kita pokok pangkalnya maksudnya *aa* macam tapi fikir balik Allah dah susun, Allah dah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> atur, mesti ada, ada sebab. *Aa* pasal bila *stage* kita kan, kita macam dah masuk fasa macam ni kan. Kita memerlukan maksudnya fokus. (P4)

> *Frankly speaking* la kan ye *aa I want to be a positive person. So those* yang rasa sedih itu memang sebab kalau ikutkan *track* kita, memanglah ada orang berkata-kata. Tapi lantak engkau *la* tapi sebab *I am a very positive person. If you want me, I follow. If you don't want me, I don't follow you. So, there is no* orang kata benda-benda yang boleh menyebabkan *I* rasa sakit hati sebab *I* kata *your business is yours, my business is mine.* Tak *bother* apa orang kata la. Dia masuk zup masuk dalam hati. *We are human*. Tak nak bertahan, keluarkan. Zup! Zup! Zup!. Jangan simpan, keluarkan. Kalau simpan, nanti *stuck. My life is* Allah. Allah di depan. (P6)

Triangulasi bagi dapatan ini diperolehi melalui temu bual bersama tiga menti dan responden yang diperolehi adalah seperti berikut.

> *Okey* ni dari segi pegangan agama pulak lah... Dia banyak ingatkan tentang mak ayah, solat,... Akhirat semualah, tentang Tuhan, pahala dosa semua lah. Jadi secara tak langsung, saya pun akan sentiasa ingat nasihat dia. (I8)

> Okey *hmm* sejujurnya semasa *aa* saya berada di bawah pemantauan puan, tipulah kalau dia tak tegas bab agama, sangat-sangat tipu. So jadinya macam yalah kami ni budak muda. Bila buat *business*, bila buat *packaging*, bila buat *sales* semua. Kadang-kadang kami lalai. *Aa so* puan ni, dia memang tegas bab-bab solat ni *aa* dia memang tegas. Saling ingatkan kami bab solat, ingatkan kami, senyum *eh* senyum itu kan sedekah kan *ha*. Lepas itu bila ada *sale* mungkin daripada satu jenis produk itu kita tarik 2.5% untuk serahkan kepada zakat kan *hmm* sedekah kepada orang yang memerlukan banyak-banyak. *Emm* buat bacaan Yasin ke kan. *Aa* yang tu adalah memang ada. *So* jadinya dia memang agak *strict* lah dalam bab-bab agama ni. *Okey* seterusnya puan ni kalau untuk budak perempuan adalah perempuan, puan ni akan bawa balik rumah semua dan memang akan uruskan A sampai Z *ah*. *So,* jadinya kalau macam walaupun dah lewat malam pun puan akan *settle*kan dia orang dulu *aa* sebab apa *aa* yang lelaki kan boleh jaga diri *you* balik lewat macam mana pun kita orang tetap *okey* lah. Cuma puan ni dia jaga budak-budak perempuan memang dia jaga *kaw-kaw*, elok-eloklah *aa* dah menti perempuan itu pun sekarang tak silap saya dah berjaya memang memang dah berjaya *ah*, dah berjaya buka kedai semua dah kahwin dah pun. Nama dia Hurul Aini. Okey yang *ah* ya lah puan dia *because of* agama tu dia jagalah budak-budak perempuan yang elok kan dan kami yang laki ini macam saya kata tadi boleh jaga diri, tidur tempat lain tercampak mana pun kita orang boleh tidur *ah* tak ada masalah. Lepas itu *hmm* puan ini dia melaksanakan berbentuk *aa* bila ada pertandingan contohnya kalau lokasi itu dekat luar kan sama ada *stay* dekat lobi hotel ataupun tempat yang sesuai tempat yang ramai orang untuk kita buat *discuss* kan contohnya macam saya dengan Afiq, Afiq ni yang buat Biskut Yot itu. *So* kita tak adalah *discuss* kat tempat yang tertutup. Kita *discuss* memang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tempat yang *public* kan. Macam orang nampak. *So* tak ada menimbulkan fitnah ke apa-apa kan *so hmm* untuk bab agama ni memang puan jaga elok-eloklah memang *follow* memang *follow* lah. Ada setengah orang dia tak *follow* pun kan. Setengah orang dia macam *hmm Alhamdulillah* dia memang jaga kita orang yang elok. Terutamanya menti perempuanlah. Dia memang jaga menti perempuan itu memang *kaw-kaw* punya. (I9)

Macam bab agama ni memang dia ada ingatkan semua pelajar pun. Maksudnya macam contohlah bila kita ada *join* apa-apa pertandingan dan selepas dah *settle* semua itu dia akan ingatkan kita untuk *aa* doa banyak-banyak, tawakal. Maksudnya kalau kita tak menang pun *at least* kita dah usaha. *Aa so* sebenarnya benda itu pun *aa* efek jugalah. *So aa* sebenarnya kalau kita dah usaha, kita tak doa, kita tak berserah dekat Allah pun sama *je* kan. *Ha so aa* puan memang *aa* sebenarnya banyak bagi *support* daripada moral dan rohani jugalah saya rasa sebab *aa* macam kita selesa dengan dia *aa* macam kalau dia cakap pasal agama pun kita *okey je* sebab *aa* memang kita tahu kan peribadi puan pun memang baik maksudnya kita tak rasa kekok pun *aa* kalau kita nak luahkan apa-apa dekat dialah *aa* senanglah untuk *aa share aa* dan *communicate aa* apa-apa *je* lah tak kisahlah *aa* hal *aa* hal kita belajarkah atau hal personal sekalipun. (I10)

4.8.2 *Ihsan*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada dapatan temu bual, sikap pensyarah mentor yang ikhlas dan baik hati terhadap menti juga jelas didapati daripada penyelidikan ini. Keihklasan dan sikap baik hati ini dilihat sebagai satu perkara yang memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak iaitu mentor dan menti malahan untuk orang lain juga. Kenyataan oleh para responden di bawah mengukuhkan bukti bahawa sikap ini wujud di dalam diri responden.

Kita marah, tapi kita bagitau kenapa kita buat. *Kalu* puan nak tulis, nak komen, nak *complaint* menteri pun saya tak kisah, sebab saya *dok* buat kerja ini ikhlas. (P1)

Ermm saya rasa *err* untuk Kolej Komuniti lah, sebab budak yang datang dekat Kolej Komuniti ni aa *special*. Sebab diorang aa akademiknya kurang. Kan? Dia orang memang perlukan *skill*. Cuma macam mana *aea* dari segi mentor ni, kena usaha lebihlah sikit daripada pensyarah itu, mentornya, dia kena macam mana *ae*? Kena guna *prove aa* dan bila kita mentor dekat pelajar ni karakter budak itu berbeza-beza. *Kat* situ kita kena faham dia dulu *err* dan teknik kita pun kena berbeza-beza sedikit *kot* dengan pelajar tu. Supaya tu lah nak jumpa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

serasi tu. Sebab ada kekuatan. Kita kena cari kekuatan pelajar itu. Kena guna kekuatan dia tu untuk bagi dia cabaran yang lebih besar supaya dia nampak dunia tu lagi besar, apa yang dia perlu kejar. (P2)

Sebab kita rasa, kita ada rasa nak tolong. Jadi macam dengan *student*, kita nak tolong *student* itu. *So* lebih-lebih kalau kita tahu budak yang masuk itu orang susah kan. *Aaa* kita nak tolong dia supaya dia nampak jalan *aa* dia dapat sesuatulah. *Aaaa willing, willingness to help*. Lepas itu saya jenis seorang yang bekerja, buat sesuatu, saya mesti buat sehabis baik dan mesti selesai. Sebab apa? Kita tak ada, kita tak, takkan buat separuh jalan. (P3)

Itulah pengalaman kita dengan *student* ini kan, kita nak apa keselesaanlah dengan *student* kan *aa*. Bila kita nak jadi, nak jadi mentor ni, kita nak *student* kita ataupun usahawan itu selesa dengan kita. Dan kita bercakap bukan kita sebagai cikgu, bukan kita sebagai apa itu? Bukan sebagai gurulah untuk mengubah dia. Kita sebagai apa itu. medium untuk membantu dia. Ikhlas dan selesa. *Aa* kita jangan rasa kita ni apa? Kita nak mengajar dia. Sebenarnya kita belajar daripada dia. *Aa* macam kita kena jugalah. Dengan *student* pun. Sebab. Kalau kita tengok *lately* kan. *Aa* sebenarnya kita banyak belajar dengan *student*. *Aa* kalau kita tengok IR4.0 kan, kalau nak terus teranglah nak cakap dengan apa. *Aaa* kalau kita sebagai *educators* sekarang ni kan *aa* kalau kita, contohlah ego kita itu tinggi, *aa* memang susah nak jadi mentor. Dia bukan garang tau. Dia macam *aa* dia, kita *something* yang kita dapat daripada *student* dan *student* pun dapat. (P4)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ha itu saya. Itulah saya kata setiap kali saya buat benda-benda apa-apa. Ya Allah. Apa yang aku buat ni benda yang baik untuk *aa* untuk ni yang terbaik untuk budak-budak itu berjaya ke apa, jadi bila dapat pahala, bagilah pahala ni pada mak ayah aku, tok aku, tok wan aku yang banyak membantu aku sebelum ni yang aku tak ada apa-apa. (P7)

Triangulasi dapatan ini dilakukan melalui temu bual bersama tiga informan, iaitu para menti, dan hasil daripada perbualan tersebut adalah seperti berikut.

Okey apa... keikhlasan kot... kan jadi benda tu yang kita boleh walaupun dia ya lah, walaupun contoh kita berniaga, daripada sumber pendapatan mungkin kita lebih banyak tapi kita dia kita nampak dia macam ikhlas untuk berikan kita. (I8)

Perasaan saya kalau kenal dengan puan ini memang seronoklah. Saya dah anggap dia macam mak saya sendiri ataupun kakak saya sendiri. *Aa* dan dia sentiasa *support* saya *aa so* saya saya anggap dia macam keluarga juga. Mak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> saya pun cakap, puan ni nampak ikhlas dan kesungguhan dia nak bantu *studentnya*, walaupun saya ni bukan pelajar *gifted*. Yang saya ingat, puan cakap, saya nak awak berjaya dalam *business*, keluarkan zakat! Untuk saya, tak apa saya terus di sini, *you go ahead*, jadi kaya! (I9)

> *Aa* pandangan saya tentang puan ni *aa* selama saya kenal dialah. Dia seorang yang semestinya sangat baik. *Aa* dengan semua pelajar. Bila dalam kelas pun dia *aa* tak ada pilih-pilih kasih. Dia layan dia curahkan ilmu dia itu dekat semua pelajar semua sama rata. Lepas itu *aa* dia seorang yang lemah lembut tapi dalam lembut dia itu ada tegas *emmm*. Maksudnya walaupun dia tegas, tapi semua pelajar hormat dekat dia. *Aa* tak adalah macam lembut yang *so* kita nak cakap macam tak ambil peduli kan, *ha* tak ada! Dia lembut *aa* tegas, lepas itu apa yang dia mengajar itu kita mudah faham. *Aa* dan selama saya kenal dia sampai sekarang pun *aa* kami masih lagi berhubung *aa* dia selalu *aa WhatsApp* saya tanya macam mana *business* dan masa PKP yang *aa* hari itu dia tanya sayalah macam mana *aa business* saya. *Okey* ke tak *okey*. Masih lagi kontak sampai sekarang dan saya rasa dia ada jugalah kontak pelajar lain yang buat *business* sama *batch* dengan saya dia ada kontak jugalah. Dia ada tanya juga tanya khabar semua. *Aa* macam itulah. Dan sebenarnya apa yang membuatkan saya masih lagi teruskan aa perniagaan ni ber*business* sebenarnya atas kegigihan dia membimbing saya. (I10)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhan, tema *ihsan* (berbuat baik) diwakili dalam penekanan responden pada penerimaan terhadap ketentuan Allah, keikhlasan dalam melakukan pekerjaan, membimbing pelajar dan keinginan untuk memberi manfaat kepada pelajar tersebut secara khususnya. Perkara ini merangkumi setiap tindakan dengan niat baik dan keyakinan bahawa segala-galanya adalah keputusan Allah yang perlu diterima dengan redha dan laksanakan tanggungjawab dengan bertawakal kepada Allah.

4.8.3 *Itqan*

Melalui dapatan sesi temu bual, terdapat responden yang menunjukkan prinsip *itqan* dalam pementoran melalui perancangan terperinci, disiplin, dan dedikasi. P7 menekankan strategi terancang untuk persiapan yang lengkap, seperti berperang. P4 dan P5 pula menekankan pentingnya jadual dan modul yang tersusun untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memastikan pementoran berjalan dengan lancar. P3 menambah bahawa latihan di bawah *Incubator Boot Camp* dilaksanakan secara sistematik dengan latihan berkala, manakala P2 menunjukkan ketekunan dalam menyediakan bimbingan harian yang konsisten kepada pelajar. Kesemuanya mencerminkan *itqan* dalam memastikan usaha pementoran dilakukan dengan teliti dan berkesan. Kenyataan responden yang berkaitan dengan elemen *itqan* adalah seperti berikut.

> Aku kena bagi lebih, siap lebih, *ha* macam tu. Persiapan itu kena lengkap, kalau nak nak berperang. Kita ni *aa* dalam pasukan Kolej Komuniti. Kita ada banyak pasukan-pasukan lain, yang ni, *depa* ni tentera lain lah. Macam mana kita nak siapkan senjata *aa* kita nak bawa parang sajakah, kalau parang, *depa* bawa senjata, kita mati. *Ha* saya kata *gitu*. Kalau kata kita buat senjata, kita nak apa? Nak buat ada bom sajakah? Tak apalah. Maknanya kita kena pasang strategi. (P7)

> Buat strategi. Macam, saya *ni* ketua perang. Pastikan semua *okey*. *Hang* pergi sini, *hang* buat apa benda-benda semua itu. Maknanya, saya dah boleh *plan* orang itu ke mana-mana. Saya orang yang merancang. Perancang. Saya memang orang yang dokumentasi kalau nak buat memang saya suka buat dokumentasi. *Aa* memang saya orang dokumentasi. Memang kalau buat saya buat macam *make-up* cantik. Teratur macam itu kan. (P7)

> Nak *polish*. Aa *student* pun macam itu jugalah. Ada *schedule*. Maksudnya kalau nak mentor ni, saya siapkan modul, siapkan nak jumpa hari apa, nak cakap pasal apa? Kita buatlah pertemuan. Macam kita jadi *SV* lah. Sebab kalau kita sediakan, sebenarnya patah balik pada kita. Untuk kita punya *coaching and mentoring*. Tapi maknanya dari sudut drafnya ada lah, pertemuan, apa isinya, kalau cantiknyaa, biar ada benda itu sebab kalau tak ada, kita datang itu dalam keadaan, *content* ada tapi tak diterjemahkan. Sekurang-kurangnya dia punya *content*, apa yang tak dibincang. Satu lagi, kita tahu *content*. *Aa okey* pertemuan yang pertama, apa benda kita nak? Pertemuan kedua, apa benda yang kita nak kan? *So* dia ada *flow* dialah. Dia ada *flow* dia. Boleh kita nak *coach* ataupun kita nak jadi apa mentor tanpa kita ada benda tu. *Okey* bagi, bagi, bagi, bagi *je*. *Aa* tapi *in term of content* itu, mungkin larilah sikit. *Ha* tak tersusunlah. (P4)

> Kita bukan buatlah secara berjadual. *So* setiap kali dia datang ke kita kan kita bawa kita punya pelan tindakan, apa kita punya *guideline*, apa *Gant Chart. So* di situ nanti *aa* untuk macam setiap kali pertemuan dia akan laporkan apa yang dia dah buat dan untuk *aa* kita akan akan datang saya akan bagi *guideline* lah tunjuk ajar untuk tindakan akan datang. Berdasarkan pada tindakan yang kita dah rancang awal projek itulah. Daripada awal ianya satu proses yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terancanglah. Sebab bagi saya kalau nak jadi mentor ni, memang kena terancanglah. Tak bolehlah ikut *done* je, *aa* tak! *aa* itu itu antara tugas seorang mentor. *So* memang kena terancang. Kalau tidak dia sekadar menjadi penasihat *aa* macam itu *one way* je. *Aa* macam itu. (P5)

Dia ada *schedule* dia, macam ni la, modul lah, macam dalam setahun, *student* itu akan kena habis *cycle* latihan dia. Modul pengurusan, *aa* pengurusan itu termasuk pemasaran kewangan semua itu dan juga modul latihan kemahiran di inkubator tu. Contohnya kalau di *bakery*, dia mesti pelajar itu mesti diberi latihan *aa* kemahiran memasak, resipi baru ataupun *decoration* kek ke apa ke dalam masa setahun itu, dia mesti dapat berapa? Dua latihan. Satu *sem* sekali. Cuma tarikh bila itu, terpulang pada inkubator lah. *Arrange* lah. *Aa* kalau modul, modul pengurusan memang kita sekalikan. Kita letak dia bawah program *Incubator Boot Camp*. *Aaaa so* setahun sekali, Politeknik Merlimau, kita memang *aa* ada program *Incubator Boot Camp*. Kita *Incubator Boot Camp* kali ke-8 *dah*. *Aaa* lepas ni setahun sekali, ada lapan tahun. *So* macam itulah kalau pertandingan saya tengok pertandinganlah. Kalau ada tertentu itu kan dia ada *Gantt Chart* kan? Dia ada tempoh *due date aa* itu kita susun. Kalau pertandingan itu biasa saya akan buat sebulan atau seminggu sekali mesti ada jumpa. (P3)

Qais ni, sebab dia memang hari-hari akan cari kita. Tak semua pelajar macam tu. Jadinya kalau dengan dia ni, saya memang akan datang 7.30, sebelum pukul 8.00 tu, *aaa* dia memang dah sampai dah 7.30. Kemudian pukul *aaa* saya akan balik pukul 5, pukul 6 biasa lebih.... dia habis kelas 4.15, dia akan terus cari saya. Setiap hari. Jadi saya kena, saya *dah schedule dah*, saya punya jadual tu untuk dia ni. (P2)

Triangulasi data dari I8, I9, dan I10 menunjukkan bahawa prinsip *itqan* (kesungguhan, kesempurnaan, dan ketekunan) diterapkan oleh mentor melalui perancangan yang teratur, disiplin yang tinggi, dan komitmen terhadap pementoran. Pengalaman menti (I8, I9, I10) mengesahkan bahawa mereka mempelajari disiplin, pengurusan masa, dan ketelitian daripada mentor, yang semuanya mencerminkan pelaksanaan *itqan* dalam pementoran. Perkara ini adalah disahkan oleh menti-menti yang ditemu bual seperti berikut.

Satu, yang masa buat penyata kewangan tu. Kedua masuk tu lah dia tak ingat sangat masuk pertandingan *kot* supaya asah, asah bakat lah latihan untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> bercakap kan. *Ha* jadi benda benda tu membantu lah. Dia bagi saya, keluar! *so* tak ada lah dalam kolej *je*. Jadi kita ada masuk pertandingan, kita ada masuk *pitching* dan sebagainya. Benda tu sebenarnya dia sebenarnya macam ni. Mula mula dia nampak saya ni macam boleh, *ha* lepas tu dia dia *groom* lah kan *ha* dia jadikan saya lagi baik lah macam tu dia. Saya selalu pergi bilik dia, kemas. Dia punya fail-fail dia semua nampak lah dia tersusun macam tu. (I8)

> Apa yang saya belajar adalah bila kita jatuh, kita tetap kena, kita tetap kena bersemangat untuk bangkit daripada kejatuhan itu. Lepas itu *hmm* sentiasa buat kerja itu *aa* secepat mungkin. Bila dapat *task*, siapkan *task* yang pertama dulu, baru buat *task* yang kedua. *Okey*. Lepas itu, *aa* segi *management,* kewangan, masa, *aa so* saya banyak belajarlah dengan puan. Sebab saya bukan seorang yang suka tepati masa dan saya memang suka tidur. Masa saya kenal puan ni. *So* bila puan *aa* kenal dengan puan ni, puan ni bagi saya *aa* satu benda yang saya belajar adalah *amm* bila ada *meeting*, kalau *meeting* itu pukul lapan, *aa* kena sampai tujuh setengah *eh*, sebelum *meeting* itu *eh*, *okey. So,* itu yang saya belajar jugaklah. Masa! (I9)

> Menyebabkan saya jadi seorang yang *punctual aa* saya menjadikan saya usahawan yang berdisiplin. *Aa* menjadikan saya seorang yang menjaga pakaian, penampilan saya, *aa* menjadikan saya *hmm* membuatkan saya menjadi seorang yang pandai menjaga kewangan, *manage* kewangan, *marketing*. Macam-macam *ah*. Semua bidang *business ah*. Dia membuatkan saya *serious* dalam bidang yang saya cuba *aa* ceburi inilah. (I9)

> Kalau kita tengok peribadi puan pun kalau hari-hari dia pergi mengajar pun diri dia sendiri pun *aa* macam pakaian pun kemas *aa* tak tahulah *aa* saya sukalah tengok puan *aa* sebab dia *aa* saya rasa dekat dia kemas bukan hanya dari segi pakaian tapi dari segi kerja dia pun dia kemas dan teratur. Bilik puan pun kita nampak memang sangat *aa* kemaslah. *Aa* sangat teraturlah. Tak macam tak *messy*. (I10)

Selain itu, melalui pemerhatian semasa sesi temu bual, didapati bahawa responden mempunyai ruang kerja yang sangat kemas dan bersih. Mereka menyimpan rekod perancangan dan laporan serta dokumen penting lain yang berkaitan dengan pementoran dengan kemas dan teratur. Ini berkaitan dengan prinsip Islam mengenai akauntabiliti yang berkaitan dengan unsur pengurusan dokumen berkualiti tinggi. Daripada pemerhatian semasa sesi temu bual, di dapati bahawa fail-fail pensyarah adalah tersusun rapi, kemas dan mudah diakses. Di dapati juga bahawa ruang kerja

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

responden adalah kemas dan mereka mempunyai usaha pendokumentasian yang baik dalam bentuk buku, nota dan poster (Rujuk Lampiran U). Keadaan ini menggambarkan bahawa mereka adalah sangat menitikberatkan tentang pendokumentasian yang terbaik dan menghampiri kesempurnaan dalam pementoran.

Rajah 4.13

Pendokumentasian dan ruang kerja responden



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.8.4 *Istiqamah*

Istiqamah yang ditunjukkan oleh responden adalah pementoran yang konsisten bermula daripada pelajar berada di semester satu sehingga setelah tamat pengajian iaitu sehingga sekarang walaupun ada yang sudah bergraduasi pada tahun 2014 iaitu sepuluh tahun lepas. Berikut adalah beberapa kenyataan responden berkaitan perkara ini.

> *Stress* sebab dia orang tak faham, ..cakap *simple* pun, dia orang tak boleh..gerakkan benda tu..nak perubahan tu, nak nampak dalam perubahan tu pun, *take time...take your patient* yang tinggi..istiqamah! haaaa....dia ada masa hari, dia ok…sebab dia pelupa...dia macam orang nyanyuk...kadang-kadang 10 minit dah lupa. (P1)

> *Still contact* lagi, sebab dia dah kawin, dah ada anak. Dia kawin muda. Tahun ni 23. Kadang-kadang dengan menti ni, dia memang ambik masa la untuk kita faham. Dari *sem* satu ni, sampai *sem* tiga dia masih tak dapat lagi produk yang betul-betul dia nak. (P2)

> Dulu dia mula dengan berniaga *aa* saya ambil tapak Bazar Ramadan sekarang memang saya rasa, senyum puas lah. Hari tu *pi* Sabah, dia bawa belanja makan semua. Dia cerita, masih lagi tapi sampai sekarang, dia masih nak bermentorkan kita. Walaupun kita bukan ada restoran macam dia pun. Maksudnya sampai sekarang *still* lagi *contact*. Kalau dia *stuck* pun, dia akan tanya, masa hari itu nak daftar syarikat, nak daftar syarikat *enterprise* ke *partnership* dengan *husband* dia. Ni baru lagilah. Sebab sebelum ni dia buat sendiri *je*. Mentor pun ya juga lagi. *Ha* kawan pun yalah. Memang sentiasalah. Ini *brownies* ni dia orang, dia kirim ni semalam. *Happy belated birthday*. Tapi *ni* tempah dengan *PolyCuisane* la. *So* hubungan *tu* masih eloklah, sampai sekarang. Dia *grad* 2014. Dia memang sentiasa *contact*. (P3)

> Macam budak ni. Dulu dekat dalam kelas dia ni *je*. Dia buat, dia kata mak dia. Mak dia pandai buat *cheesekut*. Dia kata atas nama mak, dia panggil guna *Mama Cheesekut*. Lepas itu, nak jadikan cerita budak-budak ni kan pandai media sosial. Bila ada media sosial, dia *upgrade upgrade aa* lepas itu buat apa *marketing* apa semua itu. *Ha* cantik pula dia buat. Sifirnya dia kak, maknanya kita mentor ni, kita kena cari betul-betul budak yang minat, kecenderungan dia tapi kalau kita bagi, buat *aaaa okey* tak apa biar dulu, itu tak ada, tak ke mana. Tak hebat kita, *tak de* hebat. Sebenarnya budak-budak pun kena, kita pun kena. Tapi kita kena gigih. Kena *istiqamah* bimbing diorang walaupun diorang dah *grad*. Ya kena gigih. Kena cari betul-betul. Kena maknanya kita *aa* tariklah *aa student*, minat dia itu. (P4)

> Dan mentor tu juga adalah orang yang sangat *istiqamah*. Dia bukannya jenis orang yang, *okey you* nak, *mai* tolong. Maksud *istiqamah* mesti *you* jaga budak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> tu *from* dia *start,* nak ambil tahu sampai ke mana akhir dia. *Istiqamah* itu penting. Ya. *Istiqamah* kita dua-dua. Dua-dua mesti *istiqamah*. *Passion*. *Istiqamah* lah *passion* ni. *Passion* and *istiqamah*. (P6)

> Yang *incubator* pula aa yang *aa* kita mula daripada *sem* satu kita bimbing dia asal dia daripada daripada tak ada apa-apa tapi dia berminat nak meniaga kita latih dia sampailah *aa* habis belajar. (P7)

Daripada dapatan temu bual bersama menti, didapati bahawa pensyarah mentor memang mempunyai sikap *istiqamah* dalam pementoran mereka seperti triangulasi temu bual bersama menti yang berikut.

> Dari *sem* satu tu. Saya dah buat *business* dah. Jadi daripada segi jualan saya, saya punya apa orang panggil, data data jualan kan. Jadi pada permulaan itulah dia ada membantu. Sikitlah, buat *Excel*. Bagi sistematik sikitlah nak tengok saya punya untung rugi macam mana kan. Buatkan pernyata. *Okey* ni, kalau dah buat penyata tu kita boleh tahulah berapa kita boleh belanja bulan itu? Apa Yang kita belanja?. (I8)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Saya setiap hari jumpa puan. *Time* kelas, lepas tu waktu balik. Awal pagi memang sebelum masuk kelas jumpa dulu. Saya kan buat *parcel* kan, saya tunjuk *kat* dia setiap hari. Cerita je *business* saya *kat* dia hari-hari. (I8)

> Masih berhubung lah. *So* saya bagitau buat apa sekarang. Lepas tu kalau ada macam projek-projek kolej ada *je* dia bagitahu nak masuk ke apa benda semua kan. *Ha* macam tu hubungan tu lah. (I8)

> Kebanyakannya *aa student* banyak *aa lalok*. Maksudnya dekat sini adalah banyak yang mengarut-ngarut. Dia akan mengarut-mengarut sebab tak ada mentor. Tak ada orang yang tunjuk jalan ataupun tak ada orang yang pantau dialah. *So* dia orang akan buat *mistake* semestinya dalam *business* dia akan memang akan ada *mistake* macam mana pun, *you* ada mentor pun dia tetap akan ada kejatuhanlah. Tapi kalau tak ada mentor *aa* memang akan *hauk*lah. Macam saya sendiri, daripada *sem* satu sampai sekarang, dah nak kawin dah ni, masih lagi bermentorkan puan. Bila *business* saya ada masalah, *stuck* ke, memang saya cari puan untuk minta nasihat dan bimbingan apa yang patut saya buat. Yang penting kena ada mentor, dan jangan sekerat-kerat jalan… kena berterusan. (I9)

> Sebab dulu masa semester pertama saya dah *aa* belajar dengan dia. *Aa* dan itulah aa dia yang apa? Macam *guide* sayalah. Macam mana nak, nak mulakan *business*. Asas itu macam mana? Apa yang kita perlukan. *Ha* maksudnya kena buat SSM, buka *aa* apa ni akaun bank, syarikat *aa* dari situlah saya *slowly*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> belajar, *aa* macam mana nak *aa promote* kita punya *business, platform* apa, *ha*. Maksudnya saya belajar daripada *aa* saya masuk kolej dulu. *Aa first sem* dengan puan *aa* dan sampai sekarang pun sebenarnya walaupun saya dah tak belajar dah subjek *aa* itu tapi sekarang pun saya *still* lagi sebenarnya tengah belajar dengan puan. (I10)

4.8.5 Rumusan Dapatan Persoalan Penyelidikan Kelima

Daripada analisis dapatan bagi persoalan penyelidikan kelima iaitu "Apakah yang membuatkan Dr/puan bersungguh-sungguh menjalankan tanggungjawab sebagai mentor?', tema Psikospiritual Islam telah ditemui. Elemen di dalam Psikospiritual Islam yang ditemui adalah *taklif* iaitu merupakan elemen yang paling mendominasi tema ini iaitu ianya ditekankan oleh enam responden dan dipersetujui oleh semua ketiga-tiga informan. Elemen kedua yang mendominasi tema ini adalah *ihsan* iaitu dinyatakan oleh lima daripada tujuh responden dan dipersetujui oleh ketiga-tiga informan. Manakala, seterusnya data yang empirikal memaparkan bahawa elemen ketiga yang mendominasi tema ini adalah *itqan* yang dijelaskan oleh empat responden dan dipersetujui oleh ketiga-tiga informan serta disokong dengan catatan pemerhatian ketika sesi temu bual dijalankan. Elemen terakhir bagi tema Psikospritual Islam adalah *istiqamah* yang dihuraikan dengan jelas oleh empat responden dan ketiga-tiga informan.

Jadual 4.26 adalah ringkasan kepada dapatan bagaimana elemen-elemen Psikospiriutal Islam telah menjadi inspirasi kepada pensyarah PolyCC dalam menjalankan usaha pementoran usahawan pemula terutamnya dalam aspek membantu mengekalkan perniagaan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.26

Persoalan Penyelidikan 5: Analisis Data Bagaimanakah Sumber Inspirasi Pensyarah Dalam Pementoran Usahawan Pemula Menyumbang Kepada Kelestarian Perniagaan Menti?

RESPONDEN 1	RESPONDEN 2
Psikospiritual Islam • ***Taklif*** – taat kepada ketua • ***Ihsan*** – sanggup menghadapi risiko dikecam atau dilaporkan kepada menteri. • ***Istiqamah*** – sanggup terus membimbing menti walaupun menti adalah dalam kalangan OKU	**Psikospiritual Islam** • ***Itqan*** - kesempurnaan perancangan, perlaksanaan dan pendokumentasian • ***Taklif*** - menghormati keputusan ketua • ***Istiqamah*** – mengekalkan pementoran bermula dari semester satu sehingga kini setelah bergraduasi melebihi tiga tahun. • ***Ihsan*** – berusaha sehabis baik dengan menggunakan apa sahaja kaedah dan teknik berbeza-beza dalam proses pementoran.
Kaitan Kelestarian Perniagaan • Isu yang dihadapi oleh P1 adalah berdepan dengan golongan pelajar yang memiliki pembelajaran bermasalah. P1 melaksanakan tanggungjawab atas rasa *taklif* dan *ihsan*. Dengan mentaati ketua, P1 percaya apa yang dilakukan akan memberi pahala kepada dirinya. • Dengan psikospiritual Islam *taklif* dan *ihsan* ini, P1 dapat membantu menti dalam mengekalkan perniagaannya. P1 sanggup merisikokan diri untuk diadukan kepada menteri atas tindakannya membimbing pelajar OKU untuk menjadi usahawan dengan cara yang tegas.	**Kaitan Kelestarian Perniagaan** • Isu yang dihadapi oleh P2 adalah pelajar yang lemah dalam akademik dan merupakan pelajar sijil yang memerlukan P2 bersikap *itqan, taklif, istiqamah* dan *ihsan* dalam pementoran usahawan pemula. Dengan memiliki psikospiritual Islam ini, P3 telah berjaya membantu menti dalam kelestarian perniagaan sehingga sekarang walaupun sudah melebihi tiga tahun bergraduasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RESPONDEN 3	RESPONDEN 4
Psikospiritual Islam • ***Itqan*** **-** kesempurnaan perancangan, perlaksanaan dan pendokumentasian • ***Taklif*** – ketelitian tentang kebertanggungjawaban yang akan dipersoalkan diakhirat kelak. • ***Taklif*** – ketelitian tentang kebertanggungjawaban adalah merupakan saham akhirat • ***Istiqamah*** – konsisten dalam pementoran dari semester satu sehingga sudah melebihi 10 tahun bergraduasi. • ***Ihsan*** – sentiasa berusaha sehabis baik dengan tidak sekali-kali meninggalkan tanggungjawab tanpa menyelesaikannya dengan baik dan kerana sedar adanya Allah.	**Psikospiritual Islam** • ***Itqan*** - bila merasa tanggungjawab yang berat • ***Taklif*** – apabila menghadapi masalah • ***Itqan*** **-** kesempurnaan perancangan, perlaksanaan dan pendokumentasian • ***Taklif*** – ketelitian tentang kebaikan yang dibuat akan dibalas 10 kali ganda oleh Allah • ***Istiqamah*** – konsisten dalam pementoran dari semester satu sehingga sudah melebihi 10 tahun bergraduasi. • ***Ihsan*** – sentiasa yakin dengan hikmah atas apa jua takdir yang diterima.
Kaitan Kelestarian Perniagaan • Isu yang dihadapi oleh P3 adalah kurang mendapat sokongan rakan sekerja malahan adakalanya P3 ditempelak dengan tugasan pementoran usahawan pemula. Namun begitu, berpegang kepada psikospiritual Islam iaitu *itqan, ihsan, istiqamah* dan *taklif* telah menjadi inspirasi P3 untuk terus melahirkan usahawan dalam kalangan graduan Politeknik seterusnya, mengekalkan perniagaan tersebut, dan ternyata ramai menti yang telah dilahirkan oleh P3 yang terus kekal dalam perniagaan selepasa bergraduasi.	**Kaitan Kelestarian Perniagaan** • Isu yang dihadapai oleh P4 adalah kecaman rakan-rakan terhadap kejayaan dan kedudukan beliau dalam institusi. Berpegang kepada psikospiritual Islam iaitu *itqan, ihsan, taklif* dan *istiqamah* telah memberi kekuatan dan inspirasi dalam dirinya untuk menjadi mentor yang terbaik dan menghasilkan usahawan yang kekal berniaga walaupun sudah bergraduasi. Percaya dan mensyukuri rezeki kurniaan Allah yang menjadikan P4 lebih berdedikasi dalam tugas sekaligus dapat melahirkan usahawan yang lestari dalam perniagaan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RESPONDEN 6	RESPONDEN 7
Psikospiritual Islam • ***Taklif*** – cara mengatasi kesedihan apabila dikecam rakan sekerja • ***Itqan*** **-** kesempurnaan perancangan, perlaksanaan dan pendokumentasian • ***Istiqamah*** – mengekalkan pementoran bermula dari semester satu sehingga setelah bergraduasi	**Psikospiritual Islam** • ***Taklif*** **–** percaya Allah sentiasa ada dalam setiap takdir kehidupan • ***Itqan*** **-** kesempurnaan perancangan, perlaksanaan dan pendokumentasian • ***Ihsan*** – ketelitian tentang kebertanggungjawaban adalah merupakan saham akhirat untuk diri sendiri dan arwah kedua ibu bapa dan datuk neneknya. • ***Istiqamah*** – mengekalkan pementoran bermula dari semester satu sehingga kini setelah bergraduasi melebihi 10 tahun.
Kaitan Kelestarian Perniagaan • Isu yang dihadapi oleh P6 adalah kecaman dari rakan sekerja yang kurang senang dengan usaha pementoran usahawan pemula. P6 berpegang kepada psikospiritual Islam *taklif* bagi menenangkan diri apabila menghadapi kecaman. Selain itu P6 berpegang kepada *taklif, itqan* dan *istiqamah* dalam proses pementoran seterusnya mengekalkan perniagaan menti.	**Kaitan Kelestarian Perniagaan** P7 merupakan seorang yang sangat emosional dan terbawa-bawa dengan kisah silam yang datang daripada keluarga yang sangat susah dan mendapat tentangan untuk menyambung pangajian. Daripada kisah silam ini P7 berpegang kepada psikospiritual Islam iaitu *taklif, itqan, ihsan* dan *istiqamah* didalam proses pementorannya. Dengan berinspirasi kepada psikospirituasl Islam ini, P7 telah berjaya melahirkan ramai menti yang kekal dalam perniagaan selepas bergraduasi.

INFORMAN 8	RESPONDEN 5
Psikospiritual Islam ***Taklif, ihsan, itqan dan istiqamah*** – mengakui bahawa memiliki mentor yang sangat rapi dalam perancangan, pelaksanaan dan pendokumentasian, bertanggungjawab dan istiqamah. **Kaitan Kelestarian Perniagaan** • Sikap *ihsan* yang dimiliki oleh mentor kepada I8 telah mendorong I8 untuk memiliki cara kerja yang sama seterusnya diaplikasikan dalam proses mengekalkan perniagaannya.	**Psikospiritual Islam** • Tidak ditemui **Kaitan Kelestarian Perniagaan** • Tidak ditemui

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

INFORMAN 9	INFORMAN 10	DOKUMEN MEA
Psikospiritual Islam • ***Taklif*** – memiliki mentor yang sangat menjaga nilai agama. • ***Ihsan*** – mengakui bahawa mentor sentiasa mengingatkan tentang adanya Allah dalam setiap perjalanan hidup agar sentiasa berbuat baik. • ***Itqan*** – perancang yang rapi, dokumen yang kemas, dan sentiasa mahukan yang terbaik • ***Istiqamah*** – mengekalkan pementoran bermula dari semester satu sehingga setelah bergraduasi.	**Psikospiritual Islam** • ***Itqan*** **-** kesempurnaan perancangan, perlaksanaan dan pendokumentasian • ***Istiqamah*** – mengekalkan pementoran bermula dari semester satu sehingga setelah bergraduasi. • ***Taklif*** – mentor sentiasa mengingatkan tentang akhirat dan zakat. • ***Ihsan*** – sentiasa bersedia membantu menti tanpa mengira waktu	**Psikospiritual Islam** • Tidak ditemui
Kaitan Kelestarian Perniagaan •Mendorong I9 mengagumi mentor seterusnya menjadikan mentor sebagai model peranan dalam kelestarian perniagaan.	**Kaitan Kelestarian Perniagaan** • I10 mengagumi mentor dan menjadikan mentor sebagai model peranan dalam kelestarian perniagaan.	**Kaitan Kelestarian Perniagaan** • Tiada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.9 Persoalan Penyelidikan Keenam: Apakah Kerangka Model Kompetensi Mentor Usahawan Pemula Dalam Kalangan Pensyarah?

Bahagian ini adalah menjawab persoalan terakhir penyelidikan ini iaitu apakah model kompetensi mentor usahawan pemula dalam kalangan pensyarah?. Daripada analisis dapatan penyelidikan ini secara keseluruhan dan terperinci, terdapat beberapa elemen penting kompetensi yang dimiliki oleh responden yang digunakan dalam proses pementoran usahawan pemula di PolyCC. Nilai *IRR* Cohen's Kappa bagi model ini adalah 0.99 iaitu menunjukkan tahap persetujuan dan kebolehpercayaan yang sangat tinggi dalam kalangan penilai yang terdiri daripada tiga pensyarah pakar keusahawanan di IPTA di Malaysia. Hasil daripada analisis temu bual, berikut adalah elemen kompetensi yang ditemui.

4.9.1 Personaliti

Dalam konteks pensyarah yang menjalankan tanggungjawab sebagai mentor usahawan, tiga ciri personaliti yang dinyatakan iaitu altruisme, *enthusiasm*, dan harmoni adalah sangat relevan dan penting. Berikut adalah hurian untuk setiap ciri tersebut:

4.9.1.1 Altruisme

Daripada dapatan temu bual penyelidikan ini, altruisme adalah merujuk kepada sifat sukarela dan peduli terhadap kebajikan orang lain tanpa mengharapkan ganjaran peribadi. Kepentingan altruisme dalam konteks mentor usahawan: Pensyarah sebagai mentor usahawan perlu mempunyai sikap altruisme untuk membantu pelajar atau usahawan pemula dalam pembangunan perniagaan mereka. Kesediaan untuk berkongsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengetahuan, pengalaman, dan sumber daya dengan tanpa manfaat peribadi dapat membantu mewujudkan persekitaran pembelajaran dan kemenjadian usahawan yang positif serta menjadi sokongan yang diperlukan oleh usahawan pemula di PolyCC.

4.9.1.2 *Enthusiasm*

Melalui analisis temu bual bersama responden di dalam penyelidikan ini, *Enthusiasm* adalah merujuk kepada semangat dan keghairahan yang tinggi terhadap sesuatu aktiviti atau tugas. Kepentingan *enthusiasm* dalam konteks mentor usahawan, didapati bahawa pensyarah perlu mempunyai semangat dan keghairahan terhadap tanggungjawab untuk melahirkan usahawan dapat menjadikan sumber kekuatan mereka dalam menjalankan amanah sebagai mentor usahawan. Keberanian dan semangat yang tinggi untuk mencuba dan menghadapi cabaran dalam dunia perniagaan juga dipindahkan kepada pelajar, membantu mereka menjadi lebih berani dan bersemangat dalam menghadapi cabaran usahawan. *Enthusiasm* dalam personaliti pensyarah ini juga telah menjadi sumber inspirasi kepada usahawan pemula di PolyCC untuk tekal dan gigih dalam perniagaan mereka.

4.9.1.3 Harmonisme

Dapatan daripada analisis temu bual penyelidikan ini, harmonisme adalah merujuk kepada kemampuan untuk mencipta persekitaran yang selaras, damai, dan bebas konflik. Kepentingan harmonisme dalam konteks mentor usahawan adalah pensyarah sebagai mentor usahawan perlu mewujudkan keharmonian dalam hubungan dan interaksi dengan usahawan pemula pelajar. Harmonisme memberikan sokongan, membangun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepercayaan, dan melibatkan proses menangani konflik dengan bijaksana. Sebuah persekitaran yang harmoni dapat meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran dan kemenjadian usahawan pemula di PolyCC.

Secara keseluruhannya, kombinasi altruisme, *enthusiasm*, dan harmonisme dalam personaliti seorang pensyarah sebagai mentor usahawan dapat membentuk hubungan yang kukuh dan positif dengan pelajar. Ketiga-tiga personaliti ini membantu dalam membentuk semangat keusahawanan, menyediakan sokongan yang diperlukan, dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk perkembangan dan kejayaan usahawan pemula.

4.9.2 Pengalaman

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada analisis temu bual, di dapati bahawa terdapat dua subtema dalam konteks pensyarah menjalankan tanggungjawab sebagai mentor usahawan pemula di PolyCC iaitu pengalaman perniagaan dan pengalaman pementoran. Dapatan menunjukkan bahawa pengalaman perniagaan mempunyai peranan penting dalam membentuk pementoran yang berkesan. Berikut adalah huraian untuk setiap pendekatan pengalaman perniagaan yang ditemui dalam penyelidikan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.9.2.1 Pengalaman Perniagaan

i) Adaptasi pengalaman mentor lain (triad mentor)

Daripada analisis temu bual, didapati bahawa pensyarah mendapat manfaat daripada pengalaman mentor yang berbeza dalam konteks triad mentor. Ini membolehkan usahawan pemula mendapat pandangan dan bimbingan daripada pelbagai sumber. Dengan menggunakan kaedah triad mentor pensyarah dapat menyesuaikan pendekatan pementoran mereka dengan memilih elemen yang paling sesuai dengan keperluan dan cabaran usahawan pemula di PolyCC. Menguruskan pelbagai perhubungan mentor boleh menjadi mencabar dan memerlukan penyelarasan yang baik untuk memastikan penekanan dan bimbingan yang konsisten. Adalah penting untuk memahami bahawa setiap usahawan dan setiap konteks memerlukan pendekatan yang unik. Kebolehsuaian dan fleksibiliti dalam menyampaikan pengalaman perniagaan dapat meningkatkan nilai pementoran dan memberikan pelbagai perspektif kepada usahawan baru.

ii) Imitasi pengalaman usahawan lain

Daripada analisis temu bual, didapati bahawa pensyarah memberikan contoh kejayaan dan strategi yang berbeza dengan memberi contoh pengalaman usahawan-usahawan lain. Ini membolehkan usahawan pemula untuk melihat kepelbagaian pendekatan untuk menjadi usahawan yang berjaya dalam pelbagai industri. Pensyarah juga didapati memilih contoh-contoh yang relevan dengan industri tempatan atau khusus dengan bidang yang diceburi oleh usahawan pemula.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii) Aplikasi pengalaman sendiri

Pensyarah yang menggunakan pengalaman perniagaan mereka sendiri boleh memberikan pandangan dan nasihat yang tulen kepada usahawan pemula dengan berkongsi pengalaman sebenar, termasuk cabaran dan kejayaan yang mereka hadapi melalui pengalaman yang dimiliki. Pengalaman ini akan menjadikan pensyarah mengintegrasikan penggunaan pengalaman peribadi dengan menggabungkan teori dengan amalan, membantu usahawan pemula dalam memahami aplikasi konsep perniagaan dalam konteks sebenar. Namun begitu, setiap pensyarah ini mempunyai pengalaman menjadi usahawan yang berbeza-beza yang menggambarkan mereka mempunyai pengalaman yang unik mengikut jenis perniagaan masing-masing. Oleh itu, pengalaman pensyarah mungkin tidak selari dengan cabaran yang dihadapi oleh semua usahawan pemula. Secara keseluruhannya, pensyarah sebagai mentor kepada usahawan pemula di PolyCC didapati memilih untuk menggabungkan elemen ketiga-tiga pendekatan ini.

4.9.2.2 Pengalaman Pementoran

Pengalaman pementoran menunjukkan bahawa mentor memainkan peranan penting dalam membimbing usahawan pemula dengan pendekatan yang terancang dan teratur. Mereka menggunakan strategi yang melibatkan modul latihan, jadual pertemuan yang jelas, serta kaedah pementoran yang berstruktur. Setiap mentor menekankan kepentingan perancangan teliti, disiplin, dan penyusunan yang rapi dalam proses pementoran. Pengalaman ini membantu menti menjadi lebih berdisiplin, cekap dalam pengurusan masa, serta lebih fokus dalam usaha mengekalkan dan membangunkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perniagaan mereka. Pendekatan sistematik yang diamalkan oleh mentor meliputi penggunaan modul latihan, jadual pertemuan berkala, serta kaedah penilaian kemajuan menti secara berstruktur. Dengan cara ini, proses pementoran berjalan lebih teratur dan membolehkan perkembangan menti dipantau dengan konsisten.

4.9.3 Kemahiran

Dalam konteks pensyarah menjalankan tanggungjawab sebagai mentor kepada usahawan pemula di PolyCC, daripada analisis temu bual, didapati bahawa kemahiran pementoran dan kemahiran perniagaan memainkan peranan penting dalam membimbing dan menyokong pembangunan usahawan muda.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.9.3.1 Kemahiran pementoran

i) Komunikasi dan mengenal pasti kelebihan menti

Kemahiran komunikasi yang baik adalah asas untuk memastikan maklumat, pandangan dan bimbingan dapat disampaikan dengan jelas kepada usahawan pemula. Pensyarah dapat berkomunikasi dengan berkesan dan baik dalam membina hubungan yang kukuh dan memberikan hala tuju perniagaan yang sesuai kepada usahawan pemula pelajar. Didapati bahawa pensyarah menggunakan pendekatan perbualan, perbincangan, mendengar secara aktif, dan memberikan maklum balas yang membina kepada menti. Analisis temu bual juga menunjukkan bahawa komunikasi bukan sahaja untuk menyampaikan maklumat, tetapi juga tentang memahami keperluan dan aspirasi usahawan pemula.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii) Mengenal pasti kekuatan dan potensi usahawan pemula

Selain itu, didapati bahawa kemahiran mentor dalam mengenal pasti kekuatan dan potensi usahawan pemula adalah elemen kunci dalam proses pementoran. Pensyarah-mentor ini memiliki kemampuan untuk mengesan bakat serta kecenderungan minda keusahawanan pelajar, yang membolehkan mereka memberi panduan yang disesuaikan dengan potensi individu menti. Dengan mengenal pasti kelebihan yang ada, mentor dapat membantu pelajar mengoptimumkan bakat tersebut, seterusnya merancang strategi pembangunan diri yang lebih berfokus. Ini bukan sahaja mempercepatkan perkembangan keusahawanan pelajar, tetapi juga menyumbang kepada kejayaan jangka panjang mereka dalam perniagaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.9.3.2 Kemahiran Perniagaan

i) Kemahiran menjalinkan jaringan perniagaan

Analisis temu bual menunjukkan bahawa membina perhubungan dan rangkaian perniagaan adalah penting dalam membantu usahawan pemula memperoleh sokongan, pelanggan dan peluang perniagaan. Pensyarah membimbing pelajar dalam membina dan mengekalkan hubungan perniagaan yang mendatangkan kebaikan dan keuntungan kepada perniagaan pelajar. Melalui pementoran, pensyarah didapati telah membantu usahawan pemula memahami cara membina hubungan dengan pelanggan, rakan kongsi perniagaan dan sumber sokongan lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii) Kemahiran menggunakan teknologi dan digital.

Analisis temu bual juga menunjukkan bahawa dalam era digital, memahami dan menguasai teknologi adalah merupakan keperluan asas bagi usahawan pemula di PolyCC. Responden menyatakan, usahawan pemula perlu mempunyai kemahiran menggunakan platform digital untuk memasarkan produk, mengurus perniagaan dan mengembangkan rangkaian mereka. Pensyarah didapati telah memberikan latihan dan bimbingan dalam penggunaan alat digital seperti media sosial, e-dagang dan perisian perniagaan. Ini membantu usahawan baru untuk kekal relevan dalam persekitaran perniagaan yang semakin terbuka kepada teknologi.

Dengan menggabungkan kemahiran mentor dan kemahiran perniagaan, pensyarah di PolyCC didapati telah mewujudkan bimbingan holistik dan relevan kepada usahawan pemula. Kemahiran komunikasi yang baik, pengiktirafan kekuatan dalam diri menti, kemahiran dalam mewujudkan rangkaian perniagaan, dan penguasaan teknologi digital telah membantu mewujudkan generasi usahawan yang berdaya saing dan berjaya.

4.9.4 Pengetahuan

Daripada analisis temu bual, didapati bahawa di dalam menjalankan tanggungjawab sebagai mentor usahawan pemula di PolyCC, pensyarah perlu menggabungkan pengetahuan teori keusahawanan dengan pemahaman praktikal dunia keusahawanan sebenar semasa proses pementoran. Pensyarah perlu memahami dan mengajar teori keusahawanan sebagai landasan bagi pemahaman usahawan pemula terhadap prinsip-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

prinsip asas dan konsep-konsep perniagaan yang dipelajari di dalam pengajian akademik pensyarah. Didapati bahawa lima daripada responden adalah berkelulusan dalam bidang perniagaan atau keusahawanan manakala dua responden lain adalah bukan dari bidang perniagaan atau keusahawanan. Pensyarah telah menggunakan pengetahuan yang dipelajari semasa pengajian mereka di alam proses pementoran yang merangkumi perancangan dan pelaksanaan perniagaan menti. Didapati bahawa pensyarah yang bukan daripada bidang perniagaan telah mengikuti kursus dan latihan berkaitan keusahawanan bagi memperolehi ilmu teori keusahawanan.

Namun begitu, memandangkan perkembangan teknologi yang sangat pesat pada masa kini, memahami realiti dan cabaran dunia keusahawanan sebenar adalah kunci untuk memberikan pandangan yang jujur dan praktikal kepada usahawan pemula. Pengetahuan ini melibatkan unsur pengalaman sebenar dalam mengurus perniagaan, bersaing di pasaran, dan berinteraksi dengan pelanggan dan rakan kongsi perniagaan. Di sini, pensyarah berkongsi pengalaman peribadi mereka dalam dunia keusahawanan, termasuk cabaran yang dihadapi dan strategi yang berjaya digunakan. Sesi-sesi dialog, penyelidikan kes, atau lawatan ke perniagaan sebenar juga digunakan bagi membantu usahawan pemula mendapat perspektif yang lebih jelas dan terperinci tentang realiti dunia keusahawanan.

Dengan menggabungkan teori keusahawanan dan pemahaman dunia keusahawanan sebenar, pensyarah dapat memberikan bimbingan yang menyeluruh kepada usahawan pemula di PolyCC. Ini membolehkan pensyarah membantu usahawan pemula mengaplikasikan pengetahuan teoritikal mereka dalam konteks yang lebih praktikal dan relevan. Selain itu, memperkenalkan menti kepada realiti keusahawanan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dapat membantu mengembangkan sikap dan keupayaan untuk menghadapi cabaran sebenar dalam perniagaan mereka.

4.9.5 Psikospiritual Islam

Daripada analisis temu bual, didapati bahawa tema psikospiritual Islam yang muncul dalam penyelidikan ini adalah *taklif*, *ihsan*, *itqan* dan *istiqamah*. Setiap tema akan dirumuskan secara ringkas seperti berikut.

4.9.5.1 *Taklif*

Para responden menyedari dan menghargai tanggungjawab yang mereka galas sebagai mentor usahawan dan juga Ketua Unit Keusahawanan, memandangnya sebagai suatu amanah yang harus dijalankan dengan penuh komitmen dan kesungguhan. Walaupun pemilihan mereka untuk memegang jawatan ini bukanlah atas kehendak atau kerelaan sendiri, namun mereka tetap menunjukkan sikap yang amat positif dengan memberikan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

Sikap sedemikian mencerminkan tahap kedewasaan dan kematangan para responden dalam memahami serta menerima tanggungjawab yang diberikan, di samping menunjukkan kesedaran mereka terhadap betapa pentingnya tugas tersebut. Meskipun pada awalnya mungkin mereka tidak memilih untuk memikul beban ini secara sukarela, namun tindakan dan sikap yang ditunjukkan menggambarkan nilai Islam mengenai tanggungjawab dan amanah. Dalam Islam, setiap tugas atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tanggungjawab yang diamanahkan kepada seseorang bukanlah sekadar suatu kewajipan duniawi, tetapi juga dianggap sebagai suatu ibadah yang mempunyai implikasi *ukhrawi*.

Oleh itu, pelaksanaan tanggungjawab tersebut perlu dilakukan dengan penuh dedikasi, keikhlasan, dan kesungguhan, mengikut ajaran Islam yang menekankan pentingnya memenuhi amanah dengan baik. Ini sejajar dengan konsep *taklif* dalam Islam, di mana setiap amanah yang diberikan akan dipersoalkan kelak di akhirat, dan setiap individu akan dipertanggungjawabkan atas cara mereka melaksanakan tanggungjawab tersebut. Justeru, sikap komitmen yang ditunjukkan oleh responden bukan sahaja mencerminkan sifat profesionalisme, tetapi juga membawa pengertian yang lebih mendalam sebagai usaha memenuhi amanah dengan sebaik-baiknya sebagai bekalan untuk kehidupan yang kekal abadi di akhirat kelak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.9.5.2 *Ihsan*

Dapatan penyelidikan ini menunjukkan bahawa elemen *ihsan* memainkan peranan yang amat penting dalam menjalin hubungan antara mentor (pensyarah) dan menti. Keikhlasan dan kebaikan hati yang ditunjukkan oleh para pensyarah menjadi faktor utama dalam membimbing, menyokong, dan memotivasi pelajar untuk mencapai kejayaan dalam bidang akademik dan keusahawanan. Sikap ikhlas, kasih sayang, dan keinginan yang mendalam untuk membantu pelajar melangkaui aspek profesionalisme semata-mata, membentuk satu ikatan yang erat, penuh kepercayaan, dan dihiasi dengan rasa hormat antara kedua-dua pihak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Para mentor berpegang kepada prinsip bahawa segala usaha dan tindakan mereka adalah demi kebaikan pelajar, dan mereka melaksanakannya dengan kepercayaan yang kuat terhadap ketentuan Allah. Dengan sikap *ihsan* yang mendalam, para pensyarah menjalankan tanggungjawab sebagai mentor dengan penuh kesungguhan dan rasa tanggungjawab moral, meletakkan kepentingan dan perkembangan pelajar sebagai keutamaan. Hal ini bukan sahaja membantu pelajar untuk berjaya secara luaran, tetapi juga memperkukuhkan nilai-nilai dalaman seperti ketabahan, keyakinan diri, dan kesungguhan untuk mencapai kejayaan.

Dari sudut pandangan pelajar pula, mereka merasakan kehadiran sokongan dan bimbingan mentor yang diberikan dengan penuh keikhlasan, yang memberi kesan positif terhadap perkembangan diri dan perniagaan mereka. Kehadiran seorang mentor yang berusaha dengan niat yang murni bukan sahaja memberikan mereka dorongan untuk menghadapi cabaran, tetapi juga membentuk asas kepada hubungan mentor-menti yang bermakna dan berkesan, di mana nilai *ihsan* memainkan peranan sebagai asas untuk membina hubungan tersebut dengan penuh keikhlasan dan kasih sayang bagi pembangunan dan kelestarian perniagaan pelajar.

4.9.5.3 *Itqan*

Dapatan penyelidikan ini menunjukkan bahawa para responden adalah individu yang berdisiplin dan mematuhi peraturan dengan penuh dedikasi, serta sentiasa berusaha untuk mencapai kesempurnaan dalam pengurusan ruang kerja dan penyusunan dokumen. Sikap ini secara tidak langsung menggambarkan pelaksanaan prinsip Islam mengenai akauntabiliti, di mana tanggungjawab untuk mengurus setiap aspek kerja

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan cermat dan sistematik dipandang serius. Ruang kerja para responden disusun dengan rapi, menunjukkan usaha untuk memastikan persekitaran kerja yang teratur dan efisien, manakala dokumen-dokumen yang berkaitan dengan perancangan, laporan, serta elemen penting pementoran disimpan dengan kemas dan mudah diakses. Pendekatan ini bukan sahaja memudahkan proses rujukan dan pemantauan, tetapi juga mencerminkan dedikasi responden dalam memastikan setiap tugas dilaksanakan dengan penuh teliti.

Pendekatan yang diambil oleh para responden dalam pengurusan dokumen dan ruang kerja ini secara jelas menggambarkan usaha mereka untuk mematuhi prinsip Islam yang menekankan tanggungjawab dan akauntabiliti dalam setiap aspek kehidupan. Ia mencerminkan keazaman mereka untuk mengaplikasikan prinsip *itqan*, iaitu usaha untuk mencapai tahap yang terbaik dan kecemerlangan dalam setiap tugasan yang dilakukan. Usaha yang diberikan untuk mendokumentasikan setiap perkara dengan teratur bukan sahaja menunjukkan tahap profesionalisme yang tinggi, tetapi juga kesedaran mereka terhadap pentingnya melakukan pekerjaan dengan kesempurnaan yang berlandaskan kepada nilai-nilai Islam.

Pendekatan yang sistematik dan teliti ini menjadi manifestasi kepatuhan mereka kepada prinsip-prinsip *itqan*, yang mendorong kepada kecermatan dan kesungguhan dalam mencapai kualiti kerja yang tertinggi. Sikap yang ditunjukkan oleh para responden mencerminkan komitmen mereka untuk memastikan bahawa segala urusan berkaitan dengan pementoran, baik dari segi perancangan hingga kepada penyimpanan maklumat, dilakukan dengan tahap yang terbaik, menepati prinsip Islam yang menggalakkan kecemerlangan dan kesempurnaan dalam semua aspek kehidupan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.9.5.4 *Istiqamah*

Dapatan penyelidikan ini menunjukkan bahawa para responden mempamerkan tahap *istiqamah* yang sangat tinggi dalam menjalankan peranan sebagai mentor sepanjang perjalanan pengajian para menti, bermula dari semester pertama sehingga tamat pengajian, malah berterusan selepas para pelajar tersebut bergraduasi. Sikap *istiqamah* yang ditunjukkan mencerminkan konsistensi, kesungguhan, dan komitmen yang mendalam daripada pensyarah dalam membimbing dan menyokong perkembangan perniagaan pelajar secara berterusan. Mereka tidak hanya terlibat semasa pelajar masih mengikuti pengajian, tetapi juga terus memberi sokongan dan nasihat pementoran keusahawanan walaupun setelah pelajar melangkah ke dunia keusahawanan sebenar.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Keberterusan dalam usaha membimbing ini menunjukkan betapa seriusnya komitmen para responden dalam memastikan para pelajar mencapai kejayaan yang diimpikan, bukan sahaja dari segi akademik tetapi juga dalam bidang perniagaan yang diceburi. Dengan memberikan panduan yang berterusan, para pensyarah berusaha memastikan bahawa menti mereka dapat mengatasi cabaran dan mengekalkan prestasi yang baik dalam perniagaan, sekali gus membantu mereka mencapai matlamat dan potensi sebenar. Tindakan ini menggambarkan keazaman yang kuat dan tekad para responden untuk menyokong setiap pelajar dengan sepenuh hati, memastikan proses pementoran tidak terhenti sebaik sahaja pelajar tamat pengajian.

Situasi ini jelas menunjukkan dedikasi yang tidak berbelah bahagi terhadap pembangunan dan kemajuan pelajar sepanjang perjalanan mereka dalam bidang keusahawanan, mencerminkan nilai-nilai Islam yang menekankan kekonsistenan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesungguhan dalam melaksanakan tanggungjawab sepanjang hayat. *Istiqamah* yang dipamerkan oleh para responden bukan sahaja membuktikan keinginan mereka untuk membantu pelajar secara berterusan, tetapi juga menggarisbawahi prinsip bahawa usaha membimbing dan mendidik adalah satu tanggungjawab yang tidak berkesudahan. Sikap ini mengangkat nilai *istiqamah* sebagai salah satu aspek penting dalam pementoran yang efektif, menunjukkan bahawa kekonsistenan dalam memberikan bimbingan mampu memberikan impak yang signifikan terhadap kejayaan jangka panjang menti.


Secara keseluruhan, nilai-nilai psikospiritual Islam yang diterapkan oleh pensyarah dalam proses pementoran bukan hanya mempengaruhi perniagaan menti, tetapi turut membentuk kehidupan peribadi, moral, etika, dan rohani mereka. Nilai ini meresap dalam perwatakan dan sikap menti, memberi kesan holistik pada kehidupan mereka. Rumusannya, **Rajah 4.12** dan **Jadual 4.27** memperlihatkan tema, subtema, dan elemen yang dikenal pasti melalui analisis temu bual dan Dokumen MEA 2021 yang dilakukan di dalam penyelidikan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.14

Model Kompetensi Pensyarah PolyCC sebagai mentor usahawan pemula



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.27

Tema, subtema dan elemen yang diperolehi dalam penyelidikan

Tema		Subtema	Elemen
Personaliti	i. ii. iii.	Altruisme Enthusiasm Harmonisme	i.Berkorban masa, tenaga dan wang ringgit ii.Berfokus dan komitmen yang tinggi iii.Perhubungan yang baik dan kekal berhubung
Pengalaman	i. ii. iii.	Aplikasi Imitasi Adaptasi	i. Pengalaman perniagaan sendiri ii. Imitasi dari usahawan lain iii. Adaptasi dari triad mentor
Kemahiran	i. ii.	Perniagaan Pementoran	i. Membina rangkaian perniagaan yang luas dengan usahawan dan agensi-agensi keushawanan. ii. Menggunakan teknologi terkini untuk perniagaan i. Mengenalpasti kekuatan dan kecenderungan keusahawanan menti ii. Komunikasi yang baik dengan menti.
Pengetahuan	i.	Keusahawanan / perniagaan	i. Teori (kelulusan akademik) ii. Pengetahuan terkini dunia keusahawanan (Latihan / kursus keusahawanan)
Psikospiritual agama	*i.* *ii.* *iii.* *iv.*	*Taklif* *Ihsan* *Itqan* *Istiqamah*	i. Kebertanggungjawaban terhadap amanah sebagai mentor ii. Berbuat kebaikan dengan ikhlas iii. Kesempurnaan perancangan, pelaksanaan dan pendokumentasian proses pementoran iv. Ketekunan dan konsisten dalam pementoran dari mula sehingga kini (setelah bergraduan).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.10 Rumusan

Bab ini membentangkan analisis temu bual mendalam dengan tujuh pensyarah mentor dan tiga usahawan pemula pelajar menti. Berdasarkan rangka konseptual Bab 2, dapatan menunjukkan bahawa kompetensi pensyarah meliputi personaliti, pengalaman, kemahiran, pengetahuan, dan nilai psikospiritual Islam adalah elemen penting dalam mengekalkan kelestarian perniagaan pelajar. Analisis mendapati bahawa pengalaman dan kemahiran pensyarah membolehkan pementoran yang praktikal dan teratur, manakala nilai seperti *taklif*, *itqan*, *istiqamah* dan *ihsan* meningkatkan motivasi dan semangat pensyarah itu sendiri semasa mereka menjalankan tanggungjawab sebagai mentor usahawan pemula. Hubungan mentor-menti yang berstruktur dan berterusan membantu pelajar mengatasi cabaran keusahawanan serta membentuk identiti usahawan yang lebih mantap dan lestari. Kesimpulannya, Bab 4 menegaskan bahawa kompetensi pensyarah bukan sekadar pengetahuan akademik, tetapi gabungan pengalaman, kemahiran, personaliti, dan nilai moral-spiritual yang menyokong proses kemenjadian usahawan. Penemuan ini menjadi asas kepada Bab 5, yang akan meneliti bagaimana elemen kompetensi ini mempengaruhi pembentukan usahawan di PolyCC dan memperkenalkan konsep penyelidikan baru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini merumuskan keseluruhan hasil penyelidikan mengenai kompetensi pensyarah PolyCC sebagai mentor usahawan dan peranannya dalam mengekalkan perniagaan pelajar. Ia bertujuan untuk mentafsir dan membincangkan dapatan daripada analisis Bab 4 dengan fokus kepada enam persoalan penyelidikan utama yang merangkumi elemen personaliti, pengalaman, kemahiran, pengetahuan dan nilai psikospiritual Islam. Perbincangan menekankan bagaimana elemen-elemen kompetensi ini saling berkait dan menyokong proses pembentukan usahawan yang lestari. Bab ini juga memberi sorotan implikasi dapatan penyelidikan terhadap amalan pementoran, pembangunan kurikulum keusahawanan, dan strategi sokongan institusi bagi memastikan kelestarian perniagaan pelajar. Akhirnya, bab ini merumuskan kesimpulan utama penyelidikan serta mencadangkan hala tuju dan perspektif untuk penyelidikan masa depan, dengan tujuan memperkukuh peranan pensyarah sebagai mentor berkesan dalam konteks PolyCC dan institusi pengajian tinggi lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Ringkasan Penyelidikan

Pementoran memainkan peranan penting dalam proses kemenjadian usahawan samada di dalam atau di luar IPT. Penyelidikan ini dijalankan untuk meneroka peranan pensyarah sebagai mentor kepada usahawan pemula pelajar di IPT. Walaupun pensyarah di PolyCC mungkin bukan dalam kalangan usahawan sebenar, mereka telah berjaya melahirkan usahawan pelajar yang mengekalkan perniagaan mereka sehingga hari ini. Namun begitu, kadar kejayaan ini agak sederhana jika dibandingkan dengan jumlah mentor yang telah dilantik yang memberi kesan kepada ketidakcapaian beberapa KPI Keusahawanan di JPPKK bagi tahun 2021. Selain itu, jumlah pengangguran graduan IPT di Malaysia juga adalah melebihi angka 40 ribu bagi tahun 2018-2022.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Objektif utama penyelidikan ini adalah untuk meneroka bagaimana elemen-elemen kompetensi yang dimiliki oleh pensyarah PolyCC digunakan dalam proses pementoran usahawan pemula di PolyCC yang menghasilkan usahawan yang berjaya bermula semasa dalam pengajian seterusnya kekal berniaga sehingga kini. Proses yang diselidik ini adalah penting untuk kemenjadian usahawan di PolyCC khususnya dan IPT amnya.

Kesimpulan yang dibuat di dalam penyelidikan ini adalah berdasarkan dapatan yang menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif dengan menggunakan teknik temu bual dengan tujuh mentor (pensyarah) sebagai responden dan tiga menti (pelajar) sebagai informan yang merangkumi sebagai sampel utama penyelidikan. Teori kompetensi ini adalah berdasarkan kepada teori David Mc Clelland (1963) di dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kumar dan Kayalvizhi (2024) yang berfungsi sebagai kerangka yang memandu kepada dapatan penyelidikan ini.

Penyelidikan ini telah memberikan pemahaman yang mendalam mengenai kompetensi mentor usahawan dalam konteks pensyarah PolyCC. Melalui analisis data, lima elemen utama telah dikenal pasti sebagai elemen kompetensi dalam kelestarian perniagaan usahawan pemula pelajar, iaitu i) personaliti, ii) pengalaman, iii) kemahiran, iv) pengetahuan dan v) psikospiritual agama. Empat elemen asas iaitu personaliti, pengalaman, kemahiran dan pengetahuan adalah elemen yang terdapat di dalam teori kompetensi David Mc Clelland, manakala elemen kelima iaitu elemen nilai, karakter atau motivasi tertentu yang konsisten di dalam diri individu yang membezakan kecemerlangannya daripada orang lain (Kumar & Kayalvizhi (2024). Nilai yang di temui di dalam penyelidikan ini adalah psikospiritual Islam yang merupakan elemen baharu yang ditemui daripada penyelidikan ini.

Elemen-elemen di dalam kompetensi ini telah mendapat pengesahan daripada tiga pakar keusahawanan, daripada tiga pensyarah IPTA di Malaysia dengan nilai *IRR* Cohen's Kappa 0.99. Secara teorinya, hasil penyelidikan ini menjadi asas yang kukuh untuk meningkatkan pemahaman dan ketelitian tentang pentingnya pemilihan mentor yang sesuai dalam program pembangunan usahawan pemula di IPT. Daripada penyelidikan ini juga, sumbangan teoritikal yang terpenting adalah Diagram Sinergi Pementoran Keusahawanan (DSPK) atau *Entrepreneurship Mentoring Synergy Diagram (EMSD)* iaitu satu diagram yang menerangkan tentang fungsi dan teknik pementoran usahawan pemula di IPT yang boleh dilaksanakan oleh pensyarah IPT sebagai mentor usahawan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Perbincangan

Penyelidikan ini telah menghasilkan enam dapatan penyelidikan bagi menjawab enam persoalan penyelidikan yang telah dikemukakan dalam Bab 1. Perbincangan dapatan penyelidikan dilakukan dengan mengaitkan dapatan penyelidikan-penyelidikan lepas.

5.3.1 Persoalan Penyelidikan Pertama: Bagaimanakah Personaliti Pensyarah Sebagai Mentor Usahawan Menyumbang Kepada Kelestarian Perniagaan Menti?

Dimensi personaliti dalam Personaliti Lima Utama yang terdiri daripada kestabilan emosi, ekstraversi, keserasian, keterbukaan dan ketelitian merupakan teori yang mendasari elemen personaliti di dalam penyelidikan ini. Elemen ini memainkan peranan penting dalam membentuk mentor usahawan yang berjaya dalam membimbing dan mengekalkan perniagaan menti. Daripada penyelidikan yang telah dijalankan, berikut adalah beberapa cara bagaimana Personaliti Lima Utama digunakan dalam proses pementoran usahawan pemula oleh mentor dalam kalangan pensyarah di IPT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i) Neurotikisme/Kestabilan Emosi: Elemen ini berkaitan dengan ketidakpastian, kegelisahan dan ketidakstabilan emosi. Dalam konteks ini, adalah penting bagi pensyarah untuk menunjukkan tahap empati dan simpati yang tinggi terhadap pelajar, bagi membolehkan mereka memahami kesukaran dan perjuangan pelajar, terutamanya dalam perjalanan keusahawanan di PolyCC. Dwi peranan sebagai pelajar dan usahawan menimbulkan cabaran besar (Haneberg et al., 2022; Ahsan et al., 2018), yang memerlukan pendekatan bijak daripada pensyarah dalam membimbing mereka untuk menjadi usahawan semasa dalam pengajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Haneberg et al. (2022) dan Ahsan et al. (2018), menjadi mentor usahawan bukan sahaja tugas memberi bimbingan, tetapi juga melibatkan pembangunan emosi yang stabil dalam diri pelajar. Pensyarah mesti mampu membimbing usahawan baru dengan tenang dengan melaksanakan strategi-strategi tertentu untuk mengatasi tekanan dan ketidakpastian dalam perjalanan keusahawanan pelajar. Ini melibatkan aktiviti memberi galakan kepada pelajar untuk memberi tumpuan kepada kekuatan dan matlamat pencapaian perniagaan mereka, dan bukannya fokus pada kelemahan dan kegagalan mereka.

Adalah penting bagi pensyarah untuk memberikan sokongan emosi dan fizikal bagi membolehkan usahawan pemula ini terus berkembang dan membangun perniagaan mereka. Setiap fasa perjalanan keusahawanan bagi usahawan pemula pasti ada cabaran, sama ada dari sudut emosi, fizikal, akademik atau perniagaan itu sendiri. Di sinilah peranan pensyarah menjadi penting dalam menyokong pembangunan usahawan pemula ini.

Walaupun terdapat responden yang mempunyai perwatakan garang, namun garang ini nampaknya mempunyai tujuan yang munasabah dan akhirnya merapatkan hubungan dengan pelajar. Daripada hasil penyelidikan ini, nampaknya tingkah laku altruistik, yang mencerminkan empati dan simpati terhadap situasi pelajar, adalah kunci kejayaan pementoran usahawan pemula. Keupayaan responden menahan emosi dalam menghadapi konflik dan menunjukkan empati terhadap situasi pelajar menunjukkan tahap kestabilan emosi yang tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Responden bukan sahaja menggunakan kaedah garang sebagai satu bentuk kawalan, tetapi juga sebagai cara menunjukkan empati kepada pelajar. Tahap kegarangan yang ditunjukkan oleh responden adalah perlu bagi memastikan pelajar kekal fokus kepada matlamat mereka sebagai usahawan, supaya mereka tidak terganggu dengan gangguan atau halangan yang mungkin timbul dalam perjalanan keusahawanan mereka.

ii) Ekstraversi: Elemen ini melibatkan kemampuan bersosial, keberanian, dan energi yang tinggi. Dapatan penyelidikan menunjukkan bahawa ekstraversi bukan sekadar satu kebiasaan biasa. Penyelidikan ini menekankan bahawa kebolehan pensyarah untuk bekerja lebih masa, mengeluarkan sumber kewangan peribadi, serta menunjukkan komitmen, tekad, dan keyakinan yang tinggi, adalah memainkan peranan penting dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai mentor usahawan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan hasil penyelidikan ini, boleh disimpulkan bahawa pensyarah yang sangat komited, berdedikasi, dan yakin diri memberikan kesan positif terhadap keberkesanan proses pementoran di institusi pengajian tinggi. Sifat-sifat seperti kesediaan untuk menjadi model peranan, menjadi sumber inspirasi, dan menyemai semangat serta tenaga menjadi faktor penting dalam membimbing usahawan dengan teratur mengikut pendekatan yang berfokus dan terancang.

Keberkesanan ekstraversi dalam personaliti pensyarah dapat dilihat melalui usaha mereka untuk membantu usahawan membangunkan kemahiran dan sifat yang diperlukan untuk mencapai kejayaan dalam dunia perniagaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pensyarah dengan ciri-ciri tersebut membantu mencipta persekitaran pementoran yang bermotivasi, berkesan, dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Keperluan akan personaliti ekstraversi pensyarah dalam konteks pementoran boleh dilihat oleh usaha mereka untuk melakukan lebih daripada yang dijangkakan, melebihi tugas-tugas biasa, dan menunjukkan komitmen yang luar biasa. Ini tidak hanya memperkukuhkan keyakinan diri pensyarah, tetapi juga memberikan kesan positif terhadap perkembangan usahawan pemula yang mereka bimbing.

iii) Keserasian: Elemen ini menitikberatkan kepada kerjasama, empati, dan kemampuan untuk memahami perasaan orang lain. Dalam konteks pementoran usahawan pemula di PolyCC, peranan pensyarah menjadi kunci dalam membina hubungan yang harmoni dengan pelajar. Pensyarah perlu menjalin ikatan yang kuat dengan pelajar dengan masih ada batasan sebagai pensyarah dan pelajar. Keserasian ini merangkumi aspek empati, pemahaman, mengambil berat, dan simpati. Memberikan penghargaan dan mengakui prestasi serta usaha menti merupakan elemen penting dalam membina keserasian antara mentor dan menti. Dengan membina ikatan yang kuat dan memberikan penghargaan ini, hubungan antara pensyarah dan pelajar dapat terjalin dengan baik. Hal ini akan mewujudkan persekitaran pementoran yang positif dan menyokong perjalanan keusahawanan, membantu usahawan mengembangkan kemampuan dan membina sifat positif yang penting untuk mencapai kejayaan dalam dunia perniagaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam sesi temu bual, altruisme responden (P1, P3) dapat dilihat apabila mereka membawa pelajar ke destinasi antarabangsa seperti Guangzhou, China, Rusia, dan Surabaya. Tindakan ini menunjukkan komitmen responden dalam memberikan pengalaman praktis yang luas, menyokong pemahaman pelajar terhadap realiti secara global dalam dunia perniagaan, serta merangsang pemikiran keusahawanan dalam diri menti. Keserasian terletak pada usaha bersama untuk menyediakan peluang berharga bagi pelajar memahami keusahawanan dalam konteks sebenar. Tindakan responden (P1, P2, P4) dalam memberikan latihan intensif kepada pelajar, mewujudkan jaringan dengan agensi latihan, dan menggalakkan pelajar untuk menyertai latihan intensif sebagai satu tanda penghargaan, menunjukkan komitmen mereka untuk memastikan pelajar memahami sepenuhnya aspek berkaitan perniagaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Beberapa kegiatan utama seperti membina ikatan emosi yang kuat melalui aktiviti di luar, seperti makan malam bersama, acara riadah, atau perbincangan, menunjukkan usaha mentor dalam memupuk usaha mengeratkan hubungan peribadi. Pendekatan ini memberi ruang untuk komunikasi yang lebih terbuka dan pemahaman saling mendalam. Selain dari itu, memberi peluang kepada pelajar untuk mengakses ruang kerja, menyelesaikan konflik melalui perbincangan, memberikan penghargaan, memberikan sokongan emosi, merapatkan hubungan mentor-menti, sekaligus mendorong perkembangan usahawan perniagaan menti.

Dengan saling menghormati, mendengar, dan memahami satu sama lain, hubungan ini menjadi kunci dalam menyokong perkembangan holistik usahawan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemula. Pengembangan pengetahuan dan kemahiran secara praktikal melalui aspek perniagaan hingga pemahaman lebih dalam tentang aspek emosi dan psikologi dalam dunia keusahawanan mewujudkan elemen harmoni dalam hubungan mentor-menti. Dalam kerangka harmonisme ini, konsep altruisme menjadi nyata dalam komitmen pensyarah untuk memberikan bimbingan, sokongan, dan arahan dengan tulus kepada pelajar. Semangat altruisme ini mewujudkan lingkungan di mana usahawan pemula merasa disokong sepenuhnya secara emosi dan fizikal, bahkan ketika menghadapi kesulitan atau kegagalan.

iv) Keterbukaan: Aspek ini melibatkan kreativiti, inovasi, rasa ingin tahu, dan semangat untuk mencuba hal-hal baru. Dapatan penyelidikan menunjukkan semua responden adalah indidvidu yang sangat positif terhadap penerimaan perubahan, inovasi, dan idea baru. Keterbukaan seperti ini mendorong responden untuk berfikir kreatif, terus belajar, dan bersedia berkongsi pengalaman dan pengetahuan dengan menti, sekaligus membuka diri untuk memberi sumbangan kepada orang lain. Pensyarah juga didapati mengakui kekuatan serta kelebihan menti, memberikan peluang bagi mereka untuk berperanan aktif dalam projek atau tugas yang sedang berlangsung. Sikap keterbukaan ini membolehkan pensyarah untuk menerima inovasi dan idea-idea baru, serta memberikan sokongan dan bimbingan untuk membangunkan atau menerapkan idea tersebut di dalam perniagaan menti.

Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa para responden mempunyai sikap optimis, menganggap komen dan kritikan sebagai peluang untuk membuktikan potensi diri mereka. Mereka bahkan melihat pandangan negatif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada rakan kerja sebagai motivasi tambahan untuk membuktikan kemampuan dan usaha mereka, mencapai prestasi yang signifikan dalam bidang pementoran, termasuk penghargaan di peringkat antarabangsa.

Altruisme terlihat dalam usaha tulus responden membantu usahawan pemula dengan berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka. Walaupun menghadapi tekanan, kritikan, dan pandangan negatif, responden tetap bersemangat dalam membimbing usahawan pemula. Dalam konteks ini, sikap altruisme responden muncul sebagai elemen penting dalam pementoran. Mereka tidak hanya menyampaikan pengetahuan dan kemahiran, tetapi juga memberikan sokongan emosional dan motivasi kepada pelajar untuk mencapai potensi maksimum mereka. Kesimpulannya, dapatan menunjukkan bahawa tingkah laku altruisme dalam konteks keterbukaan memainkan peranan penting dalam membentuk pensyarah menjadi mentor yang berkesan bagi usahawan pemula di IPT.

Keterbukaan memberikan inspirasi bagi keyakinan, inovasi, dan pemikiran kreatif, sementara sikap altruisme menjadikan proses pementoran yang saling menguntungkan dan menyokong perkembangan potensi pelajar sebagai usahawan yang matang secara profesional.

v) Ketelitian: Elemen ini mengandungi ketelitian, ketepatan, bertanggungjawab, dan kepercayaan. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa pensyarah mempunyai tahap ketelitian yang tinggi, menunjukkan ketelitian dalam menjalankan tugas sebagai mentor. Bermula daripada rasa bertanggungjawab atas amanah yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diberikan, yang kemudiannya diterjemahkan menjadi tindakan kukuh dalam pekerjaan seharian. Tindakan pensyarah yang mempunyai ketelitian tinggi diarahkan kepada perancangan strategi tentang bagaimana memastikan tanggungjawab tersebut dapat dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Pensyarah secara proaktif melibatkan diri dengan semangat yang tinggi, mengorbankan waktu, tenaga, dan sumber kewangan peribadi demi memastikan hasil terbaik daripada menti. Personaliti ini sangat menekankan ketelitian untuk memastikan bahawa semua tindakan yang telah dirancang boleh dicatat dan didokumentasikan secara sistematik agar mudah diakses dan boleh menjadi rujukan serta tujuan audit. Melalui perancangan yang cermat, berstrategi, dan berstruktur, seterusnya dijalankan dengan penuh komitmen, dedikasi, dan diakhiri dengan dokumentasi yang rapi dan teratur, menjadikan proses pementoran di PolyCC menjadi lebih mudah dan efektif, sekaligus meningkatkan jumlah kemenjadian usahawan dalam kalangan graduan PolyCC.

Secara keseluruhannya, elemen ini boleh ditafsirkan melalui cara menguruskan proses pementoran dengan tepat dan kesungguhan yang tinggi. Pensyarah yang teliti dalam pementoran, dapat mengatasi masalah dan memanfaatkan peluang dengan lebih baik, sementara rasa tanggungjawab dan perancangan yang efisien membantu mereka mempertahankan dan mengembangkan perniagaan menti dengan fokus yang lebih terarah. Pendokumentasian yang sangat baik juga memudahkan pemantauan dan analisis untuk membantu usahawan pemula mengatasi cabaran dan memantau perkembangan perniagaan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebagai rumusan, dengan adanya sikap altruisme dalam diri pensyarah, persekitaran pementoran bukan sahaja menjadi tempat pertukaran ilmu pengetahuan dan pengalaman, malah menjadi asas sokongan emosi yang tulus dan ikhlas. Ini bermakna para pensyarah mentor sanggup berkorban masa, tenaga dan wang ringgit untuk melihat kemajuan usahawan pemula yang mereka bimbing. Ketelitian yang tinggi dan sifat altruistik pensyarah membawa kepada komitmen yang tinggi dalam memberikan bimbingan yang berkualiti. Mereka fokus dan komited untuk membantu usahawan pemula dalam setiap langkah pembangunan perniagaan, bukan sahaja memberi nasihat tetapi juga memberi galakan dan sokongan.

Dengan memberi tunjuk ajar, nasihat, dan menekankan kepentingan memupuk sikap, semangat, dan jaringan dalam dunia perdagangan, pensyarah membantu menyemai nilai-nilai yang penting untuk pembangunan jangka panjang perniagaan menti. Usahawan pemula bukan sahaja diajar untuk mencari keuntungan semata-mata, tetapi juga untuk membina hubungan berterusan dengan pelanggan, pembekal dan masyarakat sekeliling. Dengan cara ini, pensyarah dengan ketelitian dan sifat altruistik mereka memberi sumbangan besar dalam membentuk generasi usahawan yang berdaya saing, berintegriti dan berdaya tahan untuk masa hadapan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.1.1 Altruisme, *Enthusiasm*, Dan Harmonisme Dalam Personaliti Pensyarah Sebagai Mentor Usahawan

Daripada huraian di atas, dengan menggunakan Personaliti Lima Utama sebagai kerangka untuk pementoran usahawan pemula di IPT, analisis dapatan mendapati bahawa, mentor dalam kalangan pensyarah, dapat membantu menti menetapkan matlamat yang realistik, dan membangunkan strategi perniagaan dengan bertingkah laku altruisme, *enthusiasm* dan harmonisme.

i) Altruisme

Altruisme merujuk kepada kepedulian dan tindakan tanpa mengira diri sendiri untuk kesejahteraan dan kebahagiaan orang lain. Ia adalah amalan meletakkan keperluan dan kepentingan orang lain di hadapan diri sendiri, tanpa faedah atau ganjaran sebagai balasan *(selfless)*. Altruisme boleh muncul dalam bentuk empati iaitu memahami dan berkongsi perasaan orang lain, yang boleh menyebabkan keinginan untuk mengurangkan penderitaan mereka atau meningkatkan keadaan mereka menjadi lebih baik. Altruisme juga merujuk kepada membantu orang lain dengan memberi bantuan, sokongan atau sumber kepada mereka yang memerlukan, walaupun memerlukan pengorbanan peribadi.

Terdapat enam kod terpilih yang saling berkait sebagai personaliti mentor. Kod terpilih tersebut adalah empati, membantu, pengorbanan, kepercayaan, tanggungjawab dan kerjasama. Enam kod ini merupakan elemen yang terdapat dalam tingkah laku altruisme (Pamungkas & Muslikah, 2019). Pamungkas dan Muslikah (2019), menyatakan terdapat 10 ciri-ciri tingkah laku altruisme iaitu empati, kepercayaan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tanggungjawab, lokus kawalan diri, egosentrisme yang rendah, kerjasama, berkongsi, membantu, berkorban (menderma) dan kejujuran. Dalam konteks penyelidikan ini, altruisme bermaksud membantu pelajar atau usahawan pemula dalam mengembangkan perniagaan mereka tanpa mengharapkan sebarang pulangan.

Tingkah laku altruisme dalam kalangan pensyarah PolyCC, merupakan tindakan daripada trait Personaliti Lima Utama dalam melaksanakan tanggungjawab pementoran usahawan pemula pelajar PolyCC. Menurut Metzger Ah (2013) di dalam Newsome et.al, (2021), satu hubungan mentor-menti terdapat semangat altruisme bersama, yang bermaksud samada mentor atau menti mempunyai niat untuk memberi manfaat kepada satu sama lain tanpa mengharapkan balasan. Mereka sama-sama bersedia untuk memberikan bantuan atau sokongan tanpa mengira kepentingan peribadi semata-mata.

05-4506832 tbupsi

Bagi pensyarah PolyCC melalui tingkah laku altruisme ini, pensyarah dapat menerima kepelbagaian pelajar, percaya kepada kelebihan dan kekuatan mereka, memberikan sokongan, keyakinan dan motivasi, serta membina hubungan yang serasi. Altruisme juga merangkumi kepercayaan kepada pelajar dengan memberi peluang mencuba idea baru dan mencipta inovasi bagi perkembangan perniagaan mereka. Dengan pendekatan ini, pelajar akan diberi ruang dan inspirasi untuk mengembangkan potensi mereka dalam bidang keusahawanan.

Secara keseluruhan, tingkah laku altruisme yang dimiliki oleh pensyarah PolyCC, adalah disertai dengan semangat dan tekad yang tinggi dalam pementoran usahawan pemula. Altruisme ini dapat memberikan kesan yang besar terhadap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perkembangan dan kejayaan perniagaan pelajar. Dalam konteks ini, hubungan mentor-menti bukan sahaja memberi bimbingan, tetapi juga tentang perkongsian visi dan impian, serta mengambil bahagian dalam perjalanan keusahawanan usahawan pemula.

Konsep altruisme dalam hubungan mentor-menti antara pensyarah dan usahawan pemula IPT memberikan dimensi yang lebih mendalam dan bermakna yang membantu mewujudkan persekitaran pementoran keusahawanan yang menyokong, empati dan penuh belas kasihan di mana pembangunan usahawan yang baru berkembang bukan sahaja dilihat sebagai matlamat peribadi, tetapi juga sebagai usaha kolektif dalam membangunkan individu yang berkembang maju dan berdaya saing dalam dunia perniagaan yang dinamik. Altruisme pensyarah dalam menyediakan peluang, pendidikan, motivasi, sokongan, dan akses kepada sumber luar membantu mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pembangunan usahawan baru.

ii) Enthusiasm

Tingkah laku *enthusiasm* (bersemangat dan bersungguh-sungguh) dalam kalangan pensyarah yang berperanan sebagai mentor usahawan muncul sebagai tema bagi elemen kompetensi personaliti. Dapatan penyelidikan menunjukkan bahawa pensyarah-pensyarah daripada PolyCC ini dilihat mempunyai semangat, dedikasi, dan komitmen yang tinggi terhadap peranan mereka sebagai mentor usahawan.

Sikap mereka yang bersedia berkhidmat di luar waktu pejabat, termasuk malam dan hujung minggu, untuk memberikan bimbingan menunjukkan *enthusiasm* yang tinggi dalam membantu usahawan pemula untuk mencapai matlamat perniagaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka. Tindakan pensyarah mengorbankan masa, tenaga, dan sumber kewangan untuk memastikan kejayaan pelajar juga mencerminkan *enthusiasm* dan kesediaan untuk memberikan sokongan sepenuhnya kepada menti. Dapatan ini adalah selari dengan hasil penyelidikan Kuhn, Hagenauer, Groscher dan Bach (2024), yang menunjukkan bahawa harapan yang tinggi terhadap kejayaan dan atribusi nilai tinggi yang berkaitan dengan hasil pementoran dikaitkan dengan penilaian kendiri pementoran yang berlandaskan kepada *enthusiasm* seorang pendidik tersebut. Hasil penyelidikan mereka ini mendapati bahawa salah satu komponen yang membentuk kualiti pementoran adalah *enthusiasm* dalam kalangan mentor. Walaubagaimnapun penyelidikan mereka bukan berfokus kepada pementoran keusahawanan tetapi fokus kepada pementoran guru praktikal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Permasalahan yang ingin diselesaikan di dalam penyelidikan ini, adalah ketidaksediaan pensyarah untuk menjadi mentor usahawan, maka dengan dapatan ini, dapat dirumuskan bahawa pensyarah perlu mempunyai jangkaan yang tinggi terhadap pencapaian dan kualiti nilai yang tinggi yang berkaitan dengan kemenjadian usahawan dalam kalangan pelajar. Apabila jangkaan positif ini dibina, kebiasaannya *enthusiasm* akan berlaku secara sendirinya apabila mentor mempunyai motivasi intrinsik yang kuat dalam usaha menyumbang kepada kemenjadian usahawan tersebut.

Enthusiasm dalam diri pensyarah juga mempengaruhi pelajar dengan memberikan contoh peranan yang kuat dan memberi inspirasi dalam dunia keusahawanan tentang erti berkerja dengan penuh semangat, tekun dan berdedikasi. Sebagai pengukuhan, penyelidikan terdahulu terhadap guru sekolah sebagai mentor telah menunjukkan bahawa guru yang *enthusiasm* lebih terlibat dalam pengajaran dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran, serta mendapati bahawa *enthusiasm* mereka dipindahkan kepada pelajar-pelajar mereka yang menjadikan guru dan pelajar lebih termotivasi dalam kelas. (Lazarides, Gaspard, & Dicke, 2019). Sikap altruisme pensyarah yang berfokus pada kejayaan pelajar, ditambah dengan *enthusiasm* dan penuh dedikasi, mendorong motivasi pelajar untuk mencapai potensi mereka dalam bidang keusahawanan. Dalam hubungan mentor-menti yang produktif, kerjasama dan motivasi dari kedua belah pihak sangat penting untuk mencapai hasil yang berjaya dalam pembelajaran dan pertumbuhan matlamat pementoran keusahawanan.

Di dalam aspek *enthusiasm* juga, ditemui bahawa pensyarah adalah merupakan mereka yang mempunyai daya kreativiti dan inovasi yang tinggi. Perkara ini dibuktikan dengan kesungguhan responden menyokong dan membimbing menti di dalam petandingan-pertandingan inovasi yang mencatat kejayaan cemerlang. Ini menunjukkan pensyarah juga perlu mempunyai *enthusiasm* dalam usaha memastikan menti mendapat kecemerlangan dalam pertandingan inovasi tersebut. Malahan menurut Zhang dan Nong (2023), mentor usahawan perlu mahir dengan inovasi dan perlu bersikap terbuka terhadap idea baru.

Secara keseluruhannya, kombinasi altruisme dan *enthusiasm* membantu mencipta pengalaman pementoran yang positif dan berkesan bagi usahawan pemula. Elemen ini adalah sama seperti elemen yang disenaraikan oleh JPT (2020) yang menggariskan bahawa pensyarah perlu bertindak melangkaui kebiasaan, mempunyai keberanian yang lebih dan sikap ehsan yang tinggi apabila dilantik menjadi mentor usahawan. Dalam konteks pementoran usahawan pemula di PolyCC, altruisme dan *enthusiasm,* merupakan dua tingkah laku yang teradun bersama-sama untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mewujudkan persekitaran yang menyokong perkembangan dan pembangunan usahawan pemula. Altruisme dalam diri pensyarah membawa komitmen untuk memberikan bimbingan dan sokongan maksimum kepada pelajar, dan membawa semangat yang diperlukan untuk menjaga hubungan mentor-menti yang dinamik dan produktif.

iii) Harmonisme

Dalam konteks hubungan mentor-menti antara pensyarah dan usahawan pemula, penciptaan keselarasan dan keseimbangan peranan penting dalam memastikan keberkesanan dan kesinambungan hubungan tersebut. Namun begitu, terdapat beberapa aspek yang perlu dikritik dan diberi penekanan, khususnya berkaitan dengan peranan pensyarah sebagai mentor usahawan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peranan pensyarah sebagai mentor haruslah lebih daripada sekadar memberi maklumat atau pengalaman malahan pensyarah perlu mempunyai keupayaan untuk memberikan bimbingan yang relevan dan praktikal kepada usahawan pemula. Ini termasuk berkongsi kesilapan mereka sendiri, memberikan panduan penyelesaian masalah terhadap cabaran-cabaran keusahawanan, dan memberikan nasihat yang boleh diaplikasikan secara langsung oleh usahawan pemula. Newsome (2020) juga menyatakan bahawa mentor perlu sengaja membina hubungan yang bermakna dengan menti dan menggunakan pendengaran dan perkongsian yang aktif pengalaman peribadi (termasuk ketelusan tentang kegagalan dan pengajaran). Pensyarah yang hanya memberikan maklumat tanpa konteks atau panduan praktikal mungkin tidak dapat memaksimumkan potensi hubungan mentor-menti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, terdapat keperluan untuk pensyarah meningkatkan kemahiran *interpersonal* mereka. Diakui bahawa c*hemistry* atau keakraban dalam hubungan mentor-menti dapat memainkan peranan penting (Garvey & Stokes, 2022), maka pensyarah perlu memahami bahawa setiap usahawan pemula adalah individu yang unik dengan keperluan dan gaya pembelajaran yang berbeza. Oleh itu, selari dengan dapatan Newsome et.al, (2021), kemahiran empati, mendengar dengan teliti, dan menyesuaikan pendekatan pementoran adalah kunci dalam membina *chemistry* dan keakraban yang positif. Hubungan mentor-menti yang efektif juga perlu berdasarkan keinginan dan inisiatif kedua belah pihak (*win win*).

Jika seseorang tidak mempunyai motivasi untuk belajar atau tidak aktif mencari bimbingan, kesan positif daripada hubungan mentor-menti mungkin terhad. Oleh itu, penyelidikan Martinez et al. (2018) dan Saino (2019) menggariskan dengan tepat perlunya keterlibatan aktif dan motivasi daripada kedua belah pihak untuk mencapai kejayaan hubungan mentor-menti.

Pensyarah yang kurang akrab dengan usahawan pemula akan meletakkan diri mereka dalam keadaan di mana pensyarah enggan atau kurang berkongsi pengalaman atau pengetahuan mereka. Keengganan ini harus ditekankan sebagai kekurangan dalam pembinaan hubungan yang harmoni, dan ianya perlu diatasi. Seorang mentor yang tidak bersedia berkongsi pengalaman atau memberikan sokongan praktikal mungkin merugikan perkembangan usahawan pemula. Dalam hubungan mentor-menti yang berkesan, ada keperluan untuk keterbukaan dan kemahuan untuk memberikan bantuan yang melebihi sekadar nasihat yang akan mewujudkan kesengajaan di dalam pementoran. Pementoran yang disengajakan adalah satu tindakan “kuasa” yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diperlukan untuk membangunkan keharmonian dan memahami tujuan dan nilai hubungan mentor-menti (Shuler et.al., 2021), dan apabila keharmonian yang baik wujud di dalam satu hubungan pementoran, hasil pementoran itu sendiri akan menjadi lebih baik dan berkesan kerana sepanjang proses pementoran mentor dan menti itu sendiri sudah bagaikan isi dengan kuku dalam setiap aspek kehidupan, bukan sahaja dalam soal perniagaan malahan akan melangkau sehingga hal peribadi.

Daripada penyelidikan ini, dapat disimpulkan bahawa peranan pensyarah sebagai mentor harus lebih daripada sekadar penyampai maklumat atau pemerhati tetapi perlu melibatkan bimbingan yang relevan dan praktikal. *Chemistry* atau keakraban dalam hubungan mentor-menti juga penting untuk memahami keunikan setiap usahawan pemula. Oleh itu, keterbukaan dan kemahuan untuk memberi sokongan praktikal, dan keterlibatan aktif dari kedua belah pihak menjadi unsur-unsur penting dalam mencapai hubungan mentor-menti yang harmoni dan berkesan.

Secara rumusannya, bagi memaksimumkan impak pensyarah sebagai mentor keusahawanan, pensyarah boleh mengamalkan beberapa amalan terbaik. Pertama sekali, mempunyai personaliti yang memacu kepada tingkah laku altruisme iaitu berusaha sehabis baik tanpa mengharapkan apa-apa balasan untuk membantu pelajar bagi memastikan pelajar menjadi usahawan yang lestari terutama selepas bergraduasi.

Keduanya, pensyarah perlu memiliki tingkah laku *enthusiasm* dengan kesanggupan mengorbankan masa, tenaga dan wang ringgit untuk pementoran. Elemen ini diibaratkan seperti menjadi “darah daging” dan bukan sekadar menjalankan tanggungjawab semata-mata. Apabila ianya dianggap “darah daging”, semangat untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melahirkan usahawan semasa dalam pengajian tidak terhenti di situ sahaja, malahan akan terus mengalir semangat ingin memastikan usahawan pemula ini kekal berniaga selepas bergraduasi. Proses yang berlaku akan berjalan dalam keadaan yang lebih tenang dan kurang tekanan malahan akan menjadi suatu yang memberi kegembiraan kepada diri pensyarah itu sendiri.

Elemen personaliti ketiga adalah harmonisme iaitu pensyarah perlu membina hubungan yang kukuh bersama pelajar dengan mewujudkan persekitaran yang selamat dan boleh dipercayai di mana pelajar berasa selesa berkongsi idea mereka, mencari maklum balas dan membincangkan cabaran yang dihadapi. Komunikasi yang kerap dan ketersediaan yang tinggi untuk ditemui atau dihubungi oleh pelajar adalah kunci dalam mengekalkan hubungan mentor-menti ini. Ketiga-tiga isme iaitu altruisme, *enthusiasm*, dan harmonisme adalah elemen kompetensi personaliti yang ditemui di dalam penyelidikan ini. Tiga isme ini adalah didasari oleh teori Personaliti Lima Utama dan telah diintegrasikan menjadi tiga elemen sahaja. **Jadual 5.1** adalah ringkasan yang menunjukkan bagaimana elemen altruisme, *enthusiasm* dan harmonisme digunakan oleh pensyarah dalam pementoran usahawan pemula di dalam PolyCC dan IPT bagi mengekalkan perniagaan mereka. Setiap elemen yang dikenalpasti adalah memberi kesan positif kepada menti dalam kelestarian perniagaan mereka. Manakala **Rajah 5.1** pula adalah gambaran saling perkaitan setiap isme di dalam dapatan penyelidikan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.1

Bagaimana elemen altruisme, enthusiasm dan harmonisme membantu usahawan pemula di dalam IPT mengekalkan perniagaan?


Elemen Personaliti Lima Utama	Tindakan mentor (pensyarah)	Kesan kepada menti (pelajar)
Kestabilan emosi	Altruisme i) Empati ii) Simpati iii) Garang	Pelajar lebih terkawal dan lebih fokus kepada matlamat menjadi usahawan
Ekstraversi	Altruisme dan *Enthusiasm* i) Berkorban tenaga, masa dan wang ringgit ii) Buat yang terbaik iii) *Passion* dan minat dalam pementoran iv) Berdedikasi	Membantu mendorong semangat dan kesungguhan pelajar untuk mengurus perniagaan mereka dengan lebih baik dengan hasrat yang tinggi untuk mencapai kejayaan jangka panjang dalam dunia perniagaan mereka.
Keserasian	Altruisme dan harmonisme i) Berkorban tenaga, masa dan wang ringgit ii) Memahami iii) Prihatin iv) Penghargaan v) Hubungan yang harmoni dan positif	Menjadi sokongan emosi dan psikologi kepada usahawan pemula dalam mengekalkan perniagaan
Keterbukaan	Altruisme i) Kepercayaan ii) Kreativiti iii) Inovasi iv) Menerima idea baru v) Menerima pandangan individu / agensi lain	Membantu mengembangkan perniagaan pelajar dimana ianya menjadi sokongan emosi dan motivasi kepada pelajar untuk mencapai potensi maksimum dalam diri dan perniagaan mereka.
Ketelitian	Altruisme i) Ketekunan ii) Ketelitian iii) Perancangan Startegik iv) Pelaksanaan berkualiti v) Pendokumentasian bersistematik dan berkualiti	Memberikan sokongan emosi dan motivasi yang amat diperlukan oleh pelajar untuk menghadapi dan mengatasi pelbagai cabaran yang timbul dalam dunia perniagaan, di mana pelajar berasa disokong sepenuh hati, mengukuhkan daya tahan mereka terhadap tekanan dan kegagalan perniagaan, dan menggalakkan semangat untuk terus berusaha dan berkembang dalam perniagaan mereka dengan merujuk dokumen-dokumen yang lengkap dan kemas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 5.1

Integrasi elemen personaliti altruisme, enthusiasm dan harmonisme di dalam pementoran usahawan pemula.



Dapatan penting dalam penyelidikan ini adalah penemuan tentang peranan altruisme mentor yang menyeluruh dalam membentuk perkembangan usahawan pemula, bukan sahaja dari aspek teknikal tetapi juga dari segi sokongan emosi dan psikologi. Penyelidikan ini memperlihatkan bagaimana tindakan yang berakar pada sifat-sifat seperti kestabilan emosi, ekstraversi, keterbukaan, keserasian, dan ketelitian boleh memberi impak yang signifikan dalam membangkitkan motivasi dan keyakinan pelajar untuk berjaya dalam dunia perniagaan.Dapatan utama yang baru termasuk:

1. Altruisme dalam bentuk sokongan emosi: Selain sokongan teknikal dan material, mentor yang memberikan sokongan emosi melalui empati, simpati, dan kepercayaan mempunyai kesan langsung terhadap kestabilan dan daya tahan mental pelajar sebagai usahawan pemula
2. Gabungan altruisme dan ketelitian: Sifat ketelitian mentor dalam merancang dan melaksanakan strategi yang sistematik ternyata membantu pelajar dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

meningkatkan daya tahan terhadap cabaran perniagaan dan mengukuhkan motivasi mereka untuk berjaya.

3. Kepentingan hubungan harmoni: Penemuan tentang hubungan harmoni antara mentor dan pelajar sebagai faktor sokongan psikologi yang membantu pelajar mengekalkan perniagaan mereka. Ini memperlihatkan bahawa hubungan interpersonal yang kuat antara mentor dan menti adalah elemen penting dalam proses pementoran yang berkesan.
4. Sifat ekstraversi mentor sebagai pemangkin semangat: Mentor yang menunjukkan dedikasi tinggi dan *enthusiasm* berupaya membangkitkan semangat dan kesungguhan pelajar, menjadikan pelajar lebih berfokus pada matlamat perniagaan jangka panjang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesemua dapatan ini memperkaya pemahaman tentang bagaimana ciri-ciri personaliti mentor boleh digunakan secara strategik untuk membantu pelajar menghadapi cabaran dunia perniagaan dengan lebih berkesan. Hasil penyelidikan ini adalah signifikan dalam memahami bagaimana tindakan mentor berdasarkan sifat personaliti tertentu dapat mempengaruhi perkembangan pelajar sebagai usahawan pemula. Dapatan ini menekankan kepentingan pementoran yang bersifat altruisme, *enthusism* dan harmonisme bukan hanya dalam bentuk sokongan material, tetapi juga dalam sokongan emosi dan psikologi yang diberikan oleh mentor.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.2 Persoalan Penyelidikan Kedua: Bagaimanakah Pensyarah Menggunakan Pengalaman, Semasa Pementoran Usahawan Pemula Bagi Menyumbang Kepada Kelestarian Perniagaan Menti?

Menerusi penyelidikan ini, dapat disimpulkan bahawa pengalaman dalam menguruskan perniagaan adalah sangat membantu proses pementoran usahawan pemula. Pensyarah yang mempunyai pengalaman menguruskan perniagaan akan mempunyai pengetahuan mendalam tentang pengurusan perniagaan terutama dari segi pengurusan stok, modal dan kewangan dapat memberikan bimbingan tentang pengurusan perniagaan secara holistik. Pensyarah juga dapat membimbing pelajar mengikut tren terkini, peluang dan cabaran yang ada dalam industri yang sedang dibimbing. Pensyarah yang berpengalaman dalam perniagaan juga dapat membantu usahawan dalam merancang strategi pemasaran yang efektif dengan memberikan panduan tentang bagaimana memasarkan produk atau perkhidmatan, menjangka sasaran pasaran dan membina reputasi yang kuat dalam perniagaan. Pengalaman pensyarah dalam menguruskan kewangan perniagaan juga dapat membantu usahawan dalam menguruskan kewangan perniagaan, termasuk perancangan anggaran, pengurusan kos dan analisis kewangan.

Selain itu, pensyarah dapat memberikan panduan tentang perkembangan perniagaan, perancangan pembangunan perniagaan, pencarian peluang baru dan pengurusan risiko perniagaan. Dari aspek pengurusan juga, pensyarah yang berpengalaman dalam perniagaan dapat membantu usahawan pemula dalam mengembangkan kemahiran pengurusan yang diperlukan untuk menguruskan perniagaan yang meliputi soal kepimpinan, pembuatan keputusan, pembahagian tugas dan pengurusan pekerja. Dalam proses pementoran usahawan, pengalaman menguruskan perniagaan yang dimiliki oleh mentor dapat memberikan hala tuju dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

panduan yang berharga bagi menti di mana ianya dapat membantu menti dalam mengurangkan risiko perniagaan dengan mengelakkan kesilapan atau kesalahan yang biasa dilakukan dalam pengurusan perniagaan, sekaligus ianya memberikan perspektif yang berharga untuk pembangunan sesebuah perniagaan. Pengalaman peribadi pensyarah sebagai peniaga boleh dijadikan panduan bagi usahawan pemula yang sedang dibimbing yang melibatkan perkongsian pengalaman, cabaran, dan pelajaran berharga daripada perjalanan perniagaan sendiri. Usahawan yang sedang mendapat pementoran boleh memahami situasi sebenar dalam dunia perniagaan melalui contoh pengalaman yang dimiliki oleh pensyarah yang menjadi mentor kepada mereka.

Walau bagaimanapun, kebanyakan pensyarah sebenarnya tidak mempunyai pengalaman berniaga, maka bagi pensyarah yang tidak mempunyai pengalaman perniagaan langsung atau mungkin mempunyai had-had tertentu pada pengalaman tersebut, pensyarah masih boleh memberikan pementoran dengan menggunakan pendekatan meniru (imitasi) pengalaman usahawan atau mentor lain melalui sumber maklumat yang relevan dan menjalin hubungan dengan komuniti perniagaan terutama melalui media massa atau media elektronik termasuklah platform-platform media sosial. Menurut Montgomery dan Page, (2018) dan Ceyhan dan Tillotson (2020), terdapat tujuh model pementoran berkesan yang boleh digunakan untuk digunakan dalam pementoran bagi memperkayakan pengalaman melalui adaptasi pengalaman mentor lain iaitu i) *dyad* mentor (satu kepada satu), ii) triad mentor terbuka (tiga pihak), iii) triad mentor tertutup (tiga pihak), iv) pelbagai mentor, v) mentor berasaskan kumpulan, vi) pelbagai rangkaian mentor, dan vii) pementoran bersarang atau hibrid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada analisis temu bual, dapat disimpulkan bahawa kaedah triad mentor terbuka dan tertutup adalah digunakan oleh pensyarah untuk mendapatkan pengalaman sebenar dalam berniaga bagi menjadikan pementoran usahawan pemula di PolyCC lebih berkesan. Triad mentor merujuk kepada susunan mentor yang melibatkan tiga individu atau pihak. Dalam triad pementoran, terdapat tiga pihak yang terlibat iaitu i) mentor utama ii) mentor kedua dan iii) menti. Mentor utama merupakan individu yang berpengalaman dalam bidang pementoran dan berfungsi sebagai mentor utama. Gabungan mentor-mentor ini menjadikan pementoran usahawan lebih menarik dan berkesan dengan pementoran yang lebih terarah dan relevan dengan dunia sebenar keusahawanan.

Triad mentor terbuka di dalam pementoran usahawan, mentor utama adalah merujuk kepada usahawan sebenar yang menjadi mentor kepada pelajar tersebut, manakala mentor kedua adalah merupakan mentor pertengahan iaitu individu yang mempunyai pengalaman atau kepakaran sederhana dalam bidang tersebut di mana mereka bertindak sebagai perantara antara mentor utama dan peserta yang menerima bimbingan, membantu dalam memudahkan komunikasi dan pemindahan pengetahuan. Bagi pementoran usahawan pemula di PolyCC mentor kedua dalam model triad mentor adalah merujuk kepada pensyarah manakala mentor utama adalah individu daripada agensi keusahawanan, atau perunding atau usahawan sebenar yang menjadi mentor kepada pelajar tersebut. Model triad mentor terbuka ini, menjadi berkesan kerana ia membolehkan terdapat pelbagai pandangan dan sokongan kepada usahawan pemula. Ia menggalakkan kerjasama dan boleh memberikan pengalaman pembelajaran yang holistik kepada pelajar yang menerima bimbingan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain daripada itu, terdapat juga model triad mentor tertutup juga diamalkan oleh pensyarah PolyCC semasa menjalankan tanggungjawab sebagai mentor usahawan pemula bagi mengadaptasikan pengalaman sebenar usahawan. Pementoran triad mentor tertutup ini adalah satu konsep di mana mentor yang memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada orang lain dalam perniagaan juga mendapat nasihat dan bimbingan daripada mentor yang lebih berpengalaman atau pakar dalam perniagaan seperti yang dilakukan oleh P3, P4, P5, dan P7. Dalam model ini, pensyarah itu sendiri mengambil peranan sebagai mentor kepada pelajar, sambil dalam masa yang sama, pensyarah ini juga mendapatkan pementoran daripada mentor yang lebih berpengalaman. Kaedah ini membawa faedah berganda di mana pensyarah dapat berkongsi pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh daripada mentor mereka kepada pelajar. Manakala faedah kedua pula adalah pensyarah juga mendapat peluang untuk terus berkembang dan meningkatkan kemahiran perniagaan melalui mentor mereka sendiri. Ini mewujudkan kitaran pembelajaran berterusan yang membantu pelajar berkembang dan berjaya dalam perniagaan mereka.

Dapatan ini menyokong kepada elemen pengalaman berniaga sebagai elemen kompetensi mentor usahawan di institusi TVET, Malaysia seperti yang dinyatakan dalam buku "Panduan Pendidikan Keusahawanan Bersepadu" (JPT, 2020). **Jadual 5.2** adalah menunjukkan kepentingan pengalaman berniaga dan pembelajaran berterusan dalam menyokong proses pementoran yang berkesan. Di dalam penyelidikan Fauchald et al. (2022) telah mengemukakan bahawa penggabungan pengalaman keusahawanan ke dalam program pementoran mempunyai potensi untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar dan sekaligus menyokong perkembangan kemahiran keusahawanan mereka. Dalam penyelidikan mereka, didapati bahawa pengalaman

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keusahawanan yang dimiliki oleh mentor lebih berkesan daripada pengetahuan teori tentang keusahawanan.

Hasil penyelidikan ini, menunjukkan bahawa apabila mentor berkongsi pengalaman berniaga yang mereka miliki, ia dapat memberikan hala tuju dan bimbingan kepada usahawan pemula dengan lebih mendalam dan relevan untuk memupuk semangat keusahawanan serta membantu mereka dalam perjalanan pembangunan keusahawanan sama seperti dapatan dalam penyelidikan Fauchald et.al. (2022). Dalam konteks ini, mereka mengakui kegunaan meneladani pengalaman positif usahawan yang telah berjaya, membuka peluang untuk pembelajaran melalui kesilapan dan kejayaan orang lain. Pendekatan ini memberikan perspektif yang luas kepada usahawan pemula, membantu mereka mengelakkan rintangan dan mencapai kejayaan dalam perniagaan mereka. Kesimpulannya, pensyarah perlu mempunyai pengalaman untuk diaplikasi, atau ada pengalaman usahawan lain untuk diimitasi, atau adaptasi pengalaman daripada triad mentor.

Pengalaman pementoran melebihi 10 tahun memberikan impak signifikan dalam proses pementoran usahawan pemula di IPT. Mentor yang berpengalaman memiliki pengetahuan mendalam mengenai pasaran, strategi perniagaan, dan pengurusan risiko, membolehkan mereka memberikan panduan praktikal dan relevan. Mereka juga lebih mampu menangani pelbagai cabaran yang dihadapi oleh usahawan pemula, seperti isu kewangan dan pemasaran.

Selain itu, mentor berpengalaman sering mempunyai rangkaian kenalan yang luas dalam industri, membantu menti mendapatkan sumber, pelanggan atau rakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kongsi strategik. Kepercayaan dan penghormatan terhadap mentor yang berpengalaman juga meningkatkan keyakinan diri menti, membolehkan mereka mengambil risiko yang lebih terukur dalam perniagaan mereka. Selain itu, mentor yang berpengalaman dapat memupuk pembangunan kemahiran penting dalam kepimpinan dan pengurusan masa, serta memberikan teladan dalam mengatasi kegagalan dan beradaptasi dengan perubahan. **Jadual 5.2** adalah ringkasan bagaimana pengalaman digunakan dalam pementoran usahawan pemula.

Jadual 5.2

Bagaimana pengalaman digunakan dalam pementoran usahawan pemula?

Elemen pengalaman	Tindakan mentor (pensyarah)	Kesan kepada menti (pelajar)
Pengalaman berniaga	i) Mengaplikasikan pengalaman sendiri ii) Imitasi pengalaman usahawan lain (media massa, media cetak dan bersemuka) iii) Mengadaptasi pengalaman mentor lain (triad mentor)	Menti memperoleh pengalaman secara langsung dalam perniagaan, yang membolehkan mereka mengelakkan kesilapan yang sama dan membuat keputusan yang lebih bijak. Mereka juga boleh meniru pengalaman yang telah diceritakan dalam media massa dan media cetak untuk belajar daripada kejayaan atau kegagalan orang lain. Selain itu, konsep pementoran berlapis dan triad mentor memberi mereka peluang untuk mengakses pengetahuan dan pandangan daripada beberapa sumber mentor yang berbeza. Dengan cara ini, mereka boleh memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang perniagaan mereka dan membuat keputusan yang lebih berguna. Semua ini, seterusnya, meningkatkan peluang untuk mengekalkan perniagaan mereka dalam jangka panjang.
Pengalaman pementoran	i) Melebihi 10 tahun	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan dari penyelidikan ini menawarkan pandangan yang mendalam mengenai bagaimana pensyarah di PolyCC memanfaatkan pengalaman mereka dalam pementoran usahawan pemula untuk menyokong kelestarian perniagaan menti. Penggunaan model triad mentor, termasuk triad mentor terbuka dan tertutup, menunjukkan pendekatan yang sistematik dan berstruktur dalam meningkatkan keberkesanan pementoran serta membantu pemindahan pengetahuan yang lebih holistik dan multidimensional. Ini membolehkan menti memperoleh pandangan yang lebih luas dan mendalam mengenai keusahawanan melalui gabungan pengalaman yang berbeza.

Sementara itu, model triad mentor tertutup membolehkan pensyarah yang juga mendapatkan bimbingan daripada mentor berpengalaman untuk mencipta kitaran pembelajaran berterusan. Pendekatan ini membolehkan pensyarah menyampaikan pengetahuan dan pengalaman terkini kepada menti, sekaligus meningkatkan kualiti dan relevansi bimbingan yang diberikan. Dengan cara ini, pensyarah dapat mengintegrasikan pengetahuan semasa ke dalam pementoran mereka dan terus memperbaharui kemahiran mereka sendiri.

Dapatan ini juga menekankan kepentingan pengalaman berniaga pensyarah dalam menyokong pementoran yang berkesan. Pensyarah yang mempunyai pengalaman praktikal dalam pengurusan stok, kewangan, dan strategi pemasaran dapat memberikan panduan yang lebih terperinci dan mudah untuk dilaksanakan. Ini seiring dengan penemuan Fauchald et al. (2022) yang menunjukkan bahawa pengalaman keusahawanan sebenar lebih berkesan berbanding pengetahuan teori sahaja. Bagi pensyarah yang kurang pengalaman praktikal, pendekatan adaptasi dan imitasi pengalaman usahawan lain, menawarkan alternatif yang baik. Ini menunjukkan bahawa pensyarah boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengimbangi kekurangan pengalaman mereka dengan memanfaatkan sumber pengetahuan lain dan menjalin hubungan dengan komuniti perniagaan melalui media massa dan bersosial. Kesimpulannya, penyelidikan ini menunjukkan bahawa kombinasi pengalaman praktikal, model pementoran yang berstruktur, dan pendekatan adaptasi dan imitasi adalah kunci untuk meningkatkan keberkesanan pementoran dan menyokong kejayaan usahawan pemula.

5.3.3 Persoalan Penyelidikan Ketiga: Bagaimanakah Pensyarah Menggunakan Kemahiran, Semasa Pementoran Usahawan Pemula Bagi Menyumbang Kepada Kelestarian Perniagaan Menti?

Daripada penyelidikan ini, didapati bahawa kemahiran berkomunikasi adalah menjadi asas utama yang perlu dimiliki oleh pensyarah apabila menjadi mentor usahawan pemula. Kemahiran ini meliputi kemahiran mendengar dan memberi tindak balas atau respon yang melibatkan memberi perhatian sepenuhnya kepada pelajar yang sedang dibimbing, termasuk memberikan fokus kepada apa yang disampaikan, memahami isu-isu yang dihadapi oleh menti, dan menunjukkan minat dan empati terhadap menti selari dengan dapatan penyelidikan Ludzinska, (2023), Tshehla dan Ladzani, (2021) dan Sanchez-Burks et al., (2017). Manakala kemahiran memberi tindak balas / respon merupakan kemahiran yang melibatkan memberikan maklum balas yang berkesan dan membina kepada menti. Ini termasuk memberikan pujian, memberikan nasihat yang konstruktif, memberikan dorongan dan sokongan, serta memberikan arahan yang jelas kepada menti (Garvey & Stokes, 2022; Newsome, et al., 2021; Newsome,2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mentor yang ideal adalah individu yang mudah untuk ditemui, berpengetahuan, penyayang, cerdik, altruistik, jujur, sabar, responsif, dan tidak mudah menghakimi menti. Mereka adalah pendengar aktif, motivator, pembimbing, dan kadang-kadang sebagai penaja, malahan mereka mengorbankan masa untuk membina hubungan yang bermakna dengan menti, membantu dalam pengenalpastian dan pencapaian matlamat, memberikan pandangan tentang kekuatan dan kelemahan menti secara telus dan terbuka, dan sentiasa memastikan standard kecemerlangan yang tinggi di dalam diri menti. Menti yang ideal pula adalah seorang yang responsif, kreatif, bersemangat, fleksibel, dan bekerja keras. Mereka menyedari keperluan untuk pembangunan diri dan sentiasa inginkan maklum balas dan bimbingan daripada mentor. Kedua-dua belah pihak iaitu mentor ideal dan menti ideal adalah individu yang rendah hati, jujur, bermuhasabah diri, dan berorientasikan ke arah pembangunan perniagaan menti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala hubungan mentor-menti yang ideal adalah dinamik dan sinergi, menghasilkan ganjaran yang saling menguntungkan kedua-dua belah pihak dari segi pengalaman pembangunan diri. Seperti mana-mana hubungan lain, hubungan mentor-menti tidak akan terlepas daripada perselisihan faham, tetapi akhirnya, dengan altruisme dan harmonisme yang dimiliki oleh pensyarah, dan sikap saling menjaga dan saling memberi komitmen yang tinggi akan mengatasi apa-apa konflik yang muncul di dalam perhubungan mentor-menti ini.

Dapatan penyelidikan ini, menunjukkan bahawa kemahiran yang sangat membantu proses pementoran adalah kemahiran membina jaringan perniagaan selari dengan dapatan penyelidikan Pittaway et al., (2023), Decker-Lange et al., (2022), Jones et al., (2021a) dan Bone et al., (2019). Di dalam penyelidikan ini, kemahiran yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dimiliki oleh pensyarah PolyCC melibatkan kemahiran membina hubungan yang baik dengan menti, juga dengan individu-individu lain dalam bidang yang sama dan agensi-agensi keusahawanan. Ini termasuk membantu menjalin hubungan dengan individu atau pihak lain yang boleh memberi manfaat kepada perkembangan perniagaa menti, serta membantu meningkatkan rangkaian professional perniagaan menti. Jelas dapat dilihat, kemahiran-kemahiran ini penting dalam pementoran di PolyCC kerana ianya membantu mentor berinteraksi dengan menti secara efektif, memahami keperluan dan cabaran menti dan memberikan sokongan yang sesuai. Dengan kemahiran berkomunikasi yang baik, pensyarah dapat membantu untuk meningkatkan motivasi, memahami visi dan misi perniagaan yang sedang dibangunkan dan meningkatkan kejelasan tentang tujuan perniagaan menti.

Selain itu, kemahiran mengenal pasti dan memanfaatkan kekuatan atau kelebihan usahawan pemula (Ludzinska, 2023; Memon et al., 2018), seperti minat mendalam dalam perniagaan, kemahiran teknologi, kegigihan, dedikasi, kreativiti, kemahiran komunikasi, kemahiran pengurusan risiko, kemahiran kepimpinan, kemahiran analisis, kecekapan pengurusan kewangan dan kebolehsuaian, adalah satu kemahiran yang tidak kurang pentingnya dalam membantu pelajar mencapai kejayaan dalam dunia perniagaan. Dalam pementoran di PolyCC dan IPT lain, pensyarah perlu mengenali potensi unik ini dan membimbing pelajar untuk memaksimumkan kekuatan tersebut sambil mengatasi potensi kelemahan. Pelajar yang menceburi dunia perniagaan selalunya membawa potensi dan bakat tertentu yang perlu diiktiraf dan digunakan dalam perkembangan perniagaan mereka. Contohnya, kemahiran yang dimiliki pelajar boleh membantu mereka membangunkan teknologi strategi pemasaran digital yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkesan atau menggunakan alatan perisian untuk mengautomasikan proses perniagaan.

Minat yang mendalam dalam perniagaan dan dedikasi pelajar boleh memberikan daya tahan terhadap cabaran perniagaan yang mungkin timbul. Mentor usahawan yang berkesan boleh memainkan peranan penting dalam menyokong dan membimbing usahawan pelajar semasa mereka membangun dan mengembangkan perniagaan (Ludzinska, 2023; St-Jean & Jacquenmin, 2022; Hartmann et al, 2022; Poskanzer, 2022; Dost, 2021; Sevenson, 2021; Lee & Park, 2020). Dalam konteks pensyarah yang berperanan sebagai mentor atau penyokong harus bekerjasama rapat dengan pelajar untuk membina strategi yang menggabungkan kekuatan pelajar dalam pengurusan dan pembangunan perniagaan sambil memberikan bimbingan untuk menghadapi dan mengatasi halangan yang mungkin timbul dalam perjalanan perniagaan mereka.

Dengan cara ini, perniagaan pelajar boleh menjadi lebih berkesan dan berjaya dalam jangka masa panjang. Selain itu, pensyarah perlu memiliki kemahiran-kemahiran teknologi (Dang et al., 2022; Memon et al., 2018) yang terkini agar mereka lebih mudah membimbing usahawan pemula ini. Daripada penyelidikan ini, dapatan menunjukkan bahawa pentingnya kemahiran menguasai teknologi terkini bagi pensyarah dalam peranan mereka sebagai mentor bagi usahawan pemula. Di era digital yang terus berkembang, kemahiran teknologi merupakan aset yang sangat berharga bagi pensyarah, kerana membolehkan mereka memberikan bimbingan yang lebih efektif dan relevan kepada usahawan pemula.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks pemasaran digital, pensyarah yang memahami dan menguasai alat-alat seperti penyediaan video, *Canva, Cap Cut, Artificial Intelligence (AI),* dan platform media sosial mempunyai keistimewaan yang jelas berbanding pensyarah yang tidak menguasainya. Pensyarah boleh menggunakan alat-alat ini untuk mendemonstrasikan konsep-konsep pemasaran digital secara lebih visual dan menarik, yang dapat membantu usahawan pemula untuk memahami dan mengaplikasikan strategi pemasaran dengan lebih baik.

Selain itu, kemahiran teknologi juga membolehkan pensyarah untuk tetap terhubung dengan usahawan pemula secara dalam talian, mengadakan sesi bimbingan melalui platform maya, dan memberikan umpan balik secara cepat dan efisien. Hal ini meluaskan jangkauan dan fleksibiliti pementoran, memastikan bahawa usahawan pemula dapat memperolehi bantuan yang mereka perlukan tanpa batasan wilayah atau waktu. Namun, kemahiran teknologi sahaja tidak mencukupi, yang menyebabkan penting bagi pensyarah untuk mengadunkan kemahiran teknologi dengan pemahaman yang mendalam tentang prinsip-prinsip perniagaan dan pemasaran. Pensyarah perlu mampu mengaitkan konsep-konsep teknologi dengan strategi perniagaan yang relevan, agar pementoran yang mereka berikan tidak hanya efektif secara teknikal, tetapi juga memberi kesan positif dalam mencapai tujuan perniagaan untuk usahawan pemula.

Kemahiran-kemahiran lain yang diperlukan oleh pensyarah yang menjalankan tanggungjawab sebagai mentor usahawan pemula dan kesannya kepada usaha kelestarian perniagaan pelajar adalah seperti yang dipaparkan dalam **Jadual 5.3** dibawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.3

Bagaimana kemahiran digunakan dalam pementoran usahawan pemula di IPT?

Elemen kemahiran	Tindakan mentor (pensyarah)	Kesan kepada menti (pelajar)
Kemahiran pementoran	i) Kepekaan ii) Menyoal iii) Memberi respon	Kemahiran pementoran membolehkan pensyarah memberikan bimbingan kritikal dan sokongan emosi kepada usahawan pemula, manakala kemahiran menjalinkan rangkaian perniagaan membantu mereka membangunkan hubungan yang sangat bermanfaat dalam pembangunan keusahawanan pelajar. Kemahiran menggunakan teknologi pula digunakan untuk memanfaatkan alatan digital bagi pertumbuhan perniagaan, manakala kemahiran mengenal pasti kelebihan dan kekuatan menti, dapat membantu mereka menguruskan perniagaan dengan lebih baik. Gabungan kemahiran ini mengukuhkan peluang usahawan pemula untuk membina kestabilan dalam dunia perniagaan yang semakin kompleks.
Kemahiran menjalinkan jaringan perniagaan	Membina hubungan yang baik dengan i) agensi-agensi keusahawanan ii) institusi kewangan iii) usahawan setempat iv) industri	
Kemahiran menggunakan teknologi	Menggunakan kemahiran untuk i) membangunkan produk ii) memasarkan produk	
Kemahiran mengenal pasti kelebihan dan kekuatan pelajar	i) membimbing ii) membangunkan iii) menggilap	

5.3.4 Persoalan Penyelidikan Keempat: Bagaimanakah Pensyarah Menggunakan Pengetahuan, Semasa Pementoran Usahawan Pemula Bagi Menyumbang Kepada Kelestarian Perniagaan Menti?

Penyelidikan ini menunjukkan bahawa pensyarah yang mempunyai latar belakang akademik dalam bidang keusahawanan merasakan kelayakan mereka sangat membantu dalam membimbing usahawan pemula, manakala pensyarah yang bukan dari bidang perdagangan / perniagaan / keusahawanan merasakan perlu mengambil inisiatif tambahan untuk menambahkan ilmu pengetahuan mereka di dalam bidang keusahawanan. Inisiatif yang telah diambil termasuk menghadiri kursus, latihan, dan pembelajaran kendiri. Di samping itu, sokongan daripada rakan sekerja yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berpengalaman dan perunding perniagaan juga diperlukan. Kesimpulannya, gabungan kelayakan akademik dan usaha berterusan untuk meningkatkan pengetahuan keusahawanan adalah kunci dalam menyokong usahawan pemula dalam usaha mengekalkan kesinambungan perniagaan mereka.

Secara keseluruhan, didapati bahawa walaupun kelulusan akademik dapat memberikan landasan yang kuat dalam pementoran, inisiatif lain untuk mendapatkan pengetahuan keusahawanan yang terkini dan relevan juga perlu diambil demi menjaga kualiti pementoran. Selain itu, ketelitian tentang perubahan dalam teknologi dan perniagaan adalah perkara yang penting untuk diintegrasikan dalam proses pementoran agar menjadikan pementoran lebih berkesan. Pementoran yang dijalankan oleh pensyarah secara konsisten memberikan kesan positif yang signifikan terhadap pertumbuhan dan kelestarian perniagaan pelajar.

Daripada dapatan temu bual, didapati bahawa pengetahuan keusahawanan dan pengetahuan akademik serta teori merupakan dua komponen penting yang saling melengkapi dalam membentuk kompetensi seorang mentor usahawan pemula di IPT. Pengetahuan keusahawanan menekankan aplikasi praktikal dan pengalaman nyata dalam dunia perniagaan, termasuk kemahiran membina model perniagaan, merancang strategi pemasaran, mengurus kewangan, dan mengembangkan produk. Ia diperoleh melalui pengalaman langsung seperti menjalankan perniagaan sendiri atau terlibat dalam projek keusahawanan, menjadikan lebih dinamik dan fleksibel untuk menyesuaikan dengan perubahan pasaran dan cabaran harian. Sebaliknya, pengetahuan akademik dan teori pula adalah berfokus kepada pemahaman mendalam tentang konsep, teori, dan model yang mendasari prinsip keusahawanan. Pengetahuan ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diperoleh melalui pendidikan formal, pembacaan dan penyelidikan ilmiah yang sistematik. Dengan menggabungkan dua jenis pengetahuan ini, seorang mentor dapat memberikan pementoran yang holistik dan berkesan, menggabungkan wawasan praktikal dengan asas teori yang kukuh, seterusnya memperkukuh keupayaan usahawan pemula dalam menghadapi cabaran dan memanfaatkan peluang dalam perniagaan.

Penyelidikan ini mendapati bahawa pengetahuan semasa yang dimiliki oleh pensyarah sebagai mentor memainkan peranan kritikal dalam membantu menti mengekalkan perniagaan mereka. Dalam konteks pementoran keusahawanan di IPT, penggunaan pengetahuan yang sentiasa dikemas kini menjadi asas utama kepada relevansi dan keberkesanan nasihat yang diberikan kepada menti. Pengetahuan yang dikemas kini ini membolehkan mentor bertindak balas dengan lebih tepat terhadap cabaran perniagaan yang dihadapi oleh menti, selari dengan perubahan dinamik pasaran dan perkembangan industri.

Dapatan ini juga sejajar dengan penyelidikan oleh Kirsch, Dibbern, Patzelt, dan Nicola Breugst (2024), yang menekankan kepentingan persamaan nilai antara mentor dan menti dalam pemilihan mentor. Penyelidikan tersebut menunjukkan bahawa apabila mentor memiliki pengalaman industri dan keusahawanan, serta pengetahuan pementoran yang luas, persamaan nilai ini menjadi lebih relevan dan menyokong hubungan pementoran yang berkualiti tinggi. Selain itu, ia membantu dalam memperkukuh kepercayaan dan komunikasi antara mentor dan menti, yang mana kedua-duanya merupakan faktor penting dalam mewujudkan hubungan pementoran yang berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan itu, dapatan penyelidikan ini menunjukkan bahawa mentor yang memiliki pengetahuan industri terkini bukan sahaja mampu memberikan bimbingan yang responsif terhadap cabaran pasaran tetapi juga lebih mudah diakses oleh menti kerana kesamaan dalam nilai-nilai perniagaan. Ini melengkapi penemuan penyelidikan terdahulu yang menunjukkan faktor-faktor hubungan interpersonal yang penting dalam proses pementoran. Dengan demikian, dalam konteks keusahawanan di IPT, pensyarah yang mengikuti perkembangan semasa industri bukan sahaja memainkan peranan sebagai sumber maklumat tetapi juga sebagai model teladan yang membimbing menti dengan nilai dan pengalaman yang relevan, memberikan bimbingan adaptif dan responsif. Dalam keseluruhannya, pengetahuan semasa keusahawanan mentor bertindak sebagai landasan penting yang memungkinkan keberkesanan pementoran keusahawanan, serta memperkasa menti untuk membuat keputusan perniagaan yang lebih baik dan adaptif terhadap perubahan persekitaran.

Dapatan penyelidikan ini juga menunjukkan bahawa pensyarah yang menambah pengetahuan mengenai teknologi terkini yang membantu menti dalam penerapan teknologi yang relevan dalam perniagaan mereka. Ini disokong oleh penyelidikan yang dilakukan oleh Zhang et al. (2023), di mana mentor yang berpengetahuan dalam teknologi digital dapat mempercepat pertumbuhan perniagaan menti dengan memanfaatkan alat digital dan platform dalam talian. Secara keseluruhannya, penyelidikan ini mengesahkan bahawa pengetahuan semasa yang dimiliki oleh pensyarah sebagai mentor memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan kelestarian perniagaan menti. Penggunaan pengetahuan terkini tidak hanya meningkatkan keberkesanan pementoran, tetapi juga membantu menti untuk menghadapi cabaran yang wujud dalam dunia perniagaan yang sentiasa berubah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan menyesuaikan strategi perniagaan, menerapkan teknologi, memahami keperluan pelanggan, serta membina rangkaian dan sumber, pensyarah dapat memberikan bimbingan yang menyeluruh dan berkesan.

Kesimpulan ini juga menekankan kepentingan pembelajaran sepanjang hayat bagi mentor keusahawanan, sebagai satu usaha untuk memastikan mereka sentiasa dapat memberikan bimbingan yang relevan dan berkesan. Oleh itu, inisiatif pensyarah untuk terus menambah pengetahuan, walaupun terpaksa menggunakan dana sendiri, adalah satu langkah yang perlu dihargai dan disokong oleh institusi pengajian tinggi.

Jadual 5.4 adalah menunjukkan bagaimana pengetahuan menyumbang dalam kelestarian perniagaan usahawan pemula.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.4

Bagaimana pengetahuan menyumbang dalam kelestarian perniagaan usahawan pemula?

Elemen Pengetahuan	Tindakan mentor (pensyarah)	Kesan kepada menti (pelajar)
Bidang Perniagaan / keusahawanan / perdagangan	i) Mengaplikasikan pengetahuan ii) Menambah pengetahuan seperti yang dilakukan oleh pensyarah bukan bidang.	Pensyarah yang mempunyai latar belakang akademik dalam bidang keusahawanan atau yang giat meningkatkan pengetahuan tentang usahawan melalui inisiatif tambahan dapat memberikan nasihat yang lebih relevan dan berharga kepada usahawan pemula. Pengetahuan ini dapat membantu usahawan baru untuk mengatasi cabaran perniagaan, membuat keputusan yang lebih baik dan meningkatkan peluang mereka untuk mengekalkan perniagaan mereka.
Bukan bidang Perniagaan / keusahawanan / perdagangan	i) Latihan ii) Kursus iii) Merujuk rakan yang berpengetahuan iv) Merujuk kepada perunding v) Mengikuti kursus bagi perubahan-perubahan teknologi perniagaan	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walau bagaimanapun, analisis terperinci menunjukkan wujudnya cabaran yang perlu diselesaikan. Antaranya ialah integrasi yang lebih efektif antara pengetahuan teori yang diajar dengan realiti keusahawanan yang berubah-ubah. Dalam pendekatan pementoran dan penggunaan teknologi adalah kritikal untuk meningkatkan lagi kesan pementoran tersebut. Keperluan untuk memastikan pensyarah mampu beradaptasi dengan persekitaran yang dinamik dan teknologi yang berkembang pesat turut menjadi fokus kritikal. Keperluan untuk meningkatkan pembangunan profesionalisme pensyarah dalam bidang keusahawanan adalah penting, bersama-sama dengan perluasan program latihan yang berterusan. Hal ini akan memperkukuhkan lagi peranan mereka sebagai mentor yang efektif dan relevan dalam menangani cabaran semasa dalam ekosistem keusahawanan.

5.3.5 Persoalan Penyelidikan Kelima: Bagaimanakah Pensyarah Menggunakan Psikospiritual Islam, Semasa Pementoran Usahawan Pemula Bagi Menyumbang Kepada Kelestarian Perniagaan Menti?

Dalam persoalan ini, beberapa faktor utama yang memotivasikan pensyarah PolyCC untuk bersungguh-sungguh menjalankan tanggungjawab mereka adalah *taklif, ihsan*, *itqan,* dan *istiqamah* telah terhasil melalui analisis dapatan penyelidikan ini. *Taklif* adalah berkaitan dengan kewajiban menjalankan tanggungjawab atau tugas sebagai sumber bagi mengumpul pahala dan menjadi saham akhirat dan ia secara langsung melibatkan pengingatan kepada Allah dan hari akhirat sebagai sebahagian daripada pelaksanaan tanggungjawab tersebut. Manakala *ihsan* adalah merujuk kepada melakukan sesuatu dengan penuh kecemerlangan dan kebaikan dalam tindakan menuju kearah kesempurnaan, tanpa mengira sama ada orang lain melihat atau tidak. Dalam hubungan antara dua pihak, *ihsan* juga mencerminkan perlakuan baik dan adil, di mana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

setiap pihak berusaha untuk memberi manfaat bersama dan menyelesaikan urusan dengan cara yang terbaik, saling memberi perhatian dan kebaikan terhadap satu sama lain.

Seterusnya, *itqan* adalah merujuk kesempurnaan atau keunggulan di mana secara umumnya ia merujuk kepada usaha untuk mencapai hasil yang terbaik dengan ketelitian dan kecemerlangan dalam pekerjaan atau tugas. Dalam Islam, *itqan* dikaitkan dengan prinsip melakukan sesuatu dengan penuh dedikasi dan kualiti yang tinggi, berusaha untuk mencapai tahap yang paling baik dalam segala aspek kehidupan. Dalam pengertian yang lebih luas, konsep *itqan* mendorong individu untuk berusaha dengan sepenuh hati, memastikan setiap usaha atau pekerjaan dilakukan dengan teliti dan mencapai standard yang tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks Islam, *istiqamah* merujuk kepada keteguhan dan konsistensi dalam mengikuti ajaran Allah dengan terus melaksanakan perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Dalam penyelidikan ini, *istiqamah* dalam pementoran merujuk kepada prinsip *istiqamah* yang diterapkan dengan memastikan bahawa bimbingan yang diberikan adalah konsisten dengan nilai-nilai Islam, seperti, keikhlasan, dan kesabaran. Seorang mentor yang *istiqamah* akan terus memberikan sokongan yang stabil dan berterusan kepada menti, menjaga prinsip-prinsip Islam dalam setiap interaksi, serta bertanggungjawab secara moral dan etika dalam proses pementoran, walaupun menghadapi cabaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.5.1 *Taklif*

Dapatan penyelidikan ini menunjukkan bahawa mentor usahawan dalam kalangan pensyarah PolyCC adalah memiliki konsep amalan berterusan yang memberi makna kepada peranan pensyarah sebagai mentor usahawan. Antara amalan yang dijelaskan oleh mereka adalah bahawa tindakan mereka membimbing usahawan pemula dilihat sebagai satu amalan yang akan terus memberi manfaat sehingga ke akhirat kelak. Mereka yakin dan percaya bahawa selepas hubungan mentor-menti berakhir, apa yang mereka lakukan kini seumpama sedekah yang terus memberi manfaat di mana ilmu yang disalurkan akan diamalkan oleh usahawan secara berterusan. Mereka juga mengaitkan tentang ketaatan kepada ketua dan kepentingan menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan oleh ketua. Hadis dibawah adalah berkaitan tentang amanah dalam pekerjaan dan taat kepada ketua dalam pekerjaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

عَنْ عَدِيِّ بْنِ عَمِيرَةَ الْكِنْدِيِّ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَسْلَمْ اهُ مِنْكُمْ عَلَى عَمَلٍ فَكَتَمْنَا مِخْيَطًا فَمَا فَوْقَهُ كَانَ غُلُولًا يَأْتِي بِهِ مِخْيَطًا فَمَا فَوْقَهُ كَانَ غُلُولًا يَأْتِي بِهِ يَأْتِي بِهِ يَأْتِي بِهِ يَاقِمَ إِلَيْهِ رَجُلٌ أَسْوَدُ مِنْ الْأَنْصَارِ كَأَنِّي أَنْظُرُ إِلَيْهِ فَقَالَ يَا رَسُوْلَ اللَّهِ َالَ وَمَا لَكَ قَالَ سَمِعْتُكَ تَقُولُ كَذَا وَكَذَا قَالَ وَأَنَا أَقُولُهُ الْآنَ مَنْ اسْتَعْمَلْنَاهُ مِنْكُمٍ عَلَكُمٍ عَلَغِيم قَلِيلِهِ وَكَثِيرِهِ فَمَا أُوتِيَ مِنْهُ أَخَذَ وَمَا نُهِيَ عَنْهُ انْتَهَى

Daripada 'Adi bin Amirah Al Kindi dia berkata, "Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Barangsiapa di antara kalian yang kami tugaskan untuk suatu pekerjaan (urusan), kemudian dia memohon daripada kami (meskipun) sebatang jarum, atau sesuatu yang lebih kecil daripada itu, maka itu adalah ghulul (pengkhianatan) yang pada hari kiamat akan ia bawa (untuk di dakwa)." ‘Adi bin 'Amirah berkata, "Kemudian seorang lelaki hitam dari Anshar berdiri mengadap Nabi SAW, seolah-olah aku melihatnya, lalu dia berkata, "Wahai Rasulullah, kalau begitu saya akan tarik kembali. tugas yang pernah anda bebankan kepada saya!" Nabi SAW bertanya: "Ada apa denganmu?" dia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> menjawab, "Saya telah mendengar bahawa engkau bersabda seperti ini dan seperti ini (maksudnya perkataan diatas)." Baginda bersabda: "Sekarang saya sampaikan, bahawa barangsiapa dari kalian yang kami tugaskan untuk suatu pekerjaan hendaklah membawa kembali (seluruh hasil), atau banyak. Kemudian apa yang memang diberikan untuknya ia boleh mengambilnya, dan apa yang memang dilarang untuknya, maka ia perlu menahan diri."
>
> (HR Muslim No: 3415) Status: Hadis Sahih

Responden percaya bahawa setiap individu yang berperanan dalam organisasi atau jabatan mempunyai tanggungjawab dan amanah yang perlu dijalankan dengan teliti. Bagi pekerja yang menerima upah atau gaji, mereka wajib melaksanakan tugas dengan bersungguh-sungguh dan penuh amanah, sama ada dalam perkhidmatan, penghasilan produk, atau pengurusan harta. Rasulullah SAW menegaskan pentingnya mematuhi amanah, khususnya dalam urusan berkaitan pekerjaan. Hal ini berkait rapat dengan tindakan menunjukkan penghormatan dan ketaatan kepada pemimpin. Ia merujuk kepada konsep menerima dan tunduk kepada kepimpinan dan autoriti pemimpin. Tindakan ini menunjukkan kesetiaan, penghormatan, dan penyerahan kepada pemimpin yang sah sebagai tanda iman.

Dalam penyelidikan ini, responden menunjukkan bahawa mereka sangat menghormati dan patuh kepada pemimpin serta menerima dan bertanggungjawab terhadap tugas mereka. Meletakkan kerja sebagai ibadah dalam diri responden dapat dilihat dengan jelas dari aspek mentaati ketua dimana mengikuti arahan daripada ketua atau pihak atasan dengan penuh rasa hormat, kepercayaan dan tidak menolak apa jua tugasan yang diberikan. Dalam konteks tanggungjawab, responden P3 menerangkan bagaimana seseorang itu apabila mendapat tanggungjawab sebagai seorang ketua, individu akan merasakan kewajipan untuk menunaikan tanggungjawab tersebut. Ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sering mendorong individu untuk bekerja lebih keras dan lebih berdedikasi dalam menjalankan tugas yang diberikan.

Dalam masa yang sama, responden P1 menekankan kepentingan menghormati pihak atasan. Kadang-kadang, walaupun seseorang itu tidak mempunyai keyakinan diri atau mempunyai keraguan diri, penghargaan dan rasa hormat terhadap ketua mereka boleh mendorong mereka untuk menjalankan tugas. Walaupun mungkin terdapat keraguan awal, rasa hormat ini boleh menjadi pendorong untuk terus melakukan apa yang diminta. Manakala responden P2 menyentuh aspek keterpaksaan, di mana kadangkala, individu berasa dipaksa atau terpaksa menerima tugasan atau tanggungjawab tertentu, walaupun mungkin terdapat bantahan awal, namun tetap dengan keputusan untuk terus menjalankan tugas tersebut atas pertimbangan tertentu, seperti pengaruh ketua atau sebab lain yang menyebabkan mereka berasa tiada pilihan lain.

Responden P4 meneroka aspek muhasabah diri yang menyatakan seseorang melihat cara mereka bercakap dengan orang lain dan menganalisis mengapa mereka bertindak balas dengan cara yang mereka lakukan. Hasil analisis ini menggambarkan interaksi kompleks tanggungjawab, ganjaran, tekanan luaran, dan refleksi diri dalam konteks pelbagai situasi. Ia mengingatkan kita bahawa manusia adalah makhluk yang kompleks, dan tindak balas dan tindakan mereka boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor dalaman dan luaran.

Dengan spiritual *taklif*, biasanya ianya akan terkait dengan konsep reda, dimana dapat dilihat bagaimana penerimaan, ketenangan, dan usaha untuk menyesuaikan diri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan situasi boleh memainkan peranan dalam bertindak balas terhadap tanggungjawab, tuntutan daripada pihak atasan, tekanan luaran, dan muhasabah diri dengan menyandarkan pahala sebagai bekalan ke akhirat. Mereka percaya walaupun mereka tidak memahami mengapa peristiwa tertentu berlaku, mereka percaya Allah mengetahui yang terbaik. Keyakinan bahawa manusia akan mendapat ganjaran untuk dibawa ke akhirat adalah asas kepada *taklif*. Konsep ini memberi motivasi kepada penerimaan positif, dan mereka percaya bahawa reda dapat membawa ketenangan batin.

Di dalam penyelidikan ini, *taklif* merujuk kepada perasaan yang jujur dan ikhlas untuk menjalankan tugas atau tindakan, dengan kepercayaan bahawa amal sepanjang hayat adalah penentu bagi setiap muslim, dan kepercayaan bahawa akan ada pahala yang terus mengalir selepas kematian seperti bersedekah yang bermanfaat kepada manusia, haiwan atau tumbuh-tumbuhan, ilmu yang bermanfaat sama ada agama atau duniawi yang digunakan oleh orang lain juga akan mengalirkan pahala kepada orang yang menyampaikannya dan doa-doa anak-anak soleh seperti di dalam hadis berikut;

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا مَاتَ الْإِنْسَ ??? لَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ

> Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Apabila manusia meninggal dunia, maka terputuslah segala amalannya kecuali tiga perkara; sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat baginya dan anak soleh yang sentiasa mendoakannya." (HR Muslim No: 3084) Status: Hadis Sahih

Taklif adalah konsep yang menggariskan panduan moral dan agama bagi umat Islam. Ia menekankan pentingnya beribadah kepada Allah dan mematuhi perintah-Nya, serta menyedari bahawa semua tindakan akan diberi perhatian di akhirat. Oleh itu, *taklif*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memainkan peranan penting dalam membentuk cara hidup dan nilai-nilai etika dalam masyarakat Muslim dengan kepercayaan bahawa ada pahala, dosa, syurga dan neraka yang akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak (Zulhelmy, Abrar, & Firdaus, 2023).

Pegangan Iman yang kuat membentuk asas yang kukuh bagi pensyarah dalam membimbing umat Islam untuk menyesuaikan diri dengan kehendak Allah Yang Maha Kuasa. Kepercayaan dan keyakinan yang kuat ini menjadikan pensyarah lebih memahami peranan mereka sebagai hamba Nya dan khalifah di muka bumi, dengan kepercayaan kuat untuk melaksanakan perintah Allah SWT yang akan menjadi bekalan ke akhirat kelak. Hasilnya, perspektif ini memupuk sifat-sifat ketaqwaan di dalam diri mereka, memandu mereka ke arah jalan-jalan kebaikan dan kasih sayang yang berlandaskan kepada *taklif* iaitu sebagai bekalan ke akhirat kelak.

Berdasarkan penyelidikan ini, dapatan menunjukkan bahawa konsep *taklif* memainkan peranan penting dalam membentuk kompetensi mentor di PolyCC. *Taklif* yang merangkumi tanggungjawab, amanah, dan komitmen, memandu mentor dalam melaksanakan tugas mereka secara etikal dan profesional, serta memberi motivasi tambahan dengan keyakinan bahawa setiap tindakan akan dipertanggungjawabkan di akhirat. Mentor di PolyCC mengintegrasikan nilai-nilai Islam dalam pementoran mereka, menghormati ketua dan pemimpin, serta menekankan kepentingan muhasabah diri dan ketenangan dalam meningkatkan kualiti bimbingan. Mereka berfungsi sebagai model peranan yang memberi inspirasi kepada usahawan pemula, mempengaruhi cara mereka memandang pementoran dan memberi impak positif terhadap kejayaan perniagaan. Dengan pendekatan ini, *taklif* membentuk asas motivasi dan etika yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kukuh dalam pementoran, menyumbang kepada keberkatan dan kejayaan dalam konteks pementoran usahawan.

Dapatan penyelidikan ini menunjukkan bahawa konsep *taklif* menyediakan asas yang kukuh dalam membentuk kompetensi mentor di PolyCC dengan mengintegrasikan nilai-nilai tanggungjawab, amanah, dan komitmen. Dengan mematuhi prinsip etika yang tinggi dan memotivasi diri melalui keyakinan terhadap ganjaran akhirat, mentor menjalankan tugas mereka dengan penuh integriti dan keikhlasan. Ini bukan sahaja memastikan pementoran yang berkualiti dan berkesan tetapi juga memberikan impak positif terhadap kejayaan usahawan pemula dalam kelestarian dan perkembangan perniagaan mereka. Selain itu, pengamalan *taklif* dalam pementoran menyumbang kepada pencapaian keberkatan dan kejayaan yang lebih besar, memperlihatkan bahawa *taklif* bukan sahaja membentuk amalan pementoran yang baik tetapi juga membawa hasil yang konkrit dalam aspek profesional dan spiritual.

5.3.5.2 *Ihsan*

Ihsan adalah konsep penting dalam Islam yang merujuk kepada kemunculan sikap kebaikan, kecemerlangan, atau kesempurnaan dalam tindakan dan akhlak individu Muslim (Nur Syazwani, Mahfuzah, & Norhapizah, 2023; Toumi & Su, 2023; Mastura & Yusof, 2019). Ia boleh diterjemahkan sebagai "kebaikan yang luar biasa" atau "usaha sungguh-sungguh untuk mencapai kesempurnaan" (Sodikin, Fachrunnisa, & Niati, 2021; Ilyas & Iffah, 2021; Mastura & Yusof, 2019). Di dalam penyelidikan ini, *ihsan* di dalam diri pensyarah dapat dilihat melalui usaha yang sangat bersungguh-sungguh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk memberikan yang terbaik dan mencapai kesempurnaan dalam aspek kehidupan seorang pensyarah sebagai mentor usahawan pemula. *Ihsan* adalah pemacau dalam diri pensyarah untuk mencapai kualiti moral dan etika yang tinggi dalam kehidupan pekerjaan sehari-hari, serta untuk memperkukuh hubungan seseorang dengan Allah yang mencerminkan nilai-nilai kebaikan, keadilan, kecemerlangan, dan kesempurnaan dalam ajaran Islam.

Diawali dengan prinsip *muraqabah* yang melibatkan ketelitian yang mendalam terhadap kehadiran Allah dalam kehidupan sehari-hari telah memandu pensyarah untuk menjadi lebih bertanggungjawab dan bermoral dalam tindakan mereka terutama di dalam pengurusan sesebuah organisasi selaras dengan penyelidikan Ilyas dan Iffah, (2021), Kurnianti dan Apriani, (2023), Irfan, (2021) dan Bakry, (2018) yang menyatakan bahawa prinsip *muraqabah* di dalam diri individu akan melahirkan tindakan dan usaha yang berasaskan kepada *ihsan* (Ilyas & Iffah, 2021; Nur Syazwani, Mahfuzah & Norhapizah, 2023).

Konsep *ihsan* membentuk kompetensi pensyarah sebagai mentor usahawan pemula di PolyCC dengan cara yang menyeluruh dan mendalam. Pertama, keikhlasan yang diterapkan dalam bimbingan memastikan bahawa pensyarah memberi nasihat dan sokongan yang tulus dan tidak berat sebelah. Pensyarah yang mengamalkan *ihsan* menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap kejayaan menti mereka, menjadikan hubungan mentor-menti lebih kuat dan berkesan. Ini membolehkan pensyarah memahami keperluan dan cabaran individu menti, serta menyesuaikan pendekatan mereka untuk memberikan bimbingan yang relevan dan efektif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, sikap baik hati dan empati yang diterapkan oleh pensyarah memperkukuh hubungan ini dengan mencipta persekitaran yang menyokong dan mempercayai. Dengan memahami latar belakang dan kekuatan menti, pensyarah dapat memberi bimbingan yang lebih tepat, menyesuaikan strategi berdasarkan keperluan unik setiap menti. Empati ini juga membantu dalam membina kepercayaan, yang penting untuk memotivasi menti dan meningkatkan keberkesanan pementoran.

Usaha bersungguh-sungguh untuk kecemerlangan adalah manifestasi penting dari *ihsan*, di mana pensyarah berusaha untuk memberikan bimbingan terbaik dan memperbaiki diri mereka secara berterusan. Kesungguhan ini meningkatkan kualiti pementoran dan menjadikan pensyarah sebagai model peranan yang baik. Dalam konteks ini, pensyarah yang mengamalkan *ihsan* tidak hanya mencapai kecemerlangan peribadi tetapi juga mendorong menti mereka untuk mengejar kejayaan dengan cara yang serupa.

Akhir sekali, pegangan agama yang melibatkan kesedaran mendalam tentang kehadiran Allah, mendorong pensyarah untuk bertindak dengan penuh tanggungjawab dan integriti. Kesedaran ini memastikan bahawa pensyarah menjalankan tugas mereka dengan lebih bertanggungjawab dan bermoral, yang secara langsung mempengaruhi cara mereka memberikan bimbingan dan sokongan kepada menti. Tanggungjawab moral dan etika ini membentuk asas yang kukuh dalam pementoran, memastikan bahawa pensyarah bukan sahaja berfungsi dengan efisien tetapi juga mempengaruhi menti dengan cara yang positif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan demikian, *ihsan* bukan sahaja membentuk kompetensi pensyarah sebagai mentor di PolyCC tetapi juga memainkan peranan penting dalam memastikan mereka berfungsi sebagai mentor yang beretika, empati, dan ikhlas. Elemen baik hati yang terkandung dalam *ihsan* memperlihatkan kesediaan pensyarah untuk berbuat baik tanpa mengharapkan balasan, memberikan nasihat yang tulus kepada menti dengan niat yang ikhlas. Sikap ikhlas ini mewujudkan persekitaran pementoran yang lebih inklusif, di mana pensyarah bukan sahaja fokus kepada kejayaan teknikal tetapi juga kepada pembangunan peribadi dan moral menti. Keikhlasan dalam pementoran memastikan bahawa setiap tindakan yang diambil oleh pensyarah adalah untuk kepentingan terbaik menti, membina hubungan yang lebih kuat dan berterusan. Dalam konteks ini, *ihsan* sebagai elemen kompetensi mentor bukan sahaja mendorong kepada kejayaan usahawan pemula secara profesional tetapi juga membentuk asas yang kukuh untuk pembinaan peribadi yang bersifat holistik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.5.3 *Itqan*

Daripada dapatan penyelidikan, jelas menunjukkan bahawa para responden menyimpan rekod perancangan dan laporan serta dokumen penting lain yang berkaitan dengan pementoran dengan kemas dan teratur, selaras dengan prinsip Islam mengenai akauntabiliti yang berkaitan dengan unsur pengurusan berkualiti tinggi. *Itqan* adalah refleksi manusia, percubaan manusia untuk mencapai kesempurnaan, keindahan, keseimbangan, keharmonian, disiplin, akhlak yang baik, kelembutan, peningkatan, dorongan, dan kemahuan (Tajul Ariffin, Abdul & Md Rosli, 2022; Amal Salim, Ahmad, Musa & Muhammad, 2017). Secara keseluruhannya, elemen-elemen pengurusan dokumen yang baik boleh dilihat selaras dengan nilai-nilai Islam mengenai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kebersihan, pengorganisasani, akauntabiliti, dan kekemasan. Prinsip-prinsip ini, menjadikan pensyarah menguruskan dokumen mereka secara berkesan dan menghasilkan satu proses pementoran yang berjaya. Ciri-ciri ini dilihat sebagai penting kerana ia membantu individu untuk fokus pada aktiviti yang dirancang dan memberi keutamaan kepada keutamaan pengurusan strategik.

Beberapa penyelidikan lain juga telah mengenal pasti ciri-ciri tambahan pengurusan Islam, termasuk kejujuran, kesanggupan bekerja keras, menepati janji, dan mengurus pentadbiran yang teratur (Ishaq & Abbass, 2020; Machmud & Hidayat, 2020). Ciri-ciri ini menyumbang kepada kejayaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam konteks Islam (Ishaq & Abbass, 2020; Lisnawati & Ahman, 2019; Machmud & Hidayat, 2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Elemen-elemen pengurusan dokumen yang baik oleh pensyarah, iaitu kemas, bersih dan teratur, dirancang dengan baik, berkualiti tinggi, dan mudah diakses, dapat dikaitkan dengan ajaran Islam tentang kepentingan perancangan teliti, kekemasan dan kebersihan yang merujuk kepada *itqan*. Dalam Islam, kebersihan dianggap separuh daripada iman, dan umat Islam diberi dorongan untuk menjaga persekitaran mereka bersih dan kemas (Rahman, Sungit & Rashed, 2022). Nabi Muhammad (SAW) juga menekankan kepentingan ketertiban dan pengorganisasian dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk menguruskan masa, harta, dan hubungan (Rahman, Sungit & Rashed, 2022)

إِنَّ اللهَ طَيِّبٌ لاَيَقْبَلُ إِلاَّطَيِّبَا

> “Sesungguhnya Allah itu baik (suci bersih) dan Allah tidak akan menerima kecuali yang baik (suci bersih – berkualiti) juga” Riwayat Muslim.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mereka bukan sahaja menyimpan rekod dan laporan pementoran dengan kemas dan teratur, malah menguruskan segala urusan pementoran dengan penuh tanggungjawab dan akhlak yang tinggi, selaras dengan prinsip Islam. Dalam konteks pengurusan dokumen yang baik, pensyarah yang mengamalkan *itqan* akan mereka bentuk, menyusun dan menyimpan dokumen dengan teliti, berkualiti dan mudah dicapai. Mereka mengambil kira nilai-nilai Islam iaitu kebersihan, kekemasan dan akauntabiliti dalam setiap aspek tindakan mereka.

Dalam konteks pementoran di PolyCC, prinsip *itqan* memberikan sumbangan yang signifikan terhadap kompetensi pensyarah sebagai mentor usahawan pemula. Konsep *itqan*, yang merujuk kepada kesungguhan, kesempurnaan, dan ketekunan dalam melakukan sesuatu, jelas menunjukkan pengaruh besar dalam peningkatan kualiti pementoran. Hasil pemerhatian dan temu bual menunjukkan bahawa pensyarah yang mengamalkan *itqan* tidak hanya mengutamakan kecekapan dan kualiti dalam pengurusan dokumen dan perancangan tetapi juga menunjukkan dedikasi yang tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.

Kesungguhan dan kesempurnaan dalam pementoran dapat dilihat melalui pengurusan ruang kerja yang kemas dan teratur, serta pendokumentasian proses pementoran yang teliti. Pensyarah yang mengamalkan prinsip *itqan* memastikan bahawa semua rekod, laporan, dan dokumen penting disimpan dengan rapi, yang tidak hanya memudahkan akses tetapi juga mencerminkan tahap profesionalisme yang tinggi. Ini memberikan asas yang kukuh untuk pementoran yang sistematik dan berstruktur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam aspek perancangan dan disiplin, pensyarah menunjukkan ketekunan dalam merancang jadual, modul, dan sesi pementoran. Penggunaan strategi perancangan seperti *Gantt Chart*, modul latihan yang tersusun, dan jadual pertemuan yang konsisten menggambarkan komitmen mereka untuk mencapai kesempurnaan dalam pementoran. Pensyarah yang mengamalkan *itqan* merancang setiap aspek pementoran dengan teliti, memastikan bahawa setiap sesi dan aktiviti dijalankan dengan efisien dan berkesan. Ini termasuk menyediakan bahan-bahan yang relevan, merancang aktiviti-aktiviti penting, dan memantau kemajuan menti dengan sistematik.

Dedikasi dan ketekunan dalam pementoran juga menjadi ciri utama pensyarah yang mengamalkan *itqan*. Mereka tidak hanya meluangkan masa tambahan untuk memastikan kualiti bimbingan tetapi juga menunjukkan kesediaan untuk menyediakan sokongan berterusan kepada menti mereka. Contohnya, pensyarah yang konsisten dalam menyediakan bimbingan harian dan memantau perkembangan menti, serta memastikan mereka mematuhi jadual dan modul yang telah ditetapkan, menggambarkan penerapan prinsip *itqan* dalam amalan mereka. Kesan kepada menti juga jelas, di mana mereka mempelajari nilai-nilai seperti disiplin, pengurusan masa, dan ketelitian dari pensyarah mereka. Ini bukan sahaja memperbaiki kemahiran teknikal dan profesional menti tetapi juga membentuk sikap dan etika kerja yang positif, yang penting dalam kejayaan mereka sebagai usahawan.

Secara keseluruhan, pengamalan prinsip *itqan* dalam pementoran di PolyCC tidak hanya meningkatkan kompetensi pensyarah sebagai mentor tetapi juga memberikan impak positif yang besar kepada menti mereka. Dengan mengutamakan kesungguhan, kesempurnaan, dan ketekunan, pensyarah memastikan bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pementoran dilakukan dengan tahap profesionalisme yang tinggi dan memberikan bimbingan yang efektif dan berkualiti. Ini bukan sahaja memperkukuh hubungan mentor-menti tetapi juga memastikan pencapaian kejayaan yang lebih besar dalam konteks pementoran usahawan pemula.

5.3.5.4 *Istiqamah*

Berdasarkan kenyataan-kenyataan responden dan informan yang diperolehi, terdapat beberapa rumusan yang boleh dibuat berhubung konsep *istiqamah* dalam membimbing usahawan pemula di IPT. *Istiqamah* dalam konteks ini merujuk kepada kesungguhan dan ketabahan mentor dalam membimbing pelajar dari awal pengajian hingga selepas tamat pengajian. Daripada analisis temu bual dan dokumen, dapat dirumuskan bahawa pensyarah yang menjadi mentor adalah mereka yang komited bukan sahaja memberi tunjuk ajar pada peringkat awal, malah terus memberi sokongan dan bimbingan sepanjang perjalanan pelajar dari semester pertama hingga selepas tamat pengajian. Hubungan antara mentor dan pelajar adalah berterusan dan berpanjangan sehingga kini walaupun ada di antara menti ini sudah tamat pengajian lebih 10 tahun yang lepas. Hubungan ini merupakan satu aspek penting dalam membimbing usahawan yang baru berkembang, kerana pensyarah boleh terus membimbing dan menasihati dalam pembangunan perniagaan mereka walaupun selepas tamat pengajian.

Dapatan juga menunjukkan kesabaran yang tinggi dalam diri pensyarah semasa membimbing pelajarnya di mana kadangkala, terdapat pelajar yang mengambil masa untuk memahami sesuatu konsep atau mencapai hasil atau matlamat yang diingini. Dalam hal ini, menti dapat terus belajar dan berkembang sepanjang hayat mereka,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjadikan kegigihan dan semangat sebagai penggerak utama dalam mengejar kejayaan dalam perniagaan sebagai pendirian yang teguh dan dan tindakan yang sentiasa konsisten. Ini selari dengan maksud konsisten di dalam pendidikan yang merupakan elemen dalam ruang lingkup nilai pendidikan bercirikan Islam dalam satu hubungan sesama manusia (Pertiwi dan Anshari, 2023) dan merupakan elemen etika kerja Islam yang memberi kesan ketara kepada kebajikan pekerja (Falikhatun & Suparno, 2015) dan memberi kesan positif kepada prestasi kerja (Wijayanti et al, 2020). Elemen *istiqamah* dalam penyelidikan ini juga menepati dengan dua ayat Al Quran berikut.

فَٱسْتَقِمْ كَمَآ أُمِرْتَ وَمَن تَابَ مَعَكَ وَلَا تَطْغَوْا۟ ۚ إِنَّهُۥ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Oleh itu, hendaklah engkau (wahai Muhammad) sentiasa beristiqamhlah kamu seperti yang diperintahkan kepadamu, dan hendaklah orang-orang yang rujuk kembali kepada kebenaran mengikutmu berbuat demikian; dan janganlah kamu melampaui batas hukum-hukum Allah; sesungguhnya Allah Maha Melihat akan apa yang kamu kerjakan. (Al-Hud 11 :112)

إِنَّ ٱلَّذِينَ قَالُوا۟ رَبُّنَا ٱللَّهُ ثُمَّ ٱسْتَقَٰمُوا۟ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

Sesungguhnya orang-orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata: "Tuhan kami ialah Allah", kemudian mereka tetap *istiqamah* (dengan pengakuan iman dan tauhidnya itu), maka tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita. (Al-Ahkaf 45:13)

Berdasarkan dapatan penyelidikan, konsep *istiqamah* memainkan peranan penting dalam membimbing usahawan pemula di PolyCC. *Istiqamah* dalam konteks ini merujuk kepada keikhlasan, keteguhan dan ketekalan mentor dalam memberikan bimbingan dan sokongan kepada pelajar dari awal sehinggalah selepas tamat pengajian. Pensyarah mentor di PolyCC yang *istiqamah* adalah mereka yang bukan sahaja

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memberi tunjuk ajar di peringkat awal, malah terus memberi sokongan dan tunjuk ajar sepanjang perjalanan pelajar dari semester pertama sehinggalah tamat pengajian. Ini menunjukkan betapa pentingnya aspek kesinambungan dalam pementoran, di mana mentor boleh terus memberi khidmat nasihat dan tunjuk ajar dalam pembangunan perniagaan usahawan baru.

Selain itu, *istiqamah* juga menunjukkan kesabaran yang tinggi dalam diri mentor. Mereka memahami bahawa setiap pelajar mempunyai proses pembelajaran yang berbeza, dan mereka bersedia membantu pelajar mencapai matlamat dan keputusan yang diinginkan tanpa berputus asa. Ketekunan dan semangat adalah pemacu utama dalam mengejar kejayaan perniagaan, di mana mentor memberikan sokongan berterusan sepanjang perjalanan usahawan baru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa *istiqamah* merupakan aspek yang sangat penting dalam membentuk kompetensi mentor di PolyCC. Pensyarah yang *istiqamah* akan membimbing usahawan baru dengan penuh keikhlasan, konsisten dan tabah sepanjang perjalanan pembangunan perniagaan. Mereka adalah teladan yang memupuk semangat ketabahan, kemantapan akidah, dan kesungguhan bertindak dalam usaha mencapai kejayaan. Semua ini membawa kepada pembangunan keusahawanan yang mantap, berterusan dan berkualiti tinggi, memberi manfaat kepada masyarakat dan ekonomi secara keseluruhan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.5.5 Psikospiritual Islam

Daripada dapatan penyelidikan, didapati bahawa pegangan agama adalah merupakan inspirasi kepada pensyarah untuk menjalankan tanggungjawab sebagai mentor usahawan pemula dengan bersungguh-sungguh. Elemen ini adalah psikospiritual Islam yang merujuk kepada kerangka psikologi nilai-nilai Islam yang berkaitan secara langsung dengan manusia yang merujuk kepada amalan yang berkaitan dengan rukun-rukun agama seperti Rukun Iman, Islam, dan *ihsan*. Konsep ini digunakan oleh individu yang menghadapi pelbagai masalah yang melibatkan aspek-aspek diri manusia, sama ada dari segi fizikal atau lebih penting lagi, dalam aspek rohaniah (Muhamad Afiq, Abd Razak, and Zainal Abidin Mohd Syukri, 2020).

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Penyelidikan-penyelidikan lepas telah membuktikan bahawa terapi psikospiritual Islam mempunyai kesan positif kepada pelbagai aspek kehidupan manusia. Pendekatan ini menekankan pentingnya terapi psikospiritual yang teratur dan berfokus untuk mencapai kesan positif (Rosni et al, 2019). Dari segi epistemologi, psikospiritual Islam bersumberkan daripada dua sumber utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Ilmu ini juga diperkaya dengan mengambil manfaat daripada pengalaman orang-orang *soleh* dari zaman silam seperti al-Ghazali, Abu Talib al-Makki, Ibn Qayyim al-Jauzi, dan lain-lain (Muhamad Afiq, Abd Razak, and Zainal Abidin Mohd Syukri, 2023).

Garis panduan psikospiritual Islam bagi kaunselor semasa pandemik Covid-19 bertujuan untuk menyediakan persiapan psikospiritual yang menyeluruh dan selaras dengan nilai-nilai rohaniah dalam Islam, yang merangkumi elemen-elemen asas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

manusia (Rahman et al, 2023) mempunyai konsep yang hampir sama dengan dapatan penyelidikan ini. Psikospiritual Islam adalah satu pendekatan terapi yang menggabungkan unsur psikologi dan rohaniah, berdasarkan prinsip-prinsip agama Islam yang mengikut Syariah. Matlamatnya adalah untuk mencapai keseimbangan dalam diri, jiwa, dan semangat individu. Pendekatan ini berbeza daripada pendekatan psikologi barat yang lebih memberi tumpuan kepada aspek intelektual dan deria (Rahman et al, 2023).

Berdasarkan konsep ini, kita dapat memahami bahawa *ihsan* adalah ketelitian dan pemantauan diri yang mendalam tentang berbuat kebaikan untuk kepentingan bersama antara mentor dan menti, manakala *itqan* adalah usaha untuk mencapai kecemerlangan dalam tindakan dan pengurusan. Namun, dalam pengurusan yang cemerlang yang berlandaskan nilai-nilai Islam, *ihsan* dan *itqan* sebaiknya digunakan bersama-sama untuk memastikan tindakan dan pengurusan mencapai standard yang tinggi, dan juga untuk mencapai prestasi dan pencapaian organisasi atau individu.

Memandangkan mentor adalah individu yang ekstraversi, pementoran itu sendiri, sangat memerlukan pengorbanan yang sangat tinggi, samada dari segi masa, tenaga dan wang ringgit. Ketika mentor merasa penat atau lelah dalam menjalankan tugas, mentor mengingatkan diri mereka untuk mengingati Allah, di mana mengingatkan bahawa apa yang dilakukan adalah kerana Allah *(Lillahitaala)* dan merupakan bekalan untuk ke akhirat kelak. Hal ini dapat memberikan motivasi dan ketenangan kepada mentor bagi menghadapi cabaran kepenatan dan kelelahan ini yang jelas menunjukkan konsep *ihsan* dan *taklif* di situ.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesukaran yang dilalui oleh pensyarah sebagai mentor usahawan bukanlah semata-mata kepada usaha pementoran, tetapi termasuk menghadapi kritikan dan pertikaian daripada rakan sekerja yang adakalanya menyebabkan pensyarah berasa sedih, tertekan, atau kecewa. Namun begitu, dengan berpegang kepada amalan psikospiritual Islam, pensyarah dapat bangkit dan meneruskan kecemerlangan dalam kerjaya sebagai pensyarah dan mentor usahawan. Manusia yang kuat dan dicintai Allah adalah yang kuat imannya dan mampu melaksanakan tanggungjawab dan menyempurnakan tanggungjawabnya seperti dinyatakan di dalam hadis berikut.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ الْقَوِيُّ خَلِّ إِلَى اللَّهِ مِنْ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ وَفِي كُلٍّ خَيْرٌ احْرِصْ عَلَى مَا يَنْفَعُكَ وَاسْتَعِنْ بِالْعَلْهَ ابَكَ شَيْءٌ فَلَا تَقُلْ لَوْ أَنِّي فَعَلْتُ كَانَ كَذَا وَكَذَا وَلَكِنْ قُلْ قَدَرُ الْتُ كَانَ كَذَا وَكَذَا وَلَكِنْ قُلْ قَدَرُ اللَّهِ قَدَرُ اللَّهِ لَوْ تَفْتَحُ عَمَلَ الشَّيْطَانِ

Daripada Abu Hurairah RA dia berkata; "Rasulullah SAW bersabda: 'Mukmin yang kuat lebih baik dan lebih dicintai oleh Allah SWT daripada Mukmin yang lemah. Pada masing-masing memang terdapat kebaikan. Bersemangatlah melakukan hal yang bermanfaat untukmu dan meminta tolong kepada Allah, serta janganlah engkau malas (menjadi orang yang lemah). Apabila kamu tertimpa suatu kemalangan, maka jangan kamu katakan; 'Seandainya tadi aku berbuat begini dan begitu, nescaya tidak akan bermula dan begini'. Tetapi katakanlah; 'lni sudah takdir Allah dan apa yang dikehendaki-Nya pasti akan dilaksanakan- Nya.Dan jauhilah olehmu dari ucapan 'Seandainya' (kalau), kerana sesungguhnya ungkapan 'Seandainya' (kalau) membuka peluang masuknya syaitan"

(HR Muslim No: 4816) Status: Hadis Sahih)

Daripada hadis tersebut, Rasulullah SAW memerintahkan agar umatnya bersemangat dalam melakukan hal-hal yang bermanfaat dalam perkara yang berkaitan dengan agama dan dunia untuk menjadi hamba yang lebih baik dan lebih dicintai Allah. Jika berlaku sesuatu yang kurang menyenangkan, sebagai hamba, kita perlu reda di atas ketetapan takdir dengan hati yang tenang kerana apa sahaja yang berlaku di dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kehidupan manusia adalah merupakan ujian kepada Rukun Iman yang keenam iaitu kepercayaan kepada qada' dan qadar dari Allah SWT.

Melalui elemen psikospiritual agama ini, seorang pensyarah dapat membantu menangani pelbagai situasi dan cabaran dalam perjalanan melahirkan usahawan pemula, dengan reda iaitu bersedia melaksanakan sesuatu dengan ikhlas kerana Allah, sentiasa berdoa dan diikuti bertawakal kepada Allah dengan meletakkan kebergantungan dan kepercayaan yang tinggi terhadap Allah.

Di akhirnya *ihsan, itqan, istiqamah* dan *taklif* diterjemahkan kepada sistem pengurusan pementoran yang sistematik, teratur, terancang dan mudah untuk dicapai menjadikan proses pementoran usahawan pemula di IPT itu dapat dilaksanakan dengan baik walaupun ianya satu peranan yang agak berat dan sukar. Pensyarah dapat mengambil keputusan yang lebih baik, menjaga integriti, maruah dan mempertahankan komitmen terhadap kerjaya berdasarkan pegangan terhadap psikospiritual Islam ini.

Integrasi mendalam prinsip-prinsip Islam ke dalam peranan pensyarah sebagai mentor usahawan, dapat mengungkapkan bagaimana psikispiritual Islam memotivasi usaha pensyarah untuk membimbing dan menyokong usahawan pemula di PolyCC seperti di dalam **Jadual 5.5**.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.5

Bagaimana psikospiritual Islam menyumbang dalam kelestarian perniagaan usahawan pemula?

Elemen psikospiritual Islam	Tindakan mentor (pensyarah)	Kesan kepada menti (pelajar)
Taklif	i) Sumber pahala ii) Bekalan ke sana iii) Untuk ibu dan ayah iv) Saham akhirat	*Taklif* menjadi sumber kekuatan kepada pensyarah untuk terus bertahan dalam pementoran usahawan pemula. Hasil dari *ihsan* memacu kepada *itqan* agar pementoran dapat berjalan dengan baik samada sebelum, semasa dan selepas pementoran. Penat lelah pensyarah ditepis melalui sandaran kepada prinsip *taklif* yang menyebabkan mereka lebih bersemangat untuk melahirkan usahawan yang lestari selepas menamatkan pengajian. Manakala sikap *istiqamah* adalah kunci tindakan yang berterusan dalam pementoran dan diakhiri dengan tawakkal kepada Allah. Adunan kesemua elemen psikospiritual Islam ini sangat membantu pensyarah dalam proses pementoran usahawan pemula sehingga usahawan turut bersemangat dalam mengekalkan perniagaan mereka.
Ihsan	i) Berbuat baik	
Itqan	i) Perancangan strategik ii) Pelaksanaan yang baik iii) Pendokumentasian berkualiti	
Istiqamah	i) Dari semester satu sehingga setelah tamat pengajian (sekarang)	

5.3.6 Persoalan Penyelidikan Keenam: Apakah Kerangka Model Kompetensi Mentor Usahawan Pemula Dalam Kalangan Pensyarah?

Penyelidikan ini telah membangunkan satu Model Kompetensi Pensyarah sebagai Mentor Keusahawanan, yang merupakan satu sumbangan baharu dalam bidang pementoran keusahawanan akademik. Model ini berasaskan prinsip yang dikemukakan oleh David McClelland, yang menegaskan bahawa faktor kejayaan seseorang individu harus dikenalpasti dan diajar kepada orang lain, merangkumi pengetahuan, kemahiran, pengalaman, dan personaliti (Megahed, 2018). Ashok dan Kayalvizhi (2024) pula menambah bahawa selain daripada aspek tersebut, nilai, karakter, dan motivasi dalaman

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

turut menjadi elemen kritikal yang membezakan kecemerlangan seseorang individu daripada yang lain. Dapatan kajian ini mendapati bahawa terdapat lima elemen utama yang menjadi asas dalam membentuk kompetensi seorang pensyarah sebagai mentor usahawan, iaitu:

i) Personaliti

ii) Pengalaman perniagaan

iii) Kemahiran

iv) Pengetahuan

v) Aspek psikospiritual agama

Model ini bukan sahaja mengukuhkan peranan pensyarah dalam membimbing usahawan pemula di IPT, tetapi juga memperkenalkan satu dimensi baharu dalam pementoran keusahawanan dengan menekankan elemen psikospiritual, yang berupaya memberikan kesan mendalam terhadap keberkesanan bimbingan serta kelestarian perniagaan menti.

Personaliti Sebagai Faktor Penting dalam Pementoran

Elemen personaliti memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan hubungan mentor-menti. Penyelidikan ini mendapati bahawa altruisme, *enthusiasm*, dan harmonisme merupakan tiga ciri utama yang diperlukan oleh seorang mentor keusahawanan yang berkesan. Altruisme mencerminkan keikhlasan dalam membantu menti tanpa mengharapkan balasan, *enthusiasm* memupuk semangat tinggi dalam diri mentor untuk terus membimbing menti dan menyemai semangat kepada menti agar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kuat berusaha dalam perniagaan mereka, sementara harmonisme memastikan hubungan yang kondusif dan saling mempercayai antara mentor dan menti agar dapat berkekalan walaupun sudah bergraduasi.

Dalam konteks pementoran keusahawanan, personaliti yang positif ini bukan sahaja mempengaruhi motivasi dan daya tahan menti, tetapi juga memberikan inspirasi kepada mereka untuk meneruskan usaha keusahawanan walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran. Penyelidikan ini menunjukkan bahawa pensyarah yang memiliki ketiga-tiga ciri personaliti ini lebih berjaya dalam membimbing menti mereka dalam mencapai kelestarian perniagaan.

Pengalaman Perniagaan sebagai Asas Pementoran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengalaman perniagaan merupakan elemen kritikal dalam model kompetensi ini. Dapatan penyelidikan menunjukkan bahawa pensyarah yang mempunyai pengalaman langsung dalam keusahawanan lebih mampu membimbing menti dengan pendekatan yang lebih realistik dan berkesan. Tiga pendekatan utama yang dikenalpasti dalam penyelidikan ini adalah:

- Aplikasi pengalaman sendiri – Pensyarah menggunakan pengalaman perniagaan mereka sendiri untuk memberikan pementoran kepada menti.
- Imitasi pengalaman usahawan lain – Pensyarah memanfaatkan pembelajaran daripada kejayaan dan kegagalan usahawan lain sebagai panduan kepada menti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- Adaptasi pengalaman mentor lain – Pensyarah mengguna pakai strategi yang terbukti berjaya melalui pendekatan triad mentor, iaitu mempelajari daripada mentor lain yang lebih berpengalaman.

Pendekatan ini bukan sahaja membolehkan pensyarah menyediakan bimbingan yang lebih praktikal dan kontekstual, tetapi juga membantu menti memahami realiti dunia perniagaan dengan lebih jelas.

Kemahiran Sebagai Alat untuk Pementoran Berkesan

Penyelidikan ini turut mengenalpasti bahawa kemahiran komunikasi dan penggunaan teknologi merupakan dua aspek penting dalam membentuk kompetensi pensyarah sebagai mentor keusahawanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- Kemahiran komunikasi membolehkan pensyarah berinteraksi secara efektif dengan menti, memberikan maklum balas yang membina, serta membimbing menti dalam mengenal pasti kekuatan dan kelemahan mereka.
- Kemahiran penggunaan teknologi memainkan peranan penting dalam dunia perniagaan moden, khususnya dalam aspek pemasaran digital, analisis data, dan pembinaan jaringan perniagaan.

Pensyarah yang memiliki kedua-dua kemahiran ini lebih berupaya untuk memberikan bimbingan yang relevan dan seiring dengan perkembangan semasa, sekaligus membantu menti membangunkan strategi perniagaan yang lebih mampan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengetahuan Keusahawanan Sebagai Asas Pementoran

Pengetahuan tentang teori keusahawanan dan dunia perniagaan sebenar adalah elemen kompetensi yang tidak boleh diabaikan dalam model ini. Pensyarah sebagai mentor perlu memahami:

- Konsep asas keusahawanan seperti inovasi, pengurusan risiko, dan strategi pemasaran.
- Dinamika dunia perniagaan sebenar, termasuk trend pasaran, teknologi terkini, dan cabaran yang dihadapi oleh usahawan.
- Strategi membangun dan mengurus perniagaan, sama ada melalui modal sendiri atau pelaburan pihak ketiga.

Pengetahuan ini boleh diperoleh melalui kelayakan akademik dalam bidang keusahawanan, pengalaman industri, atau usaha pensyarah sendiri seperti menghadiri latihan, kursus dan seminar berkaitan. Dengan pengetahuan yang mantap, pensyarah bukan sahaja mampu membimbing menti secara lebih berkesan, tetapi juga dapat membantu mereka membuat keputusan perniagaan yang lebih strategik dan berinformasi.

Aspek Psikospiritual Agama Sebagai Elemen Novel dalam Model Kompetensi

Penyelidikan ini memperkenalkan aspek psikospiritual Islam sebagai elemen novelti dalam model kompetensi mentor keusahawanan, menekankan bahawa motivasi dalaman berasaskan nilai agama memainkan peranan penting dalam meningkatkan keberkesanan pementoran. Empat prinsip utama psikospiritual Islam yang dikenal pasti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iaitu *taklif, ihsan, itqan,* dan *istiqamah* menjadi faktor pendorong yang memperkukuh kompetensi pensyarah mentor, sekaligus menyumbang kepada kelestarian perniagaan menti. Dalam konteks Teori Kompetensi McClelland, motivasi merupakan asas utama yang membezakan individu berprestasi tinggi daripada yang biasa. Penyelidikan ini mendapati bahawa *taklif* (tanggungjawab sebagai amanah) berkait dengan motivasi kuasa, di mana pensyarah mentor merasa bertanggungjawab terhadap kejayaan menti sebagai satu bentuk ibadah dan tanggungjawab sosial. Manakala *ihsan* dan *itqan* (melakukan yang terbaik dengan penuh dedikasi) mencerminkan motivasi pencapaian, mendorong mentor untuk membimbing menti dengan kesungguhan, disiplin, dan komitmen tinggi terhadap kecemerlangan. *Istiqamah* (konsistensi dalam bimbingan) pula selari dengan motivasi daya tahan, memastikan pensyarah terus menyokong menti dalam menghadapi cabaran keusahawanan dan memastikan kelangsungan perniagaan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penemuan ini juga sejajar dengan dapatan Kumar & Kayalvizhi (2024) yang menegaskan bahawa motivasi dan nilai adalah faktor pembeza individu berprestasi tinggi, serta bahawa kompetensi tidak hanya bergantung kepada kemahiran dan pengetahuan, tetapi juga kepada dorongan dalaman. Oleh itu, integrasi psikospiritual Islam dalam model kompetensi pementoran dapat dianggap sebagai nilai tambahan yang memperkukuh teori McClelland, memberikan dimensi baharu kepada pementoran keusahawanan yang lebih holistik. Secara keseluruhannya, kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada literatur akademik dalam bidang keusahawanan, tetapi juga memperkenalkan satu rangka kerja kompetensi pensyarah sebagai mentor keusahawanan yang lebih menyeluruh, menggabungkan aspek teknikal, pengalaman, personaliti, serta nilai psikospiritual. Dengan adanya pendekatan ini, diharapkan ia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dapat menjadi rujukan utama dalam memperkasakan peranan pensyarah sebagai mentor, sekaligus menyumbang kepada peningkatan kadar kejayaan dan kelestarian perniagaan dalam kalangan pelajar usahawan di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia.

5.4 Implikasi Penyelidikan

Daripada penyelidikan, sumbangan teori dan praktikal berkaitan bagaimana seorang pensyarah boleh melaksanakan tugas sebagai mentor usahawan pemula di IPT telah dihasilkan baik secara teori mahupun praktis. Model Kompetensi Pensyarah sebagai Mentor Keusahawanan ini memberikan implikasi yang luas terhadap:

1. Institusi Pendidikan Tinggi – Model ini boleh dijadikan garis panduan dalam pembangunan pensyarah sebagai mentor keusahawanan, dengan menyediakan latihan dan program pembangunan profesional yang lebih sistematik.
2. Pembuat Dasar – Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) serta Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) boleh menggunakan model ini sebagai asas dalam merangka dasar dan polisi berkaitan pementoran keusahawanan di IPT.
3. Program Pementoran – Model ini boleh diterapkan dalam kurikulum keusahawanan, bagi memastikan pementoran yang diberikan lebih komprehensif, strategik, dan berasaskan nilai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.1 Sumbangan Teori

Dalam bab satu, penyelidik telah menjelaskan bahawa penyelidikan ini dibina berdasarkan kerangka kompetensi yang telah disusun melalui sintesis beberapa penyelidikan terdahulu. Isu utama yang dihadapi dalam penyelidikan ini ialah kekurangan mentor untuk membimbing dan menyokong usahawan pemula di IPT. Kekurangan ini menyebabkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan adalah melebihi 40 000 graduan bagi tahun 2018-2022. Penyelidikan ini membina asas daripada model pementoran keusahawanan sedia ada dengan memperkenalkan kerangka kompetensi mentor usahawan yang lebih tersusun, menggabungkan komponen teknikal dan psikospiritual dalam pementoran keusahawanan. Berbeza dengan Teori Kompetensi McClelland, yang lebih menekankan faktor motivasi dan prestasi individu (McClelland, 1963 dalam Kumar & Kayalvizhi, 2024), kerangka yang dibangunkan dalam penyelidikan ini menekankan nilai etika dalam pementoran serta strategi keusahawanan digital sebagai elemen penting dalam membimbing usahawan pemula.

Selain itu, jika dibandingkan dengan model pembangunan usahawan pemula tradisional yang berstruktur (Street et al., 2022; Kubberød & Ladegard, 2021), kerangka ini menawarkan pendekatan yang lebih adaptif dan berasaskan nilai, sejajar dengan konteks PolyCC serta berpotensi untuk diadaptasi di peringkat antarabangsa. Lima elemen utama dalam model ini iaitu personaliti, pengalaman, kemahiran, pengetahuan, dan psikospiritual Islam telah dikenalpasti sebagai elemen utama yang menyokong keberkesanan pementoran dalam membantu pelajar mengekalkan perniagaan mereka. Kerangka kompetensi ini diperincikan dalam **Rajah 5.2**, yang menggambarkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

elemen-elemen yang membentuk keupayaan pensyarah sebagai mentor usahawan, manakala **Rajah 5.3** (Diagram Sinergi Pementoran Keusahawanan - DSPK) menunjukkan bagaimana interaksi antara mentor, menti, jaringan, serta strategi tindakan memainkan peranan dalam memastikan pementoran keusahawanan yang efektif. Implikasi daripada dapatan ini bukan sahaja menyumbang kepada literatur akademik dalam bidang pementoran keusahawanan tetapi juga boleh menjadi rujukan bagi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dalam memperkasakan program pementoran keusahawanan di institusi pendidikan tinggi (IPT).

5.4.1.1 Model Rangka Kerja Kompetensi Pensyarah Sebagai Mentor Usahawan Pemula

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidikan ini telah menghasilkan penemuan baharu dengan menambah elemen pegangan agama sebagai komponen penting dalam kerangka kompetensi pensyarah sebagai mentor usahawan pemula di institusi TVET (PolyCC). Dapatan ini bukan sahaja meluaskan pemahaman terhadap kerangka kompetensi McClelland, tetapi juga membuktikan bahawa nilai psikospiritual Islam iaitu *taklif, , itqan, istiqamah* dan *ihsan* merupakan unsur integrasi penting dalam memastikan kelestarian bimbingan keusahawanan. Dapatan ini memperkukuhkan hujah bahawa teori Barat yang bersifat *universal* seperti McClelland (1973) boleh diadaptasi dengan nilai tempatan dan agama, selaras dengan penyelidikan Abdullah, Zain, Tajuddin dan Foziah (2023). Penyelidikan tersebut menekankan bahawa nilai Islam bukan sekadar komponen sampingan, tetapi menjadi asas moral yang menyeluruh dalam membentuk tingkah laku, disiplin, dan integriti usahawan. Penyelidikan ini mengesahkan dan pada masa yang sama memperluas pandangan tersebut dengan menunjukkan bahawa integrasi nilai Islam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mampu memperkukuh peranan pensyarah sebagai mentor, bukan hanya individu usahawan.

Dapatan kajian ini yang menekankan elemen *taklif* menunjukkan bahawa pensyarah PolyCC menganggap peranan mereka sebagai mentor bukan sekadar tugas profesional, tetapi amanah spiritual. Hal ini meletakkan peranan pensyarah dalam dimensi yang lebih tinggi, bukan sahaja mengajar keusahawanan tetapi membimbing dengan penuh kesedaran tanggungjawab kepada Allah SWT. Perkara ini selaras dengan Abdullah, Zain, Tajuddin dan Foziah (2023) yang menekankan konsep kebertanggungjawaban, malahan penyelidikan ini menambah nilai dengan memposisikan *taklif* (kebertanggungjawaban) sebagai satu bentuk elemen kompetensi yang membawa implikasi akhirat. Selain itu, elemen *ihsan* yang ditemui dalam penyelidikan ini memperlihatkan bahawa pensyarah mendidik dengan penuh keikhlasan dan kasih sayang, bukan sekadar menunaikan KPI institusi. Teori McClelland menekankan keperluan etika dan moral, tetapi penyelidikan ini menegaskan bahawa psikospiritual Islam memberi kelebihan kompetitif kepada pensyarah dalam membina hubungan mentor-menti yang lebih bermakna, yang akhirnya menyumbang kepada kelestarian perniagaan pelajar. Begitu juga dengan *istiqamah*, yang dalam kajian ini muncul sebagai faktor kritikal terhadap kesinambungan bimbingan. Abdullah et.al (2023) menegaskan disiplin sebagai satu nilai Islam yang penting, tetapi dapatan ini mengangkat *istiqamah* sebagai bentuk komitmen berpanjangan yang bukan sahaja menjamin konsistensi pensyarah dalam membimbing, malah memberi inspirasi kepada pelajar untuk mencontohi kesungguhan tersebut dalam perjalanan keusahawanan mereka. Oleh itu, penyelidikan ini bukan sahaja menyokong penyelidikan terdahulu, tetapi juga menambah lapisan baharu dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

literatur dengan mengaplikasikan nilai Islam secara kontekstual dalam dunia pementoran keusahawanan di institusi TVET. Sumbangan ini menampilkan penyepaduan teori Barat dengan nilai tempatan, sekali gus memperlihatkan bahawa pembangunan model kompetensi tidak boleh bersifat "satu acuan untuk semua" *(one-size-fits-all),* sebaliknya perlu mengambil kira realiti sosio-budaya dan keagamaan setempat.


Penyelidikan ini juga menunjukkan bahawa pensyarah perlu mempunyai i) personaliti lima utama yang kuat yang disinergikan kepada tiga isme iaitu altruisme, *enthusiasm* dan harmonisme, ii) pengalaman yang merangkumi aplikasi, imitasi dan adaptasi pengalaman, iii) kemahiran pementoran dan kemahiran perniagaan, iv) pengetahuan dalam bidang keusahawanan dan perniagaan dan v) kepercayaan kepada nilai-nilai psikospiritual Islam sebagai nilai positif yang dipegang dan disematkan dalam diri, adalah elemen penting untuk berperanan sebagai mentor usahawan. Jadi, jika pensyarah merasakan diri mereka tidak terlatih atau tidak layak, hal ini mungkin disebabkan oleh kekurangan pemahaman atau ketelitian terhadap faktor-faktor ini. Dalam konteks KPT, kecenderungan pensyarah untuk memahami diri mereka tidak terlatih mungkin dapat diatasi dengan mengambil langkah-langkah seperti menyusun program latihan yang khusus memfokuskan kepada pembangunan kompetensi mentor usahawan, bengkel atau seminar agar dapat menyediakan platform untuk meningkatkan ketelitian dan pengetahuan pensyarah tentang keperluan dan persediaan untuk menjadi mentor usahawan.. Model rangka kerja kompetensi pensyarah sebagai mentor usahawan yang dihasilkan daripada penyelidikan ini telah mendapat persijilan Hak Cipta dari Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dengan nombor sijil MyIPO CRLY2025W07108 dan dijelaskan dalam **Rajah 5.2** berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 5.2

Rangka Kerja Kompetensi Pensyarah Sebagai Mentor Usahawan Pemula (MyIPO CRLY2025W07108)



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemberian insentif kepada pensyarah yang dilantik sebagai mentor usahawan pemula juga mempunyai peranan penting dalam memotivasi dan mendorong minat mereka untuk terlibat secara aktif dalam peranan pementoran. Pemberian insentif adalah cara yang berkesan untuk menghargai dan mengiktiraf peranan mentor usahawan sebagai sesuatu yang bernilai dan memberi mesej kepada pensyarah bahawa usaha mereka dalam membimbing dan menyokong usahawan pemula dihargai oleh institusi. Insentif juga dapat meningkatkan motivasi pensyarah, memberikan dorongan tambahan agar mereka lebih aktif dan berkomitmen dalam peranan pementoran kerana ganjaran kewangan ataupun bukan kewangan adalah merupakan satu keinginan lumrah bagi seorang pekerja bagi memacu komitmen yang lebih tinggi dalam kerjaya. Dengan menyediakan ganjaran yang bersifat positif, lebih banyak pensyarah mungkin bersedia untuk mengambil tanggungjawab sebagai mentor.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan memberikan insentif, institusi dapat menarik pensyarah berkualiti tinggi dan berpengalaman untuk menjadi mentor usahawan kerana ianya dapat meningkatkan kualiti pementoran dengan melibatkan pensyarah yang mempunyai kemampuan dan pengetahuan yang relevan dalam dunia keusahawanan. Daripada penyelidikan, jelas menunjukkan peranan mentor memerlukan waktu dan usaha yang lebih berbanding daripada pensyarah yang bukan mentor, maka insentif dapat membantu mewujudkan keseimbangan beban kerja dengan memberikan pengakuan untuk peranan tambahan yang dijalankan oleh pensyarah. Jadi, kenyataan KPT tentang pensyarah yang tidak berminat menjadi mentor usahawan dan pemahaman daripada penyelidikan ini adalah berkaitan rapat. Beberapa cadangan di atas, diharapkan dapat membantu mengatasi masalah ini dengan menyediakan langkah-langkah yang kukuh dan praktikal. Melalui pendekatan ini, diharapkan pensyarah akan lebih terdorong dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bersedia untuk mengambil peranan sebagai mentor usahawan pemula di IPT, memberi manfaat yang lebih besar kepada pelajar dan membina ekosistem keusahawanan dalam institusi pengajian tinggi.

5.4.1.2 Diagram Sinergi Pementoran Keusahawanan (DSPK)

Pementoran melibatkan hubungan jangka panjang di mana seorang mentor yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang lebih luas berkongsi pengalaman, pengetahuan, serta wawasan kepada seseorang individu yang tidak atau kurang berpengalaman dalam bidang tertentu. Seorang pensyarah atau ahli akademik boleh menjadi mentor bagi usahawan pemula dengan berkongsi pengalaman dan pengetahuan yang dimiliki. Pementoran akan lebih fokus kepada usahawan berdasarkan pengalaman-pengalaman yang telah dialami oleh mentor atau individu lain dalam industri yang sama. Sebagai mentor, seorang pensyarah dapat memberikan panduan berdasarkan objektif akademik dan amalan perniagaan yang dimiliki.

Hakikatnya pensyarah merupakan ahli akademik dan bukannya ahli perniagaan sepenuh masa. Oleh itu untuk memperoleh pengalaman, pengetahuan dan kemahiran untuk membimbing usahawan pemula, pensyarah perlu mengambil inisiatif sendiri samada melalui pembacaan, penyelidikan, menghadiri kursus, latihan, seminar, bergaul rapat dengan usahawan sebenar, mencari mentor yang berpengalaman sebagai mentor usahawan, membina jaringan perniagaan samada dengan individu atau agensi berkaitan keusahawanan mahupun menonton dokumentari-dokumentari usahawan berjaya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada penyelidikan ini, satu konsepsual berbentuk Diagram Sinergi Pementoran Keusahawanan (DSPK) atau *"Entrepreneurship Mentoring Synergy Diagram (EMSD)"* telah dihasilkan. DSPK atau *EMSD* membawa maksud bahawa elemen-elemen ini bekerjasama secara sinergi untuk perkembangan dan pertumbuhan dalam keusahawanan seterusnya melestarikan perniagaan. DSPK/*EMSD* adalah suatu visualisasi yang menggambarkan hubungan dan interaksi antara elemen-elemen yang terlibat dalam pementoran keusahawanan. Elemen-elemen ini termasuk mentor (pensyarah atau pembimbing), menti (penerima pementoran atau pelajar), serta konsep hubungan dan interaksi dengan pihak luar (jaringan perniagaan) serta tindakan yang diambil untuk membangunkan perniagaan.


Diagram ini bertujuan untuk menunjukkan bagaimana elemen-elemen tersebut saling berinteraksi dan saling mempengaruhi dalam rangka mencapai tujuan pertumbuhan dan perkembangan dalam konteks perniagaan. "Sinergi" mengacu pada konsep kolaborasi yang kuat, di mana kerjasama dan interaksi di antara elemen-elemen ini memberikan hasil yang lebih besar daripada jika elemen-elemen ini bekerja secara berasingan. Dalam diagram ini, anak panah dan label adalah menunjukkan bagaimana setiap elemen saling menyumbang dan berinteraksi dengan elemen lain. Diagram ini membantu untuk memberikan pandangan visual yang lebih jelas tentang bagaimana elemen-elemen ini bekerja bersama untuk menghasilkan satu gambaran proses pementoran perniagaan yang lebih baik terutama kepada usahawan pemula di IPT. **Rajah 5.3** yang berikut merupakan gambarajah yang menggambarkan DSPK/*EMSD* yang telah mendapat persijilan Hak Cipta dari Perbadanan Harta Intelek Malaysia (Myipo) dengan nombor sijil MyIPO CRLY2025W07109 dan telah diterbitkan di jurnal berindeks Scopus Q3 (Hashim & Wahid, 2024).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 5.3

Diagram Sinergi Pementoran Keusahawanan (DSPK) atau "Entrepreneurship Mentoring Synergy Diagram (EMSD)" MyIPO CRLY2025W07109



Secara praktikalnya, DSPK/*EMSD* menyediakan hala tuju yang lebih jelas dan strategi yang lebih berkesan untuk mentor dalam membimbing usahawan permula di IPT. Ini menghasilkan interaksi pementoran yang lebih produktif, membantu memulakan pembangunan perniagaan dan merangsang perkembangan peribadi pensyarah sebagai mentor usahawan berdasarkan kepada prinsip 2T2M yang terkandung dalam setiap kotak di dalam diagram tersebut. Prinsip 2T2M adalah i) memastikan menti terus TERINSPIRASI (T) ii) memastikan menti mempunyai MINAT (M), iii) memastikan menti sentiasa MAKLUM (M) dan iv) memastikan menti sentiasa TERLIBAT (T).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i) Kotak Mentor: Memastikan Menti Terus Terinspirasi (T)

Di dalam kotak ini, prinsip utama adalah memastikan menti terus terinspirasi (T) yang mana melibatkan usaha mentor dalam mengekalkan semangat dan inspirasi usahawan pemula itu sepanjang perjalanan perniagaan mereka. Pengekalan semangat dan inspirasi ini adalah datang daripada diri mentor dan bukannya dari menti. Beberapa langkah yang boleh diambil termasuk:

a) Kisah Kejayaan: Mentor boleh berkongsi kisah usahawan lain yang telah mengharungi cabaran yang sama dalam mencapai kejayaan.
b) Tetapkan Matlamat Utama: Mentor perlu membantu menti merancang matlamat utama dan benarkan menti bercita-cita tinggi yang boleh memberi inspirasi kepada mereka untuk meneruskan perniagaan.
c) Pujian: Mentor perlu menghargai usaha dan pencapaian menti secara berkala untuk mengekalkan semangat mereka.
d) Menjadi inspirasi atau model peranan: Mentor perlu menunjukkan personaliti yang terbaik (altruisme, *enthusiasm* dan harmonisme) untuk dicontohi dan menjadi inspirasi kepada menti.

Dengan menggunakan prinsip ini untuk membimbing usahawan permulaan di IPT, pensyarah boleh membantu membina penglibatan, minat dan semangat yang kukuh di kalangan usahawan pemula di IPT. Di dalam diri mentor perlu memiliki altruisme, *enthusiasm*, harmonisme, berpegang kepada nilai psikosipiritual agama dan perlu tangkas iaitu mudah respon kepada perubahan semasa dengan mengambil inisiatif sendiri dalam membangunkan diri sendiri. Dengan cara itu, mereka akan lebih bersedia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk menghadapi cabaran dalam dunia perniagaan dan memacu pertumbuhan perniagaan mereka dengan keyakinan yang tinggi.

ii) Kotak Menti: Memastikan Menti Mempunyai Minat (M)

Di dalam kotak ini, prinsip utama pementoran adalah memastikan menti terus mempunyai minat terhadap perniagaan mereka melalui usaha sebenar sebagai seorang usahawan. Prinsip ini bermakna memastikan menti benar-benar mempunyai minat dan motivasi untuk mengembangkan dan membangunkan perniagaan mereka. Sebagai mentor, pensyarah boleh mengambil langkah-langkah seperti:

a) Pendekatan Peribadi: Mentor perlu mengenal pasti minat dan matlamat usahawan yang sedang berkembang. Bincangkan apa yang mendorong mereka untuk memulakan perniagaan.
b) Matlamat Berkaitan: Mentor perlu membantu merumuskan matlamat yang relevan dengan minat dan matlamat menti. Ini akan membantu mengekalkan motivasi menti dalam jangka masa panjang.
c) Cipta Penglibatan: Mentor perlu menjemput menti untuk jujur tentang visi mereka, dan cara perniagaan mereka, agar pensyarah dapat membantu memenuhi hasrat perniagaan peribadi menti.
d) Triad mentor (terbuka dan tertutup): Mentor harus memberi peluang kepada menti untuk mendapat pengalaman yang lebih luas dalam bidang keusahawanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks ini, menti memainkan peranan penting dalam pementoran keusahawanan dengan berkongsi visi untuk mengekalkan perniagaan bersama mentor, berbincang strategi untuk mencapai matlamat perniagaan, membina budaya positif dalam perniagaan, dan memastikan sentiasa mempunyai minat dan semangat terhadap perniagaan. Melalui kerjasama erat dengan mentor, menti tidak hanya melaksanakan konsep dan panduan yang diberikan, tetapi juga bertanggungjawab untuk mempraktikkan nilai-nilai keusahawanan, meningkatkan kemahiran, dan melaksanakan strategi yang berkesan untuk mencapai kejayaan jangka panjang dalam perniagaan mereka.

iii) Kotak Jaringan: Memastikan Menti Sentiasa Maklum (M)

Prinsip ini adalah merujuk kepada sikap prihatin pensyarah dengan memastikan usahawan pemula kekal terkini dan relevan tentang industri dan perniagaan mereka. Beberapa cara untuk mencapainya ialah:

i) Perkongsian Sumber: Mentor perlu memaklumkan kepada menti untuk terus membaca, mengikuti perkembangan industri dan melanggan berita terkini.
ii) Jaringan Perniagaan: Mentor perlu membantu menti membangunkan rangkaian dengan rakan usahawan dan profesional dalam industri mereka termasuk agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dengan keusahawanan.
iii) Seminar: Mentor perlu menggalakkan menti menghadiri seminar, bengkel dan aktiviti perniagaan yang berkaitan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks ini, mentor memainkan peranan penting bagi memastikan ketelitian yang berterusan terhadap pembangunan produk atau perkhidmatan, penjenamaan, dan pemasaran produk atau perkhidmatan menti. Mentor dan menti perlu sama-sama aktif dalam memantau dan terus peka mengenai tren industri, keperluan pelanggan, dan inovasi terkini dalam pembangunan produk atau perkhidmatan. Selain itu, mentor dan menti juga harus memahami kepentingan penjenamaan dan berusaha untuk membina imej dan identiti yang kuat bagi perniagaan mereka. Dalam aspek pemasaran, menti perlu terlibat secara proaktif dalam merancang dan melaksanakan strategi pemasaran yang efektif untuk memastikan produk atau perkhidmatan mereka dikenali dan dihargai di pasaran di bawah bimbingan mentor. Dengan kepekaan terhadap perkembangan dan strategi ini, menti akan dapat membangunkan dan mengekalkan perniagaan mereka untuk tempoh jangka panjang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv) Kotak Perancangan dan Tindakan: Memastikan Menti Sentiasa Terlibat (T)

Prinsip yang digunapakai dalam kotak perancangan dan tindakan ini adalah memastikan menti sentiasa terlibat dengan apa jua perancangan yang telah dirancang oleh mentor untuk pementoran usahawan. Penglibatan ini memerlukan situasi menang-menang iaitu mentor dan menti mesti sama-sama terlibat dengan bersungguh-sungguh. Kesungguhan daripada kedua-dua pihak ini telah membuktikan bahawa ianya adalah penting untuk proses kemenjadian usahawan di IPT. Aktiviti ini juga merujuk kepada aktiviti mengekalkan penglibatan aktif dan penyertaan syarikat permulaan dalam proses pementoran yang boleh dicapai dengan:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a) Interaksi Berjadual: Mentor perlu membina jadual pertemuan yang tetap (konsisten) dengan menti untuk membincangkan, memberi bimbingan dan mengikuti kemajuan perniagaan menti.
b) Sentiasa Memberi Respon Yang Aktif: Mentor perlu mendengar dengan teliti dan membalas persoalan, kebimbangan atau idea yang dibangkitkan oleh menti.
c) Tugasan dan Projek: Mentor perlu memberikan tugasan atau projek yang membolehkan pensyarah mengenal pasti, bagaimana menti menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang telah mereka pelajari dengan betul melalui penyertaan pertandingan mahupun *showcase* produk sehingga ke taraf antarabangsa jika mampu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi memastikan menti sentiasa terlibat dan mendapat manfaat maksimum, pengurusan yang berkualiti perlu diwujudkan melalui tindakan yang strategik dengan bimbingan dan pemantauan mentor. Aspek pengurusan ini, termasuk persekitaran yang terbuka dan sokongan yang berterusan, memastikan kecekapan dan keberkesanan dalam pengurusan perniagaan menti. Dengan sentiasa bersama dalam proses penyelesaian masalah, mentor boleh menjalin hubungan dengan menti melalui sesi pementoran dan pertukaran idea, mewujudkan persekitaran dalaman yang mana pembelajaran dan pemahaman boleh berlaku secara berterusan. Selain itu, perancangan yang teliti dan strategik perlu dijalankan untuk memastikan bahawa menti terlibat dalam setiap fasa pembangunan perniagaan mereka. Ini termasuk membantu menti menyusun matlamat yang jelas, menentukan langkah-langkah tindakan yang sesuai, dan menyediakan pelan kecemasan atau penyesuaian jika perlu. Dengan tindakan-tindakan ini, mentor dapat memainkan peranan yang efektif dalam memupuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keterlibatan dan pembangunan berterusan menti, seterusnya memberikan kesan yang positif terhadap perkembangan dan kejayaan perniagaan mereka.

Kesimpulannya, Diagram Sinergi Pementoran Keusahawanan (DSPK) merapatkan jurang kajian berkaitan definisi mentor dengan menampilkan peranan pensyarah bukan sekadar sebagai penyampai ilmu, tetapi sebagai pembimbing holistik yang menggabungkan inspirasi, minat, maklumat, dan keterlibatan (2T2M) dalam proses pementoran. DSPK menegaskan bahawa pensyarah sebagai mentor perlu melangkaui keterbatasan akademik dengan membina pengalaman, jaringan, dan strategi praktikal untuk membimbing usahawan pemula, sekaligus membezakan definisi mentor dalam konteks keusahawanan berbanding definisi umum yang sering terhad kepada hubungan bimbingan tradisional. Model ini mengisi kekosongan definisi dengan menjadikan mentor sebagai pemangkin sinergi yang berkesan antara ilmu akademik, pengalaman industri, dan nilai psikospritual untuk kelestarian perniagaan pelajar. DSPK menberi befinisi mentor yang lebih inklusif, relevan dan praktikal untuk konteks TVET PolyCC khususnya malah untuk IPT lain juga. Cadangan definisi baru mentor keusahawanan di IPT ialah pensyarah yang mempunyai pengalaman keusahawanan sama ada sedikit atau banyak, disertai kompetensi personaliti, kemahiran, pengetahuan dan nilai positif untuk membimbing usahawan pemula secara berkesan, tanpa perlu bergelar usahawan berjaya.

5.4.2 Sumbangan Praktikal

Sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuhkan ekosistem keusahawanan di institusi politeknik dan kolej komuniti, adalah penting untuk mempunyai prosedur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

operasi standard (*SOP*) yang jelas bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program pementoran dan keusahawanan. *SOP* yang disusun bukan sahaja bertujuan untuk memberikan garis panduan kepada pensyarah yang terlibat dalam pementoran usahawan, tetapi juga untuk memastikan pematuhan kepada peraturan yang berkuat kuasa serta meningkatkan kualiti bimbingan kepada usahawan pemula.

Dengan adanya *SOP* yang teratur, pensyarah di PolyCC dapat menjalankan peranan mereka sebagai mentor keusahawanan dengan lebih sistematik, berstruktur, dan berkesan. Selain itu, *SOP* ini juga memberikan peluang kepada pensyarah untuk mendapatkan pengalaman praktikal dalam bidang keusahawanan, sekali gus memperkaya ilmu dan kemahiran mereka dalam membimbing pelajar ke arah kejayaan dalam dunia perniagaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.2.1 Prosedur Operasi Standard (*SOP*) Inkubator dan Pementoran Usahawan PolyCC

Penyelidikan ini menyumbang kepada pembangunan Garis Panduan *SOP* Inkubator Keusahawanan PolyCC, yang dirangka oleh JPPKK. Pelantikan penyelidik sebagai ahli jawatankuasa penulisan *SOP* ini pada 28 Februari 2025 mengiktiraf kepentingan dapatan penyelidikan dalam memperkukuh ekosistem keusahawanan di institusi pendidikan tinggi teknikal dan vokasional (Rujuk Lampiran W).

Penyelidikan ini menekankan kompetensi pensyarah sebagai mentor keusahawanan, termasuk aspek ihsan, keterbukaan, dan bimbingan strategik, yang telah diadaptasi dalam *SOP* bagi memastikan peranan pensyarah lebih holistik. Penemuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penyelidikan ini juga menekankan keberkesanan pementoran berstruktur, yang membantu menti menghadapi cabaran perniagaan dengan lebih baik. *SOP* yang dibangunkan adalah merangkumi sistem sokongan berterusan bagi memastikan kelangsungan perniagaan pelajar daripada semasa sehingga selepas tamat pengajian.

Secara keseluruhannya, penyelidikan ini menjadi asas kukuh dalam penyediaan *SOP* Inkubator Keusahawanan PolyCC, khususnya dalam aspek pementoran, integrasi nilai Islam, dan kelestarian perniagaan, sekaligus memberi impak praktikal kepada dasar keusahawanan di institusi TVET.

5.4.2.2 Prosedur Operasi Standard (*SOP)* Kebenaran Berniaga PPPT (DH)

Mentor usahawan dalam kalangan pensyarah di PolyCC merupakan kakitangan awam yang tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam yang sedang berkuat kuasa. Oleh itu, mereka tidak dibenarkan menjalankan aktiviti perniagaan secara langsung tanpa kebenaran khas. Walau bagaimanapun, penyelidikan ini mendapati bahawa pengalaman dalam perniagaan adalah elemen penting dalam pementoran usahawan pemula, khususnya dalam kalangan pelajar PolyCC.

Sehubungan itu, penyelidik mencadangkan pembangunan Garis Panduan *SOP* Kebenaran Berniaga PPPT (DH) yang bertujuan untuk membolehkan pensyarah di PolyCC terlibat dalam aktiviti keusahawanan dalam ruang lingkup yang dibenarkan oleh peraturan sedia ada. Cadangan garis panduan ini telah disusun dengan teliti dan akan dikemukakan kepada JPPKK untuk pertimbangan dan kelulusan sebelum pelaksanaannya. Cadangan garis panduan ini boleh dirujuk kepada Lampiran X.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelaksanaan *SOP* ini diharapkan dapat memberi peluang kepada pensyarah untuk mendapatkan pengalaman praktikal dalam keusahawanan sambil mematuhi semua peraturan yang ditetapkan bagi pegawai awam. Dengan mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan, pensyarah boleh menjalankan aktiviti perniagaan secara sah dan beretika, sekaligus meningkatkan pengetahuan dan pengalaman mereka dalam dunia perniagaan.

Langkah ini bukan sahaja memberi manfaat kepada pensyarah tetapi juga kepada usahawan pemula dalam kalangan pelajar PolyCC. Dengan bimbingan berasaskan pengalaman sebenar, mentor dapat memberikan panduan yang lebih komprehensif dalam membantu pelajar menghadapi cabaran perniagaan. Selaras dengan aspirasi untuk menyediakan pementoran berkualiti tinggi, garis panduan ini diharapkan dapat menjadi landasan kukuh untuk pembangunan usahawan yang lebih berdaya saing, sambil memastikan pematuhan terhadap peraturan yang berkuat kuasa.

5.5 Kebolehpindaan Dapatan Penyelidikan

Setelah konsultansi dilakukan, didapati bahawa dapatan ini tidak boleh digunakan oleh universiti lain secara langsung. Ini disebabkan oleh beberapa faktor iaitu pertama, setiap universiti mempunyai peraturan dan dasar yang berbeza yang berkaitan dengan pementoran usahawan. Kedua, dalam sesi konsultansi ini, disebut bahawa pensyarah di universiti mungkin mempunyai pandangan dan minat yang berbeza, dan ini boleh menyebabkan konflik jika dapatan berkaitan personaliti (altruisme, *enthusiasm* dan harmonisme) untuk digunakan oleh universiti lain. Selain itu, faktor kewangan juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

disebut sebagai faktor penting, menunjukkan bahawa universiti mempunyai sasaran kewangan dalam tugasan harian mereka. Namun begitu, pakar menyatakan bahawa dapatan ini sangat sesuai dan sinonim dengan pensyarah di PolyCC secara keseluruhannya. Walaubagaimanapun, pakar menyatakan bahawa dapatan ini masih boleh dipindahkan ke IPTA/S dengan syarat perlu ada pengubahsuaian yang sesuai pada elemen dan aspek tertentu bergantung kepada IPT tersebut. Pakar menyatakan bahawa, IPT lain boleh mengadaptasi dapatan ini untuk memahami amalan terbaik dalam pementoran usahawan dan kemudian menerapkannya dalam konteks mereka sendiri.

Selain itu, IPTA lain boleh menggunakan dapatan yang diperoleh daripada penyelidikan ini untuk merancang dan melaksanakan inisiatif yang sama atau berkaitan dengan bidang pengajian mereka. Bagi dapatan yang melibatkan nilai agama, pakar menyatakan bahawa IPT lain boleh mengkaji nilai-nilai tersebut dan memutuskan bagaimana untuk mengintegrasikannya dalam program atau aktiviti pementoran mereka. Diakhirnya, pakar menyatakan bahawa IPT lain boleh menggunakan dapatan ini sebagai rujukan untuk membandingkan amalan mereka dengan amalan terbaik yang diperoleh daripada dapatan ini, dan kemudian membuat penambahbaikan di dalam sistem pementoran mereka mengikut kesesuaian.

Daripada konsultansi, dapat disimpulkan bahawa pensyarah universiti mempunyai komitmen yang lebih tinggi dalam menjalankan tanggungjawab sebagai mentor usahawan berbanding pensyarah PolyCC kerana beberapa faktor berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i) Kepentingan yang lebih besar: Pensyarah universiti mempunyai kepentingan yang lebih besar dalam melahirkan pelajar yang berfikiran bebas, berdaya saing, dan berkeupayaan untuk menjadi usahawan berjaya. Mereka melihat potensi dalam pembinaan usahawan muda yang lebih berdikari sendiri dan bukan dibimbing secara akrab dan rapat seperti yang berlaku kepada pelajar PolyCC.

ii) Fokus pada pemikiran kritis dan inovasi: Pensyarah universiti sering memberi tumpuan kepada pemupukan pemikiran kritis, inovasi, dan kebolehan untuk menyelesaikan masalah yang kompleks dalam kalangan pelajar secara sendirian dan bukan dengan bimbingan yang terlalu rapat. Mereka mendorong pelajar untuk mencari penyelesaian kreatif bagi cabaran yang dihadapi dalam bidang keusahawanan secara kendiri berbanding dengan pelajar PolyCC yang lebih memerlukan bimbingan di dalam semua aspek termasuk proses kemenjadian usahawan.

Dengan kata lain, pensyarah universiti biasanya mempunyai komitmen yang lebih tinggi untuk membentuk dan membimbing usahawan muda berbanding pensyarah politeknik kerana fokus pada penciptaan pemikiran bebas dan berdaya saing dalam kalangan pelajar universiti. Kesimpulannya, dapatan ini boleh digunakan oleh pensyarah PolyCC sepenuhnya tetapi jika ingin digunakan di IPTA/S, terdapat beberapa elemen yang perlu diubahsuai mengikut kesesuain IPTA/S tersebut terutama dalam elemen personaliti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.6 Cadangan Penyelidikan Lanjutan

Penyelidikan ini telah menyumbang kepada pemahaman yang lebih baik tentang fenomena pensyarah menjadi mentor usahawan pemula di IPT. Batasan utama dalam penyelidikan ini adalah dapatan hanya meliputi mentor yang terbaik dalam kalangan pensyarah PolyCC. Oleh itu, para responden telah dipilih berdasarkan kriteria kecemerlangan sebagai mentor usahawan di PolyCC.

Disebabkan oleh kekangan sumber responden, tiada kawalan diletakkan ke atas faktor demografi lain seperti jantina, umur, latar belakang pendidikan dan lokasi IPT selain PolyCC. Oleh itu, penyelidikan masa depan boleh memilih ciri demografi sebagai kriteria untuk pemilihan responden. Pemilihan responden untuk penyelidikan ini dilakukan di PolyCC pada tahun 2022-2024, dimana pemilihan lokasi adalah sesuai dan boleh diakses oleh penyelidik. Walau bagaimanapun, semua responden merupakan pensyarah wanita dan tiada pensyarah lelaki. Pengaruh jantina bukan menjadi tumpuan penyelidikan ini, namun pertimbangan yang teliti adalah diambil semasa mentafsir hasil penyelidikan ini untuk mengelak daripada mewakili dapatan pada jantina wanita sahaja. Penyelidikan masa depan boleh meneroka kepada pengalaman pensyarah lelaki untuk mendapat perspektif yang lebih luas mengenai pementoran usahawan di IPT.

Unit analisis penyelidikan adalah terhad kepada pensyarah PolyCC kerana ia mewakili sebahagian besar senarai akhir calon penerima Anugerah Mentor Keusahawanan Terbaik AKKPT 2021 ((KPT), 2022a), iaitu sembilan daripada 15 calon akhir. Oleh itu, satu lagi hala tuju penting untuk penyelidikan masa depan ialah untuk memanjangkan penyelidikan ini kepada IPT lain di Malaysia kerana gaya pementoran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pensyarah universiti atau IPT lain mungkin berbeza dengan gaya pementoran pensyarah PolyCC.

Penemuan baru dalam penyelidikan ini adalah tentang psikospiritual agama sebagai elemen kompetensi mentor usahawan dalam kalangan pensyarah. Dapatan ini hanya melibatkan penganut agama Islam dan tidak melibatkan agama lain. Maka, dicadangkan agar penyelidikan akan datang boleh meneroka kompetensi keagamaan ini kepada agama selain Islam. Selain itu, penyelidikan kualitatif untuk mengumpul maklum balas daripada perspektif pelajar tentang pengalaman pementoran mereka juga boleh dilaksanakan pada masa akan datang. Maklum balas ini boleh membantu pensyarah memperhalusi pendekatan pementoran mereka dan mengenal pasti elemen untuk penambahbaikan. Selain itu, menerokai hasil jangka panjang yang diterima oleh pelajar melalui proses pementoran boleh memberikan pandangan yang berharga tentang kesan berterusan pementoran dalam perjalanan keusahawanan mereka.

Kesimpulannya, penyelidikan mengenai pementoran keusahawanan dalam kalangan pensyarah IPT di Malaysia masih dalam peringkat awal. Terdapat peluang yang luas dalam aliran penyelidikan ini. Penyelidikan ini boleh menjadi pintu masuk dan boleh menyemarakkan penyelidik lain untuk mendalami topik ini dengan lebih lanjut. Secara empirikal, penyelidikan ini menunjukkan dapatan baru mengenai psikospiritual agama dalam proses pementoran dan kemampanan perniagaan usahawan pemula. Kemunculan "psikospiritual agama" sebagai amalan dan prinsip dalam pementoran menyediakan asas yang kaya untuk penerokaan teori selanjutnya. Secara teorinya, penyelidikan ini meluaskan kandungan kesusasteraan pementoran usahawan sedia ada dan menggabungkan dimensi nilai agama sebagai penggerak pementoran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang berjaya. Ia meletakkan asas untuk penyelidikan masa depan dalam meneroka elemen kerohanian (agama) yang merentasi pelbagai konteks budaya dan agama. Walau bagaimanapun, penyelidikan ini dikontekstualisasikan secara mendalam dalam kerangka nilai Islam, yang berpotensi menghadkan kebolehgunaan kepada konteks agama atau budaya lain. Walaupun tema "Psikospiritual Islam", iaitu, *ihsan*, *itqan, istiqamah* dan *taklif* menawarkan pandangan yang mendalam, namun begitu, elemen ini mungkin tidak boleh digunakan secara universal merentasi pelbagai sistem kepercayaan agama.

5.7 Kesimpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengalaman pensyarah menjadi mentor usahawan kepada pelajar merupakan satu topik yang menarik untuk dikaji melalui pendekatan fenomenologi. Pendekatan ini membolehkan penyelidik untuk menggali makna di sebalik pengalaman pensyarah dan menerangkan hakikat umum pengalaman tersebut berdasarkan perspektif pensyarah yang mengalaminya. Melalui temu bual dengan pensyarah yang mempunyai pengalaman menjadi mentor usahawan kepada pelajar, penyelidik dapat mengenal pasti pemahaman pensyarah mengenai keperluan dan cabaran yang dihadapi oleh usahawan muda, serta amalan terbaik untuk membantu pelajar mengatasi cabaran tersebut. Selain itu, penyelidik juga dapat menggali makna di sebalik pengalaman pensyarah dalam membantu pelajar mengembangkan kemahiran keusahawanan dan memperoleh kejayaan dalam bidang perniagaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kekuatan utama mentor usahawan di PolyCC ialah elemen psikospiritual Islam mereka. Cabaran yang mereka hadapi amat berat, datang daripada pelbagai arah termasuk tanggungjawab pengajaran dan pembelajaran (PDP) serta tugas-tugas pengurusan yang banyak, kritikan dan umpatan daripada rakan sekerja, dan tuntutan daripada pelajar terutamanya. Namun demikian, kehadiran unsur psikospiritual Islam yang terdiri daripada *ihsan*, *itqan, istiqamah* dan *taklif* memberikan mereka kekuatan untuk menangani tugas sebagai mentor usahawan dan pensyarah. Tanpa kehadiran kelima-lima elemen psikospiritual Islam ini, peranan sebagai mentor usahawan masih boleh dilaksanakan tetapi kemenjadian usahawan itu, mungkin rendah. Permasalahan penyelidikan ini menyatakan bahawa kekurangan mentor yang berkualiti menyebabkan ramai graduan tidak dapat memasuki pasaran kerja di mana andainya ramai graduan yang menjadi usahawan, angka ini dapat dikurangkan dan beberapa KPI JPPKK tidak tercapai. Oleh itu, perlu ada usaha untuk meningkatkan jumlah kemenjadian usahawan dalam kalangan pelajar IPT. Penyelidikan ini mengambil mentor terbaik di PolyCC yang telah membuktikan kejayaan dalam pembangunan usahawan dan prestasi perniagaan menti yang baik sebagai responden. Maka dapatan penyelidikan ini adalah boleh diguna pakai untuk perancangan pembangunan program-program keusahawanan di IPT.

Perlu diingat, bahawa mentor usahawan pemula di IPT adalah berbeza dengan mentor usahawan biasa. Mentor di IPT bukan sahaja perlu membimbing pelajar dalam hal perniagaan tetapi juga mengendalikan aspek akademik pelajar. Oleh itu, tanggungjawab pensyarah sebagai mentor usahawan adalah lebih besar, berbanding pensyarah yang bukan mentor usahawan dan mentor kepada usahawan bukan pelajar. Jika berbalik kepada persoalan, pensyarah bukanlah seorang usahawan, jadi bagaimana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

